PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI PERTAMA	**KHAMIS, 15 OGOS 2013**	**BIL. 2 TAHUN 13**

HADIR

Y.B. Speaker Dewan,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton bin Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B, Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.

Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 15 Ogos 2013 pukul 9:30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Pertama Dewan Negeri Yang Ketiga Belas.

Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membolehkan kita semua menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di hadapan Tangga Agung bangunan ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10:30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.45 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 10:15 pagi.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sukacita saya maklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat masuk sebentar lagi. Ahli-Ahli yang Berhormat Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini.

D.Y.M.M. Sultan Johor : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Segala puji bagi Allah, tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam, kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad, semulia-mulia Rasul, serta keluarga, dan para sahabatnya sekalian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, syukur saya ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapat saya hadir merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada pagi yang berbahagia ini. Saya juga mengucap syukur kerana Negeri Johor terus maju dan makmur dan rakyatnya dapat hidup bersatu padu dalam keadaan aman, damai dan sejahtera.

Persidangan kali ini merupakan Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu. Tahniah saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat sebagai wakil mereka di dalam Dewan ini. Ini juga merupakan permulaan era kepimpinan Menteri Besar Johor yang baru iaitu Yang

Amat Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin. Saya harap semua Ahli Dewan akan memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada beliau.

Suka saya ingatkan di sini kepada semua Ahli Dewan Negeri Johor supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan jujur, ikhlas dan beretika. Masa untuk kempen politik telah pun selesai. Dan, sekarang adalah masa untuk bekerja. Kepentingan rakyat hendaklah diutamakan berbanding kepentingan peribadi atau parti . Suara dan kehendak rakyat haruslah disalurkan dengan betul dan tertib. Haruslah disalurkan dengan tertib bukannya dengan cara protes yang biadab atau penganjuran demonstrasi jalanan.

Setiap Wakil Rakyat adalah pemimpin contoh yang dipandang tinggi oleh masyarakat. Jagalah tingkah laku, tutur kata dan imej sebagai seorang pemimpin yang hormati. Bersikap adil kepada semua dan kekalkan perpaduan rakyat yang sedia kukuh di Negeri Johor ini.

Saudara saudari sekalian, rakyat Johor adalah istimewa kerana semua orang Johor adalah "Bangsa Johor". Hanya yang membezakan mereka adalah asal keturunan kelahirannya. Oleh yang demikian, kita mesti melihat diri kita sebagai satu bangsa yang sama, yang hidup bersatu padu, bertolak ansur dan hormat menghormati antara satu sama lain.

Bagi mengukuhkan perpaduan masyarakat saya telah melantik Wakil Rakyat daripada masyarakat Melayu, Cina dan India untuk menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dengan cara ini, setiap keputusan yang dibuat akan mengambil kira pandangan semua pihak. Saya meletakkan harapan yang tinggi kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang baru untuk memajukan ekonomi Negeri Johor dan meningkatkan taraf hidup rakyatnya. Saya juga mahukan sebuah Kerajaan Negeri yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan bebas daripada masalah hutang.

Kerajaan juga haruslah mengkaji semula projek-projek penswastaan dan semua perjanjian yang tidak menguntungkan kerajaan. Begitu juga dengan prestasi dan kedudukan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang perlu di nilai semula supaya selaras dengan dasar kerajaan dan mengelakkan daripada kerugian serta pembaziran sumber kewangan kerajaan.

Saudara saudari sekalian, Negeri Johor telah membangun dengan pesat dan telah menarik pelaburan asing dan tempatan yang bernilai berbilion ringgit. Kerajaan juga telah membelanjakan peruntukan yang besar untuk membina kemudahan asas dan infrastruktur bagi menggalakkan pelaburan di kawasan pembangunan Iskandar dan Pengerang. Namun begitu, rakyat Johor masih merasakan pembangunan yang berlaku adalah hanya untuk orang luar mengaut keuntungan dan memiliki hartanah di Negeri Johor. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu menggubal dasar yang tegas dan seimbang untuk memastikan rakyat Johor tidak terus terpinggir dari arus pembangunan.

Kadar pelaburan yang tinggi di negeri ini sepatutnya meningkatkan taraf hidup rakyatnya dengan pekerjaan yang lebih baik dan kehidupan yang lebih selesa. Tetapi malangnya, kehidupan rakyat menjadi semakin tertekan dengan kos sara hidup yang meningkat dan harga rumah yang melambung tinggi. Oleh itu, Kerajaan perlu bertindak segera untuk membantu rakyat tempatan memiliki rumah yang sesuai dengan kemampuannya. Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Mampu Milik haruslah dibina dengan sempurna di dalam kawasan bandar yang cukup dengan kemudahan asas dan sistem pengangkutan yang baik.

Pihak pemaju juga janganlah terlalu tamak untuk mengaut keuntungan dengan meletakkan harga rumah yang terlalu tinggi, hanya untuk menarik pasaran daripada pembeli warga asing. Pihak pemaju juga disarankan supaya memberikan gaji yang lebih baik kepada pekerja tempatan untuk mengurangkan kebanjiran pekerja asing di negeri ini. Dengan cara ini, barulah rakyat tempatan dapat sama-sama merasakan kesan pembangunan yang positif dan peningkatan kualiti hidup mereka ke tahap yang lebih baik.

Saudara saudari sekalian, salah satu dasar yang diamalkan oleh Kerajaan sebelum ini adalah mengurniakan tanah kepada peneroka atau rizab hutan. Akibatnya, pencerobohan tanah berlaku secara berterusan dan dijadikan isu politik menjelang pilihan raya untuk menuntut hak milik. Saya mahu dasar ini dihentikan kerana seolah-olah memberi keistimewaan kepada penceroboh dan tidak berlaku adil kepada rakyat yang patuh kepada undang-undang. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan mestilah dilakukan oleh Pejabat Tanah dengan lebih tegas dan berkesan.

Begitu juga dengan pencerobohan tanah atau rizab kerajaan di kawasan bandar yang dibina dengan rumah kediaman atau lebih dikenali dengan kawasan setinggan. Setelah lebih 50 tahun merdeka, isu ini masih tidak dapat diselesaikan kerana kerajaan terlalu berlembut dalam mengambil tindakan.

Kawasan setinggan yang tidak teratur dan kotor menjadikannya tidak sihat untuk didiami. Saya tidak mahu melihat rakyat saya terus hidup dalam keadaan begini. Sebahagian daripada masyarakat setinggan bukanlah golongan yang benar-benar miskin kerana ada yang mampu untuk memiliki kereta tetapi mereka tidak mahu berpindah dan terus mengharapkan bantuan daripada kerajaan. Oleh itu, saya nasihatkan supaya Kerajaan mengambil langkah yang lebih tegas dan berkesan dalam menangani isu setinggan ini. Kerajaan perlu adil kepada semua pihak dengan mengambil kira kepentingan majoriti rakyat yang mengikut undang-undang dan membayar cukai kerajaan.

Saya cadangkan kepada Kerajaan supaya wujudkan penempatan baru dan membina rumah yang sesuai untuk beli atau sewa di kawasan setinggan. Setelah mereka berpindah di kawasan baru, kawasan setinggan yang lama hendaklah dirobohkan dan dibersihkan.

Saudara saudari sekalian, hal ehwal Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Di Negeri Johor, terdapat 16 Pihak Berkuasa Tempatan yang

dianggotai oleh Ahli-Ahli Majlis di dalam kawasan bandar tersebut. Saya tahu tentang cara pelantikan Ahli adalah berdasarkan kepada pencalonan daripada parti yang memerintah. Namun suka saya tegaskan bahawa calon yang hendak dicadangkan nanti mestilah seorang yang betul-betul boleh menyumbang kepada Majlis dan bukan sebab jawatan mereka di dalam parti. Mereka juga tidak boleh mempunyai kepentingan peribadi atau perniagaan dalam apa juga keputusan yang dibuat oleh Majlis.

Pihak Berkuasa Tempatan mestilah diurus telus dan cekap kerana banyak urusan dan perkhidmatan yang diberikan adalah secara langsung dengan orang ramai. Isu kebersihan, kutipan sampah, lampu jalan dan kesesakan lalu-lintas adalah masalah biasa yang mesti diberi perhatian. Pembinaan bangunan tanpa kelulusan, ubah suai bangunan yang melanggar peraturan mestilah diambil tindakan tegas demi untuk menjaga kepentingan dan keselamatan orang ramai.

Pihak Majlis juga haruslah menjaga imej dan keindahan bandar serta menyediakan tempat riadah dan kemudahan sukan untuk golongan belia dan penduduk tempatan.

Saya juga menyokong tindakan Kerajaan membatalkan lesen hiburan keluarga yang telah disalah guna menjadi pusat perjudian. Saya juga menyeru kepada Kerajaan supaya mengawal pengeluaran lesen hiburan bagi mengurangkan gejala sosial yang tidak sihat di kalangan golongan muda dan menurunkan kadar jenayah di dalam bandar.

Pihak Polis dan semua agensi penguatkuasaan, hendaklah menjalankan tanggungjawab dengan tegas dan berkesan dalam membendung kes jenayah dan menjaga ketenteraman awam. Orang ramai juga perlu memberikan maklumat untuk membantu pihak polis dalam usaha membanteras jenayah di Negeri Johor.

Saudara saudari sekalian, Negeri Johor mempunyai khazanah alam semula jadi yang amat berharga, daripada puncak Gunung Ledang hinggalah ke dasar laut Kepulauan Mersing. Namun khazanah alam ini akan terhapus jika tidak dikawal dengan baik daripada kebanjiran pelawat yang datang berkunjung.

Oleh itu, saya minta Kerajaan bersikap tegas terhadap dalam mengawal bilangan pelawat yang dibenarkan untuk memasuki kawasan Taman Negara Gunung Ledang dan Endau-Rompin. Begitu juga dengan kawasan Kepulauan Mersing yang telah diwartakan sebagai kawasan Taman Negara Johor. Bilangan pelawat dan penyelam yang datang ke Kepulauan Mersing mestilah dihadkan. Satu jawatankuasa hendaklah ditubuhkan bagi mengawal selia aktiviti laut di Kepulauan Mersing ini. Suka saya mengisytiharkan di sini bahawa kawasan Taman Negara Kepulauan Mersing akan dikenali sebagai "Taman Laut Sultan Iskandar".

Selain daripada kawasan Taman Negara, kawasan rizab hutan juga perlu dipelihara dan dikawal daripada pencerobohan dan pembalakan haram. Bagi menjaga alam semula jadi, saya mencadangkan agar Kerajaan mengkaji semula dasar pemberian kuota pembalakan. Dan, jika perlu semua aktiviti pembalakan di Negeri Johor bolehlah dihentikan terus. Kedudukan rizab Orang Asli juga perlu dikaji dari segi

kesesuaiannya. Ini kerana saya dapati ada kawasan rizab Orang Asli yang telah diteroka dan ditanam dengan tanaman kelapa sawit dan getah. Rizab Orang Asli mestilah kekal sebagai hutan untuk Orang Asli mendapatkan hasil hutan, bukan untuk tujuan pembalakan atau pertanian. Orang Asli juga tidak boleh membuat tuntutan yang bukan-bukan kepada Kerajaan atas dasar tanah saka dan sebagainya. Kerajaan telah banyak memberikan bantuan kemudahan kepada Orang Asli dan berusaha untuk mengubah nasib hidup mereka. Oleh itu, mereka juga harus bekerjasama untuk sama-sama berubah.

Saudara saudari sekalian, masyarakat Islam di negeri ini hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan kepada pegangan Ahli Sunnah-Wal-Jamaah. Fahaman dan ajaran Syiah adalah dilarang dan perlu ditolak oleh umat Islam di negeri ini. Fatwa mengenai perkara ini telah diwartakan pada tahun lalu dan umat Islam mestilah sama-sama membantu untuk membanteras dari merebaknya fahaman yang salah ini.

Suka saya ingatkan kepada Jabatan Agama Johor supaya mengukuhkan pendidikan Sekolah Agama Johor yang dahulu menjadi contoh kepada negeri lain. Guru-Guru Agama mestilah menjalankan tanggungjawab dengan betul dan mengikut garis panduan yang dibekalkan.

Saya juga ingin menegaskan kepada pihak Mahkamah Syariah Johor supaya segera menyelesaikan kes-kes Syariah yang tertunggak, kerana kegagalan menyelesaikan kes tersebut akan menimbulkan banyak masalah kepada institusi keluarga dan umat Islam di negeri ini.

Islam adalah agama rasmi di Negeri Johor, segala keputusan yang saya buat sebagai Ketua Agama tidak harus dipertikaikan. Penganut agama lain boleh mengamalkan agama mereka tetapi mestilah tahu batasan dan menghormati agama Islam. Semua rakyat diingatkan supaya tidak membangkitkan isu-isu sensitif yang berkaitan dengan agama atau kaum yang boleh menjejaskan perpaduan rakyat. Semua rakyat mestilah hidup dengan bersatu padu dan hormat-menghormati antara satu sama lain demi menjaga keamanan dan kemakmuran negeri kita. Segala masalah timbul mestilah diselesaikan dengan cara baik. Ingatlah bahawa sesungguhnya, "Muafakat Itu Berkat".

Akhir kata, dengan lafaz : Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Jurutulis : Ampun Tuanku, Mufti Kerajaan Johor mohon perkenan membaca doa.

DOA.
(Mufti Kerajaan Johor membaca doa).

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat meninggalkan Majlis ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga Isnin, 19 Ogos 2013, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEDUA	ISNIN, 19 OGOS 2013	BIL. 2 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker Dewan,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton bin Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B, Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PERMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan sesi Persidangan kali ini, sukacita saya merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah merasmikan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor pada kali ini, pada 15 Ogos 2013 yang lalu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah dengan sedihnya, saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Encik Tan Seng Toon, yang telah dipilih sebagai ADUN Kawasan Kota Tinggi mulai 25 April 1964 hingga 30 Julai 1974, telah meninggal dunia pada 18 Julai 2013 yang lalu.

Dukacita juga dimaklumkan, Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng, yang telah dipilih sebagai Ahli Parlimen Kawasan Gelang Patah selama 2 penggal mulai 2004 hingga 2008 dan 2008 hingga 2013, telah meninggal dunia pada 10 Ogos 2013 yang lalu.

Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan takziah kepada kedua-dua keluarga mendiang dan marilah kita bertafakur sebagai penghormatan terhadap khidmat mendiang semasa menjadi ADUN Kawasan Kota Tinggi dan Ahli Parlimen Gelang Patah. (Dewan bertafakur).

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Kita rasa kehilangan kepada kedua-dua tokoh kita ini, kerana kedua-dua tokoh ini telah pun berkhidmat dengan cemerlang di kawasan Kota Tinggi merangkap di Negeri Johor ini dan juga di Parlimen Gelang Patah merangkap di negara ini. Kedua-dua tokoh ini telah pun berkhidmat dengan bersungguh-sungguh dan menjadi kehilangan kepada kita. Kita berharap keluarga kedua-dua mendiang ini akan sentiasa bersabar dan dapat kiranya mereka menerima kenyataan ini dengan penuh ketabahan.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 dan 2 Tahun 2013.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2013.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2013.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 5 dan 6 Tahun 2013.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmanirrahim, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2013.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Jementah, jemput.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1.

Senaraikan 5 perkara paling utama yang diambil perhatian oleh rakyat Johor dan Daerah Segamat khususnya dalam *survey* Suarahati Johor dan menyatakan polisi dan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ekoran daripada *survey* tersebut.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, kajian Suarahati Johor merupakan usaha dan pendekatan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan maklum balas dari rakyat bagi bersama-sama merakyatkan kerajaan, memperkasakan muafakat antara kerajaan dan rakyat serta melestarikan pembangunan yang pro rakyat. Melalui kajian yang dijalankan oleh Universiti Teknologi Malaysia, Kerajaan telah mengenal pasti tumpuan atau fokus utama, kehendak dan harapan rakyat. Secara umum, 5 fokus utama tersebut ialah:-

1. Perumahan
2. Keselamatan
3. Agama
4. Infrastruktur
5. Ekonomi

Bagi daerah Segamat pula, 5 perkara utamanya ialah:-

1. Rumah Mampu Milik
2. Pendidikan Agama
3. Jenayah
4. Peluang Pekerjaan ataupun mungkin boleh dirumuskan sebagai Ekonomi
5. Kebajikan Rakyat

Bagi setiap tumpuan peringkat umum yang telah ditetapkan, Menteri Besar ataupun Ahli EXCO akan dipertanggungjawab untuk mengkaji, membangun dan merangka

polisi atau program bagi menjayakan kehendak dan harapan rakyat ini. Ini termasuk penubuhan makmal-makmal yang akan disertai oleh pemegang-pemegang taruh yang berkaitan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan, Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Datuk Speaker. Itu saya pergi bagi berbincang sikit berkenaan *survey* Suarahati, Suarahati Johor ini memang suatu idea yang bagus. Sebab kita sebagai Wakil-Wakil Rakyat nak mendengari apa kehendak rakyat kita. Tetapi kita sudah ada Dewan, Dewan Negeri ini dan kita Wakil Rakyat masing-masing mewakili kawasan tertentu dan juga kita diberikan mandat untuk menjadi suara rakyat. Sama ada, saya nak tanya adakah Kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat merancang untuk menggunakan idea seperti di Parlimen iaitu menubuhkan Jawatankuasa Terpilih untuk 2 jam tertentu, bagi contoh untuk menyiasat masalah perumahan dan sebagainya. Sebab kita Wakil Rakyat di sini adalah bersedia bekerja bersama bagi kedua-dua pihak baik Barisan atau Pakatan bagi mendengari apa kehendak rakyat Johor kita.

Y.A.B. Menteri Besar : Datuk Speaker, yang pertamanya, perlu kita tetapkan bahawa walaupun kita mempunyai Wakil Rakyat, tidak kira sama ada ianya datang daripada Kerajaan ataupun pembangkang, itu tidak bermakna bahawa Kerajaan tidak boleh mewujudkan hubungan yang terus dengan rakyat. Dan, salah satu pendekatan bagi Kerajaan ialah dengan kita melakukan *engagement* seperti ini supaya di peringkat awal penubuhan sesebuah Kerajaan kita tidak lari daripada landasan. Maka atas sebab itu, walaupun kita ada Wakil Rakyat daripada berbagai parti sama ada Kerajaan atau pembangkang kita akan terus mewujudkan hubungan dan melakukan *engagement* dengan rakyat. Kerana saya percaya walau apa pun kalau kita mempunyai hubungan yang rapat, sudah tentulah apa sahaja yang dibawa oleh kita, ia juga bertepatan dengan kehendak rakyat. Jadi, itu satu perkara yang kita ingin jelaskan walaupun kita mempunyai Dewan seperti ini tetapi itu membolehkan Kerajaan untuk mempunyai, mewujudkan hubungan yang kukuh supaya kita juga dapat terus melakukan usaha bagi kita berkongsi misi, visi dan matlamat bersama dengan rakyat. Kerana akhirnya, semua kita yang ada di sini adalah bertujuan membawa kebaikan dan kemajuan untuk rakyat.

Kedua, dari segi pendekatan, pelaksanaan, apa sahaja perkara, saya percaya kedudukan Kerajaan pada hari ini, kita berkemampuan untuk lakukan itu dan kita hanya akan melakukan sesuatu yang melibatkan semua Ahli Dewan sebagaimana jika ia itu, perkara-perkara itu memang terdapat dalam peraturan dan juga undang-undang kita.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Boleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk menjalankan *survey* tersebut? Terima kasih.

Y.A.B. Menteri Besar : Jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan bagi melaksanakan kajian ini yang bermula daripada 17 Jun 2013 hingga 24 Julai 2013, yang melibatkan sebayak 9 orang penyelidik utama, 3 orang pegawai penyelidik dan 70 orang mahasiswa adalah sebanyak RM200,000.00.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, itulah sebab kita sebut kita kena kurangkan Jawatankuasa Terpilih, itu tiada kos.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat dah menjawab pun. Jemput.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, kami memandang usaha untuk menjalankan *survey* ini satu usaha yang baik. Tapi laporan daripada *survey* ini sepatutnya dimanfaatkan semaksimum yang mungkin. Soalan saya, adakah laporan ini akan dibekalkan kepada semua ADUN dalam Dewan ini dan kedua apakah tindakan pihak Kerajaan untuk menangani masalah-masalah yang ataupun isu-isu yang telah, apa tu hasil telah didapati hasil daripada *survey* ini?

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Peraturan sepatutnya soalan tambahan tidak boleh 2, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Yalah, saya di peringkat awal ni, saya membenarkan sampai 3, kerana Yang Amat Berhormat, memberi penghormatan kepada Yang Amat Berhormat untuk menjawab eh, sebab tu saya benarkan. Jemput.

Y.A.B. Menteri Besar : Terima kasih Datuk Speaker, untuk menjawab soalan tambahan tersebut. Seperti yang telah saya berikan jawapan, saya telah menunjukkan perjalanan untuk kita menjayakan Suarahati Johor ini iaitu selepas kajian dibuat, maka kita akan membentuk Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh setiap EXCO, yang mana mereka akan menjemput pemegang-pemegang taruh untuk berbincang, mengkaji, membangun dan merangka polisi-polisi yang sesuai termasuklah pelan-pelan tindakan. Dan, kita sebenarnya dalam peringkat itu, kita akan namakan EXCO-EXCO yang akan dipertanggungjawabkan untuk mempengerusikan termasuklah Menteri Besar yang akan bertanggungjawab mengenai satu ataupun dua perkara-perkara yang sememangnya menjadi tumpuan rakyat, yang dikehendaki oleh mereka untuk diselesaikan oleh Kerajaan.

Dan, setelah itu barulah kita akan mengadakan program-program melaksanakan dasar-dasar dan juga apa sahaja pendekatan yang telah kita putuskan. Jadi, bila sampai masanya kita memang akan melancarkan dan membentangkan pelan pelaksanaan Suarahati Johor ini untuk tatapan umum. Dan, pada ketika itulah Yang Berhormat-Yang Berhormat semua akan dapat meneliti perkara-perkara yang telah diputuskan oleh Kerajaan.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Gambir, Yang Berhormat Gambir, jemput.

Y.B. Encik Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 2.

Masalah disiplin dan gengsterisme kini agak serius di sekolah-sekolah. Berapakah jumlah dan jenis kes disiplin mengikut daerah serta apakah tindakan yang diambil di dalam dan di antara agensi-agensi Kerajaan di dalam mengekang dan mengurangkan masalah ini?

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji. Suib (Bukit Naning) : Soalan nombor 3.

Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membanteras gejala sosial seperti bohsia, bohjan, dadah, merempit, pelacuran, gengsterisme, ponteng sekolah dan pembuangan bayi. Setakat manakah kerjasama polis (KDN) dan Kementerian Pelajaran dalam menangani masalah ini?

Y.B. Datuk Speaker : Soalan nombor 2.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mengatasi masalah disiplin murid, Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan satu sistem untuk memantau salah laku disiplin murid di seluruh negara. Sistem yang dinamakan Sistem Salah Laku Disiplin Murid dilaksanakan secara *online*. Jumlah semasa keseluruhan murid di Negeri Johor pada hari ini iaitu untuk sekolah menengah dan juga sekolah rendah adalah seramai 640,130 orang. Daripada jumlah itu, dan daripada Januari 2013 sehingga Julai 2013 terdapat seramai 15,710 murid yakni 2.45% telah didapati melakukan kesalahan disiplin. Kesalahan-kesalahan disiplin ini telah dikategorikan kepada 14 bentuk kesalahan disiplin iaitu :

1. Tingkah laku jenayah
2. Penyalahgunaan dadah
3. *Inherent* ataupun racun
4. Buli
5. Rokok
6. Ponteng sekolah
7. Tingkah laku lucah
8. Tingkah laku kurang sopan ataupun biadab
9. Kesalahan vandalisme
10. Tingkah laku tidak amanah
11. Kenakalan
12. Tingkah laku tidak pentingkan masa
13. Kekemasan diri
14. Penglibatan politik dan juga lain-lain yang tidak senarai dalam 13 yang di atas.

Kategori pertama kesalahan ialah tingkah laku jenayah. Untuk daerah Pontian mencatatkan jumlah tertinggi dengan melibatkan sebanyak 261 kes diikuti daerah

Kluang, 163; Johor Bahru, 163; Muar, 141; Pasir Gudang, 141; Batu Pahat, 100; Segamat, 80; Kota Tinggi, 64; Kulaijaya, 60 dan Mersing, 26.

Kategori kesalahan yang kedua ialah penyalahgunaan dadah ataupun racun. Terdapat tujuh kesalahan melibatkan tiga daerah sahaja iaitu Johor Bahru, 5; Muar, 1 dan juga Pasir Gudang, 1.

Kategori kesalahan yang ketiga ialah buli. Daerah Kluang mencatat daerah tertinggi iaitu 88 kes, diikuti daerah Muar dan Pasir Gudang, 49; Pontian dan Batu Pahat, 48; Johor Bahru, 46; Mersing, 28; Kulaijaya, 27; Segamat dan Kota Tinggi sebanyak 19.

Kategori kesalahan yang keempat ialah merokok. Daerah Kluang mencatatkan jumlah tertinggi dengan 187 kes, diikuti daerah Batu Pahat, 179; Pontian, 87; Johor Bahru, 85; Segamat, 68; Muar dan Pasir Gudang, 52; Kota Tinggi, 43; Mersing, 29 dan Kulaijaya, 28.

Kategori kesalahan yang kelima ialah ponteng sekolah. Daerah Muar dan Pasir Gudang mencatatkan jumlah tertinggi dengan masing-masing sebanyak 753 kes. Jumlah ini diikuti dengan jumlah kes di Muar, 632; Kluang, 544; Johor Bahru, 536; Segamat, 345; Pontian, 340; Kota Tinggi, 257; Kulaijaya, 144 dan Mersing, 75.

Kategori keenam kesalahan ialah tingkah laku lucah. Daerah Pontian dan Batu Pahat mencatatkan jumlah tertinggi dengan 45 kes, diikuti Kluang, 43; Muar dan Pasir Gudang, 32; Johor Bahru, 27; Kota Tinggi, 26; Kulaijaya, 11; Segamat, 9 dan Mersing, 7.

Kategori kesalahan yang ketujuh ialah tingkah laku kurang sopan ataupun biadab. Daerah Muar dan Pasir Gudang mencatatkan jumlah tertinggi dengan 385 kes, diikuti dengan Johor Bahru, 238; Kluang, 229; Pontian, 176; Batu Pahat, 157; Kota Tinggi, 134; Segamat, 131; Kulaijaya, 71 dan Mersing, 37.

Seterusnya bagi kategori kelapan kesalahan vandalisme. Daerah Muar dan Pasir Gudang mencatat jumlah kes tertinggi iaitu 72 kes, diikuti dengan Kluang, 55; Batu Pahat, 43; Pontian, 40; Johor Bahru, 29; Kota Tinggi, 26; Kulaijaya, 22; Segamat, 18 dan Mersing, 15.

Kategori kesalahan yang kesembilan ialah tingkah laku tidak amanah. Daerah Muar dan Pasir Gudang mencatat jumlah tertinggi 82 kes, Batu Pahat, 81; Kluang, 68; Kota Tinggi, 52; Pontian, 48; Johor Bahru, 48; Segamat, 22; Mersing, 18 dan Kulaijaya, 13.

Kategori kesalahan kesepuluh ialah kenakalan. Daerah Muar mencatatkan jumlah tertinggi 171, diikuti Pasir Gudang, 171 juga, Batu Pahat, 146; Kluang, 107; Johor Bahru, 104; Pontian, 85; Segamat, 73; Kota Tinggi, 57; Kulaijaya, 38 dan Mersing, 25.

Kategori kesalahan kesebelas iaitu tingkah laku tidak pentingkan masa. Daerah Kluang catatkan jumlah tertinggi 219, diikuti Kota Tinggi dan Pontian, 195; Muar, 146; Pasir Gudang, 146 juga, Batu Pahat, 125; Johor Bahru, 97; Mersing, 75; Segamat, 42 dan Kulaijaya, 36.

Kategori kesalahan kedua belas dan tentang kekemasan diri, daerah Kluang mencatatkan jumlah tertinggi dengan 321 kes, diikuti Muar dan Pasir Gudang, 297; Pontian dan Kota Tinggi, 287; Batu Pahat, 188; Johor Bahru, 94; Segamat, 83; Kulaijaya, 49 dan Mersing, 46.

Kategori kesalahan ketiga belas ialah penglibatan dalam politik. Kesalahan ini direkodkan hanya berlaku di daerah Segamat iaitu hanya tiga kes.

Akhir sekali, kesalahan yang tidak ada dalam kategori di atas, daerah Kluang mencatatkan jumlah tertinggi dengan 264 kes, diikuti dengan Muar, 247; Pasir Gudang, 247; Johor Bahru, 174; Pontian, 149; Batu Pahat, 137; Mersing, 95; Segamat, 82 dan Kulaijaya, 46; Kota Tinggi, 62.

Antara langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini, langkah-langkah pencegahan dan integrasi yang dijalankan bersama-sama dengan agensi kerajaan yang lain:

1. Program Pendidikan Pencegahan Dadah. Ada 10 program yang melibatkan Polis DiRaja Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan juga pihak Kementerian Pendidikan itu sendiri.

2. Program Sahsiah Diri Murid, ada 4 program yang juga melibatkan agensi-agensi yang saya cakapkan tadi termasuklah juga FELDA di Zon Selatan.

3. Program Kaizen daripada PDRM dan juga RELA di sekolah terpilih, iaitu di Johor kita ada sebanyak 66 buah sekolah aliran perdana dan 6 buah sekolah antarabangsa yang terlibat yang mana pihak Kementerian Pelajaran, Polis DiRaja Malaysia dan juga RELA mengadakan Program Rondaan dari semasa ke semasa daripada pukul 6.00 pagi hingga pukul 7.30 malam bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini seperti pergaduhan, penculikan dan juga kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral.

4. Program Ops Ponteng Sekolah yang juga dilakukan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah, Polis DiRaja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga PIBG termasuk NGO-NGO tertentu. Selain daripada itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga menjalankan kursus-kursus tertentu pada guru-guru yang terlibat bagi memberikan input-input bagaimana untuk mengatasi ataupun menguruskan masalah disiplin di sekolah-sekolah.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Koperasi ini telah pun menjawab merangkumi soalan daripada kawasan Gambir dan juga Bukit Naning. Jadi, saya rasa jawapannya itu telah pun menyeluruh kepada kedua-dua soalan, dalam sesi ini soalan nombor 2 dan nombor 3. Saya jemput daripada Gambir.

Y.B. Encik Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya difahamkan ada pegawai perhubungan Polis ditempatkan di sekolah-sekolah di seluruh negeri dan juga di Malaysia, bagi sekolah-sekolah yang bermasalah.

Jadi, saya nak tahu setakat ini bagaimanakah kerjasama di antara pihak Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor dapat membantu menyelesaikan masalah berkaitan dengan disiplin ini di Negeri Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Sepertimana yang saya katakan tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk sekolah-sekolah yang bermasalah di 66 buah sekolah aliran perdana dan 6 buah sekolah antarabangsa ini, pihak Polis DiRaja Malaysia bersama-sama dengan RELA dan juga beberapa NGO yang lain telah dapat membantu dari segi mengelakkan kejadian-kejadian itu berlaku, khususnya berkaitan dengan pergaduhan dan juga kegiatan tidak bermoral. Kerana, mereka berada di sekolah seawal pada jam 6.00 pagi untuk sesi pagi sehinggalah apa nama ini, selesai waktu sekolah sesi petang pada 7.30 malam.

So, setakat ini di sekolah-sekolah yang berkaitan tidak ada laporan yang mengatakan bahawa perkara-perkara itu terjadi lagi.

Y.B. Datuk Speaker : Kalau ada soalan lagi dari Bukit Naning, soalan tambahan? Kalau...

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji. Suib (Bukit Naning) : Tak ada Y.B.

Y.B. Datuk Speaker : Ada keperluan, tak ada eh? Tak ada, kita beralih kepada Yang Berhormat Tangkak, jemput.

Y.B. Encik Ee Chin Lin (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Berapakah jumlah Lesen Pusat Hiburan Keluarga yang masih aktif dan jumlah permohonan baru yang telah di lulus serta jumlah ditolak sejak tahun 2000 hingga tahun 2012 sila nyatakan menurut setiap daerah di Negeri Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Dato' Speaker. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Pusat Hiburan Keluarga lesen hiburannya dikeluarkan oleh Pejabat Daerah setelah mendapat ulasan dari agensi lain yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Suruhanjaya Tenaga. Manakala lesen premis perniagaan dan papan iklan adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam usaha membanteras kegiatan pusat hiburan bersifat perjudian di Negeri Johor, Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa bekerjasama dengan agensi lain yang berkaitan seperti Polis Johor, Pejabat Daerah, Agensi Dadah Kebangsaan dan lain dalam menjayakan operasi bersepadu yang diketuai oleh Pegawai Daerah.

Terdapat kegiatan seperti mesin judi ini yang berselindung di atas nama Pusat Hiburan Keluarga ataupun *cafe cyber*. Hasil daripada Operasi Bersepadu yang dijalankan bagi tempoh Januari hingga Julai 2012, Polis juga telah membuat sebanyak 2,615

serbuan ke atas premis yang menjalankan aktiviti mesin perjudian berkomputer di Negeri Johor. Ekoran dari serbuan yang dijalankan pihak Polis telah berjaya menangkap seramai 2,980 orang yang terlibat dalam aktiviti perjudian ini dan merampas 21,276 buah mesin perjudian. Manakala bagi tempoh Januari hingga Julai 2013, pihak Polis Johor telah membuat 3,294 serbuan ke atas premis menjalankan aktiviti mesin perjudian berkomputer. Dari serbuan yang dijalankan pihak polis telah berjaya menangkap seramai 1,351 orang yang terlibat dalam aktiviti perjudian ini dan merampas 8,812 buah mesin perjudian.

Pihak Polis juga sentiasa melakukan pemantauan berterusan dengan menjalankan risikan, serbuan dan tangkapan ke atas pelaku dalam aktiviti mesin perjudian berkomputer untuk diambil tindakan undang-undang mengikut had kuasa undang-undang yang diperuntukkan dengan mendakwa pengunjung, penganjur serta tuan premis jika terdapat kegiatan haram seperti berjudi melalui mesin perjudian berkomputer di premis hiburan. Jika dibuktikan bersalah oleh Mahkamah, pihak Polis akan mengesyorkan kepada PBT supaya menyita dan seterusnya membatalkan lesen perniagaan ke atas premis hiburan yang menjalankan kegiatan perjudian haram.

PBT juga mengenakan syarat permohonan yang ketat di mana lokasi premis hiburan keluarga ini hendaklah berada pada jarak 200 meter daripada rumah kediaman, rumah ibadat dan sekolah atau institusi pendidikan. Pengusaha juga tidak dibenarkan memasang cermin gelap pada pintu dan dinding premis. Bagi pusat hiburan yang beroperasi tanpa Lesen Premis Perniagaan, PBT akan mengambil tindakan menurunkan papan iklan, menyita mana-mana halangan di luar premis, contohnya kerusi ataupun meja, dan mengenakan kompaun di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil, Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

Y.B. Dato' Speaker, dari tahun 2002 hingga 2012, terdapat sebanyak 155 Lesen Hiburan yang masih aktif di Negeri Johor dan sebanyak 172 permohonan baru diterima. Pecahan mengikut daerah; Johor Bahru, jumlah Lesen Hiburan masih aktif 79, jumlah permohonan baru,110; Muar, 3, jumlah permohonan baru 16; Batu Pahat, jumlah lesen masih aktif 28, jumlah permohonan baru, 24; Segamat, jumlah Lesen Hiburan aktif 8, jumlah permohonan baru, 6; Kluang, jumlah Lesen Hiburan masih aktif 12, jumlah permohonan baru, tiada; Pontian, jumlah Lesen Hiburan masih aktif, 6, jumlah permohonan baru, tiada; Kota Tinggi, jumlah Lesen Hiburan masih aktif, 5, jumlah permohonan baru, 10; Mersing, jumlah Lesen Hiburan masih aktif, 3, jumlah permohonan baru, 3; Ledang, jumlah permohonan Lesen Hiburan masih aktif, 1, jumlah permohonan baru, tiada; Kulaijaya, jumlah permohonan lesen masih aktif, 10, jumlah permohonan baru, tiada.

Jadi jumlah Lesen Hiburan masih aktif adalah 155 dan jumlah permohonan baru adalah 103. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kesemua 155 lesen yang sedia ada yang masih aktif tidak akan diperbaharui sebagaimana keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 19 Jun 2013, telah bersetuju supaya Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan tidak lagi memperbaharui Lesen Pusat Hiburan Keluarga dan permohonan baru hendaklah dibekukan. Manakala Lesen-Lesen Pusat Hiburan Keluarga yang melanggar syarat hendaklah dibatalkan dan keputusan ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

Y.B. Datuk Speaker : Oleh sebab soalan ini, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangkak, bersamaan dengan Yang Berhormat Pekan Nenas jadi saya bagi peluang tambahan, soalan tambahan ini kepada Tangkak dan Pekan Nenas kalau ada Pekan Nenas ada nak membuat soalan tambahan. Tangkak ya, jemput.

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan tambahan saya, sekiranya tujuan kerajaan untuk membatalkan Lesen Premis Pusat Hiburan Keluarga adalah untuk mengawal salah guna atau mengurangkan kadar kes jenayah, apa lagi langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan ataupun unit penguat kuasa untuk mengawal dan mengurangkan kes jenayah supaya sekiranya ada yang menjalankan perniagaan atau kegiatan perjudian berkomputer ataupun mesin kuda yang haram di negeri ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang diterangkan tadi kita akan mengadakan saman dan menyita ataupun menurunkan tanda-tanda iklan kepada pihak-pihak yang terbabit.

Y.B. Datuk Speaker : Pekan Nenas ada?

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak tanya sama ada kalau didapati pusat hiburan yang menggunakan mesin berkomputer bersifat perjudian akan ditutup serta-merta jika mereka didapati bersalah menjalankan kegiatan perjudian?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang saya terangkan tadi, kita akan mengambil tindakan berdasarkan keputusan MMK seperti dalam kes perjudian haram kita akan mengambil tindakan dan pihak Polis akan mengesyorkan kepada kita, pasal ni membabitkan perundangan dan pihak Polis kena mengesyorkan kepada kita berdasarkan bukti-bukti yang disahkan dan kita akan mengenakan tindakan di bawah lesen untuk kita menutup premis perniagaan.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 6.

Minta penjelasan bilakah projek pelebaran jalan kampung di seluruh Johor dapat diselesaikan. Telah diisytiharkan semua jalan kampung di seluruh Johor akan diselesaikan dalam tempoh 3 tahun. Setakat 30 Jun 2013, berapa panjang (km) jalan kampung yang telah dilebarkan dan peruntukan yang terlibat. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme terbaru bagi mempercepatkan projek tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, Infra Desa Johor adalah agensi yang dilantik untuk menyelenggara sepanjang 5,012 kilometer jalan-jalan kampung di Negeri Johor selain

daripada Pejabat Daerah, Pejabat Pegawai Kemajuan Negeri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Pada Februari 2012, Kerajaan telah meluluskan kerja membaik pulih jalan-jalan kampung Pejabat Daerah di seluruh Negeri Johor yang berjumlah RM150 juta atau RM50 juta setahun dan disiapkan selama tiga tahun. Jumlah yang akan dilaksanakan seperti yang diarahkan melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah sepanjang 1,074 kilometer atau 10% daripada jumlah panjang jalan yang di selenggara. Kerja-kerja pelebaran termasuk di antara skop kerja membaik pulih tetapi bergantung kepada beberapa faktor seperti mempunyai rizab atau ruang untuk pelebaran, memenuhi spesifikasi teknikal serta mendapat kebenaran dari tuan tanah untuk izin lalu. Mengikut program yang diluluskan, kerja dijangka disiapkan sepenuhnya pada Januari 2015.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga Jun 2013, sepanjang 645 kilometer jalan-jalan kampung telah di baik pulih dan sebahagiannya iaitu sepanjang 323.23 kilometer jalan kampung telah dilebarkan. Kemajuan kerja adalah 62% berbanding kemajuan yang dijadualkan iaitu 40%. Ini bererti kemajuan kerja adalah ke hadapan sebanyak 22%. Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM69.77 juta. Selain keperluan teknikal, sebahagian peruntukan lebih kurang 30% juga telah diguna pakai bagi keperluan semasa yang dibangkitkan yang melibatkan Lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Program Kembara Mahkota Johor, aduan ADUN-ADUN Kawasan dan juga aduan semasa. Berdasarkan kelulusan kerajaan, pelaksanaan adalah berdasarkan kelulusan peruntukan tahunan iaitu RM50 juta setahun selama tiga tahun. Di samping itu, kemajuan kerja di tapak yang terkehadapan berbanding sebanyak 22% berbanding program kerja. Sekiranya pihak kerajaan berhasrat untuk mempercepatkan projek tersebut, sebahagian peruntukan tahun ketiga akan di bawa ke tahun kedua, di mana peruntukan kedua akan dinaikkan melebihi RM50 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu melihat kemampuan kewangan semasa bagi melaksanakan kaedah ini.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih atas jawapan daripada EXCO. Pepatah Melayu dia ada sebut, "Macam melukut di tepi gantang". Kampung ni kalau kita lihat dari segi pembangunan keseluruhan dia ibarat macam "Melukut di tepi gantang". Orang kampung ni cuma nak..

Y.B. Datuk Speaker : Peribahasa ke apa Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : 'Melukut di tepi gantang'.

Y.B. Datuk Speaker : Maksudnya?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Maksudnya, macam orang tak kisah, orang tak endahkan sangat. Di kampung inilah, Yang Berhormat Datuk Speaker merupakan penyokong kuat Barisan Nasional daripada dulu, kini dan Insya-Allah selamanya. Tapi sekadar nak dapatkan jalan kampung lebar satu meter sahaja, tiga kaki lebih, kalau menggunakan apa yang dinyatakan oleh EXCO tadi dengan peruntukan yang ada, baru dilebarkan 323 dan 4,700 kilometer jalan kampung di Johor ni akan memakan

masa beberapa tahun lagi untuk dilebarkan. Kalau menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri ataupun apa juga yang digunakan saluran kewangan, sumber dana kewangan negeri, saya rasa tak cukup untuk tiga, empat tahun ni. Saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya minta pada Kerajaan Pusat, kalau Kerajaan Pusat boleh bangun, bagi peruntukan banyak bagi di dalam Bandar, bilion buat jejantas, melebarkan jalan, buat lebuh raya, hai jalan kampung? Dan di Johor ini, penyokong kuat Barisan Nasional, menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat…

Y.B. Datuk Speaker : Ok Yang Berhormat, ok. Itu Yang Berhormat dah bersyarah tu…

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak, tak, ini nak pergi kepada soalan tambahan ni. Nak masuk ke soalan tambahan ni.

Y.B. Datuk Speaker : Soalan tambahan, soalan tambahan tu, soalan tambahan, ini dah bersyarah.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat Pengerusi..

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dia tak boleh terus masuk nanti dia kena ada bunga-bunga dulu. Jadi saya nak cadangkan supaya Kerajaan Negeri bincang Kerajaan Pusat, bawa duit daripada Pusat ke Johor ni, kalau tidak, janji ni dah diisytiharkan, soalan tambahan saya dah diisytiharkan dalam tempoh tiga tahun bahawa jalan, pelebaran jalan kampung ni akan disempurnakan.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, faham Yang Berhormat, faham, terima kasih.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ok, apa kaedah, soalannya, apa kaedah Kerajaan Negeri nak menyiapkan 4,700 dalam tempoh tiga tahun? Itu soalan tambahan saya, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Rengit. Usaha-usaha untuk menaik taraf, membaik pulih jalan-jalan kampung ini adalah usaha yang berterusan. Pendekatan yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri; pertama ialah untuk melebarkan jalan kampung di Negeri Johor ini kepada 14 kaki. Jalan kampung apabila disebut di Negeri Johor bererti 14 kaki. Walaupun peruntukan yang diturunkan bagi tujuan penyelenggaraan oleh Kerajaan Persekutuan telah menetapkan penyelenggaraan jalan-jalan kampung bererti jalan selebar 8 kaki sehingga 14 kaki. Jadi, Alhamdulillah, pihak Kerajaan Negeri akan menentukan supaya jalan-jalan kampung ini lebarnya 14 kaki. Untuk tujuan itu, usaha menambah baik pendekatan pembangunan jalan-jalan kampung seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat ADUN Rengit, spesifikasi kerja akan diselaraskan oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam pembangunan jalan kampung seperti IDJ atau Infra Desa Johor,

Pejabat-Pejabat Daerah, Kementerian Kemajuan Luar Bandar, Pejabat Pegawai Pembangunan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Spesifikasi kerja ini akan diselaraskan.

Selain daripada itu, harga bagi kerja-kerja menyelenggara juga akan diselaraskan oleh kesemua agensi-agensi yang terlibat dan yang pentingnya juga ialah kaedah pemantauan. Ini akan ditambah baik dan pihak kerajaan yakin bahawa dalam tempoh tiga tahun sebelum 2015, lebih banyak lagi jalan-jalan kampung yang akan di selenggara dengan sempurna. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Ini ada kekacauan ganggu ni, kacau ganggu. Soalan tambahan saya, kita dapat tahu yang mana Negeri Johor sahaja setakat ini dah lebih daripada 90% jalan-jalan kampung sudah dibina. Kita tahu juga KPRJ melaksanakan dengan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Johor untuk mencari dana, mencari dana untuk kita buat jalan-jalan kampung ini. Setelah siap semuanya, masalahnya adalah, satu soalan saya, penyelenggaraannya daripada Pusat ataupun Negeri Johor dan juga kenapa kualiti, kualiti kepada jalan-jalan kampung yang dahulunya dibina tidak mengikut piawaian? Minta dijelaskan.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, peruntukan *MARRIS (Malaysian Rural Road Record Information System)* dengan izin, telah menetapkan bahawa peruntukan penyelenggaraan ini adalah mengikut kepada piawaian ataupun spesifikasi kerja yang disediakan oleh Pihak Yang Berwajib seperti Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal pembangunan penyelenggaraan penambah baik jalan-jalan kampung ini adalah program khas Kerajaan Negeri di bawah Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, maka berdasarkan kepada peruntukan yang diperolehi satu spesifikasi kerja yang khas juga telah disediakan di mana spesifikasi kerja tersebut adalah memadai kepada penggunaan jalan-jalan kampung yang ada di Negeri Johor. Yang kerap berlaku ialah apabila penggunaan jalan-jalan kampung tersebut berubah daripada keadaan asalnya kepada keadaan di mana kenderaan-kenderaan yang melalui jalan-jalan tersebut telah meningkat dan ini memerlukan peningkatan penyediaan spesifikasi baru bagi menangani cabaran-cabaran ataupun bagi memenuhi keperluan pengguna-pengguna jalan tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Nusajaya jemput.

Y.B. Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Apakah perancangan Kerajaan untuk mewujudkan industri pelancongan yang terdapat di sekitar Bandar Gelang Patah seperti kawasan perkampungan, sungai-

sungai semula jadi dan persisiran pantai yang membolehkan penduduk menjana pendapatan ekonomi?

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, Nusajaya ketika ini bukan sahaja dikenali sebagai Pusat Pentadbiran Baru, Kerajaan Negeri Johor malah ianya telah terkenal dengan kepelbagaian produk-produk pelancongan bertaraf antarabangsa, berkonsepkan percutian keluarga di sekitarnya seperti Legoland, Hello Kitty, Johor Premium Outlet dan sebagainya.

Kedudukan Bandar Gelang Patah sebagai bandar yang berhampiran dengannya telah menjadikan Gelang Patah sebagai '*service town*' yang menawarkan perkhidmatan kemudahan kepada para pelancong yang berkunjung ke destinasi pelancongan tersebut.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Johor menerusi Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor akan membangunkan Bandar Gelang Patah dengan menambah dan menyediakan kemudahan-kemudahan pelancongan di sekitar Bandar Gelang Patah, terutamanya bagi kemudahan bajet hotel, tempat makan yang bersih dan tersusun, kemudahan kewangan, kesihatan dan sebagainya. Kerajaan Negeri juga dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan berkaitan seperti Pejabat Daerah Johor Bahru, Pihak Berkuasa Tempatan MPJBT, Jabatan Pelancongan Negeri Johor, IRDA dan lain-lain telah mengenal pasti beberapa buah perkampungan di sekitar Bandar Gelang Patah sebagai destinasi ekopelancongan yang akan membantu penduduk kampung untuk menjana pendapatan mereka seiring dengan pembangunan yang pesat di persekitaran mereka. Antara kampung yang telah dikenal pasti adalah seperti Kampung Sungai Melayu dan Kampung Sungai Pulai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kampung Sungai Melayu akan dikenal sebagai… dikenali sebagai destinasi ekopelancongan yang berasaskan air di Iskandar Malaysia. Keunikan kedudukan kampung yang strategik dengan keindahan alam semula jadi yang terdapat di sekitar kawasan kampung tersebut serta kegiatan ekonomi penduduknya yang puratanya nelayan dan penternak hidupan laut seperti ikan sangkar, kepah, kerang dan sebagainya telah memberikan kelebihan kepada Kampung Sungai Melayu untuk menjadi salah satu destinasi ekopelancongan berasaskan air di kawasan Iskandar Malaysia yang unik. Masyarakat kampung tersebut juga telah diberi pendedahan mengenai pasaran pelancongan berasaskan industri desa dan dilatih serta diberikan kursus-kursus pelancongan dan pembangunan modal insan bagi memastikan mereka benar-benar bersedia untuk menerima kedatangan pelancongan.

Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, MARA, IRDA dan sebagainya untuk mengadakan beberapa kursus yang bersesuaian seperti kursus '*front liners*', pembangunan modal insan, keusahawanan bagi memastikan mereka benar-benar bersedia mengikuti perkembangan pembangunan semasa dan akan memberikan mutu kualiti

perkhidmatan yang setaraf dengan kualiti produk-produk hiburan pelancongan keluarga bertaraf antarabangsa di sekitarnya.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Nusajaya.

Y.B. Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Terima kasih Datuk Speaker, cuma saya nak… saya berharap Kerajaan Negeri dan pihak IRDA untuk memberi bantuan komprehensif sebab apa…di perkampungan ini kita biasalah orang kampung, jadi dan saya dapati ini potensi yang amat tinggi untuk pelancongan iaitu pasal kebanyakan pelancongan luar negara, dia lebih berminat kepada alam semula jadi. Jadi kalau betul-betul Kerajaan betul-betul nak bantu…bantu dari segi geran, peruntukan dan pembangunan, jadi betul-betul kita jadikan satu sumber ekonomi pelancongan yang lebih baik di masa akan datanglah. Jadi, soalan saya adakah bantuan lebih komprehensif dari segi kewangan, geran dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Nusajaya. Apa yang kita Kerajaan Negeri, memang kita bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan. Kalau ada pandangan dengan idea yang bagus apa yang saya sebut tadi, memang kita bagi segala-gala bantuan kalau mereka berminat atau pun membolehkan pelancong untuk tinggal lebih jangka masa lebih panjang, lebih satu hari ke satu malam, kita juga boleh menggalakkan projek *homestay* kalau diketuai oleh ADUN tempatan ataupun dari pihak Ketua Kampung. Segala bantuan kita akan usahakan membantu kawasan perkampungan, kita membolehkan apa yang dikatakan menjana pendapatan rakyat ikut sistem pembangunan pelancongan yang berada sekarang.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput Semerah.

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya ingin bertanya adakah…

Y.B. Datuk Speaker : Tak, saya jemput yang sana bukan…

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Terima kasih Datuk Speaker. Yang Berhormat EXCO, apakah perancangan Kerajaan…

Y.B. Datuk Speaker : Saya ini…kita baru eh… belum berapa kenal tak eh? Jadi kadang-kadang '*body language*' ini pun boleh memberikan kefahamanlah ek… Tapi saya tengok tu fahamlah… Yang Berhormat itulah maksudnya. Almaklum baru ini kita belum kenal, cinta dah cinta belum kenal mesra aje (ketawa). Jemput.

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah perancangan kerajaan dalam…

Y.B. Datuk Speaker : Agaknya kalau baru inilah, kalau bangun terus kenalkan daripada kawasan mana supaya kawan-kawan yang lain pun, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain pun faham.

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Mohd. Ismail bin Roslan daripada Semerah.

Y.B. Datuk Speaker : Ya…Semerah.

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : ADUN Semerah.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, jemput Yang Berhormat.

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Soalan tambahan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah perancangan Kerajaan dalam membuat penyelarasan dan pengawalan dalam perwujudan dan pembinaan *homestay* yang begitu pesat sekarang ini oleh pihak individu ataupun swasta terutama di kawasan pinggir bandar dan luar bandar? Terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Semerah. Memang *homestay* mempunyai… di jagaan Kementerian Pelancongan dan kita memang ada garis panduan dia dan sekurang-kurangnya kalau tempat kampung yang tersebut kita mengadakan *homestay*, kita galakkan sekurang-kurangnya mempunyai 15 unit rumah kampung, boleh tubuhkan 1 *homestay* di kampung tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Datuk Speaker dari Skudai.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Tenang, jemput.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8.

Masalah jerebu yang melanda Negeri Johor baru-baru ini merupakan satu fenomena alam yang disebabkan oleh kecuaian manusia. Apakah langkah-langkah atau tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tenang. Masalah jerebu yang melanda Negeri Johor baru-baru ini disebabkan oleh pencemaran jerebu merentasi sempadan kawasan titik panas ataupun *hotspot* telah dikesan bertumpu di Sumatera Tengah, Indonesia. Negara ketika itu mengalami monsun barat daya di mana tiupan angin membawa asap jerebu dari kawasan kebakaran di Wilayah Riau, Sumatera Tengah, Indonesia ke kawasan pantai barat termasuk Negeri Johor dan terus merentasi

ke kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia. Pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mengambil langkah-langkah pencegahan dengan mempertingkatkan rondaan bagi mencegah pembakaran terbuka, hebahan melalui media massa tentang larangan semua jenis pembakaran terbuka telah dilaksanakan oleh pihak Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor pada 19 Jun 2013.

Sehubungan dengan itu, orang ramai telah dinasihatkan supaya tidak melakukan atau menyebabkan pembakaran terbuka. Mereka yang sabit kesalahan melakukan atau menyebabkan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksima sebanyak RM2,000.00 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan. Orang ramai juga telah diminta bekerjasama untuk memadamkan kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan Jabatan Alam Sekitar di talian bebas tol 1 800 88 2727. Jabatan Alam Sekitar telah mengawasi dengan rapi status kualiti udara di seluruh Negara mengikut tindakan yang digariskan dalam Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan dan mengaktifkan Pelan Tindakan Mencegah Pembakaran Terbuka. Jabatan Alam Sekitar juga telah mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan pelepasan dari industri. Orang ramai juga telah diminta mengelakkan melakukan aktiviti di luar kerana bacaan IPU yang mencapai paras tidak sihat dan paras merbahaya akan memberikan kesan kepada mereka. Mereka juga diminta supaya mengurangkan aktiviti-aktiviti luar dan juga menggunakan *mask* ataupun topeng bagi mengurangkan kesan kepada kesihatan.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Jemput Tenang.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Soalan tambahan…

Y.B. Datuk Speaker : Tenang.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Kita di Negeri Johor ini mudah menerima kesan jerebu daripada Indonesia lah. Jadi, adakah usaha ataupun satu pelan '*contingency*' yang menyeluruh di peringkat ASEAN bagi kita menghadapi situasi tersebut. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Datuk Speaker, walaupun soalan itu luar daripada soalan yang ditanya tetapi kita di peringkat negara sebenarnya mempunyai kerjasama yang erat antara Menteri-Menteri yang bertanggungjawab yang berkaitan tentang Jabatan Alam Sekitar yang telah pun membincangkan tentang perkara-perkara itu.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Datuk Speaker : Ya Skudai, apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan.

Y.B. Datuk Speaker : *You* tadi dah diberi peluang. Saya suka nak beri peluang kepada orang yang lain pulaklah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, cuma saya nak… Datuk Speaker, Peraturan Tetap Bilangan 26(5), semua Ahli diizinkan bertanyakan soalan tambahan tak kira mana-mana pihak…

Y.B. Datuk Speaker : Yalah semua Ahli memang berhaklah tetapi Speaker pun berhaklah. Saya berhaklah memilih siapa yang sepatutnya membuat soalan tambahan. Skudai saya telah pun bagi, bukan tak bagi. Jadi saya bagi juga peluang, yang lain pun Yang Berhormat ada tanggungjawab.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Datuk Speaker. Cuma saya mintakan kalau Datuk Speaker pandang ke sana dua kali, pandang ke sini sekali sahaja.

Y.B. Datuk Speaker : Saya pandang semua apa… Takkan *you* nak kawal saya punya pandangan. Saya punya pandangan, saya punya pandanganlah. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat EXCO tadi. Masalah jerebu ni bukan masalah fenomena yang tahunan Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi luar biasanya pada tahun ini ialah Daerah Muar hingga terpaksa diisytiharkan darurat ya… Jadi saya ingin tahu selain daripada faktor seberang sana, adakah faktor tempatan yang memberi sumbangan ke arah jerebu di Daerah Muar khususnya yang terpaksa diisytiharkan darurat 2, 3 hari yang menyebabkan saya kurang pasti dan saya hairan kenapa Daerah Muar dan tidak di daerah sebelah-sebelah aje? Jadi adakah faktor tempatan yang menaikkan lagi IPU di Daerah Muar sehingga sampai 7… 800 itu? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Datuk Speaker, sebenarnya bukan sahaja di Muar yang terlibat, di Segamat, di tempat-tempat lain juga terlibat dan juga mencatatkan IPU yang tinggi. Singapura di sebelah pun mencatatkan jumlah yang mungkin lebih teruk berbanding dengan Muar. Sebenarnya apabila saya dah cakap tadi bahawa puncanya adalah daripada Sumatera. Saya tahu mungkin Sungai Abong berdekatan dengan Sumatera. Jadi mungkin itu kesan yang langsung yang terlibat. Dan kita tak nafikan bahawa ianya juga disumbang oleh pembakaran-pembakaran terbuka seperti yang saya katakan tadi. Tetapi pihak Jabatan Alam Sekitar telah cuba yang terbaik bahawa ini adalah merupakan satu masalah yang merentasi sempadan. Kita tidak boleh mengenakan pasport kepada jerebu nak datang ke Malaysia ataupun ke Muar kerana ini adalah merupakan pencemaran udara. Tetapi kita cuba yang terbaik bagi pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Semarang, jemput.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 9.

Masalah lalat dari kawasan pengusaha ternakan ayam semakin serius. Apakah langkah terkini untuk membendung masalah ini dan sehingga kini berapakah pengusaha atau penternak yang dikenal pasti reban mereka menjadi punca kepada masalah ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat daripada DUN Semarang sepertimana yang kita ketahui, industri ternakan unggas telah berkembang dengan pesat di Negeri Johor. Ketika ini terdapat 821 ladang berlesen yang merangkumi pengeluaran ayam dan itik dalam jurusan pendaging dan penelur. Namun begitu, masih terdapat kelemahan khususnya di dalam amalan penternakan di dalam aspek pengurusan tinja, kawalan lalat serta pencemaran. Walau bagaimanapun, perkara-perkara ini diberi penumpuan khas oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor.

Justeru, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor telah menyediakan Pelan Imunisasi Lalat di sumber ladang unggas dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada 7 Mac 2012. Ia disusuli dengan proses dan prosedur kewangan bagi memperoleh bahan-bahan, peralatan dan logistik diperlukan. Program ini mula dilaksanakan pada awal Oktober 2012. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

1. Mengenal pasti ladang-ladang yang sering menimbulkan masalah kacau ganggu lalat, kawasan di mana ladang-ladang tersebut berada di kategori sebagai *hotspot.*

2. Menubuhkan pasukan petugas khas *(RAT Team)* yang dilengkapi dengan logistik dan peralatan pembasmi lalat.

3. Melaksanakan operasi imunisasi lalat di kawasan *hotspot* meliputi 259 ladang yakni 31.5% dari keseluruhan ladang ayam berjumlah 821 ladang. Seterusnya penguatkuasaan berasaskan kehadiran bukti pembiakan lalat di kawasan ladang. Sehingga Julai 2013, sebanyak 76 buah ladang daripada 821 ladang pengeluaran ayam dan itik yang dilesenkan telah dikenakan kompaun di bawah Seksyen 18 Enakmen Kawalan dan Perlesenan Ladang Ternakan Unggas 1997 berjumlah RM105,000.00. Selain itu, indeks lalat juga diambil bagi menentukan tahap pencemaran lalat di ladang.

Hasil operasi imunisasi lalat didapati berkesan dengan bacaan indeks lalat kurang 53 saat di ladang dan tiada aduan kacau ganggu untuk tempoh sebulan selepas operasi. Oleh itu operasi sebegini akan terus dilaksanakan supaya pihak penguasa terus mematuhi peraturan yang ditetapkan dan masalah lalat dapat diatasi sepenuhnya.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Kita tadi dimaklumkan bahawa telah diwujudkan apa yang dikatakan *RAT* ataupun *Rapid Action Team* untuk menangani masalah lalat di Negeri Johor ini. Soalan saya adalah adakah pasukan ini ditubuhkan hanya di peringkat Negeri ataupun ditubuhkan di setiap daerah-daerah untuk menangani perkara masalah lalat ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Terima kasih kepada Yang Berhormat. 11 pasukan *RAT* diwujudkan di mana 10 pasukan berahlikan anggota daerah dan penguatkuasaan serta 1 pasukan berahlikan anggota ibu pejabat dan penguatkuasaan. Namun begitu, kesemua kenderaan RAT masih diletakkan di bawah seliaan ibu pejabat kerana bekalan bahan kimia komponen utama dalam menjalankan program imunisasi lalat yang tidak mencukupi untuk diedarkan digunakan di seluruh daerah. Ini adalah disebabkan oleh kelewatan kelulusan perbelanjaan tahun bagi Vot P52/8 oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Perkara ini juga merupakan punca utama Jabatan Veterinar menjalankan program imunisasi lalat secara berjadual mengikut keseriusan tahap kacau ganggu lalat di setiap daerah.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Saya kenalkan diri dulu. Nama saya Suhaimi Salleh daripada Kukup. Soalan tambahan saya, kalau kita lihat tadi penerangan daripada Yang Berhormat EXCO ialah bagaimana kita nak menguatkuasakan selepas dah ada reban. Jadi benda ini akan berlaku kita racun lalatnya, kita buat pencegahan dan sebagainya akan berlaku balik selepas mungkin sebulan, dua bulan. Tapi yang kita fikirkan, yang kita pentingkan untuk jangka masa panjang. Jadi di sini soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, adakah di Johor ini kita telah mengkaji dan akan mencadangkan satu kaedah penternakan ayam di mana tidak akan ada langsung, saya ulangi, tidak akan ada langsung kecenderungan untuk membawa kepada pembiakan lalat di kawasan reban-reban ayam. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker, Pihak Jabatan Veterinar telah mengkategorikan ladang-ladang yang berada di Negeri Johor bagi kita memastikan ladang-ladang yang tidak dikawal selia dengan baik untuk kita tutup. Kita juga telah memastikan pembinaan ladang-ladang moden di kawasan-kawasan di dalam Negeri Johor. Bagi ladang-ladang kita kategorikan dalam 5 kategori. Bagi ladang yang gred E kita akan arahkan mereka tutup. Bagi jangka panjang kita akan memastikan setiap ladang ataupun penternak ini meningkatkan tahap ladang mereka untuk dinaikkan gred sehingga menjadi ladang moden yang seperti mana yang kita tuju ke arah ladang-ladang ternakan dalam Negeri Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian sajalah dulu soalan lisan kita pada pagi ini. Tapi, sekiranya soalan-soalan yang dikemukakan belum dijawab, saya berharap Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa yang berkenaan akan menjawab secara bertulis dan bentangkan dalam Persidangan yang ada ataupun Persidangan yang sama pada kali ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa saya telah menerima usul daripada Yang Berhormat Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan, ADUN Kawasan Parit Yaani bagi menangguhkan Mesyuarat di bawah Peraturan Tetap Bilangan 29, Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Negeri Johor mengenai isu membantah rampasan kuasa oleh tentera bagi menjatuhkan Kerajaan Mesir pimpinan Presiden Dr Muhamad Morsi yang dilantik secara sah oleh rakyat, melalui sistem demokrasi sebagaimana kenyataan yang telah diserahkan kepada saya. Setelah disemak dan diteliti saya dapati usul yang dikemukakan adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, saya menolak usul tersebut dan usul ini tidak perlu dibahaskan.

Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR .

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatuhllahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera salam 1Malaysia dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon membawa Rundingan bahawa satu Ucapan Menjunjung Kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Mulia Sultan Johor Darul Ta'zim seperti berikut: Ampun Tuanku, adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli di Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke 13.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di awal ucapan ini terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan kerana memberikan peluang dan masa kepada saya untuk membawa usul di Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 ini. Sesungguhnya Yang Berhormat Datuk Speaker, kita menjunjung kasih atas titah ucapan baginda Tuanku yang amat jelas, nyata tanpa kiasan, berterus terang, yang memberi gambaran tentang keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku tentang Kerajaan Negeri dan jajahan takluk Negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Titah yang menyentuh soal etika berpolitik hinggalah soal ekonomi, agama, hasil bumi mahupun peneroka yang kaya dan juga setinggan asli yang tidak berkemampuan, merangkumi pula daripada puncak Gunung Ledang hingga ke dasar lautan di kepulauan Mersing. Begitulah adanya titah ucapan Duli Yang Maha Mulila Tuanku yang kepada kita suatu titah ucapan seorang Sultan dan Yang DiPertuan. Saya nak kena bagi tau sekali nak tekankan Yang DiPertuan bagi

negeri dan jajahan takluknya, yang arif tentang rakyat, denyut nadi rakyat dan masalah rakyatnya serta pemimpin-pemimpin yang ada dalam negeri ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sesungguhnya kita memang wajar menjunjung kasih, kesudian Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk bukan sahaja merasmikan Dewan ini tetapi memberi Titah Ucapan yang begitu rupa yang mencakupi segala-galanya yang boleh dilihat sebagai lebih kepada *people centric* dengan izin. yang melibatkan kepada keseluruhan kehidupan dan juga maslahah dalam Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim ini dan ini sebenarnya adalah suatu kekuatan dan ini sebenarnya adalah satu kelebihan yang harus digunakan sepenuh-penuhnya kerana kepada kita, kita haruslah yakin dan kuat kerana mempunyai sokongan dan keyakinan yang begitu rupa yang telah ditunjukkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada kita semua.

Dan, pada masa ini insya-Allah tiada apa yang mustahil untuk kita lakukan. Apa sahaja yang kita rancang sudah pastinya jika ianya terbaik untuk rakyat ianya mendapat sokongan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu sendiri. Apa lagi masalahnya, Alhamdulillah, apa yang kita rancang mendapat sokongan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan, apa lagi nak dibantah? Duli Yang Maha Mulia Sultan sendiri mengikuti perkembangan dan menghayati sendiri dan memperakukan bahawa kemajuan Negeri Johor ini sedang berjalan begitu rancak dan Tuanku sendiri berbangga dengan pencapaian Negeri Johor Darul Ta'zim ini sehingga kini, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, maka jangan ada mana-mana pihak mahu pun yang besar ataupun yang kecil, yang tinggi mahupun yang rendah, yang putih mahupun yang hitam, jangan menuduh atau memperkecil titah ucapan ini, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Dan, apatah lagi jangan ada yang berani menuduh dia adalah nukilan kerajaan bagi pihak titah ucapan Duli Yang Amat Mulia Tuanku. Ini Johor Darul Ta'zim, kita ada cara kita, cara Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga tidak ketinggalan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita yang telah dilantik menjadi Menteri Besar kepada Negeri Johor Darul Ta'zim ini. Dan, alhamdulillah dalam waktu yang terdekat nanti akan sampailah hari yang ke 100 pertama kepimpinan beliau dalam Negeri Johor Darul Ta'zim ini dan kita melihat bahawa ianya lebih fokus dan kita yakin dan malahan Duli Yang Maha Mulia Sultan sendiri dalam titah ucapannya meletakkan harapan yang tinggi kepada barisan kepimpinan kerajaan negeri ini. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam konteks kepimpinan Negeri Johor ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kita yakin bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita bersama kepimpinan EXCO yang ada telah mempunyai peluang untuk melihat tentang kekurangan dan juga apa saja yang perlu diperbaiki. Dan, dengan sokongan pihak Istana dan juga rakyat jelata yang ada, saya yakin kita berada di landasan yang benar dan kita akan berada dalam keadaan yang lebih baik dalam masa yang terdekat ini. Kita nak tekankan untuk Negeri Johor ini, Negeri Johor tahu

apa yang baik untuk Negeri Johor. Orang Negeri Johor tahu apa yang baik untuk Negeri Johor.

Justeru itu, saya ingin memberi keyakinan, sokongan dan kita semua kepada kepimpinan Kerajaan Negeri kita bahawa walaupun kita ini memang ada ayah kita di peringkat Persekutuan, tetapi tidak semestinya semua yang di katakan Persekutuan itu sesuai dengan kita, kerana kita yakin, kita tahu apa yang terbaik untuk Johor adalah baik untuk Johor dan boleh dilakukan oleh Negeri Johor itu sendiri Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam urusan untuk menangani sebuah negeri yang sedang drastik maju keadaannya ini, diharapkan janganlah dipertaruhkan keamanan untuk demokrasi. Sebab itu, untuk kita melihat suasana yang ada ini berterusan, antara perkara yang kita harus sama-sama lakukan dan kita harus faham, jangan kita pertaruhkan keamanan untuk demokrasi. Dalam keterujaan kita berdemokrasi, harus ada garis sempadannya agar kemakmuran yang ada ini tidak terkorban hanya untuk demokrasi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harus menerima hakikat sedia ada, tentang realiti yang ada, keputusan yang ada sebagai ahli politik, kalau mengikutkan titah ucapan Sultan, Tuanku Sultan, kita melihatkan bahawa yang dikatakan pemimpin ini adalah kita seolah-olah kita di dalam Dewan Undangan Negeri ini. Bermakna ini adalah satu pengiktirafan bahawa peranan yang boleh dimainkan oleh ahli politik, untuk menjaga keamanan dan juga memacu kemajuan dalam negeri yang ada ini.

Justeru itu Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harus menerima realiti dalam kelantangan melaungkan idealisme kesamarataan dalam demokrasi perlu diingatkan juga tentang realiti, inti pati Perlembagaan. Kita hidup berperlembagaan, jangan lupa. Kita jangan lupa tentang kontrak-kontrak yang ada, yang menjadi landasan dan pegangan yang menghasilkan kesejahteraan rakyat yang berbilang kaum ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku pun bersyukur dengan keadaan yang kita ada ini. Saya nak menekankan perkara di perenggan kelapan muka surat 4 dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, tentang "Bangsa Johor'' hari ini temanya adalah "Bangsa Johor''. Kita adalah satu kelebihan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku menekankan tentang kita adalah mempunyai satu keistimewaan iaitu "Bangsa Johor''. Lagu kita juga adalah lagu "Bangsa Johor'', bukan lagu Sultan Johor. `Bangsa Johor'. Siapakah "Bangsa Johor''? Kita, yang memisahkan kita adalah hanya perbezaan kaum dan agama. Semua rakyat dalam Negeri Johor ini adalah ``Bangsa Johor''.

Sebab itu saya ingin mengajak semua pihak untuk sama-sama menghayati tentang perkara ini, agar kita benar-benar berbangga dengan keistimewaan orang-orang Johor dengan adanya "Bangsa Johor'' yang membezakan adalah asal keturunan kelahirannya sahaja. Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau ianya sebagai satu kelebihan, ayuh, dalam apa sahaja urusan kita, dalam Negeri Johor ini, kita harus berpegang kepada konsep "Bangsa Johor'' itu. Ini bukan bermakna kita menolak

kepada yang lain, ini bukan bermakna kita tunjukkan kehebatan kita dan berbangga keterlaluan, tetapi kita ada kelebihan iaitu atas konsep "Bangsa Johor" itu sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebab itu dalam hal ini Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam pembentukan dan penghayatan "Bangsa Johor'' ini harusnya kita jaga sama-sama. Khususnya kita dalam Dewan Undangan Negeri ini, kita ini, kerana kita harusnya menekankan soal persamaan dan bukannya menghitung perbezaan-perbezaan antara kita. Kalau kita mengira lebih banyak persamaan antara kita, yang memang pun ada, persamaan sesama bangsa, sesama agama, sesama kaum, persamaan sebagai rakyat dan "Bangsa Johor'' itu sendiri, jangan dikira soal perbezaan-perbezaan. Walaupun hanya persatuan, persamaan itu satu, kita gunakan sebaik-baik untuk kita memastikan "Bangsa Johor'' itu dapat diketengahkan dan dapat dirasai di kalangan kita, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nyatakan tadi kita banyak persamaan yang sama dari segi bangsanya, agamanya, satu bangsanya, satu negerinya, satu kampungnya, maka kita gunakanlah sebaik-baiknya. Sebab itulah dalam hal ini, diharapkan walaupun mungkin berlainan parti tetapi kita masih berkongsi nilai-nilai yang sama. Dan, inilah persamaan-persamaan yang sepatutnya kita gembleng untuk kita gunakan agar "Bangsa Johor" itu sendiri bangun cemerlang dan menjadi kebanggaan kita bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, soal `Bangsa Johor', saya ingin mencadangkan soal kebajikan rakyat ataupun "Bangsa Johor" ini terjaga lebih baik di masa-masa yang akan datang. Dalam hal ini, Yang Berhormat Datuk Speaker saya mencadangkan akan diwujudkan satu Dana Kebajikan Negeri Johor Darul Ta'zim untuk menangani masalah-masalah kekurangan, kepincangan atau ketidakmampuan rakyat Negeri Johor ini di masa-masa yang akan datang. Perkara ini pernah diketengahkan pada satu ketika yang lalu sejak tahun 90an, tetapi hari ini saya ingin membawa balik perkara ini kerana keperluan semasa Yang Berhormat Datuk Speaker. Ini adalah untuk kebajikan 3.3 juta rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim. Bila adanya Dana Kebajikan Johor ini, insya-Allah tidak ada lagi, tidak ada lagi rakyat Johor yang akan terpaksa mengadu di muka-muka akhbar untuk bantuan anggota, tukar anggota, pembedahan dan sebagainya, di masa-masa yang akan datang. Dana Johor ini sewajarnya diwujudkan dengan bantuan Kerajaan di peringkat awal, bawah satu Enakmen, kalau perlu, dan selepas itu dilibatkan seluruh kakitangan kerajaan dan rakyat jelata boleh menyumbang saban tahun.

Justeru itu, insya-Allah satu masa nanti kita akan mengurangkan 6,620 keluarga yang tidak berkemampuan ini, yang mungkin terlibat. Barang diingat, soal susah ini bukan orang susah saja yang perlu, kadangkala orang senang terus tiba-tiba jadi susah. Sebab itu saya mencadangkan pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk mengadakan Dana Kebajikan Johor ini kerana ianya juga sebagai satu penguat semangat antara `Bangsa Johor' itu sama-sama menyumbang kepada Dana ini. Kita boleh mencadangkan boleh dipotong secara automatik dengan persetujuan kakitangan kerajaan mengikut gred daripada RM0.50 sehinggalah RM2.00 setiap bulan, untuk masuk ke tabung ini, tetapi tabung Dana ini dimulakan oleh pihak

kerajaan dan juga sumbangan GLC ataupun anak-anak syarikat kerajaan dalam Negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menceritakan soal kebajikan, Kerajaan Negeri Johor saban tahun membelanjakan lebih kurang RM509,000.00 untuk memberi geran kepada NGO-NGO ataupun badan-badan sukarela dalam Negeri Johor Darul Ta'zim ini. Alhamdulillahlah bagus, tak ramai yang bagi, negeri tak banyak, negeri yang bagi, kita bagi. Tetapi malangnya, saya mencadangkan agar ianya dikaji semula, agar lebih banyak persatuan-persatuan sukarela kebajikan, yang benar-benar buat kebajikan diberi geran. Sebagai contoh, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak memberi geran kepada Briged Kebajikannya sendiri. Dalam Negeri Johor ini kita ada Briged Kebajikan. Briged Sukarelawan Kebajikan dalam Negeri Johor yang aktivis-aktivisnya ramai. Dalam Dewan Undangan Negeri saya ada tak kurang daripada 40 orang yang bergiat aktif. Mereka bukan orang senang, bergerak, pergi ke rumah-rumah, saban bulan menyampaikan cek ataupun bantuan bulanan bagi pihak Kebajikan Masyarakat. Jadi, sebagai salah satu inisiatif ataupun insentif kepada Briged Kebajikan ini, saya mencadangkan agar dilihat semula kepada persatuan-persatuan yang wajar dan layak diberi bantuan ini, Yang Berhormat Datuk Speaker. Bukan itu sahaja, jangan takut kita bagi jangan bagi sahaja, pada masa yang sama kita mintak laporan. Pada mereka yang tak ada mesyuarat, yang tak ada buat laporan, jangan bagi lagi. Tetapi jangan sampai tak bagi langsung, bagi dulu. Syarat kan, apa yang perlu dibagi. Barulah kita melihat `Bangsa Johor' itu bergerak daripada ke akar umbi hinggalah ke atas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa yang sama juga Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ingin Kerajaan Negeri menekankan soal penghayatan pekerja-pekerja sosial, perkhidmatan sosial. Ini penting Yang Berhormat Datuk Speaker, kita perlu bercakap tentang soal "Bangsa Johor". Jangan sampai ada orang yang susah, lambat untuk ditangani. Jangan hanya berharap kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun Wakil Rakyat semata-mata. Rumah terbakar, api belum padam, kita dan sampai, insya-Allah. Kalau tak dapat api pun, dapat asapnya, masih ada. Tetapi, pada masa yang sama kita juga mengharap, bantuan yang wajar daripada kerajaan juga cepat adanya. Sebab itu penghayatan ini penting. Apatah lagi kakitangan-kakitangan yang berada dalam lingkungan ataupun Jabatan yang sebagai pemberi khidmat masyarakat ini kerana mahu tidak mahu, suka tidak suka, mereka adalah imej pada kerajaan itu sendiri. Kalau bantuan cepat sampai, masalah segera ditangani, maka akan dilihat kerajaan itu efisien, dan pada yang sama keprihatinan `Bangsa Johor' itu dapat dirasai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, justeru itu, saya minta secara serius, siapa dia pemberi-pemberi khidmat sosial dalam masyarakat kita ini? Kebajikan Masyarakat, Baitulmal dan yang lain-lain yang terlibat yang sewaktu dengannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya soal `Bangsa Johor'. Saya ingin menekankan tentang pembugaran sejarah dalam Negeri Johor Darul Ta'zim. Kita hebat dengan sejarah kita. Kita adalah antara negeri-negeri yang tamadunnya lebih awal daripada yang lain. *Civilizationnya*, dengan izin, tamadunnya, belum orang lain ada Perlembagaan, kita dah ada Perlembagaan dah. Malaysia belum ada, kita dah

ada dah. Ini satu kelebihan kita. Dan bercerita kalau `Bangsa Johor' kita hebat dengan `Bangsa Johor' kalau kita tak tahu sejarah kita, maka itu adalah satu kepincangan. Justeru itu, kepada sesetengah pihak yang selalu terlalu teruja untuk mengetahui segala-galanya tentang hak dan peraturan, saya mencadangkan mereka juga harus belajar tentang sejarah Negeri Johor ini agar mereka faham kenapa mereka harus berbangga dengan Negeri Johor Darul Ta'zim ini. (Dewan bertepuk) Jangan belajar yang lain, yang asas ini pun kena tahu juga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, soal pembugaran sejarah ini, kita tahu, tak ramai orang yang tahu bahawa ibu Negeri Johor ini dah berpindah 20 kali. Sampailah sekarang ke Nusajaya ni. Johor yang telah ditemui 1865, sikit aja tu. Besok boleh cari buku-buku yang ditulis oleh pihak UTM yang dijual dekat lapangan terbang, boleh beli, supaya mereka lebih faham.

Yang Berhormat Datuk Speaker, soal pendidikan sejarah saya nyatakan tadi. Yang Keduanya, kita harus mempertahankan bangunan-bangunan bersejarah dalam Negeri Johor ini, kita harus tahankan. Dalam pada kita memodenkan tak kiralah, *Central Business District*, dengan izin ke, apa ke, kita harus mempertahankan nilai-nilai sejarah yang ada dalam Negeri Johor. Saya masih teringat apa yang selalu ditekankan oleh Yang Berhormat Speaker, jangan pandai nak roboh aje, jangan pandai nak merobohkan aje. Tapi harus tahu menjaga apa yang ada kerana itu akan memberikan nostalgia dan mengingatkan kita tentang sejarah yang lalu.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, Yayasan Warisan Johor memainkan peranan yang besar. Yayasan Warisan Johor ini cuma ada dekat Johor Bahru aje. Dia tak ada di daerah-daerah, justeru itu untuk mempertahankan perkara-perkara yang berhubung kait dengan sejarah ini, sudah pasti ia memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak. Pertama, daripada pihak swasta. Yang Kedua, daripada pihak PBT-PBT ataupun Kerajaan Tempatan yang ada dan pada masa yang sama ianya juga harus ada iltizam daripada Kerajaan untuk memastikan polisi dipertahankan dan dilaksanakan.

Dan pada masa yang sama juga Yang Berhormat Datuk Speaker, kita boleh jadikannya sebagai salah satu tarikan pelancongan, ayuh kita tekankan. Contohnya, kalau di Kota Tinggi kita boleh nyatakan dia sebagai apa yang dikatakan Bandar Pelancongan Bersejarah misalan, dengan pelbagai sejarah yang ada di Kota Tingginya. Kalau di Batu Pahatnya kita boleh namakan dia sebagai Bandar Permulaan Berpuncanya Gerakan Kemerdekaan. Mesti ada mercu tandanya. Ini harus dilakukan dan untuk membantu dalam hal ini kalau tidak dapat dilaksanakan semua daerah, saya mencadangkan di tempat-tempat daerah-daerah yang ada diwujudkan satu unit muzium-muzium di daerah-daerah ini. Dengan kekuatan yang disampaikan oleh pihak Yayasan Warisan Johor tak dapat satu *branch*, dapat muzium pun wujud dalam daerah sekurang-kurangnya ada kakitangan daripada Yayasan Warisan di daerah-daerah yang mempunyai nilai sejarah di masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu, kita boleh menggunakan persatuan-persatuan sejarah dalam daerah-daerah ini agar mereka dapat bersama-sama terlibat sama dalam melaksanakan apa yang kita rancang ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jangan cuba nak ubah sejarah, jangan cuba nak ubah sejarah. Kalau ada di kalangan kita begitu teruja untuk mengetahui tentang hal-hal yang lain, sewajarnya juga kita mendalami tentang sejarah ini. Sejarah kita jadikan kompas untuk kita bergerak dan pada masa yang sama lebih buruk lagi ada orang, jangan sampai ada pihak yang menidakkan tentang sejarah yang ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan tahniah, saya bagi pihak Ahli Dewan Undangan Negeri yang ada ini, ingin merakam setinggi-tinggi tahniah di atas tindakan segera pihak Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor Darul Ta'zim dan PDRM yang menangani masalah ataupun krisis apa yang dikatakan penyalahgunaan surau di DUN Sedili, Kota Tinggi ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, tahniah kepada pihak berwajib khususnya Jabatan Agama, Majlis Agama Islam Negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Saya nyatakan ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana ini menggambarkan iltizam kerajaan yang serius dalam usaha menjaga kesucian Islam dan juga agama-agama dalam Negeri Johor Darul Ta'zim ini. Ini penting, walaupun nampaknya *simple* tak kiralah pada siapa, kalau salah, salah. Tak kiralah dia siapa, kalah salah tetap salah, ambil tindakan kerana kita telah ada peruntukan-peruntukan untuk mengambil tindakan gunakan sebaik-baiknya. Harus kita ingat, jangan dilihat itu sebagai perkara remeh. Saya nak maklumkan, ini adalah ciri-ciri pluralisme yang cuba dibawa oleh setengah-setengah pemimpin dalam Negara Malaysia ini Yang Berhormat Datuk Speaker, jangan main-main. Ini baru sedikit, ini semua menunjukkan dia punya liberalnya mereka, liberalismenya yang boleh membawa kebobrokan dalam masyarakat, tak boleh dibiarkan. Begitu juga dengan perkara-perkara Syiah kita ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor dalam pada setengah-setengah Negeri lain baru nak mewartakan soal fatwa Syiah ini, pasal berkenaan dengan Syiah, Negeri Johor telah mewartakan lebih awal. Tahniah kepada Negeri Johor Darul Ta'zim, tahniah. (Dewan bertepuk).

Ya, kita telah sejak awal tahun 2012 lagi, tahniah. Alhamdulillah, kita Alhamdulillah, syukur Alhamdulillah kita orang-orang Islam lahir di Malaysia kerana di Malaysia ini kita lahir di Malaysia bawah Sunnah Wal Jamaah. Tetapi kita berhadapan juga dengan cabaran-cabaran yang baru sekarang ini, soal Syiah. Soal Syiah ini bukan sekadar cabaran kepada agama semata-mata tetapi ia juga adalah cabaran kepada Negara kerana fahaman itu, masalahnya sekarang ini, Syiah ini semua tak ramai orang yang 100% Syiah. Dia buat sembunyi-sembunyi, yang sedap aje dia ambil. Kes mutaahnya, sedap, dia pakai. Soal cerita jamaknya, bukan jimaknya, jamaknya.

Y.B. Datuk Speaker : Apa Yang Berhormat, apa? Yang jimak..

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Jamak. Sembahyang jamak aje, pendek-pendek aje, yang sedap-sedap aje, Datuk Speaker. Ini masalahnya, tetapi kita dah ada undang-undang yang saya nak tekankan kat sini, saya tak perlu menceritakan apa itu, jenis yang berbanyak jenis ini. Jenis Syiah ini. Yang ada imam dua belaslah, ada yang Thoiibi Bokhralah, Islamiah Aghlakhanlah, kan? Tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, yang paling penting sekarang ini kita mahu mempromosikan

penyelewengan Syiah dalam Negeri. Kerana saya nyatakan tadi, ada setengah-setengahnya memang cantik, ok, tak ada masalah tetapi di sebaliknya ada perkara-perkara penyelewengan yang mereka lakukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, justeru itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, kita minta Kerajaan Negeri Johor tak payah tunggu, kita tunjukkan apakah penyelewengan-penyelewengan ini kerana bukan ini, bukan soal saya nyatakan, bukan soal orang Islam, orang Melayu semata-mata, tetapi fahaman tentang imam-imam yang akhirnya membawa soal politik. Kena ingat apa yang berlaku, yang sedang berlaku di Syria, apa yang berlaku di Iran. Waima di Mesir itu sendiri pun ada bau-bau tentang Syiah dan juga Sunnah Wal Jamaah itu sendiri dan ini adalah contoh-contoh yang sewajarnya. Kita lihat, sebab itu, pada mereka yang terlalu ghairah tentang perkara ini sewajarnya kita memberi peringatan dan saya minta bagi pihak Kerajaan Negeri Johor melihat perkara ini dan mengambil tindakan proaktif untuk memastikan Sunnah Wal Jamaah terus menjadi pegangan kita dalam Negeri Johor dan Malaysia adanya, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam mempromosikan dan memperhebatkan lagi konsep Bangsa Johor ini Yang Berhormat Datuk Speaker, ayuh kita tanamkan nilai-nilai kehidupan yang baik. Konsep hormat-menghormati antara sesama kita, kita baru-baru ini didedahkan dengan perkara-perkara provokasi-provokasi, baik dalam media sosial, baik kepada orang Cina, kepada bukan orang Melayu, kepada orang Melayu, kepada orang bukan Islam, kepada orang Islam, kepada orang bukan Islam, sewajarnya kita sama-sama menghormati antara satu sama yang lain. Memang betul, ada setengah pihak memang suka masalah, kalau tak ada masalah dia tak jadi macam hero. Jangan sampai masalah itu akan bakar diri mereka Yang Berhormat Datuk Speaker.

Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, kita berharap, kita berharap perkataan ataupun saling hormat-menghormati ini akan berterusan antara sama kita, sesama kita. Jaga hati, toleransi, ada hadnya, nak berdemokrasi, ayuh kita praktis kan demokrasi sepenuhnya. Tetapi harus kena ingat, dalam demokrasi, yang ramai, yang menang akan memimpin yang kalah, yang kalah mengikut yang menang. Ini realitinya, dah habis, habis. Jangan di panjang-panjangkan dan pada masa yang sama dalam kita berdemokrasi, jangan pula kita menidakkan yang benar, mengiakan yang salah, kalau itu diteruskan, kita sama-sama tunggu, tak lama tak, tak lama, tak lama. Sekarang pun dah banyak tembelang-tembelang terbuka. Sebab itu, dari peringkat awal ini saya menyatakan tak payahlah nak beretorik, kita sama-sama berlawan untuk memberi khidmat yang terbaik pada rakyat dalam Negeri Johor Darul Ta'zim ini dan jangan banyak bermuslihat kerana akhirnya muslihat itu akan tembelangnya akan ternampak juga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam konsep Bangsa Johor untuk kelebihan Bangsa Johor ini juga Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menekankan tentang kesamarataan dalam soal pembangunan dalam Negeri Johor. Kita ada RAPID di Kota Tinggi, kita ada ECER di Mersing, kita ada IRDA di Selatan, kita mengharapkan pembangunan-pembangunan sosial institusi-institusi awam bolehlah dihantar kepada daerah-daerah yang lain agar pertumbuhannya melata. Untuk Ayer Hitam, saya tak

mengharapkan ada *supermarket* AEON yang besar di Ayer Hitam, tak perlu. Kita Ayer Hitam mengharapkan kalau adalah institusi-institusi pendidikan ataupun awam sebagai penjana ekonomi baru. Di pekan kecil seperti Ayer Hitam yang duduknya di tengah Negeri Johor Darul Ta'zim itu. Jadi, bukan sekadar kita mendapat limpahan tetapi kita duduk bawah cucur atap yang ada, insya-Allah, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Dato' Seri Menteri Besar yang ada, yang telah memberi, membuat cadangan untuk mengadakan kadar harta, cukai harta yang baru kepada warga dalam Negeri Johor Darul Ta'zim. Tahniah. Jangan ada pula yang komen, jangan ada pula yang bantah kerana kita tahu, tambahan peruntukan dan juga *income* ataupun dapatan akan diberikan balik kepada rakyat jelata. Sekadar saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Johor mempertimbangkan untuk melihat kepada lebih 200,000 kenderaan yang keluar masuk daripada negara jiran ke Negeri Johor Darul Ta'zim ini kenapa tidak kita kenakan cukai ataupun levi kepada mereka setiap kali masuk dalam Negeri Johor Darul Ta'zim ini. (Dewan bertepuk) Kalau ini dapat, Yang Berhormat Datuk Speaker, tak ada bendanya pun, tak ada rasanya apa-apa, basuh kereta dekat sini cuma RM7.00 aje, RM7.00 cuma RM2.00 lebih aje, 2.00 dolar aje. Tak ada masalah, yang kita takut sangat pula kalau orang tak datang kampung kita ke, negeri kita ini apasal? Mereka datang punya, datang punya, mak mertua dia dekat sini, mak mertua dia, kakak iparnya, duainya, apa mendanya semua kat sini. Jangan takut, dia datang. Belum *boyfriend*nya lagi.

Y.B. Datuk Speaker : Bini muda dia pun ada sini.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Ha, bini mudanya lagi, yang muda-muda lagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, tak apalah Yang Berhormat Datuk Speaker, asalkan kita ada hasil.

Y.B. Datuk Speaker : Biarkan dia datang sini.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Maka, tidak zalim, tidak zalim dan tidak berat sekurang-kurangnya itu sebagai pendapatan tambahan untuk Negeri Johor Darul Ta'zim ini, untuk bangsa Johor negeri kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam soal ekonomi, Yang Berhormat Datuk Speaker. Alhamdulillah, Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri memperakukan tentang kehebatan kita. Berbilion-bilion kita dah bawa dah. Alhamdulillah.

Saya sekadar untuk menekankan kepada GLC atau anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim ini. Dalam era yang ada ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, (Dewan bertepuk tangan) tak ada kompromi. Kita nak kan keputusan dan juga hasil daripada semua syarikat-syarikat anak syarikat Negeri Johor Darul Ta'zim ini. Ini kita nak tekan, dan saya percaya Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak kepimpinan kita telah melihat tentang perkara ini. Kita harus ingat, kerana kita pun telah memberi kelebihan, betul, ada kerja ada gaji, gaji sikit kerja sikit. Kita kasi dia gaji besar, bukan kerana

untuk sekadar untuk gajinya dan kerjanya banyak tetapi tanggungjawab, amanahnya lebih besar.

Sebab itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya berharap syarikat-syarikat Kerajaan ini, kita tengok cara *detail* lepas ini Yang Berhormat Datuk Speaker. Mana yang *perform*, mana yang boleh bergerak dan juga membawa keuntungan teruskan, jangan sekadar nikmat didapati oleh pihak pentadbirnya sahaja dan saya harap kalau kita menjadi sebagai *partner* kita, jangan *partner* yang pasif, jangan hanya mengharap kepada *one off* ataupun satu-satu projek yang sekali jalan habis. Kita mesti menekankan kepada projek-projek yang ada *recurring income* ataupun dalam erti kata yang lain pendapatan yang berterusan, kalau boleh selagi ada bulan dan bintang, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Ini di, kerana Johor ini penuh dengan sumber segalanya semua kita ada kita ada laut, kita ada sungai, kita ada balak, kita ada bijih, kita ada pasir, kita ada batu, minyak pun Insya-Allah ada, Insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebab itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau KPRJ kita ada KPRJ, dulu KPRJ, KPRJ jangan nak buat jalan aje. Dah, tak payah, jalan kampung dah selesai dah, Insya-Allah, dah besarkan tadi, Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk EXCO pun dah terangkan dah,kita kena melihat kepada bidang-bidang yang lain. Untuk memajukan soal *agro-tourism*, pelancongan yang ada banyak di Kota Tinggi, yang ada banyak di Pontian, yang ada banyak di Johor Bahru, beri mereka peluang dan kita yakin kepimpinan yang baru ini adalah seperti kepala kereta api yang berteknologi tinggi, kereta api ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kereta api yang lama dulu pakai arang, bakar arang tak ada stim tak boleh jalan. Semua kekuatan hanyalah terletak kepada kepala kereta api, kalau kereta api kepala kereta api kuat ditariknyalah kuat kalau lembap, lembaplah. Sekarang ini, caranya kita kena macam *back leaf* macam dekat kereta api kat Perancis kat Jepun, *bullet train*, laju, yang kekuatannya bukan sekadar kepada kepalanya tetapi dibahagikan kepada setiap gerabak dan roda-rodanya yang memacu untuk bergerak lebih laju ke hadapan, agar waktu sampainya tepat masanya, keadaan duduknya lebih selesa dan kita lebih selamat. Ini dia, analoginya, sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, kita mengharapkan kepimpinan GLC-GLC ni, ada roh, roh, roh, roh, roh. Roh perjuangan yang tersurat dan tersirat, faham kena faham, menjiwai perkara ini sebagai penting dan melihat sebagai ini adalah amanah, khalifatul malek. Dia bukannya, ini bukan harta dia, harta Allah SWT, kita ni hanya diberi amanah untuk mentadbir oleh Allah SWT ni. Ada roh, jangan hanya glamor sahaja.

Dalam masa yang sama, Negeri Johor jangan terlalu liberal, kita ni memang selama ni kita membuka kepada semua pihak untuk melabur dalam Negeri Johor ni, hey, cukup. Bukan kita pun tak pandai juga, boleh. Kita harus melihat apa yang kita akan dapat, kita harus lihat, tak apa pelan-pelan sikit tak apa jangan laju sangat nanti lebih lajak daripada lajunya. Kalau cepat tapi kita tak dapat apa-apa, nak buat apa. Biar lambat tapi selamat, semua dapat dan kita pastikan mesti ada *stake* ataupun saham Kerajaan Negeri dalam setiap pembangunan yang berkaitan dalam Negeri Johor

Darul Ta'zim ini. Tapi jangan cakap tak serupa bikin, buat dan buktikan, kita mahu ianya dilihat, dapat dilihat dan dirasai oleh bangsa Johor itu sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, JCorp, kita berbangga dengan JCorp, ayuh, kita teruskan dia sebagai satu entiti satu organisasi pemegang amanah kepada bangsa, bangsa Johor dalam Negeri Johor ini, Yang Berhormat Datuk Speaker. Sekarang pun, kita berbangga dengannya dan tetapi pada masa yang sama JCorp pun kena tahu, JCorp yang ada sekarang itu bukannya datang tiba-tiba daripada langit tetapi ia juga ada datang daripada bantuan Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim itu sendiri.

Justeru itu, kita mahu melihat sumbangan balik kepada Kerajaan Negeri Johor, tak kiralah daripada mana baik dalam kumpulannya mahupun syarikat-syarikatnya. Kita mahu lihat, kita nak lihat kita berbangga dengan mereka dan mereka juga harus menghargai keyakinan dan bantuan kita ini. Kita mahu jadikan JCorp sebagai itik bertelur emas yang terus bertelur, bertelur, bertelur semakin banyak, yang umurnya panjang dan telurnya tambah banyak, jangan pula ada pihak kerana ia nya itik bertelur emas mereka terus menyeluk dalam perut itik yang ada. Jangan sampai itik ini akan mati dan kalau hidup tidak bertelur di masa yang akan datang. Ini dia, jangan ada yang mengacau kerana ini adalah amanah bangsa Johor, jangan nak mengacau, kena laknat sapa yang kacau ni. Sebab itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam hal ini, ayuh, kita harapkan ia nya akan dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalaulah persepsi tentang rasuah, saya nak mencadangkan GLC-GLC dan juga badan Kerajaan yang ada ni buat program ikrar integriti korporat dengan SPRM, lebih banyak lagi bagus. Apa yang dikatakan ikrar integriti korporat kepada GLC-GLC ataupun badan-badan Kerajaan yang ada ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk membangunkan Negeri Johor dan bangsa Negeri Johor ini tidak ketinggalan adalah pentadbir-pentadbir Negeri dan Daerah. Yang Berhormat Datuk Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku menekankan soal kepimpinan peringkat Negeri, *political coherence* ataupun iltizam politiknya, tetapi ia nya juga harus disambut dengan yang baik di peringkat daerah. Kita ada wakil Kerajaan Negeri di peringkat daerah, Pegawai-pegawai Daerah, ayuh, kita perkasa kan mereka Yang Berhormat Datuk Speaker dan kita percaya mereka adalah seperti sebuah organisasi macam sebuah negeri juga yang bawahnya ada jabatan-jabatan mentadbir dalam daerahnya. Kita mahu Pegawai-pegawai Daerah kita, ketua-ketua daerah ini mempunyai kekuatan yang benar-benar kuat, yang punyai kredibiliti, keyakinan untuk mentadbir daerah.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Semarang, sila gulung, ada 5 minit lagi.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Alamak.

Y.B. Datuk Speaker : Teruskan.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, dipendekkan, kita bantu mereka Yang Berhormat Datuk Speaker, daerah-daerah sebagai contoh tabung bencana. Tabung Bencana bukan soal kebajikan

masyarakat, Majlis Agama Islam menolong fakir rakyat semata-mata sepatutnya setiap daerah dah ada tabung bencana ini agar ia nya sentiasa berisi untuk digunakan kepentingan bersama oleh bangsa Johor di peringkat daerah dan pada masa yang sama berhadapan dengan cabaran dan juga perkembangan semasa Yang Berhormat Datuk Speaker.

Kita gunakan konsep *sharpening the saw* ataupun menajamkan mata gergaji daripada masa ke semasa. Dalam erti kata yang lain *trainee*, kursus untuk menambahkan skil kerana Negeri Johor berhadapan dengan cabaran untuk kemajuan yang lebih pesat dan mereka perlu bersiap siaga, *confident* dan pada masa yang sama semuanya mestilah *synchronize* sama daripada atas ke bawah. Apa yang diputuskan di atas difahami di bawah dan dilaksanakan ke bawah agar ia nya dapat nikmat yang bersama lebih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa yang sama, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak tekankan ada satu perkara ni yang lebih penting, soal tenaga kerja mahir Yang Berhormat Datuk Speaker, ini penting Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ni berhadapan dengan kemajuan yang ada ni, di RAPID nya, di IRDA nya. Kita untuk 2020 kita *target* mesti ada 50% tenaga mahir dalam Malaysia. Saya tanya, cuba tanya dekat Negeri Johor ni, saya tak dapat jawapan yang tepat tetapi sekadar ini Yang Berhormat Datuk Speaker, cuma kita dapa capai 28% untuk menjadi sebuah negara yang maju sekurang-kurangnya kita mesti ada 50%. Di seberang ada 50, di seberang dia ada 52.8%, kalau di Finland lebih kurang 44%, barulah kita boleh pergi maju. Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, dipendekkan pula Yang Berhormat Datuk Speaker, 2015 ni kita *target* cuma 35%. Bagaimana nak capai 50% ni, jadi saya harapkan pihak Kerajaan menekankan soal *descrimination of information* ataupun mempromosikan dengan apa cara sekalipun jangan sekadar masuk surat khabar sekali kalau perlu iklankan, *billboard* kita gunakan untuk mereka masuk ke institusi-institusi kemahiran yang ada dalam Negeri Johor ataupun dalam Malaysia ini. Agar lebih banyak lagi tenaga mahir dalam negeri kita ini agar kita dapat yang lebih penting menjana KDNK yang bertambah di masa datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mengambil kesempatan ini Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan menekankan soal pembangunan tanah-tanah terbiar. Dalam Negeri Johor ini ada 5,884 hektar tanah terbiar. Apa itu tanah terbiar? Tanah terbiar itu adalah kawasan yang keluasannya tidak kurang daripada 0.4 hektar sama ada sawah ataupun bukan, yang tidak dipakai, yang tidak digunakan sepanjang lima, tiga tahun dan berpotensi untuk dimajukan. Kita ada senarainya, kita hendak minta. Banyak sekarang ini tanah kosong yang tidak gunakan. Jadi kita minta agar maklumat ini disampaikan ke bawah agar pihak pertanian, petani-petani akan dapatkan maklumat dan menggunakan tanah-tanah yang terbiar ini. Kerana saya dimaklumkan salah satu faktor kekurangan pengeluaran buah-buah dalam Negeri Johor ini seperti nanas dan sebagainya adalah kerana kekurangan mengecutnya *acres* ataupun keluasan tanah untuk dimajukan Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam pada masa yang sama juga Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa soal berkenaan dengan soal SRAB ini, sekolah SRAB. Ia Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah

Rendah Agama Bersepadu. Ada 8 buah sekolah dalam Negeri Johor ini Yang Berhormat Datuk Speaker, yang telah pun di serahkan kepada pihak Persekutuan dan melibatkan lebih kurang 3,000 orang pelajar. Masalahnya tidak besar, sekadar kebajikan Guru Besar-Guru Besar mereka. Guru Besar mereka dimaklumkan mereka bawah Gred 32, saya pun tidak faham sangat 32 tetapi yang jelas dia tu bawah Gred 32, tetapi dan mereka mengharapkan atas tanggungjawab yang ada dinaikkan untuk Gred 34 seperti Guru Besar-Guru Besar yang lain. Kita berbangga kerana Kerajaan Negeri Johor telah mendahului sekolah SRAB ini, SRAB ini bukan SKRAB ya, SRAB ini dan kita harapkan ianya juga memberi manfaat kepada Negeri Johor dan warga Johor keseluruhannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya di penghujung ini saya ingin ucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Datuk Speaker yang telah memberikan kesempatan kepada saya dan kita berharapkan dari sesi yang ada ini Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk penggal yang ada ini, ayuh kita bertekad sama-sama bergerak, pembangkang bukan sekadar untuk membangkang, tetapi sama-sama membangun negeri, dan pada masa yang sama kurangkan provokasi-provokasi kerana kita takut ianya akan dibalas oleh provokasi yang lain. Kerana pada masa yang sama Yang Berhormat Datuk Speaker, kestabilan kerajaan dan negara ini semuanya lebih bergantung kepada perpaduan sesama kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih. Saya mohon mencadang. Sekian dengan disudahi wabilahitaufikwalhidayah wassalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Speaker : Waalaikumusalam. Terima kasih Yang Berhormat Semarang, yang membawa rundingan ucapan menjunjung kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Gambir untuk menyokong.

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam 1Malaysia Yang Berhormat Datuk Speaker. Terlebih dahulu Gambir ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk menyokong rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ...

Y.B. Datuk Speaker : Tidak lebih 30 minit.

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Ya Datuk Speaker, sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 15 Ogos 2013 yang lalu. Pertamanya, Gambir ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Speaker di atas lantikan memimpin Dewan yang mulia ini untuk Persidangan Dewan Negeri kali Yang Ke-13 ini. Semoga Yang Berhormat Datuk Speaker dipanjangkan usia, dimurahkan rezeki untuk terus bersama kami bagi tempoh lima tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bagi pihak pengundi-pengundi DUN Gambir dan masyarakat India di Negeri Johor ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Barisan Nasional Negeri Johor yang telah memenangi pilihan raya umum yang

lalu dan meneruskan pentadbiran Negeri Johor buat kali ke 13 berturut-turut sejak merdeka 1957. (Dewan bertepuk). Tahniah kepada BN Johor.

Ucapan tahniah dan syabas juga ingin saya tujukan buat Yang Amat Berhormat ADUN Permas atas pelantikannya sebagai Menteri Besar yang baru. Yang seterusnya akan memimpin Kerajaan Barisan Nasional ini untuk tempoh 5 tahun yang akan datang. Tahniah Dato' Seri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam masa yang sama Gambir juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada mantan Dato' Menteri Besar Johor yang telah memimpin pentadbiran Negeri ini lebih 18 tahun dengan cemerlang sehingga berjaya membawa Negeri Johor berada dalam keadaan yang maju dan makmur di persada antarabangsa seperti mana yang kita dapat lihat pada hari ini. Terima kasih Yang Amat Berbahagia Dato'.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita anggota-anggota Dewan Negeri yang mulia ini seharusnya perlu memperhalusi dan akur kepada titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang menyentuh betapa setiap Wakil Rakyat perlu memberi perhatian kepada kepentingan rakyat berbanding dengan kepentingan peribadi dan parti politik yang mereka wakili. Apa sahaja perkara-perkara yang bangkitkan perlulah dibawa secara tertib dan beradab. Ianya harus dibahaskan tanpa menyinggung perasaan mana-mana pihak selaras dengan saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah menegaskan mengenai sifat-sifat terpuji yang perlu dimiliki oleh seorang individu bernama Wakil Rakyat yang tingkah lakunya, tutur katanya, imejnya perlu dihormati oleh masyarakat pelbagai kaum yang mereka wakili. Kita sebagai pemimpin harus menjadi tauladan kepada masyarakat di luar sana terutamanya kepada orang-orang muda dan mengajar mereka tentang apa yang dimaksudkan oleh ADUN Semarang tadi, apakah itu Bangsa Johor, apakah itu Bangsa Malaysia. Perkara-perkara mengenai institusi Raja Berperlembagaan, perpaduan di kalangan pelbagai kaum dan sebagainya perlu di bawa dan dimaklumkan kepada mereka supaya tiada lagi perkara-perkara yang memperlekehkan pemimpin-pemimpin utama negara, lagu NegaraKu dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh tentang pemilikan rumah. Sepertimana yang ditekankan juga oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, terutamanya pemilikan rumah oleh masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana. Mereka tidak mampu memiliki rumah yang kini harganya rata-rata melebihi RM500,000.00, khususnya di kawasan Iskandar Malaysia yang meliputi daerah Johor Bahru dan daerah Kulaijaya. Dasar Perumahan Negeri yang telah dibentuk jelas menetapkan syaratnya di mana pemaju harus memastikan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana sekitar 40% dari keseluruhan sesuatu pembangunan. Namun demikian, pelbagai alasan diberikan sehingga pelaksanaannya tidak berlaku. Saranan mengenai perkara berkenaan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor baru-baru ini amat dialu-alukan. Oleh itu Gambir berharap agar Kerajaan Negeri melalui Unit Perumahan Setiausaha Kerajaan Johor perlu lebih teliti dan tegas agar pemaju-pemaju perumahan bersungguh-sungguh mematuhi syarat-syarat tersebut tanpa memberikan sebarang alasan lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di samping isu rumah kos rendah dan sederhana ini, saya juga ada menerima aduan mengenai pengagihan rumah-rumah kos mewah dan kedai-kedai yang dibina di Iskandar Malaysia di mana pemaju-pemajunya tidak membukanya kepada mereka yang berminat dan berkemampuan dengan alasan ianya sudah ditempah lebih awal oleh golongan-golongan tertentu yang rata-rata terdiri daripada pelabur hartanah terutamanya dari luar Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini seorang pelabur hartanah tempatan memaklumkan kepada saya, beliau telah beratur panjang bagi mendapatkan satu unit rumah kedai di Taman Daya. Apabila tiba gilirannya, pemaju berkenaan memaklumkan tiada lagi unit untuk ditawarkan. Sebaliknya, saya difahamkan oleh beliau ada seorang pelabur hartanah dari luar Johor dapat tempah 20 unit kedai di pembangunan berkenaan.

Oleh yang demikian Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ini juga di samping rumah kos rendah dan sederhana, perkara ini juga perlu perhatian pihak Kerajaan Negeri supaya kuota kaum di tentukan termasuk untuk kaum India untuk tempoh tertentu agar tawaran ini dibuka kepada pemohon-pemohon tempatan yang berkemampuan, yang memang berminat memiliki hartanah di kawasan-kawasan strategik seperti di Taman Daya, di Taman Bukit Indah, di Horizon Hills, Taman Austin Perdana dan juga kawasan-kawasan sekitar Iskandar Malaysia serta kawasan perbendaharaan minta maaf, Perbandaran di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di samping itu saya juga ingin menekankan tentang pembinaan lebih banyak kawasan-kawasan perumahan sedemikian di kawasan luar bandar. Sebagai contoh, di kawasan Bukit Gambir sendiri, tiada satu pun projek perumahan yang menawarkan rumah yang berharga di bawah RM300,000.00 untuk masyarakat di sini, yang rata-rata berpendapatan sederhana dan rendah. Walaupun terdapat kuota-kuota khas pembahagian tetapi selepas jangka masa tertentu, kuota tersebut akan dilepaskan kerana tiada pembeli yang mampu membelinya. Maka pemilikan rumah-rumah dan kedai-kedai di Bukit Gambir ini tidak setara pemilikannya dan dimiliki oleh pihak-pihak tertentu sahaja. Yang menyedihkan Yang Berhormat Datuk Speaker, pemilik berkenaan pula tidak mendudukinya tetapi menyewakannya dengan kadar yang tinggi. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melalui Unit Perumahan, perlu terlibat langsung untuk membina rumah-rumah dan kedai-kedai kos rendah dan kos sederhana dengan harga yang berpatutan bukan sahaja di Bukit Gambir tetapi di kawasan-kawasan bandar-bandar kecil dan pekan-pekan di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh mengenai sektor pelancongan, *so* saya ingin nyatakan di sini bahawa sektor pelancongan merupakan satu sumber pendapatan yang utama bagi Malaysia. Tetapi bagi Negeri Johor, sebenarnya saya ingin dapatkan makluman dari Jabatan Pelancongan Negeri tentang kedudukannya yang terkini. Saya rasa dengan adanya pelbagai ikon pelancongan seperti Lego Land, Johor Premium Outlet, Taman Negara Gunung Ledang, Taman Negara Endau Rompin dan kawasan-kawasan kepulauan maka sumber pendapatan melalui sektor pelancongan dapat ditingkatkan melalui pelbagai promosi dalam negeri dan luar negeri. Saya juga ingin tahu sejauh mana promosi-promosi begini telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Pelancongan Negeri Johor. Memandangkan

sektor pelancongan ini mempunyai daya maju untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri dan penduduk tempatan, maka ingin saya cadangkan supaya peranan Jawatankuasa Pelancongan Daerah di aktifkan. Saya juga berpandangan jika peranan jawatankuasa ini boleh di perhebatkan maka potensi sesuatu lokasi di daerah-daerah dapat di promosi sebagai pusat pelancongan dan seterusnya bolehlah dirujuk kepada pihak Kerajaan Negeri atau Kementerian Pelancongan untuk tujuan pembangunan selanjutnya. Oleh itu, ingin saya tahu sejauh mana Jawatankuasa Pelancongan ini telah memainkan peranannya setakat ini?

Yang Berhormat Datuk Speaker, sehubungan dengan itu ingin saya cadangkan pula satu kawasan di daerah Ledang, iaitu kawasan pinggiran Gunung Ledang di mana terletaknya sebuah pekan kecil Sagil yang boleh dijadikan satu bandar pelancongan pada masa akan datang. Usaha boleh dibuat untuk mewujudkannya sebagai pusat pengumpulan hasil-hasil pertanian, hasil-hasil industri kecil dan sederhana dan juga bahan-bahan kraf tangan yang mana rata-rata masyarakat kampung, lima perkampungan di sini terlibat dalam industri-industri berkenaan. Ia juga seterusnya berpotensi untuk meningkatkan pendapatan masyarakat kampung di situ.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat satu lokasi yang sesuai dengan keluasan lebih kurang 3 ekar yang berada berdekatan dengan Masjid Dato' Ghani Kampung Sagil Parit 2 yang boleh dijadikan pusat pengumpulan tersebut. Saya mohon pihak Jabatan Pelancongan Negeri menilai kesesuaian lokasi tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Gambir ingin merujuk kepada kenyataan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai isu-isu agama dan perpaduan Negeri Johor melalui slogan "Muafakat Itu Berkat".

Kita dapat melihat mengenai perpaduan ini Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila Almarhum Maharaja Abu Bakar yang melaksanakannya melalui pemberian tapak-tapak ibadat kepada pelbagai kaum di Negeri Johor di mana terletaknya bangunan-bangunan tersebut di Jalan Trus. Kalau Datuk Speaker melalui Jalan Trus tersebut boleh melihat terdapatnya sebuah gereja, sebuah tokong Cina, sebuah Gurdwara, sebuah kuil, sebuah masjid. Semuanya terletak dalam jarak 1km. Dan sejarah kesemua tempat-tempat ibadat ini telah diberikan tempatnya oleh Almarhum DYMM Maharaja Abu Bakar lebih kurang, apa yang saya tahu kuil di situ telah berada di situ lebih daripada 100 tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jadi sehubungan dengan itu, Gambir ingin menyarankan supaya pemberian tapak ibadat di sesuatu kawasan penempatan harus diambil kira apabila pembangunan sesuatu kawasan dilakukan. Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa perlu memastikan perkara ini semasa proses Serah balik Kurnia semula (SBKS) dilakukan di mana-masa kawasan pembangunan di situ.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai contoh jika sesuatu ladang diambil untuk tujuan pembangunan, dan di situ terdapat bangunan kuil sebagai contoh, maka satu tapak atas nama kuil berkenaan perlu disediakan oleh pemaju di kawasan pembangunan baru. Perkara yang sama perlu dilakukan untuk lain-lain tempat

ibadat. Perkara yang sama juga perlu dilakukan untuk sekolah-sekolah atau lain-lain kemudahan yang melibatkan kepentingan orang ramai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, atas saranan tersebut juga ingin saya merujuk di kawasan DUN Gambir, sebuah sekolah Tamil yang terletak di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sagil, yang terletak di Ladang Sagil, yang kini masih wujud di ladang berkenaan perlu kepada pemindahan lokasi. Masyarakat ladang berkenaan sudah pun berpindah ke taman-taman perumahan di Pekan Sagil. Khususnya di Taman Putra, Sagil, maka saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk meluluskan sebuah tapak untuk sekolah berkenaan berdekatan dengan taman berkenaan atau pun Gambir menyeru kepada pihak-pihak berkenaan jika dapat sekiranya memohon kepada pihak pengurusan Ladang IOI Plantation yang sebagai langkah melaksanakan tanggungjawab sosialnya memperuntukkan sebuah tapak sekolah untuk sebahagian pekerja yang masih bekerja dan tinggal di taman berkenaan yang mana tanah ladang tersebut betul-betul berada di pinggir Taman Putra Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi kita pohon tanggungjawab siasah dilaksanakan oleh pihak Ladang IOI Plantation.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin merujuk tentang beberapa masalah di kawasan Bukit Gambir terutama sekali mengenai masalah bekalan air dan elektrik di DUN Gambir. Khususnya di bandar baru di Gambir dan kampung-kampung yang berdekatan dengannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri bekalan air terputus untuk beberapa kampung sekitar Bukit Gambir khususnya di Kg. Parit Kassan. Apabila dirujuk kepada SAJ, difahamkan ianya akibat terputusnya bekalan TNB mengakibatkan pengepaman air dari loji terjejas. Maka bekalan air tidak sempat disalurkan ke kampung berkenaan kerana paras air di loji yang rendah dan tidak membolehkan penyaluran air ke kampung berkenaan. Walaupun SAJ ada menyediakan bekalan sementara untuk kegunaan seharian tapi ia amat menyulitkan dan menjadi rintihan masyarakat kampung kerana perkara ini berlaku pada setiap kali hari raya dan ianya turut diakui sendiri oleh pihak SAJ dan TNB yang menyatakan penggunaan yang tinggi semasa perayaan menjadi punca kepada masalah ini. Oleh yang demikian, sebagai langkah penyelesaian jangka panjang saya ingin mencadangkan supaya SAJ dapat membina satu tangki besar untuk menyimpan air bagi penyaluran air untuk kawasan Kg. Parit Kassan dan kampung-kampung sekitar Sagil yang mengalami masalah yang sama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah yang sama berlaku dari segi bekalan tenaga elektrik di Bukit Gambir, saya ingin memohon kepada TNB supaya dapat sentiasa memantau tentang pertambahan keperluan tenaga elektrik di situ sama ada cukup kapasitinya sesuai dengan pembangunan pesat Bukit Gambir. Mohon menambahkan kapasiti jana kuasanya supaya bekalan elektrik di Gambir mencukupi selaras dengan kepesatan pembangunan Bukit Gambir sesuai dengan juga pembangunan-pembangunan yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Plaza Tol ke Bukit Gambir. Penggunaan kenderaan yang melalui Bandar Baru Bukit Gambir

dijangka akan meningkat secara mendadak apabila siapnya Plaza Tol Bukit Gambir yang dijangka siap pada penghujung tahun ini. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Johor untuk melebarkan jalan sejauh 4km yang menyambungkan Simpang Tol Plaza berkenaan dengan Bandar Baru Bukit Gambir. Pelebaran ini juga memungkinkan kepada kewujudan beberapa lampu isyarat di beberapa persimpangan iaitu di Pekan Simpang Lima Pekan, di simpang ke Parit Kassan, Sagil, serta juga simpang Parit Jarum Tengah. Pada masa sekarang pun beberapa kemalangan maut telah berlaku di persimpangan-persimpangan ini. Maka kajian dan perancangan yang teliti perlu dilaksanakan di sepanjang jalan ini. Terdapat juga dua buah sekolah dan sebuah masjid sepanjang jalan ini yang melibatkan kepentingan pelajar-pelajar sekolah dan orang ramai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kepesatan pembangunan Bukit Gambir juga telah membawa keperluan yang tinggi kepada pusat kesihatan yang lebih besar dan mengandungi kemudahan kesihatan terkini. Peningkatan penduduk yang pesat juga telah membawa kepada pertambahan bilangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir. Dan membawa kepada perlunya pembinaan satu lagi sekolah menengah yang baru di mana saya difahamkan tapaknya sudah ada.

Dengan demikian maka, saya ingin dapatkan perkembangan terkini berkenaan perkara-perkara tersebut daripada Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor.

Tidak lupa juga, mengenai Pembinaan Pasar Awam yang terlalu uzur di Pekan Sagil, ingin saya bertanya Jawatankuasa Kerajaan tempatan tentang ada tak cadangan pembinaan pasar awam baru di situ? Juga mengenai permohonan Pejabat Pos Sagil yang telah lama dipohon dan masih belum di bina. Ini amat menyukarkan urusan seharian masyarakat di situ yang rata-rata terdiri daripada warga emas dan golongan pekebun kecil yang terpaksa pergi ke Tangkak untuk semua urusan pembayaran utiliti dan lain-lain. Ini ditambah pula dengan tiadanya bank atau sekurang-kurangnya mesin ATM di Sagil. Gambir amat berharapkan perhatian dalam perkara-perkara di atas untuk kemudahan masyarakat Pekan Sagil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai memenuhi aspirasi dan kehendak masyarakat belia, saya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memikirkan lokasi-lokasi strategik untuk disediakan kemudahan Wifi. Sekarang bidang komunikasi telah begitu canggih melalui perkhidmatan jalur lebar dan menyenangkan segala urusan dengan cepat. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri perlu menilai dan memenuhi cadangan ini khususnya bagi dijadikan satu instrumen yang strategik untuk menarik golongan belia terhadap kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi maslah utama di kawasan Bukit Gambir dan kampung sekitarnya adalah masalah monyet liar yang mengganggu ketenteraman masyarakat kampung. Penduduk yang selalu terganggu dengan masalah ini rata-rata adalah ibu-ibu tunggal yang sudah tua, sering tinggal bersendirian yang sering berada dalam ketakutan akibat gangguan monyet-monyet liar yang hadir di dalam kumpulan yang besar dan bersaiz besar. Monyet-monyet ini juga sering masuk menyelongkar

dapur rumah dan juga mengganggu ternakan penduduk kampung terutamanya ayam-ayam.

Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha telah diambil oleh pihak JKKK Kampung dengan mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk mengatasi massalah ini dan Wakil Rakyat juga telah mengeluarkan perbelanjaan untuk membeli peluru dan sangkar. Tetapi masalah ini tidak dapat diselesaikan. Oleh itu, saya mohon kepada Jabatan PERHILITAN agar mencari jalan penyelesaian jangka panjang supaya dapat mengawal dan menghapuskan monyet-monyet liar di kawasan-kawasan kampung di Bukit Gambir ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata Gambir mengharapkan semua perkara yang dibangkitkan mendapat perhatian dan tindakan daripada pihak yang bertanggungjawab demi memastikan kepentingan rakyat sentiasa di dahulukan. Selaras dengan Titah Duli yang Maha Mulia Tuanku, Gambir juga mendoakan agar permulaan era kepimpinan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Menteri Besar baru ini akan lebih mantap dan mendahulukan rakyat seperti mana yang kita dapat lihat melalui beberapa langkah yang diumumkan oleh beliau dalam masa tempoh tiga bulan ini.

Semoga Negeri Johor terus maju dan makmur di bawah naungan Duli Tuanku dan Kerajaan Barisan Nasional. Hidup BN, Hidup Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya Gambir ingin menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh Ahli Dewan Negeri Semarang.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Rundingan ini dikemukakan untuk di bahas, kita hanya ada 3 hari termasuk hari ini untuk kita membahaskan Rundingan Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini. Dan setiap orang, sebab nak beri peluang ramai orang, ramai yang Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh berucap. Saya hanya benarkan 10 minit seorang. Jadi pandai-pandailah gunakan 10 minit. Jadi selepas ini saya tangguhkan 20 minit Persidangan kita. Jadi apabila kita menyambung semula saya akan menjemput Yang Berhormat daripada Skudai selepas kita berehat. Jadi saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

Persidangan di tangguh pada jam 11: 40 pagi.

Persidangan di sambung semula pada jam 12:00 tengah hari.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan dikemukakan untuk dibahaskan dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Skudai, dijemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat tengah hari dan salam sejahtera, Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya nak ucapkan terima kasih sebab diberikan peluang

untuk mengambil bahagian membahaskan usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Tuanku sempena Pembukaan Rasmi Penggal Pertama Dewan Negeri Johor Ke-13. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini, pada 15 Ogos.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setakat ini saya difahamkan penduduk Pengerang akan diberikan pampasan sewajarnya dengan sejumlah RM4.1 juta dan dibayar kepada nelayan terjejas untuk memperbaiki 296 buah rumah nelayan. Tapi saya meragui sama ada pampasan sebanyak itu dapat menampung kehilangan rezeki nelayan di Pengerang. Oleh itu, Projek Perikanan Sangkar, boleh di, sepatutnya dipertimbangkan untuk menyambung, meneruskan rezeki nelayan di Pengerang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penyediaan infrastruktur bekalan air di Projek Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang atau PIPC termasuk RAPID memerlukan peruntukan sebanyak RM1 bilion. PIPC dijangka memerlukan kira-kira, RM50, *sorry*, minta maaf, RM500 juta liter air bersih sehari. Petronas telah mengambil alih pembinaan sistem pembekalan air di Pengerang memandangkan aset SAJH telah diambil alih oleh PAAB. Adakah ini menunjukkan kekurangan keyakinan Kerajaan Persekutuan dan Petronas terhadap PAAB dan SAJH untuk menguruskan sumber bekalan air di Negeri Johor? Peruntukan sebanyak RM1 bilion merupakan peruntukan yang banyak sangat yang diperlukan untuk membaiki pengurusan kewangan SAJH dan Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam draf rancangan projek RAPID yang diterbitkan pada Februari 2012 menunjukkan satu tapak telah dirizabkan dan untuk pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Namun tapak tersebut tidak wujud lagi, dalam draf pindaan rancangan tersebut pada Ogos 2012. Saya difahamkan bahawa tapak SJKC Tai Sin akan diambil alih untuk projek RAPID. Akan tetapi, setakat ini tapak penempatan baru untuk sekolah tersebut belum ditetapkan lagi.

Saya juga difahamkan bahawa dua tokong Cina di Teluk Ampang telah diambil alih untuk projek RAPID dan janji telah dibuat dalam taklimat Kerajaan bahawa satu keping tanah akan dirizabkan untuk pembinaan tokong baru. Maka Kerajaan belum memberikan jaminan yang kukuh berkenaan tapak baru untuk dua-dua tokong bersejarah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun Pakatan Rakyat tidak menentang pembangunan. Sebarang pembangunan mesti dipastikan bermanfaat kepada komuniti setempat dalam jangka masa panjang, khasnya rezeki nelayan Pengerang terjejas selepas projek minyak dan gas dilancarkan. Kerajaan sepatutnya memastikan industri perikanan dan pelancongan bukan sahaja akan dapat dikekalkan di Negeri Johor bahkan dua-dua sektor ini akan dimajukan dengan pengurusan dan teknologi yang lebih canggih serta mendatangkan pembangunan ekonomi yang impresif.

Yang Berhormat Datuk Speaker, wabak denggi dikatakan telah melanda di Negeri Johor khasnya daerah Johor Bahru pada 6 bulan pertama tahun ini. Kes denggi

bertambah dari 1,640 kes 6 bulan pertama tahun 2012 kepada 1,774 kes pada 6 tahun pertama tahun ini, iaitu meningkat sebanyak 8% dengan 7 kematian sebab denggi.

Di sebaliknya kes-kes leptospirosis telah berlipat ganda pada 6 tahun yang lalu secara berturut-turut menurut laporan Kementerian Kesihatan disebabkan pencemaran sumber air dan ketidak keberkesanan pengurusan sampah yang menjadi sarang tikus.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sampah berlonggok telah menjadi sarang tikus dan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Ini akan menjadi ancaman kepada kesihatan awam. Sebuah artikel di terbit dalam, dengan izinnya, *Malaysian Journal of Pathology* pada Disember 2012 dengan tajuk, dengan izinnya, "*Prevalence of leptospiral DNA among wild rodents from a selected area in Beguk Dam Labis, Segamat, Johor, Malaysia*" oleh Latifah dan lain-lain dari Bioteknologi Unit, *Institute for Medical Research, Malaysia* telah mendapati bahawa 13% tikus liar di kawasan Empangan Bekok dijangkiti kuman penyakit kencing tikus iaitu Leptospirosis. Oleh itu, pengunjung ke kawasan tersebut diperingatkan berkenaan penyakit leptospirosis dan wabak leptospirosis boleh berlaku jika permasalahan pengutipan sampah tidak dikawal dengan baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada Persidangan Dewan yang lalu, saya telah membangkitkan isu pembuangan sampah merata-rata dan pengutipan sampah tanpa menurut jadual telah menjejaskan bukan sahaja kesihatan rakyat Johor malahan memburukkan imej Negeri Johor dan Malaysia. Walaupun pada waktu itu, Yang Berhormat Semarang tidak bersetuju dengan amaran saya bahawa keadaan pengutipan sampah di Malaysia akan menjadi setaraf dengan Zimbabwe jika tindakan tidak diambil untuk memperbaiki masalah sampah berlonggok, kes leptospirosis dan denggi akan melambung seperti apa yang sedang berlaku sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain dari memastikan para kontraktor mengutip sampah dan membersih tempat awam menurut jadual secara ketat oleh SWM, PBT dan Suruhanjaya Pengurusan Sisa Pepejal, usaha mesti dilakukan oleh PBT dan Jabatan Kesihatan untuk menjalankan Kempen Kesedaran Awam dan Operasi Penguatkuasaan serta memastikan kebersihan dan kaedah menangani sampah yang efektif digunakan di kawasan komersil dan perumahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, demi menyelesaikan masalah kebersihan tempat awam, saya berharap Dewan ini dapat mencapai satu permuafakatan bahawa penguatkuasaan terhadap kontraktor yang gagal mengutip sampah yang gagal menurut jadual dan orang awam yang membuang sampah merata-rata tempat sewajarnya diperketatkan dan hukuman perlu dipertingkatkan. Bagi pengusaha makanan yang tidak mematuhi Undang-Undang Kecil PBT, amaran untuk memperbaiki keadaan kebersihan sewajarnya di *issue*. Jika pengusaha makanan, masih gagal memperbaiki kebersihan dalam premis perniagaan, lesen perniagaan sepatutnya digantung menurut undang-undang. Saya mendapati bahawa, banyak kedai makanan dalam keadaan yang amat kotor di persekitaran Johor Bahru dan Iskandar Malaysia, tetapi PBT dan Jabatan Kesihatan tidak mengambil sebarang usaha untuk memperbaiki keadaan kebersihan awam persekitaran Iskandar Malaysia sebagai Bandaraya Antarabangsa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bilangan pengunjung yang tinggi telah disalahkan sebagai punca pencemaran air laut di Kepulauan Mersing. Tapi kajian profesional mengenal pastikan pembuangan sisa industri sebagai punca pencemaran laut di Kepulauan Mersing. Artikel kajian dengan izin, *Evaluation of Trace Metal Levels in Tissues of Two Commercial Fish Species in Kapar and Mersing Coastal Waters, Peninsular Malaysia"* oleh Fathi Alhashmi Bashir, Mohammad Shuhaimi-Othman dan A.G. Mazlan yang diterbitkan dalam dengan izinnya, *Journal of Environmental Public Health* 2012, telah mendapati bahawa air laut di kawasan Mersing mengandungi besi dan cadnium yang tinggi, lebih tinggi daripada piawaian antarabangsa serta membawa kesan buruk kepada kehidupan laut.

Di samping itu, dua jenis ikan dari Mersing digunakan sebagai contoh kajian mengandungi logam berat dan didapati mengandungi besi, aluminium, zink yang tinggi. Walaupun kandungan logam berat seperti plumbum dan cadmium rendah tetapi ini membuktikan pencemaran logam berat disebabkan membuang sisa industri secara haram berleluasa dan akan mendatangkan kesan negatif kepada kesihatan orang awam dan mengancam nyawa kehidupan laut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, artikel profesional ini telah membuktikan bahawa pencemaran air laut di kawasan Mersing bukannya disebabkan pengunjungan pelancong yang tinggi tetapi industri berat dan pembuangan sisa industri secara haram di laut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh itu, Perbadanan Taman Negara Johor atau PTNJ sewajarnya mengemukakan kertas putih berkaitan dengan rasional terhadap peraturannya yang bermula 1 September ini, caj sebanyak RM5.00 kepada pengunjung tempatan dan RM20.00 kepada warga asing untuk memasuki taman-taman negara di negeri ini termasuk Taman Laut Sultan Iskandar atas tujuan pemuliharaan dan konservasi dan rasional berkenaan tidak akan mengehadkan bilangan 100 penyelam sahaja dalam sehari bagi setiap gugusan pulau atau hanya 600 penyelam dibenarkan melakukan aktiviti selaman di sekeliling Taman Laut Sultan Iskandar, yang meliputi 6 gugusan pulau, iaitu Pulau Sibu, Pulau Aur, Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil dan Pulau Besar. PTNJ sewajarnya menjawab kepada Dewan yang mulia ini, terhadap bagaimana PTNJ akan membelanjakan anggaran kutipan hasil sebanyak RM1 juta untuk memulihara hidupan marin dan biologi di persekitarannya sedangkan pembuangan sisa industri haram tidak dapat dikawal dengan berkesan. Diharapkan pihak PTNJ akan bekerjasama lebih erat dengan Polis Marin untuk menangani masalah pembuangan sisa industri secara terbuka di Laut China Selatan dan Selat Melaka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pengangkutan awam merupakan bidang yang amat mustahak untuk memberangsang ekonomi negara. Keadaan yang kurang stabil telah menjejaskan ekonomi negara. Baru-baru ini saya difahami bahawa bekalan diesel kepada pengusaha pengangkutan awam termasuk pengusaha lori dan bas telah berkurangan atas subsidi Kerajaan. Penghapusan *nano tagging*, dengan izinnya, dalam bekalan diesel telah mengakibatkan penyeludupan diesel subsidi Kerajaan dalam pasaran hitam. Oleh itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan sewajarnya memperketatkan penguatkuasaan dan kerajaan perlu

menyelesaikan permasalahan kekurangan bekalan diesel. Jika tidak, bukan diesel yang berkurangan yang kurang stabil akan menjejaskan bidang pengangkutan awam seterusnya mengakibatkan inflasi yang tidak dapat terkawal.

Yang Berhormat Datuk Speaker, SPAD diseru supaya mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap dua aduan.

1. Penunggang bas warga emas di persekitaran Johor Bahru mengadu bahawa bas-bas berhenti-henti dari berbagai syarikat telah tidak mematuhi peraturan di mana warga emas sepatutnya ditawar tambang separuh harga. Adalah ditegaskan bahawa kebanyakan warga emas adalah pesara yang pernah berjasa kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian, diharapkan SPAD akan menguatkuasakan tambang separuh harga kepada warga emas.

2. Aduan terhadap beberapa syarikat di Johor yang mengangkut bahan batu–bata dan treler, dengan izinnya, *treler dipper,* atau *dumper*, diubahsuai tanpa mematuhi spesifikasi sahih dan kelulusan JPJ. PTG telah meng *issue* kan arahan Permit 4C, pengalihan bahan batu-bata tidak akan diluluskan kepada kenderaan treler jenis *dipper*, atau *dumper* yang tidak mengikut spesifikasi JPJ dan SPAD. Dan, kenderaan yang diubahsuai dengan penambahan pakar sisi kecuali mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah JPJ Malaysia. Para pengusaha pengangkutan treler dan lori telah mengadu treler *dipper* dan *dumper* dari beberapa buah syarikat setempat berleluasa di atas jalan raya dengan mengangkut bahan batu-bata lebih daripada had dibenarkan.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Skudai, sila gulung.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, pengusaha lori treler telah mempersoalkan kegagalan PTG dan SPAD melarang treler-treler tersebut dari operasi haram. Maka, penguatkuasaan yang kurang efektif dan membawa persaingan yang kurang seimbang di antara pengusaha pengangkutan sedangkan ianya menjejas keselamatan pengguna jalan raya. Oleh itu, diharapkan pihak JPJ, SPAD, dan PTG akan memberikan keterangan kepada Dewan yang mulia ini, berkenaan apa tindakan yang akan diambil terhadap aduan tersebut?

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun hutang awam Kerajaan Negeri menurun dari RM1,379 juta kepada RM482 juta pada tahun 2011. Setakat ini Kerajaan Negeri belum menjawab persoalan saya beberapa kali saya sudah bangkit dalam Dewan ini, iaitu penjualan aset SAJ kepada PAAB sebanyak RM4 bilion dengan baki RM3.3 bilion selepas menjelaskan hutang Kerajaan Negeri sebanyak RM707 dan ke manakah baki lebihan sejumlah RM3.3 bilion disalurkan? Rakyat Johor mempunyai hak untuk dimaklumkan sebab penjualan aset SAJH tidak dapat menjelaskan hutang Kerajaan Negeri sekali gus dengan harga penjualan setinggi RM4 bilion.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun hutang Kerajaan Negeri menurun di antara tahun 2010 dan 2011 disebabkan penjelasan melalui penjualan aset SAJH, hasil Kerajaan Negeri justeru menurun 17% atau RM181 juta mengambil defisit RM148 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan Kerajaan Negeri sejumlah RM997 juta pada tahun

2011, 70% adalah perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri, cuma 25% adalah perbelanjaan pembangunan.

Jika kita memandangkan tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2011 adalah RM160 juta. Maka usaha mempertambahkan hasil pendapatan kerajaan negeri seharusnya dipertingkatkan supaya tabung pembangunan dapat dipertingkatkan kepada 36% daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan. Di sebaliknya kos mengurus Kerajaan perlu di belanja secara berhemah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dimaklumkan bahawa YPJ telah terlibat dengan rundingan pengambilan tanah perkuburan cina di Pengerang. Tugasan YPJ sebagai pengurus tabung pelajaran di bawah Kerajaan Negeri Johor adalah berusaha mempertingkatkan taraf pendidikan di Negeri Johor bukannya melibatkan diri dalam proses mengambil tanah sedangkan keadaan kewangan YPJ sering kali ditegur oleh Ketua Audit Negara. Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam laporan Ketua Audit Negara 2011, YPJ didapati gagal menguruskan program tuisyen hikmah dengan berkesan termasuk syarat pemilihan murid tidak mengikut matlamat asal program. 101 sekolah luar Bandar tidak terlibat di dalam program ini disebabkan kurang kemudahan asas, guru dan bahan rujukan. Prestasi kehadiran murid tuisyen hikmah tingkatan 4 dan 5 tidak memuaskan. YPJ dan Pegawai Penyelaras kurang membuat pemantauan. Analisasi borang pemantauan tidak dibuat, pembayaran elaun guru tidak dalam tempoh yang ditetapkan dan dokumen tidak disimpan dengan teratur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, adakah kegagalan YPJ melaksanakan program tuisyen hikmah disebabkan Pegawai YPJ terlalu sibuk meninjau harga tanah di Pengerang. Pengurusan YPJ sepatutnya disusun semula serta menumpukan usaha mempertingkatkan taraf pendidikan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pejabat Ahli Parlimen Bakri dan ADUN Bentayan lama ambil inisiatif dengan menyediakan peralatan dan sokongan teknikal untuk menyempurnakan usaha menyiarkan prosiding Dewan Negeri ini secara langsung melalui Internet jika dibenarkan oleh Kerajaan Negeri. Di samping itu, Pemuda DAP Johor, Pakatan Rakyat Johor bersedia menyumbang kepada kos menjalankan program tersebut yang dijangka dalam lingkungan RM2,000.00 sahaja jika Kerajaan Negeri ingin menjimatkan kos program ini. Sebelum rancangan ini, telah membolehkan rakyat Johor menonton prosiding Dewan Negeri ini pada saat terawal. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan ini secara serius kerana saluran siaran langsung prosiding Dewan Negeri telah mendapatkan sambutan yang baik di Selangor dan Pulau Pinang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah jerebu, 18 orang ADUN Pakatan Rakyat telah mengemukakan satu petisyen kepada Duta Besar Indonesia. Dan kita telah mendapat jawapan yang bertarikh 26 Jun 2013 dari Duta Besar Indonesia mengakui masalah jerebu ini disebabkan oleh pembalakan dan pembakaran haram di negeri tersebut dan mereka telah meminta maaf kepada rakyat Malaysia dan Singapura. Itulah surat saya boleh serahkan untuk rekod Dewan yang mulia ini. Dan menurut kata Duta Besar Indonesia, pemerintah

Indonesia telah melakukan langkah-langkah konkrit guna mengatasi permasalahan kabus asap tersebut. Langkah yang dilakukan adalah :

1. *Water bombing* dengan menggunakan helikopter
2. Pembuatan hujan dengan penyemaian awan
3. Pembuatan regulasi dan peraturan hukum yang ada dalam rangka meminta tegas pihak-pihak yang terbukti bertanggungjawab atas terjadinya musibah kabus asap tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Secara ringkas, oleh itu saya berharap Kerajaan Negeri boleh memberikan, mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan supaya kita mendesak pihak Kerajaan Indonesia bertandatangan satu perjanjian iaitu perjanjian menangani masalah jerebu Negara Asean atau Asean Trans Boundary Haze Agreement. Dan ini amat penting sebab semua Negara Asean telah menandatangani perjanjian itu.

Y.B. Datuk Speaker : Ok Yang Berhormat, isu ini Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah pun mengambil tindakan lebih awal. Jadi isu seperti ini memang menjadi perkara-perkara dalam perbincangan dua hala antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia dan hubungan baik antara kita Malaysia dan Indonesia itu menjadi tali untuk kita berbincang dengan penuh penghormatan, penuh dengan hormat, penuh dengan tolak ansur. Dan ini telah pun diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan Datuk Speaker. Tapi dekat saya, Indonesia mesti faham

Y.B. Datuk Speaker : Cukuplah Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dia adalah negara yang terbesar di Asia, kita hormat sama hormat. Kalau Malaysia, Singapura semua Negara di Asia boleh menandatangani perjanjian ini, untuk memastikan kesihatan semua rakyat di Asia Tenggara, saya tak nampak apa sebabnya Indonesia sebagai abang kita tidak boleh berbuat sedemikian. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Cukup-cukup. Ok, terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Parit Yaani.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabakatuh. Salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam rundingan menjunjung kasih dan tahniah di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Merujuk perenggan lima, enam, tujuh dan lapan titah Baginda Sultan. Saya mengajak kepada semua Y.B. melihat perkara sebenar yang berlaku dalam sistem demokrasi di Negara kita, di mana Pakatan Rakyat telah memenangi 18 kerusi dalam pilihan raya yang terbaru. Dan saya memohon perkara-perkara yang menggagalkan kehadiran kami dalam mesyuarat tindakan peringkat

daerah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan dalam usaha untuk membincang, merancang dan juga melaksana pembangunan daerah dan kawasan Bandar. Bolehlah sekurang-kurangnya kami memohon :

1. Membenarkan kami Yang Berhormat Pakatan Rakyat hadir dalam mesyuarat tindakan berkenaan sekurang-kurangnya sebagai pemerhati. Bertujuan agar kami dapat melihat, mendengar perancangan perbincangan dan tindakan yang telah dan akan diambil mengenai sesuatu perkara atas kepentingan rakyat.

2. Meminta supaya kakitangan JCS atau jabatan kerajaan jangan diganggu atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak sebagai *independent* Kerajaan kakitangan yang ada kuasa sendiri untuk membantu dan meluluskan sesuatu projek dalam kawasan atau mana-mana DUN yang memerlukan peruntukan pembangunan demi kepentingan rakyat bersama.

3. Meminta supaya kakitangan JCS dan jabatan kerajaan menerima pakai titah Duli Yang Maha Mulia Sultan tanpa melihat siapa yang memohon, siapa yang menyokong permohonan dan pendukung mana-mana parti yang memohon kerana sepertimana yang dinyatakan oleh Semarang tadi, kita semua di sini ni adalah bangsa Johor. Kenapa nak diketepikan? Nak dinafikan hak kami? Sebab ada di kalangan kakitangan kerajaan yang telah memberikan suatu ucapan di kalangan masyarakat dan juga di kalangan kakitangan kerajaan dengan suatu ungkapan yang tidak begitu bijak sebagai kakitangan kerajaan, mengugut dan sebagainya mungkin atas sebab faktor-faktor yang lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, teguran Duli Yang Maha Mulia Sultan, perkara 14 perenggan 14,15,16,17,18 kita rujuk. Saya ingin membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan, dengan isu hutang isi rumah dan harga rumah yang melambung tinggi di Johor khususnya di Iskandar Malaysia. Baru-baru ini Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan bagi mengurangkan hutang isi rumah dengan mengehadkan tempoh bayaran pinjaman perumahan dari 45 tahun kepada 35 tahun. Ini membebankan khususnya kepada generasi muda, mereka yang baru berumah tangga, mereka yang tidak ada pendapatan tetap, mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah. Ini suatu perkara yang perlu kita fikirkan bersama.

Oleh yang demikian, apakah faktor-faktor harga rumah ni naik? Harga tanah ni naik? Antaranya apa yang kita dapat lihat, permintaan yang tinggi daripada warga asing yang 90 peratus..

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Y.B. Datuk Speaker : Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : 45(1) minta cakap menghala ke Speaker.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Oh, minta maaf. Ok, terima kasih. Itu namanya kawan-kawan. Minta maaf Datuk Speaker, *handsome* hari ni nampaknya.

Y.B. Datuk Speaker : Selalu *handsome*.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Saya teruskan. Ada sedikit tambahan ye Datuk.

1. Kita dapat melihat bahawa permintaan yang tinggi daripada warga asing, khususnya Singapura. 90 peratus perumahan yang ada di Nusajaya ataupun di Iskandar Malaysia dimiliki oleh warga asing. Ini satu masalah kita. Di mana setakat Januari 2013 sejumlah 130,000 hartanah di Johor khususnya di Iskandar Malaysia dimiliki warga asing.

2. Berlakunya aktiviti spekulasi ekstrem di mana hartanah dibeli bukan sebagai satu pelaburan jangka panjang tetapi mengharap kenaikan nilai modal dalam tempoh segera dan singkat.

3. Faktor ketiga tindakan pemaju perumahan yang bersikap tamak untuk mengaut keuntungan dengan meletakkan harga yang terlalu tinggi hanya untuk menarik pembeli warga asing sedangkan rakyat tempatan tidak berkemampuan.

Datuk Speaker, kenaikan harga yang mendadak ini akan menyebabkan warga tempatan tidak mampu sebagaimana yang diungkapkan, dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Dan saya merujuk kepada keputusan mesyuarat EXCO walaupun waktu itu, saya belum duduk di sini bertarikh 29 Ogos 2008 yang telah memberikan pengecualian pembinaan kuota kos rendah di kawasan Iskandar Malaysia. Kita harap kerajaan baru di bawah Menteri Besar yang baru dengan teguran daripada Duli Yang Maha Mulia dapat menarik balik.

Saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini Datuk Speaker, di antara langkah drastik yang perlu diambil oleh Kerajaan bagi membendung kenaikan harga tanah :

1. Menaikkan harga lantai, "*floor price*" bagi pemilik hartanah oleh warga asing daripada RM500,000.00 kepada RM1juta.
2. Menaikkan levi bagi pemilikan warga asing yang satu ketika dahulu RM100,000.00, yang sekarang ini katanya saya kurang pasti dapat maklumat baru RM10,000.00. Kita naikkan harga yang berkenaan levi.
3. Mengehadkan pemilikan hanya sebuah rumah bagi seorang warga asing.
4. Kerajaan perlu membina lebih banyak perumahan mampu milik dengan harga RM50,000.00, RM80,000.00, RM150,000.00, khususnya di tanah milik Kerajaan, secara usaha sama dan penswastaan dengan agensi-agensi Kerajaan seperti Johor Land, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, Syarikat Perumahan Negara. Dan saya menyokong cadangan Kerajaan Pusat. Benda yang baik, kita sokong. Untuk menaikkan kadar cukai keuntungan hartanah daripada 15 kepada 30 peratus bagi penjualan hartanah pada

tahun pertama khususnya bagi membendung aktiviti spekulasi pasaran hartanah.

5. Saya menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menaikkan cukai hartanah yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke atas hartanah yang dimiliki oleh warga asing.

Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan di dalam Dewan yang mulia ini, Tahniah kepada agensi-agensi Kerajaan yang bertindak segera untuk keselesaan dan kemudahan rakyat, khususnya di DUN saya. Dalam kawasan saya sebagai beberapa contoh yang saya nyatakan. JKR Batu Pahat yang membuat penambahbaikan, jambatan Simpang Parit Yaani dan Parit Lintang ke Parit Yaani Laut selepas kemalangan maut sepasang suami isteri sewaktu Pilihan raya Ke-13 yang berjalan.

Kedua, JKM Batu Pahat yang bertindak segera memproses bantuan ke atas 6 anak yatim piatu Almarhum Muhamad Sufian yang meninggal dunia pada 10 Ramadhan kerana dipatuk ular. Emaknya 4 tahun lepas dah meninggal, jadi anak ini tidak ada siapa dan saya telah membawa anak-anak ini dalam menyambut Hari Raya yang baru ini, kami telah membelikan 2 pasang pakaian. Dan yang terbaru semalam, kebakaran rumah sewa asrama persendirian yang keluar dalam Sinar Harian. Orang buta, OKU, 2 orang daripadanya anak murid saya, bekas anak murid saya di English College. Saya terharu betul dan kita mengharapkan JKM akan bertindak segera kerana mereka duduk rumah sewa sendiri persendirian untuk cari makan, bekerja di Bandar Batu Pahat.

Ketiga JPS Batu Pahat yang bertindak membersihkan parit besar, longkang di awal tahun, untuk memastikan tidak berlaku banjir termenung, khasnya di Parit Yok, Sri Mengkal, Sengkuang, sekitar Tongkang Pechah dan Parit Buloh. JKR sekali lagi saya mengharapkan tahniah. Saya ucapkan tahniah kerana telah meletakkan lampu isyarat di Sekolah Menengah Tongkang Pechah iaitu sekolah yang selalunya berlaku kemalangan.

Dan akhir Speaker, Yang Berhormat Datuk Speaker,

Saya di dalam Dewan yang mulia ini, mewakili DUN Parit Yaani ingin memanjangkan beberapa permohonan khususnya daripada DUN saya.

1. Pembesaran 2 jambatan sempit di Jalan Bindu serta lampu isyarat jalan utama di simpang Bindu ke Tongkang Pechah dan Batu Pahat di mana jambatan dua ini selalu berlaku kemalangan. Simpang tu juga berlaku kemalangan. Selalu berlaku kemalangan.

2. Memindahkan saluran pembetungan najis dari taman Bandar Putra Indah, yang menuju ke Parit Jorak Senawi ke saluran lain. Orang kampung ni dulunya tak terganggu dengan bau dan kesihatan. Dan saya difahamkan daripada jawapan bertulis, masalah pembetungan inilah yang menyebabkan CF taman berkenaan tidak diluluskan.
3. Menambak dan melebarkan jalan kampung yang menghubungi Parit Sidek ke Solok Wan Mok dan ke Parit Besar. Laluan ini sangat sempit sedangkan ia

digunakan sebagai alternatif oleh penduduk dari Batu Pahat dalam kampung-kampung yang berkenaan.

4. Menyempurnakan pembinaan longkang konkrit di kiri, kanan Jalan Beroleh, yang menghubungkan Parit Besar dan Parit Haji Noh supaya mengelakkan takungan air yang menjadikan tempat pembiakan nyamuk.

5. Memohon bahu jalan yang rosak, meletakkan lampu elektrik dan meletakkan jalur-jalur atau bonggol supaya kenderaan memperlahankan laluan, kelajuan di atas jalan raya di kedua-dua arah sebelum sampai Masjid Besar, Masjid di Parit Besar, Masjid Beroleh dan Simpang Empat Beroleh yang selalu berlaku kemalangan, terutamanya waktu Subuh dan juga Maghrib atau Isyak.

6. Membersihkan longkang-longkang dan parit besar di sekitar kawasan yang sering berlaku banjir sebelum akhir Oktober, mengelakkan kejadian banjir di musim hujan.

7. Mohon dengan keadaan surat yang dihantar telah naik. Pos Malaysia telah menaikkan bayaran kepada pos kita. Saya mohon supaya kawasan-kawasan yang dianggap pendalaman tetapi mempunyai kampung yang mempunyai ramai penduduk sebagai contoh Parit Beremang 100 rumah lebih, tetapi surat daripada Pejabat Pos hanya diletakkan di sebuah kedai untuk diurus yang kadang-kadang anak-anak kita yang mendapat kerja, tawaran dan sebagainya mengalami masalah untuk mendapatkan surat itu segera.

Dan akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mencadangkan walaupun usul yang saya bawa telah ditolak, tetapi pembunuhan secara kejam oleh tentera kepada rakyatnya, oleh tentera menggunakan senjata duit rakyat, di Mesir. Walaupun kita tidak menyokong mana-mana tetapi kita minta supaya Dewan ini memberikan laluan untuk kita menyatakan sokongan supaya kekejaman itu dihentikan segera. Pembunuhan kepada orang yang tidak bersenjata, anak-anak, wanita, orang tua. Di dalam Islam pun kita tak boleh bunuh dalam peperangan. Inikan pula orang yang tidak bersenjata yang duduk menyatakan sokongan kepada demokrasi yang dipilih oleh rakyat. Tiba-tiba kerajaan yang dipilih, dilantik oleh rakyat secara sah, dirobek dan dirogol. Minta maaf. Diganggu gugat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih di atas apa yang telah dibenarkan dan tahniah kepada semua rakan-rakan. Kita buat kerja kerana rakyat sebagaimana saya pernah bertugas sebagai kakitangan Kerajaan. Saya buat kerja kerana rakyat. InsyaAllah, Maju Johor, Majulah Bangsa kita.

Sekian, wabillahhitaufik walhidayah Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Sebelum akhirnya, saya harapkan Majlis Agama dapat menganjurklan Solat Hajat untuk mengelakkan kekejaman ini berterusan dan hentikannya dengan segera. Wallahualam. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Waalaikumsalam warahmatullahhiwabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat. Perbahasan kita teruskan dengan saya jemput Yang Berhormat daripada Jorak.

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertamanya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhomat Datuk Speaker kerana mengizinkan saya berucap dan mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Juga tidak lupa nak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dilantik untuk memimpin Dewan yang mulia ini.

Juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh kepimpinan Menteri yang baru khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pelantikan dan saya yakin sangat dan yakin percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa kebolehupayaan pimpinan untuk menjalankan urus tadbir negeri berkenaan tugas yang telah diamanahkan dengan adil sebagai tuntutan oleh Allah SWT.

Sepertimana yang telah difirmankan Allah dalam Al-Quran "Innallah hayakmurukum antuaddu amanatilla hiahliha", sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala bentuk amanah, hak kepada yang berhak menerimanya. Oleh itu saya juga menyatakan bahawa Kerajaan Negeri ini, kerajaan pimpinan Barisan Nasional seharusnya terus menumpukan keutamaannya kepada pembangunan fizikal dan juga mengutamakan keupayaan rakyat apa yang lebih dikenali sebagai membangunkan pembangunan insan kepada seluruh rakyat Negeri Johor, tanpa mengira bangsa, agama, warna kulit, daerah sama ada kawasan DUN itu menang atau kalah, di sokong atau tidak disokong. Penyokong-penyokong menyokong atau tidak menyokong Barisan Nasional.

Tadi, Yang Berhormat Parit Yaani ada menyebutkan bahawa dan meminta supaya beliau turut serta dalam mesyuarat-mesyuarat rasmi sebagai contoh mungkin Mesyuarat Tindakan Daerah, tetapi juga harus diingat bahawa mesyuarat-mesyuarat itu adalah mesyuarat Kerajaan Negeri Barisan Nasional. Adalah menjadi hak juga untuk Kerajaan Negeri sama ada membenarkan atau pun tidak mereka hadir. Saya juga ingin mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan kepada negeri-negeri yang saya boleh katakan mereka kuasai. Negeri Selangor, Pulau Pinang, Kelantan juga sebenarnya tidak membenarkan Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada

Barisan Nasional untuk hadir dalam mesyuarat-mesyuarat penting mereka. Kalau begitulah caranya lebih baik Yang Berhormat beritahu rakan-rakan di sana supaya membenarkan kita daripada Barisan Nasional untuk hadir dalam mesyuarat mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tetapi juga kita harus ingat bahawa masih ramai lagi rakyat dan juga kawasan-kawasan yang perlu dibangunkan. Ada kawasan-kawasan yang masih lagi memerlukan kemudahan-kemudahan asas, tempat-tempat yang mana kita lihat bahawa perlu dibangunkan terutama dari segi kawasan-kawasan peluang-peluang untuk mendapatkan perumahan, peluang-peluang untuk mendapatkan pekerjaan dan sebagainya. Sebagai contohnya, kalau kita lihatkan kepada pembangunan di Kota Iskandar ini, kita lihat bahawa kawasan ini dibangunkan begitu pesat sekali, dan kita semua berbangga. Persoalannya sudah tentu kita akan bertanya kepada diri kita ini, siapakah yang sebenarnya mendapat faedah dan mendapat untung besar di gerbang pembangunan ini. Tadi disebutkan, Parit Yaani menyebutkan adakah kita orang luar, rakyat negara asing dan kalau perkara-perkara yang dibangkitkan itu perlu kita lihat kembali dasar-dasar supaya keuntungan itu jatuh kepada orang-orang Negeri Johor juga. Saya memberikan contohnya kalau kita nak bertanya tentang berapa peratus pemilikan rumah-rumah di kawasan Iskandar ini. Contohnya di kawasan perumahan Horizon Hills. Berapa peratus orang Melayu, berapa peratus orang cina, berapa peratus orang India, berapa peratus rakyat Malaysia?. Jadi, jangan pula kita hanya menjadi orang ataupun bangsa yang menang sorak tetapi sebaliknya kampung kita tergadai. Kalau kita lihat bila majlis perasmian sebagai contoh, bila sesuatu perasmian dibuat kepada suatu projek, ramai muka orang Melayu. Bila dah selesai majlis, projek pun dah jalan, satu muka orang Melayu pun tak nampak. Oleh itu, saya katakan tadi bahawa Kerajaan Negeri Barisan Nasional ini harus melihat semua dasar-dasar itu sama ada dasar itu menguntungkan rakyat atau bangsa Johor, menguntungkan satu kaum itu ataupun tidak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai Ahli Dewan yang berperanan sebagai Ahli *Legislative* Pembuat dasar, membuat laporan dan juga mengubal Enakmen, saya ingin membangkitkan suatu perkara yang ada kaitannya dengan perundangan negara. Iaitu tentang bidang kuasa yang melibatkan Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah sama ada dia di peringkat pusat ataupun di peringkat negeri-negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam perundangan negara kita sekarang ini, seseorang itu tidak boleh memilih sama ada ia dibicarakan di Mahkamah Sivil ataupun dia nak memilih untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah kerana undang-undang jenayah terutamanya undang-undang jenayah berat dan tuntutan-tuntutan sivil, adalah tertakluk dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan hanya kepada manakala Hal Ehwal Agama adalah di bawah kawalan kerajaan-kerajaan negeri. Di dalam Perlembagaan Persekutuan, ada peruntukan yang menyatakan bahawa sebarang undang-undang yang digubal yang bertentangan dengan Perlembagaan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal sejauh mana tahap pertentangan itu. Dalam hal ini undang-undang jenayah yang meliputi undang-undang jenayah Islam adalah bertentangan dengan Undang-Undang Persekutuan dengan sekiranya dia terbatal.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Jorak, panjang lagi?

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Saya kira mahu setengah jam lagi ni.. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Speaker : Oleh sebab kesuntukan masa, saya benarkan Yang Berhormat Jorak menyambung semula..

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Allah...

Y.B. Datuk Speaker : Selepas kita berehat pukul 2.30 hanya lima minit lagi. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan dan disambung jam 2.30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.05 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula dalam agenda menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini, kita teruskan dengan saya menjemput Yang Berhormat daripada Jorak berbaki 5 minit saja lagi. Dipersilakan Yang Berhormat Jorak

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih banyak, jadi bila dah ada rehat, dah makan pula asam pedas ni dah macam potong *stim*. Ada satu iklan yang potong *stim* yang saya akan ulas nanti yang lebih daripada 5 minit, Insya-Allah.

Y.B. Datuk Speaker : Asam pedas potong *stim*.. hebat tu.. jemput, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : Di dalam hal undang-undang jenayah Islam ini, kanun jenayah Islam yang saya sebutkan tadi adalah bertentangan dengan undang-undang Persekutuan dan dikira terbatal. Kepada orang Islam, hukum kanun jenayah Islam itu dan juga undang-undang yang berkaitan dengannya adalah sebahagian daripada akidah kerana ia merupakan *God made law* atau undang-undang Allah SWT. Dan, adalah menjadi sesuatu yang sudah sampai masanya untuk Kerajaan Pusat dan Negeri menyelesaikan isu yang mendesak ini. Isu yang menjadi bahan tuntutan umat Islam supaya mereka diberikan hak untuk mereka yang terlibat dalam kes-kes jenayah berat dan juga tuntutan sivil untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah juga.

Kita pada setiap kali pilihan raya sering menerima desakan dan tuntutan supaya kerajaan memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah mendengar semua kes-kes yang sekarang ini hanya dibicarakan di Mahkamah Sivil. Saya memberi contoh seperti kes-kes jenayah berat seperti pecah amanah, kes-kes bunuh, kes liwat yang tidak dibicarakan di Mahkamah Syariah. Tuntutan-tuntutan sivil juga berlaku seperti kes-kes *bankruptcy*, kes-kes yang berkaitan dengan kewangan, *winding up of companies.*

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita lihatkan bahawa pinjaman yang dibuat dengan bank Islam akadnya dengan cara Islam perjanjiannya, tetapi apabila berlaku tuntutan, kesnya dibicarakan di Mahkamah Sivil tidak dibicarakan di Mahkamah

Syariah contohnya, itu satu contoh juga dengan kes-kes yang melibatkan dengan insurans kenderaan bermotor yang kita ambil insurans Takaful bila bicara tentang tuntutan kemalangan jalan raya dan sebagainya dibuat di Mahkamah Sivil tidak di Mahkamah Syariah. Itu adalah beberapa contoh yang saya sebutkan Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadinya, rakyat umat Islam terutamanya menanti transformasi undang-undang ini. Mereka menuntut sebagai orang Islam diberikan hak dan pilihan untuk kes-kes ini diadili di Mahkamah Syariah. Isu tentang pertentangan antara Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri kiranya boleh diatasi kerana Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri ditadbir oleh Kerajaan yang sama.

Dari aspek kepakaran pula, saya banyak juga berbincang dengan bertanya dengan pakar-pakar bekas-bekas hakim dan sebagainya mereka menyatakan bahawa negara telah melahirkan ribuan pengamal undang-undang dan cendiakawan-cendekiawan pakar Undang-Undang Sivil dan juga mengamal Undang-Undang Syariah. Dan mereka menyatakan bahawa mereka bersedia menjadi tenaga pakar yang boleh dimanfaatkan untuk menjalankan kes-kes yang saya sebutkan tadi. Oleh itu, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan suatu jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar undang-undang sivil dan syariah bagi mencadangkan sesuatu kerangka asas bagi membolehkan Mahkamah Syariah di negeri-negeri juga mendengar kes-kes jenayah dan tuntutan sivil yang disebutkan itu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara lain yang saya ingin sebutkan juga ialah tentang usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan bahasa Melayu dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan suatu ataupun telah menubuhkan suatu audit penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan surat menyurat, kertas-kertas cadangan, perancangan perniagaan dalam negeri, papan-papan iklan papan-papan tanda mengikut garis panduan. Papan iklan contohnya. Kita lihat bahawa masih banyak lagi papan-papan iklan yang dipasang di Negeri Johor ini yang tidak mematuhi garis panduan itu. Saya bagi contoh papan iklan di papan iklan Lebuh Raya Utara Selatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada satu iklan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya ditulis dalam bahasa Inggeris, dikata kat situ lebih kurang saya ingat *our cable is big expensive*, gambar perempuan, pusat terjojol yang tidak mematuhi tatasusila adab orang Malaysia ini, orang Johor. Jadi saya tidak tahu kenapa papan iklan itu dipasang dan kenapa kabel di situ? Saya tidak tahulah Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini juga, Yang Berhormat Datuk Speaker, terpaut kerana pusat. Saya harap tindakan diambil kepada mana-mana-mana papan iklan tidak kepada khusus ini sahaja, kepada mana-mana juga papan iklan yang tidak mengikut garis panduan, yang tidak menggunakan bahasa Melayu, bahasa Malaysia harus di... segera.

Y.B. Datuk Speaker : Iklan pusat tu saya tak pernah nampak pun, kat mana Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : Pasal pusat isteri dah ada, jadi mungkin tidak terpandang pusat yang lain.

Yang akhirnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin juga menyentuh, ha itulah juga pasal dah makan asam pedas, jadi apa yang dibangkitkan oleh ADUN Parit Yaani, tentang perihal yang berlaku di Mesir. Katanya tadi kematian disebabkan oleh kena tembak dan dirogol oleh tentera Mesir. Sesungguhnya sesuatu perkara itu tidak terjadi begitu sahaja, mesti ada sebab musababnya. Ini tidak terjadi dalam sesuatu *vacuum* yang tersendiri. Mereka ditembak, berkumpul di suatu tempat larangan, mereka tidak ditembak di rumah-rumah mereka. Kita simpati dengan perkara itu, kita sedih dengan apa yang berlaku. Tetapi, saya ingin juga menyatakan bahawa kita sebagai pemimpin, apa juga mesti tahu membaca situasi dan keadaan, jangan kita mengorbankan penyokong-penyokong kita secara membuta tuli. Lihat situasi, masa bila kita mengumpulkan penyokong, berundur ataupun menyerang dan sebagainya. Sebagai contohnya, kadang-kadang pengikut sendiri diajak keluar secara membabi buta, tidak diberikan fakta yang betul. Contohnya, perhimpunan Black 505, tidak ada fakta yang menyatakan bahawa PRU ke-13 itu telah berlaku penipuan. Buktinya pada hari ini, mahkamah telah menolak semua petisyen. Oleh itu saya ingin menyatakan bahawa juga kadang-kadang kita bersimpati dengan Mesir kita mengharapkan keamanan bagi Mesir tapi ada juga di kalangan rakan-rakan kita dari satu parti politik dia berkumpul juga berdoa hancur-hancur BN, hancur UMNO. Jadi kita rasa bahawa biarlah kita konsisten dalam setiap pernyataan kita dan untuk itu kita mahukan supaya insya-Allah kita hendakkan negara kita, dunia kita turut aman, damai, makmur dan sebagainya.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Jorak, masa..

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : Baiklah, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ucapkan banyak terima kasih mungkin cukup sekadar itu yang dapat saya nyatakan. Saya menyokong usul yang di bawa oleh Semarang. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jorak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Paloh.

Y.B. Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, Paloh merakamkan jutaan terima kasih di atas peluang dan ruang yang diberikan untuk terlibat sama dalam perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, negara kita telah mencapai kemerdekaan dari jajahan British 55 tahun yang lalu. Dan, 12 hari lagi negara kita akan menyambut hari kemerdekaan buat kali ke-56. Kita harus bersyukur kepada tuhan dan juga berterima kasih kepada pemimpin kita seperti Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussien, Mendiang Tun Tan Cheng Lock dan Mendiang Tun Sambanthan yang telah bersatu padu berganding bahu untuk memperjuangkan kemerdekaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa itu rakyat yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan telah dapat hidup dalam satu keadaan yang begitu aman, damai dan berharmoni. Perpaduan rakyat yang begitu erat dan kukuh pada akhirnya

membolehkan negara kita mencapai kemerdekaan dari jajahan British. Maka kita sebagai rakyat Malaysia dan anak Johor harus menghargai perjuangan pemimpin-pemimpin kita dan terus memberi sokongan yang tidak memecah belah kepada Kerajaan dan pemimpin-pemimpin kita demi kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Paloh ingin membangkitkan tentang kemalangan jalan raya yang kerap berlaku di Jalan Mersing iaitu di antara simpang Jalan Taman Puteri hingga ke Pekan Kampung Gajah. Di sepanjang jalan ini terdapat beberapa buah kawasan perindustrian, sebuah penjara dan juga sebuah sekolah menengah. Lalu lintas di kawasan ini agak sibuk dengan kenderaan-kenderaan berat. Bahagian jalan ini juga sangat sempit tetapi juga bengkang bengkok dan telah menyebabkan banyak kemalangan jalan raya berlaku di sekitar kawasan ini. Banyak nyawa telah terkorban dalam kemalangan-kemalangan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, nyawa adalah satu-satu yang paling bernilai kepada manusia dan tidak dapat diganti dengan wang ringgit semata-mata. Maka saya berharap pihak JKR dapat melebarkan jalan tersebut dengan segera demi keselamatan para pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada itu Paloh juga mengharapkan kerja menambak tanah pada *site table* jalan dan menurap semula Jalan Paloh iaitu Pekan Nyior hingga ke Taman Kiara Mas Kluang dapat dilaksanakan. Bahagian jalan ini tinggi rendah seperti ombak dan memandu kereta di atas jalan ini adalah seperti menaiki sebuah sampan di atas laut naik turun dengan ombak. Keadaan seperti ini sangat merbahaya kepada pengguna jalan terutama pada waktu malam dan waktu hujan. Saya berharap kerja ini dapat dilaksanakan dengan segera demi kemudahan dan keselamatan para pengguna jalan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Paloh ingin membangkitkan isu tapak ibadat kaum Cina di kawasan DUN Paloh. Penganut-penganut Dewa 3 buah tokong iaitu Persatuan Meninggikan Akhlak Ling Ho Thua di Pekan Paloh, Penganut-penganut Hosk Ming Kiong di Kampung Chamek dan Jawatankuasa Urusan Rumah Berhala Ong Kong Build Temple di Pekan Kampung Gajah mengata bahawa mereka telah memohon kepada Kerajaan untuk mendapatkan geran tanah bagi ketiga-tiga buah tokong tersebut melebihi 10 tahun. Tetapi, hingga hari ini permohonan mereka masih tidak dapat diluluskan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tokong-tokong tersebut telah dibina di tapak-tapak tersebut melebihi 30 tahun dan ada yang sudah 55 tahun. Mereka merayu kepada Kerajaan agar permohonan mereka dapat diluluskan dengan segera. Sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Paloh. Saya harap Yang Berhormat Paloh ini dijadikan contoh. Jadi seberapa ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berucap eh. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Johor Jaya.

Y.B. Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Datuk Speaker, selamat tengah hari dan salam sejahtera. Johor Jaya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul Menjunjung Kasih ke atas Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena pembukaan rasmi Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Johor Jaya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan Titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi yang telah mengundi saya pada Pilihan Raya Umum yang ke-13.

Pilihan Raya Umum yang ke-13 yang berlangsung pada 5 Mei, telah mencipta sejarah politik Malaysia. Rakyat telah berbangkit dan memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat dengan undi popular sebanyak 51% manakala Barisan Nasional yang memenangi Pilihan Raya Umum yang ke-13 dan tetap mengekal sebagai parti pemerintah dengan popular undi 47% (Dewan bertepuk). Ini turut menunjukkan keinginan rakyat untuk berubah

Y.B. Datuk Speaker : Tapi, negara kita bukan mengamalkan undi popular, undi kita berdasarkan seperti mana 12 kali Pilihan Raya. Siapa yang lebih kerusi dialah yang memerintah, jangan salah faham Yang Berhormat. (Dewan bertepuk) Ok teruskan. Cuma saya nak beritahu Yang Berhormat kalau kepada orang ramai, kita berterima kasih, untuk Duli Yang Maha Mulia ini bahasa yang kita gunakan ialah menjunjung kasih bukan terima kasih, jadi ada perbezaan Raja dengan rakyat ini. Ok Yang Berhormat teruskan.

Y.B. Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, bukan sahaja di peringkat kebangsaan, namun Dewan Negeri Johor turut mencipta sejarah dalam PRU kali ini. Hal ini dapat digambarkan dari dua aspek. Pertama, terdapat 18 orang Ahli Dewan Negeri daripada Pakatan Rakyat dalam Dewan Negeri iaitu 3 kali ganda berbanding dengan PRU 12. Sebagai Dewan yang paling bersejarah dan pertama di Malaysia, saya berharap agar Dewan Negeri Johor dapat menjadi model kepada Dewan Negeri lain supaya mengiktirafkan kedudukan Ketua Pembangkang secara rasmi di Dewan Negeri Johor. Ketua Pembangkang diberi kedudukan sama taraf dengan EXCO, di mana pejabat Ketua Pembangkang dapat disediakan dan diberikan kemudahan yang sewajarnya. (Dewan bertepuk)

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan kita dan juga Peraturan-Peraturan tidak diwujudkan satu *clause* yang menyatakan Ketua Pembangkang, tidak ada. Jadi, tak dapatlah kita lahirkan apa yang dikatakan Ketua Pembangkang di dalam Dewan ini. Sila Yang Berhormat, teruskan.

Y.B. Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Kedua, terdapat 9 orang wakil Ahli Dewan Negeri wanita yang memenangi Kerusi Dewan Undangan Negeri dan antaranya 4 orang adalah Pakatan Rakyat. Ini juga mencatat sejarah Dewan Negeri Johor di mana pertama kalinya terdapat Ahli Dewan Negeri golongan wanita daripada Parti Pembangkang mewakili rakyat untuk membahaskan luahan hati mereka dalam Dewan Negeri Johor dan bersuara untuk rakyat dalam Dewan Negeri. Dalam usaha menuju ke arah kesaksamaan gender ini telah membuktikan rakyat memberi

keyakinan dan sokongan ke atas bakat dan kebolehan dalam kepimpinan wanita. Oleh itu, Kerajaan harus memberi sokongan sepenuhnya untuk memupuk penglibatan wanita dalam semua aspek untuk membangunkan ekonomi negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, peranan golongan wanita dalam masyarakat kini menjadi semakin penting terutama apabila ramai golongan ibu terpaksa menanggung sebahagian daripada perbelanjaan harian keluarga disebabkan kos sara hidup di Negara kita melambung tinggi. Pada suatu ketika dahulu, Kerajaan juga menggalakkan golongan wanita supaya bukan sahaja menjadi suri rumah tangga tetapi bekerja demi mengisi kekosongan yang muncul dalam pasaran tenaga kerja. Keadaan seperti ini juga diperlihatkan dalam sektor perkhidmatan awam yang mana ramai di kalangan kakitangan Kerajaan merupakan golongan wanita. Hari ini, walaupun golongan wanita telah menjadi satu nisbah yang besar dalam pasaran tenaga kerja, kedudukan dan kebajikan mereka masih diabaikan. Justeru, Kerajaan haruslah menjadi contoh teladan kepada sektor swasta dan memainkan peranan yang lebih proaktif dalam meningkatkan kedudukan golongan wanita dalam masyarakat.

Kerajaan haruslah menggunakan cara yang berkesan untuk membantu dan menggalakkan golongan wanita mencapai kecemerlangan dalam kejayaan mereka. Pihak Kerajaan haruslah mengubah dasar yang mesra wanita terutama golongan ibu, di samping memperuntukkan sejumlah wang setiap tahun dalam menggerakkan usaha meningkatkan kedudukan golongan ibu dalam kerjaya mereka. Sebagai contohnya, pihak Kerajaan bolehlah menyediakan kemudahan asuhan untuk golongan ibu dalam jabatan masing-masing. Dengan cara ini, kakitangan Kerajaan terutamanya mereka daripada golongan ibu dapat lebih bertumpu kepada tugas dan kerja mereka tanpa mengabaikan keluarga iaitu tugas mereka sebagai seorang ibu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keluarga muda sekarang terutamanya bagi mereka yang berada di kawasan bandar terpaksa menanggung kos sara hidup yang tinggi. Justeru, kebanyakan keluarga di kawasan bandar, kedua-dua suami isteri terpaksa keluar mencari rezeki dan secara tidak langsung menyebabkan silaturahim dalam keluarga terutama dengan anak terjejas. Kos sara hidup yang semakin meningkat adalah isu yang paling penting bukan sahaja di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru. Namun, juga mula nampak kesannya di kawasan-kawasan separuh bandar. Pihak Kerajaan perlu memandang serius perkara ini dan mencari jalan meningkatkan prestasi ekonomi dalam negeri dan menambah pendapatan rakyat untuk mengelakkan masalah kehilangan bakat ataupun *brain drain* akan bertambah teruk. Kesusahan hidup telah menjadi salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya isu *brain drain* yang semakin serius di Negara kita, terutamanya di Negeri Johor. Jutaan anak Johor melimpah keluar ke Singapura hanya untuk mencari rezeki bagi menampung kos sara hidup yang tinggi di Johor. Hal ini demikian kerana mereka beranggapan bahawa di luar sana terdapat peluang pekerjaan yang lebih baik ataupun dikatakan peluang pekerjaan yang diberikan dalam negeri ataupun gaji yang diberikan oleh majikan tempatan tidak dapat menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, harga rumah yang melambung tinggi secara tidak langsung juga telah memberatkan beban rakyat terutamanya generasi muda yang baru keluar bekerja. Ramai anak muda tidak mampu membeli sebuah rumah memandangkan harga rumah yang semakin meningkat terutama di sekitar Johor Bahru. Oleh itu, saya berharap agar pihak Kerajaan Negeri dapat menimbang serta mengambil tindakan untuk membantu anak Johor memiliki rumah dengan harga yang tidak terlampau tinggi. Untuk memastikan pendapatan anak-anak muda ini adalah cukup dan selaras dengan taraf hidup sekarang, kita haruslah memastikan bahawa mereka ini memiliki kemahiran yang membolehkan mereka mencari rezeki dan sentiasa berdaya saing. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri juga harus mengadakan pelbagai program latihan kemahiran dan mempromosikan sekolah teknik untuk anak muda yang berhenti sekolah serta membantu mereka menguasai kemahiran tertentu dan membantu mereka berdaya saing apabila mereka bekerja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa insiden peletupan kuari yang baru-baru ini berlaku pada 19 Julai 2013. Insiden ini telah mengakibatkan salah seorang pekerja warga asing maut. Kerajaan harus menetapkan garis panduan yang jelas terutamanya sebelum sesuatu projek pembangunan atau pun projek perumahan diluluskan. Faktor keselamatan daripada kuari-kuari atau lombong-lombong yang tersebut di atas haruslah menjadi pertimbangan utama untuk mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diingini seperti yang berlaku di Jalan Bukit 2, Bandar Seri Alam. Untuk mengelakkan perkara yang serupa berulang di kawasan-kawasan berisiko tinggi yang sedia ada, pihak kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah berjaga yang lebih berkesan. Kita perlu sedar bahawa apabila sesuatu kemalangan sebegini berlaku, sudah jadi kebiasaan bagi kita menyalah salah satu pihak daripada ini. Bagaimana pun, dalam insiden ini kuari yang terlihat telah beroperasi jauh lebih awal sebelum kawasan industri yang berhampiran dengan dibangunkan, maka persoalan yang timbul daripada insiden ini adakah, adalah, mengapakah projek pembangunan kawasan perindustrian yang tersebut boleh diluluskan? Dengan keadaan di mana wujudnya sebuah kuari yang menggunakan bahan letupan dan operasi harian, dalam operasi harian mereka yang mungkin mendatangkan risiko keselamatan kepada orang-orang atau bangunan-bangunan berhampiran dengan ini. Bukankah faktor keselamatan yang menjadi pertimbangan oleh pihak berkuasa semasa projek ini diluluskan. Walau bagaimanapun, syarikat kuari juga harus bertanggungjawab. Dan saya berharap agar pihak kerajaan dapat menumpukan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu jenayah yang kerap berlaku telah sampai tahap yang amat membimbangkan terutamanya kawasan DUN Johor Jaya yang dikatakan sebagai salah satu '*Hot Spot*' dalam negeri. Dalam manifesto PRU ke-13 Barisan Nasional telah dijanjikan Rancangan Kerajaan untuk meluaskan program Bandar Selamat melalui pemeriksaan 2,000 unit sistem televisyen litar tertutup iaitu *CCTV* yang dikawal secara berpusat. Maka saya berharap janji-janji seperti ini akan ditepati dan program membanteras jenayah harus dijalankan secara dengan segera memandangkan masalah keselamatan yang semakin serius. Kita tidak boleh bergantung pada Kerajaan Persekutuan sahaja dalam isu menerangi jenayah. Kerajaan di semua peringkat baik Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Tempatan juga perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam isu ini. Kerajaan harus memberi

perhatian terhadap keselamatan anak Johor agar anak Johor dapat hidup dalam suasana aman, damai dan sejahtera. Pemasangan *CCTV* harus dilaksanakan secepat mungkin, oleh Kerajaan Tempatan demi pengawalan dan siasatan pihak Polis lebih berkesan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata saya berharap agar Kerajaan Negeri dapat bersikap terbuka terutama dalam menghadapi senario politik yang baru. Kami sentiasa bekerja sama dengan kerajaan dan menyumbang pendapatan demi kepentingan dan kebaikan semua tanpa mengira fahaman politik serta kaum dan bangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Berhormat, Datuk Speaker, selamat petang, salam sejahtera dan sempat lagi saya ucapkan Selamat Hari Raya pada Dewan yang mulia ini. Pengkalan Rinting ingin mengambil bahagian untuk membahas usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Pertama Dewan yang mulia ini yang Ke-13. Pengkalan Rinting ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 15 Ogos 2013 yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya saya amat tertarik dengan misi MBJB, Majlis Bandaraya Johor Bahru, yang dipaparkan di seluruh Bandar raya Johor Bahru yang saya nampaklah iaitu Johor Bahru Bandaraya Antarabangsa Bertaraf...

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Peraturan Mesyuarat Datuk Speaker, duduk.

Y.B. Datuk Speaker : Peraturan berapa?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : 45, dia tidak boleh baca teks tu depan kita.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Pengkalan Rinting. Memang dalam Peraturan kita tidak boleh membacalah, kalau ada catitan letak di bawah je lah. Pandai-pandai la eh, pandai-pandai bawa dirilah.

Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Ok terima kasih, Y.B. Pasir Raja. Ok saya tertarik dengan misi MBJB yang nyatakan di mana Johor Bahru akan merupakan Bandar raya Bertaraf Antarabangsa pada Tahun 2020. Saya memang setuju sebab sebagai seorang bangsa Johor yang saya anggap bangsa Johor ini ialah bangsa yang telah mengalami interaksi tamadun semasa ketika kita, semasa pemodenan Johor dilakukan. Di mana ketika itu berbilang kaum, Cina ke, Melayu ke, telah sama-sama menjayakan Johor dan memodenkan Johor dan adalah Dewan yang mulia ini dan Dewan pertama perlembagaan pertama ini. Dan ini bangsa Johor juga merupakan

satu yang eksklusif, yang inklusif sebenarnya bukan satu yang eksklusif yang menafikan kewujudan orang asing. Di mana ia mengambil ataupun bakat-bakat, kita sedia menghadapi cabaran baru dalam alaf baru ini. Mengapa saya percaya Johor Bahru mempunyai kuantiti atau pun kualiti untuk menjadikan satu bandar antarabangsa di mana dengan adanya bangsa yang bermajmuk ini bermaksud kita boleh berinteraksi dengan tamadun besar seperti China yang berpopulasi terbesar di dunia, kita boleh berinteraksi dengan kawan-kawan kita dari Nusantara dekat Indonesia, kita boleh memahami budaya mereka, ini adalah satu daripada kebaikan ataupun di mana ialah satu dengan izin, *benefit* yang diberikan kepada kita di mana kita boleh memahami budaya mereka dan seterusnya kita boleh bersaing di alaf antarabangsa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk menuju ke arah antarabangsa ini, kita tidak boleh menafikan pembangunan terutama di Negeri Johor dan seperti yang ada di projek dekat IRDA, dekat RAPID tapi dengan pembangunan yang cuma membangunkan infrastruktur adakah pembangunan ini merupakan pembangunan yang lestari dan adakah pembangunan ini merupakan satu pembangunan yang seimbang? Ok, bila kita bincang berkenaan dengan pembangunan, kita barang kali cuma ingat ini adalah pembinaan salah satu kita akan salah fahamlah bukan dengan ini merupakan satu pembangunan ataupun pembinaan infrastruktur sahaja dan barang kali kita kurang peka kepada penyelenggaraan dan pengurusan terhadap pembangunan selepas pembangunan. Saya ambil contoh, macam dekat kawasan saya sendiri di mana sampah yang saya maksudkan dekat sini ialah hasil buangan industri dengan izinnya ialah, *Industrial Waste* sentiasa dicampak atau dibuang sahaja di kawasan tanah lapang di kawasan saya seperti berlaku dekat Jalan Satria 5, Taman Sri Ya'akob dalam kawasan saya. Maka sehingga cara untuk mengendali bahan-bahan buangan industri ini dia cuma bakar terbuka sahaja. Dan bakar terbuka ini telah menyebabkan bau-bau kimia yang teruk yang boleh dikatakan mengancam kesihatan sekitar dan saya juga menerima aduan-aduan yang sama daripada sekitarnya seperti dari Taman Sutera, Taman Perling, Taman Baiduri berkenaan dengan pembakaran terbuka bahan buangan yang bersisa toksik, sisa kimialah. Hal ini bukan sahaja membawa kesan buruk kepada penduduk tempatan, maka juga akan menjejas reputasi kita sebagai Bandar raya Antarabangsa. Sehubungan dengan itu, saya amat berharap pihak yang berkenaan mencari jalan sama ada dari segi penguatkuasaan ke, lebih kerap membuat kuasa ke ataupun pengurusan yang lebih mantap untuk menyelesaikan masalah ini. Selain itu, masalah saliran dan longkang sumbat masih lagi menjadi satu isu, ini juga satu isu penyelenggaraan pengurusan. Di mana ada kalanya penyumbatan saliran atau longkang ini akan menjadikan banjir berkilat atau dengan izinnya *flash flood,* hujan sahaja kita sudah ada kolam, dan ini banjir ini memanglah menyukarkan penduduk tempatan.

Saya juga ingin, di sini saya juga ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini di mana terhadap pengurusan kenderaan berat yang keluar masuk di tapak pembinaan, tapak pembangunan di mana kenderaan-kenderaan ini telah membawa banyak kerunsingan kepada penduduk sekitar serta pengguna jalan sekitarnya di mana telah mengotorkan dan selain dari mengotorkan jalan raya sekitarnya ia juga membawa habuk dan merosakkan jalan-jalan yang sekitar situ. Kalaulah masalah-masalah seperti sistem pengurusan bahan buangan, longkang, jalan raya berlubang walaupun ia nampaknya remeh temeh tapi kalau kita tidak menyelesaikan dengan baik, dia akan

menjadi satu halangan besar untuk kita mencapai sebuah, menjadi Bandar raya Bertaraf Antarabangsa.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Ya... Yang Berhormat Datuk Speaker, ok. Apabila kita berbincang dengan pembangunan tanah ok, pembangunan kita mestilah sentuh dengan isu tanah, di mana kita sentiasa antara-antaranya ialah pengambilan tanah atau pun pengagihan peneroka-peneroka yang tinggal atas tanah yang turun menurun telah pun diambil untuk tujuan pembangunan. Saya dekat sini ingin menyeru, bahawa pihak kerajaan mengambil perhatian dan mengambil berat timbang rasa terhadap peneroka-peneroka ini yang telah bersusah payah menyertai pembangunan bandar raya ini di mana bantuan serta pampasan yang sepatutnya haruslah diberi kepada peneroka-peneroka bandar ini. Selain itu, pengambilan tanah juga melibatkan Orang Asal yang di mana yang terlibat adalah Kampung Orang Asal dari Seletar, Kampung Orang Asal Seletar Bakar Baru, Kampung Orang Asal Tenom. Di samping itu, walaupun Laporan Penilaian Asas Alam Sekitar, EIA *report* itu, tidak diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar tetapi, kedudukan Orang Asal ini masih lagi terancam. Dengan pengubahan pengambilan tanah dan ia ubah landskap tanah tersebut ia macam penambakan laut, pembersihan hutan, hutan paya bakau telah menjejaskan ekosistem yang sekitar itu dan menjejaskan rezeki Orang-Orang Asal Seletar tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Y.B.

Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Ya, sekejap lagi.

Y.B. Datuk Speaker : Masa Y.B.

Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Ok, sikit lagi. Begitu juga yang berlaku dekat Pengerang. Itu pembangunan RAPID di Pengerang di mana hasil pengambilan tanah dan penguasaan landskap bukan sahaja mengancam ekosistem dan mengancam habitat macam udang galah dan sebaginya. Dia juga telah mengancam khazanah warisan kita dan mengikut penduduk tempatan terdapat satu makam DiRaja Brunei Darulsalam di Kampung Jawa Darat yang berpotensi menjadi pelancongan dan amat dikasihi sehingga kini terdapat sumber aslinya menyatakan cerita tersebut. Ini memang sayanglah ini memang satu tarikan pengunjung. Dengan ini saya berharap, saya amat berterima kasih berpeluang untuk bercakap di sini. Sekian sahaja ucapan saya. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Pengkalan Rinting. Saya tengok Yang Berhormat bercakap terus lebih baik daripada membacalah. Tahniahlah Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Kukup.

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Assalamulaikum warahmatullahi wabrakatuh. Terima kasih kerana di beri peluang Kukup untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sebelum saya masuk fakta saya sedikit.. Cerita sikitlah

rakan-rakan daripada Johor Jaya tadi, saya faham keluh kesah beliau. Aliran keluar pekerja asing begitu juga daripada Pengkalan Rinting pun nampak kalang kabut juga nak mengatasi masalah kebakaran terbuka. Sama ada di Taman Tan Seri Yaakob dan juga Taman Sutera di mana saya menginap di sana. Jadi kita lihat masalah kecil sedemikian ini kita nak kawal pun bukan senang pasal apa ia melibatkan banyak faktor terutamanya sikap masyarakat mungkin pengawasan ada sebahagian tapi takkanlah pengawasan setiap inci tanah tu kita nak letak penguat kuasa.

Jadi, kalau keadaan sedemikian pun menyebabkan Wakil Rakyat pening kepala nak mengatasi masalah rakyat jadi boleh bayangkan tak senario Kerajaan kita sekarang. Dahlah kita dah menang pilihan raya yang lepas, kita dah memerintah. Tiba-tiba pula disibukkan pula dalam kita nak bekerja ini. Sebagaimana seruan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ingat, kata saya baca sikit "suka saya ingatkan" bila perkataan ingat dalam kata Melayu atau dari sudut bahasanya ketegasan mewajibkan di sini kepada semua Ahli Dewan Negeri Johor supaya menjalankan tugas tanggungjawab yang di amanahkan dengan jujur, ikhlas dan beretika. Masa untuk kempen politik telah pun selesai dan sekarang adalah masa untuk bekerja. Kata-kata Duli Yang Maha Mulia Duli Tuanku maksudnya masa untuk bekerja. Jadi, saksikanlah rakan-rakan saya daripada Pengkalan Rinting tadi, sebenarnya bukan susah, bukan mudah untuk mentadbir Kerajaan dan bukan mudah juga untuk mentadbir kawasan.

Jadi, janganlah lagi kita dimomokkan lagi diteruskan lagi dengan perkara-perkara yang tidak memberi manfaat contohnya "black out 505" ni masih berjalanlah dalam apa ni, media sosial begitu banyak memperkatakan isu ini. Jadi, bukanlah kita ini nak bekerja untuk kebajikan rakyat. Kita nak rosakkan Kerajaan, nak merosakkan fikiran rakyat, kita nak jadikan rakyat kita di masa akan datang bercelaru, mengikut ajaran yang bukan-bukan. Jadi, saya mohon di Dewan yang mulia ini saya mohon marilah kita semua Wakil Rakyat bekerjalah. Kurangkan bercakap kita kerja. Jadi, bila nak cerita tentang kerja ni saya nak masuk kerja terus. Usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Semarang itu begitu jelas jadi untuk bekerja ni kita bagi 2 kerja sebenarnya sebab sebagai Wakil Rakyat kita ada dua cara kerjalah yang saya nampak mungkin pendefinisian saya ini tidak betul. Tapi saya percaya, yakin ianya bersesuaian dengan Wakil Rakyat sekarang.

Pertamanya ada Wakil Rakyat dia kerja jumpa agensi, jumpa masyarakat, buat kerja, kejar sana kejar sini, cari duit sana, cari duit sini, peruntukan sana, peruntukan sini untuk menolong rakyat di bawah. Tapi ada lagi satu golongan Wakil Rakyat dia tak payah, dia tak payah guna otak dia, tak payah guna masa dia, dia tak payah bekerja, dia tak payah berjalan, tak payah tengok semua, satu lagi golongan ini mungkin dia ada "kaki" kat dalam. Penggunaan "kaki" ini saya jelaskan "kaki" di dalam mungkin jabatan-jabatan tertentu dia dapat maklumat. Contohnya dia mungkin kurang gunakan akal tapi banyak gunakan mulut. Contohnya kawasan ini kita nak bangunkan satu klinik, dia perkara ini kita akan buat satu klinik yang akan member kesejahteraan rakyat. Dia dah tau tender nak keluar bulan 8 atau bulan 9. Jadi, apa yang di buat, dia pun pergilah kat kawasan tu bawaklah beberapa orang pemberita dia cakap "ini kawasan memang patut klinik lama ini masih wujud dah berpuluh tahun haruslah dibuat klinik yang baru. Jadi, saya akan memastikan perkara ini akan apa tu

mendapat perhatian dan dilaksanakan dengan serta merta". Memanglah pasal kita dah nak tender.

Jadi, inilah juga satu cara mungkin kerja yang janganlah diperkenalkan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau ada di kalangan kita nak bekerja cara macam ni tolonglah insya-Allah kita bangkang sehabis-habisnya. Justeru itu untuk mengatasi masalah ini saya mencadangkan, saya mencadangkan Kerajaan Negeri membuat satu sistem maklumat berpusat di mana segala rakyat untuk melihat projek jalan, longkang yang rosak atau apa sahaja dia pergi masuk kat komputer dia *check*lah kawasan dia. Kita boleh buat system *routing* bila dia klik situlah rupanya Ketua Kampung dia, Penghulu dah bawak pun pada Majlis Tindakan Daerah dan akan diluluskan mungkin bulan depan.

Jadi, tak payahlah orang lain untuk mendapat nama kalau kata apa ini peribahasa tu "lembu punya susu, sapi dapat nama". Jadi, perkara ini tak berlaku. Jadi, saya mohon supaya Dewan Negeri kita yang mulia ini kita pun semakin *advance* dengan izin. Kita pun semakin maju jadi kita pun gunakan pendekatan ini supaya tidak adalah lagi bentuk-bentuk populis mempopularkan diri dengan media massa bawak masuk *youtube* ke dan sebagainya menunjukkan seolah-olah dia kerja sedangkan orang lain punya kerja.

Keduanya saya ingin mengusulkan juga Yang Berhormat Datuk Speaker kalau kita lihat, kita buka filem-filem dahulu kita tengok apa ni drama-drama swasta yang dulu-dulu bahawa biasanya jarang dia cerita pasal Sultan. Bila cerita pasal satu kawasan kecil kita lihat Penghulu, Penghulunya begitu perkasa sekali ada hulubalanglah dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat zaman sekarang Penghulu ke, Ketua Kampung ke dah macam tak ada apa-apa, tak nampak dah peranan Penghulu tu, Ketua Kampung pun tak Nampak. Bukan salah Penghulunya Yang Berhormat Datuk Speaker, bukan. Pasal peranan Penghulu tu kita tak angkat balik, kita pergilah Kompleks-kompleks Penghulu dah uzur dah yang tinggal pun Penghulu sahaja. Kita dulu di Kompleks Penghulu kita ada Pegawai Pertanian, Pegawai Perikanan dan macam-macam pegawai lagi. Dan, meriahlah saban hari di Kompleks Penghulu itu seolah-olah macam satu operasi pejabat yang khusus untuk mentadbir mukim tersebut tapi pada masa ini dah tak lihat lagi keadaan sedemikian.

Justeru itu, saya menyeru kita naikkan balik, kita perkasakan balik Penghulu dan juga Ketua Kampung ini bagilah peruntukan khas mungkin untuk Penghulu contohnya kalau setakat bumbung terbang 2,3 keping tu, Penghulu sahaja dah boleh keluarkan peruntukan. Kalau sekarang ni Wakil Rakyat kena jadi Wakil Rakyat di bebani dengan kerja-kerja kecik yang agak senang sebenarnya di selesaikan oleh orang-orang lain atau pun agensi-agensi lain terpaksa Wakil Rakyat berhadapan kerana Penghulu dan juga Ketua Kampung tidak ada kekuatan untuk perkara-perkara sedemikian.

Jadi, saya mohon supaya Kompleks Penghulu, Penghulunya, Ketua Kampungnya diperhebatkan balik supaya Wakil Rakyat boleh lebih fokus kepada perkara-perkara yang lebih besar, yang lebih menyeluruh, yang lebih melibatkan pembangunan di kawasan mereka, yang boleh membawa pelaburan dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sedikit lagi perkara yang ingin saya bawak runding di sini iaitu berkenaan kawasan saya ramai tahu di Tanjung Piai di mana saya di Kukup ini dalam bahagian Tanjung Piai. Kukup itulah sebenarnya kawasan yang begitu pesat membangun sekarang. Kita dah, pasal orang kata kita dah kecil tapi kita dah hampir menyamai sebagaimana kita cerita RAPIDlah. Kita cerita tempat lain pasal apa di sana kan banyak pembangunan yang akan berlaku. Jadi, bila berlaku banyak pembangunan macam-macam ada.

Dan, macam-macam akan ada dan juga yang ada sekarang mungkin tak ada jadi kalau kita lihat nelayan. Yang saya nak sentuh isu nelayan di tempat saya ialah bila pembangunan begitu pesat kawasan nak menjaring, kawasan nak menjala, kawasan nak merawai, memancing ikan begitu sempit dan makin sempit. Jadi, kalaulah kita paksa atau pun kita menyuruh nelayan ini bekerja dalam sektor pembuatan dan sebagainya yang akan tumbuh bagai macam cendawan di tempat tersebut. Saya pasti mereka tidak boleh bersaing. Pasal apa budaya kerja sebagai nelayan semua tahu satu jam kita tebar jaring kita 3,4 jam kita boleh hisap rokok keretek Gudang Garam sementara menunggu udang atau pun ikan langgar jaring. Jadi, kalau mereka ini kita ambil bekerja dekat sektor pembuatan dan industri lain. Budaya kerja, cara kerja pemahaman mereka tentang kerja itu tidak akan sama. Mereka akan balik tengah hari lepak di rumah atau pun seandainya ada kenduri-kendara atau pun kematian mungkin satu hari mereka tak datang kerja. Jadi, kalau ikut sistem kerja mereka kena buang orang-orang ini. Perlu kita transformasikan kena ada satu badan khas yang memantau nasib-nasib nelayan di kawasan-kawasan bukan sahaja di Kukup mungkin juga di kawasan-kawasan Pengerang pasal apa mereka ini itu sahajalah kemahiran yang mereka ada kita patut transformasikan mereka supaya kena menjadi orang yang sesuai untuk kerjaya tertentu. Dan, dalam masa yang sama bukan sahaja kita transformasikan kita juga kena bantu jadi saya mohonlah supaya Kerajaan Negeri melihat perkara ini bantulah nelayan-nelayan pasal mereka bukan tidak tak nak berubah mereka tak tahu apa itu pembaharuan.

Dan, akhirnya sekali saya percaya saya dah lebih 10 minit ni tapi Yang Berhormat Speaker almaklumlah masih *handsome* umur baru 72 tahun eh Datuk Speaker. Kesan daripada pembangunan yang begitu hebat yang berlaku di kawasan Kukup. Tanjung Piai dan juga kawasan Pengerang ini Yang Berhormat Speaker nak tak nak akan terdapat kesan kepada alam sekitar dan alam semula jadi. Itu kita tidak boleh menolak tetapi yang saya pohon di sini supaya minimumkan mengurangkan kesannya. Kita lihat banyak negara-negara maju kalau kita pergi di sebelah kawasan-kawasan pelabuhan yang pesat kita lihat pantainya atau pun restorannya atas lautnya begitu jernih atasnya. Malah terdapat udang, sotong berenang-berenang. Di negara-negara maju kalau kita pergi kawasan-kawasan industri. Jadi, kita harap supaya di kawasan-kawasan pembangunan kita juga perkara ini diambil berat maksudnya pengawalan itu mesti kita buat anak-anak tak boleh dah siap segala pembangunan baru kita fikir macam pemuliharaan. Pemuliharaan mesti ada dah barulah pembangunan itu datang kemudian.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker boleh satu minit. Terima kasih saya menyeru kalau kita lihat di luar Bandar penggunaan dan juga pengisian masjid dan surau tidak sana macam 20,30 tahun dahulu. Kalau dahulu pusat-pusat pengajian Agama Islam di

kampung-kampung begitu hebat tapi sekarang sudah terbalik Yang Berhormat Dato' Seri, Yang Berhormat Datuk Speaker, pasal apa di bandar setiap minggu kita lihat setiap masjid dan surau penuh dengan aktiviti agama. Cakaplah apa bentuk ceramah, panggillah mana-mana ustaz yang hebat-hebat daripada seluruh Malaysia akan datang. Pasal apa kemampuan ekonominya ada untuk surau-surau dan juga masjid di bandar-bandar. Tapi kita lihat di kampung-kampung kalau Pak Imamnya dahulunya kelulusan agamanya darjah 3 sampai sekaranglah ilmunya di takat itu sahaja. Sampai sekaranglah kalau kita lihat tajwid kita dengar bacaan Al-Fatihahnya, macam itulah juga 30 tahun dahulu, tidak ada pembangunan.

Jadi kita seru mereka nak buat, nak kempen, nak panggil ustaz ataupun ustazah daripada luar tidak mampu, pasal kutipan tabung masjid untuk sekali Solat Jumaat tak lebih RM50.00. Jadi tak mungkin mereka boleh nak buat program nak panggil ustaz yang kena bayar RM300.00, RM400.00 jadi mintak tolong. Jabatan Agama Islam mungkin mengagihkan atau pun peruntukkan sebahagian peruntukan untuk diperkasakan masjid di kampung, pastikan kita kena dakwah bukan saja di luar yang dalam taman, di kampung tu kita kena dakwah, kita kena pastikan sekurang-kurangnya setiap masjid dan surau di dalam Negeri Johor ini mempunyai 3 atau pun 4 program atau yang lain di masjid masing-masing. Sekian, mohon menyokong.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kukup. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Kempas.

Y.B. Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatuhllahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam Perbahasan Menjunjung Kasih Di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan di Dewan yang mulia ini. Setelah saya menghayati dengan penuh keprihatinan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku ternyata Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar amat peka dengan situasi negara khususnya di Negeri Johor Darul Ta'zim. Sebagai anak Johor saya bangga mempunyai Sultan yang bukan hanya berjiwa rakyat tetapi hati dan nalurinya mahukan agar rakyat Baginda sentiasa berada dalam situasi yang membahagiakan. Kami menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan amanah yang diberikan oleh rakyat Kempas kepada saya di dalam Pilihan Raya Umum yang Ke-13 yang lepas dan selaras dengan hasrat dan kemahuan baginda Sultan saya amat mengharapkan agar struktur pembangunan di Negeri Johor khususnya dalam daerah Kempas terutamanya mengenai Dasar Perumahan Negara sewajarnya tidak hanya sekadar dilaksanakan secara pukal. Setiap agensi yang terlibat hendaklah memberi perhatian serius terhadap dasar ini. Saya menyentuh persoalan ini kerana antara yang menjadi isu rakyat di kawasan saya sepanjang musim PRU lalu adalah permasalahan perumahan yang saya sendiri anggap sudah berada di tahap kritikal.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rakyat Kempas memohon agar dasar pembangunan khususnya perumahan yang bakal dibangunkan hendaklah berpaksikan kepada

iltizam Ke Bawah Duli Tuanku dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahu setiap rakyat mempunyai tempat perlindungan yang selamat. Dalam konteks ini kita tidak mahu Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Barisan Nasional mengkhianati Dasar Perumahan Negara di mana setiap kuota Bumiputera yang ditentukan tidak boleh di kompromi dan apa cara sekalipun malahan tidak seharusnya terlepas ke tangan pembeli dan pelabur dari luar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat syarikat perumahan yang diberi peluang oleh Kerajaan Negeri sebagai pemaju telah meletakkan nawaitu keuntungan mengatasi tanggungjawab sosial. Ada di kalangan mereka yang mendahulukan fasa-fasa perumahan mewah sebelum membangunkan kawasan perumahan rakyat yang diambil kira sebagai kurang lumayan di aspek penghasilan. Kesan daripada tindakan ini akan akhirnya terbeban di bahu kerajaan serta mencetuskan polemik politik yang menjadi isu pihak tertentu.

Saya amat berharap kejadian sebegini tidak akan berulang lagi. Marilah kita sama-sama memastikan impian dan hasrat Kerajaan Barisan Nasional membawa kebahagiaan kepada rakyat. Kita bukan parti picisan, kita bukan parti perkauman, kita juga bukan parti yang menabur janji-janji kosong yang dilafazkan semasa pilihan raya tetapi tidak dilaksanakan selepas amanah dan mandat diberikan oleh rakyat. Saya mewakili rakyat Kempas menuntut Kerajaan Negeri membutirkan secara tuntas apakah dasar perumahan yang sebenar-benarnya dan jumlah peratusan dikhususkan untuk kaum Bumiputera agar ianya diwartakan untuk pengetahuan seluruh rakyat di bumi Johor. Di samping itu, tindakan perundangan perlu juga dijelaskan di mana apakah tindakan perundangan yang boleh dan wajib diambil ke atas mana-mana pihak yang mengkhianati pewartaan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya telah berjanji kepada rakyat Kempas dan kepada diri saya sendiri bahawa amanah ini akan saya pikul berdasarkan keyakinan saya bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang benar-benar berjiwa rakyat dan kerajaan yang mengotakan setiap janjinya. Tambahan pula Negeri Johor kini diterajui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat di atas pelantikan beliau itu. Kepulangannya ke Johor Darul Ta'zim seakan-akan seperti "Sirih Pulang Ke Ganggang".

Berlandaskan kepada satu pepatah Inggeris dengan izin, *A New Broom Sweeps Clean.* Saya bertambah yakin bahawa Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru ini akan memenuhi janji-janji yang telah dibuat serta membuktikan inilah kerajaan milik rakyat untuk rakyat selaras dengan slogan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri iaitu merakyatkan kerajaan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di atas tindakan yang dibuat oleh pihak yang telah menyalahkan surau di bumi Johor ini.
Saya juga alu-alukan tindakan selanjutnya oleh Kementerian Dalam Negeri ke atas individu-individu yang diberikan keistimewaan untuk bermastautin di negara ini tetapi telah menyalahgunakan keistimewaan itu. Dan saya menyarankan, saya menyarankan kepada pihak-pihak tertentu di peringkat Pusat agar jangan memandai-mandai hendak menyoal keputusan yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam dan

Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim (Dewan bertepuk). Jangan ada dari peringkat Pusat waima dari barisan kita juga yang cuba membuat kenyataan derhaka terhadap tindakan Kerajaan Negeri Johor, lebih-lebih lagi dalam isu-isu yang menghina agama Islam di bumi ini.

Kalau kita ini tukang kasut jangan pula kita hendak mengajar tukang gunting bagaimana hendak mendandan rambut. Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kalam saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Speaker kerana diberi, dipilih mengepalai Dewan yang mulia ini. Sebagai Ahli Dewan Negeri yang baru, saya berdoa agar amanah dan mandat yang diberikan kepada kita semua oleh rakyat Johor akan disempurnakan dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab. Saya yakin, saya yakin dengan sepenuhnya bahawa kerajaan yang saya wakili adalah sebenar-benarnya kerajaan dari rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat, demi Allah, untuk negara. Sekian, wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kempas. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bekok.

Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Yang Berhormat Datuk Speaker, selamat petang dan salam sejahtera. Bekok ingin ambil bahagian untuk membahas usul Menjunjung Kasih ke Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Pertama Dewan Negeri Johor Ke-13. Bekok ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan Titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dimaklumkan bahawa Labis merupakan tempat menarik yang lagi menawan hati orang ramai. Kawasan ini dikurniakan dengan banyak khazanah yang tidak ternilai harganya. Sebagai contohnya Taman Negara Johor Endau-Rompin, Air Terjun Takor Melok Kampung Tenang, dan Air Terjun Sungai Batang Bekok, pusat rekreasi air yang menarik perhatian para pelancong tempatan dan asing. Di samping itu, penduduk Labis yang berbilang bangsa mempunyai adat resam dan budaya yang berbagai-bagai keramahan, kemesraan dan sikap sopan santun adalah teras kehidupan masyarakat yang konservatif dan jati. Hal yang sedemikian sepatutnya menjadikan kawasan Labis destinasi pilihan para pelancong dan industri pelancongan di kawasan Labis akan pesat berkembang. Dengan duka hatinya, industri pelancongan di kawasan Labis semakin merosot akibat kelalaian dan kekurangan penyelenggaraan infrastruktur tempat pelancongan daripada pihak berkenaan. Tambahan pula pemberian publisiti dan teknik penghebahan untuk menarik perhatian pelancong-pelancong adalah tidak mencukupi, sehingga menjadi punca utama kemerosotan pembangunan industri pelancongan di kawasan Labis.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Labis merupakan kurniaan Tuhan yang maha besar. Tanah gambut yang luas di kawasan Labis adalah sesuai untuk penanaman kelapa sawit dan getah. Kebanyakan penduduk Labis merupakan pekebun dan bersyukur dengan kurniaan Tuhan ini, bahkan Labis juga terkenal dengan tanaman buah-buahan tempatan seperti durian, rambutan, tembikai, manggis, langsat dan sebagainya.

Akan tetapi keadaan kehidupan pekebun menjadi semakin sukar, dan menyesak dengan tanggungan kehidupan harian sejak harga tanaman mereka jatuh. Kos yang tinggi dan buah-buahan mereka tidak lagi menjadi tarikan perhatian pelancong. Maka apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk membantu pekebun yang menghadapi masalah ini? Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun lokasi Labis adalah strategik iaitu berdekatan dengan Negeri Melaka dan Pahang, bersebelahan dengan bandar-bandar seperti Segamat, Yong Peng, Batu Pahat dan Muar tetapi nampaknya penduduk Labis tidak beruntung dan manfaat dari segi sudut pandangan ini.

Hal yang demikian adalah kerana rangkaian jalan raya yang menghubungi tempat-tempat tersebut adalah tidak sempurna dan kurang memuaskan. Keadaan jalan raya yang teruk, rosak, berlubang dan tidak rata bukan sahaja membahayakan pengguna-pengguna jalan raya, malah juga menunjukkan imej yang tidak baik kepada para pelancong dari tempat jauh atau asing. Keadaan yang sebegini juga sering menjadi punca pelancong bertukar fikiran untuk melawati tempat lain yang hampir serupa dengan tempat rekreasi Labis dan infrastruktur serta perjalanan ke tempat rekreasi yang lebih selesa dan sempurna.

Hakikat keadaan jalan raya yang tidak lengkap lagi buruk telah menjadi kawasan Labis kurang berupaya untuk bersaing dengan tempat rekreasi yang lain. Sebagai contohnya Yang Berhormat Datuk Speaker, kebanyakan aduan yang saya terima dari penduduk Labis adalah berkaitan dengan masalah jalan raya yang tidak rata, berlubang dan longkang tersumbat serta infrastruktur awam rosak. Masalah tersebut telah menyukarkan dan mempengaruhi kehidupan harian penduduk Labis. Apabila saya membuat aduan di Majlis Daerah Labis, kebanyakan jawapan yang didapati daripada pihak berkenaan adalah peruntukan tidak mencukupi. Akibatnya Majlis Daerah Labis tidak dapat menyempurnakan kerja menaik taraf infrastruktur awam. Maka saya meminta Kerajaan Negeri Johor untuk lebih memberi perhatian kepada NGO demi kepentingan awam dalam peruntukan tahunan. Tambahan pula selepas terdapat Ahli Majlis dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung meletakkan jawatan kebelakangan ini. Masalah tersebut nampaknya lagi jelas kerana penduduk tidak dapat, tidak tahu patut mengadu kepada pihak siapa apabila mereka menghadapi masalah sosial. Siapa yang akan meneruskan dan menyempurnakan tugasan Ahli Majlis tersebut? Harap Majlis Daerah tidak mahu melantik yang tidak bertanggungjawab punya orang.

Y.B. Datuk Speaker, saya juga mengharapkan Kerajaan Negeri Johor menambahkan peruntukan kepada Labis terutamanya dalam bidang pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam. Perkhidmatan pengangkutan awam merupakan satu kaedah dan taktik untuk mengarahkan interaksi antara dua bandar yang berlainan. Keadaan sebegini lagi ketara nampaknya di kawasan luar bandar seperti kampung-kampung dan kawasan pedalaman Bekok. Interaksi antara penduduk tempatan dengan luaran bukan sahaja dari segi kegiatan ekonomi, bahkan dari segi ilmu pengetahuan, agama, budaya dan sebagainya.

Dengan perkhidmatan pengangkutan awam yang memudahkan orang ramai dan ekonomik, Labis pasti akan menarik semula perhatian para pelancong bahkan

meningkatkan tempoh masa perjalanan ke Labis sehingga menolong industri pelancongan berkembang semula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan Labis telah menghadapi masalah kehilangan tenaga manusia yang serius. Hal ini demikian adalah disebabkan oleh peluang pekerjaan yang tidak mencukupi. Oleh sebab itu, saya mengharapkan agar Kerajaan Negeri Johor dapat mempertimbangkan untuk membangunkan sektor perindustrian dan aktiviti ekonomi di Labis demi menarik modal dan tenaga pekerja pakar untuk berkhidmat di Labis. Bak pepatah, "ayam berlaga itu, kalau diberi makan di pinggan emas sekalipun, ke hutan juga perginya". Saya percaya bahawa penduduk tempatan terutamanya golongan ....

Y.B. Datuk Speaker : Apa Yang Berhormat, pepatah itu apa maksudnya?

Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Pepatah..

Y.B. Datuk Speaker : Makan dulang emas pergi hutan juga?

Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Sekalipun..

Y.B. Datuk Speaker : Tak pernah dengarlah saya itu.

Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Oh tak pernah dengar? Saya percaya penduduk tempatan terutamanya golongan berpakar dan remaja yang baru menghabiskan pelajaran mereka di menara gading adalah bersudi untuk berkhidmat dan bekerja di tempat kelahiran mereka. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya akhiri perbahasan ini dengan perumpamaan, "Ingat-ingat yang di atas, yang di bawah akan menimpa". Pihak yang berkuasa haruslah berhati-hati dan lebih telus dalam pelaksanaan obligasi masing-masing dan janganlah menyusahkan rakyat yang kita sayangi dan menyokong kita. Janganlah main politik lagi, seperti tadi cakap, seperti contohnya, pembantu-pembantu saya membawa orang-orang yang susah nak pergi kebajikan, pejabat kebajikan, sampai ke pejabat kebajikan, dia tanya punya soalan yang pertama, Pilihan Raya Umum Ke-13 undi siapa? Ini saya nak, tidak mahu dengar lagi. Harap jangan main politik lagi. Kita nak kerja bersungguh-sungguh untuk rakyat. Jadikan perasaan ini sebagai panduan pembangunan dan pembinaan suatu masyarakat yang mesra, aman, tenteram lagi maju. Sekian, terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bekok. Saya akan tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit ya untuk sementara waktu sehingga pukul 4.00 petang, dan apabila kita menyambung semula nanti, Yang Berhormat Stulang kita persilakan untuk membuat perbahasan. Dengan ini saya tangguhkan sementara Dewan ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.40 petang.

Persidangan disambung pada jam 4.00 petang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan di sambung semula. Stulang.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih. Selaku Ahli Dewan Negeri Stulang yang bersidang pada hari ini, ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Yang Pertama bagi Dewan Negeri Johor yang Ke-13. Terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap membincangkan isu-isu semasa di Dewan yang mulia ini. Mudah-mudahan isu yang di bawa akan menjadi satu garis panduan untuk penggubalan dasar dan juga perancangan pembangunan pada masa yang depan. Ada banyak aspek dalam Negeri Johor yang saya rasa masih mempunyai ruang untuk perubahan ataupun boleh diperbaiki. Salah satu isu yang saya ingin bawa adalah masalah jerebu. Masalah jerebu saya rasa mungkin dicadangkan pihak Jabatan Persekitaran di Johor, Alam Sekitar Johor boleh bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar peringkat Pusat untuk memaparkan indeks pencemaran udara dalam kekerapan yang lebih kerap. Dengan kekerapan yang lebih kerap, kita tak mahu tengok setiap 8 jam baru dikemas kini kerana Indeks Pencemaran Udara ini merupakan satu maklumat yang sangat penting untuk digunakan oleh rakyat untuk membuat, untuk menjaga, untuk mengetahui keadaan udara supaya kesihatan mereka terjaga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu isu lagi yang saya ingin bawa adalah berkenaan dengan syarikat yang tidak untung di Negeri Johor. Kita tidak mahu tengok syarikat yang tidak untung di Negeri Johor terus mengalami kerugian. Contohnya apa yang berlaku pada anak syarikat subsidi pelancongan, Johor Hotel, JCorp Hotel Resort Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian sejak 2008 sampai 2010 di mana angka kerugian telah mencecah kepada, angka kerugian terkumpul telah mencecah kepada RM114.6 juta. Ini merupakan satu angka yang cukup besar dan saya rasa Kerajaan Johor tidak mampu untuk terus mengalami kerugian. Kalau terus mengalami, kita tidak mahu keadaan ini terus berlaku dan tidak mahu tengok sebelum nasi sudah menjadi bubur, barulah kita tahu sebenarnya kita telah banyak buang duit rakyat. Jadi, di seru, menyeru kepada kerajaan agar lebih berhati-hati apabila memantau kerja-kerja anak-anak syarikat yang sekarang mengalami kerugian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini jua saya ingin mengutarakan satu isu tentang Kerajaan Negeri dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat memikul tanggungjawab yang sangat besar dalam pembangunan Negeri Johor dan juga menyelesaikan masalah rakyat. Stulang berharap setiap pihak yang terlibat boleh melaksanakan tanggungjawab masing-masing berlandaskan kehendak dan keperluan rakyat, bukannya berlandaskan fahaman politik bangsa dan agama ya. Kes-kes yang diajukan oleh pihak pembangkang ya, dalam Dewan ataupun untuk perhatian Pihak Berkuasa Tempatan ataupun agensi kerajaan yang berkaitan juga patut diberi perhatian penuh seperti yang diberikan kepada pihak pemerintah. Amalan yang adil ini juga bermaksud kita berlaku adil kepada rakyat kerana rakyat tidak harusnya dianaktirikan walaupun terdapat perbezaan fahaman politik, agama dan bangsa.

Kita juga tidak mahu ada tanggapan yang negatif, kita tidak mahu ada tanggapan yang negatif terhadap Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi yang terlibat oleh rakyat. Imej positif kalau boleh dibina sekiranya kerajaan berlaku adil, pasti akan menyokong kedua-dua pihak dalam mewujudkan suasana kerjasama yang erat demi memberi kemajuan kepada Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh isu perumahan. Masih ramai lagi rakyat tidak mampu memiliki rumah, bahkan ada ramai lagi yang nak membayar sewa rumah pun menjadi satu beban. Justeru itu, Stulang menyeru kepada pihak kerajaan agar membina lebih banyak lagi rumah murah dan rumah sewa kerajaan untuk memenuhi keperluan rakyat yang kian meningkat. Dalam isu sewa rumah kerajaan, satu mekanisme yang lebih telus harus dipraktikkan supaya pembahagian yang lebih adil dan saksama boleh dicapai tanpa sebarang penyelewengan. Adalah dicadangkan supaya kuarters atau unit yang kosong dapat disenaraikan di setiap kawasan rumah sewa kerajaan atau PPR. Langkah ini bertujuan untuk orang awam ketahui di mana ada kekosongan unit apabila mereka ingin mengajukan permohonan. Untuk lebih berkesan, nama mereka yang telah memohon dan di senarai tunggakan juga boleh dipaparkan supaya mereka akan tahu status permohonan mereka dan bilakah mereka berkemungkinan akan dapat rumah. Kita tidak mahu tengok ada pihak yang memotong jalan separuh jalan, rumah sewa diperuntukkan kepada kawan-kawan, kroni-kroni atau pemohon-pemohon dengan sokongan unsur politik, semua ini tidak adil kepada rakyat jelata. Selain itu, langkah yang lebih telus juga boleh mengelakkan ada sesetengah pihak yang cuba mengaut keuntungan atau mendapatkan komisen daripada rumah sewa kerajaan dan sebagainya. Ini juga amat penting untuk menghilangkan, untuk menghilangkan tanggapan awam bahawa banyak penyelewengan telah berlaku ya. Sekiranya aspek rumah sewa ini boleh dikendalikan dengan telus, maka rakyat pasti akan lebih mempercayai kerajaan dan ini juga berfaedah kepada Kerajaan Negeri dari segi imej dan integriti. Kita tidak mahu mendengar ada rintihan daripada rakyat bahawa setiap kali mereka ingin memohon, jawapan *standard* adalah tiada kekosongan, ini yang kita tidak mahu dengar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang kita ketahui, impian memiliki rumah merupakan idaman setiap rakyat. Harga hartanah telah melambung tinggi sejak kebelakangan ini. Keadaan ini telah menjadikan harga rumah menjadi terlalu tinggi. Ini telah pun diutarakan oleh ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat pada pagi ini. Mereka yang berpendapatan sederhana juga mengalami masalah untuk memiliki rumah, apatah lagi mereka yang berpendapatan rendah. Kalau perkara ini terus berterusan, jurang perbezaan kekayaan di antara kaya dengan miskin akan semakin besar. Justeru ini, adalah menjadi keperluan untuk kerajaan mengkaji semula mekanisme untuk mencapai pembinaan 40% rumah mampu milik untuk setiap pembangunan. Rakyat tidak mahu lihat pembinaan rumah mampu milik hanya di atas kertas perancangan sahaja ataupun dibangunkan separa ataupun akhirnya terbengkalai. Rakyat ingin melihat rumah-rumah tersebut betul-betul dibangunkan. Desakan juga harus dilakukan untuk projek-projek yang tertangguh lama agar mereka yang telah membeli rumah boleh berpindah masuk. Kita tidak mahu tengok rakyat yang sudah miskin terpaksa menanggung kerugian lagi akibat rumah mampu milik yang tidak siap

yang telah dibeli oleh mereka. Keadaan ini seperti, 'menaruhkan garam pada luka', sangat sakit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain itu isu perumahan satu berkaitan dengan isu perumahan adalah berkenaan dengan lesen pembangunan mungkin Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk memperbaiki mekanisme pengurniaan lesen pembangunan kita memang tahu setiap pembangunan dalam pelan induk memang ada peruntukan rumah murah, rumah sederhana dan sebagainya tetapi sama ada mereka betul-betul membina itu soalan lain kerana dengan keadaan sekarang membina rumah mewah itu yang boleh mendatangkan keuntungan yang tinggi merupakan pilihan para pemaju. Justeru itu, untuk lesen pembangunan apabila diberikan dari fasa ke fasa adakah kita boleh menetapkan masa untuk membina rumah kos rendah kerana lesen pembangunan diberikan adalah peringkat fasa ke fasa apabila lesen perumahan mewah atau fasa pertama diberikan kepada pemaju fasa tersebut tidak merangkumi pembinaan rumah kos rendah ataupun menetapkan masa pembinaan rumah kos rendah yang telah dirancangkan dalam pelan induk. Maksudnya, kalau projek ini tiga puluh tahun mereka ini apabila memohon lesen pembangunan dari fasa ke fasa akhirnya mereka tidak akan memohon untuk lesen membangunkan rumah kos rendah kerana akhirnya lepas dua tahun kita tidak tahu apa yang berlaku. Jadi apa yang dicadangkan adalah lesen pembangunan apabila diberikan rumah kos rendah untuk kawasan tersebut perlu juga diberi perhatian atau dibina sebahagiannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian di sini saya menyentuh dalam pelbagai isu berlaku di bandar-bandar raya terutama di kawasan Stulang banyak kes jenayah telah pun berlaku, jadi apa yang tadi dicadangkan oleh Johor Jaya tadi mencadangkan CCTV perlu dipasang di sekitar Bandar raya saya amat setuju dengan cadangan tersebut lebih banyak CCTV patut dipasang di kawasan bandar sebagai satu langkah untuk menolong pihak Polis menurunkan kadar jenayah. CCTV yang dipasang mesti pastikan ianya betul-betul berfungsi dan dipantau dari semasa ke semasa. Ini adalah satu cara untuk membendung masalah jenayah, penjenayah juga takut apabila ingin melakukan jenayah, apa yang disebutkan pagi tadi ramai orang dari luar negara dari Singapura yang datang ke Malaysia melawat mak, mertua ibu mertua, mereka akan merasa lebih senang dan gembira kalau ada banyak CCTV dipasang di Johor Bahru. Maka dengan ini mereka akan rasa bergembira bila mereka rasa lebih gembira mereka akan berbelanja lebih inilah kita mahu tengok apabila satu keadaan selamat dicorakkan di Bandar raya Johor Bahru maka pendapatan kita mesti akan melambung naik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah banjir di Bandar raya Johor Bahru pun satu masalah yang cukup kritikal. Bandar raya Johor Bahru merupakan satu bandar cukup penting untuk Johor, kita mesti, infrastruktur asas Bandar raya Johor Bahru mesti adalah bertaraf *standard* antarabangsa kerana ia antara satu Bandar di mana orang ramai berkumpul. Justeru itu, kita tidak boleh tengok bila hujan setengah jam sahaja banjir terus akan berlaku.

Justeru itu, di sini Stulang meminta Kerajaan Negeri memberi peruntukan lebih,lebih, lebih, lebih supaya masalah perparitan di Stulang dan di Johor Bahru secara

umumnya boleh diselesaikan, kita tidak mahu tengok sistem perparitan di Stulang, di Johor Bahru, di Pengkalan Rinting, Johor Jaya, di Kempas dan sebagainya di bawah penguatkuasaan MBJB, MBJBT dan Pasir Gudang dan sebagainya longkang tersebut langsung tidak berkait bila hujan sedikit sahaja sudah banjir. Ini akan merosakkan imej negara kita dan juga akan memberi kesusahan kepada orang ramai dan juga ekonomi negara juga.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat Stulang masa sudah cukup.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Ok, satu minit lagi boleh? Akhirnya, saya ingin Yang Berhormat. Datuk Speaker, menurut Titah Sultan juga dalam usaha membawa Johor ke arus pembangunan lebih bertaraf antarabangsa tanpa mengubahkan nilai murni kita setiap kaum haruslah menggembleng tenaga untuk mencapai matlamat. Kita lantaran itu bahasa dan percakapan yang membawa perkauman patut ditegah dan dihalang sama sekali, penyusunan semula masyarakat yang lebih proaktif dan lagi berkesan perlu dilaksanakan supaya tohmahan atau pun tanggapan *stereotype* tidak dapat dilakukan terhadap sesuatu kaum dan tohmahan pukau tidak akan dapat dilakukan terhadap sesuatu kaum.

Akhir sekali di sini saya ingin menjunjung sekali lagi Titah Sultan yang berbunyi "suka saya ingatkan di sini kepada semua Ahli Dewan Negeri Johor supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan jujur ikhlas dan beretika, masa untuk kempen berpolitik telah pun selesai". Saya amat setuju dengan Titah Sultan dan berharap Dewan ini dan penggubal dasar akan tidak memasukkan unsur berkempen politik dalam penggumbalan dasar dan juga pentadbiran dalam semua isu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Jemput Tanjung Surat.

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman. (Tanjung Surat): Bismilahirahmanirahim, Assalamualaikum warahiwarabakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat. Datuk Speaker, saya mewakili ADUN Tanjung Surat di mana kawasan saya banyak disebut, ada yang tahu ada kubur kerabat Brunei di Kampung Jawa Pengerang. Semua orang hendak tahu tentang Pengerang yang dulu nya tempat buang Pegawai Kerajaan yang tidak berdisiplin pada suatu masa dulu.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat. Tanjung Surat sudah tengok , dah ziarah kubur itu?

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, (Tanjung Surat) : Belum. (Dewan ketawa) Jadi hendak keluar dari Pengerang dulu naik bot dari Tanjung Pengelih ke Changi, *and to the rest of the world,* dengan izin. Jadi, semua hendak tahu tentang Pengerang semua hendak mengajar orang Pengerang apa yang baik untuk mereka dan apa yang tidak orang luar sibuk datang sedangkan projek RAPID dan projek-projek berkaitan dengan *oil and gas,* ini minyak dan gas telah diterima dengan baik dengan rakyat Pengerang. (Dewan bertepuk).

Ada dari kalangan parti politik dan juga NGO-NGO yang datang Pengerang membuat demonstrasi,protes dan sebagainya. Mereka tidak menggambarkan orang di Pengerang, kami semua hendak projek ini kerana projek ini bukan projek Petronas

atau Dialog semata-mata tapi adalah projek nasional Projek Transformasi Ekonomi kita. (Dewan tepuk).

Saya harap tiada lagi protes-protes yang datang, Pengerang, janganlah hendak mengajar Penggerang, *how to live your life,* dengan izin (Dewan bertepuk)kerana berpuluh tahun dahulu kampung saya, Kampung, Teluk Ramunia adalah *boaxide mine* lombong *boaxide*. Tahukah tuan-tuan boaxide bila dibasuh keluar air merah, pihak syarikat alihkan, sungai masuk ke lautan luas depan rumah saya, laut merah colour merah, tiada seorang pun pakar atau pun pejuang aktivis alam sekitar sampai pun, tapi sekarang sibuk semua. Jadi saya harap jangan datang lagi ke Penggerang biar kita hadapi semua ini (Dewan bertepuk). Dalam pada itu, saya harap projek ini dapat berjalan dengan lancar walaupun banyak menghadapi beberapa masalah, bukan masalah besarlah, masalah projek begini besar memang ada pun masalah kami akui tapi masalah pun tidak mustahil kalau tidak memang boleh diselesaikan ya.

Daripada pihak kami di Pengerang khususnya di Tanjung Surat kami minta pertimbangan kerana rakyat yang terlibat, enam, tujuh kampung ni, yang terlibat pindah rumah yang akan di roboh, tanah diambil ialah dengan pampasan rumah diganti rugi tapi diganti dengan rumah subsidi, tanah dua ekar dan rasa saya tiada kerajaan dalam dunia buat macam ini . iya? (Dewan tepuk). Ada pernah dengar? Tiada eh? Tapi Kerajaan Barisan Nasional buat ini semua tapi walau bagaimanapun, dalam pampasan ini ada yang puas hati, terima duit dengan puas hati, ada yang terima duit kurang puas hati ada juga yang tidak terima langsung itu hak mereka-mereka meneruskan melalui cara melalui Mahkamah jadi hak mereka kita tidak boleh ganggu lah eh?

Y.B. Dato' Speaker ada beberapa perkara yang kita hendak pastikan rakyat Pengerang mendapat atau ADUN Tanjung Surat khususnya mendapat faedah semaksimum mungkin dari projek ini ialah pastilah dengan projek ini banyak peluang pekerjaan dan juga peluang perniagaan. Saya telah banyak bercakap dan bekerjasama dengan pihak Petronas, dialog dan sebagainya supaya diberi latihan yang sewajarnya kepada anak-anak Pengerang, anak-anak ADUN Tanjung Surat khususnya untuk dilatih, untuk bekerja diberi peluang bekerja di tempat-tempat yang saya telah disebutkan tadi lagi sama ada di Petronas atau DIALOG dan di syarikat-syarikat yang lain yang akan datang. Jadi, dalam permohonan pihak Petronas ada bekerjasama begitu juga pihak SIRIM untuk pihak IKBN di Penawar menawarkan kursus-kursus ini sebagai satu langkah awal untuk kita menyediakan anak-anak kampung untuk mengambil kesempatan dalam projek yang sebesar ini.

Begitu juga peluang-peluang perniagaan, peluang-peluang *bisnes* atau pun jadi kontraktor *supplier* dan sebagainya. Kita harap pihak kerajaan atau pun agensi-agensi kerajaan dapat memberi membina yang patut membina ruang-ruang peniaga dan begitu juga pihak perumahan siapa agensi yang berkaitan dengan perumahan kerana di Pengerang tidak cukup rumah sekarang ini kalau ada rumah tengah ada buat orang datang tanya 'ini awak nak duduk ke nak sewa?' fasal apa dia nak sewa dia tiada tempat, ada yang berulang dari Johor Bahru. Saya ingat bila projek RAPID bermula nanti saya tidak hairan kalau ada penduduk yang datang atau pekerja yang datang dari Singapura bekerja hari-hari. Jadi saya harap Jabatan Perumahan atau SPNB dan sebagainya dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan permainan

perumahan supaya melihat Pengerang, keperluan di sana yang sangat meruncing dan saya difahamkan daripada Petronas dalam masa dua tahun lagi enam puluh ribu pekerja yang ada di Pengerang, mana hendak letak saya pun tidak tahu mungkin sebahagian besar akan duduk rumah kongsilah dalam kawasan pembinaan projek itu yang selebihnya harus mencari mungkin ada sampai ke Kota Tinggi pun ada orang sewa yang bekerja di Pengerang.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta dipertimbangkan ada orang tidak dapat apa-apa walaupun rumah dia terlibat kerana apa, dia sewa, dia duduk, dia buat rumah di tanah orang jadi bila kerajaan ambil tuan tanah dapat pampasan dan dapat ganti rugi dan rumah dapat beli rumah yang subsidi itu tapi orang yang rumahnya yang di tanah tumpang di tanah itu tidak dapat apa-apa, memang dia tiada hak memang saya setuju tapi sebagai seperti biasa BN adalah sebuah Kerajaan yang prihatin gunakanlah budi bicara supaya dapat membantu orang seperti ini. Begitu juga orang yang rumahnya di *reserve* pantai. Tapi dah duduk situ 30 tahun, tak dapat apa-apa, akan di roboh rumahnya tak dapat apa-apa. Dia nak beli rumah yang subsidi tu pun tak ditawarkan. Jadi saya harap dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri supaya mereka juga dapat, senang sahaja kenapa dia buat rumah di *reserve* pantai, pasal dia tak ada tanah. Kalau tak nak kasi rumah, kasi dia tanah. Saya harap pihak Kerajaan Negeri dapat menimbangkan perkara ini supaya dapat membantu orang-orang tempat saya yang tidak dapat apa-apa pampasan begitu juga ada yang berniaga di sewa kedai. Kedai, ruang niaga, *bisnes* bagus tapi bila kawasan nak diambil tokeh kedai dapatlah pampasannya tapi orang yang menyewa tak dapat apa. Dia kena pindah juga nak cari tempat peluang niaga yang lain. Jadi, saya harap kalau ada peluang-peluang ruang-ruang niaga nanti orang-orang yang seperti ini dapat dipertimbangkan untuk diberi keutamaan.

Y.B. Datuk Speaker : Tanjung Surat, sila gulung.

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Dato' Speaker, saya juga berharapkan saya faham, dalam sehari dua ni akan berlaku proses undi untuk mendapatkan lot-lot rumah dan juga tanah yang dua ekar itu pada yang terlibat. Jadi, saya harap infrastruktur di situ di kawasan itu dapat disegerakan termasuklah tempat-tempat beribadat, surau, masjid. Termasuklah kuil dan juga balai raya, sekolah semua dapat disegerakan kerana saya bimbang kalau pindah dulu, sekolah tak ada, tak siap lagi, mereka akan berulang ke tempat yang lama. Kerana orang Teluk Empang akan berulang dari Kampung Sepang Teluk Ramunia tu yang agak jauh mungkin pihak Petronas kena sediakan bas atau saya tak tahu macam mana. Kalau sekolah dipercepatkan siap dapat digunakan dengan segeralah. Tidak mengganggu pembelajaran. Tapi, saya rasa sekurang-kurangnya sekolah menengah saya difahamkan akan terus berada di Sekolah Menengah Tanjung Datuk itu, untuk satu masa sebelum sekolah yang baru dibina.

Akhir sekali saya ingin menyentuhkan sikit sahaja Dato' Speaker, mengenai Lebuh raya Senai-Desaru sebagai seorang Jurutera Awam saya pun malulah tengok *highway* ni saya di hubungi ada yang *accident* kat situ minta saya di mana nak mengadu dan sebagainya. Lebuh raya ini 2/3 sahaja *highway* 1/3 bukan *highway*,satu lorong sahaja, sebelah satu lorong. Jadi, saya harap pihak lembaga Lebuh raya cuba tanya dengan *concessionerr holder,* ni kalau boleh kurangkan tol pasal dia buat 2/3 sahaja yang 1/3

bukan *highway*, yang kita tahulah bukan *highway*. Dan, selain pada itu jalan tidak rata, bergelombang banyak lubang katanya pasal projek RAPID jalan ni rosak, saya tak setuju sebelum RAPID bermula pun jalan dah banyak rosak tapi projek lori-lori projek RAPID ni..

Y.B. Datuk Speaker : Cukup Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : menambahkan teruk lagilah. Jadi Dato' Speaker saya harap Lebuh raya Senai-Desaru ni dapat diberi keutamaan untuk dibaiki. Dan juga, infrastruktur lain yang berkaitan ni dapat dipercepatkan supaya projek minta di Pengerang ataupun di RAPID dan Dialog semua tu berjalan dengan lancar. Cuma saya satu sahaja saya nak minta izin Dato' Speaker tadi, saya nak tanya kata minta tadi nak minta iktiraf Ketua Pembangkang dan disediakan Pejabat Ketua Pembangkang. Cuma saya nak tanya satu adakah pengiktirafan dan pejabat yang sama ada di Penang, Selangor dan Kelantan. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Serom.

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Bissmillahirahmanirahim. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Dihormati Dato' Speaker, terutama sekali saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT dengan izin-Nya, saya dapat mengambil giliran untuk ucapan. Dan, berterima kasih dengan giliran no. 14 itu ucapan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan. DUN Serom bercadang pada awalnya untuk mengucapkan terima kasih pada terutama sekali pada kakitangan Kerajaan. Malangnya saya teruja daripada Rengit telah mengatakan bahawa memohon supaya Kerajaan hendaklah berkecuali di dalam pentadbiran Kerajaan ataupun dalam berkaitan dengan rakyat. Melalui pengamatan saya kakitangan Kerajaan ini telah lama mengamalkan sikap profesional. Mereka inilah orang-orang yang melaksanakan perlaksanaan Kerajaan, dasar-dasar Kerajaan menuduh mereka ini tidak profesional pada pengamatan saya satu pertuduhan yang berat dan mengecewakan saya. Mereka ini telah membuktikan khususnya pada DUN Serom sikap profesionalnya dan juga Johor amnya hingga wujudnya satu keadaan di mana peluang pada pihak pembangkang berada dalam Dewan ini kepada komposisi 18 orang. Sebelum tu saya juga memuji kepada Rengit, Yang Berhormat Rengit hampir keseluruhan idea itu dalam pada itu sangat saya setuju.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker saya belum berucap lagi, bila masa saya berucap.

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon saya, Parit Yaani sebab tulis tadi. Jadi, alhamdulillah maknanya faham juga saya ulang sekali lagi apa yang kata-kata saya tadi Parit Yaani. Saya mohon maaf, terima kasih atas.

Parit Yaani telah pun menarik perhatian saya yang begitu menyentuh perasaan saya kerana melalui pengamatan saya mereka ini telah pun memberikan kerjasama yang sangat baik sehingga Kerajaan Negeri Johor telah berada pada keadaan paras selain daripada kemajuan Negeri Johor ini sendiri. Keadaan ini telah dapat direalisasikan di

dalam Dewan ini, di mana sehingga terbukti mereka berpeluang berada pada 18 orang komposisinya di dalam Dewan ini. Maka saya harap marilah kita sama-sama mengucapkan tahniah pada kakitangan Kerajaan Johor dan juga agensi-agensinya supaya mereka lebih dapat berkhidmat dengan cemerlangnya untuk kemajuan Negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, saya juga menarik perhatian kepada pengamatan saya terhadap Rukun Negara kalau awal di mana Kepercayaan Kepada Tuhan,Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan. Dalam Rukun Negara ini asasnya dibina di peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat belia hinggalah kita berada di peringkat rakyat yang ada merata ini. Tapi jika mereka ini sebahagiannya telah diracuni di peringkat awal di sekolah awal hinggalah peringkat mereka berakhir hampir akhir peringkat persekolahan lahirlah belia-belia yang berkecamuk pemikirannya dalam pemilihannya hinggakan dalam ujian popularitinya mereka mengatakan bahawa 51 % mereka mendapat popularnya daripada rakyat. Ini adalah kesan daripada aktiviti-aktiviti yang sentiasa mencari peluang dan satu titik hitam kepada seluruh titik putih. Kita di sini kalau melihat untuk mencapai kejayaan, berjuta untuk mencapai kejayaan telah dicapai sejak merdeka tapi. Kalau isu-isu yang dipertekankan persoalan operasi iaitu soal parit, soal lampu, soal jalan, soal masyarakat berilah kesempatan pada jawatankuasa mesyuarat yang telah ada menyentuh kepada semua urusan iaitu dari segi perancangan negeri yang telah ada jawatankuasanya dari segi pendidikan, dari segi pembangunan, usahawan dan koperasi Negeri Johor ini.

Juga Yang Berhormat tadi, daripada pembangkang yang menyatakan bahawa ada penumpuan kepada wanita sudah jelas bahawa populasi yang ada di peringkat sekolah dan peringkat tinggi kita lihat wanita yang mendominasi populasi ini. Jelaslah limpahan populasi ini akan berada di pasaran ataupun berada di masyarakat maka saya percaya setiap acap kali pembentukan majlis jawatankuasa mesyuarat tidak tertinggal dengan Pembangunan Wanita keluarga dan masyarakat dan saya harap carilah kebaikan-kebaikan contoh-contoh tauladan yang telah kita, buat bukan dengan pertuduhan satu titik hitam satu kertas hitam yang kita ada ini. Terima kasih.

Langsungan itu kepada Pelancongan, Perdagangan, Penggunaan DUN Serom berazam untuk melangsungkan kemajuan yang telah berada dalam Negeri Melaka yang telah berada dalam industri pelancongan ini. Iaitu laut dan sungai untuk menggabungkan sehingga peringkat sempadan DUN Serom iaitu DUN Serom ialah DUN yang terakhir dalam Negeri Johor diambil kira daripada Negeri Johor Bahru ini di Bandar Johor Bahru ini maka DUN Serom berazam untuk menyahut seruan dari segi industri pelancongan di mana untuk menyambungkan industri laut dan sungai menyambungkan industri Melaka itu kepada persisiran laut yang berada di Jambatan Muar yang bersejarah itu melintasi di bawah jambatan itu dan seterusnya melalui kawasan hinggalah melalui kawasan-kawasan nelayan dan boleh terus ke hulu iaitu di Gersik di mana di situ terdapat tempat pendidikan hab universiti. Maka DUN Serom berazam tadi saya lihat Bekok menyatakan bahawa Yang Berhormat Bekok mengatakan mereka bersyukur kerana tuhan memberikan tanah hitam tanah gambut tapi Serum juga bersyukur lebih bersyukur kerana Serom diberi pengairan air masin di

laut di bawah jambatan laut dan diberi sungai di air tawar di bawah jambatan parit dan saliran maka dengan adanya itu DUN Serom berazam dapat meningkatkan nelayan-nelayan di laut dengan laluan industri pelancongan itu tadi gabungan daripada negeri Melaka terus ke Gersik kita dapat melihat bahawa DUN Serom dapat majukan dua kumpulan yang besar yang mengharapkan mereka dapat meningkatkan ekonomi dapat bersama-sama meraih kesejahteraan yang sepatutnya kita buat iaitu nelayan laut dapat menikmati jeti-jeti yang baru, kawasan-kawasan nelayan yang baru dengan adanya projek ini yang diazamkan oleh DUN Serom maka nelayan-nelayan boleh dari segi ekosistemnya akan dapat dengan ada laluan itu DUN Serom berazam supaya dapat menambahkan jeti-jeti dan menambahkan jeti-jeti yang dinamakan 1J 1W ataupun 1 Jeti 1 Warung yang mana akan menyemarakkan kawasan itu dan memberi penghormatan orang kampung selain daripada meningkatkan ekonomi dapat berada di kawasan iaitu dapat bertukar-tukar fikiran dan seterusnya dapat banyak lagi aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Serom, sila gulung.

Y.B. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Minhat (Serom) : Izinkan saya satu minit ya Tuan Speaker, Dato' Speaker. Satu perkara lagi yang terakhir, menyingkap kepada tanah-tanah yang bermasalah. Untuk makluman Yang Berhormat, saudara sebelum ini, kita juga menghadapi masalah yang sama iaitu tanah di, dengan izin tanah di Bandar Serom dan tanah di Bukit Kangkar. Tanah ini sekian lama tidak dapat dimajukan berbanding dengan di Yang Berhormat Gambir telah pun berjaya menjadikan Bandar Baru Gambir kerana tanah di Bandar Serom ini terikat dengan perjanjian-perjanjian yang tidak nyata, perjanjian-perjanjian yang telah sekian lama.

Mereka ini telah menyewa dengan tidak ada tanda akhirnya perjanjian itu dan tanah-tanah ini adalah milik orang-orang yang telah pun sekian lama tidak pun mendatangkan hasilnya, hanya penyewaan yang tidak dapat diubah dan seterusnya mengganggu pembangunan khususnya di Serom dan Bukit Kangkar. Jadi sebelum akhirnya, saya berpengalaman sebagai Yang Berhormat lebih seratus hari, berjumpa dengan rakyat, saya mengalami pengalaman yang sangat indah. Apabila saya memenangi sebagai Wakil Rakyat, maka saya dipanggil oleh rakyat untuk membantu untuk membetulkan jalan raya. Saya lihat, jalan rayanya sedikit adalah lubang sedikit sana, sedikit sini, tetapi dalam peratusnya kerosakan 10%. Tapi apa yang saya jelaskan sebagai Wakil Rakyat, saya memang wajib turun berjumpa dengan rakyat. Tapi apa yang saya nak maksudkan di sini ialah kita mempunyai keadaan yang terhad, kepada Yang Berhormat pembangkang. Kita ada umpamanya RM10.00, kita ada 10 anak, kita ada 10 anak dan kita ada ketentuan dan kita ada bila masanya kita nak bagi dan pada siapa kita nak bagi.

Maka, apa yang saya amati mereka yang memohon itu adalah mereka-mereka yang terdiri dari pihak pembangkang yang jelasnya. Jadi, bukan saya ingin menafikan bahawa pembahagian, kesejahteraan, peruntukan dan sebagainya ini haruslah diberi kepada mereka-mereka yang telah sekian lama yang lebih dahulu memohon peruntukan-peruntukan ini untuk pembangunan. Jadi saya merumuskan bahawa di sini tanggungjawab dan kita semua dipertanggungjawabkan Yang Berhormat di sini. Dalam hal ini, pertama sekali berilah kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat

Dato' Menteri Besar kita di bawah kepimpinan 11 Ahli Mesyuaratnya dan di bawah keadaan 28 Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada, juga dengan pandangan-pandangan pihak pembangkang, marilah kita bersama-sama bukan mencari masalah tapi mencari penyelesaian di mana Pegawai- Pegawai Kerajaan adalah orang-orang yang membantu kita dan jangan dituduh. Dan belia anak-anak bangsa kita lihatlah kepada Rukun Negara supaya mereka ini tidak diporak-perandakan pemikirannya. Dan akhirnya sekali, saya berharap agar Dewan ini dapat diberi, dapat membentuk satu keadaan kesejahteraan Negeri Johor, Rakyat Didahulukan, Janji saya perlu ditepati. Dan saya hadir di sini sebagai Wakil Rakyat DUN Serom mempunyai harapan yang besar melintaskan daripada Negeri Melaka terus kepada hab universiti di kawasan Pagoh. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Puteri Wangsa, jemput.

Y.B. Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan Doa) Yang Berhormat Dato' Speaker, saya Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Saya merujuk kepada nombor 39 hingga 43 halaman 11, Titah Baginda. Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak kerajaan yang telah mewartakan fatwa mengenai fahaman dan ajaran Syiah adalah dilarang dan perlu ditolak oleh umat Islam di negeri ini. Selain dari menolak fahaman Syiah, sekali gus ianya menegaskan bahawa masyarakat Islam di negeri ini hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pada pandangan saya pihak kerajaan sewajarnya memastikan setiap orang Islam di negeri ini mendapat pelajaran dan pendidikan Agama Islam yang mantap, yang mantap dan sempurna merangkumi perkara-perkara asas ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Dengan yang demikian akan menjadi benteng pertahanan diri mereka sehingga tidak terpengaruh dengan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Firman Allah SWT (Surah Al-Mujadarah, ayat 11). Yang bermaksud. " Dan Allah meninggikan orang-orang yang beriman di kalangan kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan dengan beberapa darjat ketinggian." Sabda Rasulullah SAW (bacaan hadis) yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang bermaksud, "Sesiapa yang Allah nak berikan kebaikan, nescaya difahamkan kepadanya tentang agama."

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana budi pekerti dan akhlak yang mulia berkait rapat dengan ilmu agama dan penghayatan ajaran agama sebagaimana Sabda Rasulullah SAW (bacaan hadis) yang bermaksud, " Hanya sa-Nya, saya dibangkitkan bagi menyempurnakan kemuliaan akhlak." Maka saya ingin menyarankan agar pihak kerajaan memberikan perhatian yang lebih baik kepada perkembangan Sekolah-Sekolah Agama Negeri Johor dan Pusat-Pusat Pengajian Islam di Negeri Johor. Terdapat sebahagian Sekolah-Sekolah Agama Negeri Johor yang menggunakan rumah kedai, balai raya dan bangunan lama yang sangat uzur. Kerajaan Negeri Johor sewajarnya menyelesaikan masalah-masalah tersebut memandang wujudnya Sekolah-Sekolah Agama Negeri Johor sejak sekian lama merupakan kebanggaan Negeri Johor yang menjadi contoh kepada negeri-negeri lain di Malaysia. Saya tidak katakan yang sedia ada sekarang ini tidak baik. Tetapi maksud saya ianya masih boleh dipertingkatkan dengan sebaik-baiknya. Selain dari itu,

kita pohonkan jumlah guru yang mencukupi keperluan agar dapat memastikan kelancaran dan kesempurnaan pelajaran dan tarbiah yang berkesan. Begitu juga kita pohonkan agar guru-guru KAFA mendapat jawatan tetap serta mendapat pencen.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mencadangkan agar Pihak Kerajaan dapat menambah baik dan memantapkan Pusat Pengajian Tinggi Islam (MARSAH) sehingga ianya tersergam dan menyerlah di arena pendidikan pada masa kini yang dapat menarik minat penuntut-penuntut dari dalam dan luar Negeri Johor kerana daya saingnya yang tinggi dan hala tujunya yang jelas. Maka, begitulah juga kita mengharapkan agar pihak kerajaan memberikan sokongan moral dan material kepada Pusat-Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Pondok-Pondok Pesantren atau Madrasah-Madrasah Islamiah di Negeri Johor. Ada pun penuntut-penuntut di sini adalah merupakan golongan yang dengan izin ulama *in the making*. Sabda Rasulullah SAW (bacaan hadis) Hadith Riwayat Imam Abu Daud dan At Tirmizi.

Yang berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada nombor 44 halaman 11, Titah Baginda bahawa Baginda mengingatkan kepada semua rakyat Johor supaya terus hidup bersatu padu demi menjaga keamanan dan kemakmuran negeri kita. Maka saya mengajak semua pihak supaya saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Di dalam Al-Quran ada ayat yang dimulai dengan "Wahai orang-orang yang beriman" dan ada ayat yang dimulai dengan "Wahai manusia" yang mana dalam konteks saya di Puteri Wangsa sendiri walaupun pengundi-pengundi dari segi pengundi-pengundi Melayu 40%, pengundi Cina 47%, India dan lain-lain 13%, saya dalam ucapan-ucapan kepada semua kaum, saya suka dan selalu mengingatkan kepada Firman Allah SWT sebagai dakwah kepada semua, yang bermaksud," Wahai manusia sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan kami menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa, berbagai-bagai Kabilah, berbagai warna kulit dan budaya supaya kamu kenal-mengenal antara satu sama lain."

Selain daripada itu, yang mana sebab itulah kita, sebagai peringatan yang baik kepada semua kaum agar menjaga perpaduan yang mana ada keadilan sosial yang lebih tinggi dari ajaran yang dibawa oleh Baginda Nabi Muhammad S.A.W. dengan Sabdanya yang bermaksud, " Sesiapa yang menyakiti orang yang bukan Islam yang taat kepada negara ia seperti menyakitiku." Kata Baginda SAW. Inilah keadilan sosial yang paling tinggi yang diajar oleh Baginda SAW.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puteri Wangsa, sila gulung.

Y.B. Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker, sedikit lagi iaitu saya ingin berkongsi pengalaman dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam menjalankan tugas menyantuni rakyat di DUN Puteri Wangsa. Ada pengalaman yang manis dan ada pengalaman yang pahit. Pada 16 Mei yang lalu iaitu Hari Guru, saya melawat beberapa buah sekolah di DUN Puteri Wangsa hanya untuk mengucapkan Selamat Hari Guru kepada guru-guru di sana dan Alhamdulillah mendapat sambutan yang baik. Namun tidak lama selepas itu, Pengetua-Pengetua dan Guru Besar- Guru Besar sekolah-sekolah yang saya lawati kena buat surat tunjuk sebab kepada pihak

atasannya. Sepatutnya ini tidak berlaku sekiranya kita mendukung demokrasi yang sebenar-benarnya.

Apabila saya pergi berjemaah di masjid-masjid dan surau-surau di kawasan saya, bukan bermakna saya hendak menjadi imam sembahyang tetapi ada juga yang memberi peluang kepada saya menjadi Imam. Namun ada juga imam surau yang bilalnya belum selesai sembahyang Sunat Qabliyah, masih di tahiyat akhir belum beri salam, tiba-tiba imam sudah berdiri di atas sejadah imam kerana bimbang saya akan dipersilakan oleh orang lain untuk menjadi imam. Jadi itu kongsi pengalaman sahaja tuan-tuan yang mana inilah dan begitu juga hingga ada peristiwa Solat Jenazah lewat, orang minta saya jadi imam, imam *outstation* tapi pihak tertentu kata apa-apa hal tunggu imam juga. Tunggu 2 jam jenazah sudah siap mandi, kafan, anak-anak pun sudah ada. Inilah sedikit pengalaman, walau bagaimanapun, kita terus menyantuni rakyat dan kita mengharapkan perbezaan dan ketegangan-ketegangan atau pun perkara-perkara yang tersebut dapat dikurangkan dari semasa ke semasa kerana kita semua sama-sama untuk membela rakyat, memastikan kehidupan atau pun masa depan rakyat yang lebih baik dalam negara yang demokrasi. Jadi setakat itulah Yang Berhormat Datuk Speaker. Wabillahitaufikwalhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Waalaikumsalam.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Dalam perkara Syiah ni, sama-samalah kita mengambil bahagian masing-masing ya. Kerajaan telah mengambil bahagian masing-masing, pihak pakatan pembangkang juga mengambil tindakan yang sesuai supaya ajaran ini tidak tersebar ya.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Saya silakan Buloh Kasap.

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pertama-tamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih saya yang tidak terhingga di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena Perasmian Pembukaan Sidang Pertama Penggal yang Ke-13. Titah Tuanku yang kebanyakannya berbentuk nasihat dan teguran amatlah dihargai, saya yakin ianya akan menjadikan semua ADUN bekerja dengan lebih tekun bagi Kerajaan Negeri dan seluruh jentera. Ia merupakan satu suntikan semangat untuk terus mentadbir Kerajaan Negeri Johor dengan prinsip-prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tanggal 15 September 2011, Perdana Menteri kita telah membuat pengumuman penghapusan ISA yang selama ini menjadi pertikaian yang hebat di kem penyokong ISA dan kem penentang ISA. Pengumuman ini telah mengejutkan banyak pemerhati politik tanah air ada yang teruja, terkejut dan juga kurang dengan ada yang terkilan. Ia akan dikenang sebagai satu sejarah sempena Hari Malaysia yang disambut pada 16 September 2011. Maka, pastilah ada *pro and contra*nya dalam isu penghapusan ISA ini. Malah ada sedikit emosional atas sifat nostalgia akta yang telah menyumbang kepada keamanan negara kita ini. Reaksi

sebegini ialah suatu yang luar biasa memandangkan isu ini telah mengundangkan perbincangan yang hangat di kalangan pelbagai pihak.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terdapat dua isu utama yang sering dipersoalkan oleh golongan penentang ISA:

1. ISA dilihat sebagai satu bersifat zalim yang mana ISA menahan tanpa bicara suspek.

2. Persepsi bahawa akta ini disalah guna untuk menahan musuh politik demi kepentingan politik pemerintah.

Maka mereka berhujah bahawa kuasa penahanan ini diletakkan di bawah kuasa Menteri Dalam Negeri yang sudah tentu dipegang oleh parti pemerintah maka penyalahgunaan kuasa itu akan berlaku. Maka Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker:

1. Saya menyokong penuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang mahu memperkasakan kuasa polis dan undang-undang negara untuk menangani isu jenayah ini.

2. Saya mendesak agar pegawai negara dengan segeranya akta yang akan menggantikan ISA. Kita tidak mahu isu keselamatan ini dilengah-lengahkan yang dapat melibatkan banyak nyawa.

3. Sedikit sebanyak suasana yang tidak aman ini dan kurang selamat di negara kita pasti memberi kesan kepada penubuhan ekonomi kerana para pelabur luar akan melihat situasi yang tidak aman di Malaysia akan merugikan pelaburan mereka

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berbicara tentang aspek di kawasan luar bandar, beberapa perkara kita perlu diteliti dan perlu diketengahkan agar berubah tidak seperti zaman darurat dahulu, kebanyakan kawasan masih kekurangan tempat khas pembuangan sampah yang mendorong mereka untuk membuangnya di sungai-sungai sekaligus mengotorkan sungai yang ada. Kemudahan infrastruktur asas sebegini sering kita pandang remeh untuk disediakan kerana kawasan tersebut di luar bandar atau senang dikatakan di dalam kampung. Namun begitu, kita perlu teliti mengenai perkara ini kerana melibatkan tentang keselesaan penduduk, tentang kebersihan dan juga kesihatan. Suasana kawasan tempat tinggal yang bersih, cantik, dan kondusif pasti memberi keselesaan yang maksimum kepada masyarakat, maka saya ingin mencadangkan kepada kerajaan meneliti mengenai dengan lebih mendalam lagi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kita sedar dan tahu di negara kita mempunyai ramai golongan wanita yang bekerja tetapi kita juga tahu ramai yang juga menjadi suri rumah sepenuh masa. Maka saya melihat suri rumah ini juga perlu diberi perhatian untuk membantu mereka menambahkan pendapatan melalui kelas jahitan yang kebiasaannya diberi kepada kawasan Luar Bandar seperti kawasan kampung tradisi, FELDA dan sebagainya dalam usaha menambahkan pendapatan

mereka. Saya menyokong penuh usaha kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia yang melatih lebih daripada 40 ribu suri rumah di bawah Program *Skim 1Malaysian Support for Housewives*, malah program ini tidak terhad kepada suri rumah sahaja, maka ia diberi ruang juga kepada ibu-ibu tunggal, OKU wanita dan wanita-wanita menjadi punca utama kepada keluarga mereka. Saya juga mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri juga mengambil perhatian yang serius agar dapat kita tidak terlepas pandang dalam kebajikan suri rumah yang perlu kita beri perhatian ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya amat berharap isu yang dibangkitkan tadi agar diberikan perhatian sewajarnya dan menjadi perkongsian kita bersama, sebagai individu yang diberikan kepercayaan oleh masyarakat saya rasa ianya menjadi suatu amanah sebaik mungkin. Insha-Allah. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Jemput Penawar, YB Penawar

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillahirrabilalamin wassolatuwassalamuala ashrafilambiaiwalmursalin waalaalihi wasohbihiajmain. Assalamualaikum warahiwabarakatuh…

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Waalaikumsalam

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar): Dan salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ni sebenarnya satu hari ke dua hari?

Y.B. Dato' Timbalan Speaker: Eh? Siapa cakap nak dua hari pula?

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar): Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya respons dahulu atas apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pembangkang tadi. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional telah pun mewujudkan IKBN, ILP, Sekolah Teknik, Sekolah Nasional, Sekolah Vokasional untuk membuat persiapan bagi menyediakan rakyat untuk berhadapan dengan suasana menuju negara maju. Dan banyak juga taska-taska telah disediakan sama ada di pejabat kerajaan ataupun swasta untuk mengatasi masalah tekanan perasaan yang dihadapi oleh ibu-ibu yang bekerja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah Barisan Nasional masih lagi memegang tampuk pemerintahan negara dengan memegang 133 daripada 252 kerusi Parlimen, dengan 88 daripadanya adalah milik UMNO, dan Johor menyumbang 21 daripada kerusi Parlimen tersebut. Yang Berhormat Dato' Speaker, yang menang tak menang semua yang kalah tak kalah semua, namun hakikatnya terimalah kemenangan Barisan Nasional dengan sifat terbuka, bukan mencela dan mencerca atau menunjuk sifat derhaka. Ini negara kita, kita junjung Titah Paduka, Seri Paduka Baginda, kita taat setia Titah Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kita bina negara ini dengan masyarakat majmuk penuh semangat perpaduan, dah nak dekat 56 tahun kita merdeka, kita tidak ada contoh dari mana-mana dunia yang diteladani, tidak ada masyarakat majmuk di

negara mana pun yang dapat kita pelajari. Malah di kebanyakan negara mundur, halangan utama kemajuan mereka adalah perbezaan suku etnik, agama dan budaya. Yang Berhormat Dato' Speaker, hampir 50 negara di dunia, mendapat kemerdekaan lebih kurang sama dengan negara kita, namun kita adalah negara yang terbaik di kalangan mereka, sama ada dari segi kemudahan asas, ekonomi dan modal insan…

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat Penawar, sila duduk. Yang Berhormat nak sangat dua hari kan?

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Terima kasih yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Selasa 20 Ogos 2013, jam 9:30 pagi.

Persidangan di tangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETIGA	SELASA, 20 OGOS 2013	BIL. 2 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker Dewan,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton bin Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B, Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PERMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatuhllahi wabarakatuh. Bismillahirahmanirahim. (Berselawat) Salam sejahtera dan Selamat Pagi. Ahlil-Ahli Yang Berhormat kita sambung semula mesyuarat kita pada pagi ini dengan kita mulakan soalan-soalan lisan.

Jurutulis : SOALAN LISAN

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Sila jelaskan kaedah pengagihan bantuan Jabatan Kebajikan kepada orang miskin. Adakah benar sekiranya orang miskin yang dapat bantuan PERKESO tidak layak mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput. Tak ada ye.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Mengkibol ingin nak ambil soalan ni, sebab soalan saya.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Assalamualaikum warahmatuhllahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Tanjung Puteri. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat ADUN Tanjung Puteri, kaedah pengagihan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah mengikut syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Kebanyakan skim bantuan yang disediakan adalah mengikut kepada syarat umum permohonan iaitu pendapatan keluarga tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan yang ditetapkan oleh jabatan iaitu RM720.00 sebulan serta warganegara Malaysia. Selain itu, syarat kelayakan khusus bagi 10 jenis bantuan kewangan adalah seperti mana berikut:

1. Bantuan kanak-kanak ataupun BKK. Syaratnya adalah semua kanak-kanak dalam keluarga yang berumur 18 tahun ke bawah. Kanak-kanak yatim ataupun yatim piatu. Ibu bapa, penjaga yang tidak berkemampuan atau putus mata pencarian disebabkan sakit, tidak upaya, bantuan atau penghuni pusat tahanan dan kadar banduan adalah di antara RM100.00 hingga RM450.00

sebulan. Bagi seorang kanak-kanak adalah RM100.00 dan maksimumnya adalah RM450.00 untuk satu keluarga yang mempunyai lebih daripada 4 orang kanak-kanak.

2. Dan, bagi bantuan orang tua adalah bagi warga emas ataupun warga tua yang berumur 60 tahun ke atas dan tiada mata pencarian untuk menyara hidup serta keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidup dan bantuannya adalah sebanyak RM300.00 sebulan. Bagi elaun pekerja cacat ataupun EPC adalah bagi orang kelainan upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat pendapatan yang diterima adalah sebanyak RM1,200.00 sebulan dan ianya tidak tinggal di institusi yang telah menyediakan makan minum, tempat tinggal secara percuma dan elaun bagi mereka adalah berjumlah sebanyak RM300.00 sebulan.

3. Bagi bantuan untuk penjagaan orang kelainan upaya atau pesakit terlantar yang kita panggil BPT pemohon adalah penjaga ataupun ahli keluarga orang kelainan upaya yang terlantar, ataupun pesakit kronik terlantar ataupun orang kelainan upaya pesakit terlantar bergantung sepenuhnya kepada penjaga untuk kehidupan harian.

4. Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan dan elaun bagi mereka adalah berjumlah RM300.00 sebulan. Bagi bantuan orang kelainan upaya yang tidak berupaya untuk bekerja, ianya adalah orang kelainan upaya yang berdaftar dengan JKM. Orang kelainan upaya tidak berupaya untuk bekerja kerana sikap ataupun bukan kerana sikap tidak mahu bekerja dan disahkan oleh Pegawai Perubatan bagi kes yang meragukan dan sumber pendapatan lain tidak melebihi PGK semasa dan berumur 18 tahun hingga 59 tahun. Dan, ianya juga bukan peserta program pemulihan dalam komuniti ataupun BTK ataupun program jagaan ataupun pemulihan kelolaan kerajaan dan juga NGO dan bantuan diberikan adalah sebanyak RM150.00 sebulan.

5. Bantuan anak pelihara, syaratnya adalah kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah dan kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa, kanak-kanak yang tinggal bersama dengan keluarga ganti dan kanak-kanak bukan diambil sebagai anak angkat serta kanak-kanak yang diambil daripada program anak angkat, anak pelihara yang dikendalikan oleh JKM. Dan, bagi bantuannya adalah RM250.00 sebulan bagi seorang dan maksimumnya RM500.00 sebulan.

6. Bantuan latihan perantis bagi anak-anak penerima bantuan bulanan jabatan atau bekas pelatih dari Institusi Kebajikan dan kes-kes seliaan akhlak dan bantuan yang diberikan ialah RM200.00 sebulan.

7. Bantuan alat tiruan ataupun alat sokongan. Orang kelainan upaya yang berdaftar dengan JKM disyorkan oleh Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan, mereka yang tidak mampu membeli alat tiruan ataupun alat sokongan yang diperlukan dan bantuannya adalah berdasarkan kepada harga alat tiruan ataupun sokongan tersebut.

8. Geran pelancaran. Bagi penerima bantuan bulanan jabatan ataupun anak-anak mereka, orang kelainan upaya yang sedang mendapat perkhidmatan jabatan atau bekas pelatih dari Institusi Kebajikan dan kes-kes seliaan akhlak, maksimum bagi bantuan geran tersebut adalah RM2,700.00.

Dan, seterusnya adalah bantuan am negeri yang berjumlah sebanyak RM150.00 sebulan bagi pendapatan keluarga yang tidak melebihi daripada paras garis kemiskinan tersebut dan faktor-faktor yang diambil kira adalah bilangan anak, tanggungan perbelanjaan sekolah dan lain-lainnya. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua maklumat punca pendapatan pemohon bantuan kewangan akan diambil kira dan kelulusan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah mengambil kira pendapatan keluarga perlu tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan semasa yang telah ditetapkan iaitu RM720.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia.

Dan bagi pertanyaan ataupun soalan daripada ADUN Tanjung Puteri yang menyatakan adakah benar sekiranya orang miskin yang dapat bantuan PERKESO tidak layak mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, sekiranya bantuan yang diberikan oleh PERKESO ataupun saraan untuk sebulan bagi PERKESO tersebut tidak melebihi daripada RM720.00 ianya dibenarkan dan dibolehkan.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Jemput.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum. Terima kasih kepada pihak EXCO yang telah menjawab dengan panjang lebar dan dapat difahami dan saya berterima kasih juga kepada Pengarah PERKESO dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana banyak membantu kami di Tanjung Puteri tetapi memang ada kes-kes mungkin bukan terpencil, kes-kes biasa yang didapati rungutan daripada orang-orang miskin ini yang mana menerima PERKESO, yang mana mendiang dan juga ataupun bekas suami mereka, Allahyarham suami mereka ini hanya sebagai seorang pekerja kilang dan juga buruh dan cuma dapat bantuan PERKESO dalam RM400.00, RM500.00 tetapi ditolak oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor yang mengatakan mereka ini sudah dapat bantuan daripada PERKESO. Jadi, tidak layak lagi untuk mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Perkara seperti ini mestilah diperbetulkan dan kalau kita lihat ibu-ibu tersebut juga ada yang sudah tidak boleh bekerja, bukan mereka yang jenis boleh bekerja tetapi mereka terlantar sakit. Anak-anak mereka masih bersekolah dan apabila dapat sahaja bantuan PERKESO, bantuan kepada anak-anak mereka ini ditarik balik. Maka, macam mana kehidupan mereka, selepas, apa bantuan tersebut ditarik balik. Jadi saya minta penjelasan bagaimana kita nak menangani perkara ini dan kalau boleh biarlah pertamanya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak menunggu sahaja di Tingkat 6, pejabat mereka tu. Mereka ini sentiasa kena turun padang melihat kalau ada apa-apa permasalahan yang berlaku, kerana apa yang berlaku sekarang…

Y.B. Datuk Speaker : Cukuplah Yang Berhormat. Ini soalan tambahan, ni bersyarah pula ini.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan yang kita kira adalah pendapatan isi rumah yang tidak melebihi RM720.00. Sekiranya ibu atau bapa ataupun di campur dengan yang lain melebihi daripada itu tidak mengikut syarat yang telah kita tetapkan. Dan sebenarnya bagi pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat serta pegawai-pegawainya, apabila kita telah menerima sesuatu kes ataupun aduan dan sebagainya, kita akan turut untuk memantau untuk memastikan kes-kes tersebut dan insya-Allah sebenarnya kalau kita ikutkan kepada piagam kita dalam tempoh sebulan, penerima yang berkelayakan akan diluluskan permohonan mereka itu.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker terima kasih. Berapakah peruntukan yang telah dihulurkan oleh Kerajaan kepada pemohon bantuan kebajikan dan berapakah orang yang berjaya memohon bantuan kebajikan dan adakah Kerajaan Negeri Johor hendak menjalankan projek Josephine seperti yang telah berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor untuk mengurangkan kos kehidupan yang semakin tinggi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sehingga Ogos 2013 bantuan yang telah pun dikeluarkan bagi bantuan-bantuan yang telah saya sebutkan tadi adalah untuk seramai 45,547 penerima yang jumlahnya adalah keseluruhannya bagi Negeri Johor mengikut setiap daerah atau keseluruhannya bagi 10 daerah adalah daripada Januari hingga Ogos 2013 adalah berjumlah sebanyak RM99,795,300.00. Dan, manakala bagi bantuan am di bawah Kerajaan Negeri kita telah mengeluarkan sehingga Ogos 2013 berjumlah sebanyak RM5,573,100.00 untuk 5,307 orang penerima. Dan saranan daripada Yang Berhormat itu kita, insya-Allahlah saya akan, kita akan tengok di bawah jabatan-jabatan yang di bawah portfolio saya.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) bagi pihak Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Mengkibol ingin mendatangkan soalan ini sebagai soalan Mengkibol, soalan nombor 2.

Berapakah jumlah peruntukan bagi setiap kawasan DUN? Jika peruntukan tersebut tidak diberikan kepada ADUN pihak pembangkang, ke manakah peruntukan ini disalurkan dan apakah matlamat serta kegunaannya?

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Puteri Wangsa, jemput.

Y.B. Tuan Haji Abdullah bin Hussin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Adakah pihak Kerajaan Negeri akan memberikan peruntukan kepada ADUN daripada pihak pembangkang sebagaimana yang diberikan kepada ADUN pihak kerajaan. Mohon penjelasan demi kepentingan seluruh rakyat Johor.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya menjawab bersekali soalan nombor 2 dan nombor 3 dengan izin. Bagi menjawab soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai sama ada Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, sukalah saya maklumkan bahawa tidak ada peruntukan khas disediakan kepada setiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri mahupun kepada mana-mana Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dalam bajet negeri.

Y.B. Datuk Speaker : Jawapan ini bersekali-sekali tak dengan soalan nombor 4, nombor 5 eh. Jadi, sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Tenang, jemput.

Y.A.B. Menteri Besar : Lain, 4 dan 5 lain. 4 dan 5 lain.

Y.B. Encik Mohd. Azhar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 6.

Sejauh manakah penyebaran fahaman Syiah di Negeri Johor menular dan apakah tindakan daripada pihak JAIJ bagi menangani masalah ini dan apakah IPTA yang telah dikenal pasti di negeri ini sebagai pusat atau markas fahaman ini.

Y.B. Datuk Speaker : 4 dan 5 sekali.

Y.A.B. Menteri Besar : 4 dan 5 lain.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya tak dipanggil?

Y.B. Datuk Speaker : Soalan nombor 4?

Y.B. Dr. Haji Mohammad bin Taslim (Maharani) : Datuk Speaker, soalan saya nombor 4.

Adakah Kerajaan Negeri Johor akan melantik Pegawai Khas YAB Menteri Besar di kawasan yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat dan bagaimanakah peruntukan pembangunan disalurkan di kawasan tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Sungai Abong.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong) : Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Memandangkan wakil-wakil khas MB tidak lagi diwujudkan di DUN yang dimenangi pembangkang. Bagaimanakah peruntukan akan disalurkan.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong) : Jadi, adakah soalan, jawapan tadi tu, merangkumi soalan saya? Itu, soalan tambahan Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ya.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong) : Jadi, daripada jawapan Yang Amat Berhormat tadi, menunjukkan bahawa tidak ada langsung peruntukan yang diberikan kepada ADUN-ADUN mahupun daripada pembangkang ataupun dari pihak Kerajaan. Jadi, saya ingin tahu apakah bentuk saluran terkini yang diperuntukkan kepada kawasan-kawasan atau kepada DUN-DUN ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Seperti yang telah saya katakan, kita memang tidak ada peruntukan untuk kawasan ataupun untuk mana-mana ADUN. Tetapi apa yang kita ada ialah peruntukan daripada Menteri Besar, yang mana adalah atas budi bicara Menteri Besar yang menerima apa-apa sahaja permohonan tidak kira daripada mana-mana pihak untuk mana-mana kawasan untuk tentukan sama ada sesuatu permohonan itu diluluskan atau tidak.

Y.B. Dr. Haji Mohammad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Datuk Speaker, mengikut amalan biasanya, kami dimaklumkan bahawa setiap ADUN sebenarnya daripada Kerajaanlah diberi peruntukan RM200,000.00 setahun. Itu yang kami dimaklumkan pada penggal yang lepas. Tetapi kali ini dan tahun yang lepas bagi di kawasan yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat, pembangkang pihak Kerajaan melantik Pegawai Khas Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengendalikan peruntukan ini. Jadi, kali ini nampaknya tak ada disebut tentang pelantikan itu. Jadi, saya ingin nak tahu jugalah, adakah pelantikan Pegawai Khas Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini akan dikekalkan atau akan dilantik di kawasan-kawasan dimenangi oleh pembangkang? Terima kasih.

Y.A.B. Menteri Besar : Mengenai soalan sama ada, ada Pegawai Khas atau tidak itu merupakan soalan nombor 4 dan 5 yang akan saya jawab selepas ini. Mengenai Wakil-Wakil Rakyat mengemukakan permohonan, memang ramai yang mengemukakan permohonan. Tetapi, saya percaya dipertimbangkan kepada sudah tentulah Wakil Rakyat yang memang beri kerjasama kepada Kerajaan Negeri (Dewan bertepuk). Dan, mungkin sebagai Menteri Besar baru saya akan ikut amalan yang sama, itu sahaja.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang berlaku selalunya mengikut amalan tradisi apabila peruntukan diperuntukkan kepada semua DUN, DUN yang dimenangi oleh pembangkang akan, akan dihina di mana peruntukan itu tidak akan diberikan kepada ADUN pembangkang. Jadi, sekarang apabila semua peruntukan ini telah dikumpulkan dan berada di tangan seorang sahaja iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar, macam manakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh memastikan bahawa keadaan ADUN pembangkang yang dihina tu tidak akan berulang kali ini?

Y.A.B. Menteri Besar : Datuk Speaker, seperti yang telah saya katakan tidak ada peruntukan untuk mana-mana Wakil Rakyat. Tetapi, peruntukan itu akan tetap pergi

kepada rakyat dan masyarakat yang memohon kepada Menteri Besar. Insya-Allah, walaupun kawasan Yang Berhormat kalau ada sekolah, ada Jawatankuasa Penduduk, Jawatankuasa Kampung mohon kepada saya, tidak ada masalah untuk saya mempertimbangkan.

Y.B. Datuk Speaker : Saya rasa Yang Amat Berhormat telah pun menjawab semua soalan-soalan nombor 2, 3, 4 dan 5. Maka, saya beralih sekarang kepada Yang Berhormat Tenang, jemput.

Y.B. Tenang : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan saya nombor 6.

Sejauh manakah penyebaran fahaman Syiah di Negeri Johor menular dan apakah tindakan daripada pihak JAIJ bagi menangani masalah ini dan apakah IPTA yang telah dikenal pasti di negeri ini sebagai pusat atau markas fahaman ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon untuk menjawab soalan 6, 7, 8, 9 dan 10.

Y.B. Datuk Speaker : Sebelum itu, sebelum itu, Yang Berhormat, saya jemputlah soalan daripada Yang Berhormat Kukup.

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya, soalan nombor 7.

Apakah bentuk-bentuk kawalan dan hukuman oleh Jabatan Agama Islam Johor terhadap pengamal dan penyebaran ajaran Syiah?

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Sungai Abong.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya, soalan nombor 8.

Berapakah jumlah pengikut Syiah di Negeri Johor dan apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap fahaman ini memandangkan sesetengah negeri telah mengambil tindakan mengharamkan fahaman tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Puteri Wangsa.

Y.B. Tuan Haji Abdullah bin Hussin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya, soalan nombor 9.

Berkenaan isu ajaran syiah, adakah Kerajaan Negeri akan mewartakan fatwa "Anti Syiah". Mohon statistik bilangan pengikut ajaran tersebut dan bilangan yang telah diambil tindakan di Negeri Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Jorak.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) bagi pihak Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mendatangkan soalan dari ADUN Jorak soalan nombor 10.

Gerakan Syiah Malaysia; gerakan ini di Negeri Johor; anggaran pengikut fahaman itu setakat ini mengikut Daerah; dan lokasi markas kegiatan mereka; nyatakan nama ketua kumpulan ini; sejauh mana kegiatan ini boleh menggugat dan adakah semakin berkembang dalam Negeri Johor?

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Fahaman Syiah di Negeri Johor ini bermula, berkembang di sebilangan kecil masyarakat Melayu keturunan Arab di kawasan Wadi Hana dan juga Wadi Hassan, Johor Bahru sejak akhir tahun 1980an melalui saudara mara mereka di Singapura dan Indonesia yang telah pun terdahulu mengamalkan fahaman tersebut. Dipercayai juga, ada beberapa pelajar Melayu Johor yang terlibat dengan fahaman ini ketika mereka melanjutkan pelajaran di luar negara seperti di Jordan dan Mesir.

Penyebaran fahaman Syiah di Johor dikesan melalui kelas pengajian kepada ahli keluarga terdekat dan sahabat karib secara sulit di rumah ataupun markas seperti Markas Hauzah Raudatul Hur, Kampung Sungai Tiram, Ulu Tiram Johor, Hauzah Husainiah, Larkin Perdana dan Hauzah Salman Al-Farissi, Taman Daya, Johor Bahru. Di mana Jabatan Agama Johor sentiasa menjalankan pemantauan ke markas tersebut.

Seterusnya, pengedaran-pengedaran buku-buku, kitab-kitab dan juga artikel-artikel yang menjurus kepada fahaman syiah termasuk mengedarkan artikel *The Amman Message* di masjid-masjid juga menjadi kaedah penyebaran fahaman syiah ini. Di mana Jabatan Agama Islam Johor telah merampas beribu-ribu naskah, buku-buku, kitab-kitab dan artikel-artikel tersebut. Juga terdapat beberapa laman web ataupun *facebook* yang menjadi medan perbahasan antara golongan Syiah dengan golongan anti Syiah. Jabatan Agama Johor sentiasa memantau dan mengikuti perkembangan laman web ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat ramai juga pelajar UTM Skudai, yang berasal dari Negara Iran, mereka adalah berfahaman Syiah. Kebiasaannya mereka ini akan berkumpul di kolej perdana. Medan selera, kolej perdana UTM didapati mempunyai suasana dan susun atur ala Arab Iran. Mereka juga didapati menyewa sebuah rumah kedai di Taman Pulai Utama, Skudai bagi mengadakan aktiviti berbuka puasa, solat Maghrib dan Isyak. Dalam siasatan Jabatan Agama Johor, kumpulan ini tidak melibatkan warga tempatan.

Bentuk-bentuk kawalan dan juga hukuman yang telah diambil dan sedang diambil kepada pengamal-pengamal dan juga penyebar ajaran Syiah. Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor telah mengeluarkan fatwa membendung pengaruh Syiah di Negeri Johor pada 9 Januari 2012 yang diwartakan pada 16 Februari 2012 di antara inti pati di dalam fatwa tersebut adalah seperti berikut:-

1. Adalah ditetapkan bahawa Umat Islam di Negeri Johor hendaklah mengikut undang-undang dan juga ajaran Islam yang berasaskan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, dari segi ibadah berpandukan Mazhab As-Shafie.

2. Bahawa fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang boleh menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan Negara. Fahaman dan ajaran ini juga perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Johor Darul Ta'zim berdasarkan terdapat beberapa percanggahan di dalam fahaman tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan juga akhlak.

Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997, iaitu ingkar perintah penjawat awam, yang boleh dikenakan denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara tidak lebih 2 tahun. Setelah mereka ini dinasihatkan untuk meninggalkan fahaman ini sekiranya mereka mengingkari perintah penjawat awam mereka boleh dikenakan, disabitkan kesalahan itu tadi boleh didenda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Seterusnya, jumlah pengikut fahaman Syiah di seluruh Negeri Johor dianggarkan melebihi 1,000 orang dan kebanyakan mereka ini menetap di daerah Johor Bahru dan Kluang.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan peraturan di bawah Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor seperti yang saya nyatakan tadi. Berkaitan dengan isu Syiah, Kerajaan Negeri juga akan mewartakan satu fatwa yang berkaitan dengan anti Syiah dan jumlah statistik pengikut ajaran Syiah di dalam Negeri Johor jumlahnya lebih daripada 1,000 orang dan bilangan tersebut telah juga diambil tindakan oleh Jabatan Agama Islam Johor.

Statistik tindakan terhadap isu Syiah pada 2012, pemantauan telah diadakan sebanyak 15 kali, pada 2012, 18 kali dan 2013 sehingga Jun, 13 kali. Muzakarah telah pun diadakan pada tahun 2013 sehingga Jun sebanyak 3 kali, pada 2011, seminar telah diadakan sekali, pada 2012 telah diadakan 2 kali seminar dan sehingga Jun 2013, telah diadakan seminar sebanyak sekali. Jumlah pengikut fahaman Syiah di seluruh Negeri Johor dianggarkan melebihi 1,000 orang dan kebanyakannya menetap di daerah Johor Bahru dan Kluang.

Terdapat 3 buah markas Syiah ataupun yang digelarkan sebagai Hauzah di dalam daerah Johor Bahru:-

1. Hauzah Dewan Husainiah, Larkin Perdana.
2. Hauzah Salman Al- Farissi, Taman Daya
3. Hauzah Raudatul Hur, Kampung Sungai Tiram.

Hauzah Raudatul Hur, Kampung Sungai Tiram merupakan markas syiah yang paling aktif di dalam daerah Johor Bahru. Ia dimiliki oleh seorang yang bernama En. Malik bin

Takim, bekas Pegawai Cawangan Khas Polis DiRaja Malaysia dan ahli keluarganya. Manakala Hauzah Salman dan Hauzah Husainiah didapati tidak beroperasi dan mereka lebih kerap berjumpa secara sulit di rumah-rumah ahli sahaja.

Hasil kajian dan penyelidikan pihak kami berpendapat bahawa penyebaran ajaran Syiah berpotensi menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara yang boleh menjurus kepada tercetusnya konflik Sunni-Syiah memandangkan majoriti masyarakat Islam di negara ini berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan boleh menyebabkan berlakunya sektarian agama serta mencetuskan sentimen kebencian dan permusuhan antara mazhab dan fahaman Syiah dilihat akan menjadi ancaman apabila mereka menjadi kaum yang dominan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Sungai Abong.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker, daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO tadi telah mengesahkan bahawa adanya pengikut-pengikut Syiah di Negeri Johor ini dan oleh kerana adanya pemantauan, adanya fatwa, adanya undang-undang dan adanya beberapa program-program untuk, saya tak tahu program muzakarah itu, seminar itu, untuk ahli-ahli Syiah ataupun untuk ahli-ahli yang bukan Syiah, ya? Dan, saya ingin tahu setelah diadakan muzakarah, diadakan seminar-seminar tersebut berapakah ahli Syiah yang telah dibersihkan atau yang telah dipulihkan semula kepada masuk Ahli Sunnah Wal Jamaah. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sehingga kini kita tidak dapat jumlah yang statistik yang sepenuhnya setelah kita mengadakan muzakarah sebab kebanyakan muzakarah yang dilangsungkan ini lebih kepada berbahas ya. Dengan masing-masing menegakkan kebenaran dengan hujah, dengan kitab rujukan mereka masing-masing. Kita tidak dapat sejauh mana fahaman Syiah ini tadi ini apabila selesai dalam program muzakarah ini tadi, mereka ini kembali kepada ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah. Sebab sifat taqiyah yang telah ada dalam diri mereka itu mungkin di hadapan kita mereka akan kata mereka akan ikut Ahli Sunah Wal Jamaah tapi di belakang kita dengan sikap ataupun sifat yang ada yang dikatakan sifat taqiyah itu tadi...

Y.B. Datuk Speaker : Berpura-pura jelah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Berpura-pura itu tadi mungkin mereka akan kekal dengan fahaman Syiah itu tadi. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Jika dahulu kita dikejutkan dengan masalah kumpulan Al-Arqam

dan nampaknya Kerajaan telah berjaya membendung kegiatan itu. Adakah tindakan yang serupa boleh dilakukan kepada pengikut Syiah ini sehingga mereka boleh *turn over*, dengan izin seperti yang dilakukan kepada pengikut-pengikut Al-Arqam. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ajaran Al Arqam berbeza dengan ajaran Syiah. Al Arqam ini mungkin kita kata sebut bahawa hanya berlaku di Malaysia, di Indonesia dan beberapa di selatan Thai dan sebagainya. Tetapi ajaran Syiah ini ada sebuah negara, bukan setakat sebuah negara sahaja yang berfahaman mazhab Syiah ini.

Jadi kalau kita melihat pada hari ini, dari segi isu untuk menyelesaikan isu yang berada berlaku di negara kita Malaysia hari ini, perkara ini perlu kita ambil perhatian pertama sekali dari segi mengukuhkan akidah umat Islam itu kepada kefahaman Ahli Sunah Wal Jamaah. Dan, begitu juga apa jua bentuk-bentuk, fahaman-fahaman ataupun cara gerakan supaya mereka ini tidak menyebarluaskan dapat diambil dan kita bendung kerana kalau kita lihat jumlah sebenarnya penganut Syiah bukan dalam lingkungan ribuan, ataupun ratus ribu malah jutaan sebenarnya. Di Tunisia, di Syria apa yang berlaku pada hari ini, di Iran, di Iraq, di Afghanistan, di Pakistan, seluruhnya ada, di Indonesia juga ramai. Dan, sebenarnya tindakan hari ini adalah tindakan untuk membendung. Di mana hari ini melalui sekolah-sekolah agama, melalui mimbar-mimbar Jumaat kita juga memaklumkan perkara ini, di dalam kelas-kelas, di masjid-masjid juga kita memaklumkan perkara ini supaya seluruh umat Islam hari ini berpegang teguh dan berhati-hati dengan fahaman Syiah ini. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Paloh.

Y.B. Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 11.

Berapa banyakkah Kedai 1 Malaysia telah dibuka di Negeri Johor sejak projek ini dilaksanakan dan apakah sambutan atau respons rakyat terhadap projek ini?

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, isu kenaikan harga barang telah menimbulkan keresahan rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah. Sehubungan dengan itu Kerajaan telah menyediakan subsidi kepada barangan keperluan asas pengguna seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan bahan api iaitu Petrol Ron95, diesel dan gas memasak.

Dengan pemberian subsidi ini, ianya telah dapat menstabilkan harga serta meringankan beban pengguna. Atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke atas peningkatan kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah khususnya di kawasan bandar, beliau telah mengilhamkan Kedai Rakyat 1 Malaysia.

Buat masa ini sebanyak 10 buah Kedai Rakyat 1 Malaysia telah dibuka di Negeri Johor seperti berikut :

1. Johor Bahru, 2 buah
2. Muar, 1 buah
3. Pontian, 1 buah
4. Kota Tinggi, 1 buah
5. Segamat, 1 buah
6. Mersing, 1 buah
7. Tangkak, 1 buah
8. Kluang, 1 buah
9. Pasir Gudang, 1 buah

Jumlah keseluruhan di Negeri Johor adalah 10 buah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sambutan dan respons rakyat terhadap projek ini amat menggalakkan kerana barangan yang dijual di Kedai Rakyat 1 Malaysia lebih murah sehingga 50% berbanding dengan barangan yang sama jenama terdapat di kedai-kedai lain. Walau harganya yang lebih murah, kualiti barangan di Kedai Rakyat 1 Malaysia masih diutamakan oleh Kerajaan.

Sebanyak 250 barangan di bawah jenama Kedai Rakyat 1 Malaysia dijual di Kedai Rakyat 1 Malaysia. Antaranya beras, roti, air mineral, makanan sejuk beku dan barangan keperluan pengguna yang lain. Kerajaan juga telah mengeluarkan produk Koop 1 Malaysia yang dijual oleh Koperasi-koperasi berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Produk ini dijual pada harga 30% hingga 40% lebih murah berbanding barangan yang sama dan berjenama. Sebanyak 137 jenis barang telah dipasarkan untuk memudahkan pengguna mendapatkan barangan keperluan dengan harga yang berpatutan.

Y.B. Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Datuk Speaker...

Y.B. Datuk Speaker : Pagoh. Jemput Paloh ye, Yang Berhormat Paloh.

Y.B. Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Adakah Kerajaan merancang untuk membuka Kedai 1 Malaysia di setiap kawasan DUN terutamanya di kawasan-kawasan yang tidak ada pasar raya dan apakah syaratnya? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, kita memang mempunyai sasaran setiap Parlimen mempunyai sebuah Kedai Rakyat 1 Malaysia pada jangka 5 tahun ini. Sekarangnya kita telah capai 10 buah dan akan membuat pembukaan kedai baru lanjutan. Mempunyai, memang kita mempunyai spesifikasi yang kita dikenakan sebuah Kedai Rakyat 1 Malaysia mesti mempunyai lokasi bandar atau pekan yang mempunyai penduduk yang berpendapatan rendah, kawasan yang mudah dikunjungi oleh orang

awam, berdekat dengan kawasan perumahan dan sekurang-kurangnya berada dalam jarak 5km daripada Kedai Rakyat 1 Malaysia yang lain, tidak terlalu dekat dengan kedai runcit sekeliling. Dan pemilihan diutamakan bagi bangunan Kerajaan ataupun bangunan GLC dan sekurang-kurangnya kita mohon mempunyai tempoh 9 tahun penyewaan kedainya.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Jemput Yang Berhormat Jementah.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya ialah berapakah peruntukan yang telah digunakan oleh pihak Kerajaan untuk membuka semua Kedai 1 Malaysia yang setakat kini yang diadakan di Negeri Johor ini. Dan, kita juga difahamkan bahawa barangan-barangan yang telah dijual di Kedai 1 Malaysia mempunyai masalah kualitinya dan kita nak tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, memang kita Kerajaan tak ada memperuntukkan apa peruntukan pun kepada Kedai Rakyat 1 Malaysia. Ini adalah secara pasaran terbuka. Sesiapa berminat ini diperolehi oleh Mydin dan mempunyai syarat-syarat tertentu dan berhak untuk membuka kedai Rakyat 1 Malaysia. Dan juga kita jaga, jaga kualiti harga barangan, kita mempunyai Akta yang berkenaan, kita juga untuk keutamaan pengguna dan kita jaga segala kualiti dan barangan yang dijual di Kedai Rakyat 1 Malaysia.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Soalan tambahan Datuk Speaker...

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Datuk Speaker, soalan saya nombor 12.

Adakah Jabatan Belia dan Sukan bercadang mengambil alih penjagaan gelanggang futsal yang dibina mahupun melakukan baik pulih gelanggang yang rosak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Raja, pada masa yang terdekat ini Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor tidak bercadang untuk mengambil alih penjagaan gelanggang futsal yang telah dibina.

Ini telah menjadi dasar kementerian yang menetapkan bahawa setiap gelanggang futsal di seluruh negara akan diurus tadbir oleh Persatuan Belia melalui perjanjian persefahaman atau dengan izin, *MOU* yang ditandatangani antara Persatuan Belia dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri yang mewakili pihak Kerajaan. Kerajaan berharap melalui kaedah ini akan dapat membantu setiap persatuan yang telah diberi tanggungjawab untuk memperolehi hasil pendapatan melalui pengguna yang menggunakan gelanggang tersebut.

Selain daripada itu, Kerajaan juga amat berharap ianya akan dapat mendidik persatuan-persatuan ini berdikari serta memahami, mempelajari aspek pengurusan secara lebih berkesan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, persatuan-persatuan ini juga akan bertanggungjawab ke atas kos penyelenggaraan kecil jika berlaku kerosakan ke atas gelanggang tersebut dengan menggunakan duit tabung hasil kutipan. Manakala bagi kerosakan gelanggang futsal yang agak serius, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah mengarahkan pejabat Belia dan Sukan Daerah di setiap daerah untuk membuat lawatan, pemantauan ke atas pengurusan gelanggang serta membuat anggaran kos kerosakan. Dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga telah menghantar permohonan peruntukan bagi kerja-kerja baik pulih ini kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Datuk Speaker, terima kasih atas jawapan dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah pun membina banyak gelanggang futsal sama ada di peringkat DUN ataupun Parlimen. Soalannya sekarang Datuk Speaker, kita mahu soalan ini dijawab sama ada baik pulih diambil atau tidak. Jawapannya tidak. Memandangkan gelanggang yang dibina, spesifikasi sedikit kecacatan kerana main futsal ini, apabila pagar yang dibina itu merupakan pagar yang tidak kukuh dan ia mencacatkan perancangan. Jadi kita minta sama ada Jabatan Belia dan Sukan boleh mengambil alih pembaikan segera perkara-perkara ini kerana pagar yang di bawah, bahagian bawah gelanggang tersebut dilihat rosak dan juga tidak memenuhi spesifikasi yang tepat sebelum pembinaannya. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya, terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Antara kerosakan gelanggang yang kita kenal pasti bukan sahaja tentang pagar, tetapi kita telah kenal pasti seperti lampu tidak menyala, permukaan terkopek dan juga tandas rosak. Dan kita dalam masa ketika sebelum pembinaan, kita telah dipantau oleh pihak perunding yang mana telah bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan kita pun telah, pihak Kerajaan telah pun menghantar permohonan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk di setiap daerah iaitu sebanyak 8 daerah kita mempunyai 242 gelanggang yang telah dibina. Sementara yang sedang, yang telah dibuat perjanjian persefahaman antara persatuan iaitu sebanyak 214 dan kita telah menghantar peruntukan sebanyak RM2.3 juta kepada Kementerian Belia dan Sukan dan kita harap permohonan ini akan diluluskan dan akan dibuat dengan kadar segera bagi membaiki segala kerosakan yang ada di setiap gelanggang. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Ganas betul ke orang main futsal ini? (Dewan ketawa). Jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Tadi disebut oleh Y.B. EXCO, kerosakan gelanggang, lampu, pagar. Ada

kenyataan dibuat berdasarkan kajian klinikal kerosakan lutut Yang Berhormat… kepada pemain-pemain…

Y.B. Datuk Speaker : Kerosakan?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit): Lutut…

Y.B. Datuk Speaker : Kerosakan lutut pun kerajaan nak kena betulkan? (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Futsal ini bola sepak, dia agak sukan yang lasak, ganas sikitlah. So, kalau dalam makluman EXCO tak? Dibuat tak kajian? Sebab yang main ini semua generasi muda. Besok kalau semua lutut dah rosak, apa nak jadi negara kita? (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Speaker : Buat kajian lutut? (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Hah… kajian lutut Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Rengit. Sebenarnya daripada apa yang kita maklum memang belum ada lagi laporan tentang kerosakan lututlah eh…yang kita terima daripada pemain-pemain futsal. Tapi kita boleh ambil maklum bahawa ini mungkin salah satu daripada masalah yang telah wujud daripada permainan futsal. Tapi kalau untuk makluman Yang Berhormat Speaker, pada masa sekarang spesifikasi kerja, spesifikasi untuk gelanggang futsal yang kita laksanakan adalah berpandu kepada piawaian peringkat kebangsaan dan tiada masalah yang kita terima jika ada berlaku kerosakan lutut seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rengit. Dan, jika ada apa-apa makluman, saya boleh, kita ambil sebagai satu apa…maklum balas yang kita akan beri pada masa akan datang. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Tenang.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang): Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 13.

Sejauh manakah fungsi Suruhanjaya Komunikasi Multimedia mengawal media sosial di negeri ini yang nampaknya semakin berleluasa menyebarkan fitnah-fitnah serta perkara-perkara sensitif terutama yang melibatkan hal-hal agama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, pengawasan dan pengawalan kandungan media sosial dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia secara berterusan. Namun begitu, sifat Internet atau media sosial yang dinamik, pantas serta tanpa sempadan menjadikan tugas tersebut amat sukar. Oleh yang demikian, pihak SKMM telah menumpukan perhatian kepada pencegahan awal dengan

melaksanakan program kesedaran kawalan kendiri menerusi "Kempen Klik Dengan Bijak". Sebanyak 50 program "Kempen Klik Dengan Bijak" sepanjang 2013 akan dijalankan bersama-sama masyarakat.

Menerusi kempen ini, pengguna-pengguna juga dinasihatkan supaya menetapkan aturan privasi, menjaga kerahsiaan maklumat peribadi serta bertindak bijak dalam menjalankan sebarang aktiviti di atas talian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bidang kuasa pihak SKMM dan juga mana-mana agensi penguatkuasaan di Malaysia adalah terhad pada laman-laman web yang berpengkalan di Malaysia sahaja. Perkhidmatan media sosial dan blog yang popular seperti *facebook* atau *twitter* adalah berpengkalan di Amerika Syarikat dan dengan itu adalah di luar bidang kuasa pengawalan dan pengawasan pihak SKMM.

Bagi laman-laman web yang berpengkalan di Malaysia, pihak SKMM boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Akta 588… di mana jika disabitkan kesalahan menyalahgunakan kemudahan atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi kandungan termasuk Internet sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelek individu… atau yang jelek, individu tersebut boleh didenda tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Tenang.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang): Yang Berhormat Datuk Speaker, saya melihat perkara tersebut begitu menular sekalilah di dalam media sosial kita terutamanya berpengkalan di Malaysia. Jadi, walaupun laporan Polis telah pun dibuat oleh beberapa pihak NGO dengan tujuan tersebut, kenapa agak lewat pihak SKMM mengambil tindakan mengenai perkara tersebut? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah: Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun pihak SKMM tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan di bawah Seksyen 211 dan 233, Akta Komunikasi dan Multimedia terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenang, walau bagaimanapun mereka yang menyalahkan guna… menyalahgunakan Internet boleh juga didakwa di bawah Akta-Akta lain seperti Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957 dan Kanun Keseksaaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, tindakan diambil. Berdasarkan statistik dari tahun 2012 hingga 2013, walaupun tiada kes di bawah Seksyen 211, tetapi terdapat 2 kes yang didakwa di Mahkamah di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia. Ini bererti bahawa pihak kerajaan memantau dan tindakan sama ada larangan terhadap pemberian kandungan jelek atau pun penggunaan tidak

wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain tindakan telah pun diambil.

Y.B. Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya): Soalan saya selain daripada rancangan yang YB sebut tadi itu "Klik Dengan Bijak" dan lain-lain, apakah lagi rancangan yang kerajaan akan cadangkan untuk secara *censorship* kat halaman web Malaysia atau rancangan yang telah dicadangkan beberapa tahun yang lalu sebagai *green gate* yang dibeli dari Negara China akan dijalankan lagi kat negara kita? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sekatan atau pun menyaring penggunaan Internet dan apa juga yang dibenarkan melalui Akta Telekomunikasi dan Multimedia. Untuk tujuan tersebut, penambahbaikan akan senantiasa dijalankan melalui program-program kesedaran keselamatan di Internet dan juga meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan SKMM.

Selain daripada program Klik Dengan Bijak, program untuk menambah baik kualiti perkhidmatan rangkaian selular akan dijalankan. Pelancaran, malah fasa kedua projek *Time 3* untuk disiapkan kesemua 10 buah daerah, Pusat Internet 1Malaysia akan ditambah sebanyak 10 pusat lagi pada tahun 2013. Dan tentunya seminar-seminar, forum-forum berkaitan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini akan diteruskan.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Semarang.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan soalan nombor 14.

Bagaimanakah kemajuan Projek Pertanian Moden Ayer Hitam dan berapakah pengusaha yang masih beroperasi serta apakah perancangan kerajaan untuk menjadikan projek ini lebih berjaya?

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 15.

Minta penjelasan status kemajuan/pencapaian Projek Pertanian Moden Ayer Hitam hingga Disember 2012. Nyatakan jumlah keluasan yang terlibat, syarikat-syarikat yang diberi peluang dalam projek pertanian tersebut, pulangan kepada Kerajaan Negeri

dan Kerajaan Pusat serta bilangan syarikat bumiputera yang terlibat dalam projek pertanian tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya untuk menjawab secara bersekali soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari DUN Semarang dan DUN Rengit.

Untuk makluman sebelum saya menjawab soalan, untuk makluman sidang Dewan sekalian, sejarah…mengenai sejarah projek ini untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, cadangan Projek Pertanian Moden Ayer Hitam telah diilhamkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamed sempena lawatan beliau ke Royal Agriculture College, United Kingdom pada tahun 1997. Projek ini telah pun dilancarkan pada tahun 2004 oleh Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. Objektif utama projek ini adalah untuk mewujudkan satu kawasan kekal pengeluaran makanan tanaman… pengeluaran tanaman makanan dan ternakan serta bunga-bungaan secara besar-besaran yang menggunakan teknologi moden. Ini dijangkakan akan dapat meningkatkan pengeluaran dan bekalan bahan makanan bagi memenuhi keperluan domestik dan eksport. Aktiviti pembangunan projek akan melibatkan pelaburan dari pihak swasta dengan pengurusan secara konvensional…secara komersil serta pengamalan teknologi terkini. Di samping itu, peserta juga digalakkan untuk melaksanakan perniagaan sampingan seperti agropelancongan, pusat pengumpulan, penggredan dan pembungkusan.

Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, keluasan fizikal kawasan projek ini ialah seluas 9,021 ekar di mana seluas 7,857 ekar telah diagihkan kepada syarikat, manakala selebihnya 1,164 ekar merupakan kawasan Institusi Latihan Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Pusat Pertanian Ayer Hitam. Sehingga kini sebanyak 29 syarikat telah dipilih untuk memajukan kawasan tersebut, yang mana 17 syarikat dalam sektor tanaman iaitu 2,749 ekar, 9 syarikat dalam sektor ternakan iaitu 4,858 ekar dan 1 syarikat dalam aktiviti ternakan ikan hiasan iaitu 250 ekar. Di samping itu, 4 syarikat telah mengembangkan perniagaan mereka di dalam aktiviti agropelancongan. Daripada 29 syarikat yang dipilih, sebanyak 16 syarikat adalah milik Bumiputera manakala 13 syarikat adalah milik bukan Bumiputera. Nilai pelaburan terkumpul oleh pihak swasta di projek pertanian moden ini adalah sebanyak RM131.85 juta, manakala di pihak Kerajaan pula sebanyak RM35.55 juta. Syarikat yang menyertai projek ini setiap tahun akan dikenakan bayaran pajakan dan cukai tanah. Jumlah bayaran pajakan tahunan yang dibayar oleh syarikat kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM542,160.00, manakala bayaran cukai tahunan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri…dibayar kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM285,244.18. Bayaran ini bermula pada tahun 2005. Sehingga kini, projek telah berjalan selama 8 tahun dan bagi tahun 2012, jumlah nilai pengeluaran dari kawasan projek ini adalah sebanyak RM44.96 juta dan jumlah nilai pengeluaran ladang terkumpul dari tahun 2007 hingga 2012 sebanyak RM238.17 juta.

Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk memastikan Projek Pertanian Moden ini berjaya serta menepati sasarannya adalah :-

1. Memastikan setiap syarikat menjalankan aktiviti mengikut pelan bisnes yang telah dipersetujui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia mengikut sektor.

2. Setiap syarikat telah di tetap sasaran KPI, dengan izin, *Key Performance Indicator* mengikut jenis ternakan dan tanaman selaras dengan keluasan yang telah diperuntukkan.

3. Menyediakan keperluan asas infra seperti jalan ladang utama dan perparitan bagi memudahkan pengangkutan hasil dan aktiviti ladang.

4. Menyediakan insentif pada peringkat awal bagi syarikat yang mengeluarkan hasil tanaman yang mengikut potensi hasil.

5. Keseluruhan projek ini dipantau melalui Jawatankuasa Teknikal pada peringkat Kementerian yang bermesyuarat setiap 4 bulan.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Semarang.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Soalan tambahan saya, terima kasih di atas penjelasan tadi. Saya ingin mengetahui secara *detail* bagaimanakah Kementerian Pertanian mengukur tahap kejayaan syarikat-syarikat yang telah menjalankan aktiviti sejak 8 tahun yang lalu ini dan sebenarnya berapa banyak syarikatkah yang benar-benar aktif sedang berperanan di tapak Pertanian Moden ini? Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri : Terima kasih kepada Yang Berhormat DUN Semarang. Pada setiap 3 bulan, pasukan penanda aras dari sektor tanaman, ternakan dan perikanan akan membuat pemantauan dan mengemukakan laporan khidmat nasihat hasil dari pemeriksaan tersebut. Syarikat diukur mengikut tahap-tahap sama ada moden, separuh moden dan juga tidak moden. Prestasi mereka ini sama ada berubah atau kekal akan dinilai pada setiap tahun. Kita ada lebih kurang 29 buah syarikat untuk makluman Yang Berhormat, hanya 1 syarikat yang kita telah kenal pasti telah menarik diri kerana tidak mampu untuk menguruskan atas sebab-sebab, iaitu kerana mereka menghadapi masalah antara masalah yang kita lihat adalah serangan perosak seperti babi hutan, kera dan penyakit tanaman, jadi 1 syarikat telah menarik diri. Bagaimanapun, syarikat-syarikat yang lain sedang dalam proses untuk ke tahap moden. Hanya 4 buah syarikat yang telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikian sesi soalan lisan kita pada pagi ini. Mana-mana soalan yang tak sempat dijawab oleh Yang Berhormat EXCO kita, soalan-soalan ini akan dijawab secara bertulis dan saya harap jawapan bertulis ini akan dapat dibentangkan di dalam Persidangan ini. Dijemput.

Jurutulis : Sambungan perbahasan atas rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan untuk menjujung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kita sambung semula. Setakat petang semalam, Yang Berhormat daripada Penawar telah pun menamatkan ucapannya selama 3 minit jadi pagi ini saya minta Yang Berhormat Penawar sambung 7 minit sahaja. Jemput.

Y.B. Hamimah binti Mansor (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, insya-Allah. Yang Berhormat Datuk Speaker, sesungguhnya ketika sebahagian besar daripada kita dilimpahi kesenangan, masih ramai rakyat di negara yang merdeka sezaman dengan kita masih bergelut untuk mencari sesuap nasi. Bahkan ramai juga yang menjadi pelarian, hidup merempat di Kem Kemanusiaan dan mengharap ihsan masyarakat dunia untuk meneruskan kehidupan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, telah 13 kali pilihan raya diadakan. Tetapi masih ada lagi yang kenal huruf terlupa maknanya, yang kenal angka terlupa nilainya, yang kenal bunyi terlupa nadanya, yang kenal rentak terlupa iramanya, yang kenal akhir terlupa awalnya.

Y.B. Datuk Speaker : Cantiklah ungkapan tu, dalam maknanya tu ya.

Y.B. Hamimah binti Mansor (Penawar) : Ada juga Yang Berhormat Datuk Speaker, yang cerah mata, gelap hati. Yang cerdik minda tapi dungu peribadinya, yang cantik bahasa tapi buruk sikap, yang lembut budi tapi keras lagak, yang merdu suara tapi sumbang bicara. Tak kurang juga Yang Berhormat Datuk Speaker, yang impikan kemajuan tapi menolak teknologi. Yang impikan kemakmuran membelakangkan ekonomi. Yang impikan kesejahteraan tapi mencetuskan pergolakan. Yang impikan kegemilangan tetapi meremehkan wawasan. (Dewan bertepuk). Banyak juga Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kasihkan bangsa, tetapi benci kan pemimpin, yang cintakan agama tetapi menyelewengkan fakta. Bayangkan Yang Berhormat Datuk Speaker, mereka ini bukan menanam bunga, tetapi menabur duri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Penawar mencadangkan kita memperkemaskan kembali mana-mana undang-undang keselamatan bagi terus meyakinkan rakyat. Walaupun kita menuju negara maju, dengan jumlah pekerja asing yang semakin ramai, pelajar asing juga ramai, petualang negara dan penderhaka semakin mendabik dada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita perlu bertegas kalau ada yang tak suka dengan keamanan, kemakmuran yang telah kita bina sekian lama, asyik seronok mengkritik, dari sama duduk merancang tapi sentiasa mengambil kesempatan atas sikap tolak ansur kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita bina negara kita, kita bangunkan negara kita. Tentera kita berjuang hingga ke hujung nyawa, Polis kita menjaga keselamatan bersengkang mata. Masyarakat Cina bebas berniaga menjadi kaya raya, masyarakat

India gigih membina bangsa profesional ketika masyarakat Melayu yang setia, masih lagi perlu dibimbing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita bertolak ansur dari mula sejarah tercipta. Jangan sombong, jangan lupa sejarah, saya akui Penawar dengan 99% pengundi Melayu, 90% menyokong Barisan Nasional, saya amat mengharapkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus melihat kawasan-kawasan yang menang ini untuk terus dibangunkan, agar tidak ada rungutan khasnya pengundi-pengundi baru dan muda yang memerlukan rumah-rumah murah, yang memerlukan kedai-kedai yang murah untuk berniaga, yang memerlukan cara untuk mengeluarkan mereka dari senarai *black list* untuk mereka memulakan kehidupan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Penawar mohon FELDA memperjelaskan kedudukan Jabatan Perumahan FELDA setakat ini. Di mana pergerakannya? Apa tindakannya? Dan harap adalah sesuatu yang boleh dilihat oleh anak-anak muda akan peranan dan fungsinya, paling tidak 5 tahun mendatang ini ada sesuatu yang berlaku di 4 lagi kawasan FELDA dalam Penawar dan kawasan-kawasan FELDA yang lain, yang memerlukan tindakan ini. Kalaulah tidak boleh dijelaskan secara lisan di sini, Penawar mohon dijawab secara bertulis dengan surat rasmi yang akan diajukan untuk penjelasan kepada masyarakat FELDA yang setia dengan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Penawar juga mohon, semaklah kembali tanah untuk KEJORA dirikan rumah murah, supaya disegerakan. Kalau sangkutnya di PTG maka kita selesaikan dengan segera, supaya pembinaan rumah murah dan rumah mewah ini berjalan seiring. Kita jangan hanya menyalahkan pihak pemaju semata-mata, sedangkan kuasa dan kuat kuasanya ada pada kita dan tidak kita gunakan. Ini yang pengundi Barisan Nasional ingin kita buat dan kita buktikan, sejajar dengan Titah Tuanku, Perkara 16.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita pertahankan sistem pendidikan kita, kita lalui hingga meletakkan negara kita berada di tahap ini. Adalah dicadangkan supaya denda dan hukuman terhadap kes-kes yang berkaitan agama ditingkatkan. Jangan hanya sekadar denda RM2,000.00 atau RM3,000.00, penjara 2 tahun ya. Jadi seolah-olah membuka ruang untuk mereka mempersendakan agama kita. Kalau begini Yang Berhormat Datuk Speaker, ramai penaja-penaja luar boleh menaja untuk memperlihatkan negara ini seolah-olah tidak aman, kucar kacir, tidak selamat, tembak menembak seolah-olah perkara biasa. Bunuh membunuh seolah-olah bermula dari sejak dari subuh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inilah agenda tersembunyi pihak-pihak tertentu dalam menghalang kemajuan yang akan kita capai. Merosakkan keamanan dan kemakmuran. Kita bawaklah sejajar dengan Titah Tuanku, Perkara 30.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita menang di kawasan kita, kita buat kerja. Mereka yang menang di kawasan mereka, pikullah amanah yang pengundi mereka berikan kepada mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Penawar menepati masa, Penawar mohon menyokong. Sekian, wabbillahi taufik walhidayah, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.(Dewan Bertepuk).

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tangkak.

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, selamat pagi, salam sejahtera dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua. Tangkak ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Junjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, dan merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi berangkat ke Dewan untuk menyampaikan Titah Baginda.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi di DUN Tangkak kerana telah memilih saya sebagai wakil mereka dalam Dewan yang mulia ini. Bandar Tangkak terletak di kaki Gunung Ledang. Bagi pelancong yang mahu mengunjung atau melancong ke Taman Negara Gunung Ledang, mereka perlu menggunakan susur keluar atau Plaza Tol Tangkak, di Lebuh Raya Utara Selatan. Bandar Tangkak juga dinamakan sebagai Bandar Tekstil yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada bulan Jun tahun 2011. Tetapi kedai-kedai kain di Bandar Tekstil sekarang makin kurang sejak dua tahun lalu. Bandar Tangkak juga kaya dengan hasil buah-buahan terutamanya buah durian.

Dengan kelebihan-kelebihan yang saya sebut tadi, Bandar Tangkak dan kawasan-kawasan sekitar Taman Negara Gunung Ledang sepatutnya mendapat manfaat dari industri pelancongan tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, realitinya tidak seperti dijangka kerana nampaknya Kerajaan Negeri sampai sekarang pun tiada perancangan yang sempurna untuk mempromosikan potensi-potensi industri pelancongan di kawasan ini.

Masalah yang sama berlaku di Pengerang. Sungai Rengit di Pengerang banyak mengeluarkan udang galah dan hasil-hasil laut yang lain. Pada setiap hujung minggu dan cuti-cuti awam, ramai pelancong-pelancong dari luar dan dalam negeri suka mencuba rasa makanan laut dan juga ingin mengalami kehidupan perkampungan nelayan di Pengerang. Mungkin sesetengah pihak itu cuba memberikan implikasi Kuo Kuang dari Taiwan, *aircond* dari Amerika Syarikat, Temasik Holdings dari Singapura, BASF dari Jerman. Mereka semua ini bukan orang luarkah? Pembayar cukai di Malaysia yang menyoalkan Projek RAPID ataupun Projek Petrokimia ini dijadikan orang luar pula? Apa logik ini? (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau Pelabuhan Petrokimia di Pengerang semua terlibat wang dari Pengerang atau pun peruntukan dari Pejabat Daerah Kota Tinggi bagi pendapat saya tak payahlah orang luar yang disebut oleh sesetengah pihak itu sibuk-sibuk campur masuk perkara ini. Namunnya, projek ini bukan sahaja terlibat kewangan dari Negeri Johor. Projek ini juga sebagai satu Projek Transformasi Perdana Menteri Malaysia. Ini bermakna, Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan digunakan

untuk projek ini. Bagaimanakah sesetengah pihak itu berkata orang luar jangan masuk campur? Adakah mereka mempergunakan wang mereka sendiri atau pun wang pembayar cukai?

Datuk Speaker, kalau mereka menggunakan wang mereka sendiri semua pihak seharusnya tutup mulut kerana ini tiada berkaitan dengan mereka kalau tidak, apakah alasan untuk sesetengah pihak ini menghalang rakyat untuk menyoalkan isu-isu yang berkaitan dengan projek ini? Sesetengah pihak yang saya sebut tadi juga berkata, bahawa Projek RAPID, Projek Petrokimia membekalkan peluang pekerjaan kepada orang tempatan. Saya ingin tanya balik Kerajaan Negeri Johor, cuba bagikan contoh bagaimana awak boleh melatihkan seseorang nelayan atau pekebun yang sudah bekerja di bidang itu berpuluh-puluh tahun untuk dan tiba-tiba menjadikan beliau seorang jurutera atau juruteknik dalam bidang Petrokimia, sila bagi contoh hidup. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, kami tidak bimbang sangat dengan orang muda atau pun pelajar-pelajar yang baru tamat pelajaran dari sekolah. Tapi kerana mereka boleh dilatih dan diberi kursus supaya mempelajari sesuatu kemahiran dengan cepat, apa yang saya khuatir ialah penduduk-penduduk yang telah berpuluh-puluh tahun bekerja sebagai nelayan dan pekebun. Bagaimana kami boleh cakap peluang pekerjaan yang disediakan oleh kilang-kilang petrokimia ini dapat meningkatkan keuntungan mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di samping itu, ada sesetengah pihak bercakap lagi. Mereka ini berasal dari Teluk Ramunia, Pengerang, tapi adakah mereka sedar bahawa orang-orang kampung yang akan dipindah ke tapak penempatan baru yang terletak di Teluk Ramunia itu akan dipindahkan lagi selepas lapan tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bagi contoh kalau sepasang suami isteri pindah masuk ke rumah baru mereka yang direka bentuk oleh Barisan Nasional yang terletak di Teluk Ramunia. Mereka melahirkan seorang anak tetapi apabila kanak tersebut baru sahaja cukup umur untuk memasuki sekolah rendah, malangnya keluarga mereka perlu memindah lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya berharap Kerajaan Negeri Johor memberikan penjelasan bahawa adakah tapak penempatan baru di Teluk Ramunia Pengerang ini hanya untuk sementara dan akan dipindahkan ke tempat lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, adakah kerana hakikat ini pembinaan lantai untuk rumah baru di Teluk Ramunia yang saya sebut tadi cuma menggunakan tiga bungkus simen campur pasir dan pada maklumat yang saya terima dari pemaju-pemaju rumah yang berpengalaman bahawa 10 bungkus simen campur pasir perlu diguna pakai untuk sebuah rumah yang berkeluasan 1,300 kaki persegi. Maka, saya minta Kerajaan Negeri Johor supaya menjalankan siasatan dan memeriksakan perkara ini dan mengumumkan hasil siasatan kepada masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada sesetengah pihak lagi menceritakan bahawa pada zaman muda beliau bahawa kuari *bauxide* terletak di Pengerang telah

mengakibatkan air sungai di tepi rumahnya yang terletak di Teluk Ramunia menjadi merah tetapi beliau mengadu bahawa tiada mana-mana pihak pada masa itu mengambil berat tentang perkara itu. Sekarang pula beliau memuji Projek Petrokimia setinggi-tingginya. Walaupun Projek Petrokimia ini akan membawakan pencemaran seratus kali lebih teruk daripada kuari *bauxide*. Bukankah kedua-dua kenyataan ini bercanggah satu sama lain?

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya saya harap Kerajaan Negeri Johor boleh memberi jawapan kepada isu-isu yang saya bangkit tadi. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Machap.

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Sultan Johor Sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 15 Ogos yang lalu.

Bila kita menyingkap dan memperhalusi Titah Baginda kita melihat bagaimana Titah tersebut merangkumi dari pelbagai bidang dan aspek berkaitan dengan politik, sosial, ekonomi dalam memastikan pembangunan Negeri Johor berjalan dengan jalan lancar dan pembelaan terhadap nasib rakyat sentiasa diutamakan.

Saya ingin merujuk kepada No. 8 iaitu; Johor adalah istimewa kerana semua Orang Johor adalah Bangsa Johor. Ini Gagasan yang telah disentuh oleh Tuanku di mana Baginda nak melihat supaya semua Orang Johor, Anak Johor, kelahiran Johor berasa bangga bahawa mereka adalah orang yang menjadi Bangsa Johor. Kita hari ini atau kebanggaan ini bukan tidak bersebab. Sebab kalau kita lihat Sejarah Kesultanan Johor menunjukkan kehebatan Sultan-Sultan yang terdahulu. Kita melihat kepimpinan dalam politik misalnya, kita telah melahirkan Dato' Onn Jaafar, paling kuat menentang Gagasan Malayan Union. Kita melihat bagaimana Perdana Menteri kita iaitu Allahyarham Tun Hussein Onn pernah menjadi Perdana Menteri.

Johor melahirkan tiga Timbalan Perdana Menteri iaitu; Tun Musa Hitam, Allahyarham Tun Dr. Ismail dan juga sekarang ini TPM. Maknanya dari segi kepimpinan politik di Johor, anak-anak Johor merupakan orang yang hebat dalam arena politik termasuk dalam pemimpin bukan Melayu, MCA sendiri mahupun DAP. Kita melihat bagaimana kehebatan Johor yang sekarang ini kita lihat bahasa pertuturan seluruh Malaysia, seluruh negara asalnya dikatakan dari Johor-Riau.

Sebab orang-orang Johor suatu masa dulu menguasai, menguasai Dewan Bahasa dan Pustaka, menguasai Penyiaran RTM, sebab itu bahasa Johor-Riau menjadi bahasa yang dituturkan oleh semua rakyat di Malaysia. Pada suatu masa dulu mungkin orang Johor tidak ada kekuatan dan kelebihan di sini mungkin bahasa yang kita tuturkan,

mungkin bahasa sebagaimana orang Kelantan tuturkan, orang Negeri Terengganu tuturkan ataupun orang Kedah.

Dan identiti Johor juga, anak Johor Melayu misalnya terkenal dengan zapin dan juga baju kurung teluk belanga, ini identiti Orang Johor. Dan suatu masa dulu, dalam beberapa kali pilihan raya kita melihat Johor menjadi kubu kuat Barisan Nasional. Di sini kita melihat bagaimana perpaduan Melayu, Cina, India bersatu hati tinggal dalam keadaan yang harmoni dalam sama-sama bekerjasama membantu menjayakan Johor menjadi sebuah negara yang maju. Tetapi kita melihat dalam senario politik PRU yang Ke-13 seolah-olahnya ada bibit perpecahan perpaduan dalam kalangan rakyat Johor yang selama ini bersatu padu hidup di bawah Kerajaan Barisan Nasional tetapi dalam pilihan raya yang lalu kita telah mengalami sedikit pengurangan Kerusi Dewan Undangan Negeri yang jatuh ke tangan pembangkang.

Kalau pembangkang menang atas dasar manifesto yang dimainkan iaitu untuk membela nasib rakyat, memperjuangkan kebajikan rakyat, menjalankan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, tak apa kita alu-alukan, tetapi bila melihat senario di mana pola sokongan rakyat mengikut kaum agak ketara, kita khuatir kemenangan ini bukan atas dasar sebagaimana laungan untuk berkhidmat dengan sebaik mungkin kepada rakyat. Kita khuatir, atas dasar menimbulkan kebencian kepada kaum lain atas dasar menimbulkan kebencian pada parti lain maka dia boleh menang dan ini yang menimbulkan kegusaran kepada kita.

Sebab itu gagasan, gagasan Tuanku yang nak melihat kita anak Johor mesti bangga menjadi Bangsa Johor, sebab kita Melayu, Cina, India yang ada di Johor, kita perlu hidup dalam keadaan harmoni, perlu hidup dalam keadaan yang penuh dengan perpaduan, sebab perpaduan, kestabilan di Johor ini membantu untuk meyakinkan pelabur-pelabur untuk masuk melabur di negara kita.

Berkaitan dengan anak Johor ni, Yang Berhormat Datuk Speaker, mungkin orang-orang dari negeri lain yang telah mengahwini, dikahwini oleh orang-orang Johor, yang telah tinggal lama di Johor, yang dah pandai makan tempe tu kira orang Johor jugalah, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang seterusnya saya nak bercakap berkaitan dengan titah sultan iaitu no. 5, iaitu Tuanku bertitah suara dan kehendak rakyat disalurkan dengan betul dan tertib bukan dengan cara protes, maknanya di sini jelas kita sebagai Wakil Rakyat di sesuatu ADUN, kita kena fahami, selami apa permasalahan rakyat supaya setiap permasalahan itu dapat ditangani. Kita bawa permasalahan itu, kita buat aduan kepada jabatan-jabatan, agensi-agensi. Kita tidak mahu Wakil Rakyat di DUN lain menjadi juara di kawasan kita, sebab Wakil Rakyat di DUN lain ada permasalahan rakyat di kawasan mereka dan dia sebagai wakil perlu selesaikan masalah ini tanpa sibuk-sibuk untuk menyelesaikan masalah rakyat di tempat lain. Saya ambil contoh di tempat saya.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Ya.

Y.B. Datuk Speaker : Masa.

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Masa, seterusnya saya nak bercakap berkaitan dengan masalah di tempat saya, di mana rakyat di tempat saya minta supaya masalah ini dibawa, sebagaimana telah disebut oleh ADUN Semarang dalam soalan yang semalam, berkaitan dengan lalat.

Dia kata, masalah lalat ini merupakan masalah yang cukup besar melanda di kawasan saya di Machap. Hasil siasatan saya, kita dapati ada 33 pengusaha ladang ternakan ayam, di mana 25 ayam daging dengan kapasiti keluaran 1.97 juta, 4 ladang penelur dengan kapasiti keluaran 1.96 juta dan 4 ladang ayam baka dengan 600,000 ekor. Saya difahamkan juga, jarak antara ladang dengan rumah iaitu sistem reban tertutup 500 meter dan sistem reban terbuka 1,000 meter. Malangnya walaupun peraturan ini telah ditetapkan, ada masih kedapatan reban ayam yang diusahakan oleh pengusaha tidak sampai 500 meter berbanding dengan rumah penduduk. Sekarang ini, masyarakat luar beranggapan bahawa pekan Machap merupakan pekan lalat. Kadang kala ada kenduri-kendara, majlis perkahwinan yang dianjurkan oleh seseorang, jemput orang luar datang, orang luar masuk, datang atas jemputan itu, bila mereka datang, mereka makan, ada tambahan satu menu lagi iaitu menu lauk lalat sebab lalat bertelur di ayam, lalat kadang kala masuk dalam masakan yang telah kita hidangkan.

Begitu juga dengan aduan-aduan yang telah dibuat oleh pengusaha kedai makan di lebuh raya yang menyatakan bahawa lalat telah mengancam ataupun mengganggu kelancaran perniagaan mereka di sana. Kita, dah banyak cara kita buat, enakmen dan denda, kaedah pelupusan, sistem kawalan dan sebagainya, tapi masalah lalat terus berlaku.

Walaupun seorang ahli Parlimen telah tidak terpilih lagi untuk yang akan datang begitu juga dengan Wakil Rakyat, 2 Wakil Rakyat telah membawa isu ini tetapi penyelesaiannya sehingga kini masih tidak dapat diselesaikan secara tuntas. Sama ada kita nak menjaga 33 orang pengusaha ataupun kita nak menjaga 42,000 penduduk Machap yang berdepan.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Yang Berhormat Machap, bolehlah ditamatkan.

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Boleh cakap lagi?

Y.B. Datuk Speaker : Ya.

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Seterusnya berkaitan dengan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat, di Simpang Renggam ada tapak yang telah disediakan untuk pembinaan balai bomba di Lot 1627 keluasan 5 hektar dan telah dikatakan telah masuk dalam rancangan ke10 di bawah Rancangan Tempatan Daerah Kluang Pengubahan. Kita ada satu balai bomba dalam Parlimen Simpang Renggam di Renggam, tetapi kesesuaian bila berlaku kebakaran di Simpang Renggam dikatakan pergerakan kenderaan bomba ini ialah selama 18 minit tapi realitinya bila berlaku kebakaran di Simpang Renggam pergerakannya lebih 45 minit.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Yang Berhormat Machap.

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Jadi saya, itu saja di tempat saya, saya menyokong usul menjunjung kasih Sultan Johor yang telah dibawa oleh ADUN Semarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Senggarang.

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan sokongan rundingan menjunjung kasih terhadap titah Duli Yang Maha Tuanku Sultan Johor semasa merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan yang mulia ini. Saya amat berbangga di atas keperihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi memastikan pembangunan Negeri Johor di dalam semua bidang berada di landasan yang kukuh dan sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum itu saya ingin menarik perhatian kepada saranan Parit Yaani, berhubung dengan harapannya agar pegawai Kerajaan di Johor diberikan kebebasan untuk menyokong mana-mana permohonan tidak kira daripada sesiapapun. Secara lumrahnya pegawai Kerajaan perlu menyokong Kerajaan semasa, yang memerintah ketika ini atau *government of the day* dengan izin, maknanya segala tindakan yang dilakukan oleh pegawai Kerajaan perlu seiring dengan perancangan dan polisi yang telah digubal dan ditetapkan oleh Kerajaan yang memerintah. Kalau di Johor pastinya Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi saranan yang ingin saya tujukan kepada Parit Yaani, bahawa jika benar beliau berhajat untuk menghadiri Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah, mudah saja jadilah Wakil Rakyat Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah ketika ini.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada ucapan pihak Tangkak, menyatakan kawasan RAPID Penggerang kelak dengan pembangunan *oil and gas* akan mendatangkan pencemaran dan bahaya tetapi Tangkak perlu sedar projek yang sama yang dibangunkan di Republik Singapura tidak pula dilihat sebagai mencemar dan bahaya. Apatah lagi pembangunan RAPID kelak akan lebih canggih, insya-Allah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada Peraturan Tetap 45(13)(a) mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik kepada seorang ahli lain, saya minta laluan untuk memberikan penjelasan kepada.

Y.B. Datuk Speaker : Skudai, Yang Berhormat Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Senggarang tadi.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Senggarang taklah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : menggunakan Singapura sebagai contoh.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat duduklah, Yang Berhormat Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, ini penting.

Y.B. Datuk Speaker : Tak da penting, saya tahu, saya mengawal peraturan ini. Yang Berhormat Skudai, patuhlah kepada arahan, apabila saya bercakap you duduklah, Yang Berhormat, duduklah. Saya ikuti Yang Berhormat Senggarang punya ucapan, dia bukan mendatangkan syak wasangka apa dia cuma mengulas sedikit apa yang disebut oleh Tangkak. Itu, jadi Tangkak ada dia punya isu yang dia bangkit, ini Senggarang cuba nak menjelaskan jadi saya rasa tidak melanggar apa-apa peraturan. Sila Senggarang teruskan.

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai ucapan sulung saya di Dewan ini, saya ingin membawa beberapa isu yang dekat dengan warga Senggarang khususnya dan Batu Pahat amnya.

1. Hakisan pantai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang disebutkan di dalam beberapa laporan yang sahih, kawasan Senggarang dan Batu Pahat dijangka akan tenggelam jika keadaan suhu panas dunia terus meningkat, bukan setakat kejadian banjir yang berlaku, fenomena ini telah mengakibatkan juga hakisan pantai berlaku di sepanjang pantai Senggarang khasnya. Berpuluh-puluh ekar tanah mungkin ratusan seperti di kawasan Punggor dan Parit Botak telah pun ditelan oleh laut. Yang tinggal di tangan tuan punya tanah hanya geran yang sudah tidak bermakna lagi. Apa yang saya difahamkan, pihak Universiti Tun Hussein Onn pun mengalami masalah yang sama di mana sebahagian tanah yang dimilikinya di Tanjung Labuh sudah menjadi lautan kini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, usaha yang di buat selama ini bagi membendung masalah hakisan pantai hanyalah tindakan yang berbentuk sementara atau *stop get measure* dengan izin, kerana tindakan sebenar yang patut di buat memerlukan peruntukan yang besar. Adalah diharapkan pihak kerajaan memandang serius dalam isu ini. Kalaulah semasa pilihan raya kecil di Kuala Besut, Kerajaan menjanjikan RM250 juta untuk mendalamkan kuala sungainya sahaja saya rasa, waima RM1 bilion sekalipun Kerajaan mampu untuk menyelesaikan masalah ini dengan membina pemecah ombak yang lebih canggih dan mengukuhkan benteng yang sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, alangkah elok jika pihak Kerajaan Negeri dapat membawa Perdana Menteri Malaysia sendiri untuk melihat ancaman hakisan yang berlaku di kawasan pantai Senggarang supaya masalah ini dapat diselesaikan tanpa berlengah supaya kekecewaan rakyat tidak terus berlarutan khasnya di kalangan pengundi Senggarang. Masalah ini hendaklah diselesaikan secara *Total Once and For All* dengan izin.

2. Pencemaran bau dari ladang babi atau khinzir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pencemaran bau dari ladang babi amat ketara di beberapa kawasan dalam DUN Senggarang terutama sekali di Kelicap, Banang, Sungai Suluh dan Minyak Beku. Walaupun pihak Jabatan Veterinar menyatakan bahawa ladang babi ini telah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan tetapi pencemaran baunya masih di tahap yang tidak menyenangkan kepada penduduk berhampiran. Yang amat tercemar sekali ialah di kawasan berdekatan perkampungan orang asli di Desa Sri Banang, Minyak Beku. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat khuatir Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan terhidu bau tersebut apabila ekspedisi Kembara Mahkota Johor singgah ke perkampungan tersebut pada akhir minggu ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya percaya di tempat-tempat lain dalam Negeri Johor pun mengalami keadaan yang sama. Amat baik sekiranya kesemua ladang babi ditutup dan dipindahkan ke satu tempat sahaja sebagai pusat penternakan babi bagi menampung permintaan dalam Negeri Johor sahaja. Apa pun pihak kerajaan perlu memastikan lokasi pusat penternak babi ini jauh daripada kediaman penduduk.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, minta merujuk kepada Peraturan Tetap 45 Bilangan 15, bahawa nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau nama sesiapa jua atau Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Negeri Melayu atau nama Yang Terutama, Gabenor Pulau Pinang atau Melaka atau nama sesiapa jua di antara Pemangku Raja atau Ahli-Ahli Pangkuan Raja bagi sesebuah Negeri Melayu tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Dewan Negeri. Oleh itu, saya minta atas Peraturan Tetap Bilangan 15, Yang Berhormat Senggarang tarik balik tuduhan tadi bahawa Duli Yang Maha Mulia akan terhidu bau tahi khinzir waktu melawat Senggarang. Tuduhan yang amat serius.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Skudai, Yang Berhormat Skudai,

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, Peraturan tetap ada di sini.

Y.B. Datuk Speaker : Saya fahamlah peraturan yang tidak boleh kita menggunakan nama-nama Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Gabenor tahulah, tapi apa yang dibangkitkan oleh Senggarang, dia kata dalam lawatan ataupun Kembara Mahkota ini, dia bimbang Duli Yang Maha Mulia tercium, dia tak secara langsung, jadi tidaklah bagi saya menyalahi seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, jadi, teruskan Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, ini satu tuduhan yang serius Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Tak ada tuduhan dia tak ada, cuma dia bimbang, dia melahirkan bimbang. Tidak ada apa-apa masalah dari segi mencemarkan nama Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Y.B. Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Jawatan dengan nama berbeza,

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Cubalah jadi adil Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Tak ada penyalahgunaan nama, Yang Berhormat Senggarang sila.

Y.B. Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker,

3. Pembaikan jalan-jalan utama sekunder.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pemantauan dan penyelenggaraan berterusan terhadap jalan-jalan utama memang sentiasa diharapkan. Sehubungan dengan itu, satu jalan raya sekunder yang amat perlu diberi perhatian adalah Jalan Parit Botak, Parit Hamid. Jalan raya ini menjadi penghubung utama penduduk Senggarang dan Rengit untuk ke Parit Raja dan Air Hitam. Jalan raya ini menghadapi pemendapan yang mudah merosakkan permukaan jalan dan kerap bergelombang sudah tentu membahayakan pengguna jalan raya terutama sekali penunggang motosikal. Buat masa, ini oleh kerana peruntukan yang terhad Jabatan Kerja Raya hanya dapat memperbaiki permukaan jalan apabila difikirkan kritikal atau apabila ada aduan dari orang ramai. Pembaikan secara turapan hanya bertahan selama setahun sahaja disebabkan keadaan tanah gambut yang tidak kukuh di kawasan tersebut. Ini tidak dapat menyelesaikan masalah untuk jangka masa panjang.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Senggarang, boleh gulung.

Y.B. Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, tindakan yang sepatutnya dibuat adalah menguatkan struktur jalan ini sendiri supaya tidak mudah rosak. Untuk berbuat demikian, jalan raya itu hendaklah di bugar secara keseluruhannya dengan meletakkan fiber khas di lapisan tengah jalan bagi menguatkan strukturnya dan seterusnya di turap semula. Ini memerlukan peruntukan yang amat besar. Kaedah ini telah dilakukan di jalan Pontian-Benut oleh pihak JKR dan ini telah berjaya mengurangkan pemendapan yang berlebihan di kawasan tersebut. Oleh itu, jalan raya Parit Botak, Parit Hamid perlu di bugar dengan secara rupa bagi menyelesaikan isu ini dengan keadaan segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

4. Ahli Majlis PBT

Saya amat bersetuju dengan titah yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa calon untuk memegang jawatan sebagai Ahli Majlis PBT perlu mereka yang benar-benar mahu menyumbang tenaga untuk kebaikan PBT secara keseluruhannya.
Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mencadangkan agar kriteria pemilihan Ahli Majlis PBT Johor diperketatkan lagi. Kriteria yang diguna pakai perlu sama dengan kriteria pemilihan calon Wakil Rakyat, baik di Parlimen mahupun di Dewan Undangan Negeri dewasa ini di mana agensi-agensi tertentu seperti SPRM menilai sama ada seorang itu bermasalah ataupun tidak.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Senggarang.

Y.B. Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Akhir sekali, *last sekali*. Saya sebab tadi dah kena kacau banyak kali Datuk Speaker, mohon seminit dua. Yang Berhormat Datuk Speaker, ini yang terakhir sekali.

5. Muzium Batu Pahat

Di Batu Pahat memang sedia ada sebuah galeri yang diberi nama Galeri Dato' Onn yang dikelolakan oleh Yayasan Warisan Johor. Walaupun galeri ini berfungsi sebagai sebuah muzium tetapi penumpuan galeri tersebut lebih menjurus kepada bahan sejarah peninggalan Allahyarham Dato' Onn Jaafar serta keluarganya. Apatah lagi kedudukan galeri ini merupakan bekas kediaman rasmi beliau semasa menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, lantaran itu saya ingin mencadangkan sebuah muzium khas Batu Pahat diwujudkan kerana Batu Pahat terkenal dengan berbagai sejarah lampau. Ini termasuk pembukaan Batu Pahat sendiri, kisah parang terbang Kiai Salleh serta serangan ke atas Ibu Pejabat Polis Batu Pahat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keperluan muzium di Batu Pahat tidak memerlukan pembinaan bangunan baru tetapi saya cadangkan bangunan Ibu Pejabat Polils Trafik yang dulunya Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat di baik pulih dan di naik taraf sebagai muzium Batu Pahat. Selain daripada itu, lokasi amnya, lokasinya amat strategik terletak di dalam kawasan bersejarah Batu Pahat. Apa yang dipohonkan pihak Kerajaan Negeri perlu mendapatkan sokongan dan persetujuan Kerajaan Persekutuan khasnya Kementerian Dalam Negeri untuk menjadikan Ibu Pejabat Polis Trafik tersebut sebagai muzium khas Batu Pahat satu realiti.

Y.B. Datuk Speaker : Ok Yang Berhormat.

Y.B. Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Senggarang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Batu.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat pagi dan salam sejahtera Bukit Batu ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Bukit Batu mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dalam Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Bukit Batu ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini kerana telah berjaya mendapat amanah pengundi di kawasan mereka untuk mewakili mereka di Dewan yang mulia hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Batu juga ingin mengucap tahniah kepada Yang Berhormat Permas yang telah dilantik oleh Tuanku sebagai Menteri Besar baru Negeri

Johor. Diharap di bawah pentadbiran baru ini hubungan di antara ADUN Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat akan menjadi lebih mesra lagi. Bukit Batu juga harap, Dato' Menteri Besar boleh mengingati teguran Tuanku dalam titah Tuanku khususnya Perkara 6 di mana Tuanku telah memberi teguran masa untuk kempen politik telah pun selesai sekarang adalah masa untuk bekerja. Kepentingan rakyat hendaklah diutamakan berbanding kepentingan peribadi atau politik.

Justeru itu, Bukit Batu amat berharap Pejabat Menteri Besar akan menggunakan budi bicaranya dengan adil dan saksama dan tidak pinggirkan ADUN Pakatan Rakyat dalam saluran peruntukan kepada kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat kerana mereka yang bakal dihampakan dan diprejudiskan dan di diskriminasikan adalah rakyat dan anak Johor juga Datuk Speaker. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, komponen Pakatan Rakyat Johor mempunyai ahli dan penyokong berbilang kaum, ada Cina, ada Melayu ada India. Malah PKR Johor ada ahli dari Sabah dan Sarawak juga Datuk Speaker. Memandangkan kita ada begitu banyak kaum, penyokong dan ahli berbilang kaum, Pakatan Rakyat Johor terpaksa memberi perkhidmatan kepada mereka tidak terhad kepada kawasan mereka Datuk Speaker. Ini adalah tauladan seorang pemimpin Datuk Speaker. Lebih-lebih lagi kalaulah kita terpaksa memberi perkhidmatan di kawasan mungkin yang dimenangi oleh Barisan Nasional, bukan kerana kita sibuk tetapi kerana kita dijemput oleh orang tempatan Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Batu menyokong kandungan usul Parit Yaani berkenaan dengan insiden di Mesir. Walaupun saya bukan seorang penganut Islam tetapi kekejaman, keganasan dan ultra city yang dilakukan oleh rejim tentera ke atas rakyat Mesir sendiri amat menyedihkan Datuk Speaker. Dari semua sudut kemanusiaan *atrocity* di Mesir ini mesti dikejam dan saya menyeru rakan-rakan di Dewan yang mulia ini dan Kerajaan Negeri Johor untuk mengeluarkan satu kenyataan yang tegas bahawa rakyat Johor dan Kerajaan Johor tidak sama sekali setuju dengan tindakan rejim tentera di Mesir yang sanggup menembak orang awam yang tidak bersenjata Datuk Speaker. (Dewan bertepuk). Kepada YB-YB yang cuba mengaibkan insiden di Mesir ini dengan perhimpunan Blackout 505 Datuk Speaker, saya mohon YB-YB tengoklah betul-betul. Blackout 505 adalah satu perhimpunan aman Datuk Speaker, tidak seorang pun yang cedera atau mati, malah pihak polis langsung tidak pernah tembak satu das peluru pun, tahniah PDRM. Blackout 505 diadakan bukan untuk menggulingkan Kerajaan tetapi diadakan untuk rakyat meluahkan perasaan dan meminta penjelasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rakyat keliru macam mana dakwat yang dikatakan kekal sebenarnya tidak kekal dan lebih adil lagi rupanya adalah bahan makanan seperti yang dikatakan dalam slogan KFC *Fingger Lickin' Good* lagi Datuk Speaker. Rakyat keliru mengapa satu *coordination* parti yang hanya menang undi popular 47.4% boleh tubuhkan Kerajaan manakala satu lagi yang mendapat 51% pula...

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu, kita jangan bahaskan perkara ini. Saya bekas Ahli Parlimen, saya mentang penggunaan dakwat, tetapi pembangkang di Parlimen bersungguh-sungguh yang hendakkan dakwat, dan inilah akibatnya.

(Dewan bertepuk). Jadi jangan kita, jangan kita *you all* nak menyalahkan sebelah pihak, kita berlaku adillah. Soal macam rusuhan di Mesir, Kerajaan Persekutuan telah pun membuat tindakan-tindakan yang tertentu, ada usaha-usaha yang telah dijalankan. Ini semua Wisma Putra dan Kerajaan Persekutuan punya bidang kuasa. Sebab itu kita tolak usul daripada Parit Yaani kerana sebab-sebab tertentu. Jadi Yang Berhormat, saya harap beralih kepada modul yang lain lah. Sila kan, teruskan.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Dengan izin Datuk Speaker, pembangkang di Parlimen minta dakwat kekal bukan dakwat yang boleh makan.

Y.B. Datuk Speaker : Kekallah, apa tak kekal. Sebenarnya cuba diselewengkan, saya tak nak perbahasan ini di sini. Bukan forum kita. Ok.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Ya Datuk Speaker, saya akan tukar kepada topik lain. Dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker, Negeri Johor Darul Ta'zim seperti negeri lain di Malaysia kini menghadapi masalah inflasi tinggi di mana harga-harga barang kian menaik tetapi malangnya pendapatan pekerja-pekerja biasa baik di sektor awam atau sektor swasta tidak dapat berserentak dengan kenaikan ini. Kenaikan harga barang-barang harian ini membawa banyak kesusahan yang tidak boleh dielak kepada kehidupan harian rakyat Johor, masalah kewangan rakyat biasa lebih tertonjol terutamanya pada musim raya dan pembukaan sesi sekolah baru setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi penduduk-penduduk di kawasan bandar di Johor, isu ini lebih ketara memandangkan kos kehidupan di kawasan bandar adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan luar bandar. Kekurangan pendapatan bersih bercampur dengan harga barang yang terus naik melambung mengujudkan segolongan penduduk di bandar yang mengalami masalah kemiskinan bandar atau dengan izin dalam Bahasa Inggeris *urban poor*. Datuk Speaker, golongan *urban poor* ini terutamanya yang tinggal di kawasan Johor Bahru dan sekeliling menjadi mangsa kepada kekuatan Dolar Singapura yang telah mencecah kadar SD1.00 bersamaan dengan RM2.56, Datuk Speaker.

Dianggarkan sebanyak hampir 50,000 kereta masuk keluar daripada Tambak Johor setiap hari dan ini tidak masuk lagi kereta dan motosikal yang masuk keluar Johor daripada laluan kedua *Second Link* di Tanjung Kupang, Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, orang Singapura masuk ke Johor Bahru dan kawasan sekelilingnya untuk membeli barang-barang, ada yang gunting rambut, ada juga yang cuci kereta, makan *seafood* dan banyak-banyak lagi Datuk Speaker. Walaupun ini secara terus juga membantu perkembangan ekonomi Johor Bahru, tetapi pada masa yang sama kemasukan wang dolar Singapura ke Johor Bahru ini juga mengakibatkan harga barang naik melambung berdasarkan kepada prinsip asas ekonomi Datuk Speaker, perbekalan dan permintaan, atau dalam Bahasa Inggeris dengan izin Datuk Speaker, *supply and demand*. Peniaga-peniaga yang ingin mengaut untung hanya akan menjual barangnya kepada mereka yang sedia membayar harga yang tertinggi dan dalam senario demikian harga barang akan naik kerana ada permintaan. Justeru itu, adalah tidak hairan ada ramai yang berpendapat bahawa Johor Bahru adalah

salah satu bandar di Malaysia yang mempunyai kos kehidupan yang tertinggi. Datuk Speaker, kalau mereka yang berkebolehan dapat menampung kehidupan harian mereka, bagaimana dengan mereka yang kerja dan tinggal di bandar dan terpaksa bersaing untuk barang makanan dan sumber yang sama dengan orang lain yang jauh berpendapatan tinggi, Datuk Speaker.

Kerajaan Negeri perlu meneliti isu ini dengan serius. Isu kemiskinan bandar ini mempunyai talian dengan isu lain seperti isu sosial dan keselamatan. Tidak boleh dinafikan Datuk Speaker, kemiskinan akan mendesak atau mempengaruhi seseorang untuk melakukan kegiatan yang tidak sihat atau kegiatan jenayah demi mendapat lebih pendapatan. Seterusnya sesuatu keluarga yang menghadapi masalah kewangan mempunyai kekerapan untuk bergaduh dan pecah rumah tangga.

Kewujudan kedai-kedai mainan kuda dan pusat urut di merata-rata tempat di seluruh Johor bukan sahaja membimbangkan malah membawa impak sosial yang tidak sihat dan tidak diingini kepada masyarakat tempatan. Demi masa hadapan rakyat Johor ni, Bukit Batu harap Kerajaan Negeri terutamanya di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan boleh menapis permohonan lesen perniagaan yang tulen dan bekerjasama dengan pihak Polis untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kenaikan kegiatan jenayah di seluruh Johor terutamanya kes ragut, samun dan pecah rumah mempamerkan satu fenomena baru di mana tidak seorang lagi pun di Johor yang selamat daripada keancaman penjenayah generasi baru ini. Polis DiRaja Malaysia perlu mengambil tindakan yang tegas untuk memulihkan kepercayaan masyarakat kepada pihak Polis. PDRM juga perlu mengagihkan lebih ramai sumber dan petugas Polis ke Bahagian Siasatan Jenayah atau CID terutamanya untuk mencegah, membanteras jenayah serius.

Datuk Speaker, Bukit Batu juga ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa Bukit Batu harap kerajaan boleh mengambil langkah yang pro aktif untuk menaik taraf kemahiran golongan miskin bandar ini agar mereka menjadi lebih kompetitif di pasaran buruh dan pada masa yang sama menaikkan pendapatan bulanan mereka.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhomat Bukit Batu, sila gulung.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Berilah saya gulung sekejap, saya gulung. Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya Bukit Batu ingin mengingati semula Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini bahawa isu kemiskinan bandar ini bukan satu mitos, ini adalah satu realiti yang perlu di atasi. Dalam usaha untuk memajukan ekonomi Negeri Johor, kerajaan tidak boleh melupakan atau mengabaikan keperluan golongan ini. Bukit Batu harap ekonomi Negeri Johor boleh terus maju dan amat di harap manfaat kemajuan ini boleh dikongsi dan dinikmati oleh semua golongan dan lapisan rakyat di Johor. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Batu. Saya jemput Yang Berhormat Tenang.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warah matullahi taala wabarakatuh, Salam Sejahtera, Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin. Yang Berhormat Datuk Speaker, Alhamdulillah saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana turut diberi ruang dan peluang untuk menyertai sesi perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Perasmian Penggal Pertama bagi Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor yang Ke-13.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tenang dengan rendah diri merafak sembah menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, inti pati Titah Baginda yang tuntas dan mampan terutamanya melihatkan keprihatinan Baginda terhadap kesejahteraan, perpaduan dan pembangunan ekonomi secara keseluruhan kepada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tenang juga mengucapkan tahniah kepada pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Seri sebagai Menteri Besar Johor dan di sini juga kita telah pun memasuki, *period*, dengan izin, masa yang getir apabila kita memperkatakan soal PRU yang Ke-13. Dan pada hari ini kita berada dalam pasca PRU-13 yang menjadi neraca kepada kita tentang keberkesanan kita merealisasikan manifesto dan janji-janji pilihan raya. Masa yang getir telah berlalu dan sekarang kita duduk dalam satu bumbung yang sama, Sidang Dewan Undangan Negeri Johor dengan matlamat merealisasikan kesejahteraan rakyat dan melestarikan bumi Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pasca PRU-13 menyaksikan berlakunya tsunami kaum yang menyaksikan sokongan kaum tertentu kepada kerajaan kelihatan pudar walaupun setelah sekian lama banyak bantuan dan sokongan kerajaan, tetapi itu tidak merubah pendirian mereka. Kita mula tercari-cari apakah resipi itu yang membawa kepada pudarnya kepercayaan mereka, kita mula mengetengahkan beberapa teori termasuklah pembahagian ekonomi yang tidak seimbang, isu dianaktirikan, kekangan pemilikan ekonomi dan sebagainya sehinggalah pada isu kuota dan mitograsi. Namun, yang jelas segala isu yang ditimbulkan untuk menghalalkan tindakan mereka itu sebenarnya telah diatasi dan dihalusi oleh kerajaan. Akhirnya kita melihat isu seumpama ini telah di manipulasi oleh sesetengah pihak untuk mewujudkan rasa kebencian mendalam terhadap kerajaan.

Sebenarnya pendapat saya menyatakan bahawa sokongan ini bukan sahaja tertumpu kepada sesetengah kaum sahaja, tapi isu ni lebih tertumpu kepada masyarakat dan golongan. Persoalannya kenapa isu ini berlaku? Jawapannya, manusia yang tersepit akan lebih mudah dipujuk dengan janji-janji manis:

1. Sokongan masyarakat bandar terhadap kerajaan secara keseluruhannya agak rendah. Golongan ini yang hidup dan dihimpit dengan kepesatan dan perlumbaan mengejar kebendaan. Mereka tertarik dengan dakyah pembangkang yang menghulurkan segalanya secara percuma dengan hujah yang tiada hujung pangkal. Pihak ini menggambarkan bahawa mereka mampu menghirup segalanya dengan percuma.

2. Teknik pecah dan perintah yang satu masa dulu amat ampuh mengekang perpaduan masyarakat. Suatu era pentadbiran penjajah telah dipakai.

Kempen pihak-pihak ini hanya menjurus kepada setengah kaum tertentu sahaja, manakala kaum lain dilihat sebagai penghalang dibiarkan terkapai-kapai. Sudah tentu teknik jelik ini mampu mencairkan sokongan setengah kaum dan menimbulkan rasa kebencian kepada setengah kaum.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu Perpaduan Nasional hari ini mula menjadi hangat ketika ini. Yang peliknya kenapa isu ini selepas Akta ISA dihapuskan dan dengan diganti dengan akta lain? Dalam banyak isu perkauman yang dipaparkan hari ini, kita melihat semacam sudah tidak ada lagi nilai kesopanan dan berlapang dada antara kaum. Sebagai contoh, menceritakan isu satu pasangan yang cuba mempermainkan isu agama. Saya memuji sikap NGO Islam dan bukan Islam yang menyelar dan mengutuk sikap dan perbuatan mereka itu. Dengan jelas NGO ini menyatakan bahawa isu Perpaduan Nasional tidak boleh diusik dan sesiapa yang mencemarnya wajar diberi hukum. Tapi alangkah malangnya terdapat setengah pemimpin Melayu yang kononnya ingin menjadi wira dengan terang-terang menyatakan pasangan tersebut hanya diberi peluang dan kemaafan. Apakah hukuman itu bukan sekadar pengajaran kepada mereka dan orang lain agar lebih menghormati Perpaduan Nasional? Malah seminggu dua ini kita pula dipaparkan dengan tindak tanduk setengah penganut agama yang menggunakan surau untuk maklum yang diketahui sebagai tempat ibadat khusus umat Islam sebagai tempat menjalankan *ritual* mereka. Kita patut berasa malu dan ini berlaku di kawasan kita, di Sedili Besar dalam Negeri Johor ini. Lebih malu lagi, perbuatan ini dilakukan oleh penganut agama lain dari luar. Tapi saya rasa bangga dengan pihak berkuasa dan Jabatan Agama Negeri Johor kerana mengambil tindakan proaktif dan pantas terhadap isu ini. Kita tidak lihat isu ini berlarutan tanpa tindakan pihak berkuasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu juga kita dipaparkan juga dengan isu digemparkan dengan siri pembunuhan berorientasikan senjata api. Seolah-olah manusia pada hari ini sudah hilang kewarasan dan keyakinan undang-undang. Tenang menyeru kepada saudara-saudara supaya mengutuk sekeras-kerasnya isu ini. Sekarang bukanlah masanya kita menuding jari menyalahkan mana-mana pihak. Ini merupakan isu nasional. Kita seharusnya memberi kepercayaan, sokongan dan bantuan sepenuhnya terhadap pasukan Polis DiRaja Malaysia untuk mengheret manusia berhati batu ini ke pihak pengadilan. Malah janganlah sampai kita mempolitikkan isu ini. Kita sedih dan malu kerana terdapat setengah pihak yang menyatakan kes pembunuh ini sebagai sandiwara kerajaan, sandiwara Barisan Nasional. Alangkah malu dan aibnya manusia ini hinggakan isu nyawa dan masa depan menjadi bahan sindiran dan lakonan. Agaknya sekiranya terkena batang hidung sendiri barulah mereka sedar. Tidak secukup-cukup dengan isu pencerobohan di Lahad Datu sebagai sandiwara kerajaan. Isu pembunuhan ini pun dipolitikkan. Dan pada semalam juga, isu pembunuhan gengster-gengster, saya difahamkan di Pulau Pinang juga, telah pihak tertentu mempertikaikan kredibiliti PDRM terhadap isu tersebut dan inilah menunjukkan sikap sebenar pihak pembangkang yang sering menuding jari pada pihak PDRM. Diharapkan perkara ini, kita seharusnya duduk bersama-sama untuk mencari satu jalan penyelesaian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kembali berkaitan isu dalam DUN Tenang. Setiap ucapan saya dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak akan sekali-kali penat untuk

menyatakan keinginan masyarakat Tenang berhubung isu pendidikan tinggi. Saya harap dan mohon kepada pihak berkenaan akan memandang serius perkara ini. Kami bukan meminta dibina kan universiti bertaraf dunia atau pusat penyelidikan bertaraf nasional, kami hanya ingin memohon sebuah institusi pengajian tinggi awam untuk anak-anak menimba ilmu. Di mana salahnya pembinaan sebuah kolej komuniti di bumi Labis ini. Hari ini isu pendidikan menjadi isu perbincangan hangat di mana-mana kawasan terutama di kawasan Tenang. Seolah-olah moto, 'Satu Parlimen dengan Sebuah Kolej Komuniti' hanya sebagai visi yang indah dari rupa. Kita telah menyediakan tempat, tapak pembinaan kolej, dan hanya menunggu peruntukan daripada kerajaan, Insya-Allah.

Di samping itu juga, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga menarik perhatian pihak SPNB berkaitan pembinaan isu rumah yang masih tertangguh bahkan terdapat isu rumah terbengkalai. Sudah sampainya, masanya pihak SPNB memandangkan serius perkara sedemikian terutamanya di dalam kawasan Tenang ini. Integriti kontraktor yang dilantik harus diperhalusi dan dinilai manakala kontraktor yang bermasalah wajar diambil tindakan. Kita tidak mahu orang lain "Makan nangka, orang lain terkena getahnya". SPNB sebahagian daripada badan kerajaan, sekiranya tidak mengatasi isu seperti ini dibimbangi akan membawa impak buruk kepada kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menarik perhatian kepada JKR, keperluan pelebaran juga Jalan Bandar Labis – Kampung Tenang, jarak sekitar 12 kilometer ini yang merupakan jalan asal kepada kapasiti dua lorong. Untuk pengetahuan sidang Dewan yang mulia ini, laluan ini merupakan menghubungkan Kampung Tenang dan sekitarnya seperti Kampung Ayer Panas, Sawah Baru dan FELDA Tenang serta pinggiran Bandar Labis. Laluan ini merupakan laluan utama dan menjadi sesak serta merbahaya terutama menjelang perayaan-perayaan dan juga jika ada berlaku beberapa perayaan, karnival di situ. Laluan juga, ini banyak mencatat kemalangan serta kemalangan maut yang ada, di samping penggunanya kalangan kanak-kanak sekolah di sepanjang laluan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sikit saya menambah juga, tentang kuarters, asrama Sekolah Menengah Kamarul Ariffin. Diminta pihak Jabatan Pendidikan melihat isu ini, kerana telah lama ditinggalkan dan dibiarkan begitu sahaja kerana dikhuatiri menjadi sarang penagih dadah dan juga mungkin boleh berhantu jugalah tempat itu, Yang Berhormat Datuk Speaker kerana dibiarkan lama. Saya berharap pihak Jabatan Pelajaran Negeri mengambil inisiatiflah untuk melihat kegunaan kuarters tersebut.

Di samping itu juga, isu Masjid Jamek lama Labis yang di biar dikosongkan juga begitu sahaja juga yang mencacatkan kita, apabila orang ramai lalu-lalang di situ seolah-olah dibiarkan begitu sahaja. Apa salahnya, boleh diwujudkan Pusat Tahfiz Al-Quran ikut keperluan Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Akhir kata, saya di sini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua dan diharap perkara-perkara ini akan terus diberi perhatian oleh sidang Dewan Yang Berhormat.

Akhir kata dengan ini, Tenang menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Semarang. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan sementara Persidangan ini sehingga jam 12:00 tengahari.

Persidangan berhenti rehat pada jam 11:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:00 tengahari.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat tengahari. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Jemput.

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Alhamdulillah, terima kasih diberikan kesempatan ini untuk Nusajaya membahaskan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada Mesyuarat Yang Ke-2 Penggal Pertama Dewan Negeri Johor Kali yang ke-13.

Nusajaya teruja dan terpanggil dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di para 9, para 10 dan 11, yang berbunyi "Kerajaan Johor perlu menggubal dasar yang tegas dan seimbang untuk rakyat Johor supaya mereka tidak terpinggir di arus pembangunan. Rakyat juga tertekan dengan kos kehidupan yang tinggi dan harga rumah yang melambung tinggi. Pemaju perumahan untung dengan harga melambung tinggi daripada warga asing". Seluruh rakyat Gelang Patah amat terharu di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Ini yang dikatakan, "Sultan yang berjiwa rakyat".

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana komitmen dan akujanji beliau untuk membina sebanyak mungkin Rumah Mampu Milik terutama di kawasan Bandar Johor Bahru, sebagaimana beliau nyatakan di berita akhbar serta dalam lawatan Ramadhan beliau berbuka puasa di Masjid Abidin, Taman Sri Skudai.

Nusajaya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak agensi terlibat seperti Iskandar Malaysia, IRDA, IIB, UEM Sunrise, Agensi Kerajaan, Agensi Jabatan Bukan Kerajaan yang meningkatkan nama Iskandar Malaysia di mata dunia.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Nusajaya mengesyorkan beberapa perkara yang amat penting dan kritikal iaitu dari segi rumah mampu milik, perumahan dan tempat tinggal di kawasan Nusajaya dan Gelang Patah. Sebagai contoh, difahamkan kuarters CIQ di Second Link yang ada hampir 11 buah flat, yang mana 16 tingkat, 1 tingkat, 8 unit, 1 blok itu akan dikosongkan untuk ditempatkan pekerja-pekerja Legoland. Juga di PRISMA, berdekatan dengan Lima Kedai, rumah yang untuk disewakan untuk 2 tahun bagi keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana

juga akan dimasukkan dengan pekerja-pekerja Legoland. Ini menunjukkan, penempatan dan perumahan amat memerlukan di Nusajaya. Begitu juga di perindustrian di SILC, *Southern Industrial Logistic Cluster* di situ. Ramai industri-industri di sekitar Bandar Gelang Patah dengan ramai pekerja-pekerja warga asing juga memerlukan tempat tinggal. Mereka tinggal di kedai-kedai 2-3 tingkat di Nusa Perintis dan juga di Gelang Patah.

Juga difahamkan, EduCity yang mana menempatkan universiti-universiti luar negara, New Castle, NMIT difahamkan *Netherland Maritime University*, yang mana dijangka tahun depan, pelajar-pelajarnya hampir 600-700 akan hadir untuk mengambil Diploma Perkapalan, pun tidak ada tempat tinggal. Mereka sekarang ini difahamkan ada broker yang berbangsa bukan Melayu sedang mencari rumah-rumah kedai dan tempat tinggal untuk penuntut-penuntut. Ini yang dikatakan, di Nusajaya ini bukan sahaja perumahan rumah mampu milik tetapi tempat-tempat untuk pekerja tempatan dan pekerja warga asing, penuntut-penuntut universiti juga difahamkan amat memerlukan tempat-tempat perumahan dan tempat-tempat tinggal. Jadi itulah, difahamkan perumahan ini amat-amat kritikal dan pelaksanaannya perlu dibuat secepat mungkin. Kita tidak mahu masalah perumahan ini dikatakan tapi akhirnya sampai PRU ke-14 masih belum dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, iaitu Sistem Pengangkutan Awam yang efisien. Saya difahamkan, bandar Gelang Patah yang sekarang ini amat sesak padat dengan penduduk dengan warga asing yang ada. Saya mengesyorkan untuk menampung Nusajaya tadi, diperlukan ada satu perumahan rumah mampu milik seolah-olah Bandar Gelang Patah 2, difahamkan kalau mengikut Pelan Tindakannya ada tanah hampir 5,000 ekar yang mana Bandar Baru ini adalah untuk menempatkan rumah mampu milik. Saya dijangkakan boleh dibina mungkin hampir 5 hingga 10,000 unit. Jadi di Bandar yang baru ini, inilah model yang terbaik, iaitu di mana di bandar ini diadakan pengangkutan awam yang terbaik. Kita ambil contoh, kalau boleh, di Bandar Gelang Patah 2 ini tadi, diadakan pengangkutan sistem monorel atau kereta api, pengangkutan darat yang terbaik. Contoh, kita difahamkan di masa akan datang, ada satu kereta api laju daripada Nusajaya ke Pulau Pinang hampir 4 jam dan sebagainya. Yang keduanya, sistem kereta api tadi untuk *shuttle*, untuk pekerja Nusajaya dan Singapura. Yang ketiga, di Gelang Patah ini ada sistem kereta api yang cukup dan sedia ada. Daripada Gelang Patah, boleh sampai kepada Senai, Kempas, Kulai dan Skudai. Jadi kita gunakan satu sistem yang jadi model, supaya sistem perjalanan pengangkutan di Nusajaya dan Gelang Patah hanya menggunakan sistem LRT, MRT dan sebagainya. Jadi, dia punya sentralnya adalah di Gelang Patah. Jadi kita mungkin di masa akan datang, mungkin kita bergerak di Nusajaya tidak perlu memakai kereta, kita mengurangkan *air pollution*, minta izin. Jadi kita menggunakan MRT, LRT dan sebagainya, Tuan Pengerusi. Begitu juga dengan bandar baru nanti, kita ada bas *feeder*, iaitu bas–bas yang bergerak kawasan-kawasan kampung, taman-taman di sekitar Nusajaya dan Gelang Patah dan termasuk teksi tadi.

Jadi itulah, jadi saya ambil kesempatan ini, supaya bila Bandar Baru Gelang Patah tadi supaya sistem pengangkutan awam yang efisien, yang cekap dan ketetapan waktu akan diwujudkan supaya dia akan menjadi model, model untuk seluruh Malaysia.

Juga Tuan Pengerusi, kita kalau diikutkan penglibatan masyarakat di Gelang Patah ini tadi, hendak tak hendak kita kena terima bahawa Nusajaya adalah satu tempat yang, ekonomi yang memesat dengan tingginya, memangkinkan ekonomi, yang mana kalau kita lihat 20 tahun dulu, harga tanah di Gelang Patah, 1 ekar mungkin RM3,000, tapi 10 tahun lepas, harga tanah 1 ekar, RM30,000.00. Tapi 3 tahun lepas, harga tanah melonjak kepada RM300,000, 1 ekar. Dalam tahun ini, dah lebih RM500,000 hingga RM1 juta. Jadi ini, kelonjakan hartanah di Gelang Patah ini agak membimbangkan. Sebab apa, rakyat Gelang Patah takut teruja. Teruja dengan harga yang tinggi, dan akhirnya takut terjual dan akan keluar dari Gelang Patah. Jadi saya harap, pihak Kerajaan akan memerhatikan supaya penjualan tanah kepada warga asing dan sebagainya dapat dikawal dan penduduk di Gelang Patah, saya rasa kita bila di Nusajaya tadi, pembangunan yang mencakar langit, difahamkan apartmen-apartmen mewah akan tumbuh sebagai cendawan, yang mana 1 unit lebih RM300,000 hingga RM2 juta. Dan, difahamkan seluruh Nusajaya tadi akan diadakan pusat-pusat hiburan, maksudnya *supermarket,* hiburan keluarga dan sebagainya. Jadi, hendak tak hendak, dia memerlukan pekerja-pekerja pendapatan sederhana, iaitu memerlukan pemandu, memerlukan *security guard*, memerlukan *salesman, salesgirl*, kerani-kerani, pemandu dan sebagainya. Jadi, untuk memastikan seluruh Nusajaya tadi untuk menampung pekerja-pekerja sokongan tadi dah tentu mereka memerlukan rumah. Sebab itu rumah yang mampu milik tadi seharusnya diusahakan. Kalau tidak, takut di Nusajaya tadi tak ada orang nak bekerja. Itu takut nanti akhirnya, Nusajaya, dia akan sunyi, sunyi dan dipanggil *ghost town*, minta izin itu. Takut tidak ada *support* pekerja tadi, itu tuan pengerusi.

Jadi, itulah, jadi diharapkan Pengerusi tadi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, diharapkan pekerja-pekerja, penglibatan masyarakat perlu diutamakan dan juga penduduk-penduduk di Gelang Patah perlu di meningkatkan, berikan peluang untuk mereka bekerja iaitu dengan mengadakan latihan-latihan tertentu. Difahamkan, banyak industri-industri di seluruh di Nusajaya dan sebagainya memerlukan tenaga-tenaga mahir. Jadi kalau boleh, semua jabatan kerajaan, agensi kerajaan dan sebagainya mengadakan kursus-kursus latihan ringkas 3 bulan, 6 bulan dan sebagainya supaya mereka mendapat latihan yang sewajarnya khusus, khusus untuk pekerja industri yang tertentu, tuan pengerusi.

Jadi, itulah diharapkan Pengerusi tadi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker diharapkan pekerja-pekerja, penglibatan masyarakat perlu diutamakan. Dan juga penduduk-penduduk masyarakat di Gelang Patah perlu di meningkatkan diberikan peluang untuk bekerja. Iaitu dengan mengadakan latihan-laltihan tertentu. Difahamkan banyak industri-industri di seluruh di Nusajaya dan sebagainya memerlukan tenaga-tenaga mahir. Jadi, kalau boleh semua Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan sebagainya mengadakan kursus-kursus latihan ringkas 3 bulan, 6 bulan dan sebagainya supaya mereka dapat latihan yang sewajarnya, khusus untuk pekerja industri yang tertentu Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker.

Jadi, itulah. Jadi, sekarang ini difahamkan rumah-rumah di Nusajaya yang ada di sebagai contoh Nusa Bayu, Nusa Idaman, Nusa Central, rumah-rumahnya hampir RM300,000.00 hingga RM500,000.00 rumah teres. Jadi, rumah-rumah ini tidak mampu di duduk oleh masyarakat Gelang Patah. Jadi, diharapkan rumah mampu milik tadi

walaupun harganya RM100,000.00 hingga RM150,000.00, walaupun begitu setiap bulan bayarannya pun agak memerlukan bayaran-bayaran yang agak mudah untuk dibayar.

Jadi, saya Nusajaya ingin mencadangkan di Nusajaya tadi, rumah-rumah tadi bayaran ansurannya 5 tahun pertama agak bayaran, agak bayaran yang bersesuaian. Kalau harga RM100,000.00 lebih, takut bayarannya pun tidak mampu dibayar bulanan. Jadi, kalau ada dapat pihak bank dan sebagainya supaya bayaran, skim bayaran rumah tadi, dia, bayaran 5 tahun pertama dimurahkan bayaran, 5 tahun kedua dinaikkan, selepas 10 tahun baru harga yang bayaran yang sesuai untuk dibayar. Jadi, itu tujuan dia. Walaupun rumah mampu milik, tapi setiap bulan dibayarnya dia sesuai dan mampu untuk bayar setiap bulan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Nusajaya...

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : *Yes*...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Sila gulung.

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Jadi, akhir sekali Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Nusajaya ingin menyokong bahawa rumah mampu milik ini tadi harus dibina dengan segera di Nusajaya dan Gelang Patah. Tujuan antara lain untuk membantu pembangunan Nusajaya dengan pekerjaan yang ditawarkan supaya Nusajaya menjadi tempat pertumbuhan ekonomi dan menawarkan pekerjaan kepada penduduk-penduduk di Gelang Patah.

Sekian, Nusajaya mengundur diri dan menyokong dasar perbahasan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih. Yong Peng.

Y.B. Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, selamat tengah hari dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian untuk membahaskan usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena pembukaan rasmi Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Johor Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya selaku ADUN Yong Peng yang dipilih dalam PRU ke-13 yang lepas ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, dalam isu kualiti air di kawasan Yong Peng. Semua sedia maklum bahawa kualiti air yang bersih dan bebas daripada pencemaran adalah amat penting untuk kegunaan seharian kita semua. Saya telah dimaklumkan bahawa takungan air di Empangan Bekok dan Manong yang berfungsi sebagai tadahan air telah tercemar. Mengikut pemerhatian saya di kawasan *zon buffer*, dengan izin, di empangan tersebut telah ditanam dengan tanaman pokok kelapa sawit secara haram. Keadaan itu menjurus kepada penggunaan baja serta racun yang tidak terkawal. Dalam pada itu juga terdapat

aktiviti penternakan lembu yang banyak di sekitar kawasan tersebut dan ini dikhuatiri akan membawa kepada pencemaran air.

Saya berharap Kerajaan Negeri segera untuk menghalang kegiatan-kegiatan haram tersebut dalam maksud memelihara kawasan tadahan air dari berlaku pencemaran yang serius.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebenarnya aktiviti haram tersebut telah berlaku sejak tahun 2008 lagi. Pencemaran itu dikhuatiri akan mengancam kesihatan semua kaum, Melayu, Cina, India dan lain-lain di kawasan sekitar Yong Peng, Lamley, Kangkar Baru, Bekok, Parit Yaani dan Batu Pahat. Memandangkan masalah ini telah lama berlaku dan nampaknya makin berleluasa, maka pihak Kerajaan Negeri perlu lebih tegas dan memastikan masalah itu dapat diselesaikan dalam masa satu tahun.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, selain masalah kualiti air, saya juga mendapat permintaan dari kalangan penduduk kawasan Yong Peng bahawa sebuah hospital adalah diperlukan di kawasan Yong Peng. Yong Peng, satu tempat yang dianggapkan pusat dan sangat unik kerana mempunyai dua jalan keluar ke lebuh raya Utara-Selatan, dari Kuala Lumpur di utara dan Johor Bahru di selatan. Ini dapat menyingkatkan masa untuk menghantar pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan lanjut ke Hospital Johor Bahru. Sekiranya hospital dibina di Yong Peng, ia akan memberi manfaat kepada penduduk bukan sahaja dari kawasan Yong Peng malahan kawasan Air Hitam, Parit Sulong, Seri Medan, Kangkar Baru, Parit Yaani dan Lamley yang merangkumi jumlah penduduk sekitar 60,000 orang. Ia juga dapat memberikan khidmat rawatan kepada penduduk dari Chaah, Bekok dan Paloh.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, isu ketiga yang saya bawakan adalah berkenaan Sekolah Agama Taman Kota Yong Peng yang telah dimulakan pembinaan sejak 1 November 2011 mengikut papan projek yang tertera ia sepatutnya siap pada 31 Oktober 2012. Namun, setakat ini projek ini belum disiapkan. Saya suka hendak bertanya bilakah projek tersebut akan disiapkan? Begitu juga dengan janji Kerajaan Negeri berkenaan pemberian tanah untuk pembinaan Sekolah Menengah Cina Yong Peng. Saya telah dimaklumkan 10 ekar tanah rizab Kerajaan Negeri Johor di kawasan Yong Peng yang telah dijanjikan oleh bekas Menteri Besar Johor kepada Sekolah Menengah Cina Yong Peng Swasta pada tahun 2012, masih belum diserahkan kepada sekolah tersebut. Janji ini perlulah segera ditunaikan dalam masa satu tahun dan bukannya satu janji dicapati.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, seterusnya saya memaklumkan kepada...

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jami (Rengit) : Ha, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya nak jelas, janji ditepati bukan janji dicapati. (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Ini masa saya. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, seterusnya saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini masalah serangga ulat bungkus yang telah mengancam ladang kelapa sawit di kawasan Yong Peng. Difahamkan masalah itu juga berlaku di Kangkar Baru, Chaah dan Labis di mana ia telah mengurangkan pendapatan pekebun sebanyak 40%.

Langkah-langkah diperlukan untuk menangani masalah ini dan pertolongan daripada Kerajaan Negeri diperlukan untuk membantu pekebun-pekebun yang mengalami kerugian.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, isu seterusnya yang ingin saya sentuh adalah berkenaan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu PBT yang berfungsi sebagai badan yang mentadbir Majlis-Majlis Daerah. Setakat ini, Ahli-Ahli Majlis Daerah tersebut adalah dilantik oleh parti yang memerintah. Di sini, saya merayu demi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah cekap dan telus, Ahli-Ahli Majlis Daerah tersebut sepatutnya dipilih dan bukannya dilantik.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, PBT ini perlu sentiasa diingatkan bahawa pelanggan utama mereka sebenarnya adalah penduduk tempatan yang tergolong sebagai pembayar cukai. Dengan memahami konsep tersebut, maka KPI kepuasan pelanggan perlu diadakan supaya pembayar cukai boleh memastikan cukai yang mereka bayar adalah setimpal dengan perkhidmatan yang diberikan. KPI diberi kepada PBT bergantung masa diambil untuk maklum balas tentang satu aduan dan masa untuk menyelesaikan satu masalah yang dibawa oleh pengadu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, masalah yang sering berlaku di kawasan Negeri Johor, khasnya kawasan Yong Peng, adalah sampah tidak dikutip mengikut jadual, banjir kilat yang sering berlaku, longkang tersumbat dan kejadian tanah runtuh. Selain itu, berlaku juga kesesakan lalu lintas semasa musim perayaan. Sering kali juga berlaku kemalangan yang disebabkan oleh jalan berlubang dan kekurangan lampu jalan di kawasan-kawasan perumahan. Saya dimaklumkan tiada maklum balas dari PBT tentang aduan yang dibuat dan jika ada tindakan pun ia amat lambat dan lebih menyedihkan ada yang sudah berpanjangan lebih dari 4 tahun tanpa apa-apa tindakan.

Saya berharap, masalah-masalah ini yang sering berlaku di kawasan Yong Peng ditangani dengan segera oleh PBT berkenaan iaitu Majlis Daerah Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, akhir sekali saya menyeru pihak Kerajaan mengambil perhatian dan tindakan segera untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu yang saya bangkitkan dalam ucapan saya. Tidak kira kita di sebelah pembangkang atau Kerajaan memberi khidmat untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat adalah tanggungjawab bersama.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sekian, ucapan saya. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang peraturan kelakuan Ahli-Ahli Dewan yang tidak bercakap di dalam Persidangan, di bawah Peraturan Perintah-Perintah Tetap Dewan Bilangan 120. Saya minta supaya Ahli-Ahli tidak menyeberang dalam Dewan Mesyuarat dengan tidak ada berpasal. Sekiranya mempunyai urusan dengan mana-mana pihak di Tingkat 3, Ahli-Ahli Yang Berhormat dipohon melalui pintu luar Dewan Mesyuarat ini untuk ke atas. Terima kasih. Saya jemput Sedili.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala hiwabarakatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang dalam perbahasan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar bagi merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Seri Khaled bin Nordin kerana dilantik sebagai Menteri Besar dan saya yakin dan percaya di atas kebolehan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi mentadbir Negeri Johor dengan lebih baik lagi.

Walaupun belum sampai 100 hari, sehingga hari ini baru 96 hari telah beberapa dasar dan tindakan yang telah dilakukan bagi menggembirakan rakyat Negeri Johor. Contohnya, dengan menaikkan cukai harta kepada pemilik-pemilik dari warga asing, mengarahkan supaya lesen pusat hiburan keluarga dimansuhkan, menjadikan Daerah Kota Tinggi sebagai pusat pelancongan berasaskan sejarah dan berbagai-bagai lagi yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Saya yakin Negeri Johor tidak akan bankrap ataupun muflis sepertimana dikatakan pembangkang sebelum ini. Dan jauh sekali Yang Amat Berhormat untuk menghina pembangkang dengan atas alasan tidak dapat memberikan peruntukan.

Di kesempatan ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin bertanyakan kepada pembangkang, adakah di Selangor, di Pulau Pinang mahupun di Kelantan, pihak pembangkang di sana mendapat peruntukan sepertimana yang dibawa oleh pembangkang di Negeri Johor? (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kita perlu bersyukur berada di Malaysia dalam keadaan yang aman, yang makmur, tiada permasalahan dan jauh berbeza sepertimana yang berlaku di Myanmar dan khasnya di Asia Timur. Saya amat tertarik dalam ucapan Parit Yaani dan Bukit Batu yang seolah-olah dia simpati. Memang tak dapat dinafikan kita simpati, tambahan pula sesama Islam. Cuma yang kita pertikaikan inilah langkah-langkah pembangkang yang dilakukan di dalam Negara kita. Sebiji, serupa cuma orangnya yang berbeza yang berlaku di tanah air kita. Peristiwa Back Out 505, sejarah kita terbalik. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kalau di Mesir kena tembak, mereka ini adalah pemberontak-pemberontak yang dianiaya. Begitu juga yang ada di sini. Kita terbalik pula, kereta polis diterbalikkan, anggota polis dipukul, rakyat kelam-kabut. Harta awam musnah. Itulah apa yang berlaku, pembangkang lakukan kerana tidak percaya bahawa Barisan Nasional masih kekal memerintah di tanah air kita.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis Agama Islam yang cepat mengambil tindakan berkaitan surau di Sedili Besar dan saya mengucapkan terima

kasih di atas Kementerian yang telah menarik balik kerakyatannya dan kesempatan ini juga

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Bukan kerakyatan, penduduk tetap, PR.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Kita serahkan kepada Polis dan saya mohon kepada mereka khasnya kepada pembangkang jangan jadikan isu. Walaupun pada dasarnya, saya agak terkilan kerana setengah daripada pembangkang yang nak memperjuangkan Islam, berkenaan dengan surau, batang hidung pun tak nampak. Ucapan atau sokongan pun tak nampak. Ini surau, surau yang dilakukan, kiblatnya yang berlainan dan malahan Dato' Timbalan Speaker, saya merasakan amat berdukacita, tambahan pula berlaku di tempat saya.

Dalam kesempatan ini, saya terima kasih kepada Majlis Agama Islam dan saya juga terima kasih kepada Majlis Agama Islam kerana setiap sembahyang Jumaat mendoakan kepada pembayar-pembayar zakat sehinggakan duit zakat yang terkumpul lebihan, duit zakat yang terkumpul berakhir pada 2012 hampir mencecah RM200 juta lebih dan saya mencadangkan supaya Majlis Agama Islam dimanfaatkan duit lebihan zakat RM200 juta lebih ini sekurang-kurangnya bagi satu Daerah RM100 juta atau RM2,000,000.00 setahun. Kita ada 10 Daerah bermakna baru RM20 juta kita boleh bina rumah kepada fakir-fakir miskin.

Dalam masa lima tahun, insya-Allah saya yakin dan percaya masalah kemiskinan khasnya orang-orang Islam di Negeri Johor dapat diatasi. Dalam masa yang sama juga, Sedili mohon mencadangkan agar setiap Daerah mempunyai mewujudkan kedai halal seperti kedai rakyat 1 Malaysia, semua barang adalah halal dan pekerja dari kalangan Asnah. Ini fardu kifayah. Sebab belum ada kedai yang menyediakan barang 100% halal. Sebagai permulaan, kita wujudkan satu Daerah, satu kedai halal Majlis Agama Islam. Saya di kawasan DUN Sedili dalam Daerah Kota Tinggi sanggup menjadi permulaan bagi projek ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya mohon mencadangkan agar semua Ahli Majlis Agama Islam dapat turun ke padang sepertimana Saidina Umar melawat orang-orang miskin pada waktu malam, kerana Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, setiap kali permohonan untuk rumah-rumah miskin atau sara hidup daripada duit bantuan Majlis Agama Islam memakan masa berbulan sehinggakan bertahun. Ada di tempat saya Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dah meninggal dunia baru lulus permohonan ini.

Saya mencadangkan supaya Ahli Majlis Agama Islam turun ke padang setiap kali dapat permohonan daripada Kadi-kadi Daerah menghantar kepada Majlis Agama Islam supaya ambil tindakan. Kerana, kita ada duit Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, itu yang saya kata tadi RM200 juta lebih duit terkumpul lebihan zakat. Jadi saya rasa kita gunakan sebaik mungkin. Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya amat tertarik bilamana pembangkang tadi mengatakan berkenaan masalah RAPID. Saya ingin jelaskan hari ini rakyat di Pengerang berjumpa dengan pihak kerajaan untuk diambil tanahnya. Saya yakin dan percaya kerana pembangkang menyuarakan perkara ini sama apa yang berlaku di LYNAS sebelum ini,

sebelum kita pilihan raya ini. Semua bangkang pembangkang bawa masalah LYNAS mengatakan ini membawa kesan kepada penduduk-penduduk sekitar dan hari ini apa dah jadi? Pembangkang senyap. Tapi bila berlaku dekat RAPID Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dia kata pula. Untuk pengetahuan pembangkang, RAPID ini 40% pendapatan Negara kasar. Kita bersyukur kerana Negeri Johor terpilih, salah satu pendapatan Negeri Johor. Kita nak Negeri Johor ni kaya dengan duit. Tak seperti kata pembangkang sebelum ini. (Dewan bertepuk). Pembangkang sebelum ini mengatakan Johor bankrap, Johor bankrap sampai Pilihan raya ke-13 tak ada bankrap juga. Malah nak mintak duit kita pula, tak tahu malu betul pembangkang ni. (Dewan bertepuk) Jadi saya minta, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ini saya nak beritahu pembangkang, kita Kerajaan Johor ambil tanah di Pengerang, kita bayar pampasan dengan duit yang besar, dengan pampasan yang besar. Kita rumah pemohon, pemilik tanah ini pampasan dan dibagi, duit. Rumah mengikut harga rumah semasa. Kita bagi rumah,kita bagi lagi 2 ekar, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kita bagi lagi 2 ekar. Mana yang boleh buat? Selangor ada buat? Pulau Pinang ada buat? Masjid, tanah pun nak digadainya. Inilah cakap tak serupa bikin. Cakap, bila cakap ikut sedap kerana untuk nak mintak sokongan daripada rakyat. Bila dah menang, dia minta kita supaya jangan hina kita, kata dia, kata dia. Jangan hina kita, memperkotak-katikkan, jangan anak tiri kan. Tapi tengok, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tengah hari semalam aje, mana pembangkang makan dengan kita? Tak ada semangat setia kawan, tak ada semangat inilah waktu nak bekerja. Dia jumpa dengan pemberita kat atas sana tu. Entah apa dia cerita tak taulah. Cerita keburukan, dia bangga kerana dia cakap tapi tak ada fakta. Ini satu ratus tadi saya tengok Tangkak, 100 kali bahaya dia dari segi keselamatan. Pergilah dekat Pengerang, saya orang Kota Tinggi. Sebahagian daripada Pengerang itu sebahagian daripada darah daging saya. Kerana dekat sana, pembangkang kebanyakannya, saya minta maaf ini bukan cerita soal perkauman. Tapi di kalangan Cina-cina yang ada di Pengerang tidak memiliki tanah dan tak dapat merasai nikmat seperti orang Melayu yang ada tanah dekat Pengerang. Itu dia tak dapat.Salah satu daripadanya ekonomi mereka. Kerana sebelum ini Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, persisiran pantai tersebut adalah pelabuhan bebas. Kebanyakannya peniaga-peniaga membekalkan pelacuran, bekalan air dan sebagainya, makanan, seludup rokok dan sebagainya. Siapa yang meniaga ini semua? Adakah orang Melayu? Adakah orang India? Adakah orang Cina? Saya tak kata. Saya ingat Skudai jangan mempertikaikan pula saya kata orang dia. Tidak. Tapi sekurang-kurangnya menghalang rezeki dia,dia mempengaruhi pembangkang supaya nak mempertahankan apa yang berlaku dekat Pengerang.

Carilah, carilah 40% (Dewan bertepuk). Pendapatan Negara kasar. Ini kalau saya cerita kalau besok dalam masa 2020, RM200 bilion akan menjadi pembangunan di Pengerang, saya yakin dan percaya pembangkang akan gunakan tak tahulah ini kalilah entah apa saya tak tahu lagilah macam mana dia nak menguasai dekat Pengerang. Saya mencadangkanlah Johor Jaya dia kata hebatnya dia, 46% pembangkang menang. Saya dah di kawasan Sedili Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, PAS dah bertanding dengan saya, wang pertaruhan dia dah hilang. PKR bertanding dengan saya, wang pertaruhan dia hilang, saya cabar DAP bertanding tempat kawasan saya, nak tahu wang pertaruhan hilang ke tak hilang.(Dewan bertepuk)

Jangan wujudkan semangat perkauman, saya nak beritahu dalam hal negara kita yang makmur ini, kita kena pelihara, kita kena pelihara. Kita tak ada niat,kita,malahan kaum India, kaum Cina kita dah macam kawan, kita dah macam adik beradik. Nasib baik saya belum kahwin lagi yang kedua Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Saya pun bercita-cita kalau saya nak dibenarkan isteri saya kahwin lagi, saya nak kahwin dengan Cina. Saya nak kahwin dengan India, cukup 3 orang, 1 Malaysia. Tapi sikap sebahagian daripada pembangkang yang kalau dia cerita dia tak rasis tap kalau kita orang Melayu cerita rasis kata dia. Ini yang berlaku dan inilah yang dilakukan sehinggakan dia bolehlah menang 14 kerusi, kerana dia jual dengan ucapan-ucapan rasis dia. Kita tak ada cerita, rakamlah, tanyalah FB kita ada cerita Cina siapa yang kaya dalam Malaysia. *Top ten* terkaya dalam Malaysia. Siapa terkaya nombor 1, nombor 2, nombor 3, nombor 4, nombor 5? Itulah orang Melayu satu orang nombor 8. Jadi..

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato', Peraturan-Peraturan…

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Saya nak bercakap. Bagi peluang saya bercakap. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker…

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Peraturan 45 (13), seorang Ahli itu tidak boleh sekali-kali mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik pada seseorang Ahli yang lain. Tadi Yang Berhormat Sedili telah sebut nama Y. B Johor Jaya.

Y.B. Dr. Boo Chen Hau (Skudai): Biar dia habis dulu.

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak): Menyebut nama Y.B. Johor Jaya. Dia seolah-olah menuduh bahawa Y.B. Johor Jaya seorang rasis. Jadi itu tidak baik. Itu telah menimbulkan pemikiran dan sangkaan yang buruk pada Y.B. Johor Jaya.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Peraturan 45 (13). Dia tidak menuduh Johor Jaya. Dia cakap secara *general.*

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Tak dia ada sebut Johor Jaya tadi.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja): : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker kena ambil keputusan bahawa dia punya Peraturan Mesyuarat tidak menepati apa yang kita nak.

Y.B. Dr. Boo Chen Hau (Skudai): Tapi dia kata semua orang yang kaya itu orang Cina.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Bukan, dia cakap bukan semua orang kaya itu Cina.

Y.B. Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Tapi yang kaya itu bukan rakan kita, sahabat kita. Ada Robert Kwok. Siapa Robert Kwok?

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Speaker, saya minta Speaker bagi tau bila Speaker cakap, semua orang kena duduk.

Y.B. Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Ini adalah satu prasangka, kita kata kemerdekaan 57 tahun masih ada sesetengah pihak itu tak faham apa itu ekonomi? Tak faham siapa orang kaya itu? Dalam Dewan ini siapa 10 orang paling kaya dalam Malaysia? Siapa adalah saudara mereka?

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Skudai, itu kenyataan. Ok, teruskan

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebelum ini Skudai cakap, saya tak pernah cakap pun. Saya tak pernah buka buku Perlembagaan 25 apa semua. Saya tak kata Johor Jaya pun rasis, saya tak kata. Saya cakap umum. Inilah perangai pembangkang. Dia ngata kita boleh. Kita ngata dia, cuit dia tak boleh.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Y.B. sendiri yang rasis, jangan tuduh orang lain jadi rasis

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Skudai lebih rasis. *You* yang buat rasis.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : *You* jangan cakap benda macam tu ya.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : *You* jangan cakap, *you* rasis

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Cakap berasaskan fakta, jangan buat fitnah, dan tuduhan yang tidak berasas.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Sedili membawa perkataan perkara, Sedili membawa perkara yang telah pun umum mengetahui. Bukan perkara andaian.

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Tunjuk fakta tu, Fakta. Bukti.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya minta untuk menarik balik bahawa tuduhan Skudai adalah rasis. Itu adalah tuduhan yang sangat berat dan perlu ditarik balik.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang buat tuduhan itu dulu siapa?

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tarik balik tuduhan tu.

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Saya sokong, saya sokong

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ini perkataan rasis ini sangat jahat, berniat jahat.

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker,

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Jangan tuduh orang jahat.

Semua Y.B. Pembangkang : Dato' Speaker, Dato' Speaker, sila guna kuasa. Dato' Speaker, sila guna kuasa.

Semua Y.B. Pembangkang : Dato' Speaker, tolong meminta untuk menarik balik tuduhan bahawa Skudai adalah rasis.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Itu bukan tuduhan, satu kenyataan. Jadi. Sedili terus.

Y.B.- Y.B. Pembangkang : Itu tuduhan Dato' Speaker, tuduhan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, sudah, berat sebelah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Jementah, duduk. Ok, Sedili, sila gulung. Sila gulung Sedili.

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Saya baru acah saja sikit. Dia punya kelam kabut macam rumah terbakar. Saya tak ada cerita pun, tak ada cerita. Saya Skudai baik dengan Skudai. Parit Yaani saya usik dia pun dia tak ada benda, dia diam aje. Jadi Parit Yaani duduklah kat sebelah sini lagi bagus. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Beri laluan

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Parit Yaani tak perlu, tak perlu respons. Itu gurauan sahaja.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Tak, tak**.** Ini perkara berkaitan dengan Peraturan. Saya memang memerhatikan sebab inilah kebebasan pada kita. Kita kena *gentlemen* sepertimana Titah Duli Yang Maha Mulia saya sebut daripada awal. Saya tahu memang kita tidak boleh duduk dalam mesyuarat. Saya tahu. Walaupun rakan-rakan daripada Barisan Nasional akan bedal saya ataupun perli saya. Itu biasa. Cuma yang saya minta supaya bila dia menyebutkan tentang perkara-perkara yang boleh membangkitkan sakit hati antara kaum, kita tak perlulah, sebab kita duduk dan bersama, jiran tetangga kita sekelilingnya…

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok Parit Yaani, dah faham.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Saya mengharapkan supaya…

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin jelaskan…

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok Sedili, sila gulung.

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Saya ingin jelaskan, siapakah yang paling kaya *top ten* di Malaysia. No. 1, No. 2 sehingga No. 10. Saya tak kata Johor Jaya rasis.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Itu semua fakta yang ada. Kita semua orang tahu ya.

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Kalau katalah ADUN-ADUN yang baru daripada DAP, *check*lah ucapan Skudai yang lepas. Kita ada bukti. Kita ada simpanan. Setiap ucapan daripada Skudai, terang-terang rasis. Saya tak kata rasis. Saya cuma cakap siapa yang paling kaya. salah ke saya nak cakap?. Ini kecoh sangat. Jadi Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin menyampaikan amanat daripada pengundi-pengundi saya yang setia dengan saya, yang sehinggakan pembangkang hilang wang pertaruhan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Dalam tempoh 1 minit.

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Yakni,

1. Mohon pelebaran jalan masuk ke Sedili Besar, nak pergi ke Surau, yang jadi kontroversi tu. Semua dah datang dah. Jadi saya mohon untuk dilebarkan.

2. Melebarkan jalan di sepanjang jalan daripada Kampung Baru Mawai ke Gugusan FELDA Lok Heng yang melibatkan 8 FELDA.

3. Meluruskan selekoh yang ada di Kampung Mawai ke Tanjung Sedili dan Kampung Mawai ke Kota Tinggi.

4. Pembinaan Sekolah Agama di FELDA Simpang Waha yang tidak mencukupi. Permohonan telah dibuat dan janji daripada Majlis Agama Islam Johor nak bina tapi tak bina lagi.

Jadi itu, Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, jadi kesempatan ini, hari raya masih ada lagi, Parit Yaani saya mohon ampun maaf zahir dan batin. Jadi saya tak ada niat untuk nak tu. Jadi Skudai, jangan kecil hati, kan. Kalau tak macam ni tak meriah. Tapi sekurang-kurangnya Skudai, kalau Skudai bercakap…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Peraturan Tetap...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak payah. Tak payah Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini sangat peribadi. Tak apa, dia kata saya rasis. Kalau saya boleh menang Skudai, dengan sokongan orang Melayu dan orang India.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak payah. Tak payah...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak peduli. Sokongan dari kaum lain...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok, Sedili gulung.

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini Skudai, sebut aje Skudai terus bangun. Sebut aje Skudai terus bangun. Esok kalau tak tahulah kalau ada lagi ke tidak, kalau kita sebut Skudai, dia kat kampung pun dia bangun juga.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat sudah 2 penggal, baliklah baca Peraturan Tetap dulu.

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Kalau pasal ini, hari raya, bulan baik…

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak payah, tak payah…

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Saya mohon ampun dan maaf, zahir dan batin…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta tarik balik tuduhan tersebut. Kalau Sedili dia rasa, dia sendiri tak rasis, jemput datang Skudai, jemput datang. Jangan sembunyi di Sedili.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok, tamatkan Sedili.

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Tak ini apa pasal pula ni. Tak payah respons. Tak, kalau berani pergilah Sedili. Bertanding kat Sedili, 4 penjuru pun tak apa. Kan. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok, Sedili.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat, kena mencontohi bekas Menteri Besar…

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Saya nak tutup…

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak perlu, tak perlu, Skudai tak perlu…

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Sedili gulung.

Y.B. Tuan Haji Rasman Bin Ithnain (Sedili) : Jadi, Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, saya belum habis cakap lagi saya mohon ampun dan maaf seandainya kata-kata saya menyinggung hati dan perasaan khasnya kepada Jabatan-Jabatan JCS yang katanya kita kontrol JCS. Tak pernah kontrol pun. Kerana hubungan yang baik Barisan Nasional dengan jabatan-jabatan. Yang baik itu datangnya dari Allah SWT, yang buruk itu datangnya dari kedangkalan ilmu dan pengalaman yang ada pada diri saya. Dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Jemput, Parit Raja.

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Saya jadi gedak geduk pasal kat Dewan ni patutnya kita berbincang, bukan bergaduh. Saya mulakan dengan Bismillahhirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berterima kasih diberi peluang untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah bertitah pada

Dewan Undangan Negeri Johor dalam Pembukaan Rasmi, Penggal Persidangan Pertama, Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada hari Khamis, 15 Ogos 2013 yang lalu.

Seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku tersebut. Sesungguhnya Titah ucapan DYMM Tuanku, adalah sesuatu yang sangat berharga bagi kepentingan, kebajikan, kemajuan dan pembangunan rakyat Negeri Johor seluruhnya. Marilah kita menghayati Titah ucapan tersebut dan menjadikan panduan atas tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Negeri Johor.

Sebagai Ahli Dewan Negeri Johor Kawasan Parit Raja yang baru, saya sangat-sangat menghargai segala kemajuan dan pembangunan di kawasan saya yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional sejak lama lalu. Dan saya berharap segala kemajuan dan pembangunan yang ada tersebut, akan dapat diteruskan dan ditambah dari masa ke semasa oleh Kerajaan Negeri Johor, yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Khaled Bin Hj Nordin, sebagai Menteri Besar Johor yang baru.

Saya yakin dan percaya, dengan pengalaman yang luas Yang Amat Berhormat Dato' Seri selaku Menteri Besar kita, dan disertai oleh sifat dedikasi beliau, insya-Allah Negeri Johor akan terus pesat berkembang dan maju yang akan memberi harapan baru kepada rakyat Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perbahasan ini, ada beberapa perkara yang ingin saya ulas, utarakan dan kemukakan.

Pertama mengenai perumahan. Masalah perumahan iaitu Rumah Mampu Milik ataupun Rumah Murah ataupun Rumah Sederhana Murah dapat dibina dan diwujudkan di kawasan strategik terutamanya di kawasan saya iaitu kawasan DUN Parit Raja. Kerana permintaan daripada rakyat di kawasan Parit Raja antara yang tinggi dan mendesak. Kawasan Parit Raja adalah kawasan yang pesat membangun. Dan pembangunan ini menjadi satu harapan kepada penduduk-penduduk terutamanya pengundi-pengundi yang memberikan kemenangan kepada Barisan Nasional. Dan ini juga menjadi satu hadiah daripada Kerajaan, Kerajaan yang sentiasa membela rakyat.

Perkara yang kedua, berkaitan dengan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Agama iaitu Baitulmal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara kedua yang saya ingin sentuh berkaitan bantuan dan pertolongan kita kepada golongan yang memerlukan bantuan. Seperti orang miskin, ibu tunggal, anak yatim ataupun anak yatim piatu dan pada mereka yang memerlukan bantuan segera daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun Baitulmal. Hendaklah disegerakan dan jangan dilewat-lewatkan kerana ini memberi kesan dan rasa kecil mereka dan akhirnya mereka menyalahkan Kerajaan. Sebagai contoh, tadi contoh daripada Sedili, ini contoh daripada Parit Raja. Bantuan segera yang perlu diberi iaitu Bantuan segera untuk perbelanjaan awal untuk melanjutkan pelajaran ataupun perbelanjaan awal dapat tawaran masuk ke Universiti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin kita tidak terasa, tetapi pada mereka bantuan ini amat, adalah sangat-sangat berharga. Kalau boleh apa salahnya, diberi bantuan dan dipermudahkan. Jangan sampai bantuan tak dapat tetapi menggunakan bahasa yang digunakan oleh setengah-setengah pegawai bukan semua dan kakitangan Baitulmal, melukakan hati pemohon. Kita nak cari pahala.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dan saya dimaklumkan, wang zakat bagi tahun 2011, terkumpul sebanyak RM137 juta dan pada tahun lalu, meningkat sebanyak RM171 juta. Syukur kita, kesedaran umat Islam untuk membayar zakat meningkat. Dan niat pembayar zakat, membantu mereka yang susah dan memerlukan bantuan. Jadi saya berharap, Jabatan yang berkaitan terutamanya Baitulmal, dapat memberi, memperbaiki perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang ke-3, yang ingin saya sentuh ialah kehendak orang-orang kampung yang dahagakan cahaya lampu-lampu jalan kampung di kampung-kampung mereka. Setakat ini, dan setakat hari ini walaupun lampu-lampu jalan kampung ini ada disediakan oleh Kerajaan, tetapi bilangannya sangat terhad dan tidak meliputi seluruh kampung-kampung dalam sesebuah mukim. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bolehlah mendesak kepada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Luar Bandar supaya ditambah dengan secukup-cukupnya lampu-lampu jalan kampung supaya kampung-kampung tradisional ini tidaklah dibiarkan bergelap jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang ke-4, Pekan Parit Raja adalah sebuah pekan yang mempunyai sejarah yang unik. Daripada awal pembukaan, yang mula mendapat restu dan berkat daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ketika itu. Dan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ke-3 telah menjadi Wakil Rakyat Parlimen di kawasan itu. Pekan Parit Raja terus pesat membangun dengan adanya Universiti Tun Hussien Onn, Pusat Latihan Kemahiran Mara, kawasan perindustrian, perusahaan makanan ringan bahan-bahan tempatan dan macam-macam lagi yang menyebabkan Pekan Parit Raja mempunyai jumlah penduduk yang bertambah. Saya ingin mencadangkan supaya Pekan Parit Raja dijadikan Majlis Daerah Bandar Parit Raja yang diasingkan daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat supaya pengurusannya lebih tersusun dan berkesan kepada rakyat dan pembayar cukai, walaupun pembayar cukai tidak seberapa daripada perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan. Yang penting, rakyat dan pembayar cukai mendapat faedah yang lebih baik. Ini terlibat kepada semua rakyat. Tidak kira yang menyokong Kerajaan atau tidak. Yang penting Kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan Kerajaan yang sedia membantu rakyat.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker oleh kerana masa yang terhad, saya akhiri perbahasan ini dengan sekali lagi menjunjung kasih di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Jemput Maharani.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, syukur Alhamdulillah kerana kami masih diberi amanah oleh rakyat untuk diberi peluang berada di Dewan yang mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang Maharani memberi ucapan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Negeri Johor Yang ke-13.

Maharani menjunjung kasih di atas peringatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada Ahli Yang Berhormat supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan jujur, ikhlas dan beretika.

Pagi ini, kami dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar bahawa untuk penggal kali ini, peruntukan untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat ditiadakan ataupun dengan lain kata bahawa peruntukan itu sebenarnya adalah peruntukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi, inilah satu perubahan dan kami mengharapkan supaya oleh kerana ini peruntukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, maka seluruh Ahli Yang Berhormat adalah berhak untuk memohon peruntukan demi kebaikan rakyat, bukan untuk peribadi dan kami mengharapkan supaya wang ini adalah wang rakyat yang di amanah kepada Kerajaan yang memerintah maka segala permohonan, segala permasalahan yang kami terima daripada pembangkang terutamanya mestilah mendapat layanan yang seimbang, yang seadil-adilnya sama seperti yang diberikan kepada pihak Ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat Maharani nak bercakap tengah hari dan petang?

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Sampai besok pun boleh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan perbahasan kita sehingga jam 2.30 petang, petang ini. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12.55 tengah hari.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan disambung semula. Jemput Maharani.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker awal pagi ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ada memaklumkan bahawa mulai penggal ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak akan melantik Pegawai Khas Yang Amat Berhormat di DUN yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat. Maharani rasa ini adalah tindakan yang bijak kerana sebelum ini pegawai khas Yang Amat Berhormat Menteri

Besar ini adalah pegawai yang dilantik dengan elaun sebanyak RM3,000.00 sebulan dan juga elaun pejabat sebanyak RM2,500.00 sebulan. Bermakna setiap Pegawai Khas Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini mendapat elaun sebanyak RM5,500.00 sebulan. Kalau dalam masa setahun, makna seorang itu membelanjakan RM66,000.00 seorang. Bayangkan kalau kali ini 18 orang Pegawai Khas Yang Amat Berhormat dilantik maka perbelanjaan setahun mencapai RM1.188 juta, kali 5 tahun makna Kerajaan telah dapat menjimatkan RM5.94 juta. Tahniah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun usul Yang Berhormat Parit Yani untuk membahaskan situasi di Mesir ditolak tetapi saya dapat maklum balas daripada anak bangsa Johor yang belajar di Mesir bahawa mereka yang tinggal di asrama rumah Johor, pelajar-pelajar senior ini telah diarahkan supaya pindah daripada asrama ini untuk memberi tempat kepada pelajar baru yang akan belajar di Mesir. Jadi, mereka sangat bimbang dalam keadaan situasi sekarang untuk mencari rumah diluar daripada asrama adalah satu masalah dan kerana masalah keselamatan juga membimbangkan mereka. Jadi, Maharani mencadang supaya pelajar baru yang akan dihantar sana supaya disediakan penempatan baru yang selamat dan tidak membimbangkan ibu bapa dan kami semua.

Begitu juga aduan daripada pelajar bahawa ketika keadaan meruncing begini, mereka memaklumkan bahawa pegawai yang bertugas di rumah Johor ini balik bercuti raya, yang ini membuatkan mereka merasa cukup tertekan dengan keadaan sekarang walaupun masih terkawal dan selamat tetapi tindakan ini adalah sesuatu yang tidak bijak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita maklum tadi bahawa daripada Sedili, daripada Y.B. Parit Raja bahawa lebihan wang zakat yang terkumpul hampir mencecah RM200 juta. Ini adalah sesuatu yang sepatutnya difikirkan apa yang sepatutnya sebaik-baiknya digunakan wang ini yang sepatutnya telah pun dilunaskan setiap tahun pada asnaf-asnaf yang berhak.

Maharani pernah bertanya pada tahun 2009 tentang kutipan, baki dan juga agihan wang zakat ini tetapi soalan masa itu ditolak. Walau bagaimanapun dalam lawatan Maharani ke sesawang MAIJ baru-baru ini mendapati bahawa ada diterangkan di situ tentang pungutan dan juga perbelanjaan yang telah dikeluarkan kepada asnaf daripada tahun 2000 hingga tahun 2010. Jadi, Maharani memohon supaya di *up date* kan dengan izin, tentang pungutan dan juga perbelanjaan yang telah dikeluarkan kepada asnaf untuk tahun 2011 dan 2012.

Kalau kita lihat daripada pengagihan kepada asnaf, pengagihan yang tertinggi ialah kepada kumpulan asnaf fisabilillah. Jadi, Maharani ingin tahulah fisabilillah ini termasuk golongan mana, kerana mereka merupakan yang mendapat agihan yang tertinggi pada tahun 2010 agihan kepada asnaf ini ialah sebanyak RM47.8 juta. Adakah mungkin lebihan wang zakat ini boleh digunakan untuk membina lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor yang sepatutnya dalam perancangan pembinaan 121 buah sekolah agama ini telah pun diserahkan kepada satu badan, satu kontraktor yang mengikut maklum balas daripada kawasan-kawasan yang sekolah ini sedang dibina bahawa mengikut keadaannya seperti tidak berjalan lancar

dan tidak dibangunkan mengikut jadual. Jadi Maharani ingin penerangan ataupun maklum balas adakah ini masalah kontraktor atau ada masalah lain. Kerana kita bimbang dengan menyerahkan satu projek yang besar ini kepada satu kontraktor maka jika terkandas sesuatu itu, maka ini akan menjejaskan perancangan yang telah pun dibuat oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani menyokong penuh saranan Duli Yang maha Mulia Tuanku tentang calon-calon Ahli Majlis Tertinggi Pihak Berkuasa Tempatan di mana mereka mestilah boleh menyumbang kepada Majlis dan sanggup bekerja untuk rakyat, membantu menyelesaikan masalah rakyat dan mereka sepatutnya boleh bekerja sama dengan Wakil Rakyat yang memerintah ataupun pembangkang. Mereka juga hendaklah dikenalkan kepada rakyat setempat kawasan jagaan mereka supaya mereka menjadi penghubung. Mereka menjadi pengantara di antara rakyat dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelesaikan sebarang masalah dan sebarang permohonan. Sekarang ini, saya rasa mereka ini tidak begitu dikenali oleh masyarakat setempat sedangkan peranan mereka adalah besar.

Terima kasih kepada MPM kerana menjemput kami Pakatan Rakyat di Muar dan Bakri untuk menghadiri Mesyuarat Penuh Bulanan MPM sepanjang tahun 2009 tetapi selepas itu malang entah kenapa tak ada lagi jemputan. Walaupun kami sebagai pemerhati tak bercakap apa-apa duduk aje dengar tapi nampaknya itu pun satu masalah agaknya. Jadi, saya haraplah selepas ini di semua PBT yang ada ADUN daripada Pakatan Rakyat jemputlah kami. Kami dapat mengenali Ahli Majlis, kami dapat mengenali pegawai-pegawai supaya mudah kami memahami perjalanan PBT, kami dapat sama-sama mengetahui perancangan Majlis dan juga bekerja sama dengan mereka yang terutama sekali kami boleh bekerja sama dengan Ahli-Ahli Majlis untuk kepentingan Bandar Diraja dan mengikut maklum balas yang kami dapat di Dewan yang mulia ini dalam bulan Mac 2012 bahawa di antara perkara-perkara yang akan dilakukan di bandar Muar ini ialah menaik taraf sungai Muar, kemudahan riadah, infrastruktur yang lebih baik dan mengekalkan bangunan-bangunan bersejarah, bangunan-bangunan warisan.

Begitu juga dimaklumkan bahawa Muar ada satu Muar *by pass* yang menjadi sempadan kepada Bandar Maharani, Bandar Diraja ini. Jadi makna ini, maklum balas apakah perancangan-perancangan yang dicadangkan ini telah dapat memberi kesan yang baik kerana kami di Maharani tidak nampak begitu kesannya selepas lebih setahun kami dimaklumkan dan kalau dibandingkan dengan daerah lain mungkin tidak nampak diRajanya bandar ini dengan kemudahan-kemudahan asas yang di tempat-tempat lain di daerah lain mungkin lebih baik lagi. Kalau Ahli Yang Berhormat datang daripada Melaka ke Muar melalui AMJ, Jalan Pejabat Alor Gajah hingga ke Muar itu kita dapati bahawa di kawasan Melaka dapati sepanjang jalan adalah kawasan agak cantik, landskapnya. Tetapi bila sampai ke Negeri Johor, didapati bahawa keadaannya sangat berbeza. Ini adalah satu pintu masuk ke Bandar DiRaja yang sepatutnya diambil perhatian dan telah diperbaiki keadaannya.

Begitu juga apabila Ahli Yang Berhormat melalui Muar *by pass* daripada jambatan kedua terus hingga ke Jalan Abdul Rahman dan didapati jalan itu seperti yang diluaskan oleh lebuh raya tempat lain bahawa jalan ini adalah jalan yang tidak rata,

jalan yang agak membahayakan dan tidak diselenggarakan dengan baik, landskap di sekelilingnya pun kurang memuaskan dan di pembahagi jalan juga hanyalah tanah rumput sepatutnya di tanamlah dengan pokok-pokok hiasan ataupun pokok yang dapat memberi teduh dan sepanjang jalan itu sebaik-baiknya mestilah ada lampu jalan untuk keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi moto yang biasa Ahli Berhormat dengar daripada Muar ialah Muar adalah Muar Bandar Pelancongan Unik. Saya tak tahulah apa yang uniknya tetapi, saya mengharapkan Jawatankuasa Pelancongan dapat mempromosikan Muar sebagai Bandar Pelancongan Unik. Walau bagaimanapun di antara keunikannya yang boleh saya sebutkanlah yang agak unik sikit, kami ada Tanjung Emas, yang tidak ada lombong emas, tetapi Tanjung Emas. Malangnya kalau tuan-tuan pergi ke Tanjung Emas, anak-anak suka ke sana sebab ada tempat riadah dan masyarakat di Muar juga menggunakan tempat ini tempat beriadah tetapi masalah benteng mendap di Tanjung Emas masih belum selesai. Kalau dalam bulan Jun 2012 lalu, diorang ini bahawa Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan memberitahu bahawa MPM masih menunggu peruntukan sebanyak RM6 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun Kementerian Pelancongan jadi ini sudah lebih setahun kita tidak tahu perkembangan sedangkan keadaan di benteng itu sudah lebih membahayakan dan memberi imej yang kurang baik dari Bandar DiRaja.

Satu lagi tarikan yang boleh dikatakan unik juga ianya adalah Taman Tanjung Ketapang. Tuan-tuan pergi sebelah Tanjung Emas itu, ada Tanjung Ketapang di sebelah rumah Yang Bahagia DO. Tanjung Ketapang ini mempunyai banyak kawasan rekreasi, kawasan riadah di mana di situ juga ada kem perkhemahan yang semakin popular tetapi sekarang tidak diurus, jadi tak popular. Di situ juga tepi pantai ada tanam pokok bakau di mana itulah kawasan habitat monyet yang juga boleh menjadi kawasan tarikan pelancong dan boleh dijadikan mungkin dan adanya monyet ini dijadikan Taman Tanjung Ketapang ini juga dijadikan seperti Botanical Garden sebagai tempat pelancongan. Malahan baru-baru ini, monyet-monyet yang ada di situ telah ditangkap dan ada yang dibunuh oleh pihak MPM, jadi Maharani tahulah apa rasional tindakan ini kerana ini adalah antara tarikan jika diurus dengan sempurna.

Begitu juga ada cadangan supaya Taman Tanjung Ketapang ini biasanya sebelah pagi masyarakat akan mengadakan riadah di situ untuk berjoging, ... Dan ada cadangan daripada rakyat tempatan supaya jalan-jalan di situ ditutup daripada kenderaan supaya selamat untuk mereka beriadah.

Jadi kawasan ini menjadi merupakan tarikan kalau dibangunkan dengan sempurna ini boleh dikatakan seperti kawasan *golden triangle* dengan izin. Kalau dibina dengan sempurna mungkin boleh Maharani cadangkan supaya diadakan perkhidmatan beca Muar daripada Bandar Muar ke Tanjung Emas ke Tanjung Ketapang sebagai salah satu lagi tarikan dan juga memberi pekerjaan kepada penarik beca yang sekarang sudah pupus di Bandar DiRaja ini. Jika diberi contoh di Negeri Melaka bahawa beca ini boleh menjadi tarikan pelancong.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan ini juga, di kawasan di sebelah Tanjung Ketapang juga ada banyak tarikan sebenarnya ada. Rumah Rehat yang direhatkan dan tak berfungsi. Ada kolam renang dan dijadikan tempat biawak berenang. Ada padang futsal, padang serba guna, padang tenis tetapi sudah uzur tidak di selenggara. Dan juga telah adapun sebuah ekstrem park yang tinggal nama sahaja malah ada juga sejenis Muzium untuk Belia, masalahnya ialah penyelenggaraan, pengurusan yang sepatutnya dilakukan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Y.B Maharani sila gulung.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi untuk Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi masalah-masalah didapati oleh Maharani di antaranya gelanggang futsal di Parit Haji Ali, Jalan Abdul Rahman mengalami kerosakan seperti juga yang telah disebut Ahli Yang Berhormat sebelum ini dengan tandas rosak, lampu rosak, gelanggang rosak. Ini oleh kerana ini disahkan daripada Persatuan Belia yang tidak mampu menguruskannya maka diharapkan peruntukan daripada Menteri Besar salurkan kepada dana ini. Begitu juga ada sukan baru yang popular di Muar itu sukan sejenis *radio control* seperti kereta, kapal terbang dan helikopter juga *tank control* di mana ini adalah satu hiburan keluarga yang mungkin memerlukan lapangan yang sesuai untuk mereka ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah tanah mendap yang telah Maharani ini ajukan sebelum ini juga masih belum selesai dapat penyelesaiannya terutama di kawasan sebelah pantai Jalan Jonet yang paling teruk sekali ialah di Jalan Parit Aman Laut di mana jalan ini telah mendap dan tidak boleh dilalui kenderaan. Dan begitu juga di Parit Sakai Laut, dan kerosakan jalan yang teruk yang belum diselesaikan lagi ialah di Parit Haji Ali, Jalan Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain itu masalah *uptown* Maharani di Jalan Sisi, pungutan masih ada lagi kerana projek ini tidak siap sepenuhnya hanya baru satu Fasa sahaja, itu pun bangunan itu mereka mempersoalkan adakah bangunan yang siap itu telah ada *CFO* dengan izin kerana mereka bimbang *CFO* dengan izin ini bimbang ini akan menimbulkan masalah dan tiang-tiang yang tinggal di sepanjang Jalan Sisi itu hendaklah diselesaikan masalahnya adakah ia akan diteruskan ataupun ia akan menyebabkan kekurangan tempat *parking* dan juga menimbulkan masalah kepada pekedai-pekedai di situ.

Dan akhir sekali, Yang Berhormat Dato' Speaker di satu lagi tarikan yang terkini tuan-tuan ke Bandar Maharani ialah Bulatan Mahkota ataupun Bulatan di Jalan Sulaiman itu memang cantik dengan Mahkota yang baru ini cuma masalahnya satu lagi ialah penyelenggaraan pokok-pokok saya ingat sudah lebih 10 batang pokok yang sudah mati walaupun air pancut di sebelahnya yang sekarang ini kalau Ahli Yang Berhormat ke sana ada lagi 5 batang pokok yang dah mati yang perlu diganti tapi belum diselenggarakan. Air pancutnya pun kalau siang dipancut tepi kalau malam di tengah-tengah air pancut yang tinggi baru ada tapi siang kenapa tidak dipasang. Dengan lampu-lampu yang cantik, memang cantik ialah tapi diharapkan pihak JKR dapat menyelesaikan. Jadi terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Y.B. Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh. Terima kasih Dato' Timbalan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dalam perbahasan rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada kali ini. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker saya ingin mengucapkan memaklumkan bahawa sepanjang Dewan bersidang rupanya kita telah pun ada Pasukan Kesihatan yang sentiasa berada di Dewan ini bersama-sama kita untuk membantu sekiranya ada Ahli-Ahli Dewan yang memerlukan rawatan segera dan saya hendak terima kasih kepada Pegawai Kesihatan, *Nurse* dan juga Pembantu Perubatan yang berada di Dewan menunggu ADUN yang...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Y.B. Pasir Raja pun memerlukan perkhidmatan Doktor ya?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ya perlu. Kita bersyukur Dato' Timbalan Speaker kerana pada 31 Ogos ini kita akan menyambut Kemerdekaan Negara. Dan tema pada kali ini ialah Malaysiaku Berdaulat Tanah Tumpahnya Darahku. Kita yakin tema ini sangat tepat dengan 56 tahun kita merdeka dan kesyukuran itu sepatutnya disambut oleh semua kita, tak kira kita daripada parti pemerintah ataupun parti pembangkang kerana merdeka kali ini merupakan merdeka selepas Pilihan Raya yang Ke-13. Kita banyak diberikan kekuatan sejak merdeka. Dan antaranya ialah dimanfaatkan oleh masyarakat ataupun rakyat kita pelbagai. Tetapi pada khidmat saya ada satu perkara yang sebelum ini kita tidak diberitahu ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin *untold* yang mana sebelum ini Dato' Timbalan Speaker, kita selalu mendengar ibu bapa kita cerita sebelum merdeka ramai rakyat Malaysia kena penyakit Tibi atau dipanggil ... Penyakit Tibi ini kalau orang kampung dipanggil batuk darah ataupun santau. Jadi persepsi rakyat sebelum merdeka, kalau santau ini orang lain buat maka dia akan buat orang itu. Yang kedua, sebelum merdeka ramai kita lihat rakyat ada yang berjalan menggunakan besi ataupun kakinya ada besi itu penyakit polio meningitis. Yang ini dapat. Sekarang tak ada. Sebelum merdeka kita dapati banyak rakyat Malaysia yang kena tiba-tiba pergi pasar kita akan dapati orang itu tergolek-golek jatuh dekat pasar, dia kena sawan. Dahlah sawan, gila babi pula tu. Dah la gila, babilah dia kata. Jadi nama-nama ini yang dulu berlaku hari ini tidak ketara sangat. Dan penyakit yang dikatakan merbahaya dahulu iaitu apabila seorang datang jumpa Doktor dengan perutnya yang membusung dan matanya yang kuning disebabkan oleh penyakit hepatitis A, B ke C. Jadi kita ada satu cerita yang sebenarnya semua rakyat Malaysia mesti tahu bahawa betapa Kerajaan Barisan Nasional sejak merdeka tahun 57 hingga sekarang 56 tahun telah pun membelanjakan wang yang begitu banyak supaya *preventive action* atau pun dalam bahasa Inggeris langkah-langkah pencegahan yang diberikan kepada rakyat bermula lahir di Hospital Kerajaan. Kalau di Singapura dahulu dipanggil kandang kerbau hospital. Di hospital kerajaan, apabila hari pertama anak-anak kita lahir sahaja Yang Berhormat, anak kita lahir saja disuntik dengan pelalian dipanggil BCG. BCG ini harga dia RM15.00 percuma, percuma. Tak beritahu. Hari kedua anak kita disuntik dengan suntikan pencegahan dipanggil *Hepatitis B*, harga dia RM30.00 percuma. Kemudian misi beritahu mak bapak kita, balik. Bulan pertama datang balik untuk mengambil suntikan Hepatitis B dos

kedua di pejabat kesihatan atau hospital, RM30.00 percuma lagi. Kemudian misi kata, *nurse* yang saya sebut tadi cakap balik, bulan ketiga datang untuk mendapatkan suntikan *DPT Oral Polio*, DPT ini Datuk Timbalan Speaker, untuk mencegah sakit kerongkong, dia *bacteria pertusis* dan *pertenes*. Sakit kancing gigi, sawan gila babi tu hah ini disuntik supaya ada pencegahan.

Di situ Yang Berhormat Datuk Speaker, kita punya kos kerajaan keluarkan sebanyak RM15.00, percuma lagi. Kemudian misi kata balik, bulan keempat datang lagi. Dos kedua *DPT Oral Polio* RM 15.00 percuma dan akhir sekali dia kata kakak datang bulan keenam, kita suntik anak kakak dengan dos ketiga *DPT Oral Polio*,RM15.00 percuma, *Hepatitis B* dos ketiga RM30.00 percuma. Dahlah percuma, dia suruh datang lagi bulan sembilan, anak-anak kita termasuklah diri saya. Tak tahu apa-apa, disuntik lagi bulan Sembilan dengan suntikan *Mom Rubela*. Jangan kena sakit beguk dengan sakit *rubella*. *Rubella* ini penting Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, orang perempuan kalau dia mengandung kena *rubella* anak dia boleh cacat, mungkin cacat sikit.

Jadi, inilah langkah-langkah *prevention*, langkah-langkah pencegahan yang kerajaan sejak merdeka sehinggakan nama yang diberikan pada tahun ini, Malaysiaku Berdaulat, Tanah Tumpahnya Darahku sangat relevan kerana kalau kita kira yang percuma daripada kita lahir sampai umur 9 bulan, dia akan menjadikan RM 170.00 seorang, percuma sejak merdeka kali dengan 27 juta rakyat. Kerajaan dah belanjakan 4.7 billion untuk menjadikan kita Wakil Rakyat sihat di sini. Takda kena Hepatitis, takde kena Tibi, takde kena Polio.

Dan, yang paling penting kita berbangga kerana kerajaan dapat menghantar Dr. Sheikh Muzaffar ke ISS, *International Space Station* dengan izin. Kenapa dia takda gigi palsu, takda masalah kesihatan? Bayangkan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kalau dia ada gigi palsu dekat angkasa, gigi dia pun boleh tanggal kerana masalah graviti.

Jadi kita ada rakyat yang sihat, sebab itu kita kena bersyukur, terima kasih dan kita sama-sama kena berterima kasih dan bersyukur sama ada kita pemerintah, pembangkang kerana kemerdekaan Negara kita membawa erti yang sangat penuh dalam kita meneruskan kehidupan kita sehingga kini dan insya-Allah kita hendak membekalkan perkara ini kepada anak cucu cicit kita supaya mereka merasai benda yang sama apa kita dapat. Sebab itu, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, perkara ini kita jadikan sebagai iktibar kerana, ada pantun.

Dari Panti ke Pasir Raja, Bersiar-siar dengan pedati, Pertahan sungguh negeri merdeka, Sanggup berjuang hingga ke mati.

Itu sepatutnya berlaku di negara kita. Kita ambil iktibar peristiwa yang telah berlaku, cubaan untuk mengucar-kacirkan Negara kita, melalui serangan-serangan yang tidak

putus arusnya untuk menjatuhkan ekonomi Negara, menyerang melalui ketenteraan, keselamatan, institusi kehakiman, sosial. Kita bayangkan pada tahun 1940-an, penjajahan oleh British, tentera berlawan dengan komunis, 1950-an rusuhan kaum, 1990-an serangan mata wang George Soros, Negara kita dan negara Asia. Tahun 2000 kebejatan sosial termasuk mengusik hal-hal agama, kehakiman, institusi keselamatan. Sekarang kegawatan ekonomi hingga hari ini, kita dengar masalah yang berkaitan dengan serangan terhadap agama kita, menghina agama, menghina bangsa dan antara yang terpenting ialah penularan Syiah dalam Negara kita. Saya mahu kita semua mempertahankan Negara kita agar tidak tergadai sekali lagi kepada bentuk penjajahan apa sekalipun, sama ada ianya bentuk ekonomi, bentuk sosial, bentuk agama, ketenteraan, malahan kita tidak mahu ianya menjadikan satu keburukan kepada generasi akan datang kerana kelekaan kita.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pada hari ini kita membincangkan berkenaan dengan isu yang sering dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat antaranya ialah berkaitan dengan perumahan. Saya membangkitkan lagi walaupun rundingan ini mengenai keperluan perumahan ini dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini tetapi kepada rakyat ia kerap dibangkitkan dan Pasir Raja beranggapan perkara ini sangat penting dan dekat dengan hati rakyat dan perlu disuarakan sekerap mungkin.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, harga rumah yang terus melambung di Negara ini dan negeri membimbangkan. Generasi muda jumpa kita, dia kata tolonglah mulakanlah satu cadangan-cadangan supaya benda ini dapat dikawal. Harga rumah mampu milik yang di canang oleh pemaju perumahan sekarang sudah tersasar dari istilah mampu milik yang sebenarnya. Malahan dengan langkah Bank Negara baru-baru ini, Bank Negara Malaysia yang telah menetapkan tempoh maksima perjanjian telah mengecilkan kemampuan golongan muda memiliki rumah. Dia telah menjadi istilah hari ini, "rumah mampu milik, tak mampu bayar". Berapakah nilai mampu milik sebenarnya mengikut keadaan semasa pendapatan rakyat dan pihak mana yang bertanggungjawab menentukan penetapan standard harga rumah tersebut. Oleh kerana tiada standard ataupun akta yang mampu milik yang jelas maka istilah mampu istilah mampu milik telah digunakan dengan sewenang-wenangnya, walaupun nilai rumah yang ditawarkan tidak jelas di luar kemampuan rakyat berpendapatan sederhana.

Seorang penganalisis di universiti berkata, pendapatan isi rumah sebanyak RM6000.00 sebulan belum tentu dapat membeli rumah berharga RM400,000.00 yang dikatakan mampu milik ketika ini. Harga rumah yang ditetapkan oleh pemaju sekarang sudah melampau dan bayangkan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bagaimana seorang yang bekerja boleh memiliki rumah dua tingkat di Iskandar Malaysia dengan keluasan 20x70 kaki yang sudah mencecah hingga RM300,000.00 ke RM400,000.00. Bayangkan pula kalau mereka mempunyai hutang kereta, hutang motosikal, kos

tanggungan anak-anak, bukan anak, anak-anak, kos-kos lain kehidupan seharian, mana mungkin mereka mampu memiliki rumah ketika ini.

Jadi Pasir Raja mendapati ada beberapa cadangan yang boleh kita utarakan :

1. Kita minta supaya turunkanlah kadar faedah serendah mungkin pembiayaan rumah pertama. Yang ada dua rumah, tiga rumah tak apa.

2. Kita minta, supaya dinaikkan elaun perumahan untuk kumpulan sokongan kalau dari RM180.00 sebulan kepada jumlah yang lebih wajar tak kiralah kerja kerajaan atau swasta.

3. Kerajaan sendiri bina lebih banyak rumah sesuai dengan permintaan, dengan tidak lagi menyerahkan kepada swasta, kalau syarikat swasta mahu juga, kita kenakan syarat agar harga menjadi terkawal dan tidak melampau.

4. Ni kementerian baru ni, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sepatutnya merangka mekanisme untuk menurunkan harga rumah sama ada dengan mengurangkan kos pembinaan dengan menggunakan teknologi baru ataupun dengan lain-lain tindakan.

5. Jika harga rumah mahal, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, disebabkan oleh harga tanah, maka kerajaan hendaklah meletakkan harga syiling bagi setiap kaki persegi tanah.

6. Jika harga tanah di bandar mahal untuk membangunkan perumahan maka binalah lebih banyak pangsapuri bagi golongan berpendapatan rendah.

Di kawasan Pasir Raja Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya memerlukan satu tindakan kerajaan agar pemaju Taman Daiman memulakan pembinaan rumah mampu milik dan mampu bayar seberapa segera kerana dasar yang terdahulu tidak menetapkan pembinaan rumah itu dengan syarat biasa. Saya mengucapkan terima kasih kepada EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang telah pun, selepas sahaja Pilihan Raya 13, satu bulan sahaja dapat jawatan EXCO terus turun ke Kota Tinggi untuk meninjau dan mendengar rintihan rakyat, penduduk di tempat itu. Begitu juga dengan Majlis Daerah Kota Tinggi, Pejabat Daerah, *DO* dengan izin, yang sedia membantu mempercepatkan proses pembinaan rumah kos sederhana ini. Ini selaras dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Tunku pada para 16 dan 17 semasa Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Pertama yang lalu, yang mahukan Kerajaan perlu bertindak segera membantu rakyat tempatan memiliki rumah yang sesuai dengan kemampuan dan tidak kompromi dengan pihak pemaju yang terlalu tamak untuk mengaut keuntungan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pada ketika ini kita dapati bahawa isu sekolah agama di merata tempat di dalam negeri kita, Johor dan saya antara penerima manfaat Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor sehingga kita dapat mengamalkan agama Islam dengan sempurna dan kesan daripada itu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, hari ini kita memerlukan tambahbaikkan kepada sistem yang ada. Dan, sistem ini yang perlu ditambah baik memerlukan beberapa perkara yang perlu dicadangkan agar kerajaan kita memberikan geran per kapita tahunan kepada semua Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor. Sama sepertimana mereka diperuntukkan oleh Kementerian Pelajaran kepada semua sekolah di bawah kementerian. Mengikut gred sekolah iaitu katakanlah RM20.00 bagi setiap kepala murid kepala sekolah gred A dan B, gred C sebanyak katalah RM5000.00 sekali gus. Yang kedua, kita juga ingin mencadangkan supaya geran tahunan untuk Majlis Tilawah Al-Quran di sekolah agama Kerajaan Negeri Johor sebanyak, katakanlah RM300,000.00 bagi 30 acara yang dipertandingkan. Dipertandingkan di seluruh daerah dalam Negeri Johor. Setiap daerah, akan diadakan zon-zon untuk pertandingan mereka memerlukan peruntukan. Ketiga

Yang Berhormat Dato' TImbalan Speaker, kita mencadangkan jawatan guru KAFA yang telah diwujudkan perlu digredkan di peringkat JPA, bagi membela nasib dan menjaga kebajikan guru tersebut kerana apa, mereka tidak berada di peringkat JPA, maknanya kalau mereka bersalin, tak ada bonus bersalin, kalau mereka kenaikan pangkat, tak ada dan tahunan kalau Kerajaan umumkan bonus satu bulan setengah, mereka tak dapat. Ini melibatkan ramai guru-guru. Yang keempat, kita mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Johor menempatkan Pembantu Tadbir atau kerani di setiap sekolah agama. Dan akhir sekali kita minta, Kerajaan Johor menempatkan pekerja am di setiap Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor supaya ajaran Agama Islam yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama Negeri Johor yang hari ini kerajaan telah menambah baik dan membina 121 buah sekolah yang baru dalam berapa tahun akan datang dapat memanfaatkan ajaran Sunnah Wal Jemaah sepertimana yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Jadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perkara ini mungkin mengembira kan sektor guru-guru agama dalam Negeri Johor. Saya ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan

Y. B. Dato' Timbalan Speaker : Pasir Raja, sila gulung.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja): Baik. Satu sahaja saya ingin menyentuh tentang kedudukan lot-lot kedai di FELDA-FELDA, yang mana pada hari ni mereka perlukan ada hak milik. Yang kedua, kebanyakan lot-lot kedai di FELDA tidak tersusun. Mereka buat sendiri aja. Ataupun bila ada ruang, mereka pacak kedai, mereka berniaga dan bila meniaga, *Return of Investment* dengan izin, ROI kadang-kadang mereka tidak fikir. Mereka buat modal tapi tak laku, salahkan kerajaan. Kita kena adakan supaya FELDA juga memainkan peranan terhadap peniaga-peniaga yang ingin memulakan perniagaan di dalam FELDA supaya mereka ada asas-asas keusahawanan, asas-asas perakaunan dan mereka juga boleh berdaya saing. Ini perkara yang penting. Dan, akhir sekali Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kalau tak cakap ini dia orang marah saya. Jalan antara Kota Tinggi dan Tiram perlulah diberikan perhatian, keutamaan pada tahun ini. Kalau tak pun, awal tahun depan, kerana jalan tersebut merupakan jalan yang meningkat kesibukannya dan dia perlu di *upgrade*, dengan izin, segera dan dah *upgrade* jalan saya berpendapat bahawa dari Ulu Tiram sampai ke Kota tinggi dia perlukan jalan yang berlampu sepanjang jalan supaya pengguna-pengguna jalan raya ini akan mendapat keselesaan kerana kadar

kemalangan antara Kota Tinggi dan Tiram meningkat dengan adanya pembinaan baru jalan yang dua *lane*. Pada peringkat ini, kita rasakan bahawa keutamaan mesti, bukan harus, mesti diberikan kerana dia akan melambangkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional menepati janji, Kerajaan Barisan Nasional mampu untuk melaksanakan tanggungjawab memberi keselesaan kepada pengguna tak kira jalan raya ke perumahan. Insya-Allah. Dengan itu, saya dengan ini, Pasir Raja menyokong rundingan yang dibawa oleh Semarang. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Y.B. Semerah, jemput.

Y.B. Encik Mohd. Ismail Bin Roslan (Semerah) : Bismillahiramanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia dan Selamat Hari Raya Aidifitri. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, buat pertama kalinya saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Semerah diberi ruang membahas Rundingan Menjujung Setinggi-tinggi Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Pertama Bagi Dewan Negeri Johor kali Ke-13 ini.

Sesungguhnya nasihat dan pandangan bijaksana Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam menegur peranan semua pihak yang sama-sama mentadbir negeri ini sama ada kerajaan mahupun pembangkang menampakkan betapa tajamnya pemerhatian Ke Bawah Duli Tuanku ke atas masalah rakyat jelata. Baginda melihat dengan penuh rasa tanggungjawab serta berat pikulannya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Semerah juga ingin mengambil ruang yang ada untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pucuk pimpinan negeri yang baru iaitu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamed Khalid bin Nordin, Menteri Besar yang kita kasihi. Di atas pelantikan beliau untuk menerajui negeri Permata Selatan ini. Saya menyeru dan mengajak diri saya serta Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk sama-sama berganding bahu memacu negeri ini menjadi negeri maju, aman dan makmur. Inilah negara dan negeri tercinta kita. Di sinilah kita dilahirkan, di sinilah tumpah darah kita. Oleh itu, marilah kita hayati terutamanya barisan pembangkang peribahasa "Di mana bumi dipijak di situ langit di junjung".

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dalam ruang yang terbatas ini izinkan Semerah membangkitkan beberapa perkara dalam Dewan yang mulia ini. Semerah bermula dengan kehidupan nelayan. Oleh kerana sebahagian pengundi DUN Semerah adalah nelayan, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, subsidi minyak merupakan satu nikmat yang diperolehi oleh golongan nelayan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Namun kajian yang dilakukan oleh Ahmad Mohamad Yusof dan Zaini Akhbar dari UKM mengenai perlaksanaan sistem e-Diesel di tiga kawasan iaitu di Bagan Lalang, di Parit Jawa dan Batu Pahat mendapati bahawa pemberian subsidi minyak ini tidak dinafikan akan mengurangkan beban nelayan tetapi ianya tidak memberi kesan kepada golongan sasar serta tidak menolak berlaku penyelewengan. Data juga menunjukkan bahawa peningkatan subsidi minyak terus meningkat pada setiap tahun. Setakat Mac 2013, sejumlah 7.7 bilion liter diesel dengan nilai RM11.1

bilion telah diberikan oleh kerajaan. Namun begitu pendaratan ikan pada tahun 2012 hanyalah setakat 1.4 juta tan metrik atau dengan nilai RM7.78 juta.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, oleh itu Semerah mencadangkan kerajaan hendaklah mengkaji semula atau menghapuskan pemberian subsidi minyak. Mengkaji semula atau menghapuskan pemberian subsidi minyak. ini kerana diakui juga oleh banyak pihak bahawa ianya hanya menguntungkan nelayan yang mempunyai bot besar dan tinggi kuasa kuda enjinnya sebab subsidi minyak ini dikira mengikut kuasa kuda enjin bot tersebut. Selain dari itu, kerajaan terpaksa juga berdepan dengan perompak dan penyelewengan yang dilakukan oleh nelayan yang tidak bertanggungjawab termasuklah menjual minyak bersubsidi. Ada di antaranya terus mendapat bekalan minyak bersubsidi walaupun tidak ke laut. Tetapi mengemukakan resit jualan tangkapan palsu dari pemborong ikan. Maklumat juga diperolehi bahawa mereka ini boleh mengaut keuntungan sehingga RM24,000.00 sebulan untuk sebuah bot. Bayangkan jika mereka mempunyai 5 buah bot nelayan, ini bermakna dengan mudah mengaut keuntungan sebanyak RM120,000.00 sebulan hanya dengan menjual minyak subsidi. Justeru itu Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebagai gantian dalam menghapuskan subsidi minyak ini, Semerah mencadangkan bantuan saraan hidup nelayan ditingkatkan dari RM200.00 kepada sekurang-kurangnya RM500.00 sebulan kerana ianya menepati golongan sasar serta dapat dinikmati oleh nelayan, tekong dan awak-awaknya secara terus.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bagi mereka yang memerlukan tempat kediaman, sektor perumahan di negeri ini semakin berkembang maju dan berdaya saing, namun apa yang dinyatakan di sini, kurangnya projek-projek perumahan yang mampu dimiliki oleh rakyat tempatan khususnya Bumiputera. Dengan penawaran harga jualan yang melambung tinggi, pemaju perumahan seolah-olah tidak berpijak di bumi nyata. Mengaut keuntungan berlipat ganda, seperkara lagi yang sering diperkatakan oleh rakyat, benarkah terdapat diskriminasi harga bagi pembeli Bumiputera dengan bukan Bumiputera yang mana mereka mendapat harga belian yang jauh lebih rendah meskipun Bumiputera ditawarkan rebat 15%. Dan adakah rebat 15% ini merupakan sandiwara pemaju semata-mata kerana garis panduan yang perlu dipatuhi. Jika benar hakikat cara ini, ini adalah pembohongan yang paling berjaya dan cantik yang dilaksanakan oleh sebahagian pemaju perumahan.

Semerah juga minta Kerajaan mengkaji, memperhalusi serta memperketatkan kembali pra syarat pembinaan taman-taman perumahan yang kecil-kecil yang melibatkan penggunaan tanah-tanah persendirian yang dibina di kawasan-kawasan kampung, pinggiran bandar atau luar bandar termasuklah di DUN Semerah. Agar ianya tidak menjejaskan struktur dan kedudukan dengan kediaman berjiran yang sedia ada serta sistem saliran dan pengairan yang kebanyakannya dan akhirnya menjejaskan sistem pengairan yang sering berlaku banjir kilat atau termenung di persekitarannya dan akhirnya juga menjejaskan tanaman pertanian di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sewaktu lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam siri Jelajah Janji Di Tepati edisi sulung ke Negeri Johor khususnya di Batu Pahat pada 7 April 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kelulusan peruntukan oleh pemimpin permohonan, oleh

pemimpin Barisan Nasional. Peruntukan sebanyak RM6 juta bagi menggantikan Bangunan Pasar Awam Batu Pahat yang telah berusia lebih separuh abad, yang terletak dalam DUN Semerah. Malangnya ia tertangguh sehingga kini, diberatkan lagi dengan terdapat segelintir manusia yang berhasrat menjadi jaguh serta didalangi oleh mereka yang mencari popularitiji jijik dalam mencorakkan bangunan baru.

Walaupun Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, hanya segelintir kumpulan kecil dan sebahagiannya tidak terlibat dalam perniagaan itu yang membantah untuk berpindah. Walaupun persetujuan awal daripada 85% peniaga telah diperolehi untuk berpindah. Kegagalan ini merugikan peniaga serta membantutkan pembangunan pasar awam baru, sekali gus menimbulkan kemarahan majoriti peniaga. Ini kah cara mereka berfikir, mementingkan diri sendiri tanpa melihat perubahan secara total. Sedang mereka ini kononnya berjuang ke arah perubahan dan mahu berubah. Ketegasan kerajaan amat diperlukan demi menjaga kepentingan ramai. Semerah juga berharap pihak pembangkang akan mematuhi Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa merasmikan Dewan supaya tidak terus berpolitik dan mempolitikkan semua isu dan masalah yang timbul tetapi kita sedia maklum itulah hakikat untuk, itulah hakikat sebenarnya pembangkang. Semerah juga mempelawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk turun sekali lagi ke lokasi ini bagi melihat sendiri lakonan mereka. Bagi Semerah, kes ini sangat mengecewakan seluruh penduduk daerah Batu Pahat untuk demi keselesaan orang ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana diketahui aliran trafik di daerah Batu Pahat semakin kritikal. Cadangan laluan kedua jambatan Sungai Batu Pahat dan laluan alternatif sangat-sangat dinantikan oleh penduduk di daerah ini. Semerah dimaklumkan bahawa cadangan projek ini telah dimasukkan ke dalam senarai Kementerian dan masih dalam kajian kemungkinan, di pihak Unit Perancang Lebuh raya, Ibu Pejabat JKR. Semerah berharap jambatan ini dapat direalisasikan pembinaannya setidak-tidaknya dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan ini bertepatan dengan keperluan infra dengan terbinanya nanti pelabuhan kedua Batu Pahat yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini. Semerah yakin dengan adanya laluan alternatif seperti jambatan kedua bukan sahaja dapat mengatasi masalah tetapi juga sekali gus merancakkan aktiviti ekonomi dan pembangunan di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, golongan petani, peladang, nelayan adalah golongan yang paling dekat di hati Semerah. Oleh yang demikian, selain daripada kita merancakkan pembangunan fizikal, kerajaan juga perlu meletakkan golongan penyumbang sumber makanan negara dan negeri ini di satu tahap kedudukan yang istimewa. Golongan ini perlukan pembelaan dan bantuan sokongan yang seharusnya menjadi salah satu agenda kerajaan pada kali ini. Semerah sangat-sangat mengharapkan agar Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mampu menyediakan dengan izin, *master plan* demi kemajuan golongan ini. Kita tidak mahu dengan desakan dan tuntutan kemajuan pertanian ini dipinggirkan sekadar adanya sahaja dan akhirnya krisis kekurangan bekalan makanan akan meruncing. Langkah penambahbaikan dari segi teknologi dan teknik serta penubuhan sekolah latihan teknikal yang berasaskan asas tani perlulah diperkemaskan kewujudannya supaya rakyat dapat melihat bahawa

pertanian bukan sahaja membekalkan makanan untuk hidup tetapi juga adalah perniagaan yang mampu melahirkan ramai jutawan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, keperluan Balai Bomba oleh kerana jumlah penduduk dan bertambahnya bangunan terutama di kawasan Parit Sulong adalah keperluan yang amat diperlukan. Bandar Parit Sulong ini jauh daripada Balai Polis yang ada, Balai Bomba yang ada. Balai Bomba yang ada di Bandar Batu Pahat dan juga di Yong Peng. Sekiranya berlaku sesuatu perkara yang memerlukan perkhidmatan Bomba, mungkin kemalangan jiwa atau harta benda akan lebih cepat. Begitu juga Semerah juga memohon atau pun memohon kepada kerajaan supaya peruntukan membaiki rumah-rumah hendaklah diselaraskan di antara agensi-agensi kerajaan terutama oleh Baitulmal atau pun 1Malaysia *Development* supaya penerima dapat menerima kadar pembaikan rumah yang sepatutnya diterima.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa dalam perjalanan ke Dewan ini pada pagi-pagi tadi saya telah menerima telefon daripada seorang Mejar Bersara iaitu daripada veteran ATM. Jadi Dato Speaker, Dato' Timbalan Speaker, mereka juga membangkitkan mengenai veteran ATM ini, mereka minta agar kerajaan dapat memberi perhatian untuk mendapat tanah atau bangunan kekal, untuk dijadikan rumah ahli veteran ATM ini untuk menjalankan aktiviti mereka. Diberitahu bahawa selama ini kebanyakan rumah ahli veteran di tempatkan di bangunan kerajaan secara sementara atau rumah persendirian. Kita akui Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bahawa veteran ATM ini memang setia, menyokong kepada perjuangan Barisan Nasional selama ini.

Akhir kata Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Semerah sekali lagi memohon agar perkara-perkara yang dibangkitkan pada kali ini, mendapat perhatian dari kepimpinan Kerajaan Negeri yang dapat mengatasi masalah satu persatu sehingga rakyat sedar bahawa usaha untuk memajukan negeri ini, bukan pada sekadar slogan dan simbol semata-mata tetapi lebih terarah kepada jalinan kerjasama saling faham memahami dan sedia berkorban demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, akhirnya Semerah menyokong rundingan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh Semerang. Sekian, wabilahitaufik walhidayah wasalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Y.B. Penggaram.

Y.B. Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, selamat petang dan salam sejahtera. Penggaram mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian untuk membahaskan usul, menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penggaram ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa saya berasal dari Minyak Beku, tapak pemelihara Khinzir yang dibangkitkan oleh Y.B. Senggarang. Sebenarnya sejarah tapak pemelihara tersebut

lebih lama dari tapak kediaman. Pihak berkuasa sepatutnya membuat kajian yang lebih terperinci sebelum projek perumahan dilaksanakan. Oleh sebab itu, Penggaram meminta dapat mencari penyelesaian adil berdasar keperluan rakyat komuniti masing-masing dan jangan jadikan ini sebagai isu dan provokasi perkauman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa tempat pelancongan seperti *Hello Kitty*, *Legoland* yang bertempat di Kota Iskandar, sewenang-wenangnya untuk menarik pelancong dari luar negeri atau pelancong dari dalam negeri yang berpendapat, yang berpendapatan tinggi sahaja. Malahan untuk warganegara kita, adakah kerajaan bersedia memberi harga tiket keistimewaan kepada mereka? Seperti yang diamalkan di Bukit Bendera Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tempat pelancongan tempatan seperti Pantai Punggor, Pantai Minyak Beku, Air Terjun Bekok, Air Terjun Gunung Lumut dan lain-lain lagi perlu dipelihara dengan sempurna dan terancang dan menjadikan sebagai tempat rehat keluarga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah banjir kilat juga merupakan satu kerumitan di kawasan Penggaram yang belum ditangani. Masalah yang berulang ini menyebabkan penduduk tempatan merasa kecewa dan mengalami kerugian besar. Jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa semua peruntukan adalah melalui Yang Berhormat Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Oleh sebab itu, saya meminta jasa baik Yang Amat Berhormat supaya memberi peruntukan kepada pihak berkuasa iaitu MPBP untuk menaik taraf sistem perparitan dan *Monsoon Drain* di dalam taman-taman khususnya di taman-taman yang sering dilanda banjir kilat. Misalnya Taman Batu Pahat, Taman Nira, Taman Mewah, Taman Setia Jaya dan lain-lain. Penduduk-penduduk di Batu Pahat juga akan berterima kasih sekiranya peruntukan di beri kepada JPS untuk membersihkan parit-parit dan longkang besar dua kali setiap tahun di kawasan Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang terakhir yang saya ingin bawakan ke Dewan yang mulia ini adalah isu perpindahan pasar borong baru dari Bandar Batu Pahat ke Perindustrian Kota Murni Jalan Minyak Beku. Satu memorandum dari Persatuan Bantu Diri sementara pemborong-pemborong sayur-sayuran Batu Pahat telah dihantar untuk menarik perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan jawapan yang saya telah dapat, saya berasa pihak berkuasa tidak membuat kajian yang terperinci. Menurut jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kawasan tersebut jauh daripada kawasan perumahan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan tersebut mempunyai rumah pangsa yang didiami berbilang kaum. Lokasi yang baru ini siap dibina yang baru siap dibina ini, bertempat di kawasan perindustrian yang berdekatan dengan tebing sungai, dikhuatiri akan mempercepatkan bangunan pasar borong baru ini berkarat. Yang kedua, Jalan Minyak Beku merupakan satu jalan kampung yang bengkang-bengkok dan sempit. Sekiranya, pasar borong beroperasi akan menambah kesibukan jalan raya ini, lagi pun kenderaan berat yang mengangkut barang-barang borong akan membahayakan pengguna jalan raya khasnya penduduk kampung yang menunggang motosikal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, struktur tapak gerai yang sempit dengan ukuran 10 kaki x 20 kaki, tidak mempunyai tembok di sekitarnya sebagai tapak yang tidak sesuai untuk pemborong-pemborong sayur-sayuran berniaga. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat melaksanakan projek-projek yang untuk kebaikan rakyat dan selalu bertimbang rasa untuk rakyat khasnya penduduk kampung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata saya ingin bagi pihak pemborong-pemborong sayur-sayuran dan penduduk kampung meminta jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat mengkaji semula perpindahan Pasar Borong Batu Pahat. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Sungai Balang jemput.

Y.B. Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Bismillahiramanirahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Balang dalam sesi perbahasan rundingan junjungan kasih Titah Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Sungai Balang suka merujuk Titah Tuanku di Bilangan 28, yang ada menyebut antaranya, menyediakan tempat riadah dan kemudahan sukan supaya dapat mengelakkan golongan belia dari menghabiskan masa dengan kegiatan yang tidak berfaedah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mentafsirkan belia terdiri daripada mereka yang berumur dari 15 hingga 24 tahun. Di Malaysia Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia Akta 668 mentakrifkan umur belia antara 15 hingga 40 tahun. Pecahan kepada kepadatan penduduk belia, usia 15 hingga 40 tahun bagi Negeri Johor sebelum penubuhan daerah Kulaijaya dan Ledang adalah seperti berikut :

1. Segamat : 65,588;
2. Muar : 125,910;
3. Batu Pahat : 13,240;
4. Kluang : 104,553;
5. Mersing : 23,806;
6. Pontian : 54,118;
7. Johor Bahru : 534,186;
8. Kota Tinggi : 78,352.

Dan di bawah keseluruhannya adalah jumlah belia dalam Negeri Johor ialah 999,753 orang. Ini bermakna terdapat 999,753 orang yang merupakan modal insan muda, pemimpin pelapis, harapan bangsa dan penggerak kemajuan negara. Golongan inilah yang paling kritikal untuk dimajukan fizikal, mental, spiritual, emosi dan intelektual mereka.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, justeru itu Sungai Balang ingin mencadangkan supaya diwujudkan satu konstitusi, satu pusat sehenti, satu rekreasi.

Konsep projek ini meliputi perlaksanaan projek belia secara sihat dan produktif dengan memberi penurunan kuasa kepada setiap daerah untuk mencadangkan dan menjalankan satu aktiviti rekreasi bagi daerah masing-masing. Terdapat 10 daerah di Negeri Johor dan ini bermakna terdapat 10 pusat untuk interaksi dan rekreasi belia. Justeru satu konstitusi, satu pusat sehenti, satu rekreasi akan membawa maksud satu daerah, satu pusat sehenti interaksi, satu bidang riadah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pemilihan bidang rekreasi perlu berdasarkan unsur kebudayaan muka bumi, populariti aktiviti dan fasiliti yang boleh disediakan. Sebagai contoh, daerah Ledang mempunyai daya tarikan pelancong bagi rekreasi mendaki Gunung Ledang. Ini adalah aktiviti yang biasa. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, program ini juga diharapkan akan dapat :

1. Memberi peluang kepada anak muda mengalami proses sosialisasi sihat, menceburi bidang yang mencabar.

2. Membantu belia mengembangkan kreativiti dan bakat.

3. Mengaktifkan persatuan-persatuan belia melalui penglibatan dalam program.

4. Memberi penurunan kuasa kepada belia di setiap daerah, menjadi nadi penggerak kepada aktiviti program yang disediakan oleh daerah masing-masing.

5. Dapat memupuk daya kepimpinan dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan belia dan akhirnya dapat menanam rasa cinta dan bangga belia terhadap kampung dan daerah masing-masing…

6. Dapat memupuk daya kepimpinan dan semangat kerja berpasukan kalangan belia dan akhirnya, dapat menanam rasa cinta dan bangga belia terhadap kampung dan daerah masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, belia merupakan golongan mempunyai kreativiti imaginasi dan daya saing yang tinggi. Mereka suka kepada cabaran, ingin diterima, dihargai dan diiktiraf. Anak muda juga memerlukan tempat di mana mereka boleh berkumpul dan menjalankan aktiviti riadah bersama dengan rakan sebaya atau keluarga. Program pembangunan belia memang banyak disediakan di seluruh negara. Tumpuan program pembangunan belia adalah kepada penyelidikan, kemahiran, acara-acara permainan dan sukan yang popular. Program Rakan Muda pada suatu masa dahulu memang sambutan yang baik dan memberikan kesan positif kepada golongan muda tetapi perlaksanaan program ini seakan-seakan kian malap. Belia terutama di kampung mencari alternatif lain yang mungkin mendatangkan kesan yang negatif untuk melepaskan tenaga kelebihan dan kreativiti mereka.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di kebanyakan negeri termasuk di Negeri Johor. Kebanyakan kampung menumpukan produk yang berasaskan industri kecil untuk menjana pendapatan dan menggunakan hasil tani bahan kraf untuk jualan.

Justeru, program yang dicadangkan akan menggunakan pendekatan berlainan kepada belia, membangunkan kemahiran insaniah yang seimbang dari segi fizikal mental, emosi, intelektual dan spiritual. Program ini juga akan melibatkan pembangunan pusat sehenti yang menyediakan 1 kemudahan untuk aktiviti rekreasi bagi membolehkan setiap daerah mempunyai dengan izin, *ownership* serta menjadi *care taker* pada program tersebut dari aspek penyediaan, perlaksanaan, penyelenggaraan kemudahan, penyediaan tenaga kerja dan menganjurkan program.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, interaksi yang positif akan terhasil apabila belia dari daerah lain akan datang ke daerah yang menyediakan kemudahan yang berlainan daripada daerah mereka untuk beriadah. Malah pusat sehenti dan rekreasi ini juga boleh menjadi tumpuan keluarga pada waktu hujung minggu atau cuti untuk tujuan riadah bersama ahli keluarga.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perlaksanaan program ini hendaklah juga berdasarkan ciri-ciri seperti yang pertama mengenali masalah, mengenal pasti jenis pusat sehenti atau rekreasi mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk dijadikan pusat sehenti dan perlaksanaan aktiviti rekreasi. Menentukan kemudahan yang boleh dibangunkan tanpa melibatkan penyediaan infrastruktur secara besar-besaran dan penekanan kepada aktiviti luar dan kegiatan fizikal.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, contoh pusat sehenti dan aktiviti rekreasi adalah seperti berikut, dengan izin, mungkin boleh diadakan dengan *bush biking* iaitu di lokasi dengan keadaan muka bumi yang tidak serta ladang-ladang kelapa sawit, getah yang tidak aktif lagi dan atau pun dengan izin, *padi field treasure hunt,* di mana lokasi sawah padi dengan penduduk yang menjadi dengan stesen dan tempat rehat keluarga.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Sungai Balang mengharapkan supaya Projek 1 konstitusi, 1 pusat sehenti,1 rekreasi mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri Johor. Sekian, terima kasih Assalamualaikum warahmatuallahi warabakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B Dato' Timbalan Speaker : Bukit Naning, Jemput.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Bismillahirahmanirahim, assalamualaikum warahmatullahi wabakatuh, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT dan terima kasih kepada Allah SWT dan marilah sama-sama kita niatkan Persidangan ini sebagai satu ibadah kepada Allah SWT dan marilah kita memohon keampunan sesama kita dan marilah kita mengambil kesempatan memohon keampunan kepada Allah SWT Insya-Allah Persidangan ini akan diberkati oleh Allah SWT.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker kerana mengizinkan Bukit Naning untuk membahaskan usul rundingan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Sultan Johor. Tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Permas dipilih menerajui Kerajaan Johor dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mengetuai

dewan yang mulia ini dan tahniah juga kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhomat dan tidak ketinggalan juga tahniah dan terima kasih kepada semua kaki tangan kerajaan dalam menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, jujur,ikhlas dan beretika sebagai jentera pelaksana kepada dasar-dasar kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di Dewan yang mulia ini Bukit Naning ingin mengutarakan pelan pembangunan bagi penghuni-penghuni di kawasan DUN Bukit Naning. Pertama, Pusat Transformasi Desa yang dilengkapi dengan elemen pembangunan ICT perlu dibina di Kompleks Penghulu Mukim Ayer Hitam di Muar. Diharapkan masyarakat dapat dari pelbagai golongan dapat mengakses kemudahan ini. Selain daripada itu, sebuah dataran dan mini stadium yang kondusif dan lengkap dengan kemudahan pentas dapat menampung perhimpunan rakyat yang ramai dalam satu masa terutama pada Hari Kebesaran Negara perlu dibina di Bukit Naning. Selain daripada itu, menaik taraf bekalan air bersih di Bukit Naning di mana prestasi bekalan air ke rumah- rumah khususnya di penduduk Bukit Naning pada masa-masa memuncak amat ketara jadi mohon Kerajaan Negeri mengambil langkah bagaimana mengatasi masalah ini.

Y.B Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning panjang lagi?

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Panjang.

Y.B Dato' Timbalan Speaker : Sila duduk.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Terima kasih.

Y.B Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan berehat dan seterusnya ditangguhkan persidangan ini sehingga esok 21 Ogos 2013, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:45 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEEMPAT	RABU, 21 OGOS 2013	BIL. 2 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker Dewan,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ.,DSPN., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton bin Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B, Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ.

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PERMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim Alhamdulillahhirabbilalamin wassalatiwassalam waalasrafilanbiyaiwalmursalin waalaalihiwasahbihi ajmain. Kita mulakan dengan soalan lisan. Saya jemput Yang Berhormat Paloh.

Y.B. Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1.

Berapakah bilangan isi rumah yang penggunaan air bulanan mereka adalah kurang daripada RM20.00?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, mengikut statistik Syarikat Air Johor (SAJ), sebanyak 511,479 akaun dikenakan bil kurang dari RM20.00 sebulan membabitkan kira-kira 1.5 juta pengguna di negeri ini. Penggunaan kurang daripada RM20.00 sebulan ini dicapai melalui faktor bilangan isi rumah dan corak penggunaannya. Anggaran isi rumah ialah 3 orang isi rumah yang menggunakan kurang daripada 24 meter padu sebulan.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Adakah Kerajaan Johor bercadang untuk memberi air percuma kepada isi rumah yang menggunakan kurang daripada RM20.00 sebulan ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :
Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil pendekatan yang berkesan iaitu dengan memberi kepada kumpulan sasar. Kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan dan yang tidak berkemampuan. Untuk golongan miskin tegar, pemberian air percuma diberi sebanyak 20 meter padu. Manakala, golongan miskin diberi sebanyak 10 meter padu sebulan. Pelaksanaan pemberian air percuma atau juga dikenali sebagai pemberian rebet air telah mula dilaksanakan pada 1 November 2010. Dan, sehingga kini sebanyak 825 akaun bekalan air telah menerima pemberian air percuma tersebut. Kerajaan Negeri berhasrat untuk memanjangkan senarai penerima rebet air ini melalui senarai-senarai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga senarai dari Majlis Agama Islam Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum ini ada sebutkan tadi bahawa golongan yang mengguna air 10 meter padu ini paling rendah. Sasarannya ialah untuk golongan miskin. Tetapi, ada juga golongan yang kaya menggunakan air mungkin 10 meter padu, mungkin kaya, dia hidup seorang, dah tua, warga emas tapi kaya raya. Adakah ini termasuk dalam golongan itu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, penentuan jumlah penerima rebet air ini adalah golongan miskin tegar dan golongan miskin. Kerajaan mengambil kira usaha untuk memberi rebet air ini adalah berdasarkan kepada takrifan golongan yang layak menerima, itu yang pertama. Yang keduanya, Kerajaan juga berhasrat untuk membangkitkan kesedaran terhadap kepentingan penggunaan air ini, supaya masyarakat lebih menghargai air. Kalau kita lihat, air seolah-olah tidaklah begitu diambil berat dari segi kepentingan sama ada penggunaannya berbanding dengan kita bersedia untuk membayar bil penggunaan telekomunikasi, membayar bil penggunaan tenaga elektrik. Maka, amat wajar Kerajaan dalam masa yang sama selain daripada meningkatkan pemberian rebet air ini, kesedaran kepada masyarakat terhadap penilaian ataupun penghargaan terhadap air ini juga akan dilaksanakan.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta penjelasan berapakah bilagnan unit rumah kediaman dan rumah kedai yang dimiliki oleh warga Singapura di Johor. Nyatakan mengikut daerah dari tahun 2000 sehingga 2012. Salah satu punca kenaikan harga rumah melampau di Johor Bahru ialah kecenderungan pembeli Singapura membeli rumah/rumah kedai di Johor Bahru. Apakah dasar baru kerajaan mengawal harga melampau ini.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Semerah.

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3.

Isu pembelian rumah di Johor oleh Rakyat Singapura secara berleluasa. Ini membuatkan harga rumah terus melonjak sehingga rakyat Johor tidak mampu untuk memilikinya. Apakah tindakan yang boleh kerajaan ambil untuk mengawal perkara ini dari berterusan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, pemilikan hartanah oleh warganegara asing di Negeri Johor adalah dikawal di bawah peruntukan Bahagian 33(A) Kanun Tanah Negara 1965. Melalui peruntukan Seksyen 433B undang-undang tersebut, warganegara asing hanya boleh memiliki hartanah dalam negeri ini selepas permohonan mereka diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Dasar Pemilikan Hartanah Oleh Kepentingan Asing Di Negeri Johor adalah sebagaimana yang dijelaskan melalui Pekeliling PTG Johor, Bilangan 01 Tahun 2010 yang berkuat kuasa mula 1 Julai 2010. Dasar ini menetapkan bahawa kepentingan asing hanya boleh memiliki hartanah yang bernilai RM500,000.00 ke atas sahaja.

Sebagai langkah kawalan, Kerajaan juga telah menetapkan jenis-jenis hartanah yang boleh dimiliki dan ianya juga tertakluk kepada kuota-kuota tertentu dalam peratusan yang tetap bagi projek-projek pembangunan hartanah oleh pemaju. Sebagai contoh:

i) Bagi kediaman rumah teres 2 tingkat dan rumah jenis kluster 2 tingkat, kuota yang dibenarkan adalah 20% sahaja.
ii) Bagi rumah banglo sesebuah dan lot kosong bagi tujuan banglo, kuota yang dibenarkan adalah 30% sahaja.
iii) Kuota yang dibenarkan bagi kondominium, pangsapuri dan pangsapuri servis pula adalah sebanyak 50% sahaja daripada keseluruhan unit yang hendak dijual.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jumlah warganegara Singapura yang telah diberi kelulusan bagi memiliki hartanah berbentuk kediaman dan rumah kedai di Negeri Johor bagi tempoh 10 tahun sehingga Jun 2013 adalah sebanyak 9,826.

Sehubungan itu, kenyataan bahawa pembeli warganegara Singapura sebagai sebab kenaikan harga rumah kediaman di pasaran adalah kurang tepat. Ini kerana pembeli warganegara asing tidak boleh membeli lebih daripada kuota yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Selain daripada itu, harga rumah kediaman juga ditentukan oleh banyak faktor lain seperti harga tanah yang semakin meningkat dan harga bahan-bahan seperti simen, batu bata dan besi. Faktor kos buruh juga memainkan peranan dan merupakan sebahagian dari kos yang terpaksa ditanggung oleh pemaju.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi memperkemaskan dasar sedia ada, Kerajaan Johor telah pun mengambil langkah pro-aktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja bagi menyemak semula Dasar Pemilikan Hartanah Oleh Kepentingan Asing Di Negeri Johor yang dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor serta Jawatankuasa Peringkat Negeri yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Jawatankuasa di peringkat PTG Johor telah pun mengadakan bengkel dan mesyuarat dengan menjemput sama pihak berkepentingan seperti Persatuan Pemaju Perumahan Dan Hartanah (REHDA) Johor bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas.

Pihak PTG Johor juga telah membentangkan laporan dan cadangan-cadangan bagi memperkemaskan lagi dasar sedia ada.

Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri sedang menyemak semula Dasar Pemilikan Hartanah Oleh Kepentingan Asing Di Negeri Johor dan kemungkinannya akan terdapat sedikit perubahan sekiranya ianya diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Matlamat semakan semula ini adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

i) Mengekalkan kestabilan pertumbuhan pasaran hartanah Negeri Johor.
ii) Mengekalkan kemasukan pelaburan langsung asing di Negeri Johor.
iii) Meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri berharap hasil keputusan semakan semula itu nanti akan mendapat sokongan dari pemain industri terutamanya para pemaju perumahan di Negeri Johor.

Y.B. Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datuk EXCO ni. Soalan tambahan saya ada kaitannya dengan satu isu tahun 1998. Bila berlaku krisis kewangan di negara kita, yang disebabkan oleh spekulator mata wang, yang memberi kesan kepada keseluruhan negara ketika itu.

Dan, melihat kepada harga rumah di Johor pada masa kini yang kita lihat harganya melampau, adakah Kerajaan Negeri sedar ia didorong oleh spekulator harta tanah membeli bukan tujuan untuk duduk tetapi membeli untuk mengaut keuntungan dalam jangka pendek. Jadi, adakah Kerajaan Negeri sedar hal ini. Dan, kalau sedar apakah tindakan susulan bagi memastikan harga rumah ini dapat dikawal dan pembeli dapat menerima harga yang bersesuaian? Itu soalan tambahan saya, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rengit. Kerajaan sedar bahawa terdapat kegiatan jual beli hartanah yang boleh dianggap sebagai pembelian spekulasi bila mana harta tanah tersebut dijual semula dalam tempoh yang singkat bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Walau bagaimanapun, bilangan spekulator asing ini tidak ramai, sehingga boleh menjejaskan pasaran harga tanah di negeri ini.

Dan, antara langkah-langkah kawalan yang sedang berkuat kuasa ialah pembelian oleh warga asing tertakluk kepada jenis kediaman yang boleh dibeli dan had kuota yang ditetapkan dalam satu-satu projek pembangunan seperti yang saya telah jelaskan tadi. Dan, warganegara asing tersebut tetap perlu memohon di PTG Johor sebelum mereka boleh menjual semula unit-unit hartanah mereka. Dan, warganegara asing tersebut tetap tertakluk kepada bayaran permohonan RM500.00 dan bayaran kelulusan sebanyak RM10,000.00. Dan, di bawah, baru-baru ini penjual dan pembeli masih tertakluk kepada bayaran duti setem dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT).

Dan, Kerajaan Persekutuan di dalam pembentangan Bajet 2013 telah menetapkan kadar CKHT yang baru adalah sepertimana yang berikut :

1. Pelupusan harta tanah di bawah tempoh 2 tahun dikenakan cukai sebanyak 15%.

2. Pelupusan hartanah dalam tempoh 2 hingga 5 tahun dikenakan cukai sebanyak 10%.

Dan, Bank Negara telah memperkenalkan pelaksanaan nisbah pinjaman kepada nilai maksimum sebanyak 17% bagi pembiayaan rumah ketiga oleh peminjam berkuat kuasa pada 3 November 2012. Bayaran pendaftaran pindah milik tanah di kaunter-kaunter PTG dan Pejabat-Pejabat Tanah apabila mendaftarkan hak milik mereka.

Y.B. Encik Mohd Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Datuk Speaker...

Y.B. Datuk Speaker : Soalan tambahan.

Y.B. Encik Mohd Ismail bin Roslan (Semerah) : Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Speaker. Berapa banyakkah kelulusan perolehan oleh warganegara asing yang telah Kerajaan luluskan pada tahun 2013 dan serta apakah jenis-jenis hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri dari perolehan harta tanah oleh warganegara asing. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Semerah. Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga 31 Julai 2013, Kerajaan Negeri melalui perwakilan kuasa yang diberikan kepada PTG telah meluluskan 3,423 permohonan bagi tujuan perolehan harta tanah oleh warganegara asing. Dan, hasil-hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri terhadap warganegara asing adalah :

1. Permohonan sebanyak RM200.00 bagi setiap hak milik.

2. Kita menetapkan sebanyak RM10,000.00 bagi setiap hak milik tanah yang diluluskan. Bayaran ini perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan.

3. Bayaran hak milik mengikut jadual, bayaran yang dikenakan di bawah Peruntukan Peraturan Tanah Johor 1966.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Skudai, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): Terima kasih Datuk Speaker. Saya telah diberikan jawapan bahawa setakat ini cuma 11,316 unit...

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat mendatangkan soalan. Sekarang, giliran Yang Berhormat, soalan nombor 4.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): Oh, *sorry*.

Y.B. Datuk Speaker : Bukan soalan tambahan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Berapakah insiden kes denggi dan *leptospirosis* dan kematian disebabkannya pada enam bulan pertama 2013 berbanding dengan tempoh yang sama 2012 menurut daerah-daerah di Negeri Johor dan apakah sebabnya kenaikan insiden dua-dua penyakit ini?

Y.B. Datuk Speaker : Ya, terima kasih. Sila.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kes denggi pada enam bulan pertama telah meningkat 96.2% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2012 bagi keseluruhan Negeri Johor. Daerah yang mengalami peningkatan kes adalah :

1. Johor Bahru sebanyak 153.7% daripada 443 kes, pada enam bulan pertama 2012 kepada 1,124 kes pada enam bulan pertama 2013.

2. Mersing, 157.1% daripada 7 kes, 2012 kepada 18 kes pada 2013.

3. Pontian, 109.5% daripada 21 kes kepada 44 kes, 2013.

4. Kulaijaya, 57.3% daripada 110 kes, 2012 kepada 173 kes, 2013.

5. Kluang, 24.7% daripada 73 kes, tahun 2012 kepada 91 kes, pada 2013.

6. Kota Tinggi, 24.2% daripada 66 kes, 2012 kepada 82 kes, 2013.

7. Batu Pahat, 11.1% daripada 54 kes, 2012 kepada 60 kes, pada 2013.

8. Ledang, 4.5% daripada 22 kes, 2012 kepada 23 kes, 2013.

Dan, bagi dua daerah lain iaitu Segamat dan Muar telah pun berlaku penurunan kes. Bagi daerah Segamat pada 2012, 26 kes dan pada 2013, 25 kes. Dan, untuk daerah Muar 24 kes bagi 2012 dan 20 kes bagi 2013.

Dan, jumlah kematian juga meningkat dari 1 kes bagi enam bulan pertama 2012 kepada 7 kes pada 2013, kematian dan kesemuanya datang dari daerah Johor Bahru.

Berdasarkan keputusan Sero Surveillance daripada Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan yang menganalisis spesimen beberapa buah klinik sentinel seluruh negara, peningkatan kes pada tahun ini berkait rapat dengan perubahan jenis virus denggi yang merebak ketika ini. Pada tahun lalu virus denggi jenis DEN1 yang banyak menjangkiti pesakit. Walau bagaimanapun, pada tahun ini virus jenis DEN2 menjadi punca utama jangkitan. Oleh kerana pesakit belum lagi terdedah kepada virus jenis DEN2 ini, maka imuniti belum terhasil dan jangkitan mudah merebak luas. Jumlah

kematian yang tinggi pula dilihat berlaku pada pesakit yang mempunyai masalah kesihatan yang sedia ada seperti kencing manis, darah tinggi, kegemukan dan penuaan.

Bagi penyakit *Leptospirosis* ataupun kencing tikus, bagi Negeri Johor telah pun berlaku penurunan daripada 41 kes antara Januari hingga Jun 2012 kepada 24 kes pada Januari hingga Jun 2013 iaitu penurunan sebanyak 41.5%. Tiada kematian disahkan akibat daripada *leptospirosis* yang dilaporkan di Negeri Johor bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, Yang Berhormat Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Adakah apa tindakan yang diambil oleh Jabatan Kesihatan bersama dengan PBT-PBT untuk menangani masalah sampah dan juga kes denggi yang semakin meningkat, sebab kita difahamkan bahawa masalah sampah berlonggok tidak ditangani dengan baik telah menjadi sarang tikus dan juga tempat pembiakan nyamuk aedes.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Datuk Speaker, sebenarnya kita sememangnya setiap kali dan setiap bulan kita mengadakan perbincangan dan juga gerakan bersepadu di antara Jabatan Kesihatan dan juga PBT-PBT yang berkenaan. Kita perlu melihat apakah sebab kenapa longgokan sampah itu berlaku. Kita mempunyai undang-undang, kita mempunyai peraturan. Tetapi, kenapa kita tidak mengikut undang-undang dan juga peraturan yang sepatutnya kita patuhi sebagai masyarakat ataupun rakyat yang adil. Kadang-kadang memang mudah bagi kita untuk kita menuding jari kepada jabatan dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Speaker, sememangnya menjadi tanggungjawab Jabatan Kesihatan begitu juga PBT di bawah EXCO yang berkaitan bahawa kita telah berusaha untuk memastikan bahawa sampah-sampah ini diangkut mengikut jadualnya. Dan, pada masa yang sama Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengajak masyarakat yang ada di Negeri Johor ini untuk bersama-sama dengan Kerajaan untuk menangani penyakit-penyakit seperti ini. Kerana, penyakit ini bukan sahaja apabila ia merebak ianya akan menyebabkan kematian kepada orang-orang tertentu, tetapi ia akan memastikan bahawa mereka-mereka yang terdedah dengan penyakit ini akan juga mengalami masalah yang sama. Maka, ia bertanggungjawab, tanggungjawab ini adalah merupakan tanggungjawab bersama antara kita, Jabatan Kerajaan dan masyarakat secara keseluruhan.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita dapat tahu tadi sebagaimana EXCO mengatakan daerah Johor Bahru menjadi juaralah untuk apa tu, sakit ataupun denggi ini. Jadi, saya nak tanyalah, adakah *fogging* yang ada sekarang ni, dia masih boleh mengawal imuniti nyamuk-nyamuk yang dikatakan sekarang ini dah semakin canggih tadi tu. Dia dah naik virus dia daripada *step* 1, 2 dan banyak lagilah. Jadi, saya ingin tahu adakah

fogging yang dibuat pada masa ini boleh berkesan untuk menangani masalah denggi ini? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Sebenarnya, itulah amalan yang kita lakukan. *Fogging* ini adalah merupakan langkah untuk kita mengawal keadaan daripada penularan penyakit ini berlaku. Seperti yang kita selalu sebutkan bahawa pencegahan itu sebenarnya lebih baik daripada mengubati. Itulah sebabnya Yang Berhormat Datuk Speaker, kita kadang-kadang kita tak tahu DEN berapa yang sebenarnya berlaku dari segi mutasi nyamuk-nyamuk ini tetapi apabila pada tahun lepas ianya cuma DEN1 dan tahun ini DEN2. Maka, kita sebenarnya apabila ada kematian barulah kita tahu bahawa inilah sebenarnya DEN2 yang ada di dalam badan pesakit yang menyebabkan berlaku kematian.

Dan, apabila ini berlaku Yang Berhormat Datuk Speaker, maka pencegahan di peringkat telur larva itu perlu terutamanya kita masyarakat yang ada agar kita jangan tunggu sehingga nyamuk itu sudah menjadi dewasa dan kita mengharapkan *fogging* itu berlaku. Dan, sebenarnya *fogging* ini juga berperanan penting. Walaupun saya mengakui bahawa oleh kerana berlaku perubahan dari segi imuniti dan saya yakin bahawa terdapat juga nyamuk-nyamuk ini yang mungkin agak tahan dari segi imunitinya dengan *fogging-fogging* ini tetapi itulah kaedah-kaedah yang ada dan kita harapkan bahawa kesedaran itu perlu ada di kalangan kita untuk pastikan merebaknya penyakit denggi ini dapat kita kawal.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Semerah.

Y.B. Encik Mohd Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Pemasaran merupakan kelemahan pengusaha IKS terutamanya bumiputera. Oleh itu, apakah perancangan dan program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha tersebut terutamanya yang melibatkan industri makanan ringan dengan lebih berkesan lagi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan menyedari bahawa di antara faktor utama yang mempengaruhi prestasi perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS adalah akses kepada pemasaran. Kelemahan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan akan menghalang PKS mencapai potensi sepenuhnya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor dan pelbagai jabatan serta agensi keusahawanan akan terus membantu pengusaha-pengusaha PKS dalam negeri ini untuk lebih berjaya dalam memasarkan produk ataupun perkhidmatan mereka. Di antara program yang telah dan akan terus dilaksanakan ialah penyertaan usahawan-usahawan PKS Negeri Johor dalam pelbagai ekspo bagi mempromosi produk atau perkhidmatan di samping membantu mencari

pasaran baru melalui program-program pemadanan perniagaan ataupun *business matching*, dengan izin.

Program promosi anjuran pelbagai pihak ini termasuklah seperti *Expo Malaysia Agriculture*, dengan izin, *Malaysia Holticulture and Agrotourism* (MAHA), *Expo Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)*, *Expo Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, Pameran Satu Daerah Satu Industri (SDSI), Ekspo Halal JAKIM dan pelbagai karnival IKS yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.

Dalam program-program ekspo, karnival dan pemadanan perniagaan seperti ini, usahawan-usahawan ini berjaya mencatat jualan dan pemadanan perniagaan yang begitu menggalakkan.

Dalam program-program ekspo, karnival dan pemadanan perniagaan seperti ini, usahawan-usahawan ini berjaya mencatat jualan dan pemadanan perniagaan yang begitu menggalakkan. Hasil daripada program-program promosi sebegini, kini semakin banyak produk-produk pengusaha PKS negeri ini boleh didapati di pasar raya atauprun pasar raya besar *hypermarke*t sepertimana pasar raya Uda Ocean, Mydin, Giant, Tesco, Maslee dan lain-lain. Selain daripada itu, terdapat juga pengusaha-pengusaha PKS di dalam Negeri Johor ini yang telah berjaya mengeksport produk mereka di pasaran luar negara.

Selain daripada itu Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk meningkatkan lagi keberkesanan usaha-usaha pemasaran termasuklah juga bagi pengusaha PKS dalam industri asas tani, Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor dan pelbagai jabatan se-agensi keusahawanan akan terus mengadakan lebih banyak program-program pembangunan produk PKS ini. Antaranya ialah: 1. program peningkatan kualiti produk melalui pembungkusan. 2: program pelabelan yang mencapai tahap setanding dengan pasaran yang ada. 3. Program untuk mendapatkan pengiktirafan Amalan Pengeluaran Baik atau pun *Good Manufacturing Practice* (GMP).

Selain daripada itu juga, untuk berjaya dalam memasarkan produk PKS ini, kerajaan juga menggalakkan supaya pengusaha-pengusaha PKS ini mempelbagaikan produk mereka dan juga menggunakan mesin moden supaya kualiti serta kuantiti produk dapat dipertingkatkan dengan skala yang besar.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Jemput.

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Berkenaan dengan produk hasil daripada pengusaha IKS ini, kita dapati kadang-kadang kerepek pisang yang banyak dijual di Pekan Parit Raja sebenarnya lebih sedap daripada emping ubi yang berjenama '*Jack n Jill*'. Tetapi masalahnya dari segi pembungkusan iaitu *packaging* dengan izin Datuk Speaker, selalunya pengusaha IKS ini tidak mempunyai mesin khusus untuk melakukan *packaging* kepada produk-produk mereka. Sebab itu kalau kita lihat sebenarnya produk-produk makanan ringan yang dikilang dengan bungkusan yang cantik itu sebenarnya langsung tidak sedap kalau nak bandingkan dengan kerepek pisang yang dibuat oleh pengusaha IKS. Tetapi oleh kerana pembungkusan kerepek pisang ini menggunakan plastik dan

labelnya menggunakan kertas fotostat sebab itu tidak mendapat perhatian kepada orang yang ingin membeli.

Soalan saya, adakah program khusus yang kita berikan kepada pengusaha-pengusaha IKS ini untuk mempertingkatkan cara *packaging* atau pun pembungkusan supaya produk ini lebih *attractive* dengan izin, menarik minat pembeli supaya anak-anak yang masuk ke *7 Eleven* lebih dulu berlari menuju kerepek pisang daripada menuju ke makanan ringan yang lain. Jadi soalan saya adakah bantuan diberi untuk membeli mesin *packaging* ini dan adakah kursus-kursus dibuat terhadap pengusaha IKS ini supaya menghasilkan pembungkusan yang lebih baik?

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, memang ada program-program yang berkaitan dengan seperti yang saya nyatakan tadi, pembungkusan dan juga pelabelan. Ini dua ini kena seiring Yang Berhormat Datuk Speaker dan hari ini kita ada kerjasama dengan sebuah anak syarikat MARA D'dec iaitu anak syarikat MARA yang berkaitan dengan reka bentuk yang menyediakan begitu banyak reka bentuk yang boleh dipilih oleh usahawan-usahawan PKS ini. Kerana kalau hanya berdasarkan kepada pembungkusan sahaja tanpa '*design*' (reka bentuk) sahaja tanpa '*design*' (reka bentuk) yang cantik yang menarik pun tak boleh juga. Jadi maknanya kita ada program - satu, untuk latihan dari segi apa nama tu yang berkaitan dengan pelabelan dan pembungkusan dan kita juga ada program untuk bantu melalui agensi-agensi yang berkaitan keusahawanan yang berada di pelbagai Kementerian, ada MARA, ada SME Corporation dan sebagainya.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Ini industri kecil dan sederhana ini dia sebenarnya merupakan tonggak ekonomi Negara kita, tapi nampaknya masih ramai pengusaha-pengusaha IKS ini menghadapi masalah infrastruktur. Sebagai contoh, Mengkibol terima banyak aduan daripada kilang-kilang di kawasan perindustrian Mengkibol mengatakan bahawa terdapat sampah-sampah longgok di tanah lapang yang bersebelahan dengan kawasan perindustrian itu. Maka, ini akan menjejaskan imej IKS-IKS ini di mana ada di kalangan mereka perniagaan mereka tersebar luas di antarabangsa sampai ada kadangkala apabila pekilang-pekilang ataupun '*customer*'…pelanggan daripada luar Negara lawat ke kilang mereka, mereka rasa malu apabila nampak jalan yang rosak di kawasan perindustrian, tiang lampu senget…

Y.B. Datuk Speaker : Ini Yang Berhormat dah lari soalan asal ini… Yang Berhormat…

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Soalan saya…

Y.B. Datuk Speaker : Soalan asal ini soalan industri…

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Soalan saya apakah usaha Kerajaan terutamanya pihak PBT untuk memastikan bahawa infrastruktur dan perkhidmatan asas di kawasan-kawasan IKS ini sentiasa berada dalam keadaan baik dan memastikan IKS-IKS ini tidak menghadapi masalah yang berikut?

Y.B. Datuk Speaker : OK. Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan asal pasal pemasaran produk PKS bukan berkaitan dengan PBT.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Parit Yaani.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani): Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 6.

Berapakah peluang pekerjaan kepada anak-anak Negeri Johor di Legoland, Nusajaya dan adakah benar pekerja Legoland ketika ini diambil dari Sabah dan Sarawak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Datuk Speaker, Legoland Malaysia telah beroperasi secara rasmi dan dibuka kepada orang ramai mulai 15 September 2012. Dan kini Legoland mempunyai jumlah pekerja seramai 700 orang. Di mana dari jumlah tersebut, 80% adalah rakyat Negeri Johor, 10% daripada Sabah dan Sarawak dan 10% lagi daripada negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Y.B. Datuk Speaker : Tak ada soalan?

Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai): Soalan… terima kasih. Soalan tambahan saya adalah peratusan populasi dewasa di Negeri Johor yang tiada pekerjaan atau '*under employed*' dengan izinnya, maksudnya bekerja sebagai '*part time',* dengan izin atau dan berapa orang yang rakyat Johor dah ada kerja setakat ini?

Y.B. Datuk Speaker :…dia berkenaan apa?

Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai): Hm…'*employment*' ya seluruh negeri.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Soalan ini berkenaan dengan soalan asal berkenaan dengan Legoland sahaja. Terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, minta soalan tambahan. Bagaimana keadaan gaji yang diberikan kepada anak Johor oleh Legoland kalau berbanding

dengan pasaran biasa. Maknanya berapa peratus lebih tinggi atau mengikut gaji minimum sahaja.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Datuk Speaker, di Legoland pada masa ini kebanyakan jawatannya adalah jawatan '*team park assistant',* dengan izin. Di mana jumlah pekerjaan sebanyak 75 hingga 80 peratus daripada mereka mendapat gaji sebanyak lebih daripada RM1,600.00. Dan memandangkan kawasan Legoland adalah sebuah kawasan bertaraf antarabangsa, maka gaji yang ditawarkan adalah jauh lebih tinggi kalau dibanding dengan kawasan-kawasan yang lain. Begitu juga kalau kita banding jawatan-jawatan lain seperti Pengurus, Juruteknik dan sebagainya. Gaji minimum yang dimulai ialah RM2,200.00. Terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Semarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Sehingga kini, berapa peratuskah kemajuan keseluruhan projek pembangunan Sekolah-Sekolah Agama di Negeri Johor dan bilakah dijangka siap?

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Puteri Wangsa.

Y.B. Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 8.

Permintaan penduduk agar Sekolah Agama dibine berdekatan Flat PPR Taman Desa Mutiara, Kangkar Tebrau atau di Taman Bukit Mutiara untuk menampung jumlah pelajar yang ramai di kawasan Kangkar Tebrau.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Yong Peng.

Y.B. Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan… Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 9.

Bilakah Sekolah Agama Taman Kota Yong Peng yang sudah dalam pembinaan sejak 2010 boleh disiapkan sedia digunakan untuk pelajar beragama Islam di kawasan yong Peng dan apa kos yang telah dan akan dibelanjakan untuk projek ini?

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama: Yang Berhormat Datuk Speaker dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bertanya. Peratus kemajuan keseluruhan bagi projek Sekolah Agama Negeri Johor bagi Fasa 1 hingga 4 adalah 49.29%. Di mana fasa yang pertama, 89.69%, fasa kedua 40.85%, fasa ketiga 36.49%, fasa keempat 19.48%. Jangkaan tarikh siap fasa satu dan empat mengikut kontrak ialah fasa satu 14 Jun

2013; fasa dua 28 Februari 2014 dan fasa ketiga 21 Januari 2014, manakala fasa keempat iaitu pada 31 Mac 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap sekolah bagi fasa satu dan empat mempunyai tarikh penyiapan tersendiri. Dan, pemantauan terus dijalankan agar projek ini dapat segera dilaksanakan. Di antara isu-isu yang timbul yang menyebabkan kelewatan projek ini dilaksanakan ialah kerana projek ini dilaksanakan secara serentak iaitu projek 96 buah sekolah agama yang melibatkan fasa satu dan juga fasa empat. Yang kedua, tapak tanah yang dicadangkan seperti… yang dicadangkan adalah di antaranya belum lagi didaftarkan di bawah nama Majlis Agama Islam Negeri Johor dan juga terdapat juga kedudukan tapak tanah yang tidak sesuai seperti di dalam kawasan yang mudah ditakungi air atau pun masalah banjir. Begitu juga dengan permintaan penduduk sekolah agama dibina di kawasan Flat PPR Taman Desa Mutiara, Kangkar Tebrau dan juga Taman Bukit Mutiara.

Di Taman Desa Mutiara, kawasan ini tiada tempat atau tanah untuk membina sekolah agama bagi menampung jumlah pelajar yang semakin ramai. Namun demikian, di kawasan yang berhampiran iaitu Taman Bukti Mutiara terdapat…terdapat tanah bagi membolehkan pembinaan sekolah dan permohonan telah pun dimajukan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Begitu juga di kawasan Kangkar Tebrau, kawasan ini juga tiada tempat atau tanah yang sesuai. Namun demikian, kawasan berhampiran iaitu Taman Setia Indah dalam proses pembinaan dan hampir siap serta akan beroperasi kelak. Begitu juga Taman Bukit Mutiara terdapat tanah dan kawasan yang berhampiran dengan masjid di mana pihak *Mysis* telah pun memaklumkan bahawa permohonan telah dimajukan ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Begitu juga Sekolah Agama Taman Kota Yong Peng yang sudah dalam pembinaan sejak 2010. Terdapat masalah dalam menyelesaikan isu tanah Sekolah Agama Taman Kota Yong Peng sejak 2010, namun demikian projek telah bermula pada Disember 2012… dimulakan semula pada 2012 dan dijangka siap pada September 2013 dengan kos perbelanjaan sebanyak RM4,060,232.00. Manakala proses penyerahan akan mengambil masa selama 3 bulan selepas projek pembinaan siap dilakukan. Terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Dijemput Yang Berhormat Semarang.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang): Yang Berhormat Datuk Speaker ada soalan tambahan mendengarkan berkenaan dengan faktor-faktor kelewatan penyiapan sekolah-sekolah agama ini banyak berlegar kerana tapak tanah, status tanah dan bilangan sekolah yang banyak dibuat. Saya ingin menekankan bahawa saya rasa salah satu faktornya adalah *developer* ataupun pemaju itu sendiri kerana kami di bawah melihat kepada kelajuan ataupun kemajuan yang ditunjukkan pembinaan sekolah-sekolah ini.

Justeru, kalau misalannya tanah tidak ada masalah, pembinaan telah dimulakan, kami mahu pihak Kerajaan agar menekankan agar proses pembinaan itu dipercepatkan

kerana saya tidak mendengar masalah dengan kontraktor seolah-olah tidak ada masalah tentang kontraktor yang terlibat. Jadi kita tidak mahu nama Kerajaan terpalit hanya kerana kelewatan kelemahan pihak yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Dijemput Yang Berhormat EXCO Agama hendak menjawab soalan tambahan daripada Semarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Pihak Kerajaan melalui UPEN dan juga pihak pembangunan bahagian pembangunan Jabatan Agama Johor khususnya bahagian pendidikan. Saya maklumkan tadi bahawa akan meneruskan pemantauan supaya proses ataupun pembinaan projek sekolah agama ini akan diteruskan. Dan pihak kami akan memantau dan akan memberikan maklumat kepada Kerajaan dari masa ke semasa tentang perjalanan projek ini. Terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya, secara terperinci tentang Sekolah Agama Taman Kota Yong Peng, mengapakah tarikh persiapan projek ini ditangguhkan dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap kontraktor kerana tidak menunaikan aplikasi mengikut perjanjian serta berapa kos yang ditanggung oleh Kerajaan kerana penangguhan projek ini? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jadi, dua-dua Semarang dan Yong Peng ini soal kontraktor. Itu yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih kepada yang bertanya. Berkaitan dengan Sekolah Taman Kota Yong Peng, di mana tiga sekarang ini termasuk kontraktor yang ketiga, di mana telah ditamatkan kontraktor yang pertama dan yang pertama gagal, yang kedua telah gagal dan yang ketiga. Projek ini telah pun diteruskan dan dijangka siap pada September 2013. Terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Bukit Batu.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya, soalan nombor 10.

Adakah pihak Kerajaan Negeri Johor berhasrat atau mempunyai apa rancangan untuk memberi bantuan kepada Orang Asli Seletar di Simpang Arang, Gelang Patah yang kehilangan pencarian rezeki akibat pembangunan di Wilayah Iskandar, PTP dan Tanjung Bin?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Bukit Batu di atas soalan yang telah dikemukakan. Bagi mengatasi sebahagian masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli Seletar di Simpang Arang, Gelang Patah, akibat pembangunan di Wilayah Iskandar, pelabuhan Tanjung Pelepas dan juga

Tanjung Bin. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli telah memberi beberapa bantuan untuk membantu masyarakat Orang Asli di kampung tersebut. Antaranya tambang pengangkutan kepada pelajar-pelajar Orang Asli ke sekolah, bantuan wang saku iaitu berjumlah RM2.00 sehari kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah yang hadir ke sekolah, bantuan bakul makanan kepada ketua isi rumah yang miskin, bantuan rumah bagi membina baru dan juga membaik pulih.

Justeru itu bagi tahun 2013, Kerajaan telah membina 7 unit rumah bina baru dengan kos RM280,000.00 dan 4 rumah di baik pulih dengan kos RM44,000.00. Selain daripada itu pihak PTP juga ataupun Pelabuhan Tanjung Pelepas telah pun memberikan pampasan kepada masyarakat Orang Asli Simpang Arang sebanyak RM355,350.00 untuk 93 orang pada tahun 2000. Dan RM100,000.00 pada tahun 2008 untuk 43 orang daripada syarikat yang terlibat yang membina pangkalan marin. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa memikirkan dan mencari kaedah yang terbaik untuk mengatasi masalah kepada masyarakat Orang Asli akibat daripada pembangunan tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Y.B. EXCO kerana memberi jawapan yang cukup baik. Sedikit penjelasan Y.B. EXCO, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana mengambil prihatin kepada Orang Asli. Orang Asli ini walaupun jumlahnya sikit...

Y.B. Datuk Speaker : Ini sifat yang baik eh, contoh yang baik ialah mana yang Kerajaan buat baik itu pujilah baik, terima kasihlah kepada Kerajaan. Asyik membangkang tak sudah-sudah, tak selesai masalah kita. Jemput terus Bukit Batu. Terima kasih Bukit Batu, terus.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Walaupun Orang Asli jumlahnya tidak banyak tapi mereka merupakan orang asal di Johor. Dan hak mereka juga dipelindungi di bawah Undang-Undang yang sedia ada seperti Akta Orang Asli 1954, dan mereka memang perlu pertolongan dari banyak segi terutamanya dari segi ekonomi daripada Kerajaan Negeri Johor.

Soalan saya Y.B. EXCO, selain daripada orang asal Seletar di Gelang Patah ini. Apa lagi tindakan Kerajaan untuk membantu orang asal di tempat-tempat lain di Johor memandangkan banyak tanah orang asal telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk pembangunan. Adakah Kerajaan ada menyediakan rumah kediaman percuma atau Program Penetapan Semula untuk mereka. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Dijemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Speaker walaupun soalan asal adalah berkaitan dengan Kampung Simpang Arang tapi saya juga ingin menjelaskan kepada semua terutama Yang Berhormat ADUN-ADUN yang mempunyai penempatan Orang-Orang Asli. Sebenarnya Kerajaan tidak pernah melupakan dan begitu prihatin kepada mereka-mereka yang di dalam masyarakat Orang Asli kerana kita ada 63 buah perkampungan Orang Asli di

seluruh Negeri Johor dengan penduduknya hanya lebih kurang 12,000 orang di seluruh Negeri Johor. Dan sebenarnya kita juga menyediakan penempatan untuk Orang Asli ini contohnya seperti di Desa Sungai Banang sebanyak 100 unit rumah telah pun dibina oleh Kerajaan dan telah pun diduduki oleh masyarakat Orang Asli. Dari masa ke semasa, dari setahun ke setahun Kerajaan sebenarnya banyak memberikan bantuan-bantuan membina rumah dan membaiki rumah kepada seluruh masyarakat Orang Asli khasnya di Negeri Johor ini.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin tanya sama ada peluang pekerjaan ada disediakan khas untuk golongan Orang Asli sebab kita bukan memberi bantuan setiap kali seperti memberi rumah atau lain-lain tetapi perlu sediakan satu peluang pekerjaan yang sesuai supaya mereka dapat menyara diri dan tanpa memerlukan bantuan selalu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Ini pun sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker dah lari daripada soalan asal, tapi tak apa untuk hendak memuaskan hati kepada semua. Sebenarnya Orang Asli ini Yang Berhormat Datuk Speaker, mereka memang tinggal di sesuatu kampung dengan penempatan mereka. Kadang-kadang satu kampung sampai tak mencukupi tanah untuk penempatan mereka. Itu memang telah menjadi tradisi kepada masyarakat Orang Asli untuk tinggal sekampung. Walau bagaimanapun, beberapa program khususnya di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim, di bawah UPEN sendiri dan di bawah jabatan-jabatan yang lain, kita juga telah mengenal pasti dan menggalakkan mereka untuk keluar daripada kepompong masyarakat Orang Asli di kampung-kampung tersebut. Itu yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan.

Y.B. Datuk Speaker : Ialah antaranya kursus-kursus kemahiran kan, yang dibuka kepada anak-anak Orang Asli ini. Itu pun memungkinkan mereka dapat peluang pekerjaan. Saya jemput Yang Berhormat Pemanis.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 11.

Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, apakah pembaharuan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Johor dalam pemilihan Ahli Majlis dari segi kriteria dan penilaian prestasi?

Y.B. Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Majlis, Yang Berhormat pelantikan Ahli-Ahli Majlis adalah ditentukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1996, Akta 171. Mengikut Seksyen 10(1) akta tersebut, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah terdiri daripada Datuk Bandar ataupun Yang Dipertua serta Ahli-Ahli Majlis seramai tidak kurang daripada 8 dan tidak lebih daripada 24 orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Seksyen 10(2) menggariskan kelayakan-kelayakan bagi pelantikan Ahli Majlis adalah seperti berikut:

1. Bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri.
2. Berpengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan.
3. Memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion perdagangan atau perindustrian.
4. Mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan kaum-kaum mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Perlaksanaan 64 penambahbaikan memberi satu perspektif untuk mendapatkan kecekapan dan keberkesanan jentera urus tadbir untuk menepati sasaran. Ia merupakan hala tuju setiap PBT dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti yang meletakkan harapan yang tinggi terhadap perkhidmatan yang diberikan hasil pendekatan bestari masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di antara program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Johor dari segi penilaian prestasi dengan pelaksanaan 84 penambahbaikan adalah:

1. Kursus wajib untuk Ahli-Ahli Majlis Kursus yang diadakan termasuk kursus asas dan kursus pengurusan Kerajaan Tempatan diadakan serta-merta selepas dilantik. Kursus perlu diberi secepat mungkin sebelum fikiran mereka dicemari dengan kerenah-kerenah birokrasi. Ini memastikan Ahli-Ahli Majlis lebih bertanggungjawab untuk berkhidmat dengan lebih berkesan.

2. Menubuhkan Jawatankuasa Penduduk Dengan penubuhan Jawatankuasa Penduduk akan menanam kesedaran mengenai tanggungjawab penduduk dalam pembangunan negara. Ianya menjadikan Jawatankuasa Penduduk sebagai saluran penghubungan dengan penduduk dengan lebih erat lagi.

3. *Area Officer* dengan izin melakukan pemantauan. Turun padang adalah lebih baik daripada menunggu aduan untuk mengambil tindakan. Ahli Majlis akan sentiasa bersedia dan memantau dan ini boleh meningkatkan akauntabiliti kepada penduduk.

   Penambahan tuntutan masyarakat awam terhadap PBT seperti dari segi keperluan infrastruktur memberikan komitmen dari Ahli Majlis supaya segala kemudahan dapat disalurkan dengan berkesan dan mencukupi. Tertubuhnya agensi penyelaras yang dipantau oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor bahagian Kerajaan Tempatan dapat mempertingkatkan penyampaian aktiviti Ahli Majlis. Ianya dapat merancang, melaksana, memantau dan menilai semua kegiatan Ahli Majlis dengan menggunakan kaedah cekap dan berkesan.

   Satu sistem buku rekod diwujudkan untuk mengenal pasti masalah-masalah semasa dan yang berbangkit yang diluahkan daripada orang ramai. Buku rekod itu mengandungi prestasi Ahli Majlis di dalam menjalankan tugas selaku Ahli Majlis kepada satu-satu tempoh penilaian. Di antaranya adalah kekerapan dan kejayaan Ahli Majlis di dalam melaksanakan Program Gerak Tumpu, program berkaitan masyarakat setempat dan kekerapan Ahli Majlis melaksanakan mesyuarat dan

perjumpaan dengan masyarakat setempat di samping menghadiri mesyuarat yang dikendalikan oleh PBT. Kesemua ini akan dijadikan antara asas penilaian terhadap prestasi Ahli Majlis dalam usaha agar mereka sentiasa melalui perkhidmatan terbaik sejajar dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada Titah Persidangan Dewan Negeri baru-baru ini. Diharapkan juga ianya dapat menanam etika kerja yang baik dan seterusnya memberi satu perkhidmatan yang bermutu kepada pelanggan. Untuk menjadi seorang Ahli Majlis yang efisyen mereka hendaklah mempunyai pengetahuan yang luas terhadap isu-isu semasa dan mempunyai idea-idea yang bernas untuk sama-sama berkongsi pendapat dalam menanganinya.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih atas jawapan EXCO, cuma yang tak diberitahu ialah adakah kerajaan menilai untuk memberi ruang kepada golongan profesional dan NGO dalam sesuatu kawasan Ahli Majlis itu diberi ruang dalam jawatan Majlis yang mesra kepada kerajaan, kerana ianya akan melibatkan kemantapan idea-idea dan juga pembaharuan dalam pembangunan dan kalau ada boleh tak EXCO beritahu peratusan yang telah dan akan diberikan dalam jawatan ini.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Dalam penambahbaikan Ahli-Ahli Majlis, telah ditambah di mana sebelum ini kita telah melaksanakan pertambahan dari segi golongan profesional di Bandaraya Johor Bahru dan benda ini akan diteruskan ke peringkat pihak-pihak Perbandaran. Walau bagaimanapun, dalam garis panduan yang kita telah tetapkan, ada ruang-ruang untuk dimasukkan golongan profesional.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat ini sahajalah soalan lisan kita pada pagi ini. Mana-mana soalan yang tidak sempat dijawab akan dijawab oleh EXCO-EXCO yang berkenaan dengan cara bertulis dan bentangkan dalam Persidangan ini. Jemput Jurutulis.

Jurutulis : Sambungan perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor kita sambung pada pagi ini dengan saya jemput Yang Berhormat daripada Bukit Naning. petang semalam telah pun memulakan ucapan, saya harap beliau akan meneruskan ucapan, Jemput, Bukit Naning.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Bismillahi rahmannirrahim. Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan Baginda Muhammad SAW. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Selamat Hari Raya, Salam 1Malaysia. Alhamdulilah syukur pada Allah kita dapat bersidang pada hari ini sekali lagi dan jadikanlah Persidangan ini sebagai ibadah kepada Allah SWT

dan marilah kita bermaafan sesama kita dan memohon keampunan kepada Allah SWT. Insya-Allah Persidangan ini akan dirahmati, diberkati oleh Allah SWT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana mengizinkan Bukit Naning membahaskan usul Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor untuk menyambung kali kedua pada pagi yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyambung pelan pembangunan bagi pengundi-pengundi di kawasan Bukit Naning yang perlu diambil perhatian, tindakan dan pembelaan oleh Kerajaan Negeri :-

4. Keperluan lampu isyarat di laluan yang kritikal seperti di Simpang Tiga jalan masuk Parit Karim- Jalan Yusof, bagi mengurangkan kadar kesesakan dan juga kemalangan.

5. Giat Mara Bakri pada masa ini menumpang di atas tanah persendirian dengan kebenaran selama 10 tahun. Untuk jangka masa panjang Giat Mara Bakri dan demi pendidikan kemahiran anak-anak penduduk Bukit Naning lepasan sekolah, maka pihak Kerajan Negeri wajar meluluskan tanah untuk tapak bangunan Giat Mara, Bakri di Bukit Naning. Di Bukit Naning, masjid dan surau baru perlu dibina bagi menggantikan bangunan masjid dan surau yang sudah lama dan uzur. Antaranya Masjid Jamek Al- Ridwan, Parit Seri Dalam, Masjid Parit Baru dan Surau Parit Tengah A.

6. Menaikkan taraf Jalan Parit Karim-Jalan Yusof sejauh 16km ke Pekan Parit Yusof. Jalan ini menjadi laluan pintas yang penting. Jumlah trafik dan kenderaan berat yang melalui jalan ini kian bertambah. Justeru itu, jalan ini perlu dinaik taraf.

7. Sebagai sebuah kawasan yang luas jumlah, Polis di Bukit Naning tidak mencukupi. Bagi meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemantauan keselamatan kawasan ini, maka dimohon supaya bilangan Polis dapat ditambah di Bukit Naning.

8. Penutupan pusat pelupusan sampah di Bukit Bakri. Pada masa ini masih ada aktiviti pelupusan sampah di Bukit Bakri dan saya mencadangkan agar pusat pelupusan sampah tersebut ditutup terus. Mohon tapak pelupusan itu dipindahkan ke tapak yang dicadangkan.

9. Bukit Naning juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar memindahkan kilang-kilang haram ke satu kawasan baru agar masalah pencemaran dan sosial dapat diatasi di Kg. Parit Zain, kebun sayur Bukit Bakri dan memastikan bahawa taman-taman perumahan tidak dibenarkan untuk dijadikan rumah-rumah ibadat.

10. Demi kelangsungan sebuah institusi pendidikan tinggi yang dapat dibanggakan oleh kaum peladang, khasnya di Johor dan Malaysia amnya, maka sebuah Kolej UniKL Nafas Universiti dapat dibina di Bukit Naning. Maka untuk tujuan itu mohon Kerajaan Negeri meluluskan tapak pembinaan Kolej UniKL Nafas Universiti tersebut di atas tanah milik TPNJ Batu 13, Ayer Hitam.

11. Mohon dipercepatkan proses permohonan penduduk atas tanah kerajaan dan memberi hak milik kepada meraka yang berkelayakan di kebun sayur Bukit Bakri dan di Batu 13, Ayer Hitam.

12. Peruntukan pembangunan perlu diberi untuk Pekan Parit Tengah Ayer Hitam. Rasionalnya, pekan ini mempunyai potensi menjadi sebuah pekan yang menarik yang majoriti penduduknya kaum Melayu. Pekan ini telah dibina atas inisiatif pihak persendirian, dengan mendirikan kedai dan gerai di tanah rizab kerajaan tidak berstruktur dan tidak ada jaminan keselamatan. Justeru, supaya pekan ini dapat dibina dengan baik maka pembentukan pekan ini perlu distrukturkan. Usaha ini memerlukan penglibatan Kerajaan Negeri agar sebuah pekan yang bersistem dapat dibangunkan di sini. Masalah golongan miskin tiada tanah untuk memiliki rumah di Bukit Naning. Jadi, Bukit Naning mencadangkan kerajaan meluluskan satu tapak tanah kerajaan seluas 5 ekar di Bukit Naning untuk dijadikan taman perumahan PPRT. Taman perumahan Mesra Rakyat secara teratur dan tersusun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menerusi kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional, Negeri Johor telah berjaya memacu dan memartabatkan Negeri Johoe sebagai gedung pengeluaran makanan negara. Dengan sumbangan sebanyak 30% daripada keluaran keseluruhan negara. Dengan kepesatan pembangunan di Negeri Johor, kita berharap supaya sektor pertanian akan terus diberi keutamaan seiring dengan kemajuan yang bakal dicapai. Bagi merealisasikan impian tersebut, berbagai usaha mesti diteruskan, dilakukan untuk memastikan sektor pertanian lebih mampan dan berdaya saing. Program pengeluaran bahan makanan perlu dirangka dengan teliti. Bukit Naning mencadangkan kepada kerajaan supaya :-

1. Menyediakan insentif pengeluaran, tanaman, ternakan, ternak air dan juga kejuruteraan.

2. Meningkatkan usaha memajukan tanah-tanah yang sedia ada, terbiar sebagaimana yang disebut oleh Semarang.

3. Menguatkuasakan sekatan ke atas status tanah pertanian daripada ditukarkan kepada status industri atau pun pembangunan.

4. Mempromosikan hasil pertanian keluaran Negeri Johor sebagai produk kebanggaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

5. Memberikan galakan dan insentif kepada golongan belia yang terlibat dengan sektor pertanian.

6. Membangunkan sektor pertanian ke arah komersial. Dan dalam masa yang sama meningkatkan taraf hidup masyarakat di luar bandar yang menjadi pengundi setia Barisan Nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam Para 2. Sekarang masa untuk bekerja, kempen politik telah pun selesai. Pengalaman Bukit Naning berbeza dengan pengalaman Puteri Wangsa. Ketika saya berjemaah di surau, apabila selesai solat, doa, Imam pusing ke belakang, pesanannya jangan sokong Barisan Nasional, tak masuk syurga. Kedua, kematian, baru-baru ini...

Y.B. Datuk Speaker : Imam mana tu Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Di Surau Parit Belukar Cina.

Y.B. Datuk Speaker : Secara terang, macam tu Imam?

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Ya.

Y.B. Datuk Speaker : Itu Imam jenis apa tu?

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Ini yang saya ingin maklumkan. Begitu juga dengan kematian apabila lama Imam tidak menyembahyangkan jenazah tersebut, warisnya mencari Imam luar. Imam yang satu bendera dengannya, inilah antara sebab-sebabnya.

Selain daripada itu tazkirah-tazkirah yang dilakukan di surau-surau dan di masjid pada peringkat permulaan memanglah baik. Di akhir-akhir tazkirah itulah menyelitkan intipati-intipati yang membenci Kerajaan Barisan Nasional. Jadi dalam usaha ini, jangan jadikanlah masjid dan surau sebagai medan berpolitik, kerana ini adalah punca perbalahan, perpecahan akan berlaku. Jadi saya mengajak, ayuh Maharani, Parit Yaani, Sungai Abong, Puteri Wangsa ayuh kita pertahankan Kalimah Allah bersama. Allah, tuhan kita, Muhammad Nabi kita, Kaabah kiblat kita, Al-Quran kitab kita, kita bersaudara. Ayuh bersama-sama pertahankan. Berkaitan dengan Maharani pulak, kita berbangga dan terima kasih kepada kerajaan kerana membangunkan Bandar Muar sebagai Bandar DiRaja yang indah dan juga bandar pelancongan yang unik. Memanglah dari segi struktur perancangan pembangunan itu berperingkat dan alhamdulillah, hari ini jelas perubahan-perubahan mendadak berlaku dan kita di Bukit Naning merasa bangga kerana Muar dijadikan Bandar DiRaja. Jadi kalau katakan tidak ada apa pun yang unik, saya ingin jelaskan di sini, macam-macam yang ada di Maharani ini, contohnya sebelah pagi, ada makanan sate yang unik. Sungai Muar yang terindah di dunia dan juga macam-macam. Kolam air panasnya...

Y.B. Datuk Speaker : Orang Muar sarapan sate ye? Hebat orang Muar ni.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Jadi, inilah antara pembangunan yang rancak yang dilakukan khususnya di Bandar Maharani.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Naning nak tahulah, sama ada Pakatan Rakyat itu sudah didaftarkan sebagai satu pertubuhan yang sah atau pun belum. Kalau belum, Bukit Naning cadangkan penggunaan perkataan Pakatan Rakyat tidak boleh digunakan di dalam di Dewan yang mulia ini. Saya mencadangkan bolehlah gunakan sebagai Pakatan Pembangkang. (Dewan bertepuk).

Semangat perkauman dan benci pada kerajaan sentiasa disemaikan dalam majlis-majlis tertentu, oleh parti-parti pembangkang sama ada di mana-mana, di sekolah, di pra-sekolah, di majlis-majlis yang berlaku di Bukit Naning. Jadi diskriminasi dalam apa jua keadaan. Di sebahagian sektor-sektor swasta kian bertambah. Khususnya di Bukit Naning, sektor-sektor swasta kadang-kadang tidak membenarkan pun pekerjanya sembahyang waktu, kadang-kadang gaji-gaji berbeza walaupun kelulusan lebih tinggi daripada yang lain. Selain daripada itu juga, tempat sembahyang tidak ada, kemudahan-kemudahan lain tidak ada. Kalau ini tidak dapat dibendung, semangat perkauman akan terus menebal, akhirnya mengganggu gugat perpaduan. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, Naning mencadangkan supaya kerajaan tidak akan berkompromi walau satu inci pun kepada mana-mana pihak, NGO, parti politik khususnya pembangkang yang cuba mengganggu gugat perpaduan, keamanan, keharmonian, kesejahteraan rakyat di Negeri Johor. Akhirnya, Selamat Hari Merdeka. Malaysiaku Berdaulat, Tanah Tumpah Darahku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Naning berdiri di sini kerana, Bismillahirrahmanirrahim…

Y.B. Datuk Speaker : Naning, bukan Naning. Bukit Naning.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : berdiri di sini kerana, Bismillahirrahmanirrahim,(bacaan surah Wal-'Asr). Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Naning menyokong usul Semarang. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Bukit Naning. Saya persilakan Yang Berhormat Pekan Nenas.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Selamat pagi dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Pekan Nenas yang bersidang hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi–tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan mulia ini dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Yang Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Ke-13, pada 15 Ogos 2013 yang lalu. Hari ini, Pekan Nenas tampil untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini demi mengangkat suara dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, saya menyahut dengan penuh Titah setia akan saranan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, yang mengingatkan kita supaya menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dengan meletakkan rakyat sebagai keutamaan. Selari dengan sahutan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor tersebut, saya telah dipilih untuk mewakili rakyat di kawasan Pekan Nenas ingin membawa beberapa perkara pokok yang amat dekat dengan jiwa rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu keselamatan awam sejak kebelakangan ini telah mendapat perhatian umum. Ia bukan sekadar meningkat di kawasan Pekan Nenas, malah merebak ke seluruh negara kita. Kes perjudian, pecah masuk rumah, samun, ragut, rompak bersenjata dan pelbagai jenayah berlaku setiap hari dan menjadi

semakin serius. Tahap keselamatan awam kian merosot dan turut mengancam keselamatan orang, penduduk awam, walaupun pada waktu siang hari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, lebih menggerunkan kini adalah tahap keyakinan rakyat nampak kian terhakis, khususnya rakyat yang pernah menjadi mangsa jenayah. Saya sering menerima aduan rakyat tentang berlakunya kes jenayah. Malah, sebahagian mangsa jenayah enggan membuat laporan Polis. Persoalan efektif daripada kalangan penduduk timbul apabila laporan yang dibuat kepada pihak Polis tidak memuaskan hati mereka dan digambar sebagai membuang masa tanpa sebarang kesan yang ketara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam hemat perhatian dan pengetahuan saya, bilangan Pegawai Penyiasat di bawah Jabatan Siasatan Jenayah adalah amat tidak mencukupi. Balai Polis di Ayer Baloi, Benut, Kayu Ara Pasong, Pekan Nenas, Permas dan sebuah Pondok Polis di Parit Betak di bawah seliaan IPD Pontian tidak mempunyai Pegawai Penyiasat. Pegawai penyiasat hanya ditempatkan di IPD Daerah Pontian, tetapi perlu menjaga seluruh Daerah Pontian. Kawasannya begitu luas termasuk Pekan Nenas, Kukup sehingga ke Benut. Keadaan yang turut berlaku di IPD yang lain dan usaha memastikan jenayah dapat dirungkai, Pekan Nenas mengusulkan agar dipertingkatkan jumlah Pegawai Penyiasat dan dalam masa yang sama amat moleklah jika setiap Balai Polis dapat disediakan Pegawai Penyiasat tanpa diletakkan cuma di Ibu Pejabat Daerah sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan kes jenayah semakin meruncingkan, untuk memudahkan urusan pihak Jabatan Siasatan jenayah untuk menjalankan siasatan mereka supaya dapat mencapai akar bagi tiap-tiap masalah jenayah setempat, saya rasa bilangan Pegawai Penyiasat perlu ditambahkan. Dan ini menjadikan satu keperluan yang amat mendesak apabila masalah jenayah yang membelenggu rakyat supaya dia dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyeru supaya penyusunan tenaga Polis DiRaja Malaysia merupakan satu asas yang penting, yang ingin saya usulkan. Menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Wan Junaini Tuanku Jaafar, semua keseluruhan pegawai dan anggota dalam organisasi PDRM seramai 112,583 orang. Dan, di antaranya sejumlah 10,150 orang anggota Polis berkhidmat di bawah Jabatan Siasatan Jenayah. Manakala seramai 4,224 orang anggota Polis berkhidmat di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan 1,663 orang berkhidmat di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial. Seramai 16,037 orang iaitu hanya 14.24% daripada jumlah anggota Polis berkhidmat di bawah jabatan yang khususnya telah membanteras jenayah. Peratusan ini perlu ditingkatkan dengan serta-merta untuk membanteras kegiatan jenayah yang semakin meruncing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jika merujuk kepada piawaian yang ditetapkan Badan Interpol, nisbah Pegawai Polis berbanding dengan penduduk adalah 1 bernisbah 250. Di mana, bererti sejumlah 250 orang penduduk dikawal selia oleh seorang Pegawai Polis. Dengan jumlah anggota Polis yang sedia ada, seramai 112,583 berbanding dengan 28 juta penduduk Malaysia. Pihak PDRM telah mencapai taraf piawaian tersebut dengan nisbah 1 dengan 249. Berdasarkan statistik ini, saya yakin bahawa

pasukan PDRM akan berjaya membanteras gejala jenayah dengan *total*nya sekiranya penyusunan tenaga kerja dikaji semula dan dititikberatkan serta difokuskan kepada Jabatan Siasatan Jenayah. Pihak kerajaan perlu mengambil strategi dengan melaksanakan penyusunan semula Polis secara berperingkat supaya peratusan anggota Polis yang berkhidmat di bawah Jabatan yang khusus dalam membanteras jenayah dapat ditingkatkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya beralih kepada pembangunan infrastruktur yang amat dialu-alukan….

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Pekan Nenas, saya setuju sangat dengan saranan Yang Berhormat Pekan Nenas. Bahawa kita memerlukan pasukan Polis. Itu sebab kita kena berterima kasih kepada pihak Polis dan kita kena sokong Polis. Jangan kita kutuk dan fitnah pada Polis ya. Itu sebab penting. Pekan Nenas, terus. Baguslah ucapan tadi. Terus.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya tiada kutuk atau fitnah tetapi saya hanya melihat begitu susah bagi Jabatan Siasatan Jenayah. Dan, dengan izinkan saya beralih kepada pembangunan infrastruktur. Infrastuktur awal adalah pemangkin kemajuan Negeri Johor dan merupakan wadah pembangunan dan kemajuan sesuatu kawasan. Saya ingin mengucapkan tahniah ke atas kemajuan dan pembangunan yang melimpah ruah di bawah gagasan Iskandar Malaysia. Rentetan daripada pembangunan ini, jumlah kenderaan semakin meningkat dalam menggunakan jalan perhubungan di antara Ulu Pulai dengan Pekan Nenas. Jalan Kampung Ulu Pulai mulai menjadi pilihan utama bagi penduduk Pekan Nenas datang balik Johor Bahru sebab dapat menyingkatkan masa dan jarak perjalanan mereka. Walau bagaimanapun, infrastruktur yang sudah sedia ada berada dalam *condition* yang tidak bersesuaian dengan jumlah kenderaan yang menggunakannya. Jalan perhubungan dalam keadaan 2 lorong sahaja telah menyulitkan pengguna terutamanya pada waktu, tiba waktu puncak dan tidak dilengkapi dengan lampu jalan raya yang membahayakan pengguna. Suka saya untuk usulkan pihak kerajaan akan menaiktarafkan jalan Kampung Ulu Pulai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada jalan Kampung Ulu Pulai, perlu diambil perhatian sidang Dewan yang mulia ini, saya juga ingin usulkan Kerajaan Johor akan meningkattarafkan jalan raya yang serupa dapat diimplikasikan ke atas Jalan Sawah. Untuk maklum Dewan sekalian, Jalan Sawah merupakan salah satu jalan utama menghubungkan Pekan Nenas dengan Daerah Kulaijaya. Jalan Sawah yang juga kerap digunakan untuk pergi ke Gunung Pulai dan persimpangan keluar Kulaijaya ke Lebuhraya Utara Selatan. Di sini dapat dilihat, Jalan Sawah merupakan peranan yang cukup *significant* kepada para pengguna. Ia merupakan pintu sempadan kepada Daerah Pontian dengan Kulaijaya dan menghubungkan penduduk ke Gunung Pulai. Maka dengan ini sekali lagi saya ingin mengusulkan supaya Jalan Sawah ini dapat diambil perhatian untuk dinaiktarafkan dengan menjadikan ia jalan 4 lorong bagi kedua-dua arah dan melebarnya serta melengkapkannya dengan lampu jalan supaya ia selari dengan keperluan penduduk setempat serta dapat menjadi pemangkin pembangunan dan kemajuan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rumah merupakan keperluan asas yang menjadi perlindungan dan perteduhan dan tempat menetap kita. Ia juga menjadi hak asasi tiap-tiap individu untuk memiliknya. Ia juga menjamin keselesaan buat kita semua yang bakal melahirkan satu masyarakat yang bertamadun. Pekan Nenas di sini dengan mendukung Titah daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor untuk menggalaskan tanggungjawab kerana rakyat malah Baginda Tuanku turut menyentuh perkara ini iaitu isu harga perumahan di Negeri Johor kini semakin melambung tinggi. Dengan memetik statistik Jabatan Perdana Menteri menerusi kajiselidik pendapatan isi rumah 2012, didapati bahawa purata pendapatan bulanan bagi kumpulan pendapatan terendah 40% adalah hanya RM1847.00 sebulan. Nisbah harga purata rumah berbanding dengan pendapatan isi rumah tahunan…

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya.

Y.B. Datuk Speaker : Tak, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : *Yes*.

Y.B. Datuk Speaker : Tak, *you* duduk

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya.

Y.B. Datuk Speaker : Tak, Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan berjalan-jalan, tak, *you* duduk, jangan berjalan-jalan dalam Dewan ni. Kalau ada keperluan dengan kawan-kawan sebelah, you panggil Pembantu Dewan ni untuk menyampaikan surat ataupun apa, pasal Dewan ni Dewan yang mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat tak boleh merayau-rayau dalam Dewan ni, bangun, duduk, bangun, duduk. Kena hormat sayalah sebagai Speaker, kan, nak bangun ke nak duduk ke dengan kebenaran Speaker bukan boleh suka-suka, ini Peraturan kita, baik kita jaga kemuliaan sebab tu kita sebut Dewan yang mulia, tapi kalau kita jadikan Dewan ni macam pasar, macam kedai kopi, dah tak da lah kemuliaan. Kena jaga tatatertib, kita ada dalam peraturan-peraturan ni, kalau baca surat khabar pun tak boleh apa lagi berjalan-jalan. Yang Berhormat Pekan Nenas, sila. Ucapan yang bagi you teruskan.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, nisbah harga purata rumah berbanding dengan pendapatan isi rumah tahunan yang munasabah iaitu antara 3 sehingga 4 mengikut piawaian yang ditetapkan pada peringkat antarabangsa. Mengikut piawaian ini, bagi kumpulan pendapatan terendah 40% harga rumah mampu milik yang munasabah adalah di antara RM66,000.00 sehingga RM90,000.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah perumahan adalah amat meruncingkan memandangkan harga pasaran perumahan kini khususnya di kawasan bandar dan sekitarnya kian melambung tinggi dan tidak setimpal dengan penduduk rakyat miskin. Memandangkan rumah merupakan keperluan asas bagi kita semua, ingin saya tegaskan di sini sekiranya langkah awal tidak diambil untuk menyelaraskan ataupun

mungkin menyusun kembali harga perumahan di peringkat Johor, takut kelak ia akan membebankan rakyat Johor khususnya dengan bebanan hutang perumahan yang terlalu tinggi akan merencatkan taraf hidup rakyat Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Sila gulung.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, hutang pembelian rumah dan kereta merupakan hutang utama yang membelenggu kebanyakan isi rumah. Menurut Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad bin Maslan, hutang isi rumah kini telah mencecah pada angka RM800 bilion atau sejumlah 89.2% daripada keluaran dalam negeri kasar. Amat jelas di sini, bahawa hutang isi rumah Malaysia kini sudah mencapai tahap yang meruncingkan, nisbah ini *relative* adalah yang paling tinggi berbanding dengan negara serantau. Sekiranya keadaan ini berlanjutan negara kita akan menghadapi krisis ekonomi pada masa yang akan datang. Oleh itu, selari dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, saya berharap agar pihak Kerajaan dapat memastikan pihak pemaju tidak meletakkan harga yang terlalu tinggi untuk mengaut keuntungan semata-mata.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menarik perhatian tentang...

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya.

Y.B. Datuk Speaker : Masa dah cukup, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Boleh izinkan satu minit sahaja.

Y.B. Datuk Speaker : Ok.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Satu minit, saya ingin menarik perhatian tentang projek petrokimia dan maritim, yang akan dilaksanakan di kawasan Tanjung Bin. Projek petrokimia ini akan mendatangkan kesan-kesan negatif terhadap kesihatan, sektor perikanan dan rezeki nelayan di penternak sangkar. Kehidupan nelayan bukanlah senang, sekadar meletakkan jaring menunggu ikan dan udang untuk masuk ke jaring sambil merokok. Mereka adalah golongan miskin tetapi rajin bekerja, mereka terpaksa bangun awal dan bekerja keras di bawah jemuran matahari yang begitu panas, sumbangan mereka perlu dihargai dan masa depan mereka perlu dijaga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, projek petrokimia dan maritim yang dilaksanakan di Tanjung Bin hanya berjarak lebih kurang 10 kilometer daripada Kukup Laut, bahan-bahan toksik yang dilepaskan daripada industri petrokimia akan menjejaskan bidang penternakan ikan di Kukup Laut. Kini, banyak pelancong datang, singgah di *homestay* Kukup dengan tujuan utama menikmati makanan laut. Adakah pelancong berani datang ke Kukup Laut sekiranya projek petrokimia dan maritim ini dimulakan.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak menamatkan ucapan saya dengan saya menyeru supaya semua Wakil Rakyat menghormati Dewan yang mulia ini, janganlah membuat tuduhan peribadi terhadap mana-mana Ahli Dewan yang mulia ini. Pekan Nenas dengan ini meminta supaya tuduhan Skudai rasis perlu ditarik balik sebab dia membawa kesan yang buruk kepada Skudai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan akhirnya saya mengakhiri ucapan menjunjung kasih titah Diraja ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Pekan Nenas, saya persilakan Bukit Permai.

Y.B. Encik Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Hahuzubillah himinassyaitannirajim, bismillah hirrahmannirrahim, subhanakala hilmalana ilamaalamtana innakantalali mulhakim, lahaulawala kuwatailabilahilalihiazim, asalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi laluan kepada saya untuk berucap bagi menyokong rundingan menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Terima kasih juga saya ingin mengucapkan di dalam Dewan yang mulia ini kepada pengundi-pengundi di DUN Bukit Permai dan sangat berbangga mewakili DUN Bukit Permai kerana pada PRU-13 yang baru lalu peratus keluar mengundi bagi Dewan Undangan Negeri Bukit Permai mencecah 90.1% merupakan peratus keluar mengundi.

Y.B. Datuk Speaker : Bukit Permai, duduk dulu. Saya mengalu-alukan pelawat daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Bekok seramai 40 murid dan guru. Jemput Bukit Permai, teruskan.

Y.B. Encik Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya pada hari ini ingin berterima kasih kepada pengundi-pengundi di DUN Bukit Permai dan sangat berbangga mewakili DUN Bukit Permai ini kerana pada Pilihan Raya Umum yang baru lalu peratus keluar mengundi bagi Dewan Undangan Negeri Bukit Permai mencecah 90.1% merupakan peratus keluar mengundi yang tertinggi dari keseluruhan 56 Dewan Undangan Negeri dalam Negeri Johor, ini menunjukkan pengundi-pengundi di Bukit Permai menjadi rakyat Malaysia yang sangat bertanggungjawab dalam menjalankan kewajipan mereka keluar mengundi pada pilihan raya yang baru lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjaga kemuliaan Dewan kita, saya bermohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat menyampaikan ucapan dengan bahasa yang elok supaya apa yang diungkapkan ini tidak disalah ertikan, tidak di, dengan izin *misinterpreted* oleh orang yang mendengarnya. Hari ini, pada Dewan yang mulia ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan polis kerana telah berjaya menurunkan kadar jenayah di Negeri Johor tetapi saya tidak mahu pihak polis mengambil masa yang lama dengan anggota yang ramai untuk menguruskan

jenazah. Pihak polis perlu menguruskan jenayah bukan jenazah, jadi saya minta, perkara-perkara yang nak disampaikan perlulah diperkatakan dengan jelas supaya tidak disalah ertikan oleh orang yang mendengarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selama dua hari kita bersidang ada beberapa isu hangat yang diperkatakan sebelum ini, yang pertama, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat banyak menyatakan tentang kekejaman yang berlaku di Mesir. Saya ingin tegaskan di Dewan yang mulia ini, kekejaman yang berlaku di Mesir juga boleh berlaku di Malaysia sekiranya parti-parti politik di Malaysia ini terus mengamalkan cara politik terlampau ataupun politik ekstrem, dengan membawa budaya fitnah semberono sehingga mengajak rakyat keluar membuat kekacauan dan huru-hara. Saya ingin membawa satu insiden pada 4 hari bulan Mei 2013 pada sebelah malam sebelum rakyat Malaysia keluar mengundi, di mana di bangunan Kerajaan, Pejabat Daerah Kulaijaya yang merupakan Bilik Gerakan Suruhanjaya Pilihan raya telah dikepung, telah dikepung oleh begitu ramai penyokong-penyokong parti politik yang bertanding. Mereka bertindak ganas, cuba memanjat pagar, cuba merempuh masuk, cuba menggeledah Pejabat Kerajaan yang juga Bilik Gerakan SPR, mengeluarkan kata-kata kesat kepada Pegawai Keselamatan, mencarut, maki hamun pegawai-pegawai yang menjaga bangunan itu, kononnya bangunan Pejabat Daerah Kulaijaya ada menyimpan pengundi hantu. Kalau tengok daripada perangai, yang kepung tu serupa hantu, lebih teruk daripada hantu. (Dewan bertepuk tangan). Datuk Pengerusi tetap...

Y.B. Datuk Speaker : Heh, dah Speaker.

Y.B. Encik Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Heh, pengerusi tetap pula, Datuk, Yang Berhormat Datuk Speaker,

Y.B. Datuk Speaker : Oktober nanti kita jumpa. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Orangnya sama, Yang Berhormat Datuk Speaker, contoh yang saya bawa tadi adalah contoh bibit-bibit kekejaman yang didalangi oleh parti politik yang tidak bertanggungjawab dan kalau perkara macam ini tak boleh dibendung, Malaysia akan jadi seperti Mesir satu hari nanti. Sebab itu, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili parti politik, yang juga Ahli Dewan tolong main peranan penting mengajar rakyat, mengajar penyokong supaya tidak kejam, supaya tidak menzalimi sistem demokrasi yang kita dukung bersama selama ini, mudah-mudahan apa yang berlaku di Mesir itu tidak berlaku di Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara kedua yang saya ingin sampaikan dalam Dewan yang mulia ini iaitu berkenaan dengan Perenggan 6. Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang banyak disebut oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat iaitu perenggan ini menyebut masa untuk kempen politik telah pun selesai. Sekarang adalah masa untuk bekerja. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, perenggan ini panjang. Balik-balik yang dibaca ayat itu sahaja. Sepatutnya Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini dibaca sepenuhnya. Perenggan itu perlu dibaca sampai habis, bukan dua ayat itu sahaja.

Saya ulang Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan, masa untuk kempen politik telah pun selesai sekarang adalah masa untuk bekerja. Kepentingan rakyat hendaklah diutamakan berbanding kepentingan peribadi atau parti politik. Suara dan kehendak rakyat harus disalurkan dengan betul dan tertib bukan dengan cara protes yang biadab atau menganjurkan demonstrasi jalanan. (Dewan bertepuk).

Jadi perenggan ini perlu dibaca penuh. Jadi daripada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini cukup jelas, terang dan sangat nyata. Yang perlu diutamakan adalah rakyat yang tertib. Kalau rakyat ini suka demonstrasi jalanan, biadab kita tidak perlu utamakan rakyat yang sebegini. Itu maksud Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, rakyat ini ada dua kategori dalam pemerhatian saya. Yang pertama, rakyat yang jujur, setia. Rakyat yang ikhlas, yang ingin melihat tamadun Bangsa Johor yang dibina dengan sejarah hebat beratus tahun terus bertahan, terus terpelihara dan menjadi aman, makmur bertambah berkat dan nikmat. Yang kedua, kategori rakyat yang tidak ikhlas, tidak setia menunggu peluang untuk melihat tamadun Bangsa Johor ini runtuh, bagi mereka bangkit membina tamadun baru dan menghapuskan sejarah silam. Jadi sebagai kerajaan saya menyeru, Kerajaan Johor hari ini harus menilai rakyat ini dengan betul dan tepat, yang mana satu intan yang mana satu kaca. Jangan kita samakan semua sahaja, ada dua kategori jadi tolong pilih yang betul. Pilih yang bernilai, yang intan itu dipilih, dijaga rapi, disusun atur dengan baik dikilatkan intan itu dan kaca itu dibiarkan ke tepi.

Datuk Speaker, saya harap kerajaan hari ini perlu mengutamakan kepentingan kepada rakyat yang kategori pertama itu tadi supaya tamadun Bangsa Johor yang kita sama-sama nikmati hari ini terus dipelihara dan dapat diwarisi kepada anak cucu kita di masa akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada lagi satu perkara yang seronok diperkatakan oleh Ahli-Ahli Dewan sebelum ini iaitu berkenaan dengan peruntukan. Soal peruntukan ini saya tak nak ulas panjang. Cuma, saya ingin memberi satu pantun; Dari Parit Raja pergi ke Pengerang, Singgah di Kukup Membeli Ikan, Bukan Senang Bila Dah Menang, Ini kalilah tak ada JPMM dan Peruntukkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang paling penting saya nak bercakap soal perpaduan Bangsa Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Tak pantun tu tadi tak jelas saya, cuba ulang lagi.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Boleh, boleh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Pasal sebut Parit Raja tu, suka saya dengar.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Jiran saya. Dari Parit Raja pergi ke Pengerang, Singgah di Kukup Membeli Ikan, Bukan Senang Bila Dah Menang, Ini kalilah tak ada JPMM dan Peruntukkan. Jelas Yang Berhormat Datuk Speaker?

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, terima kasih. Teruskan.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Datuk Speaker,

Y.B. Datuk Speaker : Tapi masa tak tambah. Teruskan. (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Soal perpaduan Bangsa Johor amat penting seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu, Muafakat Johor. Muafakat Johor ini penting tetapi perlu ada medium ataupun perkakasan bagi mencapai matlamat ini. Kita tidak boleh bercakap sahaja, Muafakat Johor, Muafakat Johor. Tetapi, apakah medium untuk menghasilkan Muafakat Johor itu. Negeri Johor ini yang kaya aman makmur, ada gunung, ada sungai, ada laut, ada hasil bumi dan berbagai lagi, umpama kereta Ferrari tiga *sitter*. Kalau dua *sitter* susah contoh saya ini. Ferrari ada tiga tempat duduk. Orang Melayu duduk satu, orang Cina duduk satu, orang India duduk satu. Ferrari ini hebat, tayarnya hebat, enjinnya hebat tetapi tidak ada petrol, Ferrari ini tidak boleh bergerak. Begitu juga dengan Negeri Johor, kita ada Melayu, ada Cina, ada India. Ada hasil bumi ada segala-gala tetapi apakah medium yang kita nak gunakan supaya hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar wujudkan Muafakat Johor ini dapat dihasilkan, dapat dinikmati oleh semua bangsa yang ada dalam Negeri Johor ini.

Justeru, Bukit Permai ingin mencadangkan supaya kita kembalikan keagungan tulisan jawi agar digunakan dalam semua urusan rasmi, surat menyurat daripada Pejabat MB, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat EXCO Kerajaan Negeri, PTG, Pejabat Daerah, Majlis Tempatan, PBT dan segala macam jenis pejabat di bawah urus tadbir Kerajaan Negeri perlu menggunakan tulisan jawi.

Asas kepada cadangan saya ini:

1. Untuk menyahut Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

   Perenggan 41, iaitu memperkukuh pendidikan Sekolah Agama Johor. Hari ini kita hendak memperkukuh sistem Sekolah Agama Johor. Kita kata Sekolah Agama Johor hebat. Kita menyediakan murid yang ramai. *Resourses* yang cukup. Tetapi, apakah keistimewaan pelajar-pelajar dari Sekolah Agama Johor selepas tamat persekolahan. Yang ada Sijil Sekolah Khas, ke mana mereka nak pergi? Apa hebatnya Sekolah Agama Johor? Kalau kita tidak menyediakan ruang dan peluang kepada mereka untuk mempergunakan ilmu yang mereka pelajari di Sekolah Agama. Sebab itu apabila kita menggunakan urusan rasmi kerajaan dengan tulisan jawi maka kita ada kepakaran yang cukup tinggi dalam menguasai tulisan jawi, ini hasil daripada Sekolah Agama Negeri Johor.

2. Kita boleh membangunkan berbagai sistem-sistem baru komputer dalam bentuk tulisan jawi, menghasilkan peluang. Orang Cina pandai menjual komputer, pandai membangunkan program, orang India pandai membuat program orang Melayu pandai jawi akhirnya wujud satu syarikat Cina ada, India ada,

Melayu ada. Wujud Muafakat Johor, jadi yang ini Yang Berhormat yang kedua. Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kedua asas.

Y.B. Datuk Speaker : Sila gulung, sila gulung.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Saya tidak boleh gulung sekarang Yang Berhormat Datuk Speaker, ini penting. Ini untuk pembangunan Negeri Johor. Saya minta ampun sempena Syawal yang mulia ini dari hujung rambut hingga hujung kaki, tambahlah masa. Tolong, saya tidak boleh gulung di sini.

Y.B. Datuk Speaker : Minta ampun tak selesai masalah. Gulung tetap gulung.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Tak boleh, tergantung isu saya ni Yang Berhormat Datuk, minta tambah sikit lagi. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Speaker : Sila.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih. Yang kedua asas tulisan Jawi itu, iaitu memperkukuh semangat kejiranan, semangat persahabatan setia kawan di kalangan komuniti penduduk. Kerana apa, apabila Majlis Perbandaran mengeluarkan notis, hantar rumah ke rumah, pasti ada kawan-kawan kita, jiran-jiran yang Cina tak faham. Mereka akan mencari jiran-jiran Melayu, ini surat Majlis cakap apa? Ini denda sebab buat *renovation* tak hantar pelan ke atau minta cukai harta. Jadi, yang Melayu boleh terangkan daripada situ, surat ini berkata begini, begini, begini. Daripada situ timbul persahabatan orang Cina baik dengan orang Melayu sebab nak faham surat kerajaan sahaja. Sekarang ini tak ada sebab jiran Cina nak pergi rumah jiran Melayu, tak ada sebab. Dia boleh hidup sendiri, dia boleh dengan cara dia, orang Melayu cara orang Melayu, orang Cina cara orang Cina, tak ada sebab nak berhubung. Jadi kita kena wujudkan perhubungan, dulu baru boleh ada Muafakat Johor.

3. Apabila kita mengadakan semua urusan dalam tulisan jawi, kita juga membuka ruang kepada anak-anak Johor untuk bekerja dengan syarikat-syarikat asing yang berniaga di Negeri Johor. Hari ini syarikat-syarikat luar yang berniaga di Negeri Johor, mereka tidak pentingkan langsung Bahasa Malaysia. Kalau kita tengok iklan-iklan kerja. Keutamaan diberi kepada mereka yang fasih berbahasa Inggeris dan Mandarin. Berniaga di Malaysia tetapi kalau urusan Pentadbiran Kerajaan dibuat dalam tulisan jawi pasti iklan itu berubah yang fasih Bahasa Inggeris dan mahir Jawi dan Mandarin, tiga. Jadi, semua bangsa dapat rebut peluang dengan syarikat-syarikat asing yang melabur di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara yang penting juga yang sering diperkatakan tentang rumah kos rendah. Yang saya nak bawa di sini.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, ini yang terakhir.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Tak boleh, Datuk Speaker minta tolong.

Y.B. Datuk Speaker : Tak boleh, saya gunakan kuasa.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Minta ampun Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Masa, soal masa.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Ya, ya. Penting, ini penting, penting. Ini penting.

Y.B. Datuk Speaker : Kata tadi kita Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Kalau kita baca semua itu antaranya penghormatan kita pada masa Yang Berhormat. Jangan cakap tak serupa bikin. (Dewan ketawa). Jemput, saya bagi seminit.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam sibuk kita memperkatakan rumah kos rendah jangan lupa. Jangan terlepas pandang tentang kedai kos sederhana rendah. Kita tidak hendak bandar-bandar baru yang wujud dalam Negeri Johor ini menjadi bandar satu bangsa. *China Town* Kulai, saya tak nak. Kita kena pastikan yang meniaga juga ada orang Melayu, orang Cina, orang India sebab kita nak cakap pasal Muafakat Johor itu tadi. Jadi, kedai kos sederhana rendah ini jangan diambil enteng. Kerajaan perlu kejar pemaju-pemaju yang cuba curi ayam dengan mengabaikan pembinaan kedai-kedai kos sederhana rendah dan meletakkan di hujung projek pembangunan mereka.

Yang kedua, saya berasa yakin kerajaan perlu menghapuskan sama sekali syarat yang membolehkan pemaju membayar *levi* kepada pelepasan lot-lot bumi untuk premis kedai dan kedai pejabat yang tidak terjual. Masalahnya bukan Bumi tak hendak beli Yang Berhormat Datuk Speaker, masalahnya harga terlalu mahal. Kita ada anak syarikat, kita ada PKEINJ, kita ada JCOPRP, PRESIND, MARA, UDA bagi lot-lot kedai Bumi yang terletak di bandar-bandar besar di kawasan strategik saya minta agensi-agensi beli. Agensi-agensi kerajaan yang ada ini beli, tidak ada lagi *levi* pelepasan lot Bumi kepada kedai-kedai yang tidak terjual. Dan seterusnya...

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Satu lagi, Datuk Pengerusi, Datuk Speaker, pembangunan yang sedang berjalan. Saya minta kalau pemaju-pemaju yang sedang *on going project* belum buat kos sederhana rendah, kerajaan tangguhkan dulu, segala bentuk permohonan kelulusan daripada pemaju tersebut, kita *pending* dulu pastikan mereka buat aku janji, komitmen untuk bina kedai kos sederhana rendah baru kita lepaskan permohonan.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Permai.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Bukit Permai, Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Bukit Permai mohon menyokong.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Jementah.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Selamat pagi dan selamat sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Jementah ingin mengucapkan, merakamkan setinggi-tingginya penghargaan saya kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah memberi Ucapan Titah pada Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri yang Ke-13 yang diadakan pada 15 Ogos yang lalu.
Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi-pengundi kawasan Jementah yang telah memberi mandat kepada Jementah pada pilihan raya yang lalu untuk mewakili mereka dalam Dewan yang mulia ini. Ini merupakan satu pengiktirafan kepada Jementah dan juga misi, visi perjuangan parti DAP dalam negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi. Saya akan menjalankan tanggungjawab saya dengan ikhlas, jujur dan sedia berkhidmat kepada semua lapisan masyarakat kawasan DUN Jementah, dalam tempoh saya menjadi wakil mereka seperti yang diucapkan dalam Titah Tuanku, perenggan yang ke-5. Dan saya *quote*, suka saya ingatkan di sini kepada semua Ahli Dewan Negeri Johor supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan jujur, ikhlas dan beretika.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sejak kemerdekaan negara kita komposisi rakyat negara kita adalah terdiri dari lapisan masyarakat yang berbilang kaum. Kita berbeza dari segi agama, budaya, adat dan bentuk cara hidup. Kita harus faham ini adalah satu kelebihan dan bukannya satu kekurangan kepada negara kita. Hak-hak rakyat yang berbilang kaum ini telah termaktub dalam Perlembagaan kita. Ia dipelihara dan harus dihormati oleh semua pihak dan tidak boleh dipertikaikan kecuali hasrat rakyat telah berubah dan berharap untuk membuat pemindaan terhadap Perlembagaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memang tidak boleh dinafikan bahawa Kerajaan selama ini mengamalkan polisi yang sentiasa menjalankan usaha dan rancangan untuk memupuk perpaduan yang lebih erat di antara rakyat kita. Ini satu usaha yang baik, tetapi apa yang kita lihat hakikatnya ialah polarisasi antara kaum di negara kita, semakin hari semakin serius. Mengapakah, apa yang diusahakan oleh pihak Kerajaan selama ini tidak menepati sasaran perpaduan, malahan semakin seriusnya polarisasi antara kaum. Bukankah ini menyatakan bahawa pihak Kerajaan harus mengkaji semula polisinya dan juga aspek perancangan dan pelaksanaannya, dan juga haruslah pihak Kerajaan mengambil tindakan terhadap puak-puak ekstrimis yang cuba membangkitkan isu perkauman atau agama untuk kepentingan politik peribadi dan parti-parti tertentu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang perlu dibuat untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum? Jementah percaya nilai-nilai *add core value,* dengan izinnya seperti yang berikut adalah amat penting:

1. Hormat menghormati antara satu sama lain dari segi agama, bahasa, budaya, adat tradisi dan bentuk cara hidup.

2. Menjaga hak asasi manusia setiap warga rakyat.
3. Melaksanakan dasar tindakan *affirmative* berdasarkan kepada sosioekonomi rakyat dan keperluan rakyat.
4. Adil dan saksama kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang mereka.
5. Jangan ada *double standard* bila Kerajaan menjalankan tindakan undang-undang terhadap mereka yang sengaja atau memprovokasikan isu perkauman dan isu bahasa. Kita menyokong Kerajaan mengambil tindakan undang-undang kepada golongan seperti alvivi. Tindakan mereka tidak boleh dibenarkan tetapi kita tidak nampak kenapa tindakan undang-undang tidak diambil terhadap kumpulan-kumpulan seperti PERKASA yang telah mengancam untuk membakar…..

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat kita tak boleh membuat tuduhan seperti itu, pasal …

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ini adalah pendapat saya …

Y.B. Datuk Speaker : Setakat ini tak ada bukti, jadi …

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat

Y.B. Datuk Speaker : Dan PERKASA tak boleh membela diri.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Saya akan siasatlah. Jementah amat percayai sekiranya nilai-nilai ini diamalkan maka perpaduan rakyat akan tercapai dan negara kita amat tenteram dan maju.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penjawat awam adalah barisan paling ke hadapan daripada pihak Kerajaan dalam menguruskan hal ehwal kepentingan rakyat. Penjawat awam memberi sumbangan yang cukup bermakna kepada rakyat, masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, adalah harus diingati bahawa gaji penjawat awam adalah dibayar oleh rakyat sebagai pembayar cukai. Oleh sebab itu, penjawat awam mesti menjalankan tugas mereka dengan memberi khidmat yang sebaik-baik mungkin kepada rakyat secara profesional, adil dan saksama. Janganlah penjawat awam melibatkan unsur-unsur politik semasa menjalankan tugas. Biarlah perkara-perkara politik ditangani oleh politikus. Penjawat awam haruslah pihak yang neutral dengan mengetepikan fahaman politik. Tidak menyebelahi mana-mana pihak semasa menjalankan tugas mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyentuh isu penjawat awam kerana telah berlakunya satu kes yang berunsur politik di Segamat. Semasa Majlis Daerah Segamat, penjawat awam Majlis Daerah Segamat menjalankan tugas memberi saman kepada peniaga-peniaga yang meletakkan barang-barang jualan di kaki lima tempat niaga di Pasar Awam Segamat pada 26 Jun yang lalu, iaitu sejurus Pilihan raya Yang Ke-13. Saya telah dimaklumkan bahawa ada penjawat awam mengeluarkan kata-kata seperti berikut dan saya *quote* semasa menjalankan tindakanlah. "Kau orang mahu ubah, saya juga mahu ubah, saya mahu kau orang kenal siapa saya ini."

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkataan ubah ini kita faham. Apakah niatnya penjawat awam tersebut? Ubah adalah slogan yang digunakan oleh Pakatan Rakyat semasa Pilihan raya Yang Ke-13. Dan, tidak perlu saya ulaskan dengan panjang lebar. Tindakan penjawat awam ini adalah walaupun dibenarkan dari segi undang-undang tetapi tidak boleh dinafikan ia adalah satu tindakan yang berunsur politik, balas dendam terhadap mereka yang menyokong ubah, menyokong Pakatan Rakyat. Tingkah laku penjawat awam tersebut amat angkuh dan memberi mesej yang cuba menakut-nakutkan kepada mereka yang memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat. Ini adalah satu tindakan yang tidak menghormati hak pilihan rakyat yang sudah termaktub dalam Perlembagaan kita yang tidak boleh dipertikaikan lagi.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat kalau kita buat tuduhan, bolehlah. Perkataan ubah orang ini boleh cakap, yang ini orang tak boleh cakap.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak teruskan…

Y.B. Datuk Speaker : Kita tak tahu agak peniaga itu melanggar undang-undang, peraturan. Duduklah, kalau saya bercakap ni. Mungkin agaknya peniaga itu melanggar peraturan, jadi pegawai yang berkenaan menjalankan tugas untuk menjalankan peraturan, jadi kalau kita tuduh di sini dan beliau tak dapat nak membela diri. Sepatutnya makluman itu kepada Ketua Pejabat pada ketika itu…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker,

Y.B. Datuk Speaker : Skudai duduklah, saya tengah bercakap ini, you nak jadi juara apa ni. Saya tengah bercakap ni.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sebagai Datuk Speaker sila sebutkan Y.B. Jementah ini melanggar mana satu Peraturan Tetap.

Y.B. Datuk Speaker : Peraturan Tetap cuma ada …

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Faham tak Datuk Speaker? Balik rumah baca Peraturan Tetap dahulu……

Y.B. Datuk Speaker : Saya tak cakap secara umum. Ini ada Peraturan dan 5, 6 kali saya baca Peraturan ini, ada …

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang mana satu Peraturan Tetap yang boleh menyekat...

Y.B. Datuk Speaker : Saya ni memberikan nasihat supaya jangan kita membuat tuduhan yang seperti itu. Kalau kita asyik menuduh, menuduh aje tak selesai masalah. Saya suka dengar pandangan-pandangan baik, macam Pekan Nenas. Pandangan-pandangan baik macam ni kita terima ya. Tidak ada sesuatu yang boleh menyakitkan hati orang mendengar, kalau benda ini rekod untuk dengar kepada orang lain, jadi

dia tak ada peluang nak menjawab. Saya cuba memandu Dewan ini kepada perkara-perkara kebaikan, itu saja. Jemput, teruskan.

Y.B. Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya Peraturan 45 (13), saya tak puas hati kerana Skudai suruh Datuk Speaker baca balik semula benda ini, sedangkan Datuk Speaker dah baca banyak kali betul tak?

Y.B. Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Mendatang sangka buruk.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Jementah telah beri surat kepada Majlis Daerah Segamat.

Y.B. Datuk Speaker : Itu tindakan yang sepatutnya.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Supaya satu siasatan terperinci diadakan terhadap perkara ini dan diharapkan diberikan penjelasan. Tetapi sehingga kini belum ada sebarang maklum balas daripada Majlis Daerah Segamat. Saya amat berharap pihak Kerajaan Negeri dapat memberi satu penjelasan terhadap peristiwa ini. Sebagai Wakil Rakyat, saya juga ingin menyeru semua penjawat awam supaya menjalankan tugas mereka dengan meletakkan kepentingan rakyat diutamakan dan bukannya kepentingan peribadi atau mana-mana parti politik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebuah Kerajaan yang berkeprihatinan dengan suara rakyat harus peka terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat dan melancarkan polisi dan strategi pembangunan yang berkaitan untuk meringankan beban rakyat supaya wujudnya satu masyarakat yang lebih maju, harmoni, aman dan damai. Kerja sebuah Kerajaan untuk membangunkan negara mestilah disokongi dan kepentingan rakyat tidak harus dipinggiri.

Pendidikan yang berkualiti, pekerjaan dengan alam sekitar yang bersih dan pendapatan yang lumayan. Perumahan yang harga berpatutan, kos perubatan yang di mampu bayar dan hidup bersara warga emas yang selesa merupakan aspek-aspek yang mesti dititikberatkan. Strategi-strategi dan polisi-polisi harus dikaji semula dan diperhalusi daripada suatu masa ke semasa supaya ianya lebih realistik dengan hala tuju perkembangan yang terkini dan menepati tujuan pembangunan negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mempunyai sebuah rumah adalah hasrat semua rakyat supaya dapat mendirikan rumah tangga dan dapat hidup dalam suatu suasana yang lebih selesa dan nilai-nilai etika keluarga dapat diwariskan kepada generasi yang akan datang. Tanpa sebuah rumah, keluarga yang merupakan unit yang paling asas dalam memilih sebuah negara akan menghadapi risiko keruntuhannya dan seterusnya akan menjadi satu isu yang boleh mencetuskan ketidakstabilan masyarakat di negara kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rakyat Johor sedang menghadapi tekanan hidup yang tinggi ekoran daripada harga rumah yang melambung tinggi. Jawapan Menteri Besar dalam *survey* Suara Hati telah mengesahkan bahawa isu perumahan adalah perkara yang paling diambil perhatian oleh rakyat Johor. Saya telah difahamkan harga rumah di Negeri Johor telah meningkat satu kali ganda dalam lingkungan masa 3 tahun kebelakangan ini. Ini bermaksud, harga rumah meningkat pada tahap lebih kurang 24% setahun. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di kawasan bandar, tetapi juga berlaku dengan ketaranya di kawasan *semi urban area*, dengan izinnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, diharap harga rumah di JB, saya difahamkan satu rumah teres 2 tingkat dengan keluasan 1,540 kaki persegi, di Mount Austin mencatat harga RM520,000, bermaksud RM338.00 sekaki persegi. Ada juga harga kondominium yang lebih dahsyat lagi!

Y.B. Datuk Speaker : Berapa Yang Berhormat? Sekaki, sekaki persegi berapa?

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Lebih kurang RM338.00 sekaki.

Y.B. Datuk Speaker : RM33.00?

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : RM338.00, sekakilah.

Y.B. Datuk Speaker : Teruskan.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Saya juga difahamkan, kondominium, harganya lebih kurang RM1 juta.

Y.B. Datuk Speaker : Berapa luas?

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Lebih kurang 1,250 kaki persegi.

Y.B. Datuk Speaker : Teruskan.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Dan, rumah teres di kawasan perkampungan. Di kawasan pekan, di tempat tinggal saya, di Gambir, sekarang sudah melonjak sampai RM350,000.00 sebuah rumah berbanding dengan RM164,000.00, 5 tahun yang lalu. Ini menunjukkan harga rumah sudah sangat tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun ada banyak pihak yang menyatakan negara kita mengamalkan sistem ekonomi yang bebas pasaran dan rumah-rumah ini diberi atas dasar permintaan dan bekalan, dengan izinnnya, *supply and demand*. Dan harga ditentukan oleh harga pasaran, inilah retorik kapitalis yang tidak berperikemanusiaan.

Y.B. Datuk Speaker : Sila gulung, Jementah.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Sebenarnya ini terjadi kerana unsur spekulasi. Datuk Speaker, boleh bagi 2 minit lagi?

Y.B. Datuk Speaker : Ok.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Unsur spekulasi oleh sesetengah pihak yang membeli rumah sebagai pelaburan untuk mengaut keuntungan semata-mata. Kesan sampingannya ialah banyak pemaju-pemaju perumahan akan mengikut langkah dengan meningkatkan harga rumah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan spekulasi pelabur yang semata-matanya untuk membeli rumah untuk mengaut keuntungan, yang membawa impak peningkatan harga rumah? Jementah juga ingin tahu, apakah semua tapak-tapak dan harga tawaran projek perumahan kos sederhana dan rendah atau projek rumah mampu milik yang sedang atau akan diusahakan oleh Kerajaan Negeri untuk memenuhi permintaan rumah yang semakin meningkat?

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini saya juga menerima aduan berkenaan dengan harga elektrik yang meningkat, setelah penukaran meter daripada meter analog kepada meter digital lah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin tahu sama adakah ini dibenarkan daripada segi undang-undang, tindakan TNB? Atau ia hanya satu tindakan unilateral yang dijalankan oleh pihak TNB? Ini perlu diperjelaskan dengan lebih terang lagi supaya penduduk-penduduk dan rakyat-rakyat faham apakah yang sebenarnya berlaku. Saya menyeru Suruhanjaya Tenaga sebagai satu badan berkanun yang bertanggungjawab untuk memastikan bekalan elektrik yang disalurkan kepada pengguna dengan harga yang berpatutan, memberi perhatian terhadap perkara ini dan mengambil tindakan di bawah undang-undang yang dibenarkan untuk menyemak sama ada tindakan TNB untuk menukar meter analog kepada meter digital dibenarkan berlaku secara unilateral tanpa pemantauan daripada pihak yang ketiga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekarang saya masuk penggulungan. Yang Berhormat Datuk Speaker, perpaduan antara kaum adalah amat penting untuk memastikan negara kita terus maju, makmur dan Jementah berharap nilai-nilai yang disarankan oleh Jementah diambil perhatian oleh semua pihak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pilihan raya sudah berlalu dan rakyat telah membuat pilihan mereka dan kita harus menghormati pilihan mereka. Saya menyeru semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dan juga penjawat-penjawat awam, marilah kita bekerjasama berkhidmat untuk kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah harga rumah juga mesti diambil berat. Dan saya berharap pihak Kerajaan mengambil usaha dan rancangan-rancangan yang seterusnya untuk menurunkan harga rumah yang melambung tinggi, yang tidak dapat ditanggungkan oleh pemuda-pemudi kini yang telah berlepasan universiti. Gaji mereka tidak banyak, RM2,000 lebih, macam mana nak beli satu rumah, yang, dengan harga yang begitu tinggi? Saya minta Kerajaan Negeri menjalankan usaha yang baik, untuk semua.

Y.B. Datuk Speaker : Ok..

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Sekiannya, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.
Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat Jementah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan sementara Persidangan ini. Kita sambung pukul 12:00 tengah hari nanti.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:00 tengah hari.

Persidangan diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jurutulis : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, disambung semula perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat Tiram.

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana telah pun dilantik menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Johor bagi penggal ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dah penggal ketiga dalam Dewan ini. Jadi bila penggal ketiga, cakap *slow-slow* sikitlah. Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang baru, kerana diberi kepercayaan mengetuai pentadbiran Negeri Johor. Saya juga penuh yakin kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang baru yang mengadunkan mereka yang berpengalaman dengan tenaga muda yang baru serta berkelayakan. Pengalaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa berada di Pusat merupakan satu kelebihan kepada Kerajaan Barisan Nasional Johor untuk meneruskan tradisi membela rakyat dan pembangunan yang bersifat menyeluruh yang selama ini menjadi pegangan kepada Kerajaan Barisan Nasional di Johor semenjak sekian lama. Dan terima kasih juga saya ingin ucapkan kepada rakyat Johor yang majoritinya masih menyokong Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas. Yang tersilap sokong, atau terpedaya dengan janji-janji manis yang tidak munasabah dan terpedaya dengan fitnah yang menjijikkan, baliklah ke pangkal jalan. Masih, masih ada ruang untuk kita

membuat perubahan, kepada yang sememangnya telah terbukti baik dan mampu membela rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum keputusan pilihan raya yang lepas, dalam tempoh kempen pilihan raya, ramai juga terpedaya seolah-olah, jika Kerajaan Barisan Nasional menang lagi, maka akan hancurlah negara kita ini, akan hancurlah negeri kita, bertambah teruklah negeri kita ini. Namun begitu, alhamdulillah Yang Berhormat Datuk Speaker, setelah Kerajaan Barisan Nasional menang, dan meneruskan pemerintahan di negeri yang bertuah ini dan di negara kita, tidak berlaku sebarang musibah besar kepada negara. Malah rakyat masih boleh hidup aman dan damai, serta menikmati pelbagai peluang untuk menjana pendapatan dan menikmati kehidupan yang lebih baik. Kerajaan memang sentiasa ingin memastikan keamanan dalam negara kita. Kalau wujudnya atau berlakunya perkara-perkara yang boleh mencetuskan huru-hara, sudah tentulah ianya bukan dari Kerajaan. Ianya mungkin adalah disebabkan oleh adanya pihak-pihak tertentu atau pun ada pihak yang menggunakan rakyat untuk mencapai agenda masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cuma yang mengecewakan saya sedikit, bukan hanya saya, saya rasa, yang mengecewakan ramai di antara kita juga, ialah pada kali ini, mungkin hanya ada beberapa orang sahaja wakil daripada masyarakat Tionghua yang berada bersama barisan penyokong Kerajaan. Ini bukanlah kehendak Kerajaan Barisan Nasional kerana selama ini kita memang amat komited kepada perkongsian kuasa yang melihat semua kaum mempunyai suara dalam Kerajaan. Tapi ianya mungkin, disebabkan atau pun menjurus kepada kehendak pengundi yang mungkin pada ketika itu tidak berfikir panjang mengenai implikasi keputusan yang mereka buat, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin merakamkan ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang bertegas dengan budi bicara Baginda mahukan sekurang-kurangnya seorang wakil daripada masyarakat Tionghua dalam Kerajaan yang akan membantu menyuarakan hasrat masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tadi Jementah membangkitkan soal polarisasi kaum yang dilihat semakin serius dalam negara kita ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya, ini antara sebab ataupun wujudnya polarisasi kaum yang katanya jurangnya semakin luas dalam negara kita. Pada sayalah bukan disebabkan oleh Kerajaan Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana kerajaan selama ini telah pun berusaha pelbagai cara. Kita Perdana Menteri dengan 1Malaysianya, kita wujudkan jabatan, kita wujudkan satu program supaya masyarakat bersama-sama dalam negara kita ini dalam semua aspek kehidupan.

Namun begitu, ada pihak-pihak tertentu yang mewujudkan perasaan tidak puas hati setengah kaum kepada Kerajaan yang ada pada hari ini sehingga akhirnya kita tengok trend pengundian dalam pilihan raya lepas memang mengecewakan kita. Cakap terus teranglah, kerana apa diwujudkan satu perasaan seolah-olah bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini tidak mengambil berat soal kebajikan, soal mungkin yang berkaitan dengan pendidikan dan sebagainya terhadap suatu kaum.

Saya ambil contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam isu pendidikan, dalam pilihan raya lepas di kawasan sayalah terutamanya, ada pihak-pihak tertentu yang berceramah seolah-olah Kerajaan yang ada pada hari ini zalim. Tidak mempedulikan apa tu mendiskriminasikan pendidikan Sekolah Jenis Kebangsaan dan sebagainya. Sedangkan Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam penyusunan semula sistem pendidikan yang berlaku pada hujung tahun 1990-an waktu itu, kita ada sekolah Inggeris, kita ada sekolah Cina, kita ada sekolah Tamil, kita ada sekolah Melayu. Tapi, Kerajaan mengambil keputusan pada waktu itu menghapuskan, meniadakan sekolah Inggeris. Meniadakan sekolah Melayu tetapi mengekalkan sekolah jenis kebangsaan Cina, mengekalkan sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Kerajaan mewujudkan sekolah kebangsaan. Sekolah kebangsaan Yang Berhormat Datuk Speaker, bukan untuk orang Cina, untuk orang Melayu, orang India ataupun untuk bangsa tertentu tetapi ianya untuk semua. Semua penuntut yang terdiri daripada berbilang bangsa. Siapa yang pergi ke sekolah kebangsaan dia akan dapat nikmat yang sama. Sama ada ianya orang Melayu, orang Cina ataupun orang India. Yang berkorban pada ketika itu, saya rasa ialah orang Melayu kerana apa sekolah Melayu ditiadakan langsung dan wujud sekolah kebangsaan yang diberi kepada semua masyarakat dalam negara kita ini Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi, sebenarnya sekolah jenis kebangsaan, saya pernah bercakap sebelum ini, sekolah jenis kebangsaan sama ada sekolah jenis kebangsaan Cina ataupun Tamil, tak wujud dalam negara-negara lain, Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita pergilah ke negara Eropah ke, ataupun ke Australia ke, ke New Zealand ke, kita tak kan jumpa sekolah Melayu di sana, kita tak kan jumpa sekolah Cina di sana, kita tak kan jumpa sekolah Tamil di sana termasuklah di negara jiran kita Singapura pun tak wujud, Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi kadang-kadang persepsi yang digambar, yang diwujudkan oleh pihak-pihak tertentu ini yang menyebabkan polarisasi kaum ini makin lama makin merebak Yang Berhormat Datuk Speaker. Bukan salah Kerajaan.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, itu baru satu dua perkara, sebenarnya banyak lagi perkara yang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu yang akhirnya wujudnya persepsi negatif pada pihak Kerajaan. Sedangkan saya rasa Kerajaan yang ada pada hari ini telah pun berusaha bersungguh-sungguh untuk pastikan perpaduan di kalangan masyarakat kita akan dapat kita perkukuhkan atau kita perkukuhkan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin merakam ucapan terima kasih kepada bekas Menteri Besar Johor yang telah pun memimpin Johor selama 18 tahun dan telah banyak mencurahkan bakti dan jasa kepada rakyat Negeri Johor. Banyak pembangunan yang berlaku dalam tempoh 18 tahun tersebut. Termasuklah dari sudut agama, budaya dan juga menyediakan keselesaan kepada rakyat termasuklah penyediaan rumah kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Kita dapat melihat dalam tempoh tersebut, wujud banyak perumahan rakyat seperti di Stulang, Tebrau, Skudai, Bakar Batu, Tampoi dan lain-lainnya. Ini disebabkan keprihatinan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat untuk membantu golongan berpendapatan rendah di Johor. Namun begitu, mungkinlah disebabkan keghairahan pemaju membangunkan projek perumahan bertaraf mewah sejajar dengan lonjakan nilai hartanah di Johor Bahru khususnya telah menyebabkan penawaran dan bekalan terhadap rumah yang

mampu dimiliki telah pun terjejas. Sehubungan dengan itu, saya memang juga amat mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memberi fokus kepada pembinaan rumah mampu milik untuk rakyat di Negeri Johor. Dan memanglah tindakan tegas perlu diambil pada pemaju yang sengaja tidak mahu membina rumah murah seperti yang disyaratkan dalam projek mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembinaan projek perumahan rakyat ataupun PPR untuk disewa juga semakin banyak terbina, namun begitu saya dapati bahawa pengurusannya selama ini tidaklah begitu memberangsangkan. Pengurusan rumah PPR Tebrau, Cendana, Tampoi, Stulang dan lain-lain boleh kita pertingkatkan demi keselesaan penduduk. Sehubungan dengan itu, memang telah sampai masanya sebuah badan pengurusan dan pembangunan rumah awam Johor diwujudkan seberapa segera. Dan ianya tidak lagi diuruskan oleh cawangan perumahan SUK yang mempunyai kekangan dari segi kuasa, peruntukan dan tenaga kerja. Saya yakin badan ini mampu untuk berdikari dengan sumbernya sendiri dan mampu memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mencadangkanlah agar syarat kelayakan, mungkin rumah ini semakin lama nanti akan semakin banyak, saya difahamkan Kerajaan Pusat pun ada bercadang untuk menambah lagi perumahan rakyat di Johor Bahru khususnya. Saya mencadangkan supaya had kelayakan dikaji balik. Sekarang ni hanya mereka yang mempunyai pendapatan RM1,200.00 ke bawah saja yang boleh mohon untuk menyewa rumah tersebut dengan kadar sewa yang cukup munasabah. RM1,200.00 dalam keadaan kos sara hidup di Johor Bahru ini saya rasa masih lagi rendah. Kerana apa ialah mungkin RM1200.00 kalau ianya hanya suami isteri tidak mempunyai kenderaan dan sebagainya mungkin cukup, tapi RM1,200.00 bagi yang mempunyai anak tiga, empat orang yang masih bersekolah sebenarnya memang amat tidak mencukupi. Mungkin kita boleh naik lagi apa itu kadar kelayakan ini kepada jumlah yang pada kadar yang lebih munasabah. Yang Berhormat Datuk Speaker. Kerana apa, golongan yang berpendapatan antara RM1,500.00 hingga RM3,000.00 ini selalu tersepit dalam keadaan sekarang ini. Apabila berlaku lonjakan nilai hartanah dan sebagainya nak beli rumah dalam keadaan pendapatan yang tak begitu mencukupi agak sukar bagi mereka. Walaupun rumah tersebut harga RM42,000.00 rumah kos rendah di Johor Bahru mungkin RM42,000.00 tapi RM42,000.00 dia kena dapatkan pinjaman mungkin 90% RM30,000.00 lebih tapi kalau pendapatannya RM2,000.00 setelah ditolak dengan apa itu tanggungan-tanggungan pinjaman kenderaan dan sebagainya, bank tak mahu memberi pinjaman kepada mereka, jadi bila bank tak mahu beri pinjaman mereka tak boleh beli rumah. Jadi sudah tentulah sebagai alternatifnya rumah sewa murah ini sepatutnya juga ditimbangkan kepada mereka yang berpendapatan sedemikian Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mencadangkan agar semua penyewa yang diberi peluang untuk menyewa rumah mampu milik rumah rakyat ini juga, Program Perumahan Rakyat ini hendaklah diberi syarat supaya dalam tempoh 6 bulan mereka menduduki rumah tersebut, dia kena tukar alamat dia. Maknanya dia dan keluarganya kena tukar alamat di kad pengenalan mengikut alamat rumah yang diduduki. Ini kerana Yang Berhormat Datuk Speaker, bila dia tukar alamat ini kita tahu

dia penyewa yang serius kerana ada juga kes-kes yang dia sewa atas sewa. Dia dah ada tempat kediaman yang lain, tapi oleh kerana sewa tersebut murah RM124.00 sebulan maka dia dapat, dia sewa atas sewa dengan dia menipu mungkin pendapatan dia sewaktu dia memohon rumah tersebut. Dan, kalau dia tak nak, ialah mungkin dia boleh kaji dari sudut undang-undang, kalau dia tak nak menukar alamat kad pengenalan tersebut mungkin kita boleh batalkan perjanjian penyewaan tersebut. Jadi, dengan cara ini kita boleh dapat kenal pasti kesungguhan mereka untuk menghuni rumah tersebut dan sekali gus ianya boleh dianggap penduduk tempatan, pemastautin yang secara langsungnya nanti boleh menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi tempatan yang dapat bersama-sama menilai dan membuat keputusan menentukan Wakil Rakyat yang layak dipilih, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Tiram, sila gulung.

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kerancakan pembangunan yang berlaku di Iskandar Malaysia ini, banyak peluang dinikmati oleh masyarakat perniagaan khususnya yang sememangnya ramai terlibat dengan perniagaan. Di Johor Bahru ni, kalau kita pergi ke projek perumahan mewah memanglah dekat situ rata-ratanya semua orang tahu, rata-ratanya terdiri daripada masyarakat bukan bumiputeralah. Sama ada bukan bumiputera tempatan ataupun mungkin daripada negara jiran. Yang duduk di banglo, yang duduk di rumah kembar hanya sedikit saja bumiputera. Ini kerana yang mampu membeli rumah tersebut ialah kebanyakannya golongan peniaga dan yang mendukacitakan kita Yang Berhormat Datuk Speaker ada segelintir mereka ini peniaga ini, yang mendabik dada dengan berkata mereka berjaya dalam perniagaan ini bukan kerana Kerajaan. Tapi semata-mata atas usaha mereka sendiri. Mereka juga mendakwa bahawa merekalah kononnya pembayar cukai yang terbesar kepada Kerajaan sehingga ada juga yang lancang berkata mereka bayar cukai tapi Kerajaan menghabiskan wang sewenang-wenangnya. Ini tuduhan yang biasa kita dengar Yang Berhormat Datuk Speaker, terutama dalam kempen-kempen pilihan raya yang lepas.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya memang kita tak pernahlah Kerajaan ini saya akuilah kita bersama Kerajaan, kita tak pernah belanja wang sewenang-wenangnya. Semua hasil Kerajaan diluluskan melalui bajet tahunan yang dibentangkan dalam Dewan dan Kerajaan Barisan Nasional mempunyai track rekod yang panjang dan cemerlang menguruskan Kerajaan. Kalau Kerajaan yang ada pada hari ini gagal atau tidak berupaya, masakan Kerajaan dapat merancang pembangunan yang berlaku. Kerajaan menarik pelabur supaya aktiviti ekonomi domestik berkembang dan peniaga ada peluang menjalankan perniagaan dan membuat keuntungan.

Sikit lagi Yang Berhormat Datuk Speaker eh. Dari itu saya menyerulah golongan peniaga yang berjaya janganlah angkuh dan lupa bahawa Kerajaan juga berperanan membantu perniagaan mereka menjana keuntungan. Bonus yang diberi

kepada kakitangan Kerajaan, Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BRIM yang diberi kepada golongan berpendapatan rendah, baucar buku yang diberi kepada pelajar dan pelbagai bentuk bantuan, akhirnya duit tersebut akan sampai kepada golongan peniaga sama ada peniaga runcit, kedai tayar, kedai buku, kedai makan dan lain-lain dan sudah tentu semuanya akan merancakkan kegiatan ekonomi dan memberi peluang kepada golongan peniaga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya membawa 2 perkara apa itu ringkas saja mengenai dengan kawasan Yang Berhormat Datuk Speaker eh, Yang Berhormat Datuk Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titah perasmian menekankan betapa kegiatan melampau premis-premis perniagaan yang buat ubah suai bangunan, saya ada juga menerima kompelin daripada masyarakat khususnya masyarakat Cina di Taman Puteri Wangsa dan juga Taman Daya mengenai dengan perniagaan yang bukan hanya setakat meletakkan kerusi meja dia di tempat *parking*, tempat *parking* memang Bandaraya boleh pertimbangkan sebahagiannya digunakan sewaktu malam tapi di atas jalan, di Jalan Beladau dan juga Jalan Sagu Taman Daya. Saya minta ambil tindakan kerana apa kita tak nak seperti kejadian berlaku di Taman Cahaya Masai 3 hari yang lepas di mana satu pasangan dilanggar oleh kereta sedang makan di, apa tu tepi jalan, di depan restoran. Jadi kena ambil iktibar peristiwa ini.

Yang keduanya, saya minta juga Kerajaan Negeri supaya dapat mempercepatkan pembinaan tambahan sekolah agama di Bacang eh di Jalan Nenas Kota Masai. Sekolah Agama Jalan Nenas Kota Masai kerana sekolah agama tersebut perlukan bangunan tambahan. Sekarang murid dah 4,000 orang. Lebih 4,000 orang dulu dia di rumah kedai bila dapat sekolah agama yang baru 30 bilik darjah, tak cukup masih lagi ada 16 bilik darjah yang menumpang di rumah kedai, jadi yang ini dulu saya pernah bercakap, jadi saya minta supaya apa tu dapat diberi perhatian dan diberi keutamaan untuk pembinaan bangunan tambahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dengan ini menyokong usul yang di bawa oleh Semarang. Sekian Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.

Y.B. Datuk Speker : Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat Tiram. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senai.

Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertama-tamanya izinkan saya menjunjung kasih titah Duli yang Maha Mulia dan sempena pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-13 pada hari Khamis yang lepas. Senai berasa amat bersyukur kerana buat julung-julung kali diberi peluang untuk mewakili rakyat Senai di Dewan yang mulia ini. Isu yang akan Senai bangkitkan dalam sidang Dewan yang mulia ini adalah seperti berikut:

1. Pengangkutan awam,
2. Perkembangan Perindustrian,
3. Masalah-masalah yang dihadapi rakyat Kulai dan Senai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sistem pengangkutan awam yang sempurna adalah faktor utama untuk menarik pelaburan dan golongan berpangkat untuk berhijrah ke sesebuah kota metropolitan. Saya justeru mengalu-alukan usaha Kerajaan menubuhkan Perbadanan Pengangkutan Iskandar Malaysia itu PAIM pada tahun 2011. Pengangkutan awam seharusnya dirancang di peringkat Kerajaan Negeri ataupun sebaiknya di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi tiada di negeri lain yang mempunyai sebuah badan seperti PAIM kerana kuasa sedemikian tidak diberi kepada negeri lain. Saya berharap bidang kuasa PAIM akan diperluaskan dan kawasan rancangan tidak terhad kepada Wilayah Pembangunan Iskandar sahaja. Barulah seluruh Negeri Johor akan mendapat manfaat dari usaha Kerajaan Negeri yang amat baik ini. Misalnya kawasan utara yang tiada sistem pengangkutan awam sempurna lagi seperti Bukit Serampang, Bekok dan Bekoh akan dapat manfaat jika dilindungi dalam rancangan dan pelaksanaan PAIM.

Walau bagaimanapun, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh PAIM pada bulan Mac yang lalu, sebanyak 20% hingga 30% penumpang Bas Iskandar adalah pekerja asing dan golongan pelajar menyumbang kepada 50% daripada peratusan pengguna. Golongan pelajar tidak mampu membeli kenderaan persendirian, pekerja asing pula tidak akan membelanjakan pendapatan mereka untuk memiliki kenderaan persendirian. Maksudnya, golongan bekerja di Wilayah Pembangunan Iskandar pun kurang menggunakan perkhidmatan Bas Iskandar. Walaupun mereka adalah golongan yang paling penting, kerana ramai dari golongan pekerja ini menggunakan kenderaan sendiri dan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Untuk meningkatkan kadar penggunaan perkhidmatan bas golongan pekerja, Kerajaan Negeri sewajarnya memastikan perkhidmatan bas atau pengangkutan awam dapat diakses orang ramai melalui laluan jalan kaki dalam jangka masa 15 minit.

Yang Berhormat Datuk Speaker, golongan yang memerlukan pengangkutan awam bukan sahaja golongan berpendapatan rendah, walaupun mereka adalah golongan yang terpenting kerana kos sara hidup boleh dikurangkan jika mereka mengguna perkhidmatan pengangkutan awam. Malah, bilangan kes kemalangan motosikal juga akan menurun. Setakat ni, terdapat ramai penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan rumah kos rendah dan flat tidak mendapat akses ke perkhidmatan bas lagi kerana tiada laluan bas yang terdekat dalam lingkungan 15 minit. Golongan ini terpaksa membeli kereta terpakai ataupun motosikal sedangkan membahayakan nyawa mereka dengan keadaan jalan yang berlubang yang digunakan kenderaan berat tiap-tiap hari.

Sebagai ahli politik, keputusan yang kita buat dalam Dewan yang mulia ini akan menyelamatkan nyawa orang ramai daripada ancaman yang boleh dielakkan. Oleh itu, saya berharap Program Perumahan Rakyat, kawasan rumah kos rendah dan flat mesti dirancang secara bersama dengan pengangkutan awam. Kerajaan mesti memastikan golongan berpendapatan rendah di negeri kita tidak dibebankan oleh pinjaman kenderaan sebab tidak dapat akses kepada pengangkutan awam. Saya mencadangkan supaya jika PAIM bercita-cita menyempurnakan Pelan Tindakan Pengangkutan Awam Iskandar, dengan izin, *Iskandar Public Transport BluePrint*, Sistem *Feeder Bus* mesti dilaksanakan dalam kawasan bandar khususnya kawasan perumahan.

Selain daripada itu, PAIM juga meletak sesuatu sasaran agar penduduk negeri yang menggunakan pengangkutan awam mencapai 40% pada tahun 2025. Untuk mencapai sasaran kadar penggunaan 40% ini, saya mencadangkan bahawa PAIM seharusnya memendekkan masa menunggu bas bagi setiap laluan, meningkatkan *standard* perkhidmatan bas dan liputan laluan bas melalui sistem *Feeder Bus.*

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu kedua yang saya mahu bangkitkan dalam Dewan ini adalah perkembangan perindustrian. Dalam Pelan Wilayah Pembangunan Iskandar, Zon D dan Zon E adalah kawasan yang sedia mempunyai pembangunan perindustrian khususnya industri elektrik dan elektronik. Walau bagaimanapun, perbandingan keupayaan syarikat-syarikat tempatan di Negeri Johor dan Negeri Pulau Pinang menunjuk bahawa Negeri Johor kalah dalam bidang intensiti kemahiran, latihan sumber manusia, teknologi dan pendapatan produk penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D, dengan izin, terutamanya syarikat-syarikat tempatan yang berasas di Negeri Johor hampir tidak melabur dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Pelan Induk Operasi Johor 1996 iaitu *Johor Master Operational Plan*, dengan izin, industri intensif buruh tidak di galak lagi. Tetapi ramai pekerja asing masih menduduki kawasan industri tersebut kerana rantaian nilai perkilangan tidak di tingkat ke tahap lebih tinggi walaupun Kerajaan telah mengumumkan dasar baru selama 17 tahun.

Untuk meningkatkan pengeluaran dan rantaian nilai industri pembuatan Negeri Johor, kita harus mengambil pendekatan yang berbeza berbanding dasar lama agar sektor perindustrian negeri kita dapat berkembang dengan semakin pesat.

Pertamanya, kerajaan sepatutnya berunding dengan pengilang industri pembuatan dalam proses rundingan rancangan. Laporan penyelidikan ISIS yang dikeluarkan oleh ISIS menyatakan bahawa, 'syarikat-syarikat tempatan tidak terlibat dalam proses perundingan rancangan'. Manakala syarikat tempatan berasas di Negeri Pulau Pinang bukan sahaja berunding dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di peringkat teknikal dan juga terlibat dalam peringkat-peringkat rancangan. Ini adalah kerana syarikat berasas di Pulau Pinang berupaya memberi komen atau nasihat terhadap dasar sumber manusia dan pembangunan kepada kerajaan agar industri-industri pembuatan terus berkembang maju.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengalu-alukan inisiatif Kerajaan Negeri Johor yang memang proaktif agar memupuk komuniti keusahawanan Bumiputera. Sementara itu, saya berharap golongan majoriti dalam sektor pembuatan tidak akan diabaikan dalam pembangunan ekonomi negeri kita. Kita semua harus bekerjasama dan berunding bersama supaya kawasan industri Negeri Johor menjadi kawasan industri yang paling penting di seluruh Malaysia. Tidak ada sesiapa lagi akan ditinggal di belakang trend pembangunan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, lokasi Senai dan Kulai yang amat strategik terletak dalam Wilayah Pembangunan Iskandar. Sebagai seorang penduduk dan juga Wakil

Rakyat Senai, saya bersyukur kerana kawasan ini telah lama dimajukan dengan pelbagai industri ringan dan berat. Saya amat menghargai usaha IRDA bahawa kawasan ini dirancang sebagai hab pertanian dan pemprosesan makanan, ICT, pelancongan dan pusat membeli-belah. Walau bagaimanapun, pembangunan Senai haruslah diteliti secara terperinci, di laksana tepat dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkenaan agar kepentingan rakyat terjaga.

Kawasan Senai ataupun Zon E dalam Rancangan Wilayah Pembangunan Iskandar adalah suatu kawasan untuk pembangunan industri ICT khususnya. Namun begitu, industri berat, contohnya kilang simen masih beroperasi. Malahan, ada kilang simen yang baru dibuka dalam kawasan ini, hingga pelabur yang berminat melabur di kawasan ini berasa pelik kerana kawasan ini dirancang sebagai kawasan ICT. Jika syarat-syarat tertentu dipatuhi oleh pengilang simen dan kualiti alam sekitar dijaga secara baik, industri berat yang beroperasi dalam kawasan industri ringan tidak akan menjadi suatu isu. Malangnya, kilang simen terletak di kawasan perindustrian ringan Senai dan Seelong. Kawasan Seelong sudah mencemarkan alam sekitar sekeliling. Selain daripada pencemaran udara akibat operasi kilang simen, kesihatan rakyat Senai juga terancam oleh pembakaran terbuka kilang kitar semula. Aktiviti perniagaan kitar semula semakin bertambah di kawasan Senai. Tetapi setakat ini tiada undang-undang tertentu yang memantau aktiviti tersebut. Hasilnya, pengilang membakar bahan-bahan yang tidak boleh di kitar semula lagi secara terbuka dan akibatnya kualiti udara kian teruk.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jelas sekali kebersihan alam sekitar amat penting untuk menarik pelaburan dan bakat untuk masuk ke negeri kita. Walaupun Pihak Berkuasa Tempatan sudah menentukan jadual agar sisa pepejal domestik dan perniagaan kedai dikutip secara berkala. Malang sekali masih ada kontraktor yang tidak mengikut jadual dan menyusahkan penduduk-penduduk serta peniaga tempatan. Saya faham bahawa pengurusan sisa pepejal terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan selepas Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Tahun 2007. Diwartakan pada 30 Ogos 2007. Pindaan undang-undang ini, saya rasakan tidak tepat malah saya berpendapat sebenarnya pengurusan sisa pepejal seharusnya terletak di bawah bidang kuasa PBT.

Untuk memantau kecekapan kontraktor tertentu dan menguat kuasa undang-undang pengurusan sisa pepejal dalam keadaan sekarang tanpa membuat pindaan kepada akta yang sedia ada, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) sepatutnya mengeluarkan KPI kontraktor mengikut kawasan secara berkala setiap tiga bulan. Seandainya Kerajaan Negeri Johor mahu negeri kita berkembang sebagai sebuah negeri yang dipandang cantik, makmur dan rakyat hidup aman damai, kita seharusnya bermula dari perkara-perkara yang kononnya diperkatakan oleh sesetengah Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sebagai perkara yang remeh temeh tetapi amat mempengaruhi kehidupan seharian rakyat. Jikalau isu-isu kehidupan seharian rakyat pun tidak dapat diselesaikan, apatah lagi Kerajaan boleh mencapaikan? Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Senai. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pemanis.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan salam pengenalan Pemanis, tanah orang manis belaka untuk semua Ahli-Ahli Dewan. Bukan pera, kalau per tu boleh mendatangkan kencing manis. Jadi bertemu kita sekali lagi dengan izin tuhan di dalam Dewan yang mulia ini bagi menyempurnakan amanah yang telah diberikan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan barisan kepimpinan kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru yang telah dipilih oleh rakyat Negeri Johor untuk berkhidmat.

Salam Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin juga untuk Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang saya muliakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, secara umumnya saya mendapati bahawa ada tiga unsur yang telah kita lihat peningkatan prestasi tapi masih perlu ada ruang untuk diperkukuhkan, untuk memperkasakan fungsi Wakil Rakyat. Tiga unsur itu adalah:

1. Peranan Ahli Majlis sebagaimana yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan sebelum ini dan kami barisan Wakil Rakyat amat menghargai keprihatinan Baginda.
2. Keberkesanan program kebajikan dan pembasmian kemiskinan.
3. Peranan penerangan termasuk Jabatan Penerangan dan jabatan-jabatan lain dalam memberi penerangan apabila berlakunya sesuatu isu.

Ketiga-tiga unsur ini jika diperkasakan akan dapat memperkukuhkan lagi fungsi kami, Wakil Rakyat dalam melaksanakan tugas-tugas. Membolehkan kita fokus kepada tugas dan tanggungjawab hakiki, termasuklah dapat mendalami dan menghayati isu dan polisi dengan lebih teliti supaya apa yang kita bawa kepada Dewan dapat menuju ke arah penggubalan dasar dan polisi dan tidak terpesong kepada retorik politik.

Yang pertamanya, Ahli Majlis. Saya ucapkan ucapan ribuan terima kasih ke atas jawapan yang telah diberikan oleh EXCO dan penerangan dia dan Pemanis amat mengharapkan supaya penilaian berkala berterusan, terus diadakan untuk memantau prestasi Ahli Majlis. Memandangkan Negara kita mensasarkan tahun 2020 untuk mencapai satu Negara maju, jadi sewajarnya kita perlu berusaha untuk mengajakkan prestasi Ahli Majlis kita secara kolektif. Bagi Majlis Daerah, Ahli-Ahli Majlis secara kolektifnya perlu berusaha untuk anjakan kepada tahap Majlis Perbandaran atau kualiti yang setaraf dengan dia. Jadi, bagi Majlis Perbandaran pula secara kolektif saya harap Ahli-Ahli Majlis bervisi dan bermatlamat untuk menganjakkan prestasi, ekonomi dan sosial. Merancakkan lagi pembangunan, memperkayakan kandungan ilmu sesebuah kawasan juga cuba berusaha untuk mencapai taraf perintis atau antarabangsa. Jadi dengan tanggungjawab kita mengharapkan akan dipikul oleh Ahli Majlis, saya fikir wajarnya kita naikkan elaun Ahli Majlis pada purata yang saya kira, saya buat sikit *survey,* pada puratanya RM1,500.00 ikut kawasan dan ikut *complexity* sektor masing-masing. Kerana hampir semua Ahli Majlis yang saya jumpa, mengadu

kepada saya kerana satu hal elaun mereka amatlah rendah memandangkan peranan mereka dan tanggungjawab yang makin meningkat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kedua peranan Kebajikan Masyarakat. Kita faham bahawa cabaran ekonomi semakin hari semakin menguji kita. Kita juga menjangkakan keperluan perkhidmatan Jabatan Kebajikan atau agensi seperti Baitulmal juga akan meningkat. Maka kita perlu menilai semula skop dan kaedah penyampaian yang diguna pakai selama ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada dasarnya kita perlu jelas rakyat sendiri seharusnya dan sepatutnya bertanggungjawab terhadap kehidupan dan kewangan mereka. Kerajaan tampil membantu apabila keupayaan khususnya dari segi ekonomi sesebuah keluarga terjejas. Misalnya, bila sesebuah keluarga ditimpa musibah yang tidak dijangka. Saya mencadangkan agar Kerajaan menerusi jabatan berkenaan melaksanakan satu konsep di mana pemberian mesti berdasarkan program pemulihan di mana kita perlu bantu merangkakan satu khidmat perancangan kewangan di mana keperluan dan unjuran kewangan sesebuah negara dapat bentuk satu gambaran yang jelas. Ini perlu dimestikan di mana ketua isi rumah itu perlu faham berapa tahun yang mereka perlu untuk lepas daripada kemiskinan dan juga lepas daripada bantuan Kerajaan. Saya juga mencadangkan agar Kerajaan mengubal dasar atau mengambil tindakan tertentu untuk memastikan ketua isi rumah biasanya suami supaya tidak meninggalkan isteri atau keluarga begitu sahaja dan mengharapkan Kerajaan untuk mengambil alih tanggungjawab itu. Dan juga bagi anak-anak yang tidak, sama ada tidak mampu atau tidak sanggup atau tidak rela untuk menyara ibu-bapa mereka yang telah hilang keupayaan dan tidak produktif lagi, saya percaya masa telah tiba untuk kita mengambil tindakan yang lebih tegas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sering juga dipertikaikan sama ada mereka yang mempunyai hartanah. Contohnya, mempunyai rumah ataupun tanah layak diberi bantuan kebajikan ataupun Baitulmal. Kalau bandingkan dengan mereka yang tidak punyai rumah dan perlu sewa setiap bulan. Jadi saya harap penjelasan di pihak Kebajikan. Saya mendapati sejak akhir-akhir ini banyak kes pembatalan bantuan kebajikan oleh JKM. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat mengharapkan Jabatan memberi penjelasan menyeluruh dan spesifik kepada semua penerima bantuan atau pelanggan yang telah dibatalkan. Saya rasa kami, perkara ini memberikan kesan yang besar khususnya kepada Wakil Rakyat sekarang dan adakah Jabatan dapat menguruskan tekanan politik dan media hasil daripada tindakan pembatalan bantuan itu? Saya percaya JKM mampu dan akan tegas dalam pemilihan penerima yang layak diberikan bantuan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Kerajaan terutamanya faktor pendapatan. Tetapi saya mohon dalam masa yang sama harus juga dipertimbangkan ruang kepada penilaian kedua dan faktor lain untuk menolong perkara tertentu.

Perkara ketiga yang peranan penerangan, Yang Berhormat Datuk Speaker, maklumat dan penjelasan sesuatu perkara yang berlaku amat penting sekali. Apabila berlakunya sesuatu kejadian seperti bencana alam contohnya banjir, masalah kesihatan ataupun alam sekitar contohnya jerebu dan juga kes jenayah berat, perubahan dalam polisi kebajikan atau Majlis Daerah. Jadi Jabatan berkenaan harus mengeluarkan

penjelasan dan kenyataan dengan segera dan dari masa ke semasa. Gunakan segala media yang ada, sama ada media konvensional mahupun media baru untuk memberi penjelasan dan maklumat terkini. Rakyat dahagakan maklumat dan mereka sering kali mencari sumber-sumber alternatif yang diragui kesahihannya dan sering kali menghasilkan spekulasi yang merunsingkan keadaan merumitkan pengurusan. Dan ini juga kadang kala Wakil Rakyat dipermangsakan kerana tidak dapat jawab dan kerana tidak ada dapat akses kepada maklumat dan fakta pada masa yang tepat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, DUN Pemanis dikurniakan satu kawasan pertanian luas di kawasan Tungku Tiga, Jabi, Kampung Tengah dan terletak pula juga satu kawasan taman kekal pengeluaran makanan. Jadi, sudah tiba masanya untuk agensi-agensi berkenaan untuk lihat kembali bagaimana untuk memperbaiki infrastruktur khasnya jalan-jalan pertanian dan juga untuk meneliti sekali lagi, kaji sumber, mengaji penggunaan tanah dan juga perancangan akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tiga perkara yang saya suarakan di atas jika diperkukuhkan lagi. Saya yakin dan percaya akan dapat membantu kita semua Wakil Rakyat untuk melaksanakan amanah dan tugas dengan lebih berkesan. Saya percaya kepada keupayaan Kerajaan dan Jabatan atau Agensi Kerajaan. Terima kasih di atas peranan yang telah dilaksanakan selama ini. Semoga dengan sedikit cadangan ini, kita akan mampu membawa Johor dan Malaysia keseluruhannya ke arah realisasi transformasi yang lebih berkesan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan ini saya mohon menyokong usul Semarang.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pemanis. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Bentayan.

Y.B. Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat tengah hari dan Salam Sejahtera. Bentayan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda pada hari Khamis minggu lepas. Di samping itu, Bentayan ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama sekali Bandar Muar telah diisytiharkan sebagai Bandar DiRaja Johor pada 5 Februari 2012. Sehingga kini sudah lebih satu tahun namun demikian papan tanda di sekitar kawasan Bandar Maharani Bandar DiRaja masih belum ditukar, bahkan tanda-tanda yang terletak di lebuh raya dan jalan raya utama. Maka, Bentayan harap Kerajaan ambil perhatian mengenai isu ini, kerana ianya bukan sahaja mencerminkan kedudukan Bandar ini namun ia juga merupakan imej simbolik Kesultanan Johor.

Seterusnya Bentayan ingin menyentuh isu yang berkaitan dengan penyelenggaraan infrastruktur di Tanjung Emas. Saya amat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Maharani, bahawa Muar adalah satu tempat yang unik, terutamanya Taman Tanjung Emas di mana tempat ini bukan sahaja merupakan satu tempat menarik namun ia

juga mengandungi ciri-ciri yang penting dalam pembangunan awal Perbandaran Muar. Maka, Bentayan berpendapat bahawa Tanjung Emas perlu diberi pemerhatian yang cukup supaya ia boleh menjadi satu *landmark* dengan izinnya yang mustahak di Johor.

Pada minggu lepas Bentayan telah membentangkan satu memorandum kepada YDP Majlis Perbandaran Muar dan telah senaraikan masalah-masalah dan cadangan yang berkaitan dengannya. Bentayan telah menjalankan satu penyiasatan pada bulan lepas dan kebanyakan penduduk-penduduk tempatan tanpa kira kaum berpendapat bahawa kerja penyelenggaraan di Bandar Muar amat tidak memuaskan hati. Selain daripada tebing sungai yang sudah dibina semula untuk beberapa kali, infrastruktur asas juga tidak dipelihara dengan baik. Bentayan mencadangkan supaya satu pasukan Jurutera khas untuk menyiasat punca keruntuhan tebing sungai di Tanjung Emas walaupun kerja penaiktarafan telah dijalankan berulang kali. Siapakah yang perlu bertanggungjawab dan apakah tindakan dari Kerajaan?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bandar Maharani Bandar DiRaja, bukan sahaja merupakan satu Bandar DiRaja namun ia juga merupakan satu bandar yang penuh dengan sejarah. Ia merupakan tapak bersejarah perkubuan Portugis yang dibina pada abad ke-14 atau lebih dikenali sebagai Fotalisa Muar. Adalah dipercayai kubu tersebut telah dirobohkan untuk pembinaan tebing Sungai Muar di Bentayan pada hujung abad ke-19. Kubu tersebut juga digunakan oleh Sultan Mahmud iaitu Sultan Melaka yang terakhir bagi menahan asakan laut Portugis pada tahun 1511 yang mana akhirnya tewas dan berundur ke Pagoh. Walaupun Bentayan merupakan satu tempat yang lebih bersejarah berbanding dengan Melaka, namun kini kubu Bentayan hanya tinggal papan tanda dan menjadi hentian bas ekspres. Bentayan mencadangkan supaya satu jawatankuasa ditubuhkan dengan jemputan pakar-pakar arkeologi untuk menjalankan kajian secara teliti untuk mengenal pasti segala kubu ini dengan teknologi satelit untuk mengesan kandungan bawah tanah di Bandar Muar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di sini Bentayan ingin menyentuh beberapa isu yang berkaitan dengan kawasan Bentayan dan juga dalam Negeri. Mengenai isu-isu dalam Negeri, apakah perkembangan mengenai surat hasrat *letter of intend* dengan izin yang ditandatangani oleh Hock Kuang PetroChemical Malaysia Sdn Bhd dengan Kerajaan? Memandangkan surat tersebut sudah tamat pada akhir bulan lepas. Selain daripada itu, adakah premium sejumlah RM500.00 ditetapkan kepada penduduk-penduduk yang memohon pindah ke tapak penempatan baru di Teluk Ramunia di bawah projek RAPID? Adakah Kerajaan pernah memberi janji kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut bahawa premium sejumlah RM1.00 hanya dibayar? Jika ya, mengapa harga premium ditingkatkan? Sila nyatakan, mengapa Petronas mengambil alih sistem bekalan air di Pengerang? Memandangkan pengurusan air merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Bagaimanakah Kerajaan menyelesaikan masalah pencemaran Sungai Lebam yang akan diakibatkan oleh industri petrokimia memandangkan Sungai Lebam merupakan sumber air utama di Kota Tinggi tetapi ia begitu dekat dengan kawasan perindustrian petrokimia di Pengerang.

Di samping itu, nyatakan sumber asal bekalan air kepada projek penapisan petroleum di Tanjung Bin, Pengerang dan Pontian. Berapakah anggaran kegunaan air bukan

domestik apabila projek-projek dilaksanakan dan berapakah anggaran kegunaan air secara keseluruhan di Johor dari 2015 sehingga 2023.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai isu-isu di kawasan Muar. Apakah perkembangan pengurusan Marina Tanjung Emas, memandangkan ia telah terbiar begitu lama. Adakah tapak tersebut sudah diubahsuai sebagai tempat memancing ikan?. Siapakah yang bertanggungjawab atas kutipan wang?. Berapakah kutipan yang diterima dan apakah perancangan Jabatan Laut Negeri untuk menjadikan Marina Tanjung Emas sebagai persinggahan untuk pelaut-pelaut atau rakyat tempatan.

Seterusnya nyatakan bilangan kerja landskap di Bulatan Abdul Rahman, Bulatan Sulaiman dan Bulatan Bentayan, yang dijalankan dari tahun 2000 hingga kini. Kos yang terlibat dan nama syarikat yang menjalankan kerja ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dan yang akhir sekali, adakah Dewan Negeri Johor yang berada di Nusajaya di bawah sewaan?. Jika ya, berapakah sewaan bulanannya dan siapakah pemilik bangunan ini. Bentayan berharap, Kerajaan boleh memberi penjelasan dengan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Bentayan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan kita ini, kepada jam 2.30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 Petang.

Persidangan disambung semula jam 2.30 petang.

Persidangan diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih pada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dengan ini, saya persilakan Tenggaroh.

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat petang dan salam sejahtera saya ucapkan. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih, kerana diberi peluang berucap dalam perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat bersetuju dan menyokong serta menjunjung kasih terhadap Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, yang telah menitikberatkan perpaduan masyarakat berbilang kaum di negeri ini. Di mana Paduka Tuanku telah melantik Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor dari 3 kaum yang terdapat dalam negeri ini. Saya juga menyokong serta mengucapkan syabas di atas tindakan yang telah dikenakan pada pemilik resort di Tanjung Sedili. Dan tindakan pantas oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor terhadap isu tersebut tanpa menimbulkan sebarang kekecohan serta tidak menimbulkan sensitiviti kaum dalam negeri ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara yang seterusnya ingin saya sebut dalam sidang ini adalah berkaitan tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Majlis Daerah lantikan parti. Mereka yang dilantik akan berkhidmat selama 3 penggal sahaja, dan mereka yang telah memegang jawatan lebih daripada 3 penggal ketika ini, perlu ditamatkan dan memberikan peluang tersebut kepada muka baru atau generasi pelapis.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Johor Jaya dalam perbahasannya memberitahu bahawa, pembangkang telah mencipta sejarah dengan adanya 18 orang pembangkang di dalam Dewan ini. Memang betul kenyataan itu. Tetapi dalam penglihatan saya, tiada seorang wakil India dalam pembangkang. Hanya dalam Kerajaan Negeri saja ada wakil India. Dan juga wakil kaum Melayu berbanding dengan Kerajaan Negeri adalah kurang. Dengan ini bangganya saya boleh katakan, bahawa rakyat Johor khususnya kaum Melayu dan kaum India di Johor, masih dan tetap menyokong Kerajaan Barisan Nasional. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tuan Speaker, Datuk Speaker. mengikut statistik Bahagian Sumber Manusia SUK, bilangan pekerja India pada tahun 2010 adalah 118. Bilangan ini telah meningkat kepada 325 pada Mac 2013. Walau bagaimanapun, dalam sektor pengurusan, tak sampai 2% iaitu 7 orang sahaja. Dan jumlah 325 ini tidak sampai 4% daripada 8,000 orang yang bekerja di sektor awam. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan Negeri mengambil lebih banyak orang India dalam sektor awam khususnya dalam sektor pengurusan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara seterusnya yang ingin saya sampaikan adalah berkaitan pembinaan sebuah jalan baru dari FELDA Tenggaroh 7 ke Jalan Jemaluang, sejauh lebih kurang 10 kilometer, bagi tujuan memendekkan perjalanan serta mendekatkan penduduk di Gugusan Tenggaroh ke Mersing. Ini kerana ramai penduduk di kawasan Gugusan Tenggaroh akan ke Kota Tinggi bagi tujuan membeli belah, ekoran jarak antara kedua bandar yang berbeza. Dengan terbinanya jalan baru ini, adalah diharapkan ianya akan merancakkan sosioekonomi serta berbagai urusan pejabat di Bandar Mersing. Saya juga ingin mencadangkan supaya jalan dari Tenggaroh ke Mersing diluruskan kerana terdapat banyak kemalangan serta kehilangan jiwa berlaku ekoran keadaan jalan yang berliku-liku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, suka saya mencadangkan supaya cukai secara berterusan juga perlu dikenakan pada pembeli rumah bukan rakyat tempatan. Pada masa ini pembeli rumah bukan rakyat tempatan, hanya dikenakan pada pembeli yang pertama sahaja. Namun, jika selepas 5 tahun rumah tersebut dijual, pembeli kedua tidak lagi dikenakan cukai walaupun pembeli tersebut adalah bukan rakyat tempatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, projek Laguna telah menaikkan nama Daerah Mersing satu ketika dahulu. Namun projek tersebut telah dibatalkan. Saya melihat keperluan Daerah Mersing yang mempunyai potensi besar dalam industri pelancongan, tetapi ianya kurang memuaskan kerana keadaan Kuala Sungai Mersing yang cetek dan mendatangkan masalah bagi laluan bot dan feri yang mahu keluar masuk atas urusan

penangkapan ikan dan pelancongan, khususnya di pulau-pulau Daerah Mersing. Jika boleh, projek Pemecah Ombak diteruskan, maka ianya akan mendatangkan impak yang besar kepada daerah ini. Selama ini projek mendalamkan Kuala Mersing yang memakankan kos yang tinggi tetapi tidak sampai setahun, ianya akan kembali cetek.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan Bandar Mersing pada masa kini sedang menjadi laluan utama yang menghubungkan Bandar Johor Bahru ke Bandar Pantai Timur seperti Kuantan, Terengganu dan Kota Bharu. Dengan jumlah kenderaan yang semakin bertambah, maka laluan utama ke Bandar Mersing sering mengalami kesesakan terutamanya ketika waktu puncak dan ketika hujung minggu. Saya suka mencadangkan supaya projek laluan ke-2 yang telah dicadangkan dan telah dipersetujui dalam Mesyuarat Tindakan Kerja Daerah di teruskan dan dipercepatkan bagi melancarkan perjalanan ke Utara Pantai Timur, di samping melancarkan lalu lintas di Bandar Mersing itu sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perjalanan dari Nitar 2 ke Bandar Mersing terutamanya Hospital Mersing mengambil masa lebih kurang setengah jam. Oleh sebab itu, jika ada seseorang yang sakit di Nitar 2, ia akan mengambil lebih kurang satu jam untuk seseorang itu ke Hospital kerana perjalanan ulang alik oleh ambulans. Dengan ini, saya menyeru agar Kerajaan Negeri dapat memberi satu ambulans diletakkan di kawasan Nitar 2, khususnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Speaker : Ramai sangat ke orang Tenggaroh yang tak anu Nitar 2 tu sakit?,

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Dia sakit kalau, dia kalau dia sakit tenat dengan ambulans datang lebih kurang satu jam nak sampai Hospital. Dia kadang-kadang boleh meninggal dalam perjalanan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sudah 3 hari Wakil Rakyat di sini berbahas untuk kepentingan rakyat Johor. Tiada seorang pun berbahas untuk mereka. Oleh itu, saya mengambil peluang ini untuk menyeru Kerajaan Negeri menaikkan gaji Wakil Rakyat yang sering, yang siang malam bekerja untuk rakyat. (Dewan bertepuk). Gaji yang diberi sekarang amat rendah. *Basic* baru 5…

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, saya suka dengar cadangan ini. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, *basic* dia baru RM5,000. Wakil Rakyat, bujang macam saya pun susah nak kahwin. (Dewan ketawa dan bertepuk).

Y.B. Datuk Speaker : Bukan pasal lain eh.. pasal duit aje eh..

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Akhirnya, saya ingin merakamkan sekalung tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Speaker serta Timbalannya, yang telah dapat memandu perjalanan persidangan ini dengan baik dan jayanya. Akhir kata saya sokong Semarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh. Mudah-mudahan yang akhir tadi tu, Kerajaan timbangkanlah. Saya jemput Yang Berhormat Mengkibol.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam sejahtera dan Selamat Hari Raya Aidilfitri, sempat saya ucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam. Mengkibol ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, sempena Pembukaan Rasmi Penggal Pertama Dewan Negeri Johor yang Ke-13. Mengkibol ingin merakamkan setinggi–tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku, kerana sudi menyampaikan Titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini, pada 15 Ogos.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu muafakat sering ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini, dalam persidangan 2 hari, 3 hari yang lalu. Tetapi Mengkibol melihat isu ini adalah satu isu yang penting di mana dalam Dewan ini juga, perlu kita wujudkan suasana permuafakatan, iaitu kita jangan sering membahagi-bahagikan ataupun ada setengah pihak dan setengah Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini melihat, melihat kewujudan atau kehadiran ADUN-ADUN daripada Pakatan Rakyat ini sebagai sesuatu yang terlalu menjolok mata. Dan selalu mencari kesempatan untuk menyindir Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Pakatan Rakyat. Ini bukannya sesuatu yang menunjukkan permuafakatan yang dimaksudkan oleh pihak-pihak Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, pada pengamatan saya, tak ada siapa pun yang menyindir antara satu sama lain. Ya, tak ada. Itu sangkaan buruk Yang Berhormat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Barisan. Tak pernah pun Ahli-Ahli Barisan memandang serong.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Speaker : Dalam ucapan, soal-soal yang berkaitan dengan parti politik, yang mereka bangkitkan. Bukan soal batang tubuh Yang Berhormat ya. Jadi tak berbangkit perkara tu. Jemput Yang Berhormat, teruskan.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, siapa makan cili, dia rasa pedaslah.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, Peraturan 45 (13), saya minta dia tarik balik sangkaan buruk yang mengatakan mana-mana pihak yang menjolok mata tadi.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Saya tak sebut..

Y.B. Datuk Speaker : Takpelah, takpelah. Teruskan, teruskan Yang Berhormat. Teruskan. Itulah sebab, Perkara 45 dan perkara-perkara peraturan kita ni, masing-masing kena bacalah dan hayati dan ikut perkara-perkara daripada 45 tu kan eh. Jemput, teruskan.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Tak ada. Dalam ucapan soal-soal yang berkaitan dengan parti politik yang mereka bangkitkan bukan soal batang tubuh Yang Berhormat jadi tak berbangkit perkara tu. Jemput Yang Berhormat teruskan.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, siapa makan cili dia rasa pedaslah.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Datuk Speaker, Peraturan 45 (13) saya minta dia tarik balik sangkaan buruk mengatakan mana-mana pihak yang menjolok mata tadi.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Saya tak sebut mana-mana.

Y.B. Datuk Speaker : Tak apalah, tak apalah teruskan, teruskan, Yang Berhormat. Teruskan. Itu sebab Perkara 45 (13) dan perkara-perkara dan Peraturan kita ini masing-masing kena bacalah dan hayati dan ikut apa perkara-perkara daripada Perkara 45 tu kan. Jemput teruskan.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Mengkibol di sini juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang selama ini telah memberikan kerjasama kepada Mengkibol dan juga rakan-rakan sejawat saya dalam menjalankan tugas kami sebagai seorang ADUN. Tetapi ada juga ada juga segelintir kecil kakitangan-kakitangan awam yang cuba, yang cuba mengambil peranan sebagai seorang ahli politik dalam menjalankan tugas mereka. Maka kami berharap sikap sebegini janganlah diteruskan di mana ini akan menjejaskan bukan sahaja nama baik dirinya sendiri tetapi juga kepada keseluruhan, keseluruhan sistem perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Mengkibol sendiri mengalami pengalaman yang tidak baik walaupun itu hanya segelintir kecil tetapi Mengkibol ingin mengutarakan atau membawa perhatian kepada Dewan ini dan juga pegawai-pegawai yang ada supaya ini menjadi satu, menjadi satu apa itu kita kata cermin kepada kita supaya perkara yang serupa jangan lah berulang lagi pada dalam masa akan datang lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, negara kita mengadakan sistem Kerajaan Demokrasi Berparlimen. Yang juga dikenali sebagai sistem *Wesminster* yang berasal daripada Britain. Dalam sistem Demokrasi Berparlimen ini, doktrin pengasingan kuasa adalah merupakan tonggak yang dapat mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan memberikan perlindungan kepada setiap rakyat. Menurut doktrin ini, Dewan Negeri sebagai badan perundangan bukan sahaja berfungsi menggubal undang-undang untuk negeri tetapi Dewan juga berfungsi sebagai menyemak dan mengimbangi iaitu

dengan izin, *check and balance* badan eksekutif. Bagaimana pun fungsi dan peranan Dewan yang mulia ini semakin terhakis, sehingga kadang kala Dewan dilihat sebagai cop getah atau dengan izin, *rubber stamp* badan eksekutif atau Kerajaan. Oleh yang demikian, peranan dan fungsi Dewan Negeri haruslah diperkasakan supaya tidak lagi dilihatkan sebagai cop getah tetapi telah dimanfaatkan sebagai satu platform untuk memastikan setiap dasar yang dilaksanakan betul-betul membawa manfaat kepada rakyat dan masalah rakyat akan dibincang dan diselesaikan melalui platform ini. Kita perlu sedar bahawa Dewan Negeri Johor merupakan Dewan yang pertama dan paling bersejarah di negara kita yang mana, sejarahnya sebanyak lebih jauh, lebih awal daripada penubuhan Parlimen. Maka Dewan kita ini, haruslah menjadi model kepada Dewan-Dewan yang lain dan kita perlu lebih ke hadapan supaya terus menjadi Dewan yang terulung di negara kita. Justeru, usaha untuk memperkasakan Dewan Negeri adalah begitu penting dan haruslah dimulakan dengan secepat yang mungkin dengan ini adalah dengan besar hati Mengkibol ingin menyumbangkan beberapa cadangan seperti yang berikut sebagai usaha untuk memperkasakan Dewan yang mulia ini :

1. Memberikan pengiktirafan yang rasmi terhadap kedudukan ketua pembangkang dalam Dewan dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya supaya pengiktirafan ini bukannya satu hiasan tetapi sesuatu tugas rasmi yang dapat berfungsi dengan berkesan.

2. Menyediakan ruang pejabat untuk setiap ADUN. Supaya kita dapat membuat persediaan rapi dan penyelidikan sebelum menyertai perbahasan dalam Dewan. Sekiranya menyediakan pejabat untuk setiap ADUN itu adalah sesuatu yang memakan kos yang tinggi, Mengkibol minta sekurang-kurangnya kita sediakan satu ruang pejabat untuk diguna sama oleh semua Ahli-Ahli Dewan bukan daripada pihak kerajaan dan juga satu pejabat yang digunakan oleh Ahli-Ahli *back bencher* daripada BN. Ini barulah, barulah Ahli-Ahli Dewan dapat membuat persediaan dan ada satu tempat yang lebih sesuai untuk menjalankan kajian atau penyelidikannya.

3. Menyediakan perkhidmatan Internet Jalur Lebar Tanpa Wayar ataupun *Wifi* dalam bangunan Dewan Negeri ini supaya Ahli-Ahli dan juga dan pelawat-pelawat dapat akses kepada internet untuk mendapatkan maklumat dengan segera.

4. Mengkibol minta supaya Dewan ini menjalankan siaran langsung Persidangan Dewan sekiranya jika tidak dapat melalui televisyen pun, sekurang-kurangnya melalui laman web rasmi kerajaan. Sekiranya pihak pengurusan Dewan atau pun kerajaan masih keberatan untuk menjalankan siaran langsung ini, Mengkibol berharap sekurang-kurangnya tidak memberikan apa sebarang halangan sekiranya ada pihak-pihak tertentu yang ingin membuat siaran langsung ini.

5. Memperuntukkan lebih masa untuk bersidang dan lebih masa soal jawab supaya lebih banyak isu rakyat dapat dibincangkan dan ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini.

6. Memanfaatkan peringkat jawatankuasa dan proses perbahasan Rang Undang-Undang supaya setiap Rang Undang-Undang yang diluluskan itu yang akan diluluskan itu dapat ditelitikan dan mutu perbahasan akan ditingkatkan.

Dengan itu, perlu akui bahawa Mengkibol juga manusia yang mempunyai kekurangan, maka cadangan yang tersebut di atas mungkin ada yang kurang maka Mengkibol cadangkan, cadangkan supaya satu jawatankuasa terpilih yang keahliannya mengikut komposisi Ahli-Ahli Dalam Dewan diwujudkan untuk tujuan membincangkan dan mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, dalam Persidangan yang akan datang cara-cara yang paling sesuai untuk memperkasakan Dewan Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita perlu mengubah minda kita terutamanya apabila kita cuba mencari definisi yang baru bagi perkataan pembangunan. Dalam konteks masyarakat sekarang pembangunan bukan lagi semata-mata merujuk kepada pembinaan bangunan-bangunan tinggi, atau pun melancarkan projek-projek mega yang memakan perbelanjaan berbilion-bilion ringgit. Kita perlu sedar bahawa pembangunan yang jati adalah pembangunan yang hasilnya dapat dikongsikan dan dinikmati oleh semua rakyat termasuklah penduduk setempat di kawasan terbabit. Di samping menjana pulangan ekonomi yang lumayan kepada negara. Sebenarnya pembangunan sesuatu kawasan seharusnya berlandaskan keunikan geografi dan sosial ekonomi sesuatu tempat tersebut. Hanya dengan ini, barulah kita dapat memastikan sesuatu pembangunan yang tersebut adalah benar-benar menguntungkan semua pihak terutamanya penduduk-penduduk setempat.

Dalam tiga hari ini sering kali disebut Projek PIPC di Pengerang. Di sini Mengkibol juga ingin sentuh sikit berkenaan dengan projek ini. Projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang atau pun dengan izin, *Pengerang Intergrated Petroleum Complex (PIPC)* yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada Mac 2012 yang lalu, merupakan melibatkan, dijangkakan akan melibatkan pelaburan sejumlah RM60 bilion. Ini merupakan antara projek yang terbesar di negara kita. Walaupun kerajaan telah menjanjikan pulangan ekonomi yang lumayan daripada projek ini. Masih terdapat banyak isu dan permasalahan yang mungkin terlepas pandang. Menurut penilaian Petronas, keperluan minyak dunia akan memuncak mulai tahun 2016 dan berterusan hingga tahun 2032. Kerajaan mendiamkan diri tentang masa depan industri petrokimia selepas tahun 2032. Dengan kata lain adakah kita boleh menjangkakan bahawa industri petrokimia hanya dapat menjana pendapatan yang lumayan untuk satu jangka masa yang pendek iaitu 16 tahun sahaja?

Sebaliknya, kita kaji, kita perhatikan sektor pertanian dan perikanan yang diceburi kebanyakan penduduk-penduduk setempat telah menjadi mata pencarian mereka turun temurun sejak ratusan tahun dahulu dan sekiranya ekosistem dan alam sekitar dipelihara dengan baik, industri-industri ini, sektor-sektor ini akan berkekalan untuk beratus-ratus tahun akan datang. Adakah kita sanggup mengorbankan faedah yang dapat dikongsi dan dinikmati oleh penduduk setempat untuk beratus-ratus tahun dengan digantikan dengan kepentingan ekonomi yang sependek 16 tahun? Yang mana satu lebih mendatangkan faedah? Yang mana satu lebih berbaloi? Saya rasa

jawapannya jelas sekali. Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga dapat menilai dengan sendiri. Sekiranya pihak kerajaan berhasrat membangunkan kawasan Pengerang, cara yang lebih baik sebenarnya adalah meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang yang diceburi dan meningkatkan pendapatan mereka.

Sebagai contoh nelayan yang bergantung kepada penangkapan udang galah bolehlah ditingkatkan kemahirannya menjadi penternak udang galah yang dapat menjamin pendapatan yang lebih stabil. Teknik-teknik moden juga, teknik-teknik moden yang dapat meningkatkan hasil juga haruslah diperkenalkan kepada para petani dan pekebun di sana, supaya hasil tanaman mereka dapat dilipat gandakan dengan cara ini barulah kita kata hasil-hasil pembangunan ekonomi adalah dinikmati oleh penduduk-penduduk setempat. Pengerang dikurniakan. Dengan pemandangan pantai yang indah, hasil laut dan hasil tanaman yang kaya, semua ini sebenarnya merupakan suatu daya tarikan bukan sahaja kepada pelancong tempatan tetapi juga kepada pelancongan asing. Industri pelancongan juga dikenali sebagai industri tanpa asal yang merupakan industri dapat menjana pendapatan yang lumayan yang berkekalan yang penting yang berkekalan untuk negara dan masyarakat. Pelancongan–pelancong ini tidak seharusnya dipandang sebagai orang luar yang kononnya perlu dihalau ke luar seperti diperkatakan oleh sesetengah Yang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, *Raffles* datang *Singapore* pada 1819 *Singapore* dikenali sebagai kampung nelayan, semua nelayan tapi hari ini *Singapore* antara bandar raya yang termaju di dunia dan tidak lagi nelayan itu misalannya lah kita hendak buat perbandingan, teruskan Yang Berhormat, 2 minit lagi.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Itu sebab Yang Berhormat Dato' Speaker itu, sebab sekarang *Singapore* amat bergantung kepada Malaysia untuk mendapatkan bekalan air dan bekalan makanan, kita juga kita perlu menjamin, menjamin bahawa bekalan-bekalan makanan di negara kita adalah kita boleh sara diri, jangan kita bergantung kepada pihak yang ketiga, ini bahaya, ini sebab Mengkibol mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini supaya kita memandang serius tentang perkara ini. Selandas dengan itu, pembangunan di Kluang juga seharusnya dirancang berasaskan haluan yang serupa. Daerah Kluang dikurniakan dengan tanah yang subuh dan bentuk bumi semula jadi yang indah pada hal, tempat-tempat tumpuan pelancong seperti Gunung Lambak, Gunung Belumut ladang-ladang berciri agro pelancongan seperti kebun Organik, ginseng dan *ukayfarm* di Jalan Ayer Hitam, sawah Organik di Kahang dan sebagainya tidak dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Tempat-tempat pelancong ini seharusnya dijadikan 1 pakej dan dipromosikan secara berkesan supaya menjadi pilihan utama para pelancong untuk menghabiskan cuti hujung minggu mereka.

Y.B. Datuk Speaker : Ok Yang Berhormat, masa.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Ok. 2 minit lagi. Selain itu tempat-tempat tersebut haruslah dikaitkan antara satu sama lain dengan sistem pengangkutan yang berkesan. Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Kerajaan seharusnya sedar bahawa kepentingan untuk meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam di

negara kita merupakan sesuatu usaha membangunkan industri pelancongan. Kita perlu sedar bahawa *trend* pelancongan kini mula berubah daripada pelancong secara berkumpulan kepada pelancongan berseorangan yang mana pelancong terutamanya golongan muda sekarang lebih cenderung melancongan seorang diri dengan *backpack* atau dengan izin, dengan cara *pack in* dan menggunakan pengangkutan awam maka, pembangunan pengangkutan awam adalah penting bagi mereka. Pada masa yang sama sesuatu rancangan pembangunan haruslah mengambil kira elemen alam sekitar atau pun haruslah juga mengambil, atau pun ekosistem iaitu sesuatu projek pembangunan dirancang itu haruslah pada masa yang sama memelihara dan memulihara alam sekitar agar tidak akan terjejas ekoran perlaksanaan dengan projek tersebut. Maksudnya konsep kelestarian perlu dipatuhi.

Akhir kata, pandangan daripada kami mungkin berlainan dengan pandangan konvensional Kritikan kami mungkin kurang sedap didengari tapi janganlah sakit telinga apabila mendengari pandangan-pandangan daripada kami. Namun sebenarnya pihak Kerajaan haruslah mengamalkan sikap terbuka terhadap pandangan dan cadangan kami. Pandangan kami yang berasaskan fahaman politik yang lain, tidak seharusnya dianggap sebagai tohmahan yang berniat jahat tetapi seharusnya dipandang sebagai pelengkap atau dengan izin, *complimentary* kepada pandangan satu pihak yang mungkin terkongkong pada perspektif tertentu sahaja. Sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Ok. Terima Yang Berhormat Mengkibol. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh, salam sejahtera, Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana memberikan ruang kesempatan masa untuk kepada Rengit untuk turut bersama membahaskan Titah Ucapan Baginda Tuanku semasa merasmikan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Ke-13.

Antara inti pati terpenting Titah Ucapan Baginda Tuanku ialah mahukan Kerajaan Negeri menggubal satu dasar yang tegas, seimbang untuk memastikan rakyat tidak terus terpinggir dari arus pembangunan. Saya yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru dan dibantu oleh barisan Exco yang muda-muda yang masih gagah. Dasar yang paling penting adalah pastikan rakyat Johor terus dapat mengikuti arus pembangunan yang pesat di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya memulakan bicara ini, saya cukup tertarik dengan bicara yang dibuat oleh Mengkibol, lembut bahasanya orangnya pun masih muda, katanya jangan bersangka buruk.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jangan bersangka buruklah eh, jangan bersangka yang buruklah. Tapi ada pepatah Melayu menyebut, Tak tumbuh, tak melata ,tak sungguh orang, tak kata. (Dewan tepuk). Contoh, contoh. Kita sebagai Ahli Dewan Negeri, Wakil Rakyat kita sepatutnya menjunjung Peraturan. Dewan ini ada

pengurusnya, ada Peraturan hendak mengguna Dewan nak menggunakan bilik video dan sebagainya. Hari ini dalam satu surat khabar, seorang Ahli Dewan masuk tanpa mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan Dewan Negeri Johor. Kalau tak silap saya muka dia macam Mengkibol lah dalam surat khabar itu. Macam lah, saya tidak tahu sebab saya tengok macam aje lah. Jadi Yang Berhormat, kita ini tidak boleh bercakap tak serupa bikin, cakap tapi tak serupa bikin atau ada lagi pepatah Melayu disebut "Baling batu sembunyi tangan", atau ada lagi pepatah Melayu disebut, "pokok berderai, ekor bergelumang dengan najis".

Yang ini Berhormat Datuk Speaker, jadi saya minta Mengkibol kalau nak bercakap itu juga kena ikutlah Peraturan yang ada di dalam Dewan ini. Jangan nak cari publisiti murah seolah-olah semua kita kongkong. Di Dewan Negeri Johor ini, sebebas-bebas nya, kita bagi Yang Berhormat, sampai semalam hendak *parking* hari pertama Dewan susah hendak cari *parking* datang daripada mana saya pun tidak tahu ramai betul, saya sudah 3 penggal jadi Wakil Rakyat, tidak pernah hendak cari *parking* kecuali hari pertama. Rupa-rupanya dia bawa 1 rombongan hendak dapat publisiti daripada pihak media Yang Berhormat Datuk Speaker, yang inilah buat sikit kerja publisiti,buat sikit kerja publisiti ini yang berlaku Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya yang dalam masa yang terbatas ini Yang Berhormat, saya hendak utarakan beberapa perkara yang berkaitan dengan luar bandar, di luar bandar ini Yang Berhormat, letaknya orang Melayu bumiputera Melayu di semenanjung kebanyakan nya, di luar bandar ini terletaknya Bumiputera Sabah,di luar bandar inilah terletaknya bumiputera Sarawak. Orang kampung inilah Yang Berhormat Datuk Speaker, dia mudah je, kehendak dia permintaan mereka mudah sahaja, mereka tidak pernah mintak yang bukan-bukan. Kalau jalan ke kampung mereka di tar cukup, sekarang ini dia minta lebarkan sikit. Lebar pun bukan lebar besar, 1 meter sahaja lebih kurang 3 kaki, jalan ke kebun mereka dilateritkan atau dikasarankan untuk memudahkan mereka dapat hasil. Parit dan sungai di depan rumah mereka digali dan diselenggarakan dan kalau boleh setiap 15 tiang, 15 tiang Yang Berhormat, bukan 2 tiang ada 1 lampu pun mereka pun bersyukur Yang Berhormat. Itu kehendak orang kampung yang paling mudah, ada jambatan yang mereka boleh lalu cukup.

Y.B. Datuk Speaker : Di kampung saya 5 tiang 1 lampu.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha 5 tiang. Ada kampung lain tempat saya Yang Berhormat, 15 tiang 1 lampu dekat bandar ini tiap-tiap tiang 1 lampu, Yang Berhormat (Dewan tepuk). Tapi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak sebut di kampung ini daripada dulu Yang Berhormat datuk Speaker, sehingga sekarang sokongan mereka tidak pernah berbelah bahagi dalam apa keadaan pun tetap menyokong Barisan Nasional (Dewan tepuk). Tidak pernah tak ada pun nak pasang CCTV mereka ada TV-TV cukuplah. Tak ada pun Polis yang datang meronda dengan motosikal khas, cukuplah kalau ada pondok kawalan RELA yang pakai zink je Yang Berhormat, ini *simple* dengan izin, kehendak orang kampung tapi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini,

Y.B. Datuk Speaker : kesian kita orang kampung kan?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil. (Rengit) : Yang Berhormat daripada kampung kan? Ha, saya daripada kampung, Datuk Semarang daripada mana? Bandar?

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Dari Kampung.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dari kampung juga Kehendak orang kampung, kehendak orang desa *simple,* mudah tak lebih-lebih ,tak payah buat *fly over,* tapi Yang Berhormat Datuk Speaker, yang saya nak sebutkan sejak kebelakangan ini Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak tekankan soal kerajaan pusat Yang Berhormat Datuk Speaker, peruntukkan yang disalurkan kepada Kerajaan Pusat oleh Kerajaan Pusat ke luar bandar ini, yang merupakan penyokong utama kepada kerajaan Barisan Nasional ini kurang Yang Berhormat Datuk Speaker, dikurangkan kepada paras, dipotong, 60%. Nasib pada tahun 2011, Johor dapat peruntukan 10 biji, ke buah eh?

Y.B. Datuk Speaker : dua-dua pun boleh. Terpulang keadaan.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil. (Rengit) : dua-dua boleh eh?

Y.B. Datuk Speaker : Ha.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil. (Rengit) : 10 buah lampu, yang itulah digunakan. Orang kampung punya suka dapat lampu, dia berterima kasih kalau salam saya ni, dia punya goyang tangan 3,4 kali macam nak patah tapi yang saya hairan pula Yang Berhormat Datuk Speaker, peruntukan yang dekat bandar ini mencurah-curah diumumkan di sana di sini, tapi sokongan kepada Kerajaan Yang Berhormat ada? Tiada Yang Berhormat Datuk Speaker. Memang hak, tapi saya persoalkan kepada pimpinan Kerajaan Pusat curahkan sikit peruntukan kepada luar bandar ini Yang Berhormat Datuk Speaker, apa masalahnya nak curah peruntukan di luar bandar ni kalau kita boleh buat jambatan besar-besar, jejantas besar-besar, di bandar, kenapa sekadar, sekadar nak lebarkan jalan 1 meter di Negeri Johor sepanjang 5 ribu meter ni menghadapi masalah, menghadapi masalah.

Semalam, hari itu Y.B. EXCO luar Bandar dia tidak faham, tahulah macam mana nak jawapan dia, saya nak faham tidak tahu tidak ada penjelasan, dia kata spesifikasi saya puas juga mencari mana dalam tempoh 3 tahun sebab sudah diisytiharkan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Johor dalam tempoh 3 tahun ini semua jalan sepanjang 5 ribu meter akan dilebarkan, 5 ribu kilometer akan dilebarkan. Diisytiharkan pada tahun 2011, dilaksanakan 2012 tahun lepas sambung pada tahun ini tapi diperuntukkan Yang Berhormat Datuk Speaker, RM150 juta, tidak boleh siap ke Yang Berhormat, dalam tempoh 3 tahun ini. Dan kalau gunakan duit penyelenggaraan berjumlah RM50 juta setahun oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri, kurang-kurang kita makan masa 7,8 tahun jadi saya mintak. Kerajaan Negeri mohon kepada Kerajaan Pusat masa nak buat 5 ribu meter pertama, 5 ribu kilometer. Pertama ini, kita gunakan duit Kerajaan Negeri, gunakan KPRJ selesaikan masalah 5 ribu kilometer apa salah Kerajaan Pusat, beri peruntukan untuk Kerajaan Negeri selesaikan masalah pelebaran sepanjang 5 ribu kilometer dan juga termasuk penyelenggaraan. Jangan serah kepada Kerajaan Negeri

Johor, Kerajaan Negeri peruntukan dia terhad,tidak tahulah kalau ada mekanisme baru yang hendak dibuat oleh Kerajaan Negeri, saya minta Yang Ahli Berhormat.

Ini adalah cabaran besar saya hadapi sebab telah diisytiharkan, saya pun, isytihar pilihan raya, 350 kilometer kawasan di Rengit akan dilebarkan 1 meter, 1 meter je Yang Berhormat, dia punya cara mengumumkan punya lah panjang, dahsyat. Tapi alhamdulillah orang kampung setia Yang Berhormat, tidak berbelah bahagi tepuknya pun lagi kuat bila saya umumkan, tapi saya minta EXCO luar bandar ini fikirlah lah tempoh 3 tahun, tapi kalau tidak esok tidak tempoh 3 tahun kita jumpa dialah, kena selesaikan Yang Berhormat Datuk Speaker .

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi yang nak saya sebutkan ialah soal lampu ini. Saya bawa perkara-perkara kecil. Saya Wakil Rakyat kampung Yang Berhormat Datuk Speaker. Jalan lebih kurang lebar 1 meter, lampu ya. Kampung saya Yang Berhormat Datuk Speaker ada 23 kampung. Tapi kampung rangkaian ada 80. Tahun 2011, kita diberi peruntukan sebanyak 220 lampu bagi tiap-tiap DUN, 100 kampung dapat 220 lampu Yang Berhormat Datuk Speaker. Nak bagi satu kampung tu berapa? Dapatlah dua biji? Betul tak Bukit Permai? 2 biji, 2 buah, 2 butir, 2 itu pun orang kampung suka Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi kalau boleh pada tahun ini di bawah Kerajaan Negeri yang baru…

Y.B. Datuk Speaker : Dua batang bukan dua buah.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha?

Y.B. Datuk Speaker : Dua batang lampulah.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dua batang lampulah Yang Berhormat. Kalau bolehlah, bantu ini. Ini permintaan orang kampung bukan saya, termasuk menyelenggara sungai dan parit tadi. Saya ulang balik, peruntukan yang Kerajaan Negeri bagi Kerajaan Pusat bagi untuk selenggaraan parit ni Yang Berhormat, parit tanah bukan parit pakai simen tu, parit tanah je, galilah 3-4 tahun sekali gali pun cukup. Ini ada satu kampung ini 6 tahun baru gali. Air tak boleh mengalir, hasil kebun tak jadi baik. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon perkara ini diberi perhatian.

Satu lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, mungkin terlepas pandanglah oleh Exco yang lama ni, kampung di tempat saya ni menang Anugerah Desa Cemerlang Peringkat Kebangsaan Yang Berhormat Datuk Speaker. Kampung Sungai Jambi, EXCO datang dulu Yang Berhormat, umumkan 30 000 projek eh, RM30 000.00, *sorry,* minta maaf, RM30 000.00 orang Jambi tepuk tangan kuat tapi sampai sekarang Yang Berhormat Datuk Speaker tak dapat-dapat duitnya, tunggulah..

Y.B. Datuk Speaker : Tak dapat?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak dapat…

Y.B. Datuk Speaker : Astaghfirullahalazim.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Saya tak tahulah. Saya cakap kat orang Jambi agak duit tu kat Batu Pahat ada nama Simpang Rantai tu berpusing. Barangkali posmen tu pusing jadi tak tiba ke Jambi tak? RM30,000.00 bukan main banyak. Menang peringkat kebangsaan wakil Johor, wakil Negeri Johor menang peringkat kebangsaan…

Y.B. Datuk Speaker : Yang patut bagi tu siapa?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ya?

Y.B. Datuk Speaker : Yang patut bagi tu siapa? Yang berjanji tu siapa?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Masa tu ada seorang EXCO la, pakai tudung masa itu saya nampak… (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Speaker : *State Government* ke *Federal Government*?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : *State Government* dengan izin Yang Berhormat, *State Government.* Tak tahulah kalau ini minggu depan sampai. Kalau minggu depan sampa,i saya ucap terima kasihlah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara kedua yang nak saya sampaikan ringkas saja Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Speaker : Ya ringkas, ringkas.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : OK. 55 tahun kita merdeka Yang Berhormat Datuk Speaker. Hidup dalam keadaan aman, tenteram, bebas, nak bercakap apa cakaplah je kat Malaysia ni. Cakap je apa, dekat surat khabar boleh cakap, dekat FB boleh cakap tak ada tapisan. Kita cadangkan supaya tapis FB macam negara jiran buat. Kita tak setuju, Kerajaan kita tak setuju. Cakap sebebas-bebas nak bercakap. Walaupun kita berbilang kaum, ada kaum Cina, India, agama yang jauh beza satu sama lain, budaya yang berbeza tapi kita mampu hidup dalam keadaan aman damai. Apa dia punya formula? Formula yang paling mudah antara kaum selama 55 tahun ini, dia bertolak ansur Yang Berhormat Datuk Speaker. Dia berlebih kurang antara satu sama lain. Hari ini saya nak cakap pasal orang Melayulah, bangsa sayalah. Saya tak nak cakap kaum lainlah. Nanti kalau cakap kaum lain nanti *racis,t* masuk surat khabar. Hari ini ada surat khabar masuk *racist* kata dia…

Saya nak cakap pasal orang Melayu ini. Orang Melayu ni watak dia mudah aje. Dia suka bertolak ansur, suka berlebih kurang. Dia suka kalau tetamu datang, orang Melayu ni paling hormat tetamu. Itu prinsip orang Melayu. Kalau tak bagi air, tetamu itu datang tak bagi air, dia cukup rasa terkilan. Di peringkat awal dulu penubuhan negara inilah konsep yang dibuat oleh rakyat di negara kita. Orang Melayu bertolak ansur, orang Cina pandai berniaga, orang India sanggup bekerja di ladang akhirnya kita dapat bina, meletakkan asas pembinaan negara bangsa. 55 tahun Yang Berhormat,

hidup dalam keadaan aman. Tak pernah ada malapetaka besar. Rusuhan kaum pun tak ada kecuali pada tahun 1969.

Tapi Yang Berhormat Datuk Speaker saya melihat pada tahun 2006 sehingga sekarang ini Yang Berhormat Datuk Speaker , dah mula dah bibit-bibit, bibit-bibit yang tak sedap, percikan bara-bara api dia dah mula nampak Yang Berhormat. Saya kena cakap terus terang. Ini untuk masa depan negara kita. Ditambah pula pada tahun 2004 hingga 2008, kepimpinan negara mengamalkan dasar yang cukup terbuka. Cakaplah apa nak cakap, dia bersedia mendengar. Tapi, rupanya kesempatan keterbukaan itu digunakan sebebas-bebasnya melanyak segala-galanya Yang Berhormat Datuk Speaker . Tak ada apa pun institusi dalam negara ini yang tak diserang Yang Berhormat Datuk Speaker.

Saya nak sebut Perlembagaan Negara. Yang kalau kita sebagai umat Islam kitab utama kita, rujukan kita adalah al-Quran, orang Buddha ada kitab dia sendiri, orang Kristian ada kitab dia, orang Hindu ada kitab. Itu rujukan bagi beragama. Bagi negara, rujukan kita ialah Perlembagaan Negara. Tapi Perlembagaan Negara ini dikotak-katikkan, dipertikai atas nama nilai-nilai *universal*, hak asasi, kebebasan bersuara, liberalisme, dia bercakap atas dasar.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak sebutkan, Raja Melayu disanggah, Pegawai Kerajaan ini tak ada satu pun yang betul, salah je. Dulu ada cerita, pegawai Bomba nak selamatkan orang minta duit dulu. Saya ingat dalam dewan ini. SPRM tak betul, SPR tak amanah dan kini masuk bab yang cukup kritikal, mula serangan kepada agama. Agama Islam dihina. Masuk dalam *Facebook*, saya tak nak sebab ini masih dalam hal mahkamah, saya tak nak bicara. Sebab itu, saya katakan bibit-bibit pergolakan ataupun percikan bara-bara api ini dah mula di negara kita ini Yang Berhormat. Saya tak tahu apa lagi yang orang Melayu ini nak kena bertolak ansur. Kita dah kongsi segala-galanya. Agaknyalah, agaknya Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau salah saya mohon maaf. Orang Melayu ini kena tolak beransur-ansur atau orang Melayu kena ketepikan langsung. Kita tahu Yang Berhormat Datuk Speaker, *design* yang dibuat, serangan yang dibuat, kita tahu. Tapi apa yang saya nak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini kalau perkara ini tak dapat dikawal, kalau perkara ini tak boleh kita bendung daripada sekarang, negara yang aman, negara yang makilometer ur, yang tak ada dalam dunia ini yang komposisi yang macam ini tapi boleh hidup dalam keadaan damai, tak ada lagi Yang Berhormat kecuali Malaysia. Kalau hari ini kita tak dapat bendung saya khuatir masa depan negara kita akan menjadi padang jarak padang tekukur, menang jadi arang, kalah jadi abu Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Speaker : Boleh gulung Yang Berhormat…

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker saya rasa itu sahaja yang nak saya sampaikan. Saya orang yang patuh pada peraturan Yang Berhormat Datuk Speaker , jadi saya menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Sekian, terima kasih. (Dewan Bertepuk).

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Rengit. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker ,terima kasih kerana memberikan keizinan kepada saya untuk membahaskan kepada usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Yang Maha Mulia Tuanku ketika merasmikan Mesyuarat Penggal yang ini. Dan juga terima kasih yang tak terhingga kepada Tuanku telah memberikan Titah Ucapannya yang begitu baik pada pendapat saya, malah yang terbaik yang merupakan pada saya inilah daripada isi hati Baginda, yang sungguh-sungguh prihatin dan peka untuk melihat Negeri Johor dan Bangsa Johor ini berada di atas landasan yang sewajarnya. Dan, itulah juga hasrat saya dan isi hati saya serupa dengan isi hati Tuanku. Patut tak bercakap, Tuanku dah bercakap habis…

Y.B. Datuk Speaker : Tuanku telah bertitah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Maaf Datuk Speaker. Datuk Speaker, jelas setelah diakui dan kita perhatikan bahawa selama 5 atau 6 tahun kebelakangan ini Projek Wilayah Iskandar yang kita bangga-banggakan, yang pernah 5 tahun 6 tahun yang lepas kita telah menyatakan kerisauan kita tentang akibat Wilayah Iskandar ini, yang kita rasakan pembangunan itu begitu jauh ke depan hinggakan meninggalkan rakyat Bangsa Johor ini sedikit ke belakang. Tak dapat nak mengikut arus kemajuan Wilayah Iskandar ini. Hingga terjadilah pada hari ini semalam, dan sebelumnya rata-rata dalam Dewan ini kata Ahli Yang Berhormat merasakan bahawa sudah cukuplah. Inilah masanya untuk melakukan sedikit pembaikan ataupun perubahan untuk kita melihat balik Projek Wilayah Iskandar ini benar-benar memberikan keuntungan kepada rakyat Johor ini. Dari segi pembangunan ekonomi nombor wahid. Tapi untuk kepentingan rakyat Negeri Johor ini, saya rasa jauh ketinggalan ke belakang.

Rata-rata tak puas hati dengan harga rumah. Bukan masalah harga, rumahnya pun tak mencukupi. Saya ingat kawasan saya di Muar sahaja harga rumah tinggi, rumah tak ada. Selama 5 tahun, rumah murah tak ada langsung di kawasan saya 5 tahun. Rakyat bertanya mana rumah murah? Saya nak jawab apa? Saya kata tunggulah insya-Allah ada. Rumah mampu milik pun tak ada juga. Itu di Sungai Abong khususnya. Jadi insya-Allah saya berdoa, Allah beri hidayah dan kekuatan kepada Yang Amat Berhormat dan barisan EXCOnya untuk memperbetulkan kaedah ini. Kita bagi masa dah setahun tak apa, bagi masa dan saya minta Kerajaan tolong bagi jangka masa supaya senang kita balik ke kampung beritahu kepada rakyat, sabarlah Insya-Allah tahun depan ada rumah murah, insya-Allah. Ataupun 3 tahun lagi, 5 tahun lagi atau 10 tahun lagi? Supaya rakyat boleh carilah mana-mana tempat nak menumpang teduh. Bawah pokok ke, buat rakit tepi sungai ke, dalam laut ke? Oleh kerana harga tanah terlalu mahal, inilah kita jadikan harga rumah ini dijadikan satu faktor utama yang menyebabkan harga rumah mahal, fikir-fikirlah buat rakit dalam sungai. *Free* mungkin. Jadi, insya-Allah kita bagi masa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kepimpinan adalah suatu amanah yang Allah letakkan bahawa memimpin umat ini adalah suatu ibadah yang terbesar daripada segala-gala ibadah dalam Islam ini. Paling besar, nombor satu. Nabi pernah bersabda, satu hari bagi pemimpin yang adil, satu hari sahaja memimpin ummah dengan adil, lebih baik daripada beribadah selama 60 tahun berterusan. Allah meletakkan keadilan, hak ialah asas utama bagi memimpin umat ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, maka hak-hak dalam memimpin umat ini, rakyat ini hak yang wajib kita tunaikan. Tempat teduh rakyat inilah hak dia. Pendidikan yang mampu mereka miliki adalah hak rakyat. Keselamatan, kesihatan, pengangkutan dan yang lain-lain. Ini hak mereka. Kita kena bagi hak. Yang ini penting. Kita selalu dengar contoh-contoh, Saidina Umar dan sebagainya. Ada satu cerita Saidina Umar yang kita jarang dengar.

Yang berhormat Datuk Speaker, satu hari beliau berjalan di Bandar Madinah. Tiba-tiba terlihat seekor unta ini bergelimpangan mati. Maka Umar ini meraung, menangis, meronta-ronta seolah-olah macam masuk nerakalah dia. Bila sahabat tenteramkan, wahai Umar tenang, bertenang. Tiba-tiba dia pun bertenang dan hulurkan jarinya ke dubur unta yang telah mati itu. Bila dia tarik, dia lihat jarinya berwarna hijau, maka dia tenang hatinya. Kata dia, selamat Umar kerana unta ini mati bukan sebab lapar, sebab lain. Sakit ke, *accident*, ke dan sebagainya. Kalau unta ini mati dengan sebab lapar, maka binasalah Umar. *So* itulah dia. Besarnya tanggungjawab memimpin umat. Bukan setakat memimpin.

Y.B. Datuk Speaker : Kitab mana anta baca cerita ini, ana tak pernah baca ini?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Itu yang menariknya Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang biasa kita dengar ini, dia melawat malam dan sebagainya. Ini cerita benar. Ustaz tu. Pernah dengar? Ini EXCO Agama insya-Allah boleh panjangkan lagi cerita dia.

Y.B. Datuk Speaker : Anta tu tanya ke lutut tentulah jawapannya begitu. (Dewan ketawa). Ok teruskan Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi masa saya berapa minit? (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Speaker : Selagi belum tegur, cakap jelah Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kerana masa tu dia akan mempengaruhi cara perbahasan. Kalau pendek caranya lain. Saya kuntau kungfu dulu. Kalau panjang saya bersilat. Ada bunganya dan sebagainya. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mencipta satu program yang dinamakan Suara Hati Rakyat yang saya difahamkan telah pun habis tempohnya, begitu. Saya ingin nak mencadangkan bahawa oleh kerana Ahli Yang Berhormat ni bersidangnya 4 kali setahun. Sekali bersidang 10 minit boleh bercakap. 2 kali, 20 minit. Apa salahnya wujudkan Suara Hati ADUN supaya dapat kita berinteraksi dengan

pihak-pihak kerajaan dalam menyampaikan hasrat atau pun pertanyaan, cadangan dan sebagainya. Rasa ini penting.

Saya difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat ini seorang yang terbuka. Hinggakan seolah tak ada protokol langsung begitu, boleh jumpa bila-bila. Kita tak nak kacau dia. Kita hendak wujudkanlah satu saluran supaya kita boleh menyampaikan atau pun bertanya tentang masalah-masalah negeri dan kawasan-kawasan kita masing-masing. Tak perlu keluar sumbangan, saya rasa tak perlu banyak, tak perlulah belanja-belanja besar, tak perlu. Letak seorang kerani dah cukup.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita berbalik kepada beberapa masalah. Khususnya tentang bantuan segera kepada rakyat-rakyat yang memerlukan. Saya ingin tahu setakat ini, apakah dia bantuan segera yang Kerajaan telah pun wujudkan bagi rakyat-rakyat yang sungguh-sungguh memerlukan bantuan yang benar-benar segera? Seperti yang saya telah dinyatakan, saya setuju sangat dengan perbahasan yang dibuat oleh Semarang pada tempoh hari. Di mana rakyat ini boleh menaruh harapan. Adakah JKM, Baitulmal atau di mana? Kalau kebakaran macam mana? Hari ini rumahnya terbakar, nak pergi mana? ADUN lah. Saya ADUN. Pergi Baitulmal insya-Allah dapat juga sedikit. Tapi rumahnya kena tunggu 4, 5 bulan. Rumah yang atapnya ditiup puting beliung, pergi JKM buat laporan. Cantik laporannya tapi atap itu perlu dibaiki segera pada hari itu juga. Pergi Baitulmal, kadang-kadang berlakunya tengah malam, petang. Maka ADUN juga. Tak ada lain ke selain daripada dua ini dan ADUN. Saya setuju sangat dengan Semarang. Saya dah cadangkan banyak kali, tak penat saya rasa. Tubuhlah dana, tabung untuk bantuan segera ini. Apa salahnya Baitulmal serahlah pada kadi sedikit duit *cash* dengan izin.

Selalu saya cadangkan bahawa, kita ada satu lagi saluran Yang Berhormat Datuk Speaker. Itulah tabung-tabung masjid, surau-surau dan sebagainya. Kalau di masjid tempat saya tu, akaunnya sampai RM200,000.00. Ahli qariah mati pun dikenakan lagi bayaran. Dah mati kena lagi bayaran nak uruskan jenazahnya. Seolah macam perniagaan pula. Apa salahnya gunakanlah, arahkanlah. Bila saya cadangkan sebelum ini jawapannya, kita tak boleh arahkan, ini serah kepada masjid dan surau masing-masing. Itu jawapan. Cuba kita berani arahkan. Inilah tabung untuk qariah. Bukan duit masjid pun ini duit orang ramai. Qariah sumbang tiap-tiap hari, taip-tiap bulan, tiap minggu. Gunakanlah duit ini untuk bantuan-bantuan segera. Kadang-kadang kita malu bila gereja, kuil-kuil dan tokong boleh berikan bantuan kepada orang Islam yang memerlukan bantuan-bantuan seperti ini. Saya minta dengan adanya EXCO yang saya mungkin bervisi misi yang lebih ke arah, insya-Allah kesejahteraan rakyat, tolong fikirkanlah perkara ini. Mungkin kalau kita nak buat dana bantuan rakyat atau *community chest* mungkin makan masa dan urusannya mungkin cerewet. Mana nak salurkan pada ADUN tak berani mungkin kerana ADUN pembangkang ada. Saya tak kisah tak bagi pada ADUN pembangkang pun tak apa. Bagi pada ketua kampung boleh, Penghulu pun boleh. Uruskanlah dana ini. Dan Saya mahu rakyat sangat berhajat pada bantuan segera ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk perhatian kita, masalah ini jarang kita ketengahkan mungkin kita terlepas pandang. Masalah kesihatan bukan masalah EXCO, kesihatan bukan. Sering berlaku yang mana pesakit-pesakit daripada hospital-

hospital daerah dirujukkan kepada hospital-hospital besar khususnya Johor Bahru. Di Muar dirujukkan kepada Johor Bahru. Pesakit-pesakit ini kalau senang, alhamdulillah tak apa mereka sanggup. Ini pesakit-pesakit tua, miskin, keluarganya pun miskin, tak mampu nak hantar pesakit yang dirujuk ke hospital Johor Bahru. Yang mereka mampu hanyalah naik bas atau pun teksi turun *bus stand*, pergi hospital dan sebagainya. Pihak hospital *sign*, pergi. Itu sahaja dia tahu. Buat *appointment*, pergi. Cara mana nak pergi, serah pada pesakit-pesakit. Maka berlakulah pesakit-pesakit ini, kebanyakannya saya tahu kerana mereka mengadu pada kita. Tak mampu, minta tolong janganlah hantar kerana saya tak mampu. Kalau boleh ubat di sinilah. Adakah cara lain? Kalau tak ada peruntukan duit, adakah cara lain menyediakan van-van. Buat satu temu janji hari, daripada Muar satu van pergi, hantar, balik. Urusannya senang, kadang untuk *consultation,* sahaja. Supaya meringankan beban mereka-mereka ini. Ini saya harap boleh dipertimbangkan. Kalau tak ada, ADUN lagi. Kita, kita ini mangsa.

Y.B. Datuk Speaker : Sila gulung.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Gulung yang pertama. (Dewan ketawa). Insya-Allah Yang Berhormat Datuk Speaker. Ini sedikit tentang portfolio pelancongan. Baru-baru ini diumumkan bahawa akan dikenakan cukai ataupun bayaran sebanyak RM5.00, RM10.00 untuk penyelam-penyelam yang akan menyelam di perairan pulau-pulau di Johor. Adakah Kerajaan berfikir bahawa kebanyakan mereka-mereka yang pergi menyelam daripada Mersing ini, dia naik daripada Jeti Mersing bukannya pergi di pulau-pulau negeri Johor tetapi pergi menyelam di Pulau Tioman, sebelah Pahang sana. Saya cadangkan nak kenakan cukai, cukai di jeti. Naik daripada Jeti Mersing, RM5.00, RM10.00. Kalau kita cukai masa dia nak menyelam, maka Pahang dapat, Tioman yang dapat. Saya tak faham cara mana tu tapi cadangan saya kalau nak dikenakan juga cukai untuk menyelam, kita kenakan cukai di jeti-jeti, *airport tax, jetty tax,* supaya semua yang hendak ke pulau tu boleh kita dapat hasil. Tak kira dia menyelam ke mana-mana pun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ha, masuk yang akhirnya. Kalau Bukit Naning tadi dia minta berbelas-belas kawasan dia, saya minta satu jelah. Sebuah kampung namanya Parit Wahid. Naning tahu, ni kubu kuat UMNO ni. Saya kalah teruk di situ. Ada satu parit. Parit Wahid dia ada parit. Parit ni dia gali tiap-tiap tahun. Oleh kerana mungkin nak mengatasi masalah banjir, hinggakan jalan tepi parit itu dah tak ada tebing lagi. Jalan raya, terus parit. Kerana kerap sangat digali oleh JPS. Orang kampung pun nak jalan belah malam pun takut.

Y.B. Datuk Speaker : Jalan tu tak ada rizab?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Hampir dah tak ada rizab. Mula-mula ada rizab. JPS ghairah gali ni. Dia seronok gali hingga terlupa sampai ke jalan. Hampir separuh tanah runtuh. Cuba fikirkan macam mana ni. Jangan ada yang terbongkang dalam parit tu barulah kita nak ini. Jadi macam saudara Umar tadi, meraunglah sampai bila-bila. Han ini, tolong fikirkan. Orang kampung dah merayu pada saya. Tolonglah YB. Dah lama dah bawa benda ni. Ya. Parit U, Parit konkrit. Saya tak faham macam mana lagi. Parit U besar sangat. Daripada parit jadi macam sungai

dah. Jadi, tolonglah disegerakan. Saya ramalkan ada kemalangan akan berlaku tak lama lagi. (Dewan ketawa). Jadi, terima kasih banyak Datuk Speaker yang telah memberi peluang kepada saya dan dengan ini saya menyokonglah usul yang dibawa oleh ADUN Semerang. Dengan itu wassalammualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Abong. Sekarang saya persilakan yang terakhir, Yang Berhormat Tanjung Puteri. Jemput.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Bismillahhirahmanirrahim. Alhamdulillah hirabbil alamin. Wassolatuwassolamuala asrafil anbiaiwalmursalin, waala alihi wasohbihi ajmain. Alhamdulillah. Saya, pertamanya berterima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, kerana saya juga diberi kesempatan untuk turut serta bagi perbahasan usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT juga, yang mana kita diberi kesempatan dan kesihatan seterusnya dapat menjalankan tugas sebagai Wakil Rakyat di Persidangan Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-13 ini. Selamat Hari Raya, maaf zahir batin. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, terima kasih saya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah banyak menyampaikan perkara-perkara daripada luar negara, daripada isu-isu negara, isu-isu negeri, isu-isu tempatan di DUN-DUN dan sebagainya. Begitu juga seperti Rengit katakan tadi, Rengit banyak mengeluh tentang masalah di luar bandar. Jadi saya Tanjung Puteri, saya ingin menceritakan masalah-masalah di dalam bandar saja. Kerana saya balik kampung pun, kampung orang rumah saja.

Yang Berhormat Speaker, kampung saya di dalam bandar. Jadi saya terpaksa cerita tentang hal-hal dalam bandar. Saya nak cerita juga apa yang berlaku sebenarnya di masa keputusan pilihan raya di Tanjung Puteri. Peratus keluar mengundi di tempat saya sebanyak 42,277 pengundi, lebih kurang 83.5% pengundi-pengundi yang keluar mengundi pada masa tu. Saya mendapat 25,687 undi, yakni lebih kurang 61%. Pembangkang lebih kurang 39%. Majoriti undi, saya menang sebanyak 9,097 undi. Daripada pengundi Melayu, 21,401. Sebagaimana yang kita tahu, 85% pengundi Melayu, pengundi Cina juga, saya mendapat 2,753 undi bersamaan dengan 23%. Begitu juga dengan pengundi India 1,567 undi bersamaan dengan 80% mereka keluar mengundi. Orang India, terima kasih. Saya berterima kasih kepada semua pengundi baik Melayu, baik Cina ataupun India di dalam Dewan Undangan Negeri Tanjung Puteri.

Mengimbas kembali kepada pencapaian undi di saluran tempat mengundi, saya dapati, saluran pengundi Melayu, baik saluran 1 hingga ke-5, semuanya memberi undi kepada saya, cuma sedikit kurang di saluran yang ke-2. Bukan saluran anak muda, tidak. Saluran yang ke-2 sebenarnya yang saya dapat kurang undi. Bukan tak ada undi, kurang sedikit undi. Boleh dikatakan rata-rata pengundi muda Melayu memberi

undi kepada saya. Dan saya juga sungguh berterima kasih, kerana saya tak jangka pengundi-pengundi muda kita ini, yang ramai daripada IPTA, IPTS, yang bekerja di Kuala Lumpur, di Pahang, di mana-mana je, dia balik ke Johor ni untuk mengundi. Dan menjadi kerisauan sebenarnya kami di bandar ni, pertamanya kerana kita dapat tahu di dalam media-media massa, dalam *website* dan sebagainya, kita dapat tahu dan kita diberi seolah-olah bayangan, orang-orang muda ini akan menolak kita di dalam bandar. Saya cukup kagum sebenarnya dengan anak-anak Melayu kita yang balik daripada luar-luar kawasan daripada Johor Bahru ni, mengundi Tanjung Puteri semuanya. Alhamdulillah. (Dewan bertepuk).

Saya merasa sedikit kecewa kepada pengundi muda Cina dalam kawasan DUN Tanjung Puteri, boleh dikatakan 23% undi Cina yang saya perolehi datangnya, rata-rata daripada orang-orang Cina dewasa sahaja. Saluran 1, saluran 2. saluran 3. 4, 5, 6, habis semua. Ini saya rasa Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya kenapa? Kenapa pengundi Melayu tadi saya kata di saluran 2, berkurangan dan pengundi-pengundi Cina, tidak memberi undi kepada saya, adalah sebab-sebab yang saya kira akan sampaikan sekejap lagi. Tetapi saya nak kupas balik keputusan pilihan raya di dalam Malaysia ini. Parlimennya dan juga DUNnya. Parlimen Johor Bahru, 26 kawasan. Barisan Nasional menang 21 kerusi. Komposisinya 15 Melayu, 5 Cina, 1 India. Parti demokrasi yang benar-benar berdaftar. Ha ini, kalau kita tengok pula, DAP menang 4 kerusi, semuanya Cina tapi dia *claim* ini sebuah parti demokrasi. Macam mana ni?. Begitu juga PKR. PKR menang 1 kerusi, demokrasinya Melayu sahaja. Saya tak nampaklah mungkin PAS tak ada, mungkin PAS memang Melayu semua, tak apa. tapi kalau kita lihatkan, sebenarnya parti yang sebenarnya, parti yang demokrasi yang berdaftar adalah Barisan Nasional. (Dewan bertepuk). Semua kaum ada. Macam mana tadi nak cakap, kawan saya katalah tadi, saya tak ingat yang mana satu. Begitu juga dengan Dewan Undangan Negeri, 56 kawasan.

Y.B. Datuk Speaker : Kawan tu Tenggaroh.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ha, silap-silap. Silap Pengerusi. Silap Speaker. BN menang 38 kerusi. 32 Melayu, 3 Cina dan 3 India. Ha, ini melambangkan demokrasi. Kita membahagi-bahagikan sebenarnya. Kita cukup. Kita tak pandang sebenarnya di manakah parti Barisan Nasional ini perkauman? Tak ada. Tak ada. Kalau kita nak katakan UMNO, UMNO sebenarnya bukan parti. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Pertubuhan Kebangsaan. Ini sama juga dengan NGO-NGO yang lain. Begitu juga dengan MCA, *Malaysian Chinese Association*, kalau MICnya, *Malaysia Indian Congress*. Ini kita, tak adalah macam DAP yang katakan dia sebuah parti yang demokrasi. Dia ada Melayu, ada Cina ada India, tetapi maklum ajelah, Tengku apa tu yang dah kena sepak keluar. Ha, itu saya tak tahulah, macam mana cara dia, itu pandai masing-masing. Tetapi, kita duduk di dalam Dewan ini, mewakili Barisan Nasional, parti yang menang dan parti yang membawa demokrasi sebenarnya.

Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Yang Berhormat Datuk Speaker, pasal ni dah tiap-tiap malam keluar ni, ha pasal nak adakan pertandingan, jadi dah tersasul-sasul dah. Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat yang saya hormati Datuk Speaker, sekali lagi saya nak katakan Barisan Nasional, adalah sebuah parti yang demokrasi. Tetapi, ada satu parti, ada mereka *claim* ni, Pakatan Rakyat, Pakatan Rakyat ni boleh

kita katakan sebuah pakatan yang haram, yang tidak berdaftar. Jadi, janganlah gunakan. Sebenarnya rakyat memang berpakat pun. Tak payahlah katakan ini sebuah gabungan, sebuah kesatuan untuk membela rakyat. Tak payah. Ianya tidak pernah berdaftar dan ianya juga mempunyai komposisi-komposisi di dalamnya yang carca marba.

Jadi, perkara seperti ini dalam *analise* saya, dalam kawasan saya, sebahagian orang Melayu di saluran 2 tadi saya katakan, mereka ini sedikit ada terlalu fanatik kepada agama dan mempunyai masalah-masalah peribadi dan terpedaya dengan propaganda-propaganda. Orang muda Cina terpedaya dengan propaganda-propaganda, tipu-tipu helah serta janji-janji perkauman. Yang pertama saya nak katakan, tiada gangguan elektrik, waktu kira undi. Sebenarnya tak ada. Sebab dalam laporan, ini TNB beri laporan. Tenaga Nasional Berhad menjelaskan tiada gangguan bekalan elektrik berlaku semasa proses pengiraan undi pada Pilihan raya Umum Ke-13. Tak ada. Dan kalau apa pun berlaku, mestilah kita ni yang bertanding ada agen-agen kita di dalam bilik kita mengundi tu. Di dalam tempat mengira undi. Tak kan lah pembangkang punya agen ni tidur ke ataupun dia lari daripada kerja. Ini yang saya cukup hairan. Kenapa masih masyarakat mengatakan, yang pembangkang kata ni betul. Dia cakap pula *black out* 505. Ini apa hal ni, ada *black out* ni. Padahal tak ada ni TNB dah jawab tak ada. Dia kata ada. Agen-agen pembangkang ni, saya mintaklah pembangkang-pembangkang yang ada dekat sini ni, *check* balik agen-agen pembangkang ni dia tidur ke masa buat kerja, hinggakan ada. Dan, ada laporan daripada agen-agen pembangkang dia kata tak ada benda berlaku pun tetapi masih mereka-mereka ini menggunakan isu-isu seperti ini untuk menunjukkan yang SPR ini sentiasa membuat salah. Begitu juga dengan keduanya, janji Ketua Pembangkang ataupun Penasihat kepada parti-parti tersebut kepada kaum Cina. Kalau saya nak tunjukkanlah janji-janji Nuar, ini bukan saya anu, ini dia dah, saya dah dapat, ini dalam bandar ini. Ini kes dalam bandar, Tanjung Puteri.

Y.B. Datuk Speaker : Jangan sebut nama.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya tak sebut nama minta maaf. Saya sebut belakang aje, janji-janji Nuar kepada pengundi Cina, tidak mustahil Cina kuat menyokong Nuar, walaupun selepas PRU. Nak tahu apa dia tulis? Biar saya baca. Ni surat kepada penduduk dalam bandar ini. Salam sejahtera saudara. Saya amat menghargai sokongan padu kaum Cina, blah, blah, blah ok. Dengan sokongan dari kaum Cina, saya berjanji akan menjadi Perdana Menteri fulamak. Hanya untuk tempoh 2 tahun sahaja. Selepas tempoh itu, saya dengan sukacita menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada saudara, tak boleh sebut nama, Ketua Menteri Pulau Pinang bagi mentadbir Negeri kita Negara kita. Saya amat yakin kepimpinan saudara blah, bla, bla mampu memberi faedah yang besar kepada kaum Cina apabila memerintah Negara kelak.

Ini ada, gambar dia pun ada bawah tu, tapi dia tidak tandatangan, ha, itu ajelah, dia tidak tandatangan. Mungkin ini kerja-kerja *Read Bean Army*. Ini semua saya petik, kalau pembangkang memang, memang apa pandai gunakan media Maya ini, saya pun ada jugalah kawan-kawan yang tolong saya kerana saya tak mampu nak bayar dia orang ini. Dia orang ni gaji dia mahal. Dilaporkan, *Read Bean Army* ini mendapat

RM3,000.00 sebulan dalam masa PRU 13, tahun 2012. Jadi, ini satu, saya ada lagi satu. Janji-janji calon. Undilah calon-calon kami, ada 3 lambang. Saya tak tahulah Barisan Nasional 1 aje lambang dia, ini ada 3 lambang. Janji kami jika menang, Agama Islam tidak lagi menjadi agama rasmi. Saya tak tahu PAS nak cakap apa. Sistem Beraja dimansuhkan.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Peraturan

Y.B. Datuk Speaker : Peraturan apa lagi Yang Berhormat?

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : 45(17).

Y.B. Datuk Speaker : 45,

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : (17).

Y.B. Datuk Speaker : Apa dia?

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Adalah menyalahi Peraturan Mesyuarat menggunakan kata-kata yang harus membangkitkan perasaan sakit hati atau permusuhan …

Y.B. Datuk Speaker : Tak tepatlah Yang Berhormat. Tak tepat Peraturan tu tak boleh digunakan. Jemputlah teruskan.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Datuk Speaker kalau nak saya bagilah. Saya ni baca, baca dari laporan. Bukan baca saya punya teks, teks saya, tak. Saya baca laporan, ini laporan, boleh. Ha, ini boleh. Jadi, ini tadi saya dengar apa, Mengkibol, sikap terbuka ini. Mengkibol kata. Ha, inilah dia, kita terbuka kita berani kita kata apa yang benar, ha ini yang benar ini. Ni saya terima bukan tak terima. Sambung lagi. Sistem Beraja dimansuhkan. Kalimah Allah boleh dipakai oleh semua agama, hak keistimewaan Melayu dihapuskan. Agensi-agensi MARA, FELDA, FELCRA, RISDA dimansuhkan. Dan akhir sekali, Askar Melayu, Polis DiRaja dibubarkan. Terima kasih kerana menyokong kami. Ini dalam bandar ni, luar bandar mungkin Rengit tak ada, tak terima ini. Ini dalam bandar, dalam bandar punya kempen.

Y.B. Datuk Speaker : Sila gulung.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, saya ingat Yang Berhormat Tanjung Puteri dia bikin sendiri tak?

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Tak, ada ni, ada ini,

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tanjung Puteri yang bikin sendiri lah?

Y.B. Datuk Speaker : Skudai, tak boleh nyampuk begitu, jemput. Gulung.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Sebelum saya gulung, saya lipat dulu. Pengerusi, sebenarnya banyak perkara yang kita nak membincangkan. Kalau kita nak bincangkan perkara-perkara yang terbuka seperti ini, akhirnya nanti saya nak tegur sistem pembelajaran kita. Sebelum itu, sekali saya nak cakap, ok pendek aje, cepat-cepat. Tuntutan FIC dan pengasas Himpunan Bersih yang kotor tu, kalau saya nak bacakan ada 14 belas perkara. Kalau nak tahu ini semua dapat ni. Ini bukan saya dapat anu, daripada Malaysia Kini, Malaysia Kini. 14 tuntutan FIC tak boleh sebut nama. Biga saja dan FIC saling berkait rapat, tulang belakang. Dia ni tulang belakang kepada IFC, manakala PR pula pemuja dia.

1. Seorang anak yang dilahirkan oleh ibu bapa Islam tidak seharusnya secara terus menjadi orang Islam. Ini dia punya tuntutan ini.

2. Orang bukan Islam yang telah memeluk Islam hendaklah diberi kebebasan untuk kembali ke agama asal mereka yakni murtad dan tidak boleh dikenakan undang-undang.

3. Sebarang kes pertukaran agama orang Islam kepada bukan Islam tidak sepatutnya dikendalikan oleh Mahkamah Syariah tetapi dikendalikan oleh Mahkamah Sivil.

4. Tidak perlu dicatatkan di dalam kad pengenalan seorang Muslim bahawa dia beragama Islam. Habis nak taruk apa tu? Orang bukan Islam tidak perlu menganuti Islam sekiranya ingin berkahwin dengan orang bukan Islam. Banyak lagi ni, banyak, 14. Kalau saya baca nanti boleh dikatakan menghasut.

Y.B. Datuk Speaker : Cukup Yang Berhormat, masa.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ok, ok. saya lipat. *Red Bean Army,*

Y.B. Datuk Speaker : Bukan lipat, gulung.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Oh gulung (Dewan ketawa) Pengerusi kasi saya 1 minit, saya nak, ni, ni, kerana ini semua kalau kita lihat saya ada satu gambarlah yang betul-betul menyayat hati saya. Saya nangis. Anak kita di luar Negara, dia berkumpul ramai-ramai pakai baju hitam, bendera kita diterbalikkan. Siapa ajar, siapa ajar, Siapa ajar benda, siapa ajar? Kalau saya katakan nanti rasis, kerana semuanya Cina, saya hairan. Ini di Taiwan, ini tahu Yang Berhormat Datuk Speaker, di Taiwan, saya ada satu lagi gambar ni. Ini cerita dia dalam negeri tetapi ada gambar ini, Sedili ingat macam kenal. Pengasas syarikat elektronik terbesar di Taiwan adalah orang Malaysia juga tu, yang tengah-tengah dia, sebelah dia, yang dia tengah bercakap dialah tu.

Ini penglibatan syarikat elektronik Taiwan ini dia sebenarnya, dia nak maju di Malaysia dia dapat geran daripada MATRADE. Ini Kerajaan ni, dia gunakan MCA ke, tak tahulah tu. Tapi, dia gunakan. Dapat, lepas tu dia tidak menyokong. Dan, inilah jadi pada anak-anak kita di sana ini. Saya nak cakap banyak sangat ni, tak apa pendekkan.

Jadi kalau kita ikut masalah-masalah Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ucapkan tahniahlah kepada pembangkang kerana ada yang mengatakan penambahan 18 kerusi di Dewan Undangan Negeri pada masa ini menjadi kebanggaan tetapi apa yang berlaku semasa PRU 13 adalah sungguh-sungguh busuk, jijik dan meloya. Ha, ini bukan saya kata, anak sedara kata. Anak sedara saya yang kata kerana dia balik jauh-jauh ni mengundi tapi dia tengok apa yang berlaku macam gini. Lepas tu, ini saya nak beritahu, parti paling kotor dan yang paling rasis adalah DAP. Berterusan guna sentimen perkauman, bertindak melampau. Bukan saya kata ni, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ini Presiden MCA, dia kata DAP satu-satunya parti yang sanggup berbuat apa sahaja untuk meraih undi. Saya telah menerima pelbagai aduan berhubung parti tersebut termasuk yang terbaru mahu membakar dan memusnahkan premis kedai jika tidak mengundi calon-calon mereka.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Tanjung Puteri.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ada bukti, ada bukti.

Y.B. Datuk Speaker : Cukuplah, cukup, cukup.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Fakta.

Y.B. Datuk Speaker : Faham dah kita, maksud keseluruhannya tu…

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Inilah, saya gulunglah. Saya ini pun akur juga macam yang lain. Saya, oleh kerana kita lihat anak-anak muda sekarang macam gini kelakuan dia, kita bimbang. Kita bimbang akan datang apa yang akan jadi kepada kita seperti apa yang berlaku seperti ini. Ini Persatuan Lembaga Pengelola Sekolah Cina Malaysia, Dong Zong ini. Masih tak cukup-cukup lagi, mereka ini tahu tak yang kos yang sebanyak RM1.8 bilion diperuntukkan Kerajaan Pusat setiap tahun untuk membayar gaji guru-guru dan operasi mengurus SJK (C) seluruh Negara. Bajet 2012, tambahan lagi RM100 juta, khas untuk penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan pembinaan SJK(C) yang baru.

Dong Zong buat isu kekurangan guru di SJK(C) dan kata mereka Kerajaan menghantar guru yang tidak berkelayakan Bahasa Cina untuk mengajar di SJK(C). Guru Melayu yang mengajar Bahasa Malaysia mesti pandai cakap Cina, Mandarin, Mandarin. Ini rasis ke apa ini saya pun tak tahu nak cakap.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Tanjung Puteri,

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Jadi saya mencadangkanlah Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mencadangkan agar semua murid di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah diajar banyak bahasa, supaya kalau Melayunya

boleh baca Cina, kalau Cinanya boleh baca India, kalau Indianya boleh baca Melayu dan orang putih, semualah. Jadi, saya mencadangkan di sekolah Melayu pendidikan Bahasa Melayu mestilah diajar dengan tulisan Jawi. Biarlah orang Cina tahu Bahasa Jawi. Itu ada satu, Bukit Permai, bukan Bukit Permai, ialah Bukit Permai katakan, boleh orang Cina nanti baca sendiri Jawi. Jadi kita ajar, kita ajar anak-anak kita,

Y.B. Datuk Speaker : Ini dah berulang dah Yang Berhormat tadi dah bercakap. Jadi saya minta Yang Berhormat berhentikan perbahasan, lebih masa dah.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Penutup, penutup. Pendidikan Melayu diajar dengan tulisan Jawi, Bahasa Mandarin diajar menggunakan tulisan Cina, Bahasa Tamil diajar juga penulisan India. Jadi 3, 3 bahasa ini kita ajar di Sekolah Kebangsaan, kita ajar di Sekolah Menengah kepada semua sekali murid-murid kita. Supaya anak-anak kita,

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat,

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ya, ya.

Y.B. Datuk Speaker : Banyak kali dah saya tegur tu.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ok, ok. Akhir kata Yang Berhormat Speaker, Tanjung Puteri mohon menyokong Semarang. Sekian, wabillahitaufiq walhidayah,, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Puteri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan Persidangan kita pada hari ini, saya ingin memaklumkan bahawa hari esok, 22 Ogos 2013, Ahli-Ahli Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi akan mula membuat penggulungan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan esok juga ada beberapa rundingan akan dibawa dalam Persidangan esok. Saya berhadap kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat pada esok hari dan sebelum itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas penglibatan dan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat seramai 44 orang mengambil bahagian, dalam Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Jadi, sama-samalah kita dengar penggulungan daripada Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi pada esok hari. Jadi, saya harap Persidangan esok hari dapat dihadiri dengan penuh dan mudah-mudahan berjalan dengan lancar dan saya harap juga kerjasama yang telah diberikan kepada saya selama 3 hari ini akan dapat kita teruskan pada esok hari, hari yang penghabisan untuk menentukan kejayaan mesyuarat kita pada kali ini. Dengan ini mesyuarat ditangguhkan.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4.05 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KELIMA	KHAMIS, 22 OGOS 2013	BIL. 2 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker Dewan,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton bin Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B, Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Berselawat). Salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita, kita sambung pada hari yang terakhir ini dengan kita mulakan pagi ini dengan penggulungan atau pun jawapan daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa yang telah pun mendengar segala hujah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat selama 3 hari yang lalu, maka dengan ini mudah-mudahan kita akan dapat mendengar jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa.

Jurutulis : SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula dengan saya persilakan… Yang Berhormat silakan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahman nirrahim. (Berselawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah yang masih memberikan saya kekuatan dan keupayaan untuk turut sama di dalam rundingan menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika merasmikan Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Ke-13. Tentunya Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia mampu mendorong untuk kita bermuhasabah, menilai kekuatan dan kelemahan serta melakar strategi masa depan di samping merapatkan ukhuwah menjalin persahabatan, mengukuh silaturahim antara kaum untuk menjadikan Johor Darul Ta'zim sebuah negeri yang penuh kesejahteraan dan mendapat keampunan Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, awal bicara ini saya mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih ke atas Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku di atas perkenan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan dan amanah yang diberikan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk saya bersama dalam pasukan pentadbiran Kerajaan Negeri bagi merealisasikan hasrat dan juga cita-cita Yang Amat Berhormat Menteri Besar memikul tanggungjawab menjaga Portfolio Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor. Saya cukup teruja untuk memberikan khidmat bakti sedaya upaya sebagai insan biasa untuk menterjemahkan hasrat dan cita-cita murni ini untuk kesejahteraan rakyat Johor.

Di Dewan yang mulia ini, saya mengajak rakan-rakan Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan rakyat yang berada di luar sana untuk memberikan sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk terus membangunkan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya memetik Titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku semasa perasmian Persidangan tempoh hari. Titah Baginda Tuanku "Saudara-saudari sekalian, Negeri Johor mempunyai khazanah alam semula jadi yang amat berharga, daripada puncak Gunung Ledang hinggalah ke dasar laut Kepulauan Mersing.

Namun khazanah alam ini akan terhapus jika tidak dikawal dengan baik daripada kebanjiran pelawat yang datang berkunjung. Oleh itu, saya meminta Kerajaan bersikap tegas terhadap mengawal bilangan pelawat yang dibenarkan untuk memasuki kawasan Taman Negara Gunung Ledang dan Endau-Rompin. Begitu juga dengan kawasan Kepulauan Mersing yang telah diwartakan sebagai kawasan Taman Negara Johor. Bilangan pelawat dan penyelam mestilah dihadkan."

Yang Berhormat Datuk Speaker, jika kita menghayati, memahami, mengerti Titah Ucapan Baginda Tuanku, maka tidak akan timbul persoalan yang dibangkitkan oleh ADUN Skudai berkaitan tentang pengenaan caj bayaran kemasukan kepada pelawat sebanyak RM5.00 dan juga RM3.00 bagi pelawat tempatan yang bawah dewasa dan bawah 18 tahun dan juga RM20.00 kepada pelawat asing memasuki Taman Negara Mersing dan rasionalnya mengehadkan bilangan 100 penyelam sehari sahaja bagi setiap gugusan pulau.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Perbadanan Taman Negara Johor telah membuat kutipan yuran konservasi ini sejak penubuhan Taman Negara Johor Endau-Rompin pada tahun 1993. Sejak daripada itu, semua kutipan yuran konservasi telah dikutip di semua Taman Negara Johor meliputi Taman Negara Johor Gunung Ledang, Taman Negara Johor Tanjung Piai, Taman Negara Johor Pulau Kukup dan yang terkini Taman Negara Johor Kepulauan Mersing yang berkuat kuasa 1 September 2013 dan ditambah dengan kutipan ke atas penyelam-penyelam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keindahan khazanah alam semula jadi ini yang diwariskan kepada kita haruslah kita kekalkan keindahannya untuk kita warisi kepada generasi masa depan. Perkongsian menikmati keindahan alam ini seharusnya diterjemahkan juga dari segi perkongsian kos antara penyedia kemudahan dan juga orang yang menikmatinya. Kutipan hasil yang dipungut akan digunakan untuk tabung konservasi bagi membiayai program-program pemuliharaan hidupan marin dan biologinya termasuk kajian, penyelidikan dan program pendidikan alam bagi memastikan kesinambungan nilai yang boleh mencapai tahap pengiktirafan dunia dari segi pengurusan cemerlang. Saya menyambut baik saranan Yang Berhormat Sungai Abong yang mencadangkan kutipan hasil tersebut dilakukan di Jeti Mersing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia sememangnya kutipan yuran tersebut dilakukan di Jeti Mersing dan juga Jeti Tanjung Leman milik Johor Corporation bagi pelawat yang menuju ke Pulau Sibu dan juga Pulau Tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, YB Skudai memetik kajian profesional yang merujuk kepada pembuangan sisa industri sebagai punca pencemaran laut di Kepulauan Mersing yang mempertikaikan yang berkaitan tentang kenaikan caj apabila kita katakan bahawa antara faktor yang menyebabkan kita kenakan caj ini adalah akibat daripada pembuangan sampah dan sebagainya. Artikel kajian yang digunakan dengan izin, *Evaluation of Trace Levels in Tissues of Two Commercial Fish Species in Kapar and Mersing Coastal Waters, Peninsular Malaysia* oleh Fathi Alhasmi Bashir, Mohammad Shuhaimi-Othman dan A.G. Mazlan dijadikan sebagai rujukan.

Saya mengambil kesempatan di sini Yang Berhormat Datuk Speaker, menyangkal pandangan Skudai ini kerana Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor sentiasa menjalankan pengawasan kualiti air marin di enam stesen di sepanjang Pantai Mersing iaitu di Teluk Mahkota, Tanjung Leman, Pantai Sri Pantai, Teluk Gorek, Pantai Air Papan, Kuala Sungai Mersing dan satu stesen pulau di Pulau Setindan, Mersing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jarak pulau-pulau di perairan Mersing dari Tanah Besar Negeri Johor melepasi 5 km ke atas. Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar, terdapat 13 punca industri di dalam Daerah Mersing, 7 premis yang melepaskan efluen dan 6 premis tidak menghasilkan efluen datang daripada industri kering. Premis industri tersebut melepaskan efluen terawat ke dalam sungai dan tidak mengair terus ke laut. Memandangkan tiada kawasan perindustrian besar yang terletak di sekitar Mersing, yang mengalirkan efluen secara langsung ke Laut China Selatan dan pulau-pulau perairan Mersing yang terletak lebih 5 km dari Tanah Besar, pelepasan daripada industri yang dikatakan mengikut dakwaan Skudai berpunca untuk menjadikan pencemaran itu bukanlah punca kepada paras logam yang tinggi seperti yang didakwa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada ucapan Yang Berhormat tersebut yang mengatakan bahawa logam berat didapati tinggi seperti besi, aluminium, zink dan diperolehi.. dan mengatakan bahawa logam berat seperti plumbum dan cadmium rendah berdasarkan daripada kajian yang sama… Berdasarkan daripada kajian yang sama setelah kita membuat semakan terhadap kajian yang dinyatakan, dapatan penyelidikan dalam jurnal tersebut menyatakan dalam konklusinya dengan izin, *The comparison of trace metals level with NWQSM (National Water Quality Standard Malaysia) and WHO showed the all the matter consentrations were below the maximum acceptable concentration except for cadmium.*

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kajian yang sama yang dikatakan oleh Skudai mengatakan bahawa semua logam tinggi kecuali kadmium dan juga plumbum. Tetapi kajian yang sama menunjukkan bahawa semua logam-logam berat yang ada di bawah paras yang tinggi hanyalah kadmium. Maka hujah yang dilakukan oleh Skudai juga bercanggah di dalam satu kajian yang sama. Dan pensampelan ini dibuat dengan izin, *Water and fish sampling were done at two different station of coast*

water of Peninsular Malaysia in October 2009 dan sampel yang diambil pada tahun 2009 dan hanya diterbitkan di dalam *Journal of Environmental*… apa benda ni… *Public Health* pada tahun 2012. Sampel diambil pada tahun 2009 tetapi di*publish*kan…diterbitkan pada tahun 2012. Ini menggambarkan bahawa ia tidak menggambarkan keadaan sebenar apa yang berlaku di Kepulauan Mersing.

Perbandingan dapatan terhadap *Metal Concentration* sepatutnya dibuat menggunakan piawaian *Marine Water Quality Criteria & Standard* bukannya *National Water Quality Standard* Malaysia kerana *National Water Quality Standard* Malaysia ini khusus untuk air yang berada di sungai. Tetapi apabila kita hendak membuat kajian yang berkaitan tentang persisiran pantai dan juga laut, sepatutnya ianya dirujuk melalui piawaian *Marine Water Quality Criteria & Standard.* Pada tahun 2012 dan juga 2013, program pengawasan kualiti air marin di stesen-stesen Pantai Mersing menunjukkan paras kadmium adalah di bawah 1 mikrogram per liter. *Standard* bagi *marine water quality* adalah 2 mikrogram per liter dan ini menunjukkan kajian tersebut tidak tepat dan dakwaan yang diutarakan berkaitan tentang pencemaran laut akibat daripada punca… yang menjadikan punca kepada pencemaran Perairan Mersing adalah satu dakwaan yang tidak berasas dan saya mohon di masa yang akan datang dakwaan-dakwaan seperti ini tidak berulang kerana ia akan memberikan imej negatif kepada usaha Kerajaan untuk memelihara khazanah alam yang kita sentiasa pertahankan kebersihan dan juga keindahannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, nampaknya di dalam Dewan ini kebanyakan Y.B. pembangkang banyak mengutarakan persoalan pembangunan dan pencemaran di luar kawasan mereka dan sebagai Kerajaan yang prihatin, kita akan cuba yang terbaik untuk memberikan jawapan kepada persoalan yang diberikan.

Yang Berhormat Bentayan membangkitkan isu berkaitan potensi pencemaran ke atas Sungai Lebam yang menjadi sumber bekalan air bagi Kota Tinggi disebabkan kedudukannya yang hampir dengan industri petrokimia di Pengerang. Sukacita dimaklumkan perkara ini telah diteliti di dalam laporan *detail* EIA. Semua air pelepasan efluen daripada Projek RAPID akan diolah untuk menepati Standard B sepertimana yang disyaratkan di dalam kelulusan *detail* EIA. Jabatan Alam Sekitar akan sentiasa memantau sistem pengolahan efluen dan pelepasan efluen terolah ini, maka tiada isu pencemaran sungai akan timbul.

Y.B. Senai meminta penjelasan berkaitan kilang simen baru yang diluluskan di Kawasan Perindustrian Senai – Seelong, yang dikatakan kawasan yang dikhaskan untuk industri ICT. Rekod Jabatan Alam Sekitar menunjukkan kawasan industri terancang hanya meliputi Kawasan Industri Senai 1 hingga 4, Senai Airport City, Kawasan Industri Murni dan Kawasan Industri Sungai Idaman.

Setakat ini tiada permohonan rasmi kepada Jabatan Alam Sekitar untuk menetapkan kawasan industri ini sebagai kawasan ICT. Bagi tanah-tanah industri Seelong, permohonan dibuat secara individu oleh pemilik tanah dan tidak dibangunkan secara berpusat dan terancang. Kawasan ini juga tidak digazetkan sebagai kawasan ICT.

Sebagai tambahan, tiada sebarang aduan yang diterima oleh Majlis Daerah Kulai berkaitan tentang pencemaran yang berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menjawab pertanyaan Y.B. Senggarang berkaitan hakisan pantai di sepanjang Pantai Senggarang ingin saya maklumkan peruntukan bagi kerja-kerja pengawalan hakisan di Pantai Senggarang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 bagi *Rolling Plan* ke-4 (2014-2015) dengan kos RM5 juta. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia sedang mereka bentuk penyelesaian terbaik bagi kawasan tersebut. Semoga dengan kelulusan peruntukan ini akan memberikan manfaat kepada penduduk Senggarang.

Yang Berhormat Bentayan membangkitkan kejadian tebing runtuh di tebing Sungai Tanjung Emas Muar. Ingin saya maklumkan Kerajaan Barisan Nasional Pusat telah meluluskan projek pembinaan *water front* di tebing Sungai Muar Parcel 1 di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, *Rolling Plan* Ke-4 dijangkakan pelaksanaan bermula pada tahun 2014 hingga 2015 dengan jumlah kos RM30 juta. Skop kerja meliputi kajian reka bentuk terperinci, penstabilan tebing, pembinaan *water front* dan pengindahan tebing sungai. Kelulusan peruntukan ini diperolehi hasil kerja kuat dan permohonan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin tempatan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Yong Peng membangkitkan keperluan pembinaan sebuah hospital di kawasan Yong Peng. Kawasan Yong Peng yang terletak di dalam daerah Batu Pahat yang telah pun mempunyai sebuah Hospital Pakar Major bagi menampung keperluan penduduk di daerah ini. Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat telah dinaikkan taraf dengan menambahkan jumlah yakni sebanyak 6 wad dan beberapa kemudahan lain seperti dewan bedah, makmal, CT Scan dan sebagainya.

Jarak Yong Peng dengan hospital ini ialah 29.8 kilometer. Yong Peng juga terletak berdekatan dengan Hospital Enche Besar Hajah Kalsom Kluang yang bertaraf pakar minor. Jarak Yong Peng dengan Hospital Kluang 37.8 kilometer. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia belum bercadang untuk membina sebuah hospital di Kawasan Yong Peng. Walau bagaimanapun, hasil tuntutan dan permintaan ADUN Yong Peng sebelum ini yang datang daripada Barisan Nasional, keperluan penduduk kawasan Yong Peng ini akan ditampung dengan pembinaan sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 dengan kuarters bagi menggantikan Klinik Kesihatan Yong Peng sedia ada yang telah pun diluluskan pembinaannya pada tahun 2013 dalam Rancangan Malaysia Ke-10, *Rolling Plan* yang Ke-3.

Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa iaitu fasa pertama melibatkan kerja-kerja tanah dan kerja-kerja yang berkaitan, manakala fasa kedua melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan klinik dan kuarters. Bagi fasa 1, iaitu kerja-kerja tanah dan kerja yang berkaitan telah pun dimulakan pada 2 Mei 2013 dan dijangka siap pada 1 Oktober 2013. Fasa kedua bagi kerja-kerja bangunan akan dimulakan sebaik sahaja fasa 1 ini selesai. Pembinaan Klinik Kesihatan Yong Peng yang baru ini akan meningkatkan lagi capaian perkhidmatan kesihatan penduduk Yong Peng.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pelbagai permasalahan, pendapat dan cadangan di bawah portfolio saya. Saya amat menghargainya dan saya memohon maaf jika terdapat kecicirán jawapan terhadap persoalan yang memerlukan jawapan pada hari ini dan insya-Allah saya akan melihat kembali ucapan-ucapan perbahasan yang melibatkan jabatan-jabatan di bawah portfolio saya seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Tenggaroh dan juga Yang Berhormat Sungai Abong.

Akhirnya, sekali lagi saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin kepada semua yang berada di Dewan ini dan saya berdoa moga Allah memberkati apa yang kita lakukan pada hari ini dan insya-Allah pada hari-hari yang seterusnya. Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi yang lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : (Berselawat) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang serta kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia ini. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dapat bersama-sama memberikan idea, cadangan dan mengemukakan permasalahan serta isu-isu yang berkaitan dengan portfolio Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya mengambil kesempatan untuk merujuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Semarang iaitu tentang pemugaran dan pengekalan bangunan serta tempat-tempat bersejarah yang ada di Negeri Johor. Menurut Seksyen 3 (1) dan (2) Enakmen Bilangan 7/1988, Yayasan Warisan Johor, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengisytiharkan sesuatu monumen sebagai monumen lama dan sesuatu tapak tanah sebagai tapak bersejarah dan boleh menentukan kawasan-kawasan monumen atau tapak tanah itu. Selain itu, menurut Seksyen 67 Akta Warisan 2005, Menteri boleh melalui perintah yang disalurkan dalam

warta mengisytiharkan mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan yang disenaraikan dalam daftar atau mana-mana orang yang hidup sebagai satu warisan kebudayaan. Untuk makluman sidang Dewan, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil proaktif dalam melaksanakan perkara ini sebanyak 6 monumen iaitu:

1. Kota Batu di Johor Lama.
2. Istana Besar Johor Bahru.
3. Masjid Sultan Abu Bakar.
4. Bangunan Pejabat Kerajaan Muar.
5. Bangunan Sekolah Tinggi Muar.
6. Sekolah Tinggi Segamat.

Manakala tapak sejarah Negeri Johor yang telah diwartakan dan diisytiharkan sebagai Tapak Warisan adalah seperti berikut:

1. Taman Negara Gunung Ledang
2. Taman Negara Tanjung Piai

Penetapan tersebut adalah mengikut Akta Benda Purba 1976 (1) hingga (6) Enakmen Yayasan Warisan Negeri 14988 Bilangan 7 hingga 8 dan Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta 645 Bilangan 9(10). Manakala Akta Benda Purba 1976 telah digantikan dengan Akta Warisan Kebangsaan Tahun 2005.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yayasan Warisan Johor sehingga kini sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara yang mempunyai kepakaran daripada segi undang-undang dan kerja-kerja teknikal pemuliharaan bangunan. Sejak tahun 2012, Yayasan Warisan Johor secara aktifnya telah mula mengumpulkan senarai bangunan bersejarah melalui kerjasama daripada semua Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi Kerajaan di seluruh Negeri Johor melalui Mesyuarat Teknikal yang dipengerusikan oleh Pengarah Yayasan Warisan Johor pada 13 Januari Tahun 2012.

Dan, susulan maklumat daripada Jabatan dan agensi Kerajaan tersebut senarai bangunan bersejarah telah dikenal pasti di lapan daerah iaitu di Johor Bahru sebanyak 57 buah, di Muar dan Ledang 33, di Batu Pahat 41, Segamat 15, Kota Tinggi 32, di Kluang 10, Pontian 7 dan Mersing 11. Keseluruhan bangunan-bangunan yang telah dikenal pasti adalah sebanyak 208 buah. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar senarai monumen dan tempat bersejarah yang tersenarai adalah tidak lengkap, dari segi pelan lokasi, pelan bangunan termasuk ciri-ciri fizikal bangunan bersejarah tersebut.

Oleh itu usaha ini memerlukan kepakaran teknikal bagi melengkapkan maklumat-maklumat secara terperinci. Yayasan Warisan Johor akan melantik Syarikat Perunding untuk tujuan ini dan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Warisan Negeri seterusnya bagi mempertimbangkan senarai monumen dan tempat bersejarah untuk dibawa pertimbangan Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi merealisasikan hasrat murni ini, Yayasan Warisan Negeri Johor bersedia untuk melaksanakan pindaan Enakmen Bilangan 7/1988 dengan kerjasama Penasihat Undang-Undang Negeri bagi memperkukuhkan dan memperkasakan undang-undang terhadap monumen dan bangunan bersejarah dari segi:

1. Penubuhan Jabatan Warisan Negeri.
2. Penguatkuasaan dan kawalan.
3. Kawalan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan.

Yayasan Warisan Johor juga sedang di dalam perancangan untuk menubuhkan Pusat Warisan Johor sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 26 Mac 2012 semasa proses pengambilalihan Kompleks MAWAR iaitu satu *One Stop Centre* akan ditubuhkan. Manakala bagi tujuan promosi pula Yayasan Warisan Johor akan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pelancongan Negeri, *Tourism Malaysia* dan Pertubuhan Pemulihan Kawasan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Semarang dan juga Yang Berhormat ADUN Senggarang juga ada membangkitkan perkara yang sama iaitu berkenaan mengujudkan muzium di setiap daerah dalam Negeri Johor, dengan tujuan untuk memelihara warisan dan budaya yang ada di Negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, suka saya nyatakan di sini bahawa bagi pemuziuman di Yayasan Warisan Johor telah mempunyai 4 muzium iaitu:-

1. Muzium Tokoh di Johor Bahru
2. Muzium Kota Tinggi
3. Galeri Dato' Onn di Batu Pahat
4. Galeri Seni di Johor Bahru

Dan, Yang Berhormat ADUN Senggarang juga ada menyarankan agar dibina sebuah lagi muzium di daerah Batu Pahat bagi memisahkan fungsi Galeri Dato' Onn dengan Muzium Daerah. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan sebuah lagi muzium di daerah Batu Pahat dalam masa terdekat ini memandangkan Yayasan Warisan Johor telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan sekurang-kurangnya sebuah muzium di setiap daerah di bawah Program Satu Daerah Satu Muzium. Dengan memberi keutamaan kepada daerah-daerah yang masih belum mempunyai muzium atau galeri. Program ini akan dimulai dengan:

1. Memorial Dato' Usman Awang di Kota Tinggi
2. Muzium Pagoh
3. Muzium DiRaja Bandar Maharani

Insya-Allah, cadangan Yang Berhormat ADUN Senggarang akan diperhalusi dan diberi pertimbangan sewajarnya oleh pihak Kerajaan untuk masa akan datang bergantung kepada peruntukan dan juga kesesuaian. Namun begitu, pihak Yayasan Warisan Johor amat menghargai jika ada sebarang cadangan untuk pemeliharaan, pemuliharaan

dan pemugaran peninggalan kesan sejarah khususnya di Negeri Johor. Setiap cadangan yang diterima akan dimasukkan dalam perancangan projek bagi tahun 2014 hingga 2019.

Yang Berhormat Datuk Speaker, suka saya untuk memberi maklum balas sedikit isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Jorak iaitu tentang papan tanda yang tidak mematuhi peraturan. Oleh kerana ianya ada kaitan dengan fungsi salah satu jabatan di bawah portfolio saya iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka. Peraturan jelas melalui Undang-Undang Kecil Iklan yang dikawal oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu PBT iaitu menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan pada papan iklan dan papan tanda perniagaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Bahasa dan Pustaka mengawal dari aspek bahasa yang diteliti mencakupi ejaan, ketepatan penggunaan kata, tatabahasa seperti pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan, pengakroniman iaitu dengan izin, singkatan perkataan dan struktur ayat. Pengiklan boleh mendapatkan perkhidmatan pengesahan iklan dalam talian melalui laman web Dewan Bahasa Pustaka. Dewan Bahasa dan Pustaka telah bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan pengesahan papan, manakala penguatkuasaan undang-undang tersebut adalah di bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Dewan Bahasa dan Pustaka juga akan membuat pemantauan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan yang betul pada papan iklan di tempat awam. Hasil daripada pemantauan itu, akan disampaikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Johor Jaya iaitu Kerajaan Negeri juga akan juga harus mengadakan pelbagai program latihan kemahiran dan mempromosikan sekolah teknik untuk anak muda yang berhenti sekolah serta membantu mereka menguasai kemahiran tertentu dan membantu mereka berdaya saing apabila mereka bekerja. Itu soalan daripada ADUN Johor Jaya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terutama kepada mereka, kepada Yang Berhormat ADUN Johor Jaya, Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan pelbagai peluang dan wang untuk para belia dalam latihan kemahiran. Antaranya, di Negeri Johor. Institut Kemahiran Belia Negara di Pagoh dan di Bandar Penawar dan juga Kolej Kemahiran Belia Negara di Pontian telah ditubuhkan untuk memberi latihan kemahiran kepada belia-belia.

Suka saya ingin memberi makluman dan untuk pengetahuan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, IKBN di Bandar Penawar ada menyediakan sebanyak 500 tempat untuk pelatih dan di Pagoh ada sebanyak 87 tempat. Kedua-dua IKBN ini menawarkan latihan kemahiran sehingga ke tahap diploma. Di samping itu, Kerajaan juga memberi elaun sebanyak RM100.00 dan kemudahan asrama serba lengkap kepada pelatih tetapi jumlah kemasukan di setiap sesi pengambilan adalah amat mengecewakan. Jumlah pelatih terkini yang ada di Bandar Penawar iaitu seramai 105 orang berbanding dengan kekosongan 500. Dan juga, di Pagoh 49 pelatih, kekosongan 87.

IKBN telah mengambil beberapa langkah untuk mempromosikan setiap institusi dengan mewujudkan laman sesawang atau dengan izin, *website* masing-masing. Ia boleh dilawati untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan kursus-kursus kemahiran yang disediakan di setiap lokasi. Dalam hal ini, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor melalui Pejabat Belia dan Sukan Daerah dari masa ke semasa akan menyalurkan maklumat berkaitan iklan pengambilan pelajar ke institusi berkaitan sebagai makluman kepada para belia setempat. Promosi juga sering dipaparkan di Portal Rasmi Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, iaitu www.kbs.gov.my dan juga laman sesawang www.jbsjohor.gov.my.

Unit *JOM Centre* juga mengadakan hebahan melalui Karnival *JOM Centre* yang diadakan di setiap daerah di seluruh Negeri Johor bagi menyampaikan maklumat berkaitan peluang pendidikan dan kerjaya yang disediakan oleh Kementerian dan Sukan. Usaha secara berterusan ini telah menampakkan hasil apabila borang-borang tawaran kemasukan ke institusi berkaitan mendapat sambutan dan permintaan dari para belia semakin bertambah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Serom, kita sedar bahawa Rukun Negara dicipta setelah berlakunya Peristiwa 13 Mei tahun 1969. Peristiwa ini telah menyebabkan semua rakyat Malaysia mengetahui betapa pentingnya bersatu padu, hidup dengan aman, menghindari perasaan curiga antara satu sama lain.

Jabatan Belia dan Sukan melihat belia wajib memahami Rukun Negara asas sebagai seorang warganegara Malaysia. Menerusi Jabatan Belia dan Sukan, kita menekankan pemahaman Rukun Negara di dalam setiap kursus yang dianjurkan supaya belia tidak lupa akan 5 prinsip Rukun Negara.

Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga telah menganjurkan kursus bagi tahun 2013. Sehingga kini, sebanyak 10 kursus kepimpinan di peringkat daerah dan 2 kursus di peringkat negeri yang melibatkan hampir 500 kepimpinan belia di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk memahami Rukun Negara bukan sahaja kita membaca:

1. Kepercayaan Kepada Tuhan
2. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
3. Keluhuran Perlembagaan
4. Kedaulatan Undang-Undang
5. Kesopanan dan Kesusilaan

Tetapi, kita mahu belia menjiwai Rukun Negara itu. Justeru itu, Yayasan Warisan Johor juga telah memainkan peranan melalui beberapa Program Pameran Kemerdekaan, Teater Sejarah, Wacana Kepimpinan, Bengkel dan Penerbitan Buku Sejarah Kesultanan dan memperkasakan kewujudan muzium sebagai tempat menyimpan khazanah serta artifak.

Manakala, Jabatan Arkib Negara di bawah Portfolio saya. Jabatan Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor telah melaksanakan Majlis Pengkisahan Sejarah dan Bicara Sejarah. Tidak ketinggalan, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan juga telah mengadakan program bagi membina, mengembangkan, memasyarakatkan serta membudayakan Bahasa Melayu sebagai proses pengisian, penghayatan, penjiwaan bagi memartabatkan Perkara 152 Perlembagaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan pandangan yang dibangkitkan oleh ADUN, Yang Berhormat ADUN Machap iaitu berkenaan identiti Johor misalnya tentang tarian zapin.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang diketahui umum, tarian zapin pada masa kini amat sinonim dengan rakyat Johor. Dan, Yayasan Warisan Johor amat menyedari perkara ini dan ianya saling melengkapi dalam setiap program keraian di Negeri Johor.

Yayasan Warisan Johor telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan Warisan Zapin Johor melalui Bahagian Pembangunan Seni dan telah membuat kajian mengenainya mulai tahun 2001 lagi. Di mana pada tahun 2011, penghasilan 19 jenis gerak tari zapin telah pun didokumentasikan dan diaplikasikan oleh Unit Tari dan Muzik, Yayasan Warisan Johor semasa persembahan yang diadakan.

Kerajaan menyedari warisan Johor ini amat penting dan perlu adanya kesinambungan antara generasi lama dan generasi baru. Dan, bagi merealisasikan perkara ini, pihak Yayasan Warisan Negeri Johor telah menyediakan jurulatih tari di setiap daerah dan jurulatih Yayasan Warisan Johor yang akan hadir di sekolah-sekolah untuk bekerjasama dengan para guru bagi memperkenalkan dan memperkembangkan tarian zapin di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, selain daripada itu, Yayasan Warisan Johor juga telah menubuhkan Program Jauhar semata-mata untuk memastikan kelangsungan warisan seni dan tari khususnya zapin di Negeri Johor ini. Program Jauhar ini termasuk dalam aktiviti ko-kurikulum sekolah iaitu masa pembelajaran 3 jam seminggu.

Yayasan Warisan Johor juga mensasarkan untuk melancarkan sebuah dokumentasi lengkap Zapin Johor pada tahun 2014 bersempena dengan Festival Zapin Antarabangsa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin memberi sedikit ulasan adalah berkenaan cadangan Yang Berhormat ADUN Sungai Balang berkenaan mewujudkan projek 1 Konstitusi, 1 Pusat Sehenti, 1 Rekreasi bagi pembangunan belia. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan ini. Jika dilihat secara asasnya, cadangan ini sebenarnya mempunyai persamaan dengan fungsi kewujudan Pusat Kegiatan Rakan Muda.

Saya lihat, ada beberapa perkara baru dalam cadangan ini yang boleh diguna pakai bagi memperkasakan Pusat Kegiatan Rakan Muda yang telah wujud di 6 daerah iaitu

di daerah Batu Pahat, Kluang, Muar, Johor Bahru, Segamat dan yang terkini di daerah Kota Tinggi.

Selain itu, pihak Kerajaan juga berhasrat untuk menubuhkan lagi 2 Pusat Kegiatan Rakan Muda bagi daerah Pontian dan Mersing. Insya-Allah, dengan adanya cadangan daripada Yang Berhormat ADUN Sungai Balang, kita akan dapat melahirkan belia-belia yang berkualiti dan lebih berdaya saing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bentayan iaitu tentang Kubu Bentayan. Kajian Kubu Bentayan telah pun dilaksanakan pada tahun 2002 bersama Pakar Sejarah dan Arkeologi Universiti Kebangsaan Malaysia dan lokasi telah dikenal pasti. Malangnya, tapak kubu tersebut telah tidak kelihatan kerana yang tinggal hanyalah papan tanda tapak Kubu Bentayan sahaja manakala di kawasan tersebut telah pun didirikan gerai-gerai dan bangunan-bangunan komersial. Maka, pada pandangan pihak Kerajaan adalah mustahil untuk projek pemuliharaan dan naik taraf Kubu Bentayan dapat dilaksanakan. Cadangan alternatif daripada pihak Kerajaan adalah dengan menjadikan lokasi tersebut sebagai lokasi lawatan sejarah yang boleh diwajibkan kepada semua pengusaha pelancongan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya rasa ini sahajalah penjelasan saya di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri di Dewan yang mulia ini sepanjang sesi perbahasan. Dan, saya mohon maaf kiranya ada perkara-perkara yang mungkin terlepas pandang daripada penjelasan saya. Dan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah banyak memberi pandangan dan juga cadangan. Semoga apa yang kita beri, dapat kita sama-sama mempertingkatkan kehidupan dan juga masa depan para belia di Negeri Johor.

Jadi, saya dengan ini ingin mengakhiri ucapan saya dengan sekian wasalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mohon sokong.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Ahli Yang Berhormat yang lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dapat bersama-sama memberikan idea, cadangan dan mengemukakan permasalahan serta isu-isu yang berkaitan dengan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selaras dengan hasil kajian Suara Hati Johor di mana usaha merakyatkan pentadbiran di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohd Khaled bin Nordin, melalui 5 fokus yang akan diberikan tumpuan khususnya yang berkaitan dengan ekonomi.

Sepertimana yang kita ketahui, Pertanian Adalah Perniagaan. Sektor ini akan digerakkan dan dipergiatkan lagi melalui konsep-konsep pertanian yang berteknologi dan berdaya saing. Kita sedia maklum bahawa sektor pertanian masih menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri ini, di mana, Johor masih menjadi pengeluar utama di negeri ini bagi tanaman seperti kelapa sawit, nenas, kelapa, buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bungaan; bagi ternakan seperti tenusu lembu, kambing, ayam dan telur dan perikanan seperti ikan hiasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri amat bersetuju atas cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat DUN Semerah mengenai nasib petani, peladang dan nelayan. Selain Kerajaan merancakkan pembangunan fizikal, Kerajaan juga telah mengambil langkah yang proaktif untuk memastikan golongan ini sentiasa diberi galakan dan perhatian.

Sehubungan dengan itu, galakan yang telah diberikan oleh Kerajaan melalui Jabatan Pertanian bagi memajukan lagi sektor pertanian adalah dengan melaksanakan Program-Program Meningkatkan Pengeluaran Bahan-Bahan Makanan di negeri ini melalui aktiviti pengembangan bagi memindahkan teknologi terutamanya yang melibatkan pekebun-pekebun kecil dan menyalurkan bantuan insentif untuk menggalakkan mereka mengamalkan teknologi terkini bagi meningkatkan pengeluaran dan seterusnya pendapatan mereka sebagaimana berikut :

1. Program Pembangunan Tanaman Makanan.

Di bawah Program Pembangunan Tanaman Makanan, Jabatan Pertanian telah melaksanakan bantuan insentif pada tahun 2010 yang melibatkan seluas 664.71 hektar dengan bilangan peserta yakni petani yang mengusahakan tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan kebun integrasi seramai 392 orang dan melibatkan kewangan sebanyak RM1,892,280.00.

Pada tahun 2011, Jabatan telah melaksanakan penyaluran insentif yang melibatkan keluasan 763.97 hektar dengan melibatkan 444 orang peserta dan melibatkan kewangan sebanyak RM1,657,407.00. Manakala pada tahun 2012 pula sehingga Jun 2012, jabatan telah melaksanakan penyaluran insentif yang melibatkan keluasan 404 hektar dengan 262 orang peserta melibatkan kewangan sebanyak RM1,217,877.00.

Di bawah Program Pembangunan Tanaman Industri, Florikultur dan Komoditi Berpotensi pada tahun 2010, Jabatan Pertanian telah melaksanakan projek bantuan berjumlah RM91,000.00 melibatkan seluas 28 hektar melibatkan 39 orang peserta.

Pada Tahun 2011, Jabatan telah melaksanakan projek bantuan yang melibatkan 79 hektar dengan 91 orang peserta dan melibatkan kewangan sebanyak RM199,387.00.

Manakala pada tahun 2012 pula, sehingga Jun 2012, jabatan telah melaksanakan projek bantuan yang melibatkan 444 hektar dengan 505 orang peserta yang bernilai RM294,810.00.

Sebagaimana di bawah Program Pembangunan Pengeluaran Makanan, bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk bahan input pertanian seperti benih, baja, bahan kimia pertanian, peralatan, jentera pertanian kecil dan juga penyediaan infrastruktur ladang seperti sistem pengairan dan jalan ladang.

Bagi memastikan kesinambungan sektor pertanian terus diminati dan disertai oleh golongan belia, di antara langkah-langkah yang diambil termasuklah penyediaan kursus-kursus yang dijalankan di Pusat Pertanian Ayer Hitam kepada lepasan SPM melalui Kursus Asas Kemahiran Pertanian selama 3 bulan yang melibatkan seramai 70 orang belia setiap tahun.

Melalui Program Inkubator Usahawan Belia Tani di bidang tanaman yang dijalankan di 5 Pusat Inkubator di seluruh Malaysia, seramai 33 orang belia tani dari Negeri Johor telah dilatih di sepanjang tahun 2008 hingga 2010. Manakala bagi Sijil Pertanian di Institut Pertanian Ayer Hitam pula telah melahirkan seramai 160 orang belia setiap dua tahun dalam 6 bidang pengkhususan termasuk pengurusan ladang, lanskap, mekanisasi ladang dan ternakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan supaya golongan belia menceburi sektor pertanian bagi menjadikan sektor ini lebih dan mempunyai kadar pengeluaran yang lebih tinggi. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan golongan belia sebagai pelapis yang akan mengambil alih tugas ini sepenuhnya pada masa-masa mendatang. Golongan ini diberi pendedahan dan kesedaran serta galakan mengenai slogan "Pertanian Adalah Perniagaan".

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat DUN Bekok, pihak Kerajaan Negeri sentiasa mengambil perhatian dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh para petani. Memang tidak dinafikan bahawa keadaan ekonomi global adalah tidak menentu lebih-lebih lagi di luar jangkaan kita untuk menentukannya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah menyediakan insentif kepada petani bagi mengurangkan beban yang dihadapi oleh petani. Salah satu insentif yang dberikan ialah bantuan baja dan peralatan pertanian bagi penanam sayur seperti mana yang saya nyatakan sebentar tadi data-datanya.

Sehubungan itu, Jabatan Pertanian juga memberi khidmat nasihat secara berterusan kepada petani. Dengan beberapa cadangan dan nasihat diberikan, para petani disarankan agar menanam tanaman buah-buahan yang tidak bermusim iaitu seperti betik, jambu batu, pisang dan lain-lain buah tidak bermusim.

Selain dari itu, pihak jabatan mencadangkan supaya petani-petani dapat mengamalkan tanaman selingan. Sebagai contoh, ladang dusun boleh diselingkan dengan tanaman herba seperti jenis Mahkota Dewa di tengah-tengah barisan pokok durian. Maka, ini boleh menambahkan hasil pendapatan petani selain hasil daripada buah-buahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak FAMA telah memperkenalkan dan mewujudkan pusat pengumpulan dengan tujuan untuk membangunkan rangkaian infrastruktur pasaran ke arah meningkatkan keberkesanan pengedaran bekalan makanan negara. Dalam pengurusan rantaian bekalan, penubuhan pusat pengumpulan ini bertujuan untuk memberi manfaat dan faedah kepada golongan sasaran yang terlibat di dalam rangkaian bekalan.

Di kawasan Sagil, terdapat seramai 15 orang petani yang mengusahakan tanaman dengan keluasan lebih kurang 40 hektar. Komoditi yang ditanam seperti sayuran berbuah seperti peria panjang, kacang panjang, timun, kacang bendi, cili merah, cili padi dan terung panjang. Selain itu, tanaman buah jangka pendek seperti pisang berangan dan pisang tanduk juga ada diusahakan.

Terdapat juga petani yang mengusahakan tanaman umbisi seperti keledek dan ubi kayu. Dianggarkan jumlah keluaran komoditi tersebut sebanyak 100 metrik tan sebulan.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat DUN Gambir supaya diwujudkan pusat pengumpulan tanaman di Sagil, pihak FAMA mengalu-alukan cadangan tersebut sekiranya terdapat permohonan dan keperluan dari petani-petani di kawasan berkenaan serta menyediakan lokasi yang sesuai untuk dijadikan pusat pengumpulan tanaman.

Namun demikian, pihak FAMA tidak menggalakkan pembinaan pusat pengumpulan tanaman berbentuk kekal kerana dikhuatiri penggunaannya hanya bersifat sementara. Kebanyakan pusat pengumpulan yang kini adalah berbentuk sementara dan mudah alih seperti menggunakan kanopi supaya ia boleh dipindahkan ke satu kawasan sekiranya diperlukan.

Bagi makluman sidang Dewan, sektor pertanian di Negeri Johor semakin berkembang dan mengorak langkah dengan menjadikan pusat agensi Kerajaan dan kawasan pengeluaran makanan kepada Agropelancongan untuk dilawati oleh pengunjung dari dalam dan luar Negeri Johor. Beberapa agensi Kerajaan telah ke hadapan seperti :

Di bawah Jabatan Pertanian terdiri daripada;

1. Pusat Pertanian Sungai Sudah, Kota Tinggi
2. Pusat Pertanian Jementah, Segamat

Y.B.Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Peraturan Tetap 120(C), Ahli-Ahli Dewan tidak boleh baca surat khabar. Yang Berhormat...

Y.B. Datuk Speaker : Dengar jelah. Pengerusi sedang gulung ni kita tumpukan kepada mendengar hujah-hujah yang dibentangkan oleh Pengerusi-Pengerusi. Teruskan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Di bawah Jabatan Pertanian terdiri daripada;

1. Pusat Pertanian Sungai Sudah, Kota Tinggi
2. Pusat Pertanian Jementah, Segamat
3. Pusat Pertanian Tangkak, Ledang
4. Taman Pertanian Kong Kong, Masai
5. Pusat Pertanian Ayer Hitam
6. Muzium Nanas, Pontian

Manakala di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang;

1. Pertubuhan Peladang Negeri Johor Sungai Lebak, Kota Tinggi
2. PPK Johor Bahru Timur, Kong Kong, Masai

Manakala bagi sektor swasta yang telah mewujudkan Agropelancongan di antaranya adalah :

1. U-Keng Farm di Kluang untuk Agropelancongan berasaskan tenusu kambing.
2. Zenxin Agro Organic untuk Agropelancongan berasaskan sayur organik.
3. Teluk Ramunia Ostrich Farm, penternakan burung unta di Rengit.
4. Alita Corporation untuk Agropelancongan kambing tenusu di Tongkang Pecah.

Agropelancongan di negeri kita telah berkembang dan masing-masing mempunyai kekuatan untuk menarik minat pelancong untuk dilawati.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan masalah lalat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Machap, sukalah saya maklumkan bahawa operasi eliminasi lalat yang melibatkan 32 buah ladang telah dijalankan sebanyak 5 kali di kawasan ini pada 19 hingga 21 November 2012, 27 hingga 29 November 2012, 11 hingga 13 Disember 2012, 26 hingga 29 Disember 2012 dan 25 hingga 27 Mac 2013.

Di dalam operasi ini, semburan dengan izin, *flycidal* dan *lavacidal* telah dilaksanakan. Di samping itu penduduk sekitarnya juga telah dibekalkan dengan izin, *flybait* bagi memerangkap dan membunuh lalat dewasa.

Perhentian R&R Machap di kedua-dua belah menghala ke utara dan ke selatan juga telah dijalankan semburan pada masa operasi tersebut. Pada masa yang sama, 20 buah ladang telah dikenakan kompaun dengan jumlah denda sebanyak RM40,000.00 kepada pengusaha yang didapati membenarkan ladang mereka menjadi tempat pembiakan lalat. Tindakan berterusan dan komitmen penternak serta pengusaha

adalah diperlukan bagi memastikan masalah lalat di Machap dan di Negeri Johor umumnya ini dapat diselesaikan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor juga sedia maklum akan program Kembara Mahkota Johor yang akan turut berada di kawasan sekitar Minyak Beku di Batu Pahat. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Senggarang berhubung dengan bau yang tidak menyenangkan yang timbul dari ladang-ladang khinzir adalah dalam perhatian Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor.

Satu pertemuan dengan pengusaha dan penternak khinzir di kawasan tersebut telah diadakan pada 16 Ogos 2013. Penternak-penternak sedang melaksanakan pembersihan di kawasan ladang pada minggu ini. Selain dari itu, kolam-kolam akan ditabur dengan kapur, manakala kandang dan sekitar kandang akan disembur dengan larutan mengandungi EM. Langkah-langkah ini dijangka dapat mengurangkan masalah bau berkenaan.

Manakala mengenai masalah ternakan lembu yang dikatakan mencemarkan kawasan empangan dan tadahan air, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Yong Peng adalah dianggap tidak signifikan. Terdapat kira-kira 400 ekor lembu yang meragut di kawasan perladangan kelapa sawit secara integrasi. Ternakan secara integrasi di ladang kelapa sawit sebenarnya dapat mengurangkan penggunaan baja kimia yang mana mendatangkan kemungkinan pencemaran yang lebih tinggi.

Berkenaan pengekalan dengan izin, *sustainability* Johor sebagai gudang makanan utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Bukit Naning, sukalah saya memaklumkan bahawa beberapa strategi telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor. Antaranya,

1. Mewartakan padang ragut kepada Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
2. Penggredan ladang-ladang ayam ke arah reban tertutup yang mesra alam dan awam
3. Pemantauan efluen ladang, dan
4. Penguatkuasaan perundangan pelesenan ladang khinzir dan enakmen penternakan unggas.

Dalam pada itu, pihak Kerajaan akan terus melihat dan menambah baik strategi yang sedia ada bagi memastikan kelestarian pengeluaran ternakan Negeri Johor. Terima kasih di atas pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat DUN Bukit Naning.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin memaklumkan bahawa ada sebahagian TKPM yang jauh di kawasan pedalaman dan tidak mempunyai infrastruktur dan bekalan elektrik. Ini bertepatan seperti halnya TKPM Tuku Tiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Pemanis. Bagi menyediakan kemudahan tersebut, sudah tentu memerlukan peruntukan yang besar. Peruntukan dari Persekutuan akan cuba diperolehi menerusi konsep Projek *MOA Incorporate* seperti halnya di TKPM Lubuk Bakul, Pagoh dan Hulu Bakri yang mana telah diberikan

peruntukan Persekutuan termasuk peruntukan jalan pertanian dan untuk penyambungan bekalan elektrik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan begitu mengambil berat terhadap nasib golongan nelayan ini. Justeru, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berperanan untuk membantu mempertingkat taraf hidup nelayan melalui Persatuan Nelayan serta memajukan industri perikanan negara. Secara umumnya, setakat ini, LKIM dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kawasan telah banyak melaksanakan program dan projek yang menjurus kepada membantu, membela dan memajukan nasib kaum nelayan secara keseluruhannya. Antara program dan projek yang telah dilaksanakan di seluruh negara termasuk Daerah Kukup dan Pengerang adalah seperti berikut:

1. Program Pembangunan Ekonomi dan sosial terdiri daripada:
   i. Transformasi Bot Nelayan
   ii. Program Elaun Sara Hidup Nelayan
   iii. Program Subsidi Minyak Bot Nelayan
   iv. Program Insentif Tangkapan Ikan Nelayan
   v. Program Dana Nelayan
   vi. Program Perumahan Nelayan
   vii. Program Bantuan e-Kasih dan Azam Tani
   viii. Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Hasil Laut
   ix. Program Bantuan Pelajaran Anak-Anak Nelayan
   x. Program KUNITA

2. Program Pembangunan Infrastruktur:
   i. Pembinaan Kompleks Jeti Pendaratan dan Tambatan Bot
   ii. Program Pembinaan Balai Raya dan Serbaguna
   iii. Program Pusat Aktiviti Nelayan

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan pesat sedang berlaku di seluruh kawasan Johor Selatan termasuk juga Daerah Kukup. Pembangunan urbanisasi ini secara langsung dan tidak langsung telah memberi kesan kepada golongan nelayan yang secara tradisi telah lama mendiami kawasan tersebut serta mendapat punca rezeki daripada aktiviti pendapatan ikan di sekitar kawasan.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Kukup mengenai cadangan Pelan Transformasi dan Perancangan untuk kehidupan dan sara hidup nelayan khususnya di kawasan Kukup, sebenarnya pada masa ini pihak LKIM Negeri Johor sedang memantau dan mengumpul maklumat secara serius proses urbanisasi yang berlaku di seluruh kawasan Johor Selatan termasuk di daerah Kukup dan Pengerang. Pihak LKIM Negeri Johor akan berbincang dengan pimpinan dalam persatuan-persatuan nelayan kawasan yang terbabit secara keseluruhannya, supaya pihak Persatuan Nelayan Kawasan dapat menyediakan draf Kertas Cadangan Perancangan Pembangunan Bersepadu untuk kaum nelayan di kawasan terbabit mengikut isu dan permasalahan tempatan masing-masing. Selanjutnya, Kertas Cadangan Perancangan Pembangunan Bersepadu ini akan diperincikan, dipertimbangkan untuk dipanjangkan kepada pihak tertentu sama ada perhatian Kerajaan Negeri atau Kerajaan, atau pihak Kementerian di peringkat Kerajaan Pusat.

Kita amat terharu dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat dari pembangkang yang cukup risau dengan nasib nelayan di Pengerang. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sumbangan pendaratan ikan marin di daerah ini sekitar 2.35% iaitu 269 metrik tan pada jumlah pendaratan ikan di negeri ini iaitu sebanyak 112,158 metrik tan. Para nelayan di Pengerang juga terlibat di dalam penempatan baru di mana mereka boleh meneruskan aktiviti tangkapan ikan. Dalam hala tuju pertanian Negeri Johor, kita telah mengambil kira tentang nasib nelayan dan menerusi pembangunan industri kecil yang akan diteruskan, dibantu khususnya menerusi program galakan usahawan di bawah peruntukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di mana satu-satunya program yang ada di Negeri Johor dan tidak terdapat di negeri lain, serta program ini dikelolakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya pandangan Yang Berhormat DUN Semerah mengenai subsidi minyak untuk nelayan. Statistik yang diperolehi hasil dari kajian pihak UKM adalah merupakan satu fakta perbandingan yang boleh diterima sebagai asas KPI terhadap pelaksanaan projek subsidi minyak. Bagaimana pun fakta-fakta lain perlu juga dilihat sebagai kunci perbandingan di antara kuantiti minyak yang digunakan dengan kuantiti ikan yang didaratkan. Kalau dibandingkan sektor penangkapan ikan dengan aktiviti pengeluaran produk kilang, sememangnya pengeluaran produk kilang dapat dikira secara tepat dari segi perbandingan kuantiti bahan mentah dengan kuantiti produk akhir. Tetapi dalam aktiviti penangkapan ikan, kuantiti penggunaan minyak tidak boleh dibandingkan secara tepat dengan kuantiti hasil tangkapan. Contohnya, sesebuah bot nelayan kerap kali terpaksa menggunakan minyak yang banyak bagi mencari kawasan tangkapan ikan yang dijangka terdapatnya ikan, itu pun kebarangkalian, untuk mendapatkan hasil tangkapan yang tinggi, belum dapat dijangka.

Kerap kali kuantiti tangkapan adalah sedikit, tambahan pula ikan didakwa semakin berkurangan di perairan kita. Walau bagaimanapun, agensi yang bertanggungjawab iaitu LKIM akan terus memantau perkara ini bersama persatuan nelayan kawasan yang terbabit untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan terhadap subsidi minyak ini.

Mengenai cadangan supaya subsidi minyak diganti dengan penambahan jumlah elaun, penambahan jumlah elaun sara hidup dari RM200.00 kepada RM500.00 sebulan, perkara ini adalah merupakan perkara yang melibatkan dasar Kerajaan Pusat. Bagaimanapun, kita akan memanjangkan cadangan ini kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi kajian selanjutnya.

Yang Berhormat Datuk speaker, bagi memperlihatkan, mempromosikan sektor ini, kita akan menjalankan satu program yang dikenali sebagai AgroJohor di mana para pengusaha pertanian akan digabungkan dalam satu pameran yang terbesar di Negeri Johor. Para pemain di sektor ini akan mempamerkan kecemerlangan produk masing-masing dan masyarakat boleh melihat sendiri bahawa pertanian adalah perniagaan. AgroJohor ini akan berlangsung di Pusat Pertanian Moden, dijangka pada akhir tahun November ini. Rentetan dari ini, lima daerah akan dipilih untuk penganjuran Mini AgroJohor bermula bulan September hingga November, bertemakan mengikut agensi yang mengetuainya. Para pengusaha akan dibantu

supaya mewujudkan rangkaian niaga masing-masing di setiap daerah menerusi program ini.

Sebagai pengeluar makanan dan gedung makanan utama negara, sudah tentunya kita akan terus memacu sektor ini ke tahap yang lebih tinggi lagi. Penggunaan teknologi akan memastikan pengeluaran makanan dapat dipertingkatkan. Kita bukan sahaja hendak berbangga sebagai pengeluar makanan utama, tetapi kita juga hendak memastikan pengeluar, pengusaha kita mengamalkan amalan pertanian yang baik menerusi sijil-sijil amalan pertanian mengikut sektor pengeluaran. Keselamatan makanan menjadi faktor utama bagi memastikan setiap keluaran kita tidak dipertikaikan dengan masalah kehalalannya, kualitinya dan tahap kebolehpercayaannya.

Kita merayu di Dewan yang mulia ini kepada anggota kakitangan tertinggi di sektor pertanian negeri hinggalah ke anggota kumpulan sokongan, bertanggungjawablah kita dengan sepenuhnya dan berintegriti bagi memastikan sektor ini kita majukan dan kita terus tanpa penat lelah, bimbing pengusaha, petani, penternak hinggalah para nelayan. Kita jadikan mereka rakan, teman untuk majukan dan bangunkan sektor ini kerana bidang pertanian merupakan sumber makanan utama untuk kesejahteraan masyarakat kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, demikianlah tadi penjelasan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri di Dewan yang mulia ini di sepanjang segmen perbahasan. Saya mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang terlepas pandang dalam penjelasan saya. Saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Akhir kata, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya sudahi wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat yang berikutnya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warah matullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. (Berselawat). Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk saya menjunjung kasih kerana dikurniakan kepercayaan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepada saya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Saya juga menjunjung kasih atas titah yang disampaikan khususnya atas jawatan yang saya pegang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Alhamdulillah, terima kasih diucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan persoalan dan permasalahan dalam sesi bahasan atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika merasmikan Mesyuarat Kedua bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor yang Ke-13. Pertama, izinkan saya menjawab isu-isu yang dikemukakan Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perumahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam arus pembangunan yang pesat di Negeri Johor, Kerajaan Negeri tidak sesekali mengabaikan tanggungjawab untuk menyediakan keperluan asas bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana termasuk penyediaan perumahan yang selesa.

Kerajaan Negeri mengambil maklum berkaitan dengan isu-isu berkaitan sektor perumahan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti masalah penyediaan perumahan mampu milik yang mencukupi, harga hartanah yang melambung tinggi, masalah keupayaan mendapatkan pinjaman oleh rakyat berpendapatan rendah dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Y.A.B Menteri Besar Johor amat prihatin terhadap dilema yang dihadapi oleh rakyat berpendapatan rendah dan sederhana di dalam memiliki sebuah kediaman yang selesa di Negeri Johor.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif menubuhkan sebuah Jawatankuasa *task force* sektor Perumahan yang dipengerusikan oleh Y.A.B Menteri Besar Johor dan bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali bermula pada bulan Julai 2013. Fungsi utama Jawatankuasa ini antara lain adalah untuk merangka penyelesaian penempatan setinggan, merancang keperluan perumahan mampu milik di seluruh Negeri Johor, serta memantau pelaksanaannya dan membincangkan segala isu-isu penting berkaitan sektor perumahan di Negeri Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia, mesyuarat pertama telah diadakan pada 25 Julai 2013, memutuskan ketetapan seperti berikut :-

1. Peluasan Dasar Perumahan Rakyat Johor yang mula dilaksanakan di kawasan Iskandar Malaysia ke seluruh Negeri Johor dengan sasaran untuk dilaksanakan pada tahun 2014. Dasar Perumahan Rakyat Johor ini menekankan 2 aspek utama iaitu :-

    i. Pengenalan mekanisme kawalan pembinaan perumahan kos rendah bagi memastikan pemaju tidak mengabaikan pembinaan perumahan kos rendah dan rumah mampu milik.

    ii. Pengenalan segmen perumahan mampu milik bagi menyediakan rumah yang lebih selesa dan mampu dimiliki oleh rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

2. Penubuhan Jawatankuasa di peringkat daerah yang akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah bagi memantau pelaksanaan penyelesaian dan pembinaan rumah mampu milik di peringkat daerah dan seterusnya dilaporkan di peringkat negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyambut baik saranan yang dikemukakan oleh Y.B. DUN Bukit Permai berkaitan tanggungjawab pemaju bagi membina kedai kos rendah di dalam sesebuah pembangunan projek perumahan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, melalui pelaksanaan Dasar Perumahan Rakyat Johor di kawasan Iskandar Malaysia yang berkuat kuasa pada 1 April 2012, pemaju dikehendaki membina 5% daripada jumlah bilangan unit rumah yang dibina sebagai kedai kos sederhana yang dijual pada harga maksimum RM200,000.00. Salah satu aspek yang ditekankan melalui Dasar baru ini adalah pemaju dikehendaki menandatangani satu perjanjian 3 pihak, antara Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju di mana antara kandungan utama perjanjian ini pemaju diwajibkan membina 35% komponen perumahan mampu milik dan 5% komponen kedai kos sederhana selari dengan pembinaan perumahan kategori lain. Pemaju boleh dikenakan tindakan perundangan sekiranya didapati mereka tidak mematuhi jadual pembinaan perumahan mampu milik dan kedai kos sederhana yang telah ditetapkan di dalam perjanjian.

Pihak Kerajaan Negeri juga akan membincangkan dengan lebih terperinci bersama-sama syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan berhubung dengan cadangan pembelian unit kedai kuota Bumiputera yang tidak terjual untuk mengatasi masalah kekurangan pembeli Bumiputera bagi unit-unit kedai yang ditawarkan oleh pemaju dan memberi peluang kepada peniaga-peniaga Bumiputera dan peniaga-peniaga kaum lain yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan ruang perniagaan yang lebih selesa.

Selain daripada itu, bagi menjawab soalan daripada Y.B. ADUN kawasan Jementah, harga rumah kos rendah di Negeri Johor dijual pada harga maksimum antara RM42,000.00 di kawasan Iskandar Malaysia dan RM35,000.00 di luar kawasan Iskandar Malaysia manakala rumah kos sederhana rendah dijual pada harga RM50,000.00 hingga RM80,000.00 berdasarkan kategori selain pengenalan segmen rumah mampu milik di Johor di kawasan Iskandar Malaysia yang ditetapkan harga maksimum RM150,000.00

Berdasarkan maklumat di Pejabat SUK Perumahan, setakat ini jumlah permohonan yang didaftarkan bagi rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah di seluruh Negeri Johor berjumlah 31,922. Bagi memenuhi keperluan semasa di dalam tempoh 5 tahun bermula tahun 2013 sehingga tahun 2018, Kerajaan Negeri mensasarkan sebanyak 28,000 unit perumahan mampu milik termasuk rumah kos rendah akan dibina oleh pemaju swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri dengan pecahan 20,000 unit akan dibina di kawasan Iskandar Malaysia dan baki 8,000 unit akan dibina di luar kawasan Iskandar Malaysia.

Bagi memberikan maklum balas kepada soalan yang dikemukakan oleh Y.B. DUN kawasan Sungai Abong, jumlah perumahan mampu milik yang disasarkan untuk dibina di daerah Muar yang merangkumi kawasan Sungai Abong adalah sebanyak 450 unit.

Bagi menangani masalah kesukaran rakyat berpendapatan rendah dan sederhana mendapatkan pinjaman bank untuk membeli rumah kediaman, mesyuarat Jawatankuasa juga telah mengarahkan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Pejabat SUK Perumahan untuk mengadakan rundingan dan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia bagi mencari kaedah terbaik bagi memudahkan pinjaman perumahan kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Selain daripada itu, bagi memperkasakan perancangan pembangunan perumahan di Negeri Johor, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor sedang di peringkat akhir penyediaan Enakmen Perumahan dan Hartanah Negeri Johor dan disasarkan untuk di bentang sebelum tahun 2014. Melalui penguatkuasaan Enakmen ini, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Johor yang akan menjadi sebuah organisasi yang akan merancang dan menyelaras pembangunan sektor perumahan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan juga maklum antara punca kenaikan harga hartanah di Negeri Johor adalah berlakunya unsur pembelian spekulasi di pasaran. Di dalam aspek ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian telah mengkaji beberapa langkah untuk membendung masalah ini daripada berterusan. Antara aspek utama yang dipertimbangkan adalah untuk tidak lagi membenarkan warganegara asing membeli hartanah kediaman melalui pasaran kedua, dengan izin, *secondary market* atau pun *sub-sales* bagi mengelakkan unsur-unsur spekulasi daripada pembelian oleh warganegara asing yang memiliki kuasa beli yang lebih tinggi daripada rakyat tempatan.

Kerajaan Negeri juga sentiasa bekerjasama dengan Jabatan-Jabatan di peringkat Persekutuan seperti Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam usaha menangani masalah ini.

Selain daripada itu, Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pejabat Tanah dan Galian Johor sedang di dalam kajian untuk memperkasakan Dasar Pemilikan Hartanah oleh Bumiputera dan beberapa usul akan dilaksanakan dalam tahun 2013.

Antara usul yang akan dilaksanakan adalah pelaksanaan penganjuran Karnival Perumahan Hartanah Bumiputera dan perumahan mampu milik sebagai acara tahunan bagi membantu rakyat memperolehi maklumat perumahan kuota Bumiputera dan perumahan mampu milik dengan lebih meluas dan pihak bank akan dijemput sama dalam karnival ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kelulusan yang telah diberikan bagi pengecualian rumah kos rendah pada tahun 2008 adalah bagi projek Medini. Pengecualian ini diberikan berdasarkan justifikasi untuk menjadikan projek tersebut sebagai pemangkin kepada pembangunan di kawasan Nusajaya. Selain daripada itu, pemilikan oleh warganegara asing di kawasan ini juga hanya secara pajakan daripada pemilik tanah iaitu Iskandar Investment Berhad.

Bagi menangani masalah keperluan perumahan mampu milik di kawasan Nusajaya, pihak UEM Land telah mensasarkan untuk membina sebanyak 10,000 unit perumahan mampu milik yang akan dilaksanakan sebelum tahun 2018.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Dewan berhubung masalah saluran pembetungan najis di Taman Putra Indah yang menyebabkan CF tidak dapat diluluskan sebagaimana yang dibangkitkan oleh ADUN Parit Yaani.

Pihak MPBP atau pun Majlis Perbandaran Batu Pahat ambil maklum berhubung isu saluran pembetungan najis dari Bandar Putera Indah ke Parit Jorak Senawi yang telah menimbulkan kacau ganggu bau. Untuk makluman, sebahagian projek perumahan di Bandar Putera Indah adalah terbengkalai dan telah mendapat perhatian dan tindakan dari Jabatan Perumahan Negara.

Bagi projek yang terbengkalai, pihak JPN atau pun Jabatan Perumahan Negara dalam usaha untuk memulihkan sepenuhnya supaya mendapat Sijil Kelayakan Menduduki dari MPBP. Isu saluran pembetungan ini juga merupakan satu keutamaan pihak JPN untuk ditangani supaya perkara ini tidak menjadi kesulitan kepada mana-mana pihak. Pihak JPN telah melantik kontraktor penyelamat bagi memulihkan projek terbengkalai termasuk sistem pembetungan bermula dari 12 November 2012 dan tarikh siap kerja adalah pada 11 November 2014. Pihak JPN telah bersetuju memberikan dana untuk kerja pemulihan yang merangkumi pemulihan perumahan dan kerja-kerja infra dan STP iaitu loji pembetungan. Bagi makluman kerja-kerja pembaikan masih sedang dijalankan.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan yang mulia berhubung dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh saranan ADUN Gambir berkenaan tapak rumah ibadat dalam sesuatu projek pembangunan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam memproses permohonan sesuatu pembangunan, sekiranya terdapat rumah ibadat sedia ada dalam sesuatu projek, tapak gantian akan disediakan di dalam pembangunan yang sama. Dalam hal ini, antara pertimbangan yang akan diambil kira sebelum sebarang sokongan atau pengesyoran dibuat termasuklah faktor lokasi, saiz tapak, jumlah penduduk, kadar tampungan penduduk, guna tanah sekitar, landskap dan juga persetujuan penduduk setempat.

Bagi pembangunan yang baru, prinsip yang sama diguna pakai sebelum sebarang pertimbangan atau sokongan kelulusan diberikan bagi penyediaan rumah ibadat, dan lain-lain kemudahan yang berkepentingan orang ramai. Semua pertimbangan ini adalah berpandukan kepada Garis Panduan Perancangan Dan Pembangunan Sejagat (Edisi Kedua) yang telah diterima pakai di peringkat Negeri Johor sepertimana kelulusan penerima pakainya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.3/2001 bertarikh 20 November 2001.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh isu pembiakan nyamuk aedes dan masalah tikus akibat dari pencemaran punca air dari masalah pengurusan sampah yang dibangkitkan oleh ADUN Skudai. Untuk makluman, Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap isu denggi dari masa ke semasa. Dalam usaha mengatasi masalah pembiakan nyamuk aedes pelaporan secara bulanan disediakan, dilaporkan ke Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selain itu, PBT juga sentiasa memastikan kawasan persekitaran akan berada dalam keadaan yang bersih, bebas dari nyamuk aedes. Justeru itu, tindakan *fogging* diadakan dari masa ke semasa di kawasan wabak yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan. Sebagai contohnya, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah membuka Bilik Gerakan bagi mengendalikan masalah wabak denggi yang berlaku di kawasan MBJB.

Kerjasama yang berterusan antara pihak PBT, PPSPPA, SWM dan Jabatan Kesihatan dijalinkan dalam beberapa program gotong-royong seperti COMBI yang mana ianya melibatkan juga penglibatan masyarakat setempat agar kesedaran terhadap kebersihan dapat dipupuk.

Dalam usaha menangani masalah wabak kencing tikus atau pun leptospirosis, sememangnya telah menjadi satu wabak yang kian membimbangkan keadaan semasa. Wabak yang boleh menyebabkan kematian ini adalah berpunca daripada persekitaran yang tidak bersih seterusnya menjadi tempat pembiakan tikus ini. Laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, kes wabak demam tikus ini kian meningkat sejak tahun 2011. Pada tahun 2012, direkodkan sebanyak 2,268 kes dengan 55 kematian meningkat kepada 3,665 kes dengan 48 kes kematian. Malah sehingga Jun 2013 ini sahaja sebanyak 1,768 kes dengan 18 kes kematian direkodkan di seluruh negara.

Kerajaan Pusat telah melihat masalah ini sebagai satu masalah nasional dan perlu ditangani dengan segera. Justeru, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil satu inisiatif dengan memperkenalkan kempen Kawalan Tikus yang mana ianya akan dilancarkan pada 24 Ogos 2013 di Dewan Pekan Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah dan akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, program ini merupakan satu kempen dan program gotong-royong besar-besaran yang mana ianya akan melibatkan keseluruhan PBT di seluruh Negara yang akan memberi tumpuan kepada kawasan awam seperti pasar, gerai penjaja dan juga kawasan pelancongan. Kempen ini juga akan diadakan secara Program Strategi Lautan Biru yang mana ianya akan melibatkan penglibatan agensi tidak hanya PBT malahan agensi-agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pelajaran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Badan-Badan Beruniform malah Badan dan Pertubuhan-Pertubuhan NGO agar ianya akan dapat mewujudkan semangat kerjasama dan saling bertanggungjawab.

Tujuan diadakan Kempen Kawalan Tikus ini adalah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat setempat tentang wabak tersebut. Membersihkan kawasan tumpuan, meningkatkan semangat gotong-royong dan bekerjasama. Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Kerajaan Tempatan sedang merangka garis panduan untuk diguna pakai oleh pihak PBT seluruh Negara dalam menangani wabak tikus ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi Negeri Johor Kempen Kawalan Tikus ini akan diadakan pada bulan September ini. Ianya akan diadakan secara serentak di seluruh Negeri Johor. Adalah diharapkan agar usaha dan kerjasama pelbagai pihak dan agensi ini dapat menjadikan Negeri Johor bebas daripada wabak *leptospirosis*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Dewan berhubung isu yang dibangkitkan oleh ADUN Skudai mengenai masalah pengurusan sampah. Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi mana-mana kontraktor yang gagal mematuhi Jadual Pungutan Sisa Pepejal sepertimana yang telah ditetapkan pada kesalahan pertama. Pihak kontraktor tersebut akan dikenakan potongan penalti yang mana nilainya adalah mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Seterusnya sekiranya kesalahan yang dilakukan masih berulang maka pihak PPSPA boleh mengambil tindakan menamatkan kontrak kerja, kerja kontraktor berkenaan. Manakala, bagi orang awam yang melakukan pembuangan sampah merata-rata, tindakan penguatkuasaan boleh dijalankan di Bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 Akta 672 di mana jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang RM10,000.00 dan tidak melebihi RM100,000.00 atau di penjara selama tempoh tidak kurang dari 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi Kempen Kesedaran Awam, pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam PPSPPA, telah dalam usaha menggiatkan aktiviti berkenaan di mana Program Kesedaran Awam telah dilaksanakan setiap bulan. Bagi operasi penguatkuasaan dan pemantauan pula, anggota penguat kuasa telah melaksanakan setiap hari untuk memastikan kutip sampah dijalankan mengikut jadual dan segala aduan yang diterima berkaitan dengan masalah kutip sampah akan dipastikan terlebih dahulu kesahihan aduan tersebut dan seterusnya tindakan pembetulan diambil dalam tempoh 24 jam.

Bagi ADUN Skudai turut bangkitkan isu kebersihan premis makanan di sekitar Bandaraya. Dalam usaha untuk mengawal kebersihan dalam premis makanan sekitar MBJB, beberapa langkah positif telah dijalankan dari masa ke semasa, berpandukan Undang-Undang Kecil yang digunakan untuk operasi pemantauan termasuklah Undang-Undang Kecil Perlesenan, Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran untuk kesejahteraan kesihatan warga kota. Setiap premis makanan perlu mendapat kelulusan lesen perniagaan sebelum memulakan operasi di premis berkenaan di mana penekanan diberikan kepada kebersihan premis, alat kelengkapan termasuklah penyediaan perangkap minyak *grease trap* kaedah pengendalian makanan, kesihatan pekerja yang diwajibkan dengan mendapat suntikan *typhoid* dan disahkan oleh Pegawai Kesihatan bertauliah.

Pihak Berkuasa Tempatan pada kebiasaannya akan mengadakan pemantauan berkala untuk operasi kebersihan untuk zon merangkumi skop kerja penggredan premis makanan di mana-mana premis yang mencapai tahap kebersihan Gred D atau markah bawah 59%. Arahan untuk premis dikeluarkan untuk memastikan kerja-kerja membaik pulih dan pembersihan dilaksanakan oleh pemilik premis dalam tempoh yang ditetapkan.

Sepanjang 2013, bermula Januari hingga 2013 sejumlah premis yang telah dibuat pemeriksaan adalah sebanyak 466 premis dan dari jumlah tersebut 14 premis telah ditutup bagi memastikan tindakan pembersihan diambil oleh pemilik premis. Pemantauan berterusan dilaksanakan ke atas premis berkenaan bagi memastikan kebersihan makanan dan premis sentiasa mencapai tahap yang ditetapkan. Arahan Akta Makanan dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Daerah di Bawah Akta Makanan 1963 Seksyen 10 dan 11.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Parit Yaani ada membangkitkan isu mengenai bahu jalan yang rosak, meletakkan lampu elektrik dan meletakkan bonggol supaya kenderaan memperlahankan kelajuan di atas jalan raya di kedua arah sebelum sampai Masjid Besar, Masjid Parit Besar dan Simpang Empat Broleh yang sering berlaku kemalangan.

Y.B. Datuk Speaker : Broleh, Broleh, nama tempat, nama kampung.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri : Jalan-jalan yang dimaksudkan adalah jalan di bawah seliaan JKR kerana ia adalah laluan utama jadi bukan jalan dalam taman perumahan. Walau bagaimanapun, pihak MPBP ada majukan permohonan untuk pemasangan lampu jalan dari simpang Parit Besar ke Taman Santalia dan permohonan ini telah pun dimajukan kepada pihak TNB.

Isu kebersihan longkang-longkang dan parit besar di sekitar kawasan yang sering berlaku banjir. Kerja-kerja pembersihan parit-parit besar atau utama adalah di bawah tanggungjawab pihak JKR, MPBP adalah menjalankan kerja pembersihan parit dalam kawasan perumahan melalui pihak PPSPPA.

ADUN Johor Jaya telah membangkitkan isu faktor keselamatan daripada kuari-kuari atau lombong. Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi pembangunan kuari-kuari atau lombong-lombong sama ada sedia ada atau cadangan langkah-langkah kawalan telah digariskan dalam Rancangan Tempatan Daerah di mana semua permohonan untuk perumahan dan institusi utama perlu mengambil kira penyediaan Zon Penampan selebar 500 meter. Selain itu, faktor penentuan Zon Guna Utama lokasi dan keselamatan turut diambil perhatian yang sewajar dalam memproses permohonan perancangan berkaitan permohonan seperti ini bagi kawasan perindustrian dan komersial. Perkara ini turut disokong melalui penyediaan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi isu sampah longgok di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah sebagaimana yang dibangkitkan oleh ADUN Pengkalan Rinting. Bermula 1 September 2013 pihak SWM akan membekalkan lori sampah longgok sebanyak 12 buah merangkumi keseluruhan kawasan MPJBT bagi menghadapi KPI penuh di mana kutipan sisa pukal sampah besar akan dijalankan mengikut frekuensi seminggu sekali.

Berhubung dengan cadangan ADUN Stulang agar lebih banyak CCTV dipasang di kawasan bandar sebagai satu langkah menurunkan kadar jenayah. Yang Berhormat

Datuk Speaker, adalah dimaklumkan CCTV yang dipasang di jalan-jalan utama dapat mengawal sistem sirkulasi lalu lintas terutama di persimpangan utama terutamanya pada waktu puncak dengan izin, *peak hours,* untuk keselesaan warga kota. Di samping itu, CCTV yang dipasang oleh pihak MBJB sentiasa mendapat kerjasama dan kelulusan pihak PDRM terutama dari segi kedudukan pemasangan lokasi CCTV tersebut sebagai langkah membantu pihak PDRM mengurangkan kadar-kadar jenayah di Bandaraya Johor Bahru. Sehingga kini terdapat CCTV di 32 lokasi yang berfungsi sepenuhnya dan di sumbang oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kos RM3.86 juta, manakala MBJB telah membelanjakan sebanyak RM2.52 juta untuk pemasangan CCTV di 18 lokasi dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir September 2013. Dengan itu, menjadikan jumlah keseluruhan CCTV dalam kawasan MBJB adalah sebanyak 50 unit.

Pemantau CCTV dilaksanakan di bawah kawalan CCTV MBJB dan juga Bilik Kawalan Polis. Antara skop pemantauan adalah pemantauan mencegah jenayah melalui pemantauan dan respons dan situasi, pemantauan keselamatan *facility* awam dan institusi kewangan, pemantauan aliran trafik mencegah aktiviti kutu rayau, pengemis, penjaja haram, vandalisme, pemantauan kebersihan sistem lampu isyarat, SCAT atau pun *Sydney Coordinated Adaptive Traffic System,* dengan izin, di mana sebahagian besar lampu isyarat ini dihubung dengan bilik kawalan. Dengan ini lampu isyarat dapat dikawal dengan jarak jauh dan masa kitaran boleh di laras pada bila-bila masa terutamanya pada waktu puncak dan pemantauan bencana alam serta banjir kilat.

Pemasangan sistem CCTV ini telah membantu pihak Polis dan MBJB dalam menurunkan kadar jenayah serta mewujudkan suasana selamat di kawasan sekitar. Sasaran pihak Polis Diraja Malaysia bagi penurunan keseluruhan kadar jenayah pada tahun 2012 sebanyak 5% dan bagi sasaran penurunan kadar jenayah jalanan sebanyak 20% bagi tahun yang sama.

Pencapaian sebenar yang dicapai untuk keseluruhan kadar jenayah pada tahun 2012 adalah sebanyak 15%. Manakala bagi jenayah jalanan mencatatkan penurunan kadar sebanyak 35%. Oleh itu, dirumuskan dengan adanya pemasangan CCTV dapat membantu menyumbang kadar jenayah di kawasan pentadbiran MBJB dan secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi Johor melalui kepercayaan pelabur untuk membuat pelaburan yang selamat.

ADUN Stulang juga turut menyentuh tentang masalah perparitan di Stulang dan di Johor Bahru. Untuk makluman, Majlis Bandaraya Johor Bahru amat komited dalam mengurus, merancang dalam melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dengan masalah-masalah yang berkaitan oleh Ahli Parlimen, ADUN, Ahli Majlis dan orang awam.

Bagi Zon Stulang, ianya meliputi 6 taman perumahan, 3 kawasan kampung dan kawasan perumahan yang terdiri di Kawasan Bukit Cagar, Kawasan Bayu Puteri, Kawasan Wadi hana serta Kampung Bakar Batu, Kampung Setanggi dan Kampung Dato' Sulaiman Menteri manakala taman-taman perumahan terdiri daripada Taman Seri Tebrau, Taman Pelangi, Taman Maju Jaya, Taman Seri Setia, Taman Sentosa dan Taman Seri Pelangi.

Kawasan-kawasan ini merupakan kawasan perumahan lama yang berusia melebihi 30 tahun serta 40% daripada sistem perparitan adalah sistem perparitan lama. Di dalam Zon Stulang ini terdapat 4 cabang sungai yang terdiri daripada Sungai Seragung iaitu di dalam kawasan Istana Pasir Pelangi, Sungai Stulang yang melalui sebahagian kawasan Taman Pelangi, Sungai Sengkuang, kawasan Taman Sentosa, Sungai Tampoi, Kampung Tok Siak, Kampung Gajah Hasnah, Kampung Dato' Sulaiman Menteri. Tindakan berkala pada tahun 2010 hingga 2013 yang dilaksanakan oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam memastikan pengurusan sistem perparitan yang berkesan adalah melibatkan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dengan kos projek menggunakan peruntukan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta peruntukan --- dan kos keseluruhan berjumlah RM4.5 juta manakala tahun 2013 projek-projek menaik taraf sistem perparitan khusus di Zon Stulang sedang giat dilaksanakan di tapak dengan peruntukan sebanyak RM3.6 juta. Jumlah keseluruhan peruntukan yang telah dibelanjakan sejak tahun 2010 hingga kini berjumlah RM8.1 juta.

Selanjutnya, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah merangka program untuk menaik taraf sistem perparitan bagi mengatasi masalah banjir di lembangan Sungai Stulang, Johor Bahru sejak tahun 2012. Permohonan rasmi peruntukan telah dirujuk kepada Kerajaan Negeri pada Februari 2013 dan mendapat kelulusan untuk melaksanakan projek menaik taraf sistem perparitan bagi mengatasi masalah banjir dalam Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada Mac 2013. Pada Julai 2013, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi membiayai projek di kawasan zon Stulang dengan anggaran peruntukan sejumlah RM5 juta khususnya program menaik taraf sistem perparitan di Jalan Stulang Darat.

Pihak Majlis telah melantik perunding untuk mereka bentuk serta perincian pelan tender, komponen projek terdiri daripada menaik taraf sistem perparitan lengkap dengan sistem pam serta pintu air di muara Sungai Stulang. Kos projek termasuklah kerja-kerja penyelenggaraan bagi tempoh 1 tahun serta kos khidmat perunding, tender dijangkakan dikeluarkan pada November 2013. Selain daripada itu, kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di Jalan Bentara Luar, Taman Iskandar, Johor Bahru dan cadangan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di Jalan Indahpura, Johor Bahru dalam peringkat semakan dokumen sebut harga dan akan dikeluarkan pada Oktober 2013.

Untuk makluman, masalah perparitan dan banjir kilat di Kampung Tok Siak, Kampung Stanggi telah dapat dikawal sejak pemaju, Tetuan South Key Development menyiapkan kolam takungan banjir pada akhir tahun 2012 yang merupakan sebahagian daripada syarat-syarat kebenaran merancang. Majlis Bandaraya Johor Bahru dan semakan rekod Majlis Bandaraya Johor Bahru, sejak kolam takungan disiapkan mendapati masalah banjir dapat dikawal.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Batu mengenai tindakan Kerajaan terhadap kewujudan kedai-kedai mainan kuda dan pusat urut ataupun refleksologi. Yang Berhormat Datuk Speaker, aktiviti rumah urut refleksologi yang kini sedang berkembang pesat di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru,

sehubungan itu, aktiviti rumah urut ini dikategorikan sebagai lesen berisiko. Dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru terdapat sebanyak 160 premis yang telah dilesenkan, bagi permohonan lesen rumah urut, setiap permohonan lesen yang diterima akan diproses mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Setiap permohonan perlu mengemukakan sokongan daripada Jabatan Farmasi Negeri Johor dan mengemukakan laporan pengesahan kesihatan semua pekerja.

Dari segi premis pula, pemohon perlu mendapatkan setiap, perlu memastikan setiap ubahan ataupun tambahan perlu mendapat kelulusan daripada pihak Majlis. Setiap bilik-bilik yang dibina di dalam premis tidak dibenarkan menggunakan pintu yang berkunci, memadai dengan penggunaan langsir sahaja. Dari segi iklan premis, perlu mengikut syarat-syarat sebagaimana dalam Undang-Undang Kecil Iklan. Setelah permohonan diproses, Pegawai Pemeriksaan Persekitaran Kesihatan (PPKP) akan membuat pemeriksaan di premis-premis tersebut bagi penyediaan laporan pemeriksaan. Setiap permohonan tersebut akan dibawa ke Jawatankuasa Pelesenan bagi pertimbangan dan tempoh pengeluaran lesen adalah dalam jangka masa 30 hari dari tempoh permohonan diterima. Bagi permohonan lesen premis pusat siber, MBJB tidak mengeluarkan lagi lesen premis bagi aktiviti tersebut sejak tahun 2009, sebagaimana arahan pembukaan oleh KPKT.

Pada ketika ini, sebanyak 19 lesen premis pusat siber yang masih aktif, setiap tahun, pemeriksaan ke premis akan dibuat sebelum lesennya diperbaharui. Sekiranya terdapat pelanggaran syarat seperti aktiviti perjudian, lesen premis bagi aktiviti bagi pusat siber ini akan dibatalkan. Antara syarat yang diberi penekanan adalah premis tidak dibenarkan menggunakan cermin gelap, had umur pengunjung tidak kurang daripada 18 tahun ke atas dan waktu operasi yang dibenarkan tidak melebihi jam 10.00 malam. Bagi langkah kawalan impak sosial, Majlis kini sedang menyusun semula zon penggunaan kelas perniagaan yakni dengan izin, *use class order for commercial* premis bagi aktiviti sedemikian, untuk memastikan kesesuaian aktiviti dengan kawasan persekitaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan cadangan ADUN Parit Raja supaya pekan Parit Raja diasingkan daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat dan mempunyai pentadbiran sendiri ataupun Majlis Tempatan sendiri. Penubuhan Majlis Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu, setakat ini, dalam kontak PBT, Majlis Perbandaran Batu Pahat, pekan Parit Raja adalah hierarki pusat petempatan utama selepas bandar Batu Pahat. Pekan ini adalah pekan yang telah menyokong kriteria semasa menaiktarafkan Majlis Daerah Batu Pahat ke Majlis Perbandaran Batu Pahat. Anggaran hasil cukai harta setakat ini bagi kawasan Parit Raja adalah RM1.25 juta tahun 2013 dan RM2 juta tahun 2013 bagi Sri Gading. Penubuhan Majlis Tempatan sendiri adalah tertakluk kepada Kerajaan Negeri selaras dengan Akta 171 setelah memenuhi kriteria yang telah ditentukan dalam Akta tersebut.

Y.B. ADUN Machap pula ada mencadangkan agar didirikan sebuah Balai Bomba di Machap. Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor telah merancang bagi pembinaan Balai-Balai Bomba baru di seluruh Negeri Johor bagi kawasan-kawasan yang didapati berisiko dan perlu mempunyai

sebuah Balai Bomba. Pembinaan Balai-Balai Bomba yang baru perlu mempunyai faktor-faktor dan kriteria-kriteria berikut antaranya statistik panggilan kebakaran, statistik panggilan kecemasan dan penyelamatan, kepadatan penduduk, kepadatan bangunan, bangunan-bangunan yang berisiko seperti bangunan tinggi dan pencakar langit, pasar raya, hotel dan lain-lain, premis-premis berisiko tinggi seperti loji empangan dan lain-lain, jarak kedudukan dan keluasan jagaan balai bomba terhampir ataupun dengan izin, *respons time* serta faktor geografi tanah.

Bagi kawasan Machap, daripada kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor mendapati kawasan Machap kurang menepati kriteria sebuah balai iaitu lebih kurang 18 kes panggilan kebakaran dan 12 panggilan penyelamatan setahun. Walau bagaimanapun, pada ketika ini, balai bomba sedia ada yang berhampiran iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Air Hitam yang jarak lebih kurang 12 kilometer akan memberikan *respons* terhadap panggilan kebakaran dan kecemasan di kawasan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan juga sedang menunggu kelulusan daripada pihak Kementerian Kesihatan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk pembinaan balai bomba baru di kawasan Simpang Renggam di mana jarak antara kawasan Machap dan kawasan Simpang Renggam adalah juga lebih kurang 12 kilometer. Ini akan membuatkan kawasan Machap berada di tengah antara Balai Bomba Air Hitam dan Simpang Renggam.

Selain daripada itu juga, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor telah merancang dan sedang mengenal pasti lokasi untuk mewujudkan sebuah balai bomba bantuan di kawasan Machap dan sedang menunggu keputusan daripada Kerajaan. Kekuatan anggota bagi konsep bomba bantuan ini adalah satu nisbah dua iaitu jika empat orang Pegawai Bomba maka lapan orang bomba bantuan akan bertugas sama ada 12 jam ataupun 24 jam yang dibayar elaun.

Menyentuh isu yang dibangkitkan oleh ADUN Semerah berkaitan dengan pasar awam Batu Pahat, Yang Berhormat Datuk Speaker, pasar borong Taman Kota Murni dirancang untuk menempatkan semula pemborong sayur dan ikan yang tidak teratur dan menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut sehingga menyebabkan kesukaran kepada ramai orang untuk ke pasar awam.

Terdapat 38 pemborong ikan, 100%, 46 daripada 63 pemborong sayur, 73% telah menandatangani perjanjian untuk berpindah, bagaimanapun pada 6.8.2013 sebahagian daripada pemborong sayur dan runcit seramai 21 orang telah mendapatkan dan memohon pada 6.8.2013 sebahagian daripada pemborong sayur dan runcit seramai 21 orang telah mendapatkan dan memohon perintah Mahkamah Tinggi Muar untuk injunksi supaya perpindahan pada 1.9.2013 ditangguhkan.

Pihak MPBP telah membuat permohonan balas dan menunggu tarikh perbicaraan yang dijangkakan pada minggu terakhir bulan Ogos ini. Sekiranya pihak MPBP masih gagal untuk melepaskan injunksi tersebut, peruncit-peruncit akan tetap berpindah ke pasar awam sementara pada 1.9.2013.

Bagi mengatasi, bagi mengatasi kesan banjir di kawasan pembinaan taman-taman perumahan yang kecil-kecil yang dibangunkan oleh individu, MPBP memastikan sistem saliran bagi sesuatu pembangunan diberi penekanan utama di mana sekiranya pembangunan dijalankan secara individu, penyediaan sistem saliran perparitan yang lebih tersusun dipertanggungjawabkan kepada pemaju tersebut.

ADUN Penggaram mencadangkan supaya tempat pelancongan seperti Pantai Minyak Beku diperindah lagi untuk tarikan pelancong. Yang Berhormat Datuk Speaker, perancangan pembangunan Pantai Minyak Beku bagi fasa tiga sedang dilaksanakan dengan kos projek berjumlah RM200,000.00 di tapak dengan penambahan komponen riadah dan laluan pejalan kaki bagi kemudahan awam melalui bajet MPBP. Fasa seterusnya akan dilaksanakan berdasarkan pelan keseluruhan perancangan pembangunan landskap, dan ianya bergantung kepada kelulusan peruntukan. ADUN Penggaram turut menyentuh masalah banjir kilat di kawasan bandar Penggaram dan kaedah penyelesaian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tinggi aras tanah kawasan daerah Batu Pahat termasuk Taman Batu Pahat, Taman Nira dan Bandar Batu Pahat adalah hampir dengan aras air laut. Ini dibuktikan apabila banjir besar berlaku pada tahun 2006 di mana banjir di Batu Pahat lambat surut ataupun dipanggil banjir termenung kerana pengaliran air masuk semula ke laut terlalu perlahan. Apabila air pasang besar berlaku, air akan masuk ke sistem perparitan di taman-taman dan akan mengakibatkan banjir kilat. Keadaan ini bertambah buruk apabila hujan lebat berlaku serentak dengan air pasang besar, pihak JPS telah membina pintu air dan memasang injap kawalan di lokasi-lokasi tali air yang berisiko banjir kilat untuk mengurangkan masalah ini. Bagi pihak MPBP pula akan sentiasa memantau sistem perparitan di taman-taman supaya sebarang kerosakan dapat dibaiki bagi melancarkan aliran air.

Menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Y.B. ADUN Penggaram mengenai keinginan pemborong sayur pasar borong Kota Murni berpindah. Untuk makluman, kawasan pasar borong Taman Kota Murni terletak di kawasan perindustrian ringan iaitu Taman Industri Kota Murni dan jauh daripada penempatan. Kerja membaik pulih tebing telah dilakukan dan reka bentuk serta diluluskan oleh Jurutera Perunding yang dilantik oleh MPBP, pihak MPBP berpandangan tidak timbul isu jalan sempit dan bengkang bengkok bagi kenderaan berat kerana jalan yang sama dilalui oleh kenderaan berat keluar dan masuk kawasan industri tersebut. Saiz bangku lebih besar iaitu setelah diubahsuai daripada saiz lama, petak ikan 12 kaki x 12 kaki yang lama ke 15 kaki ke 12 kaki yang baru, petak sayur 8 kaki x 8 kaki ke 10 kaki x 10 kaki yang baru.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Yong Peng mengenai tindakan terhadap setiap aduan yang permasalahan oleh penduduk. Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setiap aduan atau permasalahan penduduk akan diatasi dengan seberapa segera oleh pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng. Mesyuarat Aduan dilaksanakan sebanyak dua kali setiap bulan bagi mengatasi permasalahan penduduk setempat. Pentadbiran ini telah berusaha memastikan infrastruktur jalan raya dalam keadaan sempurna, begitu juga dengan memasang lampu jalan di kawasan perumahan dan seterusnya menaik taraf longkang-longkang

sedia ada bagi mengelakkan tiadanya aliran air yang tidak sempurna seterusnya mampu mengelakkannya berlaku banjir kilat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab isu kenaikan elaun secara purata Ahli Majlis sebagaimana yang dicadangkan oleh ADUN Pemanis. Adalah dimaklumkan, pada masa ini elaun tetap Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru adalah sebanyak RM700.00 manakala Majlis Perbandaran adalah sebanyak RM600.00 dan Majlis Daerah adalah sebanyak RM500.00. Kadar ini adalah tidak termasuk *sitting allowance* bagi setiap mesyuarat yang dihadiri oleh Ahli Majlis tersebut. Di samping itu, Ahli Majlis juga menerima beberapa kemudahan lain contohnya peruntukan bagi menjalankan Program Gerak Tumpu, peruntukan pembangunan dan lain-lain kemudahan seperti kemudahan tempat letak kereta. Walau bagaimanapun, penilaian semula terhadap elaun bagi Ahli Majlis akan diperhalusi sama ada sesuai atau tidak berdasarkan seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Pemanis. Ini akan dilihat berdasarkan keadaan dan situasi semasa.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Jementah berkenaan isu kes unsur politik yang berlaku melibatkan penjawat awam Majlis Daerah Segamat. Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 26 Jun 2013, Setiausaha bersama 20 kakitangan Penguatkuasa, Majlis Daerah Segamat telah membuat operasi di pasar awam Segamat. Operasi penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil Pasar 1983 UUK Pasar, tidak seorang pun dibenarkan meletak apa-apa benda menghalang laluan orang ramai. Tindakan diambil setelah pihak MDS memberi amaran kepada peniaga supaya mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan supaya tidak dikenakan denda, tindakan sitaan oleh pihak Majlis. Semasa operasi, sebanyak 43 kesalahan telah dikesan dan 12 saman telah dikeluarkan dan 31 telah diberi amaran rampasan, sitaan 8 bakul sayuran milik peniaga dalam operasi tersebut. Semasa operasi dijalankan berlaku ketidakpuasan hati peniaga dan provokasi terhadap penguat kuasa Majlis. Dari provokasi tersebut berlaku sedikit kekecohan. Walau bagaimanapun, perkara tersebut dapat dikawal dan tiada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Dan kita menafikan berkenaan ianya berunsurkan politik.

Dan akhirnya, secara pintasnya saya memohon maaf sekiranya ada isu-isu yang tidak dapat saya jawab dalam Persidangan Dewan ini akan dijawab dalam jawapan bertulis. Natijahnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, teguran dan pandangan yang membina bagi menambahbaikkan perkhidmatan awam demi untuk kesejahteraan rakyat Negeri Johor khasnya diucapkan ribuan terima kasih. "Daun kangkung, daun selasih; sekian, terima kasih". Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon menyokong.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan, Yang Berhormat Pengerusi yang berikutnya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat). Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana saya dapat bersama-sama dalam sesi perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan

Johor dan dapat saya menyampaikan ucapan dalam sesi penggulungan Mesyuarat Ke-2 dalam Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor yang Ke-13.

Terlebih dahulu juga saya Menjunjung Kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi merasmikan dan menyampaikan Titah Ucapan Perasmian Penggal Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor Ke-13 dan saya juga Menjunjung Kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor kepada saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Agama bagi penggal ini.

Ini merupakan satu amanah dan juga fardu kifayah dan dakwah yang sudah semestinya akan saya laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi ruang dan peluang untuk saya membuat ucapan penggulungan pada sesi Dewan pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Khaled bin Nordin di atas kepercayaannya kepada saya menjalankan tugas portfolio Agama.

Untuk penggal pertama ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan pertanyaan serta cadangan yang menyentuh portfolio, dengan izin Jawatankuasa Agama di sepanjang sesi soal jawab serta sesi perbahasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana yang termaktub di dalam Undang-Undang Tubuh 1895, Islam sebagai Agama Negeri atau pun Ad-Din Ad-Daulah. Maka dengan sebab itu, kita harus bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurniaan-Nya Kerajaan Negeri Johor pada hari ini yang terletak di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang baru yang menerajui kepimpinan Negeri Johor yang mengambil berat di dalam hal ehwal Agama Islam di mana pelbagai usaha dan perancangan yang dibuat daripada peruntukan perbelanjaan Kerajaan Negeri telah diperuntukkan untuk membangunkan Agama Islam di negeri ini.

Ini merupakan satu komitmen yang tinggi Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bagi memastikan pembangunan agama Islam serta umat Islam di negeri ini terus diberi perhatian yang serius secara berterusan. Justeru itu, segala pandangan dan cadangan yang diberikan akan diambil tindakan yang serius bagi memastikan hasrat murni Kerajaan Negeri di dalam pembangunan agama Islam di negeri ini akan dilaksanakan sebaik mungkin dan sesegera mungkin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya dalam ucapan saya pada hari ini saya ingin menyentuh isu sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Raja mengenai pelantikan Pembantu Tadbir dan Pembantu Am di Sekolah Agama Negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengisian Pembantu Tadbir di Sekolah Agama mula diisi pada tahun 2007 setelah mendapat waran kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Sebelum tahun 2007 segala tugas berkaitan dengan

Pembantu Tadbir dilakukan sendiri oleh guru sekolah. Setakat ini di Negeri Johor yang mempunyai 557 buah sekolah agama di mana waran bagi perjawatan Pembantu Tadbir ialah 138 waran. Pengisian dari pelantikan Pembantu Tadbir seramai 108 orang hanya diletakkan di sekolah Gred A dan Gred B sahaja. Manakala sekolah Gred C tidak mempunyai waran Pembantu Tadbir disebabkan jumlah murid sekolah tersebut kurang daripada 500 orang.

Berpandukan kepada waran tersebut pihak Kerajaan juga telah mengisi sepenuhnya. Namun terdapat kekosongan sebanyak 30 waran lagi disebabkan proses pertukaran kenaikan pangkat, berpindah ke jabatan lain, menjawat jawatan yang lebih baik. Namun demikian, pihak Jabatan Agama Negeri Johor telah memaklumkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk tindakan selanjutnya. Manakala bagi jawatan Pembantu Am di sekolah-sekolah agama tidak diwujudkan kerana setakat ini tiada keperluan bagi jawatan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh mengenai pembinaan Sekolah Agama Taman Kota Yong Peng yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yong Peng, pihak pemaju memaklumkan di mana sekolah ini akan mula digunakan pada awal Oktober 2013. Namun pembinaan sekolah ini telah menghadapi kelewatan disebabkan oleh masalah dalam menyelesaikan isu tanah Sekolah Agama Kota Yong Peng sejak tahun 2010, di mana proses pembinaan juga, pihak pemaju telah melantik sebanyak 3 kontraktor di mana kontraktor pertama dan kedua gagal menyiapkan projek tersebut dan telah disambung oleh kontraktor yang ketiga dan dijangka siap pada tahun, akhir tahun 2013.

Mengenai status pembinaan Sekolah Agama FELDA Simpang Waha, Kota Tinggi pula sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sedili, pembinaan Sekolah Agama FELDA Simpang Waha tidak termasuk dalam senarai projek 121 buah Sekolah Agama. Ini disebabkan bangunan yang sedia ada yang disediakan oleh pihak FELDA masih mampu menampung pelajar untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenang, pihak Jabatan Agama Johor sentiasa mengambil perhatian akan situasi dan keadaan Masjid Jamek Labis yang lama. Walaupun pada masa kini ia tidak digunakan lagi. Ia masih lagi berada dalam perancangan dan penelitian pihak Berkuasa Agama. Pelbagai bentuk pembangunan seperti menjadikannya Pusat Pengajian Al-Quran, Pusat Pengajian Tahfiz dan seumpamanya yang bersesuaian. Apa yang pasti, Masjid Jamek yang selama ini sama sekali tidak akan dipinggirkan dan apa yang dilaksanakan itu adalah kerana mementingkan kedudukan maslahah masyarakat setempat di Pekan Labis.

Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Sedili juga, sudah menjadi tuntutan agama di mana mencari yang halal itu adalah satu kefardhuan sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW (Hadith) – "Mencari yang halal itu adalah satu kefardhuan selepas kefardhuan yang lain". Maka pihak Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan mempromosikan produk-produk halal. Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan

termasuklah penganjuran Karnival Halal dan juga Pameran Halal. Ini bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kehadiran produk halal di pasaran. Produk itu diperkenalkan sebagai produk dijamin keselamatan dan kualitinya berbanding produk lain tanpa pengiktirafan yang sah.

Majlis Agama Islam sentiasa prihatin berkenaan makanan umat Islam di Negeri Johor, di mana Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Johor telah mengeluarkan Sijil Halal sehingga Julai 2013 kepada 722 buah premis di seluruh Negeri Johor. Yang pertama, kilang makanan sebanyak 463 sijil, hotel dan resort, 45; restoran premis makanan, 152; rumah sembelihan, 15; *pharmaceutical*, 7; kosmetik, 7; bahan gunaan, 33 di mana jumlahnya ialah sebanyak 722 sijil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berikutan pertanyaan yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Sedili, dalam usaha penambahbaikan proses bantuan kepada pemohon yang memohon bantuan Majlis Agama Islam bagi mencapai tujuan tersebut Majlis Agama Islam telah mengambil langkah-langkah seperti menambah jumlah bilangan kakitangan Majlis Agama Islam Negeri Johor di mana ianya terdiri daripada jawatan tetap dan kontrak, keseluruhannya seramai 248 kakitangan.

Penambahan jawatan ini akan dibuat dari semasa ke semasa bermula dari tahun 2014. Selain itu, Majlis Agama Islam juga membuat penurunan kuasa kepada kadi-kadi Daerah iaitu Amil Baitulmal Daerah untuk membuat bantuan pendaftaran IPTA. IPTS dan juga sumbangan bantuan sara hidup (bantuan segera) di mana Majlis Agama Islam juga menambahkan, meningkatkan jumlah bantuan segera untuk bantuan bencana alam seperti mangsa kebakaran dan mangsa ribut daripada RM1,000.00 kepada RM2,000.00 di bawah bidang kuasa Kadi Daerah.

Program Insaniah di setiap daerah di seluruh Negeri Johor juga melibatkan bantuan-bantuan...

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, sila duduk dulu Yang Berhormat. Saya membenarkan Yang Berhormat mula menyambung selepas kita berehat sebentar ini. Jadi saya tangguhkan Persidangan sehingga pukul 12.00.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.35 pagi.

Persidangan di sambung semula pada jam 12.00 tengah hari.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Persidangan kita sambung semula. Kuorum cukup. Jemput Pengerusi Agama, teruskan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker. Sambungan daripada pertanyaan yang dibangkitkan dalam Dewan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Mengenai Bantuan Pembinaan Rumah Fakir Miskin pula, telah menjadi keutamaan Majlis Agama Islam dalam membasmi kemiskinan. Dari Januari 2013 sehingga kini, MAIJ

telah meluluskan sebanyak 138 buah rumah bagi fakir miskin di seluruh Negeri Johor. Bentuk bantuan rumah yang diberikan ialah Bantuan Bina Baru sebanyak 36,300 sebuah dan juga Bantuan Baik Pulih sebanyak 11,000. Dan insya-Allah pada tahun ini juga pihak MAIJ telah pun meluluskan peruntukan untuk membina baru rumah-rumah bagi asnaf fakir dan miskin dari kos RM36,000.00 dinaikkan kepada RM40,000.00 kerana kenaikan harga kos binaan yang semakin meningkat dan juga untuk memastikan kesempurnaan rumah yang dibina.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memberi maklum balas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Raja. Majlis Agama Islam sentiasa mengambil berat berkenaan dengan buku bantuan awal persekolahan kepada pelajar-pelajar sekolah di seluruh Negeri Johor. Majlis Agama Islam juga memerlukan kerjasama daripada Guru-Guru Besar dan Pengetua-Pengetua Sekolah bagi menyediakan senarai-senarai nama pelajar-pelajar yang tergolong dalam golongan asnaf dan fakir miskin. Urusan berkaitan dengan bantuan awal persekolahan bermula daripada bulan Jun setiap tahun sehinggalah bantuan pakaian dan barangan persekolahan tersebut sampai ke tangan pelajar di sekolah untuk seisi persekolahan tahun berikutnya. Selain dari itu juga, Majlis Agama Islam juga telah mengambil tindakan untuk memberi penurunan kuasa kepada kadi-kadi daerah sebagai amil baitulmal di daerah bagi meluluskan permohonan bantuan pendaftaran di IPTA dan juga di IPTS.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani. Negeri Johor mempunyai 2 buah bangunan asrama pelajar yang dijadikan tempat tinggal untuk para pelajar yang menuntut di Kaherah, Mesir. Di mana salah sebuah daripadanya dibangunkan daripada peruntukan daripada wang wakaf saham wakaf menerusi Saham Wakaf Negeri Johor dan telah pun disempurnakan perasmiannya oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Di mana setiap asrama boleh menempatkan seramai 100 pelajar, di mana kriteria dan kelayakan pelajar yang boleh menduduki rumah ini diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar baru yakni dari Tahun 1 dan 2. Pelajar yang berkemampuan dan yang tidak mendapat tajaan dari mana-mana pihak dan tidak berkemampuan dan juga tidak mendapat tajaan daripada mana-mana pihak.

Pada kebiasaannya bersempena dengan pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baru ke Universiti Al-Azhar. Pihak pengurusan asrama akan mengeluarkan notis kepada pelajar-pelajar yang tidak lagi memenuhi kriteria di atas untuk mencari rumah-rumah sewa bagi kediaman mereka untuk tahun berikutnya. Manakala bagi mereka yang masih berkelayakan boleh terus tinggal di asrama Johor. Namun dalam keadaan politik dan keselamatan di Mesir yang sedang bergolak ketika ini, Majlis Agama Islam telah mengarahkan supaya proses ini ditangguhkan terlebih dahulu dan penghantaran pelajar baru ke Mesir juga ditangguhkan sehinggalah keputusan dibuat oleh Kerajaan Pusat.

Selain daripada itu juga perkara yang berbangkit mengenai kepulangan Pegawai Hal Ehwal Pelajar Johor di Mesir ke Malaysia adalah dalam rangka jadual pembentangan Laporan Berkala kedudukan hal ehwal pelajar di Mesir kepada Majlis yang kebetulan berlaku pada bulan Ramadhan. Namun begitu tugas-tugas bagi menjaga kebajikan keselamatan dan segala yang berkaitan pelajar Johor di Mesir telah ditanggung

sementara oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Pengurus Rumah Johor di Mesir iaitu Ustaz Haji Maulan bin Asmuni. Setakat ini, tugas-tugas pengawasan dan juga pendaftaran evakuasi bagi pelajar Johor juga telah diuruskan secara bersama oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar Johor bersama Jabatan Penuntut Kaherah bagi memastikan keselamatan pelajar-pelajar Johor di Mesir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berikutan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani. Sukacita ingin saya memaklumkan bahawa zakat pungutan kadar kutipan zakat yang telah dikutip sehingga hari ini, jumlah yang terkumpul daripada zakat harta dan juga zakat fitrah ialah jumlahnya sebanyak RM128 juta. Ini adalah kesan daripada kesedaran umat Islam pada hari ini untuk berzakat dan juga pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat di Negeri Johor. Di mana sasaran Majlis Agama Islam Negeri Johor pada tahun ini adalah sebanyak RM160 juta. Kita masih ada 4 bulan lagi untuk mencapai sasaran dan diharapkan mungkin akan melebihi RM160 juta. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat terdiri daripada Badan-Badan Korporat, begitu juga bank-bank Institusi Kewangan dan juga individu-individu dan juga pewakaf-pewakaf. Semoga Allah SWT akan memberkati rezeki yang Allah kurniakan kepada mereka melalui pembayaran zakat.

Sehubungan dengan itu mengenai agihan zakat kepada golongan asnaf sehingga 31 Julai 2013, lebihan pungutan zakat yang disimpan di dalam simpanan tetap ialah sebanyak lebih kurang RM210 juta. Dasar agihan Majlis Agama Islam Negeri Johor mengikut sebagaimana ketetapan fatwa ialah setiap pungutan zakat yang dibuat hendaklah diagihkan dalam tahun semasa. Dan sekiranya, pungutan tersebut tidak sempat diagihkan dalam tahun semasa maka ianya hendaklah diagih pada tahun berikutnya bagi memastikan wang zakat dapat dibelanjakan untuk keperluan asnaf.

Bagi tahun 2013 sahaja, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM172.2 juta bagi membiayai aktiviti asnaf-asnaf zakat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM60 juta juga adalah untuk membiayai aktiviti fakir dan miskin, bagi membantu masyarakat yang kurang berkemampuan seperti bantuan sara hidup bulanan dengan peruntukan pada tahun ini sebanyak RM23 juta. Bantuan perubatan sebanyak RM1.6 juta, bantuan rawatan buah pinggang RM22 juta, bantuan pakaian sekolah RM2.3 juta, bantuan Hari Raya RM5.4 juta, bantuan pendaftaran di Institut Pengajian RM2.5 juta dan berbagai-bagai lagi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, menurut perkara yang dibangkitkan juga Yang Berhormat Semarang. Ingin saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa semua Guru Besar Sekolah Rendah Agama Bersepadu yakni SRAB telah dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Lepasan Diploma Gred DGA 32 pada 1 September 2007 oleh Kerajaan Negeri Johor. Sekolah Agama Negeri Johor (SRAB) telah didaftarkan sebagai sekolah agama bantuan Kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia ataupun disebut sebagai SABK pada 14.8.2012.

Oleh yang demikian, secara tidak langsung Guru Besar Kerajaan Negeri yang opsyen dari skim dengan izin skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Lepasan Diploma di Sekolah Agama Negeri Johor ke Skim Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma di Kementerian Pelajaran Malaysia berkuat kuasa mulai 1 November 2012. Pada

dasarnya permohonan kenaikan pangkat mereka adalah tidak layak dipertimbangkan kerana memandangkan mereka telah berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia pada 1 November 2012. Dan tarikh iklan kenaikan pangkat bagi gred jawatan berkenaan telah dikeluarkan pada 15 Julai 2013. Dan tarikh tutup iklan ialah pada 30 Ogos 2013. Walau bagaimanapun bahagian pendidikan Jabatan Agama Johor telah memajukan rayuan permohonan kenaikan pangkat dari DGA 32 ke DGA 34 bagi guru-guru Sekolah Rendah Agama Bersepadu Negeri Johor ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Abong. Untuk mewujudkan masjid dan surau, mewujudkan satu dana khas untuk bantuan kepada Ahli Qariah yang miskin adalah bergantung kepada tahap kewangan sesebuah masjid dan surau. Adapun kutipan mingguan atau bulanan yang diterima oleh masjid dan surau, pengagihan perbelanjaan kutipan tersebut bergantung kepada keutamaan sesebuah masjid dan surau seperti penyelenggaraan bil, aktiviti tahmid, seperti kuliah maghrib dan subuh, program bacaan Yasin di malam Jumaat, qiamullail dan sebagainya. Untuk aktiviti berkala seperti Maulidur Rasul dan Sambutan Maal Hijrah hampir keseluruhan masjid dan surau mengadakan kutipan khas untuk aktiviti ini tidak diambil dari kutipan mingguan ataupun bulanan.

Namun begitu, tidak dinafikan wujud masjid yang mempunyai kutipan dana yang besar. Dan masjid-masjid ini memang ada menyediakan dana bantuan untuk Ahli Qariah tetapi pelaksanaan perkara ini hanya terhad kepada masjid-masjid yang mempunyai kemampuan kewangan yang besar. Perkara yang dibangkitkan juga Yang Berhormat Sungai Abong, begitu juga yang saya telah menyatakan kepada saya Yang Berhormat sendiri, Majlis Agama Islam Negeri Johor menyalurkan bantuan bencana seperti kebakaran ataupun ribut puting beliung dalam 3 bentuk :

1. Bantuan segera yang berjumlah maksimum RM2,000.00 berdasarkan kerosakan yang dialami.
2. Bantuan baik pulih rumah tidak lebih RM11,000.00 bagi kerosakan yang dialami.
3. Bantuan bina baru rumah sebanyak RM36,300.00. Insya-Allah RM40,000.00 bagi rumah yang musnah kesemuanya. Bantuan ini akan diambil daripada asnaf fakir dan miskin seandainya orang itu tidak tergolong daripada orang yang fakir dan miskin, dia hanya boleh menerima bantuan segera tidak melebihi RM2,000.00 sahaja dan tidak layak mendapat bantuan baik pulih dan bina baru rumah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri, daripada 5 Ahli Dewan Undangan Negeri, kalau tidak silap saya yang berkaitan dengan isu Syiah. Syiah di Malaysia merupakan satu kelompok pecahan dari umat Islam yang merangkumi lebih kurang 10% dari keseluruhan umat Islam di dunia. Golongan Syiah ini berpecah kepada beberapa kumpulan, tetapi kita hanya dapat memaklumi hanya 3 sahaja kelompok yang terbesar iaitu yang disebut sebagai :

1. Syiah Imam 12 yang disebut sebagai Jaafariyah. Kumpulan ini merupakan golongan Syiah yang terbesar di Iran dan merangkumi hampir 60% daripada penduduk Iraq. Golongan ini juga menjadi kumpulan minoriti di beberapa buah negara seperti Pakistan, Afghanistan, Lubnan dan juga Syria.

2. Syiah Zaidiyah. Kumpulan yang dikenali dengan Syiah Imam 5 berkembang di Yaman dan hampir 40% daripada penduduk negara tersebut adalah pengikut Syiah Zaidiyyah.

3. Syiah Ismailiyah. Iaitu kumpulan ini, mempunyai Imam 7 dan pengikutnya dianggarkan seramai 2 juta orang. Kumpulan ini sekarang berpusat di India dan bertaburan di sekitar Asia Tenggara, Asia Tengah, Iran, Syria dan juga Timur Afrika.

Di Malaysia juga terdapat 3 kumpulan Syiah yang berkembang sejak beberapa tahun yang lalu :

1. Syiah Tayyibi Bukhra, atau pun dikenali sebagai Dawood Bukhra. Kumpulan ini berasal dari India, dan di Malaysia ia dikenali dari golongan yang memiliki kedai Bombay. Kumpulan yang berpusat di Daerah Klang ini mempunyai tanah perkuburan dan masjidnya sendiri dan pengikutnya dianggarkan seramai 200 hingga 400 orang sekitar tahun 1996.

2. Syiah Ismailiyah Al-Azhan. Kumpulan yang dikenali sebagai kedai Perbhai, ini bergerak di sekitar Lembah Klang di mana jumlah pengikutnya tidak diketahui tetapi bilangan adalah lebih kecil dari kelompok Dawood Bukhra.

3. Syiah Jaafariyah, atau pun Imammiyyah Inna-Asyariyah jadi Imam 12. Kumpulan Syiah ini mula bertapak di Malaysia selepas kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979. Pengaruh ajaran dan fahaman ini menular ke negara ini melalui bahan-bahan bacaan dan orang-orang perseorangan sama ada yang berkunjung ke Iran atau yang datang dari Iran.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, fahaman Syiah ini bertambah meruncing apabila beberapa orang pensyarah-pensyarah universiti-universiti tempatan telah memainkan peranan untuk menyebarkan fahaman Syiah Jaafariyah secara serius kepada para pelajar di institut pengajian tinggi. Beberapa buah kitab utama Syiah yang telah dijadikan rujukan dan sebahagiannya telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu iaitu, yang pertama sekali, iaitu "Kasyhul Asyrar" yang ditulis oleh Ayatullah Al-Khomeni. Al-Khuqumah Al-Islamiyah, Ayatullah Al-Khomeni. "As-Abahah Minassalaf", Ayatullah Al-Murthodah Az-Zubaidi, dan juga "Al-Usul Minal-Khaf", yang ditulis oleh Sheikh Muhammad bin Yaakub Al-Khulaini, dan juga "Tahrir Al-Wasilah" yang ditulis oleh Ayatullah Al-Khomeni.

Begitu juga, "Al-Murojaat" yang ditulis Sheikh Abdul Hussein Sharifuddin Al-Musowi. Dan yang seterusnya, "Khiswar Night", As-Syed Muhammad Rais Al-Wahideen. Dan juga "Mafatih Al-Juttan", As-Sheikh Abbas Al-Khummi. Dan juga "Minhaj, Kebenaran dan Pendedahannya", "Fiqh 5 Mazhab, Di antara Nas dan Ijtihad", yang ditullis Al-Hassan

bin Yusof Al-Muthokhar Al-Khulli. Dan seterusnya, "Mengapa Aku Memilih Ahlul-Bait" yang ditulis oleh Sheikh Muhammad Maril Amin Al-Antaqi. Dan seterusnya juga, "Assahabah" yang ditulis oleh Haidar. Dan juga "Ahlul Bait" oleh Dr. Mahfoz Muhammad.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, di antara penyelewangan fahaman akidah, fahaman Syiah, ajaran dan fahaman Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng dari ajaran Islam dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara, khususnya di Malaysia. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat, keseluruhannya dari berkembang di Malaysia berdasarkan beberapa percanggahan yang terdapat di dalam fahaman yang tersebut sama ada dari segi sudut akidah, syariah dan pelbagai penyelewengan umum yang lain.

1. Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor bersama pihak Polis DiRaja Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara akan sentiasa meneruskan pemantauan dari semasa ke semasa tentang kegiatan ajaran Syiah di Negeri Johor.

2. Langkah yang seterusnya yang akan dilakukan iaitu Muzakarah akan diadakan kepada pengamal-pengamal ajaran Syiah.

3. Dan seterusnya juga akan mengadakan penerangan kepada seluruh umat Islam tentang penyelewengan Syiah yang melibatkan akidah, syariah dan juga penyelewengan-penyelewengan yang lain.

4. Pihak Majlis Agama Islam Johor juga akan menerbitkan bahan-bahan bacaan yang boleh dijadikan rujukan kepada umat Islam di Negeri Johor.

5. Dan yang seterusnya, yang terakhir sekali, iaitu menyediakan senarai penceramah-pencemarah yang mampu, yang mempunyai kepakaran yang tinggi tentang Syiah daripada kalangan pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam Johor, Jabatan Kemajuan Islam Johor dan juga seterusnya daripada individiu-individu yang dikenal pasti melalui sekretariat Majlis Agama Islam bagi menangani isu-isu semasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan Dato' Timbalan Speaker, Menteri Besar dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara yang berkaitan dengan portofolio saya. Dan saya juga telah cuba untuk memberikan jawapan yang dibangkitkan. Dan, sekiranya ada perkara yang terlepas pandang, akan saya berikan perhatian dan saya akan mengambil tindakan susulan dengan memberikan jawapan bertulis. Sekian, saya mohon jutaan ampun dan maaf. Wabillahi taufik walhidayah wassalamuala'kum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon untuk menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Jemput Yang Berhormat seterusnya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Muafakat Johor. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas

peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam sesi penggulungan perbahasan di Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Pertama Negeri Johor Yang Ke-13 Atas Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana dapat menyampaikan ucapan penggulungan ini bagi menjawab serta menjelaskan perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sesi perbahasan serta yang telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri Johor.

"Melati kuntum tumbuh melata, sayang merbah di pohon cemara, salam sejahtera mulanya kata, saya sembah pembuka bicara". Perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini khususnya berkenaan dengan Portfolio Perpaduan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sidang yang mulia ini, saya cuba menghuraikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat kawasan Tenang, Bukit Permai, Jementah, Tebrau dan Rengit sekali dalam penggulungan saya pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sememangnya Kerajaan sedar dan tahu dengan apa yang berlaku selepas Pilihan Raya Umum yang ke-13 yang lalu. Ianya merupakan fenomena yang mempengaruhi pemikiran serta tindakan sebahagian anggota masyarakat khususnya di Negeri Johor yang boleh membimbangkan. Di atas apa yang berlaku ini, Kerajaan berusaha merapatkan kembali barisan masyarakat di Negeri Johor dari peringkat akar umbi supaya permuafakatan yang wujud di Negeri Johor sejak dahulu lagi dapat kita utuhkan sehingga tiada lagi pihak-pihak yang tertentu boleh memanipulasi isu-isu tertentu sehingga boleh memecahbelahkan masyarakat di Negeri Johor yang dicintai ini.

Saya turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor kerana memberi aspirasi kepada Kerajaan untuk membina semula jambangan kasih sayang dan cinta rakyat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan merakyat Negeri Johor melalui pendekatan "Memperkasakan Muafakat Johor".

Pepatah Melayu ada menyatakan bahawa "Bulat Air Kerana Pembentung, Bulat Manusia Kerana Muafakat". Bertolak dari maksud pengertian pepatah ini, maka konsep Muafakat Johor akan memberikan penekanan peri pentingnya aspek kehidupan dalam masyarakat sama ada dalam kaum, mahu pun di antara kaum yang harmoni, sepakat, bersefahaman, bertolak ansur, bekerjasama serta yang paling utama sekali mempunyai jati diri sebagai anak Negeri Johor. Bagi meningkatkan dan memperkukuhkan lagi perpaduan dan kerjasama di antara kaum dan di dalam kaum-kaum, konsep muafakat Johor ini akan dijadikan sebagai satu asas, *platform*, dengan izin dalam apa jua bentuk program dan tindakan yang akan dilaksanakan selepas ini oleh setiap agensi di peringkat negeri dan Persekutuan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Muafakat Johor akan mengambil kira cabaran *national reconciliation*, dengan izin, penyatuan nasional iaitu yang memberi penekanan kepada dimensi semangat nasionalisme yang tinggi di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negeri ini amnya, dan khususnya jati diri yang tinggi bagi masyarakat di Negeri Johor. Pengukuhan jati diri dan semangat yang tinggi sebagai anak Johor boleh dicapai melalui penghayatan dan pengalaman dalam kehidupan bermasyarakat, berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara serta sejarah Kerajaan Kesultanan Negeri Johor Darul Takzim.

Yang Berhormat Dato' Speaker, "Harum sungguh bunga melati, hiasan sanggul amat memikat, bertolak ansur hormat-menghormati, mengukuhkan ikatan perpaduan bermuafakat". (Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Dato' Speaker, perpaduan adalah tanggungjawab semua pihak, dan bukannya hanya tertumpu kepada sebuah jabatan mahu pun agensi tertentu. Kerana, maksud perpaduan itu sendiri begitu luas peri maksudnya yang melangkaui pelbagai bidang, termasuk politik, ekonomi, sosial, pendidikan, agama, kebudayaan dan sebagainya. Oleh kerana itu, Kerajaan bercadang menyelaras ke semua bidang tersebut dengan lebih memberi fokus kepada perpaduan dengan menubuhkan satu majlis yang dinamakan "Majlis Pemuafakatan Negeri Johor" yang mana keahliannya bukan sahaja tertumpu kepada agensi tertentu mahu pun kepada agensi jabatan Kerajaan tetapi juga turut melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, badan-badan bukan Kerajaan, NGO-NGO, wakil-wakil pemimpin pelajar daripada IPTA dan IPTS, wakil-wakil persatuan dan wakil kelab belia yang mewakili kaum-kaum. Dan penubuhan Majlis ini adalah bertujuan :

1. Meningkatkan, memperkukuhkan perpaduan dan kerjasama dalam masyarakat di antara kaum dan di dalam kaum di Negeri Johor, selaras dengan pendekatan Permuafakatan Perpaduan Johor.

2. Mengukuhkan silaturahim di dalam masyarakat dan mewujudkan semangat "Saya Anak Johor" dalam membentuk sahsiah diri.

3. Menyediakan ruang dan peluang berinteraksi di antara masyarakat Johor khususnya di dalam komuniti supaya semangat perpaduan dapat disemai dari peringkat awal.

4. Mengukuhkan jaringan hubungan kerjasama yang erat antara pelbagai agensi Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan, pihak swasta dalam menjayakan perlaksanaan "Program Permuafakatan Perpaduan Johor".

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis ini juga akan turut berfungsi sebagai :

1. Panel penasihat berkaitan hal ehwal perpaduan kepada pihak Kerajaan peringkat Negeri Johor.

2. Menyelaras dan mengawal selia isu-isu berkaitan perpaduan di peringkat negeri serta memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri serta mencadangkan langkah-langkah dan mekanisme yang perlu diambil bagi menangani isu-isu yang berkaitan.

3. Mencadangkan dasar-dasar yang progresif dan komprehensif yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri berkaitan dengan hal ehwal perpaduan di peringkat Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping penubuhan Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor, Kerajaan juga berusaha memupuk perpaduan melalui program-program perpaduan secara berterusan di samping memberi penghayatan kepada prinsip Rukun Negara, taat setia kepada Raja dan juga berpegang kepada Perlembagaan melalui program-program seperti :-

i. Sambutan Minggu Perpaduan
ii. Penubuhan Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah-sekolah rendah dan menengah. Sebenarnya pada masa ini memang terdapat Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah tetapi di seluruh Negeri Johor yang melibatkan sekolah rendah dan sekolah menengah hanya 66 Kelab Rukun Negara telah pun ditubuhkan. Maka selepas ini Jabatan Perpaduan akan memperkasakan Kelab Rukun Negara dan kita akan menggalakkan kalau boleh di semua sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan, SJKC, SJKT dan Sekolah Menengah di Negeri Johor menubuhkan Kelab Rukun Negara.
iii. Penubuhan Sekretariat Kelab Rukun Negara di peringkat IPTA, di peringkat IPTS dan juga mengadakan program-program bersama Alumni PLKN.
iv. Kempen Kibar Jalur Gemilang akan diperkasakan dan akan dilancarkan dalam skala yang lebih besar pada tahun-tahun yang akan datang.
v. Program-program perpaduan di peringkat akar umbi melalui kawasan Rukun Tetangga di mana penubuhan KRT akan diperbanyakkan dan pada masa yang sama kita akan memperkasakan SRS, Skim Rondaan Sukarela.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara kesimpulannya Muafakat Johor bukan hanya sebagai satu konsep pemikiran, bahkan ianya merupakan langkah memperkasakan semangat jati diri rakyat pelbagai kaum di Negeri Johor. Oleh yang demikian, amat penting bagi setiap rakyat Johor memahami serta mendepani permuafakatan ini sebagai meningkatkan peranan dan tanggungjawab bagi kesepaduan serta perpaduan dalam erti kata sebenarnya. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, supaya menghulur tangan bersama-sama berganding bahu untuk kita memperkasakan muafakat rakyat Negeri Johor tanpa mengambil kira latar belakang politik, demi memelihara kesejahteraan negeri kita yang tercinta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Beras segantang sudah disukat, Lalu disimpan di atas para, Andai seluruh masyarakat muafakat, Johor damai rakyat sejahtera.(Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya akan menjawab isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia. Isu *target* pencapaian tenaga kerja mahir pada tahun 2015 hingga tahun 2020 seperti yang dibawa oleh ADUN Semarang, iaitu tenaga kerja yang terlatih, berilmu dan berkemahiran tinggi adalah tunjang yang menentukan aspirasi pembangunan negara sebagaimana yang termaktub di dalam Wawasan 2020.

Menyedari hakikat ini, Pembangunan Modal Insan diberikan keutamaan dengan tumpuan kepada bidang latihan teknikal dan vokasional dalam memastikan bakal pekerja yang dikeluarkan adalah berketerampilan, berdaya saing dan berkemahiran tinggi yang dapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan.

Usaha-usaha ke arah ini telah dan sedang dipergiatkan oleh Kerajaan melalui penyediaan latihan kemahiran di bawah Jabatan atau agensi Kerajaan yang dikenal pasti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Sumber Manusia menawarkan peluang latihan secara sepenuh masa dan separa masa melalui institusi latihan Jabatan Tenaga Manusia yang terdiri daripada :-

i. 22 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) termasuk 3 buah di Johor, iaitu di Pasir Gudang, di Mersing dan Ledang bagi program peringkat sijil dan diploma, di mana lebih kurang 38 jenis kursus ditawarkan di antara 22 institusi ini.
ii. 8 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) termasuk sebuah di Batu Pahat bagi program peringkat diploma dan diploma lanjutan, di mana 16 kursus peringkat diploma ditawarkan.
iii. 1 Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI) di Pulau Pinang bagi Diploma Kejuruteraan, di mana 4 kursus ditawarkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, manakala Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pula dengan kerjasama majikan, menjalankan Sistem Latihan *Dual* Nasional (SLDN) yang memberikan 70% hingga 80% latihan amali di dalam situasi pekerja sebenar dan 30% hingga 20% kelas teori di pusat latihan-latihan ini adalah didasarkan atas keperluan industri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi pelatih-pelatih yang ingin mengikuti latihan kemahiran dan memerlukan pembiayaan, Kerajaan turut menawarkannya melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di mana sejumlah wang diketepikan bagi tujuan penggunaan menerusi Tabung Pembangunan ini.

Selain itu, Kerajaan juga telah menubuhkan sebanyak 32 Politeknik yang dibina di seluruh negara sebagai persediaan menghadapi jumlah guna tenaga berkemahiran tinggi yang semakin meningkat. Manakala agensi-agensi lain yang turut menawarkan peluang meningkatkan kemahiran ialah Pusat Giat MARA, Kolej Komuniti, Akademi

Binaan Malaysia dan lain-lain pusat latihan yang dikendalikan oleh pihak swasta yang diberi pentauliahan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Selain dari peluang-peluang latihan yang diwujudkan, Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah amat perlu para belia dan lepasan sekolah khasnya diberi kesedaran dan *mindset changing,* dengan izin*,* mengenai masa depan dalam bidang kemahiran, yang menawarkan pendapatan yang tinggi sesuai dengan tahap kemahiran yang dimiliki. Usaha ini sebenarnya memerlukan komitmen dari semua pihak bermula dari peringkat sekolah menengah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Johor Jaya iaitu dasar Kerajaan yang mesra wanita. Untuk meningkatkan jumlah penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja. Di mana Kerajaan mengakui di dalam pembangunan negara, tenaga kerja yang memenuhi keperluan dari segi jumlah dan kemahiran amat perlu. Ini merangkumi peranan pekerja wanita yang turut memberi sumbangan khasnya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Menyedari berlakunya terdapat kes di mana pekerja wanita yang terpaksa melepaskan jawatan masing-masing untuk memberi tumpuan kepada keluarga, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah menguatkuasakan Peraturan Kerja Separa Masa. Ini bertujuan untuk membolehkan pekerja-pekerja wanita ini untuk bekerja dalam waktu anjal dan pendek, di samping menjalankan tanggungjawab sebagai ibu dan suri rumah tangga.

Selain dari itu, satu lagi langkah ke arah meningkatkan penyertaan wanita dalam pekerjaan ialah dengan menggalakkan majikan menyediakan kemudahan Pusat Asuhan Kanak-Kanak di kawasan industri masing-masing. Dengan adanya kemudahan Pusat Asuhan Kanak-Kanak di kawasan industri dapat menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Selain itu, bersesuaian dengan tanggungjawab sosial korporat dalam usaha mewujudkan masyarakat prihatin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setakat ini, di Negeri Johor hanya terdapat 2 buah Pusat Asuhan Kanak-Kanak yang ditubuhkan oleh syarikat swasta dan *Government Link Company* (GLC) iaitu oleh TNB Muar, di Johor dan Al-Hidayah Trading, syarikat swasta di Batu Pahat. Adalah diharap jumlah pusat asuhan ini akan dapat ditambah bagi memberi faedah kepada lebih ramai pekerja wanita, khasnya yang telah mempunyai anak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya juga ingin menekankan insiden letupan kuari yang dibangkitkan juga oleh ADUN Johor Jaya, tentang faktor keselamatan di kuari. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bertanggungjawab untuk memastikan tempat kerja adalah selamat untuk pekerja dan orang lain. Ini dibuat melalui penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967. Akta-akta ini memberi tanggungjawab kepada majikan untuk melaksanakan kawalan risiko setakat yang praktikal.

Sehubungan dengan letupan kuari, JKKP Johor masih lagi menjalankan siasatan bagi mengetahui punca sebenar kejadian. Tetapi dalam masa yang sama, pengusaha

kuari telah pun diarah untuk mengkaji semula Prosedur Kerja Selamat untuk aktiviti berisiko tinggi terutamanya aktiviti peletupan. Prosedur ini akan dikemukakan ke JKKP Johor dan akan diadakan perbincangan dengan Jabatan Geosains bagi memastikan prosedur tersebut dapat digunakan dan aktiviti letupan boleh dijalankan dengan selamat.

Sehingga kini, notis pemberhentian aktiviti peletupan masih lagi berkuat kuasa. Notis ini akan dibatalkan hanya apabila JKKP Johor berpuas hati dengan Prosedur Kerja Selamat yang akan dikemukakan oleh pengusaha kuari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Bekok iaitu peluang pekerjaan di kawasan Labis dan usaha Kerajaan untuk meningkatkan peluang pekerjaan, Kerajaan maklum akan kepentingan setiap rakyat mempunyai pekerjaan. Bagi rakyat di Mukim Labis, di Daerah Segamat, peluang pekerjaan ditawarkan kepada mereka dengan adanya pelaksanaan Program Penempatan Pekerja yang diadakan oleh Jabatan Tenaga Kerja, salah satunya telah diadakan pada tahun 2012 dan satu lagi telah pun diadakan pada awal tahun 2013.

Kerajaan Negeri Johor, menerusi Program Penempatan Pekerja ini memberi peluang khususnya kepada rakyat di kawasan Labis untuk ke tempat program itu diadakan di mana majikan sedia ada untuk membuat temu duga terbuka dan memberi peluang pekerjaan sekiranya mereka layak dan menepati kriteria-kriteria yang ditentukan. Kerajaan Negeri Johor amat mementingkan pembangunan secara holistik dan Mukim Labis juga akan terus menikmati pembangunan dengan pertambahan Taman Perindustrian selain dari Taman Perindustrian Labis yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Buloh Kasap telah pun membangkitkan isu berkenaan dengan program skim *1Malaysian Support For Housewives* (1MS4HW) iaitu program ini dilancarkan oleh Kerajaan kerana menyedari peranan yang dapat dimainkan oleh wanita terutamanya mereka yang terdiri daripada suri rumah, ibu-ibu tunggal dan OKU wanita yang berada di luar pasaran tenaga kerja. Adalah menjadi hasrat Kerajaan dengan adanya program ini akan dapat membantu golongan wanita daripada kategori ini untuk menambah pendapatan mereka sendiri di samping turut meningkatkan pendapatan keluarga mereka.

Selain dari menawarkan peluang pekerjaan dari rumah atau pun *homeworking,* dengan izin, wanita yang berminat berniaga juga akan dibantu untuk menceburi bidang perniagaan dengan kerjasama dari Amanah Ikhtiar Malaysia dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini di Negeri Johor, seramai 176 orang wanita telah pun menyertai program *homeworking* dalam bidang jahitan, kerja tangan dan makanan ringan. Usaha giat akan dijalankan untuk mendapatkan penyertaan lebih ramai majikan dari seluruh Negeri Johor bagi membolehkan lebih ramai wanita yang terdiri daripada suri rumah khususnya untuk menambah pendapatan keluarga mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di sini saya ingin menekankan juga mengenai peluang pekerjaan yang dibangkitkan oleh ADUN Tangkak iaitu khususnya untuk rakyat di

kawasan Pengerang. ADUN Tangkak membawa isu berkenaan dengan Pengerang, iaitu jenis latihan dan usaha melatih orang tempatan di kawasan Pengerang. Di Pengerang, bukan saja terdiri daripada golongan pekebun dan nelayan tetapi terdapat banyak lagi usaha yang telah diambil untuk melatih orang-orang tempatan terutamanya melalui Projek *Oil* dan Gas dengan izin di Pengerang, di bawah *Johor Petroleum Development Corporation* (JPDC) Datuk Speaker. Bukan itu saja, JPDC juga menyediakan latihan dan pembangunan dalam bidang *oil* dan gas bagi graduan dan penganggur sebagai sumber tenaga kerja untuk *Project Pengerang Intergrated Petroleum Complex* (PIPC) yang mana adalah satu langkah yang besar dalam mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka. Inisiatif mereka juga termasuk meningkatkan kemahiran melalui Program Kemahiran Semula bagi perkhidmatan sokongan kerja yang akan membolehkan penduduk tempatan untuk mengambil bahagian dalam pembangunan projek ini.

Selain itu, JPDC juga mengambil inisiatif di mana buat masa sekarang mereka mempunyai kerja sama dengan PETRONAS dan SIRIM termasuk *American Welding Society* untuk membangunkan dan menawarkan program-program yang berkaitan dengan *oil* dan gas dengan izin di Pusat Latihan Oil dan Gas Bandar Penawar yang sebelum ini dikenali sebagai IKBN Bandar Penawar. Dalam erti kata yang lain PIJPDC telah pun mula menjalankan kursus khususnya dalam bidang *welding* khas untuk projek Pengerang itu nanti. Bukan itu saja, JPDC dalam usaha untuk membekalkan bakat-bakat orang tempatan juga bekerja rapat dengan institusi latihan yang berkaitan untuk mengenal pasti jumlah pelajar yang akan dihasilkan di institusi masing-masing supaya mereka akan diserapkan dan diberi peluang kepada pelajar-pelajar tersebut bagi menceburi bidang *oil* dan gas. Dan antara institusi yang berkait rapat ialah ILP, IKBN, PUSPATRI, IKM, CIDB, Kolej Komuniti dan juga Kolej Vokasional. Bagi peringkat diploma pula, JPDC bekerja rapat dengan politeknik-politeknik yang ada dan juga bagi ijazah peringkat sarjana muda pula JPDC bekerja rapat dengan IPTA dan IPTS supaya graduan-graduan tersebut dapat diserapkan untuk berkecimpung dalam sektor yang melibatkan *oil* dan gas di Pengerang nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Batu iaitu kenaikan harga barang tidak selaras dengan gaji. Yang Berhormat Datuk Speaker, mengikut kajian yang dijalankan oleh bank dunia pada tahun 2010 menunjukkan bahawa kenaikan harga barang keperluan adalah pada kadar 25%, manakala kenaikan upah atau gaji adalah pada kadar 2.6% sahaja dalam tempoh 10 tahun ini. Berdasarkan kepada fakta ini, Kerajaan telah meluluskan Akta Perundingan Gaji Negara 2011 dan Perintah Gaji Minimum 2012. Pelaksanaan gaji minimum adalah ditetapkan pada kadar RM900.00 sebulan. Ini diaplikasikan kepada pekerja asas atau kurang mahir.

Bagi memelihara keharmonian di tempat kerja para majikan adalah digesa untuk turut memberi kenaikan gaji kepada pekerja-pekerja lain yang sedang menerima gaji melebihi RM900.00 sebulan. Dalam erti kata lain ianya melibatkan kenaikan gaji *across the board,* dengan izin. Dengan kenaikan kadar gaji secara menyeluruh pekerja mampu menikmati kehidupan yang lebih selesa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN tersebut juga Yang Berhormat, ADUN Bukit Batu juga telah pun mengemukakan soalan mengenai peluang pekerjaan untuk Orang Asli bagi membolehkan mereka menyara diri dan juga keluarga mereka. Yang Berhormat Datuk Speaker, peluang pekerjaan bagi Orang Asli terbuka luas terutamanya bagi sektor peruncitan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, keengganan masyarakat ini untuk keluar dari perkampungan mereka menyebabkan peluang ini terbiar begitu sahaja. Ini dapat dilihat dengan jelas semasa penganjuran Program Penyesuaian Kerja *Job's Malaysia* dengan kerja sama Jabatan Orang Asli (JAKOA). Peserta yang hadir dari seluruh Negeri Johor, tidak berminat untuk bekerja walaupun telah ditawarkan pekerjaan. Sehubungan dengan itu *Job's Malaysia* mengambil inisiatif untuk terus membantu masyarakat ini dengan merangka dan merancang untuk mewujudkan peluang pekerjaan di perkampungan Orang Asli itu sendiri bagi memastikan mereka dapat memperolehi pendapatan bagi menampung kehidupan. Melalui kerja sama dengan JAKOA, *Job's Malaysia* merancang untuk mewujudkan bengkel perabot rotan di perkampungan Orang Asli Kampung Peta. Program ini dicadangkan kerana kampung ini terletak di tengah-tengah hutan dan mempunyai sumber bahan mentah yang mencukupi disertai dengan kreativiti penduduk yang telah dilatih untuk menghasilkan produk-produk berasaskan bahan mentah dan sumber asli tersebut.

Selain itu, faktor kedudukan perkampungan yang bersebelahan dengan Taman Negara Endau, Rompin membolehkan belia-belia di situ dilatih menjadi pemandu pelancong khususnya bagi mereka yang mahir berbahasa Inggeris. Adalah dijangka sekurang-kurangnya 30 hingga 40 orang daripada masyarakat Orang Asli akan memperolehi punca pendapatan secara langsung atau tidak langsung melalui usaha sama ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Nusajaya telah juga membangkitkan mengenai peluang pekerjaan di kawasan Gelang Patah lebih-lebih lagi apabila perkembangan yang berlaku di kawasan Iskandar Malaysia ini. Semua rakyat Johor termasuk mereka di kawasan Gelang Patah adalah diberi keutamaan untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ada di seluruh Negeri Johor. Khasnya di kawasan Iskandar Malaysia. Langkah untuk mewar-warkan peluang pekerjaan dan kekosongan jawatan yang ada di seluruh negara amnya dan Johor khasnya adalah peranan yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja melalui pusat *Job's Malaysia*. Selain dari maklumat di portal *Job's Malaysia* iaitu www.jobsmalaysia.gov.my penduduk Gelang Patah juga berpeluang untuk memohon pekerjaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, SPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor, SPAJ dan melalui media. Peluang pekerjaan yang ada harus direbut oleh pekerja, pencari kerja walaupun pada peringkat awal jawatan itu adalah tidak sepadan dengan kelulusan dan kemahiran yang dimiliki. Dengan sikap begini kita percaya pencari kerja akan mendapat pengalaman dan akan memudahkannya untuk meningkatkan kerjayanya pada masa depan. Ini adalah langkah yang diambil untuk menaik taraf khususnya taraf kemahiran golongan miskin di kawasan bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sudah sampai ke penghujung, bunga dedap di atas para, anak dusun pasang pelita, kalau tersilap tutur bicara, jemari disusun maaf dipinta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya. Saya telah cuba untuk memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya mana-mana isu yang terdapat khususnya perkara-perkara yang telah pun terlepas pandang tindakan susulan akan diambil oleh Ketua-Ketua Jabatan saya.

Dengan kata-kata itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sekali lagi mengucapkan salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Jemput Y.B. seterusnya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Salam sejahtera.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Waalaikumusalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Dewan Undangan Negeri Johor Darul Ta'zim tahun 2013. Pada hari yang berbahagia ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, terdapat banyak cadangan penambah baikkan sistem jalan raya yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah yang berasaskan kepada jangkaan kemalangan yang berlaku. Jabatan Kerja Raya dan Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri akan terus berusaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan akan berusaha memberi kesedaran dan pendedahan kepada pengguna jalan raya mengenai aspek keselamatan jalan raya, seperti mempertingkatkan proses pengumpulan data kemalangan, program lawatan lokasi kerap berlaku kemalangan di jalan negeri dan bandaran, sistem pemantauan *trafic light* dan *road show* kempen keselamatan jalan raya.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Kerajaan Negeri akan melaksanakan program pemantauan lokasi *black spot* dan memperelokkan kawasan merbahaya jalan-jalan di Negeri Johor. Program meningkatkan pemantauan bagi 10 lokasi utama *black spot* di Negeri Johor ini ialah di Jalan Endau-Mersing di kilometer pertama, Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam di kilometer 28, Jalan Batu Pahat-Mersing di kilometer 50, Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam di kilometer 8, Jalan Batu Pahat-Mersing di kilometer 52, Jalan Batu Pahat ke Mersing di kilometer 73, Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam di kilometer 57, Jalan Muar-Tangkak di kilometer 27, Jalan Pontian-Kukup di kilometer 6 dan Jalan Batu Pahat-Mersing di kilometer 23. Ini 10 lokasi utama *black spot* jalan berhantu di Negeri Johor. Sementara program memperelok kawasan merbahaya

jalan-jalan Negeri Johor terdapat 18 lokasi yang telah dikenal pasti. Jalan Jeram ke Sungai Terap, Jalan Ulu Pulai, Jalan Sawah, Jalan Kangkar ke Senanggar, Jalan Rejosari, Jalan Paloh, Jalan Minyak Beku, Jalan Parit Jawa Air Manis-Bakri, Jalan Maju Jaya, Seelong di kilometer 7.8, Jalan Maju Jaya, Seelong kilometer 11.8, Jalan Sengkang ke Inas, Jalan Lombong, Jalan Renggam ke Ulu Belitong, Jalan Pogoh ke Tekam, Jalan Kampung Teratai, Jalan Sekakap, Simpang Empat Kampung Tengah Sungai Terap dan selekoh Jalan Ulu Pulai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Gambir, berkaitan permohonan melebarkan jalan dari persimpangan tol Bukit Gambir ke Pekan Bukit Gambir, ianya tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Jalan sedia ada telah mempunyai bahu jalan berturap dan ianya masih mampu menampung jumlah kenderaan yang dijangka akan bertambah. Pihak Jabatan Kerja Raya akan melaksanakan penambahbaikan dengan melaksanakan pelebaran jalan-jalan di simpang utama dan melebarkan pembetung serta jambatan sempit untuk memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Parit Yaani mengenai pembesaran dua jambatan di Jalan Bindu serta pembinaan lampu isyarat di simpang Bindu, Tongkang Pecah. Pihak Jabatan Kerja Raya akan melaksanakan kerja-kerja melebarkan jambatan *culvert* pada awal tahun 2014. Pihak Jabatan Kerja Raya juga sedang membuat reka bentuk awalan bagi cadangan pemasangan lampu isyarat sebagaimana yang dinyatakan oleh EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebentar tadi. Pihak Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Jalan Bindu sepanjang 3 kilometer pada tahun 2015. Kerana ia melibatkan pengambilan balik tanah di mana *reserved* jalan sedia ada sempit dan hanya lebih kurang 30 kaki sahaja.

Selain daripada itu, Jabatan Kerja Raya akan berusaha untuk melaksanakan kerja bagi menyediakan *transverse bar* atau biasanya *line* kuning yang kita sebut, di atas jalan di hadapan Masjid Besar, Masjid Broleh dan Simpang Empat Broleh untuk mengurangkan kelajuan di kawasan tersebut.

Perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Paloh berhubung dengan permohonan pelebaran Simpang Jalan Taman Putri ke Kg. Gajah, Jalan Kluang - Mersing akan diteliti oleh pihak JKR dengan membuat reka bentuk menyediakan anggaran serta memohon peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya. Manakala bagi kerja-kerja menambak bahu jalan di Pekan Nyior Taman Kiara Mas akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat oleh pihak JKR Daerah.

Perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Senggarang mengenai Jalan Parit Botak di Parit Hamid yang sering berlaku pemendapan dijangka dapat diatasi sepenuhnya, mungkin tidak sepenuhnyalah, apabila projek membaru muka jalan disiapkan. Saya kata tak

sepenuhnya kerana Yang Berhormat Senggarang ada beri pandangan yang saya pun turut setuju bahawa pemasangan *Giofiber* bagi tujuan menguatkan struktur jalan adalah langkah jangka panjang. Saya setuju. Saya juga setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa ianya memerlukan peruntukan yang amat besar. Jadi keseluruhan Jalan Parit Botak sepanjang 22 kilometer yang telah di tender pada bulan Mei dan akan dilaksanakan sebelum akhir tahun ini dengan anggaran kos sebanyak RM 5 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Tenang berkenaan permohonan pelebaran jalan dari Bandar Labis ke FELDA Tenang untuk mengurangkan kemalangan, akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan, dalam menyediakan reka bentuk dan peruntukan bagi kawasan yang berkenaan.

Perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Pasir Raja yang memohon supaya Jalan Ulu Tiram ke Kota Tinggi di pasang lampu jalan dan menaik taraf jalan tersebut akan dipanjangkan ke Kementerian untuk permohonan kelulusan peruntukan sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Sementara permohonan pembinaan Jambatan Kedua Batu Pahat untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandar Batu Pahat sedang diambil tindakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya di mana kajian kemungkinan projek tersebut telah siap dan masih menunggu kelulusan peruntukan untuk dilaksanakan. Cadangan tersebut dari Peserai ke Shah Bandar berhampiran Minyak Beku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Yong Peng berhubung dengan jalan berlubang yang akan diberi perhatian oleh pihak Jabatan Kerja Raya di mana kerja-kerja menampal jalan akan dijalankan dari masa ke semasa. Dan kerja-kerja membaru muka jalan akan dilaksanakan apabila peruntukan yang dimohon diterima.

Perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Sedili, yang memohon pelebaran jalan dari Mawai ke Sungai Mas tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana kekurangan peruntukan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan akan melaksana kerja-kerja pembaikan jalan tersebut dari masa ke semasa untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya yang melalui jalan tersebut. Sementara perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Maharani mengenai pemasangan lampu jalan di Muar *bypass* akan dimajukan ke Kementerian untuk permohonan peruntukan. Manakala untuk kerja-kerja menanam pokok untuk landskap, ianya tidak dapat dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya kerana di luar bidang dan tanggungjawab Kementerian.

Permohonan ADUN Pekan Nenas untuk meminta Jalan Kampung Ulu Pulai di naik taraf kepada empat lorong tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana kekurangan peruntukan. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kerja Raya akan melaksanakan kerja-kerja memperbaiki selekoh merbahaya di jalan tersebut untuk mengurangkan kemalangan.

Untuk makluman ADUN Pekan Nenas, pihak Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina jalan baru empat lorong dua hala *Pontian Link* dari Gelang Patah ke Pontian. Manakala permohonan untuk menaik taraf kepada empat lorong dua hala di Jalan Sawah dari Pekan Nenas ke Tol Kulai, tidak dapat dilaksanakan juga dalam masa tempoh terdekat. Pihak Jabatan Kerja Raya sedang melaksanakan kerja-kerja menurap semula jalan tersebut sepanjang 10 kilometer dan dijangka siap pada bulan September ini. Untuk memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya yang melalui jalan tersebut. Pihak Kerajaan juga akan melebarkan jambatan sempit berhampiran Kampung Seri Gunung Pulai pada tahun 2015.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penggaram, berhubung Jalan Minyak Beku yang tidak lurus, pihak Jabatan Kerja Raya akan menurap semula jalan tersebut pada bulan September ini. Proses penerusan jalan akan mengambil masa yang lama sebabkan oleh faktor kos yang tinggi dan juga melibatkan pengambilan balik tanah.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di kawasan Bukit Gambir juga mengenai gangguan air di musim perayaan khususnya di Kampung Parit Kasan dan Parit Sagil. Menurut rekod Syarikat Air Johor, tidak menerima sebarang aduan berkaitan masalah air yang berlaku di Parit Haji Kasan mahupun kawasan Parit Sagil sepanjang di Aidilfitri ini. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat Air Johor peka dan sentiasa mengambil perhatian dengan masalah yang kerap berlaku di kawasan luar bandar khususnya menjelang musim perayaan apabila orang ramai pulang ke kampung dan mengakibatkan permintaan bekalan air meningkat secara mendadak. Pihak Syarikat Air Johor mengambil pelbagai pendekatan bagi meminimumkan gangguan termasuk penyediaan tangki statik dan *tanker* bagi memastikan bekalan air sentiasa mencukupi. Namun demikian, bagi kes terpencil terutama yang terletak di hujung sistem atau kawasan tinggi tidak dinafikan boleh mengalami gangguan bekalan air. Pihak Syarikat Air Johor akan meneliti semula kawasan-kawasan terbabit dan langkah sewajarnya akan diambil sekiranya ia kerap berlaku termasuklah meneliti semula struktur bekalan air kawasan berkenaan dan memantau tekanan melalui alat pelarasan tekanan.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat dari kawasan Skudai mengenai penjualan aset Syarikat Air Johor Holding Sdn. Bhd. kepada PAAB dengan harga RM4 bilion. Pembentukan semula industri air negara melibatkan proses migrasi bekalan air Johor ke Rejim Perlesenan yang bermula pada 1 September 2009. Semua aset bekalan air di bawah pengurusan SAJ Holding Sdn. Bhd. berserta tanggungan pinjaman yang berkaitan dengan aset-aset tersebut telah diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad(PAAB). Pinjaman-pinjaman yang diambil alih adalah merupakan pinjaman yang diperolehi sebelum migrasi, bagi membiayai projek infrastruktur air yang telah dilaksanakan pada era berikut, sebelum penswastaan. Perlaksanaan projek bekalan air oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air dan semasa era pengkorporatan di bawah Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. yang melibatkan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan juga pinjaman daripada Wang Simpanan Pekerja. Selepas penswastaan, bermula pada tahun 2000 perlaksanaan semua projek bekalan air di Negeri Johor telah ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat Air Johor melalui pinjaman daripada pihak bank. Sejak dari penswastaan tersebut, Syarikat Air Johor tidak pernah menerima sebarang bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri. Malah Syarikat Air Johor telah mengambil alih kesemua pinjaman bekalan air yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri sebelumnya berserta pinjaman KWSP berkenaan. Semasa proses migrasi, hutang-hutang tersebut telah diambil alih oleh PAAB pada 1 September 2009. Di mana hutang-hutang tersebut telah di struktur semula oleh PAAB dan aset-aset yang dibiayai oleh hutang-hutang berkenaan dipajak semula kepada SAJ. Sebagai balasan penggunaan aset-aset tersebut, SAJ membayar sewa pajakan bulanan kepada PAAB. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah tidak menanggung sebarang kos mahupun kerugian hasil daripada pengambilalihan pinjaman tersebut. Oleh itu, amatlah jelas bahawa program migrasi aset-aset air kepada PAAB sebenarnya ialah satu proses penstrukturan semula hutang pinjaman projek air dan bukannya seperti penjualan pelaburan sebagaimana yang disangkakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui pengambilalihan tersebut, PAAB perlu membayar nilai buku aset-aset bekalan air serta baki pinjaman berkenaan yang mana berdasarkan Laporan Kewangan SAJ yang telah diaudit bernilai RM4.303 bilion. Daripada jumlah ini RM2.26 bilion diguna untuk pembayaran hutang SAJ kepada pemegang bon di *Islamic Securities* dan Bank Pembangunan. Sementara jumlah sebanyak RM1.287 bilion pula digunakan untuk bayaran hutang-hutang yang perlu dibayar Syarikat Air bagi pihak Kerajaan Negeri sebagaimana perjanjian konsesi yang meliputi hutang pinjaman Kerajaan Pusat, pinjaman KWSP, hutang tertunggak kepada EK Ventures Sdn. Bhd. dan Southern Water Corporation Sdn. Bhd. Selebihnya adalah lebihan nilai aset yang dinikmati oleh Syarikat Air Johor setelah membuat pelaburan dalam industri air di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di kawasan Bentayan mengenai sumber bekalan air yang digunakan oleh projek mega seperti Tanjung Bin dan RAPID serta kegunaan air secara keseluruhan bagi jangka masa tahun 2013 hingga 2023. Bagi Tanjung Bin, sumber bekalan air didapati dari Sungai Johor dan Empangan Gunung Pulai dan memerlukan anggaran permintaan air sebanyak 12 juta liter air sehari bagi jangka masa sehingga 2023. Manakala bagi projek RAPID di Pengerang yang mendapat sumber air daripada Empangan Seluyut iaitu Empangan baru dan Sungai Sedili Besar memerlukan anggaran dan permintaan air sebanyak 230 juta liter sehari bagi jangka masa sehingga tahun 2023.

Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat kawasan Bentayan, berkenaan dengan masalah pencemaran Sungai Lebam memandangkan ianya begitu dekat dengan kawasan perindustrian petrokimia di Pengerang. Sungai Johor merupakan sumber air mentah utama bagi Loji Rawatan Air Sayong, Loji Rawatan Air Semanggar, Loji Rawatan Air Sungai Johor, Loji Rawatan Air Sungai Johor PUB Singapura. Di samping itu, terdapat juga loji-loji yang mendapat bekalan air mentah dari cabang Sungai Johor seperti Loji Rawatan Air Sungai Layang dan juga Sungai Lebam.

Loji Rawatan Air Sungai Lebam mendapat bekalan air terus dari Empangan Sungai Lebam dan lokasinya terletak di utara dari tapak projek industri petrokimia di Pengerang. Jarak antara kedua-dua tapak tersebut ialah kira-kira 45 kilometer melalui Jalan Kota Tinggi - Sungai Rengit – Pengerang.

Sistem Sungai Lebam dan sistem sungai yang berada dalam kawasan projek industri petrokimia tersebut adalah saling tidak berkaitan dan juga tidak ada loji-loji rawatan air yang berada dalam kawasan projek tersebut. Semua sistem sungai yang berada dalam kawasan projek industri petrokimia tersebut akan mengalir terus ke laut.

Sehubungan dengan itu, projek industri petrokimia di Pengerang tidak akan menjejaskan kualiti air mentah di Sungai Lebam yang merupakan sumber air mentah utama bagi Daerah Kota Tinggi khususnya di kawasan Penggerang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Jementah, mengenai proses penukaran meter yang dibuat oleh TNB dan apakah ianya mematuhi undang-undang sedia ada (Pertukaran meter analog ke digital).

Pihak TNB mengganti meter lama yang tempohnya telah melebihi 15 tahun kerana ia mungkin tidak lagi merekodkan penggunaan elektrik di premis pengguna dengan tepat. Ketepatan bacaan sebenarnya dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti jangka hayat, keadaan cuaca dan lokasi di mana meter itu dipasang. Semua meter TNB telah diuji dan diakreditasikan di bawah MS ISO/IEC 17025:2005.

Bermula tahun 2005, semua pembelian meter oleh TNB adalah daripada jenis elektronik. Bagi tujuan pemantauan meter elektronik, ujian atas sampel 2% akan dibuat mengikut tahun pembuatan meter, model dan populasi meter OPC (*Ordinary Power Customer*). Sampel kebiasaannya dibuat dari 4,7 dan 9 tahun.

Bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, meter lama mungkin akan merekod penggunaan yang lebih rendah berbanding dengan meter baru disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya :

1. Jangka hayat telah tamat.
2. Perubahan cuaca, di mana peningkatan/penurunan suhu akan menyebabkan kepada peningkatan penggunaan pendingin hawa dan pemanas air.
3. Musim perayaan.
4. Meter lama telah diusik (ini menyalahi undang-undang) atau telah diubah untuk mengurangkan penggunaan yang direkodkan oleh meter.

Pendekatan yang telah diambil oleh Tenaga Nasional….

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Timbalan Speaker…

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ada apa-apa yang nak disoal? Fakta saja.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Boleh minta sedikit penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Sini saya nak tanya sedikit berkenaan dengan dari segi tindakan undang-undang. Saya nak tahu sama ada adakah penukaran meter daripada meter analog kepada meter digital. Jika dibenarkan dari segi undang-undang , apakah bekalan undang-undang tersebut?

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tunggu nanti dia jawab.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Apakah sama dengan Bekalan Elektrik 1990? Terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok, Yang Berhormat. Duduk, duduk. Dah, dia dah faham dah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Pihak Tenaga Nasional adalah operator dan garis panduan adalah sepertimana yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga. Dan, saya percaya bahawa usaha untuk menukar meter ini telah pun mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Skudai mengenai tambang separuh harga untuk warga emas. Surat kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertarikh 16 Julai 2009, selari dengan Pekeliling Bilangan 8 Tahun 2009 iaitu "Had Kadar Tambang Baru Perkhidmatan Pengangkutan Awam Semenanjung Malaysia bertarikh 20 Julai 2009 telah

mengarahkan semua pengusaha bas ekspres memberikan *charge* percuma bagi kanak-kanak berumur 7 tahun ke bawah, potongan 25% kepada Orang Kurang Upaya dan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas".

Semua arahan ini telah dikuatkuasakan dan kegagalan mematuhinya, pihak syarikat boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 22, syarat yang boleh dikenakan pada lesen pengendali, dibaca bersama Seksyen 75 (perihal tambang) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan Nusajaya berkaitan perancangan Kerajaan untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur sistem pengangkutan awam darat di sekitar perkhidmatan bas, teksi awam, kereta api dan lain-lain yang berpunca daripada pemesatan ekonomi serta pembanjiran penduduk, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat sentiasa peka dan membuat perancangan sistem pengangkutan untuk memastikan penyediaan kemudahan pengangkutan selari dengan pertambahan penduduk khasnya dibandar-bandar selaras dengan dasar Kerajaan untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai mod pilihan rakyat.

SPAD telah menyediakan dokumen Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara bagi tempoh 2010 sehingga 2030. Dengan visi untuk menjadikan pengangkutan awam darat sebagai mod pilihan rakyat, disokong dengan misi untuk membangunkan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang selamat, boleh diharap, efisien, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, mampu dibayar dan mampan untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi dan kualiti hidup. Rancangan Induk peringkat negara ini mengandungi polisi serta hala tuju yang komprehensif bagi melonjakkan penggunaan pengangkutan awam di kawasan bandar di samping meningkatkan akses kepada pengangkutan awam di kawasan luar bandar.

Di peringkat negeri pula, SPAD akan menyediakan dokumen Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Wilayah yang memperincikan strategi jangka panjang penambahbaikan kemudahan pengangkutan bas, teksi dan rel di setiap negeri.

Pada masa yang sama, SPAD dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor telah memulakan projek penambahbaikan perkhidmatan bas henti-henti, di mana pelan rangkaian dan operasi bas telah disediakan untuk semua daerah secara berperingkat bermula di daerah Kota Tinggi dan Kluang. Pelan rangkaian dan operasi bas henti-henti ini akan memastikan perkhidmatan bas yang lebih menyeluruh di kawasan bandar dan juga luar bandar, serta menepati jadual yang disediakan untuk kemudahan dan kesenangan penduduk. Operasi dijangkakan akan bermula pada tahun 2014.

Di samping itu, bagi Wilayah Iskandar Malaysia, SPAD sentiasa bekerjasama dan menyokong inisiatif yang dijalankan Pasukan Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia untuk memastikan keseluruhan kawasan tersebut mempunyai kemudahan pengangkutan awam yang baik serta berjalan lancar mengikut jadual perjalanan yang ditetapkan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Semarang mengenai levi ke atas lebih 200,000 kenderaan dari negara jiran setiap kali keluar masuk ke negara ini, tindakan bagi mengenakan levi kepada semua kenderaan yang keluar dan masuk dari Singapura ke Malaysia dan sebaliknya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Dari sudut pengangkutan awam, Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia sedang mengkaji pendekatan dan mekanisme yang sesuai bagi mengenakan bayaran kepada kenderaan asing yang datang dari Singapura. Selain dari dapat mengurangkan kesesakan di pintu masuk ke Bandaraya Johor Bahru, ia akan dapat meningkatkan peratusan penggunaan pengangkutan awam yang kini berada pada kadar hanya 14% berbanding penggunaan persendirian. Hasil dari kutipan bayaran ini akan dapat digunakan antara lainnya bagi tujuan pembangunan infrastruktur, operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih baik, menarik, selesa dan dipercayai.

Perlaksanaan levi ini adalah merupakan salah satu pendekatan dalam perancangan pengurusan permintaan dalam jangka panjang yang lebih menjurus kepada pengawalan kemasukan kenderaan asing yang akan menambahkan lagi isi padu jalan sedia ada yang akhirnya akan menyesakkan jalan-jalan tersebut. Kadar pemilikan dan penggunaan kenderaan persendirian di jalan-jalan utama yang tinggi pada masa kini, melebihi 70% memerlukan penyelesaian secara lebih strategik. Selain itu, penambahbaikan berterusan dan penyediaan infrastruktur pengangkutan awam yang lengkap dan berintegrasi akan mampu mengubah persepsi masyarakat terutamanya di Iskandar Malaysia untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama.

Kerajaan Negeri akan memperkasakan peranan Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Johor yang antara lainnya bertanggungjawab merancang dan menyelaras pembangunan pengangkutan jalan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan daripada kawasan Pasir Raja, mengenai peranan FELDA terhadap peniaga-peniaga yang ingin memulakan perniagaan di dalam FELDA dan keperluan hak milik kedai. Pihak FELDA sangat menggalakkan para peneroka menjana pendapatan sampingan selain daripada sumber pendapatan utama iaitu hasil kebun sawit dan getah.

Sehubungan dengan itu, FELDA menubuhkan Jabatan Pembangunan Usahawan pada tahun 2006 bertujuan untuk menyediakan kemudahan latihan dan modal selain program-program pembangunan usahawan di kalangan para peneroka. Kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada usahawan-usahawan yang berniaga, dibimbing oleh Jabatan Pembangunan Usahawan melalui kursus-kursus perniagaan, perakaunan serta pendaftaran lesen perniagaan.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada usahawan-usahawan yang berniaga, dibimbing oleh Jabatan Pembangunan Usahawan melalui kursus-kursus perniagaan, perakaunan serta pendaftaran lesen perniagaan. Selain itu, bantuan

membesarkan perniagaan, diberi pinjaman kepada warga FELDA yang berniaga dan berkelayakan. Usaha pemberian hak milik terpulang kepada Pejabat Tanah Daerah dan Negeri. Bangunan dibuat oleh FELDA bagi memudahkan peneroka berniaga. FELDA menyediakan kedai lima pintu yang disewakan kepada peneroka yang berniaga sejak peneroka berpindah ke FELDA.

Yang Berhormat bagi kawasan Penawar telah membangkitkan isu mengenai kedudukan Jabatan Perumahan FELDA serta peranan dan fungsi. Bagi memenuhi keperluan dan permintaan generasi baru FELDA berhubung dengan kemudahan rumah, FELDA akan menubuhkan Jabatan Perumahan FELDA, telah, bukan akan. FELDA telah menubuhkan Jabatan Perumahan FELDA pada Disember 2012. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mensasarkan FELDA menyediakan 20,000 unit rumah untuk generasi baru dalam tempoh lima tahun. Sehubungan itu, FELDA telah merancang untuk membangunkan 4,000 unit rumah teres setahun bermula pada tahun 2013 untuk Wilayah FELDA di seluruh negara. Skim perumahan dinamakan Perumahan Generasi Baru FELDA. Bagi Negeri Johor telah di pecah kepada dua wilayah:

1. Wilayah Johor Bahru yang terdiri daripada FELDA Papan Timur sebanyak 539 unit rumah telah dirancang. Kerja-kerja awalan dan pembangunan telah dimulakan di kawasan tersebut. FELDA Sungai Sibol sebanyak 240 unit rumah dirancang dengan kerja penyediaan tapak sedang dijalankan. Manakala FELDA Aping Timur dan FELDA Pasak pula, tapak telah dikenal pasti dan majlis pecah tanah telah dibuat sebelum Pilihan Raya Umum yang ke-13.

2. Wilayah Segamat sebanyak 540 unit rumah bakal didirikan di Kompleks FELDA Moakil dan juga sebanyak 150 unit rumah di kawasan FELDA Pemanis 1 dan 2.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari kawasan Gambir mengenai permohonan pembukaan sebuah Pejabat Pos di Sagil. Pos Malaysia akan membuat kajian terperinci bagi kesesuaian cadangan pembukaan Pejabat Pos berkenaan. Kajian akan meliputi landskap setempat dari segi kepadatan penduduk, jenis-jenis perniagaan yang terdapat di kawasan sekitarnya dan cadangan-cadangan penempatan yang akan datang. Kajian juga termasuk penempatan Pejabat Pos dari segi hartanah, bangunan, peluang-peluang perniagaan dan lain-lain yang berkaitan. Pos Malaysia mencadangkan penduduk setempat membuat permohonan Pejabat Pos Mini di kawasan berkenaan. Bagaimanapun, Pejabat Pos berhampiran dengan kawasan Sagil adalah Pejabat Pos Tangkak iaitu kira-kira 13.2 kilometer. Namun demikian, kronologi terdahulu menunjukkan terdapat penubuhan Pejabat Pos Mini di kawasan berkenaan tetapi telah ditutup akibat masalah-masalah teknikal.

Yang Berhormat dari kawasan Parit Yaani telah juga membangkit isu mengenai surat yang diletakkan di serahan tempat di kedai oleh Pos Malaysia. Pos Malaysia telah membuat penghantaran surat terus rumah ke rumah di kawasan Parit Yaani mulai tahun 2006 yang meliputi kawasan serahan Parit Yop, Kampung Baru, Parit Jambi dan juga Parit Banyu Mas. Walau bagaimanapun, Pos Malaysia mendapati terdapat sebahagian alamat yang digunakan oleh penduduk adalah tidak lengkap. Maka surat-surat tersebut diletakkan di serahan setempat di kedai di mana telah dipersetujui

Ketua Kampung dan penduduk setempat. Tempoh surat-surat di serahan setempat selama 10 hari bekerja. Perkara ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial Pos Malaysia kepada pelanggan.

Bagi menjawab soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Gambir juga berkenaan dengan lokasi-lokasi strategik untuk disediakan kemudahan *WiFi*, pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia menerusi SKMM telah pun melaksanakan projek Internet Jalur Lebar menggunakan *WiFi* yang dipanggil Kampung Tanpa Wayar dari sejak tahun 2011. Sebanyak 522 lokasi Kampung Tanpa Wayar telah diwujudkan di seluruh Negeri Johor. Di dalam Dewan Undangan Negeri Gambir, contohnya, terdapat 13 lokasi Kampung Tanpa Wayar yang telah beroperasi. Projek Kampung Tanpa Wayar tertumpu kepada kawasan luar bandar di mana *hotspot* wayar Kampung Tanpa Wayar, *hotspot WiFi* Kampung Tanpa Wayar ini tersebut dipasang di lokasi seperti balai raya, perpustakaan desa atau kompleks penghulu.

Sehingga kini, penggunaan Internet Kampung Tanpa Wayar masih belum dikenakan sebarang bayaran. SKMM juga di dalam peringkat rancangan untuk melancarkan projek *WiFi* 1Malaysia. *WiFi* 1Malaysia yang dijangka bermula sebelum penghujung tahun 2013. Pendekatan yang digunakan di dalam Projek *WiFi* 1Malaysia adalah hampir serupa dengan Kampung Tanpa Wayar cuma kini perkhidmatan *WiFi* akan disediakan di kawasan pekan dan bandar. Dengan tumpuan diberi kepada tempat-tempat awam seperti terminal bas dan teksi, pusat tarikan pelancong, hentian-hentian di jalan-jalan persekutuan serta pusat-pusat perkhidmatan awam seperti Klinik 1Malaysia. Penggunaan *WiFi* 1Malaysia di cadang diberikan percuma untuk satu jangka masa tetap dan berbayar sekiranya pengguna melebihi had jangka masa percuma.

Selain daripada usaha pihak Kerajaan, pihak-pihak lain juga boleh membantu menyediakan perkhidmatan Internet *WiFi*. Satu pendekatan yang boleh dicontoh adalah seperti yang dilaksanakan oleh pihak DBKL yang telah mewajibkan setiap restoran berkeluasan lebih 120 kaki persegi dilengkapi perkhidmatan Jalur Lebar, *WiFi*.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim bercadang untuk menyediakan kemudahan *WiFi* percuma di tempat-tempat *hotspot* bagi semua daerah mulai tahun hadapan. Jadi bolehlah Yang Berhormat-Yang Berhormat mengemukakan cadangan tempat-tempat *hotspot* berkenaan. Wah, saya macam bawak *Ferrari* Dato' Speaker, selaju yang mungkin...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Seberapa laju yang cepat, yang boleh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Ha, *yes*. Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan Skudai juga telah membangkit isu mengenai keyakinan Kerajaan Persekutuan dan Petronas terhadap PAAB dan Syarikat Air Johor untuk mengurus sumber bekalan air di Negeri Johor. Kompleks Minyak dan Gas Bersepadu Pengerang, Yang Berhormat atau PIPC memerlukan bekalan air sebanyak 520 milion liter sehari, air mentah sehari. Skim bekalan air mentah tersebut telah dibahagikan kepada dua fasa:

1. Fasa pertama, skim bekalan air mentah ini hanya melibatkan bekalan air mentah sebanyak 260 *million liter per day* yang bakal dibekalkan kepada RAPID Petronas, sebanyak 260 *million liter per day*. Sementara 230 *million liter per day* dan juga 30 *million liter per day* kepada pihak SAJ untuk bekalan air domestik masa depan di kawasan Pengerang dan Desaru. Ingin diterangkan di sini bahawa skim bekalan air mentah ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri kerana adalah jelas bahawa perkara-perkara berkenaan sumber air dan air mentah adalah terletak di bawah Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Maka tidak timbul persoalan penglibatan PAAB dalam hal ini kerana PAAB hanya terlibat dalam bekalan air terawat.

   Malah, saya ingin membetulkan kenyataan Y.B. bahawa kononnya Petronas telah mengambil alih sistem bekalan air di Pengerang kerana PAAB telah mengambil alih aset SAJ. Adalah jelas bahawa Petronas tidak mengambil alih sistem bekalan air di Pengerang. Bekalan air domestik untuk rakyat di Pengerang masih lagi diuruskan oleh Syarikat Air Johor. Petronas hanya terlibat dalam skim bekalan air mentah ke RAPID sahaja dan bukan keseluruhan Pengerang. Malah Kerajaan Negeri telah mensyaratkan bahawa skim bekalan air mentah ini harus mengambil kira keperluan rakyat di Pengerang dan Desaru bukan semata-mata untuk kegunaan RAPID sahaja.

   Dalam menjaga kepentingan rakyat juga, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan bahawa dalam keadaan darurat seperti kemarau dan sebagainya, keperluan domestik untuk kegunaan rakyat mengatasi kepentingan RAPID.

2. Keputusan Kerajaan Negeri untuk memberikan kebenaran kepada Petronas membangunkan skim bekalan air mentah ini, tidak ada kena mengena dengan keyakinan Petronas atau Kerajaan Persekutuan terhadap Syarikat Air Johor dan PAAB kerana adalah jelas ianya tidak ada kena mengena antara satu sama lain. Itu pertama, khususnya dalam soal bekalan air mentah. Bekalan air mentah adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri, bekalan air terawat pula adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

   Bagaimanapun, keyakinan Kerajaan Persekutuan dan PAAB terhadap Syarikat Air Johor dipersoalkan dalam hal ini, sedangkan kita bercakap tentang dua perkara yang berbeza, yakni air mentah dan air terawat. Kerajaan Persekutuan, PAAB dan SAJ adalah relevan jika kita bercakap tentang air terawat sahaja. Dalam hal air mentah, yang relevan hanyalah Kerajaan Negeri. Kuasa untuk memberikan kebenaran kepada Petronas atau mana-mana pihak bagi membangunkan skim bekalan air mentah bagi tujuan industri ini terletak pada Kerajaan Negeri dan tidak ada kena mengena dengan keyakinan Kerajaan Persekutuan dan Petronas.

Dan akhirnya, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, ada beberapa lagi persoalan yang berbangkit tentang soal jalan, saya kira ianya telah saya jawab secara menyeluruh dan dengan itu, pada akhirnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, begitulah sedikit sebanyak ulasan yang dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Mana-mana jawapan yang kurang jelas, jawapan secara bertulis atas permintaan untuk huraian

akan diambil tindakan memandangkan ada perkara-perkara yang berbangkit masih lagi dalam perbincangan di peringkat jabatan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk makluman anak lelaki Mendiang Y.B. Tan Sing Chun daripada Sydney mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih seluruh anggota keluarga mendiang kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi penghormatan kepada mendiang dengan bertafakur satu minit pada hari pertama Persidangan, Isnin yang lalu. Dengan ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 2.30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.30 petang.

Persidangan disambung pada jam 2.30 petang.

Persidangan diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Pengerusi yang berikutnya, jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam penggulungan perbahasan atas rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor yang Ke-13 pada hari yang berbahagia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menang pada PRU-13 yang lepas. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Skudai telah menyentuh berhubungan dengan isu kekurangan bekalan diesel kebelakangan ini telah mengakibatkan masalah kepada sistem pengangkutan awam dan kenderaan berat seperti lori dan bas. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, masalah yang berlaku bukanlah disebabkan oleh kekurangan bekalan diesel, tetapi disebabkan oleh kuota bekalan yang ditetapkan kepada syarikat-syarikat minyak telah kehabisan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah segera dengan meluluskan kuota tambahan dengan segera bagi Negeri Johor. Tambahan kuota yang diluluskan adalah sebanyak 5,984,240 liter di samping kuota yang sedia ada sebanyak 115,311,157 liter sebulan. Berikut adalah langkah-langkah yang diambil bagi menangani isu ini:

1. Perbincangan bulanan dengan semua syarikat minyak bagi memantau bekalan diesel mencukupi di stesen-stesen minyak.

2. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi mengekang penyelewengan yang berlaku. Pada tahun ini sehingga 31 Julai 2013, sebanyak 119 kes berkaitan diesel telah dihasilkan dengan melibatkan nilai rampasan sebanyak RM3,150,470.20.

3. Kerajaan Negeri bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti penyelewengan seperti PDRM, Kastam dan APMM.

Yang Berhormat Bukit Batu membangkitkan isu harga barangan di Johor Bahru yang naik melambung diakibatkan oleh kemasukan wang Dolar Singapura ke Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa memantau harga barangan di pasaran di Negeri Johor. Seramai 105 orang Pegawai Pemantauan Harga, bertugas setiap hari memantau harga di premis perniagaan seperti pasar raya, pasar besar, kedai runcit dan lain-lain. Pada masa ini, semua barang kawalan seperti gula, tepung gandum, minyak masak, dan gas LPG masih pada harga kawalan dan tidak kenaikan harga dilaporkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mengawal harga semua jenis barangan. Penentuan harga barangan, ditetapkan oleh peniaga bergantung kepada kos operasi seperti kadar sewa, gaji dan upah, kos pengangkutan dan lain-lain serta tidak tertakluk harga hanya kepada permintaan yang tinggi sahaja khususnya permintaan warga Singapura.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Semarang dan Mengkibol telah membangkitkan persoalan mengenai usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan prestasi sektor ekopelancongan Negeri Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Ekopelancongan sememangnya merupakan salah satu daya tarikan utama pelancong ke Negeri Johor. Justeru itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pelancongan Negeri, Perbadanan Taman Negara Johor, Jabatan Perhutanan dan Taman Laut Negeri Johor akan mempertingkatkan kempen promosi produk Ekopelancongan Negeri Johor secara bersepadu dan agresif bagi menarik lebih ramai pelancong ke Negeri ini bagi terutamanya ke destinasi ekopelancongan. Antara usaha-usaha tersebut adalah sepertimana berikut. Pertamanya, menerbitkan risalah khas produk ekopelancongan Negeri Johor bagi menyebarkan maklumat kepada para pelancong. Keduanya, memperbanyakkan acara atau aktiviti pelancongan yang berkaitan Ekopelancongan seperti *Mangrove Run,* Seminar Ekopelancongan, khusus kepada industri pelancongan dan sebagainya. Dan akhir sekali, meningkatkan kemudahan infrastruktur di destinasi ekopelancongan di Negeri Johor di mana di dalam Rancangan Malaysia Ke-9, sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan kepada Gunung Belumut untuk di naik taraf. Manakala di dalam Rancangan Ekonomi, sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan kepada Hutan Rekreasi Gunung Lambak di daerah Kluang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Semarang juga ada membangkitkan persoalan tentang usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan produk Pelancongan Warisan Sejarah di Negeri Johor. Suka saya maklumkan bahawa telah ada usaha-usaha untuk menjadikan Bangunan Warisan dan Muzium sebagai produk pelancongan Negeri Johor. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan seperti Yayasan Warisan Negeri Johor, Jabatan Kebudayaan Negeri Johor dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah dengan mengekalkan dan memulihara dan mempromosikan bangunan-bangunan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh dan merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gambir, Tangkak dan Serom, mengenai perancangan program-program promosi pelancongan Daerah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, usaha-usaha promosi sememangnya telah dilaksanakan secara berterusan oleh Kerajaan Negeri melalui kaedah-kaedah seperti berikut:-

i. Misi jualan dalam dan luar Negeri.
ii. Penganjuran acara Nasional dan Antarabangsa.
iii. Menganjurkan program lawatan kerja kepada Agensi-Agensi Pelancongan dan media dari dalam dan luar Negara ke Negeri Johor.
iv. Promosi secara *online*.
v. Penerbitan bahan-bahan bercetak seperti brosur-brosur pelancongan dan sebagainya.

Justeru itu, saya berharap Ahli-Ahli Jawatankuasa Pelancongan Daerah di setiap Daerah dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan khususnya dalam membantu mempromosikan produk-produk pelancongan daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Maharani ada membangkitkan mengenai perancangan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan keunikan Bandar Muar sebagaimana yang kita sedia maklum, Bandar Maharani Muar telah diiktiraf sebagai Bandar DiRaja sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada tahun 2012. Sehubungan dengan itu, untuk makluman ADUN Maharani, pihak Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Johor, Tourisme Malaysia Johor, Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Johor, Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran Muar, telah melaksanakan beberapa program dan acara di Daerah Muar bagi merancakkan lagi industri pelancongan di Daerah Muar seperti:-

a. Menganjurkan secara bersama acara bot dan kereta berhiasan bersempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada November 2012 dan acara ini sekali lagi akan diadakan pada November 2013.

b. Program Seminar Pelancongan pada tahun 2010.

c. Menganjurkan Program Pesta Makanan Muar yang disertai oleh agensi pelancongan, media dan pemandu pelancong dari seluruh Negara pada Bulan Mei 2013.

d. Selain daripada itu, Majlis Perbandaran Muar juga telah mempunyai perancangan untuk mengatasi masalah tanah mendap di Tanjung Emas dan menaik taraf Tanjung Ketapang sebagai destinasi Ekopelancongan di Muar secara berperingkat. Selain daripada itu, program pelancongan inap desa ataupun *homestay* juga turut dilihat dapat membantu menyemarakkan industri pelancongan daerah seterusnya menjana pendapatan tambahan kepada penduduk di sekitarnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketika ini

terdapat 17 *homestay* di Negeri Johor dengan jumlah peserta seramai 518 orang peserta sepertimana berikut :-

i. Muar - 3 *homestay*
ii. Batu Pahat - 1 *homestay*
iii. Pontian - 3 *homestay*
iv. Kulaijaya - 2 *homestay*
v. Johor Bahru - 2 *homestay*
vi. Kota Tinggi - 4 *homestay*
vii. Mersing - 2 *homestay*

Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk memperluaskan program ini kepada lain-lain Daerah yang berpotensi untuk dijadikan destinasi pelancongan baru seperti di Sagil yang berdekatan dengan Daerah-Daerah sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Bukit Gambir. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa Negeri Johor ketika ini sedang mengalami transformasi pembangunan yang begitu ketara. Di mana banyak projek-projek pembangunan mega termasuk projek-projek berkaitan dengan pelancongan sedang rancak dijalankan di Negeri Johor. Kini, Negeri Johor telah mempunyai produk pelancongan baru yang berprofail tinggi dan bertaraf antarabangsa yang dilihat mampu menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Johor seperti Kota Iskandar, Johor Premium Outlet, Legoland Malaysia, dan Puteri Harbour Indoor Entertainment Theme Park.

Sungguh pun, pembangunan projek pelancongan mega ketika ini tertumpu di kawasan Wilayah Iskandar, namun, usaha-usaha untuk membangunkan pelancongan di lain-lain Daerah akan tetap diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Ini kerana produk-produk pelancongan sedia ada yang terdapat di daerah-daerah seperti produk pelancongan berasas sejarah dan warisan serta Ekopelancongan sememangnya mempunyai potensi untuk menarik pelancong datang dan bermalam lebih lama di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, usaha-usaha mempromosikan sektor pelancongan mempunyai hubungan rapat dengan imej baik Negeri Johor. Untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Johor, Johor bukan sahaja ingin dijadikan sebagai destinasi untuk melancong semata-mata, malah akan dibangunkan sebagai destinasi untuk pelancong datang bercuti setiap kali ketika masa percutian. Sehubungan dengan itu, saya berharap, Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk dari Parti Pembangkang akan bersama-sama berganding bahu dalam memajukan Industri Pelancongan Negeri Johor ke arah menjadi Negeri Johor sebagai destinasi pelancongan yang mesti dilawati pelancong ketika melawat Malaysia menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Datuk Speaker, itulah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan pada hari ini, dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan mengenai Industri Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan dalam perbahasan mereka di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut sama di dalam perbahasan atas rundingan, menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah merasmikan Mesyuarat Kedua Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan dan juga teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan Jabatan-Jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Semarang membangkitkan mengenai dengan pemberian geran tahunan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor mempunyai garis panduan bagi pertimbangan pemberian geran tahunan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO's) dan garis panduan ini diguna pakai bagi pertimbangan Geran Peruntukkan Persekutuan dan juga Negeri. Sebanyak 21 Pertubuhan Sukarela Kebajikan telah menerima geran tahunan melalui peruntukkan Persekutuan sebanyak RM 2,440,124.00 dan 49 Pertubuhan Sukarela Kebajikan di peringkat negeri menerima geran negeri sebanyak RM1,200,000.00. Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat pemantauan kepada semua penerima geran tahunan ini, melalui perjanjian bagi peruntukan persekutuan dan pelaporan tahunan bagi peruntukan negeri. Selain itu, pemantauan juga dilaksanakan di peringkat daerah, melalui Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Adalah menjadi tanggungjawab jabatan, bagi memastikan peruntukan yang disalurkan kepada semua PSK di gunakan sepenuhnya bagi membantu kumpulan sasar jabatan dan program-program terkini yang dilakukan oleh PSK pada masa ini ialah :

1. Pengurusan pusat-pusat pemindahan mangsa bencana mengikut zon dan kawasan serta mengikut keperluan di 649 pusat pemindahan yang boleh menampung sebanyak 170,251 orang.

2. Perlaksanaan kerja-kerja kebajikan di 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan 7 institusi kebajikan serta 66 buah pusat pemulihan dalam komuniti atau pun PDK dan lain-lain institusi kebajikan.

Perlaksanaan Program *Home Help Services* di 26 kawasan Parlimen dengan sasaran nisbah 1 sukarelawan bagi 4 kes dan buat masa ini seramai 54 sukarelawan sedang memberikan perkhidmatan kepada 214 kes di kalangan orang kurang upaya dan warga tua dan para sukarelawan ini diberi elaun sagu hati RM20.00, maaf saya Datuk Speaker RM200.00 sebulan seorang dengan syarat memberikan perkhidmatan tidak kurang 16 jam dalam 1 bulan serta pembelian buah tangan dalam nilaian yang RM10.00 seorang di setiap kes yang diberikan perkhidmatan dan perlaksanaan program ini mengikut mingguan dan peruntukan yang telah disalurkan ialah sebanyak RM113,000.00 bagi tahun 2013.

Bagi perkhidmatan urusan sosial dan bantuan kepada masyarakat sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Semarang, JKS sememangnya terlibat secara langsung dengan pelbagai urusan sosial dan perkhidmatan secara meluas tidak sahaja melibatkan bencana alam dan perkhidmatan jabatan meliputi kumpulan sasar iaitu kanak-kanak, Orang Kurang Upaya, warga emas, keluarga, orang papa, Pertubuhan Sukarela Kebajikan dan juga mangsa bencana. Boleh dikatakan daripada buaian hinggalah ke liang lahad. Perkhidmatan yang diberikan berlandaskan teras utama iaitu perlindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian dan seterusnya bagi mencapai hasrat satu agenda sosial yang mampan supaya rakyat sentiasa mendapat perkhidmatan terbaik, agar memperoleh satu cara hidup sempurna dan selesa melalui pelbagai program yang diatur demi penambahbaikan kehidupan mereka.

Yang Berhormat ADUN Semarang dan juga Yang Berhormat ADUN Sungai Abong juga membangkitkan mengenai bantuan segera dan juga tabung bencana dan Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan bantuan malapetaka atau pun bencana alam yang berupa bantuan jangka pendek iaitu bantuan segera. Bantuan jangka panjang dan juga dana khas bencana. Bagi bantuan jangka pendek atau pun bantuan segera, ianya meliputi untuk bantuan keluarga, untuk bantuan peralatan sekolah, bantuan peralatan, pakaian sekolah, bantuan pengebumian iaitu kematian akibat bencana yang berjumlah RM300.00 seorang dan ianya dibayar kepada waris terdekat si mati dan bantuan makanan secara masak berkawah bagi mangsa yang tinggal di pusat-pusat pemindahan seperti mangsa banjir, mangsa ribut dan mangsa kebakaran. Dan bagi bantuan jangka panjang pula, ianya meliputi bantuan bagi pakaian biasa, keperluan dapur, membaiki dan membina rumah serta memulihkan perniagaan kecil dan kadar maksimum bantuan jangka pendek dan jangka panjang bagi satu keluarga adalah RM5,000.00.

Bagi dana khas bencana, ianya diberikan kepada mangsa bencana yang rumah ataupun kedai sama ada mereka tinggal di situ atau sebagai tempat perniagaan yang musnah sama sekali harta benda dan binaan sedia ada akibat daripada bencana tersebut dan ianya diberi RM1,000.00 sekali gus. Dan bagi tahun 2013 sehingga Julai, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM591,572.00 telah dibayar kepada seramai 894 orang mangsa bencana yang terdiri daripada pelbagai jenis bencana seperti kebakaran, ribut dan juga tanah runtuh.

Dan bagi bantuan JKM yang perlu disegerakan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Parit Raja, setiap permohonan akan disiasat dalam tempoh 2 minggu dan keputusan permohonan akan diberi kepada pemohon dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh permohonan. Ianya merujuk kepada Piagam Pelanggan Jabatan dan pemberitahuan tentang keputusan permohonan sama ada layak atau pun tidak layak diberikan bantuan dibuat melalui pelbagai pendekatan. Kita ada 2 cara iaitu melalui :

1. Penggunaan *SMS* secara pukal. Mulai digunakan sebagai satu kaedah pemberitahuan keputusan permohonan Bantuan Kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah kita mulakan semenjak tahun 2011 sehingga kini. Pemohon yang menggunakan telefon bimbit akan menerima pesanan atau pun *SMS* berkaitan keputusan permohonan mereka.

2. Kaedah surat yang masih kita gunakan di mana surat akan dijana dari system e-Bantuan setelah pemohonan selesai sehingga ke peringkat kelulusan sama ada lulus atau pun tidak. Ianya adalah merupakan satu *Standard Of Procedures* dengan izin, di dalam Prosedur Utama Kerja 17 Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Buluh Kasap membangkitkan mengenai latihan kepada ibu tunggal dan wanita yang berpendapatan rendah sepenuh masa. Sebenarnya di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, kita sentiasa memberikan bantuan dalam usaha meningkatkan pendapatan ibu-ibu tunggal dan juga wanita dengan memberikan latihan kepada mereka, dan kita ada 11 jenis kursus yang telah pun kita berikan kepada mereka dan ianya akan berterusan sama ada di masa kini dan juga di masa-masa yang akan datang. Dan kita ada 3 pusat latihan kita sendiri yang bertempat di Kluang, Segamat dan juga Johor Bahru.

Dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, semenjak 2003 hinggalah 2012, seramai 1,004 orang ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah yang telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka dan telah memperolehi pendapatan dalam anggaran RM350.00 hingga RM1,800.00 seorang.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, boleh minta sedikit tunjuk ajar daripada Yang Berhormat EXCO. Ini nak berkenaan dengan definisi ibu tunggal, saya nak tahu sama ada adakah itu definisi…

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, kalau perkara baru saya tak benarkan, pasal Yang Berhormat.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Bukan, berkenaan dengan definisi, definisi ibu tunggal sebab saya pun pernah menerima apa ni, panggilan daripada…

Y.B. Datuk Speaker : Definisi apa Yang Berhormat?

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Definisi, definisi, *definition* lah. Maksudlah…

Y.B. Datuk Speaker : Yalah.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : *Definition* ibu tunggal sama ibu tunggal itu bermaksud, ibu yang apa ini, berkahwin di, beranak di luar nikah, bermaksud anak, beranak di luar nikah dan juga mereka yang telah meninggal suaminya telah meninggal dunia. Sama ada adakah dimasukkan dalam kategori ibu tunggal. Ini minta sedikit tunjuk ajar. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat: Yang Berhormat Datuk Speaker, tak apalah saya maklumkan jugalah dalam masa pendek ini. Ibu tunggal kita ada beberapa kategori :

1. Ibu tunggal yang kematian suami.

2. Ibu tunggal yang bercerai hidup.

3. Ibu tunggal yang dikategorikan ibu yang ditinggalkan dalam kes-kes tertentu sama ada masuk ke pusat serenti, masuk ke pusat pemulihan dan sebagainya.

4. Ibu tunggal juga merupakan mereka yang belum berkahwin tetapi mempunyai anak angkat.

Ini adalah kategori-kategori ibu tunggal dan secara terperinci akan saya maklumkan kemudian kepada Yang Berhormat.

Selain daripada itu, bantuan peralatan perniagaan juga telah kita berikan kepada usahawan-usahawan wanita atau ibu tunggal yang telah mempunyai produk pengeluaran sendiri. Mempunyai minat dan kemahiran dalam satu-satu bidang serta telah memulakan sekurang-kurangnya asas perniagaan dan nilai bantuan peralatan yang kita berikan tidak melebihi daripada RM3,000.00 seorang. Yang ada beberapalah yang bantuan-bantuan peralatan tersebut.

Dan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat juga kita memberi bantuan geran pelancaran sebanyak RM2,700.00 secara *One Off* kepada *client* kita atau pun anak *client* kita yang ingin memulakan perniagaan dan JKM juga turut mengadakan kursus usahawan-usahawan sebanyak 2 kali setahun bagi mereka-mereka yang layak untuk menerima dan kita juga ada pakej 1 Azam sebanyak 20 pakej kepada anak atau pun *client* kita dan setakat ini sebanyak 160 orang yang telah pun menerima bantuan daripada 1 Azam ini.

Dan di bawah di Jabatan Pembangunan Wanita juga kita menganjurkan kursus-kursus dan sebagainya untuk membantu mereka-mereka yang memerlukan bantuan dan yang memerlukan untuk meningkatkan pendapatan mereka di dalam Program Inkubator Keusahawanan Wanita ataupun IQ-Nita dan juga transformasi program, Program Transformasi Minda Pra Usahawan Boleh atau pun U-Boleh. Jadi, inilah kemahiran yang kita berikan kepada wanita.

Bagi pertanyaan atau pun soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Pemanis yang mengambil kira kriteria lain selain pendapatan dan kelulusan bantuan. Sebenarnya setiap permohonan bantuan kewangan perlu memenuhi syarat dan kelayakan yang telah kita gariskan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut skim bantuan yang sesuai. Ini termasuk sebagai warganegara Malaysia, bermastautin di Malaysia dan juga pendapatan keluarga tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan, RM720.00 sebulan dan juga golongan yang tidak berkemampuan

dan berkeperluan dalam mengambil kira lain-lain faktor bilangan anak tanggungan dan sebagainya. Dan sebenarnya bagi mereka yang berada di bawah, melepasi garis kemiskinan tapi mereka merupakan Orang Kurang Upaya yang berpendapatan RM1,200.00 sebulan yang kita boleh mendapatkan Elaun Pekerja Cacat dan bagi pesakit terlantar kita pendapatan isi rumahnya adalah berjumlah RM3,000.00 sebulan. Bagi pembatalan bantuan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pemanis, kita ada beberapa perkara atau penolakan iaitu sebagai bukan warganegara Malaysia pendapatan keluarga melebihi pendapatan garis panduan kemiskinan, mempunyai anak yang telah dewasa dan bekerja, masih sihat dan berupaya bekerja dan mempunyai harta mengeluarkan hasil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Pemanis ada juga membangkitkan mengenai pemberian bantuan yang mana ketua isi rumah perlu faham dan mengetahui berapa lama tempoh bantuan atau pun melepasi tahap paras tahap kemiskinan. Sebenarnya untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, bahawa bagi mengeluarkan penerima-penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, penerima-penerima bantuan, Jabatan mensasarkan untuk mengurangkan atau mengeluarkan sebanyak 5% daripada jumlah penerima-penerima bantuan JKM di Negeri Johor ini seramai 50,745 orang sehingga kini. Dan bagi memastikan objektif ini tercapai, JKM menjalankan inisiatif mencari pekerjaan bagi penerima-penerima tersebut.

Yang Berhormat ADUN Johor Jaya membangkitkan mengenai dengan Kerajaan harus memberi sokongan sepenuhnya untuk memupuk penglibatan wanita dalam semua aspek untuk membangunkan Negeri Johor. Yang Berhormat ADUN Johor Jaya, sebenarnya Kerajaan Negeri Johor tidak pernah mengabaikan kedudukan dan kebajikan wanita di Negeri Johor ini. Ini terbukti dengan Johor adalah negeri yang pertama telah menggubal Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Johor 1997 hingga 2001 pada tahun 1996. Ia bertujuan untuk menggariskan rancangan terperinci dan tindakan yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan peranan wanita di Negeri Johor.

Dan ia sekali gus mengenal pasti dan menangani isu-isu berkaitan pertumbuhan ekonomi dan kesannya terhadap wanita dan keluarga di Negeri Johor. Sebanyak 12 bidang pengkhususan yang saya tak perlu bacakan, saya akan buat nanti edaran kepada Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan teras pelan ini juga melibatkan 6 teras. Antaranya Pembangunan Modal Insan Wanita Johor, Pengimbangan Pekerjaan dan Kehidupan Wanita dan Keluarga, Pengukuhan Sokongan Institusi, Membangunkan Ekonomi Wanita Melalui Teknologi Maklumat dan juga Komunikasi, Pemantapan Program Pembangunan Wanita, Pemerkasaan dan Kepimpinan Wanita.

Dan setelah sepuluh tahun pelaksanaan tersebut, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, kini dalam usaha kita mengkaji semula Pelan Tindakan Wanita 1997 hingga 2001 dan kita akan mengeluarkan Pelan Tindakan Wanita terbaru bagi tahun 2013 hingga 2015.

Yang Berhormat ada juga membangkitkan dengan kemudahan asuhan atau pun taska di Jabatan Kerajaan. Sebenarnya taska diwujudkan untuk membantu kakitangan awam khususnya wanita yang bekerja untuk mendapatkan perkhidmatan

penjagaan bayi. Sebenarnya, kita telah pun melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim, telah menubuhkan dua buah taska asuhan kanak-kanak iaitu satu di Bukit Timbalan dan satu di Wisma Persekutuan. Namun begitu, setelah pentadbiran berpindah ke pusat pentadbiran baru di Kota Iskandar, Nusajaya, taska di Bukit Timbalan telah pun menamatkan operasinya. Manakala di Wisma Persekutuan masih kita kekalkan dengan kita menempatkan seramai 44 orang kanak-kanak. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor, kita juga telah memajukan permohonan untuk peruntukan membina taska di Kota Iskandar sebagai taska di tempat kerja yang boleh menempatkan seramai 80 orang kanak-kanak.

Akhirnya Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Johor Jaya menyatakan telah mencatat satu sejarah di Dewan Negeri Johor di mana pertama kalinya terdapat 4 orang wanita sebagai ADUN daripada pembangkang. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional Johor juga sudah sekian lama memberi pengiktirafan kepada wanita Johor di dalam kepimpinan. Khasnya sebagai ADUN atau Ahli Parlimen semenjak Pilihan Raya yang pertama hinggalah Pilihan Raya Umum yang Ke-13. Dan dalam Pilihan Raya yang pertama, telah membuktikan bahawa Allahyarhamah Datuk Paduka Fatimah Abdul Majid menjadi Wakil Rakyat wanita pertama di Johor dan pada tahun 1999 dan juga menjadi wanita pertama sebagai Ahli Dewan Rakyat dari tahun 1964 hinggalah tahun 1978 dan akhirnya pada Pilihan Raya Umum yang Ke-13 ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga mencipta sejarah dengan 5 orang ADUN wanita daripada Barisan Nasional dan juga 4 orang Ahli Parlimen yang daripada Negeri Johor. (Dewan Bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya akhiri penggulungan saya sekali lagi dengan merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Saya telah sedaya upaya memberikan jawapan dan ulasan terhadap permasalahan dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang Persidangan ini. Namun begitu, dalam keadaan masa yang singkat ini ada kemungkinan terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang dalam ucapan balas saya ini, insya-Allah jabatan-jabatan yang berkenaan akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Dan saya berharap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus memberikan sokongan, pandangan dan teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio tanggungjawab saya demi kemajuan pembangunan Negeri Johor. Sekian, Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.

Y. B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat berikutnya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, selamat petang dan salam 1 Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan banyak terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menyampaikan ucapan penggulungan bagi pihak Kerajaan dalam Mesyuarat

Kedua Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-13. Saya juga ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Khususnya yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio saya iaitu Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan juga Koperasi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Semarang telah membangkitkan mengenai kedudukan guru-guru besar di 8 buah Sekolah Rendah Agama Bersepadu dalam Negeri Johor supaya dinaikkan daripada Gred DGA32 kepada Gred DGA34 sebagaimana sekolah-sekolah yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, keseluruhan guru-guru yang terlibat ialah 227 orang guru dan anggota kakitangan sokongan yang berkhidmat di 8 buah Sekolah Rendah Agama Bersepadu di seluruh Negeri Johor telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan mulai 14 Ogos 2012. Berdasarkan pada Mesyuarat Penyelarasan Penyerapan Perjawatan Guru-guru dan Kakitangan Sekolah Rendah Agama Bersepadu atau pun SRAB pada 8 Julai 2013, seramai 210 orang guru biasa dan 7 orang kakitangan telah menerima opsyen berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia manakala 9 orang guru dan 1 orang kakitangan ingin kekal di bawah perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor.

Di kalangan Guru Besar Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini seramai 7 orang Guru Besar telah bersetuju menerima opsyen tersebut dan 1 orang ingin kekal berkhidmat di bawah Skim Kerajaan Negeri Johor. Guru Besar Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini di bawah skim tukar lantik perkhidmatan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Kerajaan Johor kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dengan membawa bilangan tahun perkhidmatan kerana pelantikan mereka adalah secara tetap.

Penyerapan jawatan 7 orang Guru Besar ini dijangka bermula pada 1 Oktober 2013, apabila bermulanya pemindahan pusat tanggungjawab penggajian daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di JPA. Setelah itu, pihak Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil langkah-langkah untuk :

1. Mempertimbangkan pelantikan semua Guru Besar ini untuk dilantik ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah DGA34 berdasarkan tahun perkhidmatan. Laluan kerjaya Pegawai Perkhidmatan Bukan Siswazah mengikut tahun-tahun perkhidmatan mereka.

2. Sekiranya penyandang jawatan Guru Besar Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini mempunyai jumlah bilangan tahun perkhidmatan mereka mencukupi selama 16 tahun, mereka akan dilantik secara hakiki pada jawatan Gred DGA34 bagi jawatan Guru Besar. Boleh juga dicadangkan sekiranya telah sampai tempoh perkhidmatan 4 tahun yang pertama, perjawatan DGA32 boleh dinaikkan kepada DGA34 secara memangku, berdasarkan kepada prestasi kecemerlangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Skudai ada membangkitkan mengenai teguran Jabatan Audit Negara terhadap pelaksanaan Program Tuisyen Hikmah disebabkan oleh kononnya Pegawai Yayasan Pelajaran Johor ini sibuk untuk meninjau harga tanah dan juga projek-projek di Pengerang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Audit Negara telah membuat audit kajian kepada pelaksanaan Program Hikmah ini. Program ini adalah program sokongan dengan kerjasama antara Yayasan Pelajaran Johor dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor bagi meningkatkan kecemerlangan akademik murid-murid yang akan mengambil peperiksaan utama di seluruh Negeri Johor. Pihak Yayasan Pelajaran Negeri Johor telah membincangkan isu-isu ini dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk mencari penyelesaian kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. Memandangkan keseluruhan pelajar yang terlibat dengan Tuisyen Hikmah ini hanya sekadar 10%, jadi keseluruhan jumlah calon yang akan mengambil peperiksaan, maka pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor mencadangkan agar pelajar yang lemah tidak dilibatkan memandangkan pelajar-pelajar yang sederhana pun masih ramai yang perlu dibantu.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2012 keutamaan pemilihan pelajar bagi penyertaan Program Tuisyen Hikmah ini adalah kepada pelajar-pelajar sederhana dan kurang kemampuan dengan persetujuan bersama iaitu Pihak Yayasan Pelajaran Johor, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan juga Pejabat Pendidikan Daerah. Tetapi pada tahun 2013, pemilihan murid telah diubah semula mengikut matlamat asal program itu iaitu berdasarkan pada kriteria murid miskin dan murid yang mempunyai keputusan yang lemah dalam akademik. Walau bagaimanapun, oleh kerana hanya 10% sahaja yang terlibat dengan tuisyen ini maka ia tidak memberi kesan yang besar kepada peratus pencapaian kelulusan dan kecemerlangan peperiksaan seluruh di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak terlibat dengan Program Hikmah, pihak Yayasan Pelajaran Johor telah melaksanakan kursus kemahiran belajar berfokus dan juga turut disediakan modul khas bagi guru-guru untuk memudahkan pengajaran mereka. Bagi mengatasi ketidakhadiran murid. Sebahagian murid-murid ini tidak hadir ke tuisyen sebab mereka memang tidak minat, maka murid-murid ini diberikan seminar peperiksaan yang mengambil masa lebih singkat dan mudah untuk dikawal. Aspek pemantauan program ke sekolah-program juga semakin giat dilaksanakan oleh kakitangan Yayasan Pelajaran Johor dan juga Jabatan Pendidikan Johor bagi memantapkan lagi keberkesanan program ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun 2012, seramai 72 orang pegawai yang terdiri daripada kakitangan Yayasan Pelajaran Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah ditugaskan untuk memantau di 36 buah sekolah. Dan pada tahun ini, telah ditingkatkan kepada 180 orang pegawai yang memantau di 60 buah sekolah. Isu kelewatan pembayaran elaun pula adalah berlaku akibat daripada kegagalan pihak sekolah untuk menghantar tuntutan kepada pihak Yayasan Pelajaran Johor pada tarikh yang ditetapkan iaitu pada setiap bulan Oktober setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Skudai juga ada membangkitkan tentang penglibatan YPJ Holdings dalam projek pemindahan kubur bukan Islam yakni Jirat Cina di Pengerang. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, YPJ atau Yayasan Pelajaran Johor dan juga YPJ Holdings adalah dua entiti yang berbeza. YPJ Holdings memainkan peranan dalam sektor perladangan, pembangunan hartanah dan perniagaan-perniagaan lain. Di mana YPJ holdings ini diamanahkan untuk menyalurkan dana kepada Yayasan Pelajaran Johor setiap tahun bagi menampung keperluan pinjaman dan aktiviti pendidikan di Negeri Johor.

Kerja-kerja pemindahan tapak perkuburan bukan Islam yakni Jirat Cina di Pengerang adalah di bawah Konsortium GLC Johor yang terdiri daripada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ), YPJ Holdings dan juga PIJ Holdings. Dan penubuhan Korsortium ini telah diluluskan oleh Kerajaan pada 3 Oktober 2012 yang bertujuan untuk memberi peluang kepada GLC Negeri Johor untuk terlibat sama dalam Projek Pembangunan Industri Gas Dan Minyak Di Pengerang Johor. Konsortium GLC ini telah bersetuju supaya YPJ Holdings melaksanakan projek pemindahan kubur bukan Islam ini.

YPJ Holdings telah melantik anak syarikatnya yang mempunyai lesen kontraktor CIDB G7, iaitu YPJ Builders Sdn. Bhd sebagai kontraktor utama bagi melaksanakan projek tersebut dan dibantu oleh konsultan yang dilantik oleh Kerajan iaitu Liberty Professional Builders Sdn. Bhd. sebagai Pengurus Projek yang bertanggungjawab mereka bentuk dan memantau projek tersebut.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kumpulan pengurusan Yayasan Pelajaran Johor tidak terlibat langsung dalam isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Skudai, sibuk hendak mencari tanah dan juga projek-projek di Pengerang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menarik perhatian pada sidang Dewan dengan cadangan Yang Berhormat Parit Raja mengenai bantuan awal tawaran masuk ke universiti. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Yayasan Pelajaran Johor memang ada menyediakan Skim Bantuan bagi pendaftaran Institut Pengajian Tinggi yang mana pada masa ini kadarnya ialah RM1,000.00 untuk kursus ijazah dan RM800.00 untuk kursus diploma kepada pelajar-pelajar yang layak mengikut syarat-syarat yang ditentukan. Mana-mana pelajar-pelajar yang telah mendapat tawaran universiti bolehlah melayari laman web Yayasan Pelajaran Johor untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Maharani ada menyuarakan kebimbangan beliau mengenai anak-anak Johor yang sedang belajar di Mesir, yang mana Yang Berhormat beliau mencadangkan supaya dibina baru pusat ataupun tempat tinggal mahasiswa di sana. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker Kerajaan Negeri Johor memiliki 2 buah rumah Johor di Mesir iaitu Hayyu Thamin dan di Rabaah berada di kawasan Madinah Nasr, Kaherah. Rumah Johor di Hayyu Thamin milik Yayasan Pelajaran Johor hanya mampu menempatkan 71 orang mahasiswa sementara Rumah Johor di Rabaah milik Majlis Agama Islam Negeri Johor yang hanya mampu menempatkan 81 orang mahasiswa. Adalah menjadi tradisinya memang bila menjelang pelajar-pelajar baru tiba, maka pelajar-pelajar senior adalah digalakkan

untuk mencari penempatan sendiri kerana mereka selepas setahun duduk di sana mereka telah mahir dengan keadaan di sana.

Di peringkat Yayasan Pelajaran Johor pada masa ini kita memang tidak ada perancangan untuk membina penempatan baru untuk pelajar-pelajar kita di Mesir. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Gambir ada membangkitkan mengenai cadangan pemindahan lokasi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sagil ke kawasan yang berdekatan dengan taman-taman perumahan di Pekan Sagil. Atau meminta dibuat permohonan kepada pihak pengurusan Ladang IOI Plantation bagi mendapatkan tapak sekolah. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sagil ini merupakan sebuah sekolah bantuan Kerajaan. Menurut Akta Pendidikan 1996, Akta 550 Sekolah Bantuan Kerajaan ataupun Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan bererti sekolah atau pun institusi tersebut hanya menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh. Ini bermakna pentadbiran sekolah adalah di bawah kelolaan Lembaga Pentadbiran Sekolah sendiri maka pihak Kerajaan hanya memberi subsidi peruntukan untuk pengurusan murid-murid.

Oleh kerana, polisi sekolah ditadbirkan oleh pihak Lembaga Pengurus Sekolah, manakala pelantikan guru pula dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu segala urusan pemindahan dan mendapatkan tapak adalah urusan pentadbir di sekolah. Buat masa ini pihak sekolah belum ada membuat sebarang permohonan kepada Kementerian Pendidikan dan sekiranya ada permohonan maka Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan sedia untuk membantu. Yang Berhormat Gambir juga ada membangkitkan soal cadangan untuk pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir 2 sebagaimana dibangkitkan. Jabatan Pelajaran Johor melalui Pejabat Pendidikan Muar telah membuat permohonan bagi pemindahan sekolah tersebut iaitu Sekolah Menengah Bukit Gambir 2 sebagaimana yang terdapat dalam senarai cadangan projek Pembangunan Rancangan Malaysia ke-10 Kementerian Pendidikan Malaysia. Anggaran kos projek ini ialah RM48 juta dengan kapasiti 30 buah bilik darjah. Pada masa ini status tapak bagi pembinaan sekolah adalah di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tenang ada mencadangkan agar Institut Pengajian Tinggi ataupun Kolej Komuniti dibina di kawasan Labis. Yang Berhormat Dato' Speaker ingin saya bawa ke pengetahuan Dewan yang mulia ini bahawa penubuhan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam adalah dibuat berdasarkan kepada keperluan strategi negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan tujuan tertentu terhadap pembangunan sosial ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan masih tidak ada perancangan untuk membina institusi pengajian tinggi di Dewan Undangan Negeri Tenang. Walau bagaimanapun anak-anak tempatan masih boleh meneruskan ataupun mendapatkan pengajian di daerah ini, dan di Daerah Segamat ini dan ada institut dan ada Universiti Teknologi MARA. Pihak jabatan juga mengalu-alukan terhadap permohonan untuk menubuhkan Kolej Komuniti di mana-mana kawasan. Tetapi di

kawasan, di daerah Segamat ini telah ada 2 Kolej Komuniti iaitu di Kolej Komuniti Segamat di Bandar Putera dan juga di Kolej Komuniti Segamat di Batu Anam.

Oleh yang demikian, Pengajian Kolej Komuniti juga tidak ada cadangan untuk membina satu lagi kolej komuniti di daerah Segamat yang diletakkan di kawasan Dewan Undangan Negeri Tenang. Yang Berhormat Tenang juga ada membangkitkan kebimbangan beliau berhubung Kuarters Sekolah Menengah Kamarul Ariffin yang ditinggalkan dan terbiar. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker Sekolah Menengah Kebangsaan Kamarul Ariffin iaitu Kompleks Institusi Pendidikan ini mempunyai 5 blok bangunan dengan kapasiti 40 unit yang tiada penghuni. Pejabat Pendidikan Daerah Segamat telah menawarkan kuarters ini kepada agensi-agensi Kerajaan lain untuk disewa tetapi sehingga hari ini tidak ada maklum balas. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor melalui Pejabat Pendidikan Daerah Segamat telah mengadakan perkhidmatan pembersihan kawasan mulai 1 Januari 2013. Dan juga perkhidmatan keselamatan yang bermula pada 1 Jun 2013 untuk mengawal Kompleks Institut Pendidikan ini daripada di ceroboh oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah ada perancangan untuk menjadikan Kompleks institut pendidikan ini sebagai Kolej Tingkatan 6 atau Pusat Latihan Daerah untuk sukan dan juga aktiviti-aktiviti yang lain.

Yang Berhormat Tanjung Puteri ada mencadangkan agar semua murid di sekolah rendah dan menengah diajar dengan pelbagai bahasa. Dalam pelan pembangunan pendidikan 2012-2025 menerusi satu daripada 6 aspek, dalam aspirasi murid telah melaraskan Kerajaan untuk melahirkan murid-murid yang mahir dalam pelbagai bahasa. Namun begitu pelaksanaan ini tidak boleh dilakukan secara drastik sebaliknya sedang dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 13 tahun ini. Menerusi kokurikulum standard sekolah rendah (KSSR) yang sedang berlangsung, murid-murid sekolah rendah sedang diajar dengan pelbagai bahasa dalam mata pelajaran tambahan termasuklah juga Bahasa Arab. Murid-murid ini diajar bertutur dan menulis pada tahap asas. Walau bagaimanapun tidak semua sekolah menawarkan mata pelajaran tersebut disebabkan kekangan kepakaran dan opsyen guru serta jumlah murid yang ditawarkan. Pada masa ini, mata pelajaran ini hanya diajar pada pelajar Tahun 4 sekolah rendah sahaja dan tidak dilaksanakan di sekolah menengah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengutarakan pandangan dan juga nasihat berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan pendidikan, penerangan pembangunan usahawan koperasi. Sekiranya ada perkara-perkara yang timbulkan belum dijawab dalam penggulungan saya, maka jabatan yang berkaitan akan membuat jawapan melalui susulan kemudian. Sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri, jemput.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih

kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekian kerana menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya semasa membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan bagi Negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim semasa Perasmian Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 baru-baru ini.

Memandangkan ini kali pertama saya berucap dalam Dewan yang mulia ini, izinkan saya mengambil kesempatan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan atas perkenan melantik saya sebagai Menteri Besar yang baru. (Dewan bertepuk). Sesungguhnya kepercayaan yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku merupakan suatu amanah yang akan saya pikul dan pelihara sebaik mungkin. Saya juga ingin turut merakamkan tahniah kepada semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini kerana telah berjaya dipilih menjadi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tidak ketinggalan ucapan penghargaan dan terima kasih saya kepada mantan Menteri Besar Yang Berbahagia Dato' Abdul Ghani Othman yang telah mentadbir negeri ini selama kurang lebih 18 tahun. (Dewan bertepuk). Segala usaha yang telah dilakukan oleh Yang Berbahagia Dato' Abdul Ghani Othman untuk negeri ini sudah tentulah amat dihargai oleh seluruh rakyat Negeri Johor.

Pada kesempatan yang ada juga, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas ucapan tahniah pelantikan saya sebagai Menteri Besar. Apatah lagi dalam masa beberapa hari genaplah 100 hari pentadbiran saya sebagai Menteri Besar. Saya percaya bahawa dengan pelantikan ini, rakyat meletakkan harapan yang besar kepada saya untuk memimpin Negeri Johor. Oleh hal yang demikian, saya mengharapkan sokongan dan kerjasama Barisan EXCO, Pegawai Kakitangan Kerajaan, Wakil-Wakil Rakyat dan seluruh rakyat jelata. Bagaimana semua maklumi kita sekarang sedang berada dalam masa dan ketika cabaran global beragam wajah. Dan untuk sesuatu itu berjaya, kita mesti mempunyai kelebihan persaingan. Untuk itu Johor memerlukan satu hala tuju yang jelas dan peta panduan bagi meniti hari-hari mendatang. Dengan mengambil kira cabaran global tersebut dan mandat yang diberikan, saya berikrar untuk membawa Negeri Johor kepada satu pentadbiran yang bersifat *inclusive* lagi bersepakat. Pentadbiran yang mesra rakyat lagi *transparent.* Membentuk dasar-dasar ekonomi dan pembangunan yang berasaskan limpahan yang adil dan saksama serta pembangunan yang mengutamakan pencapaian.

Datuk Speaker atas dasar inilah Kerajaan telah merangka 3 gagasan besar bagi memanifestasikan hala tuju dan perancangan mapan Negeri Johor. Gagasan-gagasan itu terdiri dari merakyatkan Kerajaan, pembangunan pro rakyat dan juga muafakat Johor. Dalam mengabung jalinkan tiga gagasan besar tersebut, suka kiranya saya menggariskan definisi setiap satu.

1. Merakyatkan Kerajaan - istilah merakyatkan Kerajaan boleh difahami sebagai satu manhaj ataupun pendekatan pembawakan Kerajaan pada hari ini dalam membentuk satu sinergi hubungan dua hala antara rakyat dan pemerintah. Secara tamsilnya Kerajaan pada hari ini, adalah Kerajaan yang menyokong denyut hati dan memberi keutamaan kepada suara serta kehendak pihak rakyat.

2. Pembangunan pro rakyat, dalam bentuk yang lebih *affirmative,* pembangunan pro rakyat adalah satu proses berterusan bagi memetakan visi, misi dan pencapaian berteraskan hubungan dua hala antara rakyat dan pemerintah bagi membina pentadbiran rakyat didahulukan ataupun dengan izin, *people first administration*.

3. Muafakat Johor, Muafakat Johor itu adalah satu bentuk permuafakatan yang dibina di atas dasar bertolak ansur mendapat sesuatu dan pada masa yang sama perlu melepaskan pula sesuatu. Setiap orang diminta membuat pengorbanan tetapi tidak ada seorang pun atau satu kumpulan etnik pun yang diminta mengorbankan semua sekali.

Dari definisi-definisi di atas, gagasan besar yang dirangka itu amat memberi penekanan kepada aspek keharmonian, kesepakatan, persefahaman, bertolak ansur, bekerjasama serta menanam jati diri sebagai anak negeri Johor tanpa mengira bangsa, agama mahu pun warna kulit.

Datuk Speaker, melangkah dengan segala kudrat untuk menterjemahkan tiga gagasan besar Negeri Johor, maka Kerajaan telah menjalan kajian suara hati Johor yang bermula pada 17 Jun 2013 sehingga 24 Julai 2013. Secara ringkasnya, kajian ini sebenarnya merupakan inisiatif hasil kerja sama dengan pihak Universiti Teknologi Malaysia bagi mendapatkan maklum balas rakyat tentang segala hal permasalahan serta harapan mereka di 10 daerah di Negeri Johor. Hasil daripada dapatan kajian itu, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa fokus utama rakyat yang memerlukan perhatian serius. Bagaimana yang telah saya sebutkan antara fokus-fokus itu adalah perumahan, keselamatan, kesihatan, agama, infrastruktur, ekonomi dan juga tadbir urus dan perkara-perkara ini merupakan perkara yang sememangnya yang dibangkitkan dalam perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Bagi merangka polisi terbaik dan merancang pelaksanaan secara berkesan, maka setiap satu dari fokus itu nanti akan dipertanggungjawabkan kepada Ahli-Ahli EXCO mengikut portfolio masing-masing. Mereka juga akan mempengerusikan dan mewujudkan makmal-makmal bagi setiap fokus itu nanti. Makmal-makmal yang dibentuk akan melibatkan penyertaan jabatan serta agensi Kerajaan dan juga pemegang-pemegang TARO yang berkaitan. Justeru bila tiba masa dan waktu yang sesuai, akan melancarkan pelan Suara Hati Johor sebagai satu gerak kerja pelaksanaan dan kompas hala tuju berterusan demi melestarikan fokus-fokus itu nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, salah satu daripada fokus utama suara hati Johor ialah isu keselamatan. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat daripada Bukit Batu dan juga Johor Jaya, memang tidak dinafikan bahawa insiden-insiden jenayah berlaku di Negeri Johor. Namun, kita janganlah terpedaya dengan dakyah luar yang menyatakan bahawa negeri kita ini tidak selamat. Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia di Negeri Johor mencatatkan kadar penurunan 5.01% daripada Januari hingga ke hari ini berbanding tempoh yang sama untuk tahun lalu. Kadar penurunan ini sebenarnya menepati KPI yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Polis Diraja Malaysia Negeri

Johor. Dari peratusan ini, jenayah kekerasan menurun sebanyak 9.35 % setakat ini, manakala jenayah harta benda pula, menurun dengan 3.89% berbanding tempoh yang sama untuk tahun lalu. Dan untuk makluman Dewan, kadar peratusan jenayah di negeri ini sebenarnya telah pun menurun sejak 5 tahun berturut-turut.

Merujuk kepada Yang Berhormat Johor Jaya yang membangkitkan soal pemasangan kamera litar tertutup CCTV, hasil kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat sebanyak 1,467 CCTV telah dipersetujui untuk dipasang. Dan, 415 telah pun siap dipasang di dalam kawasan-kawasan Iskandar. Manakala sebanyak 142 CCTV yang dipasang telah pun beroperasi sepenuhnya dan selebihnya akan dipasang mengikut fasa-fasa yang telah pun ditetapkan.

Saya ingin tegaskan bahawa membanteras jenayah bukanlah tugas Polis Diraja Malaysia semata-mata. Ini adalah kerana keselamatan adalah tanggungjawab semua pihak dan pencegahannya tidak mungkin berkesan jika rakyat hanya menjadi penonton sahaja atau mereka sendiri mendedahkan diri mereka kepada bahaya jenayah. Jadinya, masyarakat juga perlu terlibat sama mencegah jenayah sama ada pada diri sendiri atau pun masyarakat setempat. Dengan izin, *community policing* merupakan contoh terbaik kerja sama antara pihak Polis dan orang awam bagi membanteras kegiatan jenayah dengan lebih efektif dan juga efisien. Setakat sekarang, penglibatan masyarakat amat menggalakkan dan menyumbang kepada penurunan kadar jenayah di negeri ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam usaha Kerajaan melihat soal keseimbangan negeri, bagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semarang, pihak Kerajaan tidak pernah sesekali meminggirkan pembangunan di daerah-daerah lain kerana kawasan-kawasan tersebut telah pun mempunyai perancangan pembangunan melalui rancangan tempatan daerah yang telah dikenal pasti hala tujunya. Sebagai contoh, bagi Daerah Johor Bahru, ianya dirancang untuk menjadi pusat perdagangan dan perkhidmatan bertaraf antarabangsa. Bagi Daerah Muar sebagai destinasi pelancongan warisan dan agro serta perindustrian berasaskan kayu dan produk kayu. Bagi Daerah Batu Pahat sebagai pusat perindustrian kluster tekstil dan juga sumber pertanian. Daerah Kluang sebagai pusat industri pembuatan, perkayuan dan pertanian moden. Daerah Segamat sebagai destinasi agro dan ekopelancongan, tanaman dusun dan pertanian. Daerah Kota Tinggi sebagai pusat pelancongan pantai dan semula jadi dan Daerah Mersing sebagai pusat pelancongan berasaskan pantai dan juga pulau.

Dengan mengambil kira kekuatan dan sumber ekonomi yang telah dikenal pasti di kawasan-kawasan tersebut, Kerajaan bercadang memperkenalkan pelan pertumbuhan strategik ekonomi negeri bagi melaksana dan menterjemahkan rancangan-rancangan tempatan daerah seperti yang telah dikenal pasti seperti mana yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh soal prestasi anak-anak syarikat milik Kerajaan Negeri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semarang, Kerajaan Negeri sentiasa memantau prestasi dan perkembangan anak-anak syarikat ini. Beberapa

GLC dilihat mempamerkan prestasi yang memberangsangkan dan ada pula yang sememangnya memerlukan penstrukturan semula.

Berkaitan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Stulang berkaitan kerugian hotel dan resort Jcorp sebanyak RM114 juta, sebenarnya kerugian yang dinyatakan adalah kerugian terkumpul yang dialami oleh Puteri Hotel Sdn. Bhd. berdasarkan kepada akaun beraudit berakhir pada 31 Disember 2010. Johor Corporation telah mengambil beberapa tindakan proaktif bagi memulihkan divisyen perhotelannya termasuk perubahan struktur pengurusan serta dengan izin, penubuhan *special administrative division* sejak daripada awal tahun 2013. Pemantauan secara berterusan oleh divisyen tersebut dan langkah-langkah positif yang diambil telah menampakkan pertumbuhan aliran tunai yang baik. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan kadar penginapan di dalam bulan Jun 2013 kepada 71% berbanding pada 49% pada bulan Disember pada tahun 2012.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat mengupas tentang soal pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Suka saya nyatakan, bahawa Kerajaan Negeri bertekad untuk terus menjadikan Wilayah Iskandar sebagai koridor utama pembangunan selatan tanah air. Oleh yang demikian, agenda perancangan dan pelaksanaan ini sedang giat dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan matlamat penubuhan Iskandar Malaysia ini benar-benar berjaya. Rakyat pada seketika nanti akan melihat Iskandar Malaysia menjadi pusat tumpuan dan limpahan bekalan modal insan yang bukan sahaja berpendidikan malah berkualiti dan berkemahiran tinggi sebagai teraju utama kepada setiap aktiviti ekonomi dan pembangunan di wilayah ini.

Pengwujudan pelbagai peluang pekerjaan baru untuk masyarakat, selain pelbagai peluang perniagaan baru untuk para usahawan tempatan, menempatkan pelbagai infrastruktur bertaraf antarabangsa termasuklah institusi-institusi pengajian tinggi, universiti dan kolej-kolej, hotel dan pusat-pusat pelancongan, taman tema, hospital dan lain-lain. Sistem pengangkutan awam yang di naik taraf untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan, efisien dan *reliable,* dengan izin bagi memenuhi permintaan dan kehendak kepesatan ekonomi wilayah ini. Pengwujudan lebih banyak dan naik taraf pelbagai kemudahan awam dan infrastruktur asas bertaraf dunia dan yang lebih sempurna seperti jalan raya, sistem saliran, perparitan dan lain-lain kemudahan untuk keselesaan penduduk. Pemuliharaan dan pemeliharaan sungai-sungai dan alam sekitar yang lebih sempurna, peningkatan serta pemeliharaan aspek keselamatan penduduk dan kesejahteraan awam melalui pelbagai pendekatan dan program, kawasan rekreasi dan taman-taman hijau yang kondusif demi untuk memenuhi kehendak pembangunan komuniti secara seimbang termasuklah untuk memenuhi kehendak dari golongan belia.

Di samping aspek pembangunan komersial, pembangunan fizikal dan pembangunan penempatan di Wilayah Iskandar Malaysia, Kerajaan Negeri juga akan memastikan aspek sosial berkembang seiring dengan 3 bentuk pembangunan tadi. Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui IRDA akan mewujudkan indeks sosial Iskandar yang berperanan menjaga keseimbangan pembangunan di kawasan tersebut. Sistem ini amat penting bagi memastikan setiap lapisan masyarakat di negeri ini mampu

mendapat manfaat dari pembangunan Iskandar. Dari sudut-sudut pendidikan, kesihatan, keselamatan awam, alam sekitar dan juga termasuk institusi kekeluargaan.

Datuk Speaker, merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Batu tentang kumpulan wang projek sosial, sebenarnya pelbagai program telah dianjurkan menggunakan dana daripada kumpulan wang ini. Antaranya, pembangunan modal insan dan peningkatan kualiti kehidupan. Contohnya, program motivasi *mind set inc,* dan program pendedahan kerjaya untuk sekolah rendah dan menengah serta program kepimpinan untuk majlis pimpinan muda telah pun dilaksanakan dengan jayanya. Dan saya memberi jaminan banyak lagi program-program akan kita anjurkan dan jayakan dalam kita memenuhi dan dalam kita mengatasi cabaran-cabaran yang berbangkit di kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar kesan daripada pembangunan yang ada pada hari ini.

Daripada penjelasan di atas, dapatlah kita rangkumkan bahawa inisiatif pembangunan Iskandar Malaysia akan banyak memberi manfaat kepada rakyat Negeri Johor pada hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada isu pembangunan di Pengerang yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Tangkak, Skudai, Bentayan dan juga Tanjung Surat. Kita berasa bertuah dan berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah menjadikan Pengerang sebagai Hab Industri Minyak Dan Gas. Di mana sektor ini telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara dalam Program Transformasi Ekonomi Malaysia.

Tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai, mengenai isu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tai Sin. Sebenarnya Kerajaan akan menggantikan sekolah ini di dalam plot A Pembangunan di Pengerang. Segala kerja-kerja pembinaannya dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Johor dan akan siap pada tahun 2015. Murid-murid yang ada sekarang ditempatkan sementara di Sekolah Yocka Pun, Rengit.

Berkaitan dengan dakwaan dua Tokong Cina di Teluk Empang. Sebenarnya tokong tersebut adalah di atas tanah persendirian yang mana syarat nyata tanah tersebut adalah untuk pertanian. Walau bagaimanapun, atas keprihatinan Kerajaan, tokong tersebut telah diberi pampasan untuk berpindah dan telah dibayar sepenuhnya pada 8 Februari 2013.

Berkaitan dengan isu yang ditimbulkan olah Yang Berhormat Tangkak untuk rumah penempatan sementara. Adalah dimaklumkan bahawa penempatan yang disediakan adalah meliputi dua kategori. Iaitu untuk mereka-mereka yang terlibat dengan pengambilan tanah, rumah kekal akan disediakan tanpa menginap di rumah *transit*. Manakala bagi mereka yang menyewa, mereka akan ditempatkan di rumah penempatan sementara dan mereka ini akan ditawarkan untuk membeli rumah-rumah kekal yang dibina dalam kawasan yang sama dengan mereka yang terlibat dengan pengambilan balik tanah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekadar ini sahaja yang dapat saya sampaikan bagi menjawab perkara-perkara dan soalan-soalan yang telah disentuh dan dibangkit oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, saya beri jaminan bahawa ia tetap diberi pandangan dan perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, satu Ucapan Menjujung Kasih sebagaimana berikut, "Ampun Tuanku adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini, mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan Yang Mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-13."

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan. Terima kasih.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN NEGERI JOHOR.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan, iaitu Dewan mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 103 di dalam Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor dengan keanggotaannya sebagaimana berikut:

1. Yang Berhormat Datuk Speaker, Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz sebagai Pengerusi
2. Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil
3. Yang Berhormat Datuk Haji Adam bin Sumiru
4. Yang Berhormat En. Azahar bin Ibrahim
5. Yang Berhormat Encik Raven Kumar A/L Krishnasamy
6. Yang Berhormat Encik Suhaimi bin Salleh
7. Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng
8. Yang Berhormat Encik Abdullah bin Hussin
9. Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

Jawatankuasa ini adalah berkewajipan memeriksa dan mengesyorkan pindaan-pindaan kepada Peraturan-Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan Negeri Johor kepada Dewan Negeri dan cukup bilang bagi Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan 3 orang Ahli. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN NEGERI.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 103 di bawah Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor, untuk menubuhkan Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Negeri dengan keanggotaannya seperti berikut:

1. Speaker Dewan Negeri Johor – Yang Berhormat Datuk Mohamad bin Haji Aziz sebagai Pengerusi
2. Yang Berhormat Datuk Haji Maulizan bin Bujang
3. Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor
4. Yang Berhormat Tuan Haji Rasman bin Ithnain
5. Yang Berhormat Encik Teoh Yap Kun
6. Yang Berhormat Puan Norshida binti Ibrahim
7. Yang Berhormat Encik Jimmy Puah Wee Tse
8. Yang Berhormat Encik Tan Hong Ping
9. Yang Berhormat Penasihat undang-Undang Negeri Johor
10. Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Johor

Jawatankuasa ini adalah berperanan menimbangkan apa-apa perkara yang menyentuh kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan Dewan Negeri yang diserahkan oleh Dewan Negeri kepadanya dan setelah itu mengeluarkan penyata mengenainya kepada Dewan Negeri. Cukup bilang bagi Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan 3 orang Ahli. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon membawa Rundingan, iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 110 (2) dibawah Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Kira-Kira Raya dengan dianggotai seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada 6 orang Ahli sebagaimana berikut:

1. Yang Berhormat Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali sebagai Pengerusi
2. Yang Berhormat Encik M. Asojan A/L Muniandy
3. Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon
4. Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba
5. Yang Berhormat Tuan Haji Razak bin Minhat
6. Yang Berhormat Encik Tan Chen Choon
7. Yang Berhormat Dr. Mohammad bin Taslim

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memeriksa kira-kira yang menunjukkan peruntukan wang yang dikurniakan oleh Dewan Negeri bagi membayar perbelanjaan awam. Memeriksa kira-kira yang dibentangkan dalam Dewan Negeri mengikut bagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa ini. Memeriksa Penyata Ketua Audit Negara yang dibentangkan dalam Dewan Negeri mengikut kehendak Jumlah Kata (2) bagi Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan. Meneliti apa jua kira-kira yang mungkin dirujukkan oleh Dewan Negeri kepadanya. Jawatankuasa ini juga dari semasa ke semasa akan mengeluarkan penyata atau laporan dalam hal pemeriksaan yang dilakukan bagi dibentangkan dalam Dewan Negeri. Cukup bilang bagi Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan 3 orang Ahli. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Datuk Speaker, Rundingan di bawah Peraturan Tetap Bilangan 32 (8). Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan…

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja, Peraturan berapa?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Peraturan Tetap 32 (8).

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya memohon membawa Rundingan di bawah Peraturan Tetap Bilangan 32 (8) untuk membawa Yang Berhormat Y.B. Mengkibol untuk ke Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Negeri atas sebab membawa orang luar ke dalam Dewan Negeri tanpa kebenaran di bawah Peraturan Tetap Bil. 11 dan 12 sekali dan orang luar tersebut didapati melakukan urusan yang mencurigakan di tempat duduk Ahli yang berkenaan.

Y.B. Datuk Speaker : Meneliti rundingan yang dibawakan oleh Ahli Yang Berhormat Pasir Raja dan diakui mustahak di bawah Peraturan Tetap Bil. 32 (8) dan saya menjemput 10 orang Ahli untuk bangun bagi menyokong. (Seramai 10 orang Ahli berdiri dan menyokong rundingan itu).

Oleh sebab Rundingan tersebut telah disokong, maka saya telah mengambil ketetapan supaya Yang Berhormat Mengkibol dirujuk ke Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Negeri.

Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2013.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon membawa Rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2013 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2013. Dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Datuk Speaker, tambahan peruntukan pembangunan ini merupakan tambahan yang pertama bagi tahun 2013. Tambahan peruntukan pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM18,230,000.00 di bawah 3 Jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Dan Perancangan Negeri Johor sebanyak RM13 juta.

2. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor sebanyak RM750,000.00.

3. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor sebanyak RM4,480,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Peruntukan Wang berjumlah RM750,000.00 bagi Maksud P51, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P51, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM750,000.00 bagi menampung kerja-kerja pembinaan pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Ledang yang dijangka siap pada 20.5.2013.

Y.B. Datuk Pengerusi: Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Peruntukan Wang berjumlah RM4,480,000.00 bagi Maksud P53 Kerajaan Tempatan Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P53, Kerajaan Tempatan Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM4,480,000.00. Di mana, sebanyak RM2,000,000.00 diperlukan bagi menampung projek membina dan menaik taraf landskap di hadapan Istana Besar dan Istana Bukit Serene Johor, sempena Majlis Pemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor. Manakala selebihnya sebanyak RM2,480,000.00 diperlukan bagi menampung pembiayaan projek mengatasi masalah banjir di Lembangan Sungai Stulang Johor.

Y.B. Datuk Pengerusi: Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah, supaya Peruntukan Wang berjumlah RM13,000,000.00 bagi Maksud P56, Pejabat Menteri Besar Johor, dipersetujukan.

Y.A.B. Menteri Besar: Yang Berhormat Datuk Speaker, peranggaran tambahan untuk Pejabat Menteri Besar ialah bagi Maksud Pembangunan P56, Pejabat Menteri Besar Johor yang memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM13,000,000.00, di mana sebanyak RM6,600,000.00 diperlukan bagi menampung projek pembangunan yang telah dipersetujui oleh Menteri Besar Johor. Manakala selebihnya sebanyak RM6,400,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan tambahan projek-projek, kerja-kerja kecil dan peruntukan untuk tujuan pembangunan masyarakat yang telah dipersetujui oleh Menteri Besar Johor.

Y.B. Datuk Pengerusi: Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Menteri Besar: Yang Berhormat Datuk Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 2, Tahun 2013 telah pun selesai ditimbangkan, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 2, Tahun 2013.

Dari itu, saya membawa rundingan, supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM18,230,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2013 itu, diluluskan oleh Dewan ini. Dan, dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM18,230,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 2013, bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2013 (NO. 1) TAHUN 2013.

Y.A.B. Menteri Besar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2013 (No. 1) Tahun 2013, dibaca kali yang pertama.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2013 Dan Bagi Memperuntukan Wang Itu Untuk Maksud-Maksud Yang Tertentu.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua, bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara, agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan peruntukan yang pertama bagi perbelanjaan bekalan tahun 2013. Tambahan peruntukan yang diperlukan, adalah sebanyak RM3,593,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam enakmen perbekalan tambahan di bawah 5 Jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, iaitu sebanyak RM2,050,000.00.
2. Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Johor, sebanyak RM36,000.00.
3. Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dan Kepenggunaan Negeri Johor, sebanyak RM15,000.00.
4. Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, sebanyak RM960,000.00.
5. Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani Negeri Johor, sebanyak RM532,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakman Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2013 Dan Bagi Memperuntukan Wang Itu Untuk Maksud-Maksud Yang Tertentu.

Y.B. Datuk Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Jadual.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM574,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi Kerajaan Tempatan dan RM133,000.00 bagi Maksud B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan, jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Kerajaan Tempatan, diperuntukkan sebanyak RM574,000.00 bagi menampung bayaran caruman batu kadar atas harta-harta Kerajaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan diperuntukkan sebanyak RM133,000.00 bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain jabatan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM15,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Pelancongan, jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Pelancongan, diperuntukkan sebanyak RM15,000.00 bagi menampung bayaran ganjaran dan gantian cuti rehat kepada anggota-anggota kontrak jabatan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM532,000.00 bagi Maksud B.07 Jabatan Pertanian Negeri Johor, jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM532,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah, supaya peruntukan wang berjumlah RM165,000.00 bagi Maksud B.12 Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Negeri Johor dan RM88,000.00 bagi Maksud B.13 Pejabat Perancang Bandar Dan Desa Negeri Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM165,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.13, Pejabat Perancang Bandar Dan Desa Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM88,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013.

Y.B. Datuk Pengerusi: Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM23,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Di bawah Maksud Bekalan B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM23,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang akan bersara pada tahun 2013.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM36,000.00 bagi maksud B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM36,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang akan bersara pada tahun 2013.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM20,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar, Johor, RM84,000.00 bagi Maksud B44, Pejabat Daerah Pontian, Johor, RM238,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat, Johor, RM156,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Kota Tinggi, Johor,

RM70,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing, Johor, dan RM82,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya, Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar, Johor, diperuntukkan sebanyak RM20,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang akan bersara pada tahun 2013.

Bagi bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian, Johor, diperuntukkan sebanyak RM105,000.00. Sebanyak RM84,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013, manakala selebihnya sebanyak RM21,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat, Johor diperuntukkan sebanyak RM238,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen untuk tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, Johor diperuntukkan sebanyak RM156,000.00, sebanyak RM154,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013 manakala selebihnya sebanyak RM2,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang akan bersara pada tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, Johor diperuntukkan sebanyak RM70,000.00, sebanyak RM50,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013 manakala selebihnya sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap jabatan. Dan, di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya, Johor diperuntukkan sebanyak RM82,000.00, sebanyak RM81,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen jabatan bagi tahun 2013 manakala selebihnya sebanyak RM1,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang akan bersara pada tahun 2013.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM109,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, Johor; RM22,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar, Johor; RM216,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM897,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, Johor; RM101,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya, Johor; RM11,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang, Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, Johor, diperuntukkan sebanyak RM109,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar, Johor diperuntukkan sebanyak RM22,000.00 bagi menampung

bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang akan bersara pada tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, Johor diperuntukkan sebanyak RM216,000.00, sebanyak RM181,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013 manakala selebihnya sebanyak RM35,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang akan bersara pada tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, Johor, diperuntukkan sebanyak RM897,000.00, sebanyak RM768,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013, sebanyak RM115,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan manakala selebihnya sebanyak RM14,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya, Johor diperuntukkan sebanyak RM101,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang, Johor diperuntukkan sebanyak RM11,000.00 bagi menampung pembelian aset jabatan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2013) (No. 1) Tahun 2013 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut : Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2013) (No. 1) Tahun 2013.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong rundingan itu.

Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh, jemput. Tak lebih 10 minit, kurang lagi baik.

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Selamat petang dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan menjunjung kasih terhadap titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Baginda Sultan Johor yang amat bermakna dan mendatangkan kesan yang tinggi serta mendalam kepada rakyat keseluruhan. Pada masa yang sama, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Johor yang telah membangunkan Negeri Johor ke satu tahap yang amat membanggakan. Mudah-mudahan Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Mohamad Khalid Nordin akan dapat meningkatkan lagi usaha membangunkan negeri serta memakmurkan rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun demikian, saya suka mencadangkan supaya Kerajaan BN yang memerintah pada hari ini dapat meningkatkan dan memperhebatkan lagi prasarana kawasan luar bandar bukan hanya setakat telah dibuat namun perlu penyelenggaraan yang teliti dan bermutu. Saya juga menyokong usaha Kerajaan BN pada masa ini yang banyak menitik beratkan pembangunan di kawasan Sabah dan Sarawak, namun jangan sampai meninggalkan atau mengurangkan usaha secara berterusan untuk terus membangun dan menaik taraf tahap kemudahan asas di kawasan luar bandar khususnya di Negeri Johor dan Mersing. Saya melihat masih banyak lagi kemudahan asas yang perlu dibangunkan dan dinaiktarafkan seperti pembersihan jalan ke kawasan peranginan di Tanjung Leman, pemasangan lampu jalan di sepanjang jalan dan persimpangan dalam kawasan gugusan Tenggaroh dan jalan-jalan yang terdapat di dalam kawasan FELDA dan Kampung Tradisional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga suka menarik perhatian supaya Kerajaan BN hari ini dapat memberi geran setiap penggal pada Wakil-wakil Rakyat BN. Geran ini bertujuan untuk memudahkan Wakil-wakil Rakyat menjalankan tugas secara lebih berkesan dan segera. Sebagai contoh jika berlaku sesuatu tragedi kebakaran, ribut serta kemalangan lain, dengan adanya geran ini, maka Wakil Rakyat dapat bertindak segera untuk tujuan menyelesaikan masalah rakyat yang sedang ditimpa kemalangan. Resit pembelian dan juga baucar penerimaan serta gambar-gambar boleh dijadikan sebagai bukti pengaliran dana tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara yang ketiga, ingin saya menyentuh berkaitan penggantungan penduduk bandar Mersing dan kawasan sekitarnya terhadap bekalan air yang dibekalkan melalui Loji Conggok di Tenglu. Loji ini banyak bergantung pada tadahan air hujan berbanding aliran air sungai semula jadi sebagaimana yang berlaku di kebanyakan tempat kawasan tadahan air. Saya suka mencadangkan supaya bandar Mersing dan kawasan sekitarnya mendapat bantuan bekalan air yang dibekalkan dari loji air FELDA Nita. Selain itu, juga usaha mencari punca kawasan baru untuk tadahan air bagi bekalan bandar Mersing dan kawasan sekitarnya perlu dilakukan memandangkan bandar Mersing akan mengalami pertambahan penduduk sepanjang tahun yang akan mendatang ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya, saya amat mengharapkan supaya ucapan saya dalam penangguhan ini dapat dipertimbangkan dan didengari demi kepentingan rakyat keseluruhannya. Saya mengakhiri ucapan saya dengan satu ungkapan, "berbelanjalah jika mahu keuntungan jangka panjang". Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat Tenggaroh. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Senggarang. Jemput, 10 minit.

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas pelantikan Yang Berhormat Datuk sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Johor. Tahniah juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Haji Mohamad Khalid bin Nordin di atas pelantikan Dato' Sri sebagai Menteri Besar Johor. Saya percaya, Kerajaan Barisan Nasional membuat pilihan yang tepat melantik Yang Amat Berhormat Dato' Seri sebagai Menteri Besar Johor. Ini berdasarkan pengalaman kelulusan perjuangan serta sifat semula jadi Yang Amat Berhormat, Dato' Sri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap Menteri Besar adalah bersesuaian dengan zamannya, cuma sebagai peringatan kepada mana-mana pemimpin di peringkat mana sekalipun *don't over stay your welcome* dengan izin. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih ke atas khidmat bakti yang telah disumbangkan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman sebagai Menteri Besar Johor yang lalu. Tahniah juga diucapkan kepada beliau kerana dilantik sebagai Pengerusi Syarikat Sime Darby. Semoga dengan pelantikan tersebut, ianya akan dapat memberikan lebih manfaat terhadap pembangunan Negeri Johor khasnya di Wilayah Iskandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif yang dihasilkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam membangunkan Negeri Johor melalui saluran Suara Hati Johor, amatlah bersesuaian dengan keadaan dan situasi dewasa ini, di mana rakyat terus dilibatkan di dalam menentukan hala tuju pembangunan Negeri Johor. Insya-Allah, Kerajaan yang pro rakyat dan pro aktif akan disokong rakyat, ini bersesuaian dengan slogan yang sinonim dengan Negeri Johor Darul Ta'zim iaitu "Muafakat membawa berkat".

Yang Berhormat Datuk Speaker, amatlah diharapkan pegawai Kerajaan di semua peringkat perlu mendukung semangat merakyatkan Kerajaan supaya ianya bukan sekadar slogan dan retorik semata-matanya. Konsep Muafakat Johor memang tepat ditekankan oleh Kerajaan Negeri kerana budaya ini adalah sebahagian daripada cara hidup rakyat Johor selama ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat Johor memang terkenal kerana mudah memberikan pandangan, memetik kata-kata daripada anak terbilang Johor iaitu Profesor Diraja Ungku Aziz, rakyat Johor lebih bersifat superioriti kompleks berbanding dengan sifat *superiority* kompleks yang dimiliki oleh rakyat di sebuah negeri di pantai timur. Sebab itu, Johor dapat melahirkan ramai pemimpin sama ada di peringkat Negeri Johor Darul Ta'zim sendiri mahupun di negeri-negeri lain dan di peringkat nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi jangan pula di dalam keghairahan kita menjadi pemimpin seperti setengah pemimpin pembangkang, isu remeh temeh sering diperbesarkan dan budaya kesangsian cuba diterapkan, ini akan melemahkan Budaya Muafakat Johor yang ingin disuburkan oleh Kerajaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan Negeri Johor maju menjelang tahun 2020, nasib setiap rakyat di pelbagai peringkat perlu dibela oleh Kerajaan Johor terutama sekali golongan belia dan wanita, diberikan fokus dan penekanan. Selama ini pun, golongan wanita Johor adalah penyokong kuat Kerajaan Barisan Nasional, maka golongan belia pula kental dengan sikap idealisme mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat mengharapkan Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Haji Mohamad Khalid bin Nordin tidak meminggirkan sesiapapun dalam membangunkan negeri ini, manakala pembangunan fizikal dapat dinikmati secara seimbang dan teratur di setiap daerah dalam Negeri Johor Darul Ta'zim. Walau bagaimanapun, dalam menjayakan pembangunan, sifat empati Kerajaan terhadap rakyat jangan sekali-kali diketepikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan atau pemerintah yang ideal dan bertanggungjawab, adalah Kerajaan yang dapat memberikan kebaikan dan kejayaan kepada rakyatnya, sama ada di dunia mahupun akhirat. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Senggarang. Sekarang, saya jemput, Yang Berhormat Buloh Kasap.

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillah hirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada seluruh Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian di dalam Dewan ini, sekali gus telah meraikan semangat demokrasi di Negeri Johor Darul Ta'zim. Hujah para Ahli Dewan juga, saya kira lebih matang dan intelektual, meski pun ada di antaranya cuba menyimpang daripada fakta yang sebenarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada sidang ini saya ingin mengambil peluang untuk memperkatakan tentang berapa isu yang dibangkitkan dalam sidang Dewan, demi kepentingan rakyat. Penubuhan Pusat Percetakan Al-Quran di Malaysia. Saya lihat, penubuhan Percetakan Al-Quran di Malaysia ini merupakan usaha yang sangat baik. Sebagai sebuah negara Islam, usaha ini jelas diperlihatkan untuk kita memperjuangkan syiar Islam, tidak pernah terhenti lebih lagi untuk diperhebatkan. Selain itu dengan kandungan ayat Al-Quran yang mengandungi 114 surah, 6,236 ayat dan lebih daripada 60,000 huruf, perlu diterjemahkan dengan lebih hebat melalui saluran-saluran yang betul, seperti pihak Sekolah Agama dan JAKIM untuk memastikan terjemahan yang lebih tepat dapat difahami sekali gus menyemarakkan lagi ayat suci al-Quran. Seperti mana yang kita sedia maklum, Al-Quran adalah satu-satunya mukjizat yang masih kekal di tangan umat Islam masa kini. Maka, usaha ini kita pasti menjadikan generasi sekarang dan generasi akan datang, generasi Al-Quran dengan menghayati, menerokai kandungan kitab suci Al-Quran dengan membaca serta memahami ayat demi ayat. Maka, Tuan Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong cadangan itu dengan sepenuhnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh daripada segi aspek pendidikan, kita sedia maklum pendidikan di Malaysia sangat baik dan kita tahu. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu teliti memastikan anak-anak yang bakal kita lahirkan, melalui sistem pendidikan, merupakan anak-anak yang berkualiti sebagai generasi pemimpin yang akan datang. Dan lebih penting anak-anak ini menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang terbaik. Maka, salah satu usaha demi memastikan lahirnya tenaga Sumber Manusia yang berkualiti, adalah memperkasakan sistem Pendidikan Vokasional. Hal ini kerana Sumber Manusia yang terlatih dan berkemahiran, adalah nadi penggerak utama dan ianya hasil Sumber Manusia di dalam pengurusan organisasi dan perkhidmatan yang telah mengaitkan sistem pendidikan Teknik dan Vokasional, dengan corak kemajuan dalam sistem pengurusan perkhidmatan dalam sebuah organisasi atau negara khasnya di Malaysia. Oleh yang demikian, di Malaysia melihat kemajuan di dalam sistem pengurusan organisasi dan perkhidmatan, maka perlulah satu gerakan khas dan tersusun dan bersepadu di semua peringkat untuk memperkasakan sistem latihan Teknik dan Vokasional yang sedia ada.

Pendidikan yang kita tahu ini, merupakan satu cabang pendidikan yang ditawarkan masa kini. Ia diwujudkan untuk memberi peluang pelajar untuk kecenderungan kepada sistem pendidikan Sains dan Teknologi untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di industri di dalam mahupun di luar negara. Bagi merealisasikan program pendidikan teknikal ini, banyak program berkaitan telah diwujudkan dan ditawarkan. Sistem latihan ini juga telah diperkenalkan di peringkat sekolah menengah lagi

sehinggalah peringkat ke universiti. Usaha ini bagi membolehkan pelajar-pelajar berpotensi di latih untuk menjadi tenaga kerja profesional dan separa profesional, di dalam pelbagai bidang teknologi dan kejuruteraan. Pendidikan Teknik dan Vokasional ini, sememangnya banyak membantu pelajar yang tercicir dalam pelajaran bersifat akademik tetapi berpotensi besar untuk menjadi insan yang cemerlang dalam bidang kemahiran, dan seterusnya dapat menjana ekonomi negara secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, sektor pendidikan selalu…

Y.B. Datuk Speaker : 2 minit lagi Yang Berhormat.

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Sikit lagi, Yang Berhormat Datuk Speaker. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan dapat membantu kita mengekal daya saing negara melalui peningkatan tahap pendidikan penduduk. Namun sekiranya perkembangan sektor tersebut, tidak selaras dengan keperluan perkembangan teknologi semasa, maka peranan ini mungkin akan terjejas. Sekiranya perkembangan ini menuntut kepada sesebuah masyarakat yang berteknologi tinggi, maka *trend* pendidikan ini, perlulah diwujudkan dan untuk memenuhi tuntutan semasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berbincang tentang pembangunan ekonomi, banyak perkara perlu diambil kira. Misalnya pembinaan lebuh raya yang memudahkan pengangkutan membawa bahan mentah keluar dan masuk ke kawasan kita. Pada masa yang sama, kita juga mencadangkan Kerajaan, untuk membuat kajian pembangunan jalan dari Muar ke Dumai melalui jambatan yang mungkin menelan belanja hingga ke berbilion ringgit. Alasan pembangunan ini kukuh kerana kita akan memerlukan lebih ramai tenaga kerja sekali gus menjana peluang pekerjaan yang lebih meluas. Saya yakin dan percaya setelah cadangan ini terlaksana, maka pelabur, pengguna, pemasaran khususnya di tempat saya sendiri, akan meningkat dan apabila adanya laluan alternatif yang lebih baik lagi. Langkah ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi tahap hidup masyarakat dan rakyat di kawasan sekitarnya. Maka usaha ini juga pasti disambut dengan baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya berharap segala isu yang dibangkitkan sebentar tadi, dapat diberikan perhatian yang sewajarnya dan menjadi perkongsian bersama. Sebagai individu yang telah diberikan kepercayaan oleh rakyat, kita melaksanakan amanah sebaik mungkin, insya-Allah. Sekian, wabillahitaufikwalhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Buloh Kasap. Sekarang saya jemput, Yang Berhormat Semerah.

Y.B. Encik Mohd Ismail bin Roslan (Semerah) : Bismillah hirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, Alhamdulillah, Semerah ingin mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat Semerah diberikan ruang pula dalam Ucapan Tangguhan Persidangan pada Penggal Persidangan Pertama bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada petang ini.

Semerah juga ingin merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih. Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, di atas Perasmian Pembukaan Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Ke-13 ini. Sesungguhnya segala usaha dan pandangan ke bawah Duli Tuanku dalam urusan pentadbiran dan pembangunan negeri tercinta ini, telah membenarkan apa yang disebut rakyat jelata sebagai "Raja Berdaulat, Payung Negeri". "Raja Berjiwa Rakyat". Semoga Allah melanjutkan usaha ke bawah Duli Tuanku dan menganugerahkan kemuliaan, kesejahteraan dan bertambah-tambah lagi darjat kebesaran. Usaha murni Tuanku menjelajah setiap pelosok negeri dengan membawa jenama Kembara Mahkota Johor, telah membawa pengertian yang cukup bermakna di hati rakyat. Rintihan rakyat didengari setiap tahun, dalam setiap edisi penjelajahan Tuanku. Fenomena seperti ini membuatkan Tuanku begitu dekat di hati rakyat. Dan rakyat sentiasa menanti kehadiran Tuanku dalam setiap penjelajahan kembaranya. Keprihatinan Tuanku, setiap melihat setiap inci masalah rakyat dan negeri. Justeru itu, sangat eloklah sekalian rakyat di Negeri Johor ini berpaut pada dahan kukuh penyatuan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi Semerah ingin mengambil ruang yang ada, untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pucuk pimpinan negeri yang baru iaitu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamad Khaled bin Nordin, Menteri Besar yang kita kasihi. Sesungguhnya pelantikan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, bukanlah sekadar kebetulan atau sekadar memenuhi syarat minima, tetapi berdasarkan kepada kemampuan dan kebolehan serta pengalaman luas Yang Amat Berhormat Dato Seri Menteri Besar, dan Semerah yakin Yang Amat Berhormat Dato Seri Menteri Besar, mampu menggalas tanggungjawab, cabaran, rintangan yang sedang berkembang biak dan akan menjelma sentiasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bila kita bercakap mengenai cabaran rintangan, sama ada kita suka atau tidak, kita tidak boleh melepaskan diri dari kemelut perpaduan yang ada pada hari ini. Dilihat ikatannya sangat longgar dan rapuh. Kebolehpercayaan antara satu sama lain untuk hidup bersama di bawah satu bumbung pentadbiran dan satu Kerajaan, telah dinodai dengan benih-benih hasutan kebencian yang bersangkar dalam jiwa anak negeri ini. Sama ada kita sedar atau tidak, rumpun bangsa saling meletakkan prasangka keji dan jijik untuk mengurus hidup mereka sendiri. Jika dahulu rakan-rakan berbilang kaum mempunyai rakan dan hubungan dengan bangsa lain, hari ini suasana demikian dilihat sangat jarang terjadi. Masing-masing lebih selesa duduk dalam ruang lingkup bangsa mereka sendiri. Berbincang dan memahami masalah bangsa dan emosi dan prasangka serta mengelirukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, suka Semerah mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat kita dalam Dewan ini, memanjangkan leher melihat berapa negara di rantau Asia Barat seperti Mesir dan Syria. Perbalahan dan pergolakan politik tanah air mereka, meskipun mereka tinggal dalam satu bangsa yang sama. Tetapi, akibat barah perpecahan telah merebak, api kebencian telah marak, nilainya dijual dengan harga nyawa manusia yang tidak bersalah. Bayi-bayi yang belum kenal erti kasih sayang, orang-orang tua yang sedang dalam harapan keampunan serta wanita-wanita yang lemah tidak

berdaya melawan. Merekalah, merekalah yang menjadi galang ganti kerana rakusnya manusia mengejar takhta. Ini dalam satu bangsa, Yang Berhormat Datuk Speaker. Apa yang akan terjadi jika berlainan bangsa dan adat budaya. Jawapannya ialah kemusnahan. Kemusnahan yang akan menjadi setelah perjuangan pejuang-pejuang kemerdekaan, meletakkan batu asas kejayaan. Renungkanlah. Semerah ingin menyatakan bahawa Semerah tidak rela negeri yang aman dan negara yang makmur ini dicemari oleh tangan-tangan kotor, yang menjadi boneka perancangan anasir luar. Dan sepatutnya sekalian Ahli Dewan yang Mulia ini, mempunyai pendirian yang sama. Kita bina kembali asas perpaduan antara kaum, sikap hormat menghormati. Fahami dan fahamkan konsep Jus Soli serta adat istiadat kaum yang ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan negeri ini perlu mendapat perhatian yang serius, khususnya melibatkan pembangunan harga tanah dan pembangunan sosial. Pembangunan holistik dan seimbang, adalah ramuan yang terbaik bagi mencapai hasrat negeri maju. Pembangunan Iskandar Malaysia benar-benar memberikan impak yang cukup besar kepada anak watan. Kewujudan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan semakin meluas. Begitu juga dengan pembangunan RAPID Pengerang di Kota Tinggi, Johor. Lokasi strategik ekonomi bakal melonjakkan negeri ini, berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Namun, atas nama pembangunan, Kerajaan juga harus sedar bahawa pembangunan modal insan yang mencakupi nilai agama dan budaya mestilah diberikan tempat dan kedudukan yang baik. Dalam masa yang sama, perlu ada satu elemen kerohanian di Iskandar Malaysia dan RAPID Pengerang. Ini disebabkan, manusia mudah lupa nilai kemanusiaan apabila berkejaran mencari aset dan ringgit. Kita tidak mahu nilai ini terhapus semata-mata mengejar nama sebagai negara maju. Penekanan kepada pengkayaan aspek kebudayaan, perpaduan dan keagamaan adalah nilai tambah yang sangat bermakna.

Y.B. Datuk Speaker : 2 minit lagi.

Y.B. Encik Mohd Ismail bin Roslan (Semerah) : Baik Datuk Speaker. Dunia moden hari ini semakin melupakan asal datangnya satu bangsa, malah melupai budaya mereka sendiri. Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata Semerah mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana berjaya mengendalikan Persidangan Pertama ini dengan cukup baik. (Dewan bertepuk). Berhemah. Berhemah dan menunjukkan ketokohan yang tiada tolok bandingnya. Berdasarkan pengalaman luas dalam politik negeri dan negara. Mudah-mudahan untuk persidangan seterusnya, persidangan akan berjalan dengan lancar tanpa sikap prejudis dan buruk sangka. Ingatlah, terbinanya bangunan keramat ini, bukannya tempat untuk kita bergaduh sesama kita. Tetapi tempat untuk menggalas dan melaksana tanggungjawab, tugas dan amanah bagi menggembirakan hati rakyat. Tidak kira sama ada mereka yang kita wakili atau tidak. Semerah mohon undur diri, Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Semerah. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Permai.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Haji Salleh (Bukit Permai) : Auzubillahiminasyaitanirrajim...

Y.B. Datuk Speaker : Sepuluh minit (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ali Mazat bin Haji Salleh (Bukit Permai): Terima kasih Datuk Speaker. Bismillahirrahmaanirrahim (baca doa). Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT, dengan berkat dan rahmat-Nya, dapat kita bersidang dala m Dewan yang mulia ini dengan aman dan tenteram dan dengan wajah yang berseri-seri sempena bulan Syawal yang mulia ini. Tidak lama lagi rakyat Malaysia akan menyambut Ulang tahun Kemerdekaan yang Ke-56. Tarikh 31 hari bulan 8 bukanlah satu tarikh yang sembarangan. Tarikh 31 hari bulan 8 ini kalau kita rujuk kepada Al-Quran, Surah 31 iaitu Surah Luqman ayat 8 (membaca surah). Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan beroleh syurga yang penuh dengan berbagai nikmat. Jadi, pada Dewan yang mulia ini, saya ingin membawa rakan-rakan Ahli Yang Berhormat khususnya yang beragama Islam untuk kita menghayati kemerdekaan ini dari sudut nikmat dan juga rahmat yang Tuhan berikan kepada bumi kita, khususnya Johor dan Malaysia amnya. Segala nikmat dan rahmat yang Allah kurniakan kepada orang-orang Malaysia hari ini kerana atas dasar iman dan beramal soleh. Sebab itu kita pada hari ini kena membentuk masyarakat kita dengan akidah yang betul, dengan keimanan yang kukuh supaya mereka dapat mengamalkan amalan-amalan yang baik dan murni untuk membangunkan negeri dan negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hari ini kita amat menyokong apa juga bentuk tindakan yang dilakukan oleh pihak Yang Berhormat Layang-Layang selaku EXCO Agama dalam membanteras fahaman syiah. Hari ini kita lihat banyak negara-negara Islam yang lebih dulu maju daripada negara Malaysia umpamanya Mesir, hari ini telah musnah, Syria juga musnah. Syria musnah, Syria musnah akhirnya kerana fahaman yang bertentangan dengan ajaran Allah SWT. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh kerana dalam perbahasan rundingan menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, saya tidak dapat menyampaikan banyak perkara tentang Bukit Permai, maka saya sangat berterima kasih di atas kesempatan ini kerana saya dapat menyambung sedikit tentang permasalahan di Bukit Permai.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, DUN Bukit Permai terdiri daripada kampung tradisi yang agak pedalaman dengan kemudahan yang terhad. Tidak ada satu pun kemudahan awan , Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dalam daerah Kulaijaya terletak dalam DUN Bukit Permai. Kesemuanya berada dalam DUN Senai yang sekarang ini telah pun bertukar angin. Penduduk-penduduk kawasan perkampungan Murni Jaya terpaksa memandu sejauh lebih kurang 90 kilometer untuk berurusan di Pejabat Pos, Pejabat Kadi, urusan dengan Majlis Perbandaran untuk membayar cukai tanah di Pejabat Daerah Kulaijaya. Dan yang paling azab dan menyeksakan Datuk Speaker adalah ibu-ibu yang mengandung dari perkampungan Murni Jaya. Perkampungan Murni Jaya ini terdiri daripada enam kampung tradisi iaitu Kampung Sungai Siam, Sungai Besui, Kampung Murni Jaya, Kampung Seri Muar, Kampung Sungai

Sayong 1, Kampung Sungai Sayong 2 dan FELDA Bukit Permai. Bagi ibu-ibu mengandung terpaksa mendapatkan rawatan bulanan sejauh 90 kilometer di Pusat Kesihatan Kulaijaya. Perkara ini sangat membebankan rakyat. Yang peliknya, Pusat Kesihatan di Pekan Layang-Layang yang jaraknya lebih kurang 15 kilometer tidak mahu menerima ibu-ibu mengandung yang berasal dari Kampung Murni Jaya dan FELDA Bukit Permai kerana kampung-kampung ini dikatakan berada di dalam daerah Kulaijaya. Bayangkan Datuk Pengerusi, bukan semua ibu-ibu mengandung ni ada kereta, ada motor. Ada yang terpaksa naik bas. Bayangkan untuk mendapatkan rawatan bulanan terpaksa...

Y.B. Datuk Speaker : Betul ke 90 kilometer tu?

Y.B. Encik Ali Mazat bin Haji Salleh (Bukit Permai) : Betul, kalau mengikut jalan raya. Datuk Pengerusi, betul Datuk Pengerusi, Datuk Speaker, betul. Yang Berhormat Layang-Layang boleh *confirm*. Saya meminta supaya perkara ini dapat diambil perhatian serius oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Apa salahnya Pusat Kesihatan di Layang-Layang menerima ibu-ibu mengandung dari kawasan perkampungan ini untuk di rawat dan diberikan perkhidmatan. Di samping itu juga, daerah Kulaijaya merupakan daerah baru yang di naik taraf sebagai daerah penuh pada 2007. Namun daerah Kulaijaya sepatutnya berhak mendapat pembangunan yang setanding dengan daerah-daerah lain. Saya mengharapkan banyak pusat-pusat pengajian tinggi ataupun institusi-institusi awam dapat di bawa masuk ke dalam DUN Bukit Permai. Bagi mencapai hasrat ini, saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sebuah bandar baru di kawasan DUN Bukit Permai untuk kita memberi harapan kepada masa depan rakyat dan anak-anak cucu di kawasan DUN Bukit Permai di masa hadapan.

Saya telah mengenal pasti sebuah kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai bandar baru yang sama setanding seperti Bandar Baru Jempol di Negeri Sembilan dan juga Bandar Tun Razak di Jengka, Pahang iaitu kawasan FELDA Taib Andak di mana terdapat kawasan-kawasan seluas 300 ekar milik FELDA di FELDA Taib Andak yang bersempadan dengan FELDA Inas yang boleh dimajukan kerana tanah ini bukan milik peneroka. Dan digunakan oleh pihak FELDA untuk tujuan *research and development*, dengan izin.

Y.B. Datuk Speaker : Dua minit lagi.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Haji Salleh (Bukit Permai): Terima kasih Datuk Speaker. Saya memilih kawasan ini kerana ia dikelilingi oleh 7 tanah rancangan FELDA yang terletak di Parlimen Tenggara yang bersempadan dengan DUN Bukit Permai iaitu FELDA Pasir Raja, FELDA Bukti Ramun, FELDA Bukit Besar, Sungai Sayong, FELDA Penggeli Timur, FELDA Sungai Sibol dan FELDA Linggiu dan kawasan ini juga bersempadan dengan Ladang Kulim di Sedenak di sebelah utaranya. Ini adalah komponen utama masyarakat FELDA ini merupakan komponen utama yang menggerakkan ekonomi di daerah Kulaijaya satu ketika dulu. Dulu Kulaijaya adalah sebuah bandar koboi. Tetapi duit-duit masyarakat FELDA ini telah memungkinkan bandar Kulaijaya sekarang ini menjadi sebuah bandar yang maju. Jadi lebih baik kalau diwujudkan bandar baru ini

di kawasan FELDA sendiri supaya hasil orang-orang FELDA tidak mengalir ke tempat lain.

Justeru, saya mengharapkan pihak Kerajaan Negeri melalui Kulim Berhad yang bersempadan dengan tanah FELDA ini dapat duduk semeja dengan pihak FELDA atau FGV, FELDA Global Ventures untuk membincangkan lebih lanjut tentang cadangan saya ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali, saya berharap semoga keberadaan kita semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini boleh mendatangkan kebaikan kepada rakyat di luar sana yang telah memberi kepercayaan kepada kita untuk menjadi wakil mereka. Semoga apa yang disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini akan diberi perhatian yang sangat serius oleh pihak Kerajaan dan juga jabatan-jabatan lain yang berkenaan dan mesti ada tindakan dan langkah susulan diambil selepas ini. Janganlah perkara yang dibangkitkan dalam Dewan ini dibiarkan bertahun-tahun dan hanya diambil tindakan bila tiba musim pilihan raya sahaja. Kerajaan yang dipilih pada hari ini mestilah Kerajaan yang proaktif, efektif dan memberi kesan langsung kepada rakyat dengan kadar yang segera.

Justeru saya menyeru pihak Kerajaan melalui UPEN melihat semula janji-janji dan komitmen Kerajaan yang telah dibuat oleh Kerajaan penggal yang lepas terutamanya projek-projek pembangunan luar bandar yang telah dijanjikan oleh penduduk-penduduk luar bandar. Saya yakin dan percaya, sekiranya kita sebagai Kerajaan menganggap semua perkara yang dibangkitkan oleh Kerajaan in penting, insya-Allah saya yakin rakyat akan terus memberi kepercayaan dan mandat kepada Barisan Nasional untuk terus memimpin mereka bukan sahaja penggal ini, penggal akan datang, malah akan berterusan selagi ada bulan dan bintang.

Sekian, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukti Permai. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT, Alhamdulillah. Alhamdulillah saya ucapkan. Dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Dewan sekali gus dapat memastikan sidang Dewan kali ini berjalan dengan lancar.

Oleh demikian, atas komitmen berterusan yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan yang bersama-sama kita sepanjang Persidangan ini, sukacita saya menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan menikmati jamuan minum petang yang disediakan di Dewan Jamuan.

Dengan ini, saya tangguhkan Persidangan ini ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak, insya-Allah. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:15 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Penolong Jurutulis
Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

Koordinator
Puan Asiah binti Moklis

Setiausaha Pejabat
Puan Norliza binti Md. Aris

Pembantu Penerbitan
Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Am Pejabat
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Hamdan bin Markom
Encik Mohd. Norazri bin Kasim
Encik Mohd. Sapri bin Manan

Setiausaha Pejabat
Puan Saniah Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Hajah Zalinah binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Pejabat Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan
Desa Negeri Johor

Puan Raihanah binti Ismail
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat Ketua Penolong Setiausaha
SUK (Bahagian Kerajaan Tempatan)

Puan Sarimah binti Said
Pejabat Tanah dan Galian Johor

Puan Iza Hasima binti Mohamad Hashim
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)

Puan Haironisha binti Zainal Abidin
Pejabat Setiausaha Politik
Kepada YAB Menteri Besar Johor

Puan Nur Adeliah binti Abidi
Pejabat Pengarah BAKAJ Negeri Johor

Puan Nurul Ain binti Zainal Abidin
Pejabat Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Norhafizah binti Osman
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor

Puan Nuraini binti Mohd. Alip
Pejabat Taman Negara Negeri Johor

Puan Sharifah Nur Ashikin binti Syed Omar
Pejabat Pengarah Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor

Puan Zakiah binti Abd. Wahab
Pejabat Majlis Sukan Negeri Johor

Puan Fakhrinnazia binti Fuad
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Nor Wahidah binti Elias
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Suzana binti Abd. Wahab
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Hajah Rahimah binti Akhbar
Pejabat Speaker Dewan Negeri Johor

Rakaman
Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin
Jabatan Penerangan Negeri Johor

PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR

28 Oktober 2013